

Permata Berharga
untuk
Para Pengunjung

*Al-Madinah
Al-Munawwarah*

Permata Berharga
untuk
Para Pengunjung
Al-Madinah
Al-Munawwarah

Md Zuraini Mashrom
Mohd Syukri Yeoh Abdullah
Syabuddin Gade

PENERBIT UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
BANGI • 2018
<http://ukmpress.ukm.my>

Cetakan Pertama / First Printing: 2018
Hak Cipta / Copyright Universiti Kebangsaan Malaysia, 2018

Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukarkan ke dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang alat juga pun, sama ada dengan cara elektronik, gambar serta rakaman dan sebagainya tanpa kebenaran daripada penerbit UKM terlebih dahulu.

All rights reserved. No part of this publication may be reproduced or transmitted in any form or by any means, electronic or mechanical, including photocopy, recording, or any information storage and retrieval system, without permission in writing from Penerbit UKM.

Diterbitkan di Malaysia oleh / Published in Malaysia by
PENERBIT UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
43600 UKM Bangi, Selangor D.E., Malaysia
<http://ukmpress.ukm.my>
e-mail: penerbit@ukm.edu.my

Penerbit UKM adalah anggota / is a member of the
MAJLIS PENERBITAN ILMIAH MALAYSIA /
MALAYSIAN SCHOLARLY PUBLISHING COUNCIL
PERSATUAN PENERBIT BUKU MALAYSIA /
MALAYSIAN BOOK PUBLISHERS ASSOCIATION
No. Ahli / Membership No. 198302

Dicetak di Malaysia oleh / Printed in Malaysia by
UKM CETAK SDN. BHD.
Aras Bawah, Bangunan Penerbit UKM
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
43600 UKM Bangi, Selangor D.E., Malaysia

Diatur huruf di Malaysia oleh / Typesetting in Malaysia by
MASSA CREATIVE ENTERPRISE
No. 29, Jalan 10/9
Taman Shuhelin Perkasa
56100 Cheras, Kuala Lumpur

Perpustakaan Negara Malaysia

Data-Pengkatalogan-dalam-Penerbitan
Cataloguing-on-Publications-Data

Md. Zuraini Mashrom

Permata Berharga untuk Para Pengujung Al-Madinah Al-Mawwarah /

Md. Zuraini Mashrom, Mohd Syukri Yeoh Abdullah, Syabuddin Gade.

I. Da'wah (Islam), 2. Muslim pilgrims and pilgrimages--Saudi Arabia--Medina,

3. Government publications--Malaysia. I. Mohd Syukri Yeoh Abdullah.

II. Syabuddin Gade. III. Judul.

297,74

[ISBN 978-967-412-585-1]

Kandungan

	<i>Prakata ... 7</i>
BAB 1	Pendahuluan ... 9
BAB 2	Riwayat Hidup Pengarang Manuskrip ... 30
BAB 3	Permata Berharga untuk Para Pengunjung Al-Madinah Al-Munawarah ... 64
	<i>Lampiran ... 337</i>
	<i>Rujukan ... 341</i>
	<i>Indeks ... 351</i>

Prakata

Puji-pujian dan syukur dipanjang kepada Ilahi kerana dengan rahmat dan izin-Nya, *Permata Berharga Untuk Para Pengunjung al-Madinah al-Munawwarah* Kod: FRGS/1/2016/WAB04/UKM/02/2 ini dapat disempurnakan. Kajian ini dilakukan ke atas kesempurnaan melihatkan pelbagai pihak pengurusan ATMA, terutama sekali bantuan Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA), Universiti Kebangsaan Malaysia.

Permata Berharga untuk Para Pengunjung al-Madinah al-Munawwarah adalah berasal dari kitab manuskrip yang berjudul Al-Durrah al-Thaminah Fima Li Zairi al-Nabi Ila al-Madinah al-Munawwarah, karya seorang ulama Haramayn, iaitu Shaykh Ahmad al-Qushashi abad ke-17 Masihi. Shaykh Ahmad al-Qushashi memiliki ramai murid Melayu di seluruh Alam Melayu sama ada secara langsung mahupun secara tidak langsung. Antara murid-murid Melayu belajar secara langsung dari beliau ialah Shaykh Abdul Rauf Ali al-Fansuri al-Singkili dan Shaykh Yusuf al-Makassari. Manakala para murid Melayu yang ada hubungan pertalian sanad dengan beliau sama ada dari segi institusi, pengajian ilmu, amalan mahupun tarekat, seperti Tok Pulau Manis di Terengganu, Shaykh Daim di Sulawesi, Shaykh Burhanuddin Ulakan di Padang, Sumatera Barat, Shaykh Abdul Muhyi Pamijahan, Tasik Malaya, Tegal, Ceribon, Jawa Barat, Shaykh Daud al-Fatani, Shaykh Ahmad al-Fatani dan Shaykh Ahmad Zain al-Fatani di Fatani, Shaykh Abdul Samad al-Pilambani di Kedah, Wan Ali Kutan dan Tok Kenali di Kelantan.

Oleh kerana hubungan pertalian sanad yang mendominasi hampir seluruh Alam Melayu. Maka usaha mencari, mengumpul dan mengkaji karya-karya Shaykh Ahmad al-Qushashi, dan seterusnya diterbit dan dicetak semula ke seluruh Alam Melayu. Shaykh Ahmad Qushashi berjaya menghasilkan sekitar lebih daripada 70 karya yang masih tersimpan dalam bentuk manuskrip di pelbagai perpustakaan seluruh dunia Islam. Buku ini adalah salah satu usaha penterjemahan yang menggunakan

pendekatan *tahqiq* untuk disebar semula kepada masyarakat Melayu hari ini.

Md Zuraini Mashrom
Mohd Syukri Yeoh Abdullah
Syabuddin Gade

Pusat Penyelidikan Manuskrip Alam Melayu (PPMAM),
Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA).

Bab 1

Pendahuluan

Pengenalan

Permata Berharga untuk Para Pengunjung al-Madinah al-Munawwarah adalah sebuah karya Shaykh Ahmad al-Qushashi dalam bentuk manuskrip yang masih berbentuk tulisan tangan asal. Salinan manuskrip sebanyak 157 muka surat berkenaan telah diperoleh melalui koleksi peribadi Prof. Madya Dr. Mohd Syukri Yeoh Abdullah, pensyarah kanan dan felo penyelidik serta Ketua Pusat Penyelidikan Manuskrip Alam Melayu (PPMAM) di Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA), Universiti Kebangsaan Malaysia. Ini adalah kesinambungan daripada kajian tesis Doktor Falsafah beliau yang berjudul *Pemikiran Dakwah Shaykh Abdul Rauf Ali al-Fansuri al-Singkili*. Kesinambungan kajiannya, beliau dengan berusaha mengumpulkan semua manuskrip (*makhtutat*) salasilah para guru Shaykh Abdul Rauf, antaranya teks yang diterjemah dan ditahqiq ini kerana beliau dibayar menjadi khalifah Shattariyyah oleh Abu Dahlan al-Fairusy al-Baghidady pada tahun 2001 dan memperoleh memperoleh ijazah rasminya pada tahun 2005. Pada tahun yang sama selepas khalwah (*suluk*)nya di bawah Shaykh Sapu Angin dari Ujung Kulon, Jawa, beliau juga memperoleh ijazah rasm: seperti paparan Jadual 2.2: Salasilah Pengajaran Ilmu kitab *Al-Durrah al-Thaminah fi ma li za'ir al-Nabi ila al-Madinah al-Munawwarah*.

Daripada Jadual tersebut menunjukkan bahawa kedua-dua sanad ini bertaut ke Shaykh Ahmad Qushashi, iaitu pengarang manuskrip yang akan dikaji ini. Naskhah manuskrip *Al-Durrah al-Thaminah fi ma li za'ir al-Nabi ila al-Madinah al-Munawwarah* diperoleh daripada *Dar al-Kutub al-Qawmiyyah, Qaherah*, dengan nombor rujukan 940 Tarikh Taymur.

Dalam teks tersebut dinyatakan bahawa ia telah ditulis oleh seorang murid Shaykh Ahmad al-Qushashi yang bernama Muhammad Fatahu 'Llah al-Qahuli di al-Madinah al-Munawwarah. Teks tersebut telah ditulis dengan sempurna pada hari Sabtu, 28 Rabiul Akhir 1304H./23 Januari 1887M. sebagaimana kenyataan penulisnya pada bahagian akhir teks yang ditulis dalam bentuk segitiga terbalik (mss. no. 940 tarikh taymur, hlm.

156-157). Lampiran B, iaitu muka hadapan *makhtutat* tercatat nama kitab, nama pengarang, doa agar kitab ini memberi manfaat kepada umat Islam dan selawat ke atas Nabi Muhammad SAW yang ditulis dalam bentuk dua segitiga terbalik (lihat lampiran A). Keseluruhan *makhtutat* ini pula secara umumnya telah ditulis dengan menggunakan tulisan *khat nasakh*. Namun ia turut bercampur dengan tulisan *khat riq'ah* (lihat lampiran B). Selain itu, menurut sumber *al-Madinah Research and Studies Centre* bahawa terdapat satu lagi salinan *makhtutat* teks berkenaan di Maktabah al-Haram al-Makki dengan nombor rujukan 19/al-dal/tarikh dan mikro filem dengan nombor rujukan 2375 (*al-Madinah Research and Studies Centre*, <http://www.al-madinah.org/madina/scripts.php?Op=details&scid=43> [21 Februari 2008]). Menurut sumber berkenaan, teks tersebut telah disalin semula pada hari Selasa, 30 Zulhijjah 1298H/22 November 1881M. oleh Muhammad bin Muhammad al-Shafi'i al-Ash'ari al-Khalwati al-Qadiri.

Antara faktor yang mendorong Shaykh Ahmad al-Qushashi menulis kitab ini adalah untuk memenuhi permintaan sahabat dan murid-murid beliau, sama ada yang datang berziarah maupun yang menetap di al-Madinah al-Munawwarah. Namun begitu, tidak dicatat nama para sahabat dan murid tersebut dalam teks (al-Qushashi, mss. no. 940, hlm. 129). Mereka (para sahabat dan murid) begitu tertarik untuk mengetahui dengan mendalam mengenai rahsia-rahsia dan kelebihan-kelebihan yang terdapat pada bumi Rasulullah SAW yang mulia sehingga dapat menimbulkan perasaan kasih dan cinta yang mendalam terhadap Baginda SAW.

Menurut Shaykh Ahmad al-Qushashi, mereka telah beberapa kali memintanya mengulang-ulang rahsia dan kelebihan al-Madinah al-Munawwarah. Permintaan mereka tidak dihamparkan oleh Shaykh Ahmad al-Qushashi apabila beliau mengulang kembali beberapa aspek tentang kelebihan al-Madinah al-Munawwarah pada bab kelima, iaitu "penutup" meskipun beliau telah pun menyatakannya pada bab pertama dalam teks tersebut. Berdasarkan keprihatinan Shaykh Ahmad al-Qushashi mengenai perkara ini (permintaan para sahabat dan murid), teks yang ditulis ini adalah hasil karya yang amat berharga tentang kelebihan al-Madinah al-Munawwarah serta adab-adab berkunjung ke al-Madinah al-Munawwarah dan menziarahi Rasulullah SAW. Ia bertepatan dengan nama *al-Durrat al-Thamīnah* (Permata Berharga) yang menjadi permulaan tajuk teks berkenaan. Teks ini menjadi lebih bernilai apabila penulisannya mencakupi aspek-aspek akidah, syariah dan akhlak secara harmoni dan bersepada bagi membuktikan kepentingan aspek-aspek berkenaan dalam ajaran Islam. Malah ia bukan sekadar menyampaikan ilmu dan maklumat berkaitan akidah, syariah dan akhlak bahkan turut juga disulami dengan rahsia-rahsia yang terkandung dalam perbicaraan

ilmu perjalanan rohani untuk memberi kesahaman yang mendalam tentang hakikat sesuatu perkara yang dibincangkan. Justeru, ia mempunyai kekuatan yang tersendiri dalam mendorong individu yang mempelajari dan mengkajinya untuk menyedari betapa agungnya kurniaan Allah SWT kepada Baginda Rasulullah SAW dan bumi al-Madinah al-Munawwarah yang wajib disyukuri. Keadaan ini akan dapat melahirkan keinsafan yang mendalam terhadap kebesaran Allah SWT dan keruliaan Rasulullah SAW di samping dorongan yang kuat untuk mencintai Baginda SAW melebihi kecintaan terhadap diri sendiri.


Nama Naskhah Manuskip

Teks ini diberi nama *al-Durrah al-Thaminah fi ma li za'ir al-Nabi ila al-Madinah al-Munawwarah*. Nama ini tercatat dalam teks manuskrip yang terdapat di *Dar al-Kutub al-Qawmiyyah, Qaherah*, dengan nombor rujukan 940, sebanyak 157 halaman koleksi peribadi Prof Madya Dr. Mohd Syukri Yeoh Abdullah. Ia juga terdapat di Maktabah al-Haram al-Makki sebagaimana yang dinyata oleh *al-Madinah Research and Studies Centre*. Sementara itu, catatan nama teks ini dan perakuan bahawa ia adalah hasil karya Shaykh Ahmad al-Qushashi telah dinyata Khayr al-Din Zirikli (2002, jil.1.: 239) dalam kitabnya *al-Flam Qamus Tarajim Li Ashhur al-Rijal wa al-Nisa' Min al-'Arab wa Mustaribin wa al-Mushtashiqin*.

Nama kitab ini pula mempunyai pengertiannya yang tersendiri dan dapat memberi gambaran awal terhadap nilainya. Ia boleh diuraikan seperti yang berikut:

1. *Al-Durrah* (الدُّرَّةُ) bererti "sebuah permata yang besar dan hebat" (Ibn Manzur, Jamal al-Din Muhammad bin Mukarram al-Ansari, t.th., jil. 5: 367).
2. *Al-Thaminah* (الثَّمِينَةُ) bererti "yang berharga". Ia diambil daripada perkataan *al-thaman* (الثَّمَانُ) yang bererti "harga jualan" dan "thaman" setiap sesuatu ialah "nilai harganya". *Al-Shay' al-Thamin* (الشَّيْءُ الثَّمِينُ) pula bermaksud "sesuatu yang berharga tinggi". (Ibn Manzur, Jamal al-Din Muhammad bin Mukarram al-Ansari, t.th., jil. 16, hlm. 233). *Fi Ma* (فِي مَا), mengandungi dua perkataan, iaitu *Fi* (في) dan *Ma* (ما). *Fi* (في) ialah *harf al-Jar* (جَارِ حُرْفٍ) yang membawa maksud *al-Zarfiyah* (Ibn Hisham, Abu Muhammad Abd Allah Jamal al-Din bin Yusuf al-Ansari, 1991, jil. 1: 191), iaitu bererti "pada" dan *Ma* (ما) ialah kata nama *al-Mawsu'* (الْمَوْسُو'ُونَ) yang bererti "sesuatu" (Ibn Hisham, 1991, jil. 1: 326).

JADUAL 1.1; Sanac Salasilah Pengajian Ilmu Kitab
al-Durrat al-Thominah Fi Ma Li Za'ir al-Nabi Ila al-Madinah
al-Munawwarah



Sumber: Manuscrip Silsilah Pengajian Ilmu, Zawiyyah Ujung Kulon, Batujen, Jawa Barat, Tengku Kud.
 Manuscrip Silsilah Pengajian Ilmu, Zawiyyah Tanoh Abee, Aceh , Tengku Kud.

3. *Li Za'ir*; (لِزَّارٍ), mengandungi dua perkataan, iaitu *li* (ل) dan *za'ir* (زَارٍ). *Li* (ل) ialah *harf al-Jar* yang bererti *istihqaq* (yang berhak) atau *ikhtisas* (yang khusus) (Ibn Hisham, 1991, jil. 1: 233). *Za'ir* (زَارٍ) pula ialah kata nama *fa'il* (فَاعِلٌ) daripada kata perbuatan (*al-fil*) *zara* (زَرَ). Ertinya ialah orang yang berziarah.

Al-Madinah (المدینة), iaitu kata nama *'alam* yang berasal daripada kata perbuatan *madana bi al-Makan* (مَدَنْ بِالْمَكَانِ) yang bererti *aqama* (اقْعَدَ), iaitu tinggal, atau daripada kata perbuatan *dana* (دانَ) dengan penambahan huruf mim (*al-Mim al-Za'idah*) yang bererti *ata'a* (أَطْاعَ), iaitu mentaati. Penggunaan kata nama *al-Madinah* dengan penambahan huruf *al-Alif* dan *al-Lam* hanya membawa maksud Madinah Rasulullah SAW dan penggunaannya terdapat pada beberapa tempat dalam al-Qur'an. Menurut Al-Samhudi, "Ali bin 'Abd Allah bin Ahmad al-Hasani, (1995, jil. 1: 22-23) bahawa penggunaan nama al-Madinah dalam al-Qur'an terdapat pada empat belas ayat. Namun, menurut Muhammad Fu'ad 'Abd al-Baqi, 1991: 837) hanya tiga ayat sahaja yang membawa maksud Madinah Rasulullah SAW. Ayat-ayat tersebut ialah:

a. Firman Allah SWT:

(وَمِنْ خَوَافِرِ مَنْ أَلْأَخْرَابِ مُنْتَهِيُونَ وَمِنْ أَهْلِ الْمَدِينَةِ تَرَكُوا عَلَى آتِيقَاتِ لَا تَعْلَمُنَّ حَنْ نَلَمِنَهُنَّ مُنْتَهِيُونَ إِذْ يَرْدُوْنَ إِلَى عَذَابٍ عَظِيمٍ)

Maksud ayat: Dan di antara orang yang di sekeliling kamu dari orang "Arab" ada yang bersifat munafik dan (demikian juga) sebahagian dari penduduk Madinah; mereka telah berkeras dengan sifat munafik; engkau tidak mengetahui mereka (bahkan) Kamiyah yang mengetahui mereka. Kami akan azabkan mereka berulang-ulang, kemudian mereka dikembalikan kepada azab yang besar.

(Al-Quran, al-Tawbah 9: 101)

b. Firman Allah SWT:

(۷) حَكَنَ لِأَهْلِ الْمَدِينَةِ وَمِنْ خَوْفِهِمْ بَيْنَ الْأَغْرِبَاءِ أَنْ يَتَخَلَّفُوا عَنْ رَسُولِ اللَّهِ وَلَا يَرْجِعُوا بِأَنْفُسِهِمْ عَنْ تَقْبِيَةِ دِينِكُمْ لَا يُصِيبُهُمْ طَمَاعٌ وَلَا نُصُبٌ وَلَا مُخْفِضٌ فِي سَبِيلِ اللَّهِ وَلَا يَنْظُرُوهُ إِذْ هُنَّا يَقْبِطُونَ الْكُفَّارَ وَلَا تَنْأَلُوهُمْ مِنْ عَذَابٍ يَمْلأُ إِلَيْهِمْ يَوْمَ يَوْمٍ عَفْنٌ صَلَحٌ إِنَّ اللَّهَ لَا يُصْبِغُ أَخْرَى الْمُخْبِرِينَ (۷)

Maksud ayat: Tidaklah patut bagi penduduk Madinah dan orang yang di sekeliling mereka dari orang “Arab” ketinggalan daripada (turut berperang bersama) Rasulullah; dan tidaklah patut mereka mengasihi diri mereka sendiri dengan tidak menghiraukan Rasulullah. Yang demikian kerana sesungguhnya (tiap-tiap kali) mereka merasai dahaga, dan merasai penat lelah, dan juga merasai lapar (dalam perjuangan) pada jalan Allah; dan (tiap-tiap kali) mereka menjajak sesuatu tempat yang menimbulkan kemarahan orang kafir; dan juga (tiap-tiap kali) mereka menderita sesuatu yang mencederakan dari pihak musuh, melainkan semuanya itu di-tulis bagi mereka (pahala) amal yang soleh. Sesungguhnya Allah tidak menghilangkan pahala orang yang berusaha memperbaiki amalannya.

(Al-Quran, al-Tawbah 9: 120)

c. Firman Allah SWT:

(۱۰۷) قُوْلُونَ لَيْنَ رُخْعَنَا إِلَى الْمَدِينَةِ لِتُخْرِجَنَّ الْأَعْزَمَ بِمِنْ أَلَّا لَيْلَنَّ دُلُو أَجْرَهُ زِيرُوْلَهُ وَالْمُرْجِيَّسَ وَلَيْكَيْ
الْمُنْفِقِيْرَ كَ لَا يَقْلُمُونَ (۱۰۷)

Maksud ayat: Mereka berkata lagi, “Demi sesungguhnya! Jika kita kembali ke Madinah (dari medan perang), sudah tentu orang yang mulia lagi kuat (pihak kita) akan mengusir keluar dari Madinah orang yang hina lagi lemah (pihak Islam). Padahal bagi Allah jualah kemuliaan dan kekuatan itu dan bagi rasul-Nya serta bagi orang yang beriman; akan tetapi golongan yang munafik itu tidak mengetahui (hakikat yang sebenarnya).

(al-Qur'an, al-Munafiqun 63: 8).

4. *Al-Munawwarah* (المنورۃ) menurut *al-Mirjam al-wasit*, (t.th., jil. 2; 1000), adalah kata nama *maf'ul* (اسم المفعول) daripada kata perbuatan *nawwara* (نور), bererti ada'a (اصاء), iaitu “yang memberi bercahaya”, *Al-Munawwarah* pula bererti “yang bercahaya”.

Berdasarkan huraian mengenai tajuk teks ini, dapat disimpul bahawa terjemahan yang sesuai bagi nama kitab ini ialah "Permata Berharga untuk Para Pengunjung Nabi SAW di *al-Madinah al-Munawwarah*." Ia menggambarkan bahawa kitab ini dapat memberikan sesuatu yang sangat penting dan berharga kepada orang yang menziarahi bumi mulia *al-Madinah al-Munawwarah*. Ia mengandungi pesan-pesan yang berguna kepada para pengunjung *al-Madinah al-Munawwarah*.

Pengarang Manuskrip

Naskhah manuskrip kitab *al-Durrah al-Thaminah Fi Ma Li Za'ir al-Nabiy Ha al-Madinah*. Dar al-Kutub al-Qawmiyyah, Qahirah, dengan nombor rujukan 940, sebanyak 157 halaman koleksi peribadi Prof. Madya Dr. Mohd Syukri Yeoh Abdullah, Felo Penyelidik dar. Ketua Pusat Penyelidikan Manuskrip Alam Melayu (PPMAM), Institut Alam dan Tamadun Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia. Halaman pertama menunjukkan bahawa manuskrip tersebut adalah benar-benar karya Shaykh Ahmad al-Qushashi, seperti dalam Lampiran B.

Kitab *al-Durrah al-Thaminah Fi Ma Li Za'ir al-Nabiy Ha al-Madinah*. Karangan Sayyid, Mawla dan Ustaz kami, yang menjadi ikutan para al-Arifin dan Murabiyy para al-Muridin, al-Shaykh al-Arif billah Azza wa Jalla, al-Shaykh Ahmad bin al-Marhum Muhammad bin 'Abd al-Nabiy al-Madaniy al-Dajany al-Anshariy yang bergelar al-Qushashi. Moga Allah mengurnia manfaat pada beliau dan ilmunya terhadap kaum muslimin, Perkenankan, Ya Allah!

Selawat dan salam Allah ke atas Penghulu Pemberi Syafaat, Pelindung dan Perbendaharaan kami, iaitu Nabi Muhammad SAW, juga ke atas kaum keluarga dan para sahabat Baginda, dengan sebanyak-banyak salam sehingga ke Hari Pembalasan, dan dengan selawat yang Engkau redha kepadanya dan meredhainya terhadap kami dengan selawat itu, Wahai Tuhan yang Maha Penyayang! Kurniakan juga ke atas kami bersama-sama dengan mereka.

Tahkik

Dalam kajian ini, terlebih dahulu dilakukan terjemahan dari bahasa Arab ke bahasa Melayu. Kemudian dilakukan kajian *tahqiq* ke atas terjemahan bahasa Melayu ini. Menurut Abd al-Salam Harun (1977: 42), *tahkik* ialah gerak kerja dan usaha secara bersungguh-sungguh penuh ketekunan dalam melakukan suatu proses mengesahkan sesuatu maklumat yang bertulis tangan sehingga dapat dibuktikan kebenarannya dengan memenuhi syarat-syarat tertentu. Proses mentashihkan sesuatu maklumat tersebut merangkumi judul teks asal sesuatu kitab, biografi pengarang, hubung kait karya dengan pengarang teks, isi kandungan (*matan*) dan asal teks (*matan*) sehingga hampir-hampir menyamai dengan teks sehenar.

Muhammad Saleh Nasr (2001: 74) menukil pandangan Ahmad Matlub menyatakan *tahkik* ialah usaha yang penuh ketekunan dalam mengamati teks asal tulisan tangan karya seseorang ulama silam sehingga ia hampir-hampir menyamai maksud sebenar pengarang asal karya tersebut, ia dibuat dengan penuh teliti dan dipastikan keesahannya agar dapat memberi manfaat yang begitu besar kepada umum. Pandangan lain, seperti Abdul Hadi al-Fadhli turut dinukil oleh Muhammad Saleh Nasr, bahawa *tahkik* adalah suatu ilmu yang mengkaji tentang kaedah-kaedah penyebaran dan ilmu karya-karya ulama silam melalui tulisan tangan. Kaedah mentahqiq adalah satu proses menganalisis sumber dan fakta dalam sesuatu teks dengan mengekalkan sejarah, pemikiran dan fakta yang ditulis oleh pengarang. Menurut Mat Saad Abd. Rahman, (1983: 1 – 13), kaedah mentahkik dapat dibahagikan kepada dua peringkat, iaitu: (i) Usaha mengumpul dan menyusun semula teks manuskrip. (ii) Usaha mentahkik secara langsung.

Menurut beliau lagi, tujuan sebenar mentahkik teks sesebuah manuskrip atau buku adalah untuk mendedahkanya di dalam bentuk yang betul seperti yang dikehendaki oleh pengarang asal. Sebelum melakukan proses tahkik beberapa syarat perlu dimiliki oleh seorang pentahkik:

1. Memiliki ilmu alat yang cukup bagi membantu proses tahkik, contohnya mempunyai kemudahan untuk memperoleh semua manuskrip yang diteliti dan ada kaitannya.
2. Memiliki dan menguasai bahan-bahan yang akan ditahkik, iaitu perlu menguasai semua karya pengarang manuskrip yang akan ditahkik, semua karya guru-gurunya, semua karya murid-muridnya dan semua karya seguru dengan pengarang manuskrip.

3. Memahami dan menguasai keseluruhan objek, iaitu manuskrip yang dikaji dan pemikiran pengarang yang terdapat dalam manuskrip tersebut.
4. Menguasai latar belakang sejarah sosio-budaya masyarakat naskhah manuskrip itu ditulis.
5. Menguasai istilah dan bahasa zaman dan daerah manuskrip itu dihasilkan.

Dalam proses tahkik beberapa langkah dan tahap perlu diteliti secara khusus, iaitu memastikan kesahihan manuskrip, menulis semula keseluruhan teks (*istiinsakh*) dalam tulisan rumi dengan meletakkan tanda-tanda bacaan yang sesuai (*taqrīm*) dan mengambil kira aspek kosa kata dan tatabahasa Melayu, meletakkan titik dan baris yang betul (*tagħrif wa tasqyif*). Selain daripada itu, perlu ada beberapa langkah, iaitu:

1. Tahkik Judul

Tahap awal ini memastikan kesahihan judul manuskrip. Terdapat sebilangan manuskrip besar yang tidak mempunyai judul disebabkan kerosakan manuskrip dimana zaman seperti lembaran pertamanya hilang atau judulnya terhapus kerana dakwatnya kembang atau berlubang kerana dimakan oleh ulat. Begitu juga manuskrip yang mempunyai judul tetapi itu bukan judul naskhaha asalnya sebenarnya. Ini disebabkan oleh kegiatan pemalsuan atau kejahanan pembaca yang mencari judul dalam naskhah tersebut. Dalam hal ini, seorang pentahqiq perlu teliti:

- a. Melihat pada teks naskhah lain pada zaman yang sama dan juga daerah yang sama bagi menjelaki gaya bahasa yang sama untuk mendapat judul sama.
- b. Untuk menentukan judul ses sebuah naskhah yang terhapus sebahagiannya adalah dengan cara mengetahui karya pengarang tersebut yang lain.
- c. Mencarigali buku ensiklopedia pengarang atau buku biografi untuk menjelaki pengarang manuskrip itu jika ada di dalamnya.

2. Tahkik Nama Pengarang

Tahap seterusnya ialah memastikan kesahihan nama pengarang

pada sesebuah naskhah manuskrip yang dikaji. Untuk mencari nama pengarang sesebuah naskhah yang tiada namanya adalah perlu menelesuri beberapa langkah, iaitu:

- a. Meneliti gaya tulisan yang sama pada naskhah manuskrip lain sebagai hujah penentuan nama pengarang sesebuah naskhah tersebut yang diteliti. Kadangkala ketemu penggunaan istilah rasmi naskhah manuskrip sebagai hujah pengarang hidup pada zaman tersebut.
 - b. Mencarigali melalui indeks perpustakaan atau buku ensiklopedia pengarang atau buku biografi untuk menjelaki nama pengarang manuskrip itu jika ada di dalamnya.
3. Tahkik Kesahihan Naskhah
- Terdapat pengarang berlainan yang mempunyai judul naskhah sama. Untuk memjecaki kesahihan naskhah manuskrip adalah hasil penulisan seseorang pengarang beberapa perkara yang perlu diteliti, iaitu:
- a. Melihat kepada isi kandungan, kehidupan ilmu pengarang zamannya, dan ungkapan gaya bahasa.
 - b. Perubahan usia pengarang menyebabkan berlaku berubahnya tahap pencapaian ilmu kerana meningkatnya pengalaman kegiatan hidup seperti menuntut ilmu, kawasan yang dilalui, orang yang ditemui dan kitab yang dibacanya.
 - c. Mencarigali melalui indeks perpustakaan, buku ensiklopedia pengarang dan buku biografi jika ada boleh mengukuhkan hujah bahawa naskhah adalah hasil penulisan pengarang yang dikaji.
 - d. Melihat usia pengarang adalah antara hujah kuat dalam menjelaki kesahihan naskhah yang ditulis oleh pengarang yang dikaji. Naskhah yang memiliki fakta sejarah selepas kematian seseorang pengarang, tidak boleh dikatakan ia adalah hasil tulisannya sebelum sejarah itu berlaku.
4. Tahkik Matan (Isi Kandungan) Naskhah
- Untuk menjelaki kesahihan matan (isi kandungan) naskhah, beberapa perkara yang perlu diteliti, iaitu:

- a. Perlu kumpul semua naskhah-naskhah manuskrip yang dikaji itu untuk diteliti tentang mana naskhah yang ditulis oleh pengarang dan yang lain adalah naskhah salinan yang dari naskhah asal.
- b. Perlu kumpul semua naskhah karya atau tulisan lain yang ditulis oleh pengarang naskhah manuskrip yang menjadi objek kajian. Perlu menguasai kesemua naskhah tersebut untuk mentashihkan matan (isi kandungan) naskhah obek kajian.
- c. Perlu kumpul dan menguasai semua naskhah karya guru-guru pengarang, semua naskhah karya teman seguru pengarang dan juga semua naskhah karya murid-murid pengarang untuk mentashihkan dan menganalisis bahasa, istilah, makna sesuatu perkataan, fakta yang dikemukakan matan (isi kandungan) naskhah objek kajian.
- d. Perlu mengumpulkan semua karya yang dirujuk oleh pengarang untuk mentashihkan nukilan-nukilan yang terdapat pada naskhah manuskrip yang menjadi objek kajian.
- e. Dalam melakukan proses tabik matan isi kandungan, seorang pentabik akan mencatat segala kesilapan kesalahan terdapat dalam naskhah manuskrip kajian akan dicatat sebagai nota peringatan pada *hashiah* (pinggir) naskhah atau di akhir naskhah dengan penjelasan pembetulannya. Tetapi jika kesalahan itu adalah dalil dari al-Quran, maka hendak dibetulkan mengikut asalnya dengan merujuk kepada mushaf dan juga merujuk kitab *Qira'at* dan kitab *Tafsir*. Namun begitu, tahqiq mengikut program komputer hari hanya dicatat di bahagian notakaki sahaja.
- f. Sementara nas hadis yang dirujuk pengarang dalam naskhah manuskrip yang dikeji, hendak dirujuk kepada kitab rujukan hadith dengan membaca dan *mentakhrijnya* dengan mengikuti metodologi takhrij hadis. Kalimah *takhrij* adalah berasal daripada kalimah “*Kha (خ)*” “*Ra (ر)*” “*Ja (ج)*”, iaitu kata terbitan خرج بخرج بخروج . Kalimah *Kharaja (خرجا)* bermaksud nampak dari tempat atau keadaannya, terpisah, kelihatan. Kata kerja ini yang lebih mendekati kepada

maksud sebenar takhrij hadith. Kalimah *al-Ikhraj* (الإخراج) pula bermaksud menampakkan. Maka, (افتجلحته في طبعه) ertiannya memperlihat hadith kepada orang dengan menjelaskan asal usul keluarannya (Muhammad Abu al-Lais al-Khair Abady, 2009: 15-16).

Manakala kalimah hadis pula adalah berasal daripada bahasa Arab yang mempunyai beberapa pengertian, antaranya baru, khabar atau berita, peristiwa atau kejadian yang berlaku, perutusan atau perkataan dan kisah atau cerita (Muhammad 'Ilaj al-Khatib, 1981). Dari segi bahasa pula ia mempunyai beberapa makna, antaranya *jadid* (baru), *qarib* (yang dekat, yang belum lama lagi terjadi) dan *khabar* (berita), iaitu “sesuatu yang ditutur dan dipindahkan dari seseorang kepada seseorang. Makna ini, diambil perkataan “hadis Rasulullah SAW” (T.M Hasbi Ash Shiddieqy, 1974: 20).

Oleh itu, yang dimaksud dengan takhrij hadis adalah merujuk kepada sumber aslinya, iaitu kitab asal yang mengeluarkan hadis tersebut dengan sanadnya dan menjelaskan statusnya ketika diperlukan (Mifdal 'Abd al-Rahman, 2008: 189; 'Imad 'Aliyy 'Abd al-Samī' Husain, 2009: 18). Manakala Muhammad Ibn 'Abd al-Rahman al-Sakhawiyy (1968: 2: 338) pula menjelaskan, seorang ahli hadis itu mengeluarkan hadis-hadis dari kitab *al-Ajza'*, *al-Mashikhat*, kitab-kitab hadith dan scumpamanya. Kemudian dia membawa hadis-hadits tersebut dengan periyawatan dari dirinya, sebilangan gurunya, kawan-kawannya atau selainnya. Seterusnya membaca hadis-hadis tersebut serta menisbahkannya kepada orang yang meriwayatkannya yang terdiri daripada pengarang-pengarang kitab dan catatan.

Takrif *takhrij* hadis sebagaimana yang dinukil Mifdal 'Abd al-Rahman dan 'Imad 'Aliyy 'Abd al-Samī' Husain yang akan diguna dalam kajian *takhrij* hadis ini, iaitu dengan cara merujuk hadis tersebut kepada sumber-sumber asal dan menjelaskan statusnya. Para ulama hadis telah menggariskan enam kaedah utama dalam proses pengtakhrijan hadis (Muhammad Abu al-Lais al-Khair Abady, 2009: 47), antaranya:

Kaedah Pertama: *Mentakhrij* dengan cara mengetahui lafaz awal pada matan hadis.

Cara ini adalah paling mudah dalam meniakhrij hadis berbanding kaedah lain, sekiranya perkataan yang ingin dicari adalah perkataan yang betul-betul di awal kalimah ('Aliyy Na'if Baqai, 2000: 115). Penggunaan cara ini akan lebih cepat menemukan status hadis tersebut

(Abu Muhammad 'Abd al-Mahdy bin 'Abd Qadir bin 'Abd Hady, 1994: 17). Cara ini memerlukan kitab hadis yang tersusun berdasarkan huruf abjad. Contohnya:

أبغض الحال إلى الله تعالى الطلاق

Maksudnya: "Perkara yang halal, tetapi sangat dimurka oleh Allah SWT adalah *al-Talaq* (talak)."

Cara pertama untuk mengetahui status hadis tersebut adalah dengan mengetahui kalimah pertama daripada ayat tersebut, iaitu kalimah yang bermula dengan huruf ﴿. Maka pencarian bermula dengan mencari huruf ﴿, kemudian mencari huruf keduanya ﴾ dan seterusnya, iaitu huruf ﴾ و dan ﴾ ص. Jika dirujuk kepada kitab *al-Tazkirah fi al-Ahadith al-Mustaharah* karangan al-Zarkashi, maka di dapat lafaznya berada pada bab yang pertama dan nombor hadis yang pertama dengan menyebut ia telah dikeluarkan oleh Imam Abu Dawud dan Imam Ibn Majah (Muhammad Ibn 'Abd Allah al-Zarkashi, 1986: 35). Cara ini telah diguna dalam kitab seperti berikut:

1. *Al-Jam'i al-Saghir Min Hadith al-Bashir al-Nazir*
2. *Al-Fath al-Kabir Fi Dhammi al-Ziyadah Ila al-Jamic al-Saghir*
3. *Jam' u al-Jayyamie Au al-Jamic al-Kabir*
4. *Al-Jam'i al-Azhar Min Hadith al-Nabiyy al-Anwar*
5. *Hidayat al-Bary Ila Tartib Ahadith al-Bukhary*
6. *Kunuz al-Haqiq Fi Hadith khair al-Khalq iq*
7. *Al-Maqasid al-Hasanah Fi Bayan Kathir Min al-Ahadith al-Mushtahirah cAla al-Alsinah*
8. *Kashfu al-Khafa Wa Muzil al-Ilbas Amma Ishtahara Min al-Ahadith Ala al-Sinah al-Nas*
9. *Asna al-Matalib Fi Ahadith Mukhtalifah al-Maratib*
10. *Miftah al-Sahihain*
11. *Al-Bugyah Fi Tartib Ahadith al-Hilyah*
12. *Miftah al-Tartib Li Ahadith Tarikh al-Khatib*
13. *Fihris Mu'jam al-Tabrany al-Saghir*
14. *Fihris Jam'i Bayan al-Ilm Wa Fadlih*
15. *Iqaf al-Akhbar 'Ala Ahadith Mushkil al-Athar*
16. *Anwar al-Bayan Fi Tartib Akhbar Asbahian*
17. *Masatih al-Dzahaban Li Tartib Ahadith Tarikh Asbahian*

Kaedah Kedua: Mentakhrij dengan mengenal pasti perkataan *gharibah* (ganjil).

Perkataan yang ingin ditakhrij hendaklah terdiri daripada kata nama (فِي، تَحْتَ، عَلَى) atau perbuatan (فعل) seperti (حِرْفٌ) seperti (اسم) tidak boleh dijadi asas untuk mentakhrij hadith melalui cara ini. Oleh yang demikian, seseorang pengkaji itu mestilah mahir dalam bahasa Arab kerana semakin gharib (ganjil) hadith itu semakin mudah hadith tersebut ditakhrijkan (Mohd. Muhiben Abd. Rahman, 2010: 258). Pengarang kitab takhrij yang menggunakan cara ini juga membatasi hadith-hadith tersebut hanya dengan menyebut nama kitab, bab, juzuk dan halaman (Abu Muhammad 'Abd al-Mahdy bin 'Abd Qadir bin 'Abd Hady, 1994: 60). Contohnya:

لَا يُؤْمِنُ أَحَدُكُمْ حَقَّ بِحُبِّ لَأَخِيهِ مَا يُحِبُّ لِنَفْسِهِ

Maksudnya: "Tidak sempurna iman seseorang itu, sehingga dia mengasihi saudaranya sebagaimana dia mengasihi dirinya sendiri."

Kalimah gharib yang terdapat dalam metan hadis tersebut ialah kalimah **حب**. Maka ia akan dijadi sebagai kata kunci dalam pencarian status hadith nanti. Langkah yang pertama ialah dengan mengembalikan kalimah tersebut kepada kata dasarnya, iaitu **حُبٌ**. Jika dirujuk kepada kitab *al-Mu'jam al-Mufahras Li al-Fadz al-Ahadith al-Nabawy*, karya A.J. Wensink, maka hasilnya dapat ditemui pada jilid yang pertama halaman 405 dalam bentuk **أَحَبٌ**. Adapun kalimah **حُبٌ** dapat dilihat pada halaman 407 dengan menyebut bahawa ia telah dikeluarkan oleh Imam Muslim, Imam Bukhary, Imam Tirmizi, Imam Nasai, Imam Ibn Majah, Imam al-Darimy dan Imam Ahmad bin Hambal. Metode ini telah diguna dalam kitab seperti berikut:

1. *Al-Mu'jam al-Mufahras Li al-Fadz al-Ahadith al-Nabawy*
2. *Fihris Sahih Muslim*
3. *Fihris Sunan Abi Dawud*

Kaedah Ketiga: Mentakhrij dengan cara mengetahui perawi a'la (pertama).

Cara ini memerlukan seseorang pengkaji itu mengetahui terlebih dahulu status perawi hadis tersebut sama ada mereka adalah sahabat ataupun tabi'in. Jika hadis tersebut dihubung kepada sahabat, maka ia dinamakan sebagai hadith muttasil dan jika ia dihubung kepada tabi'in, maka ia dinamakan sebagai hadis *mursal* (Muhammad Abu al-Lais al-Khair Abady, 2004: 91). Jika hadis tersebut dihubung kepada sahabat maka pencariannya akan dirujuk kepada kitab *al-Masanid* atau kitab

al-Mufajam, dan jika meneliti kepada keseluruhan hadis, maka kitab *al-Athraf* akan dijadi sebagai rujukannya (*Aliyy Na'if Baqa'i*, 2000: 102). Pengtakhrijan hadith melalui metode ini akan menjadi sulit jika pengkaji tidak mengetahui status perawi *al-* (pertama) tersebut (Abu Muhammad 'Abd al-Mahdy bin 'Abd Qadir bin 'Abd Hady, 1994: 78-79) dan mustahil ia dapat ditakhrijkan (*Mohd. Muhiden Abd. Rahman* (2010: 264). Contohnya hadis yang diriwayat oleh Jabir bin 'Abd Allah:

أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ:
”إِذَا خَطَبَ أَحَدُكُمُ الْمَرْأَةَ فَإِنْ أَسْتَطَعَ اسْتَأْتِنْهُ إِلَى مَا يَدْعُوهُ إِلَى نَكَاحٍ فَلَيَفْعُلْ.”

Maksudnya: Rasulullah SAW telah bersabda, “Apabila kamu meminang seseorang perempuan dan ingin melihatnya, maka lakukanlah (dibenarkan untuk melihatnya).”

Langkah pencarian yang pertama ialah dengan mengenalpasti perawi tersebut sama ada sahabat atau tabicin. Maka didapati bahawa Jabir bin 'Abd Allah adalah salah seorang daripada sahabat Nabi SAW. Kemudian ditelusuri nama Jabir bin 'Abd Allah dalam urutan nama-nama sahabat. Lalu dianalisis kesemua hadis yang diriwayat Jabir bin 'Abd Allah ini bagi mencari hadis di atas. Jika dirujuk kepada kitab *Tuhfut al-Asyraf Bi Maqrifati ai-Athraf*, maka di dapati hadis tersebut dikeluarkan oleh Imam Abu Dawud dalam kitab *al-Nukuh* bab 19 dengan menggunakan sarad yang sama. Cara ini telah diguna dalam kitab seperti berikut:

1. *Tuhfah al-Asyraf Bi Maqrifati al-Athraf Li al-Hafiz al-Mizzi*
2. *Al-Nukat al-Zhiraf: A'lā al-Athraf*
3. *Ithaf al-Muharrrah Bi al-Fawa'id al-Mubtakirah Min Athraf al-'Asharah*
4. *Musnad al-Imam Ahmad bin Hambal*

Kaedah Keempat: *Mentakhrij* dengan melihat tematik (*mawdu'i*) hadith.

Pentakhrijan melalui cara ini adalah berdasarkan kepada tajuk atau tema hadith. Maksud dan inti pati hadis dijadi sebagai asas dan panduan dalam mentakhrij hadis (*Mohd. Muhiden Abd. Rahman*, 2010: 267). Cara ini memerlukan seorang pengkaji itu mahir tentang kandungan hadis tersebut. Ia akan menjadi sukar jika pengkaji tersebut gagal memahami tema yang dibawa dan akibatnya hadis tersebut tidak dapat ditakhrijkan. Kerap kali hadis itu memiliki lebih daripada satu tema (Abu Muhammad 'Abd al-Mahdy bin 'Abd Qadir bin 'Abd Hady, 1994: 122 - 123). Umpamanya hadis:

بني الإسلام على خمس: شهادة أن لا إله إلا الله وأن محمدا رسول الله وإقام الصلاة وإيتاء الزكاة وصوم رمضان وحج البيت لمن استطاع إليه ميلا.

Maksudnya: "Dibinanya Islam itu di atas lima perkara: Penyaksian bahawa tiada tuhan yang disembah melainkan Allah SWT dan Nabi Muhammad SAW itu adalah utusan-Nya, mendirikan solat, mengeluarkan zakat, berpuasa di bulan Ramadhan dan meruunaikan haji bagi yang berkemampuan."

Terdapat beberapa tema dalam hadith di atas ini, seperti Iman, Tauhid, Shalat, Zakat, Puasa dan Haji. Perkara ini boleh timbul salah faham terhadap pengkaji jika tema hadis tersebut tidak jelas atau memiliki beberapa tema. Walau bagaimanapun, keistimewaan metode ini adalah kerana ia tidak memerlukan maklumat tambahan selain nas atau teks hadis, bahkan makna atau maksud hadis sucih memadai untuk dijadikan asas bagi mentakhrij hadis (Mohd. Muhiden Abd. Rahman, 2010: 268). Contoh cara pentakhrijan hadis berdasarkan metode ini adalah berikut:

لَا حَسْدُ إِلَّا فِي اثْنَيْنِ رَجُلٍ أَتَاهُ اللَّهُ قُرْآنًا فَهُوَ يَقُولُ بِهِ أَنَّهُ اللَّيْلُ وَأَنَّهُ النَّهَارُ
وَرَجُلٌ أَتَاهُ اللَّهُ مَالًا فَهُوَ يَنْفَقُهُ أَنَّهُ اللَّيْلُ وَأَنَّهُ النَّهَارُ

Maksudnya: "Tidak ada kedengkian melainkan pada dua tempat sahaja, iaitu: seorang lelaki yang dikurniakan oleh Allah SWT kepandaian membaca al-Quran dan dia melaziminya pada siang dan malam harinya, dan seorang lelaki yang dikurniakan oleh Allah SWT harta dan dia menginfakannya pada siang dan malam harinya."

Tema hadis di atas adalah berkenaan kelebihan al-Quran dan sedekah. Jika dirujuk kepada kitab *Kanz al-'Ummal Fi Sunan al-Aqwal wa al-Af'āl* karangan Shaykh Imam 'Alīn Kabir Muḥaddith 'Alyy bin Hishamuddin 'Abdī Malīk bin Qādhi Khān, pada bab Fadhl al-Quran (kelebihan al-Quran), maka didapati lafadznya berada dalam bab al-Adzkar (dhikr-dhikr), iaitu pada bab yang ketujuh fasal yang pertama. Hadith yang bernombor 2339, halaman 522 pada juzuk pertama dengan menyebut ia telah dikeluarkan oleh Imam Ahmad, Imam Bukhary, Imam Muslim, Imam Tirmizi dan Imam Ibn Majah daripada Ibn 'Umar. Metode ini telah diguna dalam kitab, seperti berikut:

1. *Kitab Kanz al-'Ummal Fi Sunan al-Aqval wa al-Af'ali*
2. *Kitab Muntakhab Kanz al-'Ummal*
3. *Kitab Miftah Kunuz al-Sunnah*
4. *Kitab al-Mugnī an Haml al-Asfar Fi al-Asfar Fi Takhrij Ma Fi al-Ihya' Min al-Akhbar*
5. *Kitab Nashb al-Rayah Fi Takhrij Ahadith al-Hidayah*
6. *Kitab al-Dariyah Fi Takhrij Ahadith al-Hidayah*
7. *Kitab al-Talkhish al-Habir Fi Takhrij Ahadith al-Rāfi'i al-Kabir*
8. *Kitab Muntaqa al-Akhbar Min Hadith Sayyidi al-Akhbar S.A.W*
9. *Kitab Butūgh al-Muram Min Jam'i Adillat al-Ahkam*
10. *Kitab Taqrib al-Asanid wa Tartib al-Masanid*
11. *Kitab al-Targhib wa al-Tarhib Min al-Hadīth al-Syarīf*
12. *Kitab al-Zawajir 'an Iqīraf al-Kaba'ir*
13. *Kitab al-Durrū al-Manṣur Fi al-Tafsīr bi al-Ma'ṣur*
14. *Kitab Fath al-Qadir al-Jamī' Baina Fannā al-Riwayah wa al-Dirayah Fi 'Ilmī al-Tafsīr*
15. *Kitab Tafsīr al-Qurān al-'Adzīm*
16. *Kitab al-Khasa'is al-Kubra @ Kifayah al-Thalib al-Labib Fi Khasa'is al-Habib*
17. *Kitab Manāhil al-Safa Fi Takhrij Ahadith al-Shifa*
18. *Kitab Sirah Rasūllah S.A.W*
19. *Kitab Subul al-Huda wa al-Rashad Fi Sirah Khair al-'Ibad wa Dzikri Fadha'ihi wa A'lami Nubūwatihi wa Af'alihī wa Ahwalihī Fi al-Mabda' wa al-Maqād.*

Kaedah Kelima: Mentakhrij dengan meneliti status hadis.

Cara ini adalah berdasarkan kepada sifat-sifat hadis yang ada padanya sama ada dari segi jenis dan bentuk hadis ataupun dari segi statusnya. Sifat-sifat tersebut juga meliputi matan dan sanad. Contohnya kitab Hadis *al-Mutawatirah*, Hadis *al-Qudusiyah*, Hadis *al-Sahihah*, Hadis *al-Dhārifah*, Hadis *al-Maudhu'ah*, Hadis *al-Musalsalah*, Hadis *al-Mu'allat*, Hadis *al-Mursalah*, Hadis Riwayat *al-Anba' 'an al-Aba'*, Hadis *al-Mushtaharah* dan sebagainya (*'Aliyy Na'if Baqā'i*, 2000: 121; Mohd. Muhiben Abd. Rahman, 2010: 271). Kelebihan cara ini adalah ia memudahkan proses pencarian hadis kerana sebahagian besarnya terdapat dalam karya-karya ulama yang bersifat tematik (*maw'hifi*). Penganalisisannya hanya dilihat kepada status hadis tersebut. Dengan membuka kited-kitab seperti ini bererti sudah melakukan pentakhrijan hadis (Abu Muhammad 'Abd al-Mahdy bin 'Abd Qadir bin 'Abd Hady, 1994: 195). Para pengkaji tidak perlu memerah keringat dan usaha yang kuat dalam menggunakan cara

ini kerana mereka hanya perlu mengetahui status hadis tersebut sebelum merujuknya kepada kitab yang sesuai (Muhammad Abu al-Lais al-Khair Abady, 2004: 151).

Kaedah Keenam: *Mentakhrij* secara kajian dan bacaan yang menyeluruh.

Cara ini sangat memerlukan kepada pembacaan dan kajian yang mendalam terhadap hadis yang ingin ditakhrij dengan cara melakukan rujukan pada helaian-helaian buku dan kitab. Ia tidak berkait dengan kelima-lima metode yang lepas, malah ia adalah metode yang khusus, iaitu hanya melalui pembacaan yang teliti dan menyeluruh terhadap hadis yang ingin ditakhrijkan. Oleh yang demikian, ia sangat memerlukan masa dan kesungguhan dalam proses penelitian sesebuah hadis kerana ia harus diteliti satu persatu hadisnya (Muhammad Abu al-Lais al-Khair Abady, 2004: 162&168). Metode ini telah diguna dalam kitab seperti berikut:

1. *Al-Mu'jam li Abi Sa'id Ahmad bin Muhammad Ziyad*
2. *Al-Mu'jam al-Ausad li Tabrani*
3. *Al-Mu'jam al-Saghir li Tabrani*
4. *Al-Mu'jam Shuyukh li Abi al-Husain Muhammad bin Ahmad bin Muhammad*
5. *Ikhilaf al-Hadith li Imam al-Shafi'i*
6. *Takwil Mukhtalif Hadith li Ibn Qutaibah al-Dairiyy*
7. *Bayan Mushkil al-Asar li Abi Ja'far Ahmad bin Muhammad bin Salama al-Thahawy*
8. *Tarikh Yahya bin Mu'ain*
9. *Tarikh Bagdad lil Khatib*
10. *Tarikh Damsyi' li Ibn 'Asakir*
11. *Al-Arba'un lil Baihaqi*
12. *Al-Arba'un lil Salafi*
13. *Al-Fawa'id li Abi Bakr Muhammad bin 'Abd Allah Ibrahim al-Shafi'i*
14. *Al-Fawa'id li Tammam bin Muhammad bin 'Abd Allah al-Razi*
15. *Al-Afrad wa al-Ghara'ib li Daruqutni*
16. *Al-Afrad li Ibn Shahin*

Dalam kajian ini, hanya ditelesuri asal hadis diperoleh sama ada matan hadith mahupun matan sirah nabawiyyah dan matan tafsir. Mengungkap perawi hadis tersebut dan tidak menganalisis kualitinya.

Menurut Mat Saad Abdul Rahman (1983:1 – 13) pula, tujuan sebenar mentahqiq teks sesebuah manuskrip atau buku adalah untuk

mendedahkannya di dalam bentuk yang betul seperti yang dikehendaki oleh pengarang asal. Gaya pentahqiqan hendak dijalani menurut Mat Saad Abdul Rahman (*Ibid.*) adalah mengikuti panduan yang betul, iaitu:

1. Memastikan tentang kesahihan kitab, namanya serta kebenaran hak ciptaan pengarangnya.
2. Apabila sesuatu teks adalah naskhah utama yang ditulis oleh pengarang sendiri, maka hendak dicatat semula seperti mana catatan asalnya.
3. Apabila pengarang asalnya membuat beberapa sedutan teks dari punca-punca rujukan yang disebut namanya, maka sedutan-sedutan itu perlu dirujuk kepada punca-punca asalnya dan dijelas secara ringkas dalam nota kaki sekiranya terdapat sebarang kekurangan atau penambahan yang terdapat dalam sedutan pengarang berbanding dengan punca rujukan asal.
4. Sekiranya pengarang asal tidak menyatakan punca-punca pengambilannya, punca-punca itu perlu dinyata sekiranya diketahui supaya dapat diyakini kesahihan teks itu.
5. Sekiranya disedari pengarang melakukan kesalahan dalam catatan perkataan atau nama, maka kesalahan itu perlu dibaiki dalam nota kaki dan teks asalnya tidak diperbetulkan.
6. Apabila terdapat beberapa naskhah manuskrip bagi sebuah kitab, satu teks asas (utama) akan dipilih untuk ditahqiq dan seluruh teks itu akan disalin semula.
7. Naskhah yang dipilih menjadi teks asas hendak dibanding dengan naskhah-naskhah lain dan jika terdapat perbezaan perkataan yang melibatkan perubahan maksud, penjelasan mengenainya hendaklah dibuat dalam nota kaki.
8. Jika terdapat berlainan riwayat mengenai sesuatu perkataan atau ayat, perkataan atau ayat yang diyakini betul perlu dicatat bersama teks asas. Manakala perkataan atau ayat yang sudah diubah, diganti atau yang tidak betul perlu dicatat pada nota kaki.
9. Jika terdapat catatan teks yang berlebihan dalam naskhah-naskhah lain tetapi tidak terdapat pada teks asas, dan diyakini bahawa catatan

tersebut adalah sebahagian dari teks asas yang tercicir, maka catatan yang berlebihan itu hendak dimasukkan bersama-sama teks asas serta dijelaskan dalam nota kaki. Sekiranya tidak diyakini begitu, maka memadai dijelaskan mengenai teks berlebihan itu pada nota kaki sahaja.

10. Sekiranya terdapat huruf atau perkataan yang hilang dalam teks asas, maka penambahan perlu dibuat untuk menggantikan huruf atau perkataan yang hilang tersebut dan penambahan itu perlu dicatat.
11. Apabila terdapat kecacatan atau kerosakan, contohnya lubang-lubang pada muka surat tertentu dalam teks asal dan kecacatan itu tidak terdapat pada teks-teks lain yang disalin dari punca yang sama, maka kekurangan itu boleh dibelanjukan dan dicatat dalam nota kaki. Sekiranya kecacatan itu tidak boleh dibelanjukan kerana tidak terdapat pada teks lain, ia perlu dijelaskan juga pada nota kaki.
12. Apabila terdapat dua naskhah bagi sesebuah kitab di mana perbandingan antara kedua-duanya telah dicatat pada nota kaki, catatan itu perlu dianggap sebagai ambilan dari naskhah kedua.
13. Apabila terdapat pembetulan atau catatan yang diyakini benar pada nota kaki naskhah yang bukan naskhah asal, perkataan asal yang salah itu perlu dicatat pada nota kaki teks kitab.
14. Apabila terdapat perambahan-penambahan isi dengan tujuan menarik perhatian atau memberi tafsiran terhadap sesuatu fakta, penambahan-penambahan tersebut perlu dicatat pada notakaki dan tidak boleh dimasukkan ke dalam teks asas.
15. Beberapa tanda atau huruf kecil yang ditemui pada manuskrip perlu diberi perhatian contohnya:
 - a. Perkataan “” yang ditulis di atas sesuatu perkataan bermaksud perkataan yang di bawahnya adalah betul, seperti yang sedia tercatat.
 - b. Huruf “” yang ditulis dalam bentuk panjang “” bermakna perkataan yang di bawahnya adalah salah atau tidak sempurna.

- c. Apabila satu garisan dicatat di atas sesuatu perkataan, ini bermakna bahawa perkataan itu sudah tidak dikehendaki lagi. Kadang-kadang terdapat lukisan separuh bulatan di atas sepotong ayat untuk menunjukkan ayat tersebut sudah tidak diguna lagi.
16. Terdapat juga tanda-tanda lain untuk membezakan huruf kerana penulisan huruf Arab yang asal tidak mempunyai titik contohnya:
- Huruf “**ح**” kecil ditulis atas huruf “**ه**” agar ia tidak dibaca “**خ**”
 - Huruf “**ع**” kecil ditulis atas huruf “**ع**” agar ia tidak dibaca “**غ**”
 - Huruf “**ص**” kecil ditulis atas huruf “**ص**” agar ia tidak dibaca “**ض**”
 - Huruf “**ظ**” kecil ditulis atas huruf “**ظ**” agar ia tidak dibaca “**ظ**”
 - Huruf “**ذ**” kecil ditulis atas huruf “**ذ**” agar ia tidak dibaca “**ڏ**”
 - Huruf “**ڙ**” kecil ditulis atas huruf “**ڙ**” agar ia tidak dibaca “**ڢ**”
 - Tiga titik di bawah huruf “**ڻ**” agar ia tidak dibaca dengan huruf “**ش**” yang mempunyai tiga titik di sebelah atas.

Bab 2

Riwayat Hidup Pengarang Manuskrip

Pengenalan

Kewajipan berdakwah menjadi pemungkinan tentang kemunculan tokoh-tokoh pendakwah dari semasa ke semasa, dan telah memberi sumbangan yang amat berharga terhadap pembangunan insan dan tamadun ummah. Pada abad ke-16 Masihi telah muncul seorang pendakwah di Madinah yang bernama Shaykh Ahmad al-Qushashi yang bergiat aktif dalam aktiviti dakwah. Beliau adalah *al-Shaykh al-Akbar*¹ yang mendapat pengiktirafan *al-Khatamah al-Khassah*² dalam kalangan ulama sezamannya dan digelar sebagai *al-Imam al-Musarriid*.³ Beliau dibersarkan dalam suasana kelimuan semenjak kelahirannya di Madinah pada 992H./1583M. Beliau kemudian telah muncul sebagai seorang yang alim dalam pelbagai disiplin agama Islam, seperti ilmu usul, fekah, hadis, tasawuf dan sebagainya. Shaykh Ahmad al-Qushashi juga adalah salah seorang tokoh pendakwah yang banyak berjasa dalam sejarah perkembangan Islam serta mempunyai ramai murid yang berpengaruh di dunia Islam. Ketokohan beliau sebagai seorang ulama yang aktif berdakwah telah menyebabkannya menjadi tumpuan umat Islam yang datang dari pelbagai negara Islam untuk mendalami ilmu agama termasuk dari Alam Melayu.

Malah ramai antara mereka yang kemudiannya muncul menjadi tokoh ulama dan pendakwah di tempat masing-masing, iaitu mewarisi perjuangan dakwahnya. Antara murid yang mewarisi ilmu dan keaktifan dakwahnya ialah Shaykh Ibrahim al-Kurani⁴ yang mendampingi beliau sepanjang hayatnya dan kemudian menjadi penyambung utama usaha-usaha dakwah beliau ke seluruh dunia. Di Alam Melayu pula, antara murid-murid yang menyambung usaha dakwah beliau ialah Shaykh Abdul Rauf bin Ali al-Fansuri al-Singkili⁵ dan Shaykh Yusuf al-Makassari⁶. Shaykh Abdul Rauf adalah tokoh ulama dan mufti Kerajaan Aceh Darussalam⁷. Manakala Shaykh Yusuf al-Makassari pula adalah penasihat rohani kepada Sultan Ageng⁸ di Banten di samping aktif melancarkan jihad dakwah terhadap penjajahan Belanda pada abad ke-17 Masihi.

Shaykh Ahmad al-Qushashi yang aktif dalam kegiatan dakwah telah menggembling sepenuh masanya untuk berkhidmat kepada masyarakat

dan agama. Lantaran aktifnya dalam dakwah, beliau sering berulang alik dari Madinah ke Mekah untuk menyampaikan ilmunya. Mekah dan Madinah yang adalah pusat ibadah umat Islam dari seluruh dunia juga telah menjadi medan pertemuan para pencinta ilmu dengan para ulama *Haramayn* dan ulama dari dunia Islam lain yang datang ke sana. Dari sinilah dakwah Shaykh Ahmad al-Qushashi berkembang luas apabila sebilangan besar umat Islam dari luar *Haramayn* datang mendalami ilmu agama daripadanya. Begitu juga hasil-hasil karya belian dan susur galur rantaian sanad pengajian ilmu, amalan dan tarekat⁹ turut tersebar secara berterusan dari satu generasi ke generasi berikutnya sehingga abad ke-21 Masihi. Lantaran itu, bab ini akan membincangkan latar belakang riwayat hidup Shaykh Ahmad al-Qushashi dan sumbangannya dalam dakwah Islamiah.

Gelaran, Asal Usul Keturunan dan Kelahiran

Shaykh Ahmad al-Qushashi atau nama sebenarnya Ahmad bin Muhammad bin Yunus Safiy al-Din al-Dajani al-Qushashi berasal daripada keturunan para ulama dan awliya', iaitu daripada keluarga al-Dajani di Quds.¹⁰ Moyang beliau Shaykh Shihab al-Din bin 'Ali al-Husayni¹¹ adalah tokoh ulama dan awliya' yang aktif menyampaikan dakwah di Quds dan bertanggung jawab mempertahankan dan menjaga makam Nabi Daud a.s. di Bukit Zion¹² setelah mendapat ilham daripada Allah SWT melalui mimpi.¹³ Ketika itu, al Quds berada di bawah pemerintahan Sultan Sulaiman I (926 – 974H/1520 -1566 M.),¹⁴ dan beliau telah mengurniakan hak waqaf Bukit Zion kepada Shaykh Ahmad Shihabuddin, pengikut-pengikut dan keturunannya agar mereka terus aktif dalam kegiatan dakwah.¹⁵

Datuk beliau, Shaykh Yunus telah berhijrah ke Madinah pada awal abad ke – 16 Masihi lalu menetap di sana dan menjalankan perniagaan *al-qushashah*, iaitu barang-barang terpakai atau *al-Qash*, iaitu sejenis makanan binatang.¹⁶ Dari sinilah beliau menerima gelaran *al-Qushashi*.¹⁷ Selain itu, Shaykh Ahmad al-Qushashi juga mendapat beberapa gelaran lain, misalnya al-Dajani dan al-Ansari. Gelaran al-Dajani diambil daripada keturunan datuknya, iaitu Shaykh Ahmad al-Qushashi yang menetap di suatu kawasan yang bernama al-Dajanah yang terletak berhampiran dengan masjid al-Aqsa. Gelaran al-Ansari pula kerana ibunya berasal daripada keturunan al-Ansar, iaitu Tamim al-Dari r.a.¹⁸ Selain itu, Shaykh Ahmad al-Qushashi juga digelar Shihab al-Din. Namun beliau tidak suka dengan gelaran tersebut kerana menurutnya gelaran itu bercanggah dengan namanya 'Ahmad' yang membawa maksud yang baik, sedangkan

'Shihab' pula bermaksud azab dan jauh daripada rahmat. Lantaran itu, beliau digelar pula Safiy al-Din.¹⁹ Walaupun begitu dalam karya beliau yang berbentuk manuskrip, iaitu *Targhib al-Gharib Fi Mudafa'ah al-Wahib* telah dicatat dengan nama Ahmad Shihab al-Din bin Muhammad al-Macani al-Dajani.²⁰

Salasilah keturunan beliau adalah kembali kepada Rasulullah SAW melalui cucu baginda Saidina Husayn bin 'Ali r.a. Hal ini diperakui sendiri oleh Shaykh Ahmad al-Qushashi. Menurut beliau, walaupun asal keturunannya daripada sebelah bapanya kembali kepada Rasulullah SAW, namun disebahkan nasab tersebut tidak dizahirkan oleh moyangnya dan beliau telah terpisah daripada negeri asalnya, maka salasilah keturunan tersebut tidak dapat diketahui.²¹ Lantaran asal keturunannya yang mulia ini, Shaykh Ahmad al-Qushashi telah melahirkan kesyukuran yang tinggi kepada Allah SWT, namun beliau menyembunyikan nasab keturunannya yang sampai kepada Nabi Muhammad SAW untuk memelihara sifat takwanya dan tidak mahu dijadikan kebanggaan oleh diri dan keturunannya.²² Walaupun begitu, al-Muhibbi dalam kitabnya *Khulasat al-Aثار Fi A'yān al-Qarn al-Hadī Al-'Ashr* mencatatkan salasilah keturunan beliau yang sampai kepada Rasulullah SAW, seperti berikut;²³ Ahmad bin Muhammad bin Yunus bin Ahmad bin 'Ala' al-Din 'Ali bin Yusuf bin Hasan bin Yasin al-Badri bin Muhammad bin Yusuf bin Badar bin Ya'qub bin Muzaffar bin Salim bin Muhammad bin Muhammad bin Zayd bin 'Ali bin al-Hasan bin al-'Arid al-Akbar bin Zayd bin Zayn al-Abidin bin 'Ali bin al-Husayn bin 'Ali bin Abi Talib.²⁴

Shaykh Ahmad al-Qushashi dilahirkan di Madinah pada tahun 992H./1583M.²⁵ semasa era pemerintahan Sultan Murad III²⁶ (982-1003H./1573-1594M) Dawlah Uthmaniyyah.²⁷ Ketika itu Hijaz berada di bawah pemerintahan Sharif Hasan²⁸ (973 – 1009H./1566 – 1601)²⁹ yang berpusat di Mekah.

Pendidikan

Shaykh Ahmad al-Qushashi lahir dalam keluarga *ahlilah* yang mulia dan berpendidikan agama. Menjadi tradisi para ulama silam untuk mendidik ilmu agama dan mengajar cara berdakwah kepada anak-anak mereka sendiri. Hal ini turut berlaku pada Shaykh Ahmad al-Qushashi, iaitu beliau telah mendapat pendidikan dasar ilmu agama dan cara berdakwah daripada bapanya sendiri, Shaykh Muhammad bin Yunus yang adalah seorang tokoh ulama di Madinah. Semenjak kecil, beliau telah dipelihara dan diberikan pendidikan oleh bapanya dengan mengajarnya beberapa

kitab asas dalam fekah Maliki. Ini disebabkan bapanya bermazhab Maliki dan telah mempelajarinya melalui beberapa orang ulama besar di Madinah, seperti Shaykh Muhammad bin 'Isa al-Tilmisani. Shaykh Ahmad al-Qushashi juga menurut al-Muhibbi³⁰ berkesempatan mendalami ilmu secara langsung daripada Shaykh tersebut.

Setelah meningkat remaja ketika berusia 19 tahun, Shaykh Ahmad al-Qushashi telah berhijrah meninggalkan Madinah mengikuti bapanya ke Yaman³¹ pada 1011H./1602M. untuk mendalami lagi ilmu agama di sana. Beliau menggunakan kesempatan ini untuk mendalami pelbagai disiplin ilmu agama dan dakwah daripada beberapa ulama di Yaman yang adalah guru kepada bapa beliau, antaranya Shaykh al-Amin bin al-Siddiq al-Murawwihi, al-Sayyid Muhammad al-Gharib, Shaykh Ahmad al-Satiyah al-Zayla'i,³² Shaykh 'Ali al-Mathir dan Shaykh 'Ali al-Baqta'.³³

Setelah itu, Shaykh Ahmad al-Qushashi meninggalkan Yaman dan menuju ke Mekah seorang diri tanpa disertai oleh bapanya. Bapanya, Shaykh Muhammad bin Yunus pula menetap di San'a, Yaman dan menjadi salah seorang ulama di sana sehingga wafat pada 1044H/ Masihi. Di Mekah, Shaykh Ahmad al-Qushashi telah mendampingi beberapa ulama, seperti al-Sayyid Abi al-Ghayth Shajara dan Shaykh Sultan al-Majdhub. Kemudian beliau kembali semula ke bumi kelahirannya di Madinah lalu mendampingi tokoh-tokoh ulama Madinah pula, seperti Shaykh Ahmad bin al-Fadl, Shaykh al-Wali 'Umar bin al-Qutb Badr al-Din al-'Adhili dan Shaykh Shihab al-Din al-Malikani.

Shaykh Ahmad al-Qushashi kemudian meneruskan pengajiannya melalui seorang ulama Madinah yang unggul, iaitu al-Shaykh al-Kabir Ahmad bin 'Ali al-Shinnawi.³⁴ Kesempatan yang ada dimanfaat dengan sebaik-baiknya oleh Shaykh Ahmad al-Qushashi untuk mendalami pelbagai disiplin ilmu agama daripada Shaykh Ahmad bin 'Ali al-Shinnawi, seperti ilmu usul, hadis, fekah dan tasawuf. Hasil usaha tersebut, Shaykh Ahmad al-Qushashi telah berjaya menguasai ilmu agama, seperti ilmu usul, hadis, fekah dan tasawuf. Beliau telah mendalami ilmu fekah dalam mazhab Shafi'i³⁵ sehingga beliau mampu mengeluarkan fatwa dalam mazhab tersebut di samping mazhab Maliki yang menjadi pegangannya sebelum ini. Shaykh Ahmad bin 'Ali al-Shinnawi juga adalah orang yang bertanggung jawab membimbing Shaykh Ahmad al-Qushashi menuju ke jalan rohani dan memperkenalkannya dengan tarekat Shattariyyah lalu melantiknya sebagai Shaykh tarekat untuk meneruskan usaha-usaha dakwahnya melalui pengajaran dan amalan tarekat ini. Lantaran itu, tidak keterlaluan jika dikatakan bahawa antara sekian banyak guru Shaykh Ahmad al-Qushashi, selain bapa beliau Shaykh Muhammad bin Yunus al-Dajani, Shaykh Ahmad bin 'Ali al-Shinnawi adalah guru utama

yang membimbangi beliau menjadi seorang pendakwah, tokoh ulama dan *ahlilLah* yang terkenal. Hubungan ini telah diperkuat lagi apabila Shaykh Ahmad bin 'Ali al-Shinnawi mengahwinkan puterinya dengan Shaykh Ahmad al-Qushashi dan seterusnya melantik beliau sebagai penggantinya.

Menurut Azyumardi,³⁶ Shaykh Ahmad al-Qushashi dan gurunya Shaykh Ahmad bin 'Ali al-Shinnawi juga telah mendalami ilmu melalui seorang tokoh ulama *Haramayn*, iaitu Shaykh Sibghatu'Llah (w. 1015H./1606M.)³⁷ yang berasal dari India dan kemudian menetap di Madinah pada tahun 1005H./1596M. Shaykh Sibghatu'Llah adalah seorang Shaykh Shattariyyah yang terkenal dan berlanggung jawab memperkenal kitab *Jawahir al-Khams*³⁸ karangan Shaykh Muhammad Ghawhal-Hindjal-Bustani³⁹ (w. 970H./1562M). Beliau juga bertanggung jawab menyebarluaskan tarekat Shattariyyah di *Haramayn*.

Walau bagaimanapun, penulis mencapati bahawa ketika Shaykh Sibghatu'Llah datang dan bermastautin di Madinah pada 1005H./1596M., usia Shaykh Ahmad al-Qushashi sekitar 13 tahun. Diriwayat bahawa beliau semasa kecilnya mendalami ilmu daripada ayahnya sendiri dan kemudian mengikut bapanya bermusafir ke Yaman ketika berusia 19 tahun pada 1011H./1602M. Hal ini telah diakui oleh Shaykh Ahmad al-Qushashi dalam kitabnya *al-Simt al-Majid* bahawa beliau telah mempelajari *al-Jawahir al-Khams* yang diajar oleh Shaykh Sibghatu'Llah serta ilmu zahir dan batin daripada bapa mertuanya, iaitu Shaykh Ahmad bin 'Ali al-Shinawi.⁴⁰

Kecenderungan Shaykh Ahmad al-Qushashi untuk mendalami ilmu agama dan amalan tarekat tidak terbatas. Semenjak usia muda, beliau telah diperkenal dengan amalan dan tarekat bersanad oleh ayahnya sendiri, iaitu Shaykh Muhammad bin Yunus 'Abd al-Nabi. Melalui bapanya, beliau telah mengambil ijazah Tarekat Ahmadiyyah, Shadhiliyyah dan Qadiriyyah.⁴¹ Seterusnya melalui Shaykh Ahmad bin 'Ali al-Shinnawi, Shaykh Ahmad al-Qushashi kemudian telah mendalami lagi ilmu tarekat dan mengambil ijazah sanad Tarekat Shattariyyah yang dibawa oleh Shaykh Sibghatu'Llah yang bersambung sanadnya kepada Rasulullah SAW.⁴² Semasa hayatnya, Shaykh Ahmad al-Qushashi telah mengikuti dan mempelajari banyak halaqah ilmu khasnya dalam tasawuf dan tarekat. Kecenderungan Shaykh Ahmad al-Qushashi ini melayakkkan beliau memperoleh ijazah sanad tarekat-tarekat yang masyhur sama ada melalui Shaykh Ahmad bin 'Ali al-Shinawi atau pun melalui para ulama yang lain, seperti tarekat Shattariyyah, Chishtiyyah, Firdawsiyyah, Kubrawiyah, Shrawardiyyah, Qadiriyyah, Thayfuriyyah (Shiddiqiyyah), Ijwaysiyyah, Khalwatiyah, Hamadaniyyah, Naqshabandiyyah,⁴³

Ahmadiyyah Shinnawiyyah, Ahmadiyyah Badawiyyah, Shadhiliyyah, Rifa'iyyah, Qushayriyyah, Hatimiyyah, Bistamiyyah, Kahujakariyyah, Shah Madariyyah, Madyaniyyah, Muhammadiyyah, Ghauriyyah, Ghawtsiyyah, Junaydiyyah⁴⁴ dan tarekat Akbariyyah/Hatimiyyah.⁴⁵

Menurut Martin Van Bruinessen,⁴⁶ Shaykh Ahmad al-Qushashi juga telah memperoleh ijazah tarekat Muhammadiyyah yang bersambung dengan Shaykh Zakariyya al-Ansari⁴⁷ dan Shaykh 'Abd al-Wahhab al-Sha'rani.⁴⁸ Kedua-duanya adalah ulama yang terkenal di Mesir. Berdasarkan faktor inilah, Shaykh Ahmad al-Qushashi berjaya menggabungkan banyak tarekat utama, seperti tarekat Qadiriyah, tarekat Shattariyyah, tarekat Shadhiliyyah dan tarekat Naqshabandiyyah.⁴⁹ Menurut Roger Tol dan Jan Just Witkam,⁵⁰ sekurang-kurangnya sebelas buah tarekat yang telah digabung oleh Shaykh Ahmad al-Qushashi. Namun, dalam kajian ini didapati bahawa sebanyak 38 buah tarekat telah digabungkan oleh beliau dalam tarekat al-Shattariyyah.

Selain mempelajari dan menghafaz al-Qur'an melalui guru-gurunya, Shaykh Ahmad al-Qushashi juga telah mempelajari dan menghafaz keseluruhan al-Quran dengan Nabi Muhammad SAW. Hal ini boleh terjadi kerana Shaykh Ahmad al-Qushashi telah bertemu dengan Rasulullah SAW di dalam *al-ru'yah al-hasunah*⁵¹ dan secara *yaqazah*.⁵² Bacaan al-Quran secara bersanad kepada Nabi Muhammad SAW seperti ini adalah suatu kemuliaan dan keistimewaan bagi sesiapa yang dapat mempelajari al-Quran daripada Shaykh Ahmad al-Qushashi. Al-'Ujaymi menerangkan bahawa beliau berasa sangat bangga dan berbesar hati kerana dapat mempelajari al-Quran daripada Shaykh Ahmad al-Qushashi yang pernah mempelajarinya secara langsung daripada Rasulullah SAW.⁵³ Keistimewaan yang dikurniakan Allah SWT kepada beliau bukan sesuatu yang asing di kalangan orang yang mempunyai ilmu agama yang mendalam dan kedudukan yang tinggi di sisi-Nya.

Rasa bangga dan kagum akan ketinggian ilmu dan kehebatan Shaykh Ahmad al-Qushashi dapat dirasai oleh ulama-ulama yang hidup sezaman dengannya apabila mereka mengiktiraf beliau sebagai seorang ulama rohani yang memperoleh *maqam al-Khatamah*. *Al-Khatamah* adalah maqam khas yang dikurniakan Allah SWT kepada hamba-hamba-Nya yang dikhendaki. Ia dikurniakan kepada seorang sahaja yang layak pada setiap zaman tanpa terhenti.⁵⁴ Stephen Hirtenstein⁵⁵ menuliskan kata-kata Ibn 'Arabi bahawa *al-Khatamah* atau *Khatam of the Avliya* bukanlah, seperti membawa maksud penutup kepada kewalian, tetapi ia bermaksud seseorang itu telah mencapai kesempurnaan *maqam al-ayyan*.⁵⁶ *Al-Khatamah* inilah yang telah dicapai oleh Shaykh Ahmad al-Qushashi dalam pengembalaan hidupnya sehingga zahir keistimewaan-

keistimewaan yang lain dan dianggap sebagai suatu *karamah*. Shaykh Isa bin Muhammad al-Maghribi,⁵² seorang tokoh ulama dan Imam al-Haramayn yang setiap tahun berulang-alik dari Mekkah ke Madinah untuk berguru dengan Shaykh Ahmad al-Qushashi pernah melahirkan rasa kagumnya terhadap gurunya:

Aku tidak pernah melihat kehebatan, seperti yang aku lihat pada Shaykh Ahmad (al-Qushashi). Dia menulis apa sahaja yang diingininya tanpa perlu berfikir dengan mendalam. Adapun Shaykh kami, (iaitu) Ali bin 'Abd al-Wahid pernah berkata; aku hanya boleh menulis apabila pena di tanganku masih berdakwat, apabila ia telah kering, aku perlu berfikir dan mengingat semula, sedangkan guru kita Shaykh Ahmad (al-Qushashi) tidak pernah terhenti buah fikirannya wa.aupun telah kering dakwat penanya.

Walaupun dikurniakan kelebihan ilmu yang mendalam dan *maqam* yang tinggi, namun Shaykh Ahmad al-Qushashi tetap merendah diri. Kedudukan beliau sebagai tokoh ulama pendakwah Madinah abad ke-16 dan ke-17 Masihi tidak menyebabkan beliau meninggalkan pekerjaan sehariannya sebagai penjual barang terpakai (*al-Qushashah*). Bahkan beliau terkenal dengan sifat rendah diri dan sentiasa melaksanakan segala syariat Allah serta mengamalkan sunah-sunah Rasulullah SAW, seperti ibadat sunat dan berpuasa.⁵³

Kekeramatian

'Keramat' diambil daripada perkataan bahasa Arab *karamah*. Ia bermaksud perkara luar biasa yang terjadi tanpa cabaran dan berlaku kepada hamba yang soleh, beriltizam mengikut mana-mana Nabi yang diutus kepada mereka serta mempunyai akidah yang benar dan sentiasa beramal soleh.⁵⁴ Menurut Shaykh Shihab al-Din al-Suhrawardi, keramat para wali Allah adalah penyempurnaan mukjizat para Rasul. Justeru, kekeramatian orang soleh pada zaman ini adalah penyempurnaan dan bukti penerusan mukjizat Rasulullah SAW sepanjang zaman.⁵⁵ Namun, sekiranya tidak kelihatan keramat secara zahir di dunia terhadap mana-mana wali Allah SWT bukanlah bermakna dia tidak memperoleh kemuliaan daripada Allah SWT dan tidak sesekali merendahkan kedudukannya.⁵⁶ Bahkan kadangkala adalah lebih baik bagiinya kerana penilaian kemuliaan adalah pada peningkatan keyakinan dan bukannya pada zahirnya kekeramatian.⁵⁷ Hukum terjadinya *karamah* adalah harus kepada para wali dan orang-orang yang soleh dengan izin Allah SWT. Keharusannya diperakui oleh jumhur ulama Ahl al-Sunah wal-Jama'ah berdasarkan dalil-dalil al-Qur'an,⁵⁸ al-Sunnah⁵⁹ dan al-Athar.⁶⁰ Shaykh Ahmad al-Qushashi yang

diiktiraf sebagai salah seorang wali Allah juga adalah antara hamba Allah SWT yang dikurniakan kemuliaan tersebut. Selain dikurniakan *ru'yah* bertemu dan belajar al-Quran daripada Rasulullah SAW secara *yugazah* dan mempunyai kecerdikan yang luar biasa ketika menulis, beliau juga diberi keupayaan mengetahui apa yang terdapat dalam fikiran seseorang. Kenyataan ini dapat dibuktikan melalui beberapa peristiwa yang dialami oleh murid beliau Shaykh Ibrahim al-Kurani. Antara peristiwa tersebut ialah ketika Shaykh Ibrahim al-Kurani sedang berbicara dalam dirinya mengenai suatu perkara, tiba-tiba Shaykh Ahmad al-Qushashi berpaling kepadanya dan berkata sesuatu yang berkaitan dengan perkara yang difikirkannya. Selain itu, Shaykh Ibrahim al-Kurani pernah menulis sesuatu yang bersangkutan dengan urusan dunia kepada penduduk Sham setelah diminta oleh beberapa orang *al-Mujawirin* di Madinah. Beliau menulisnya tanpa mendapatkan kebenaran terlebih dahulu daripada gurunya. Keadaan ini menyebabkan beliau berasa keluh kesah apabila berhadapan dengan gurunya. Pada suatu malam apabila beliau ingin menulis surat untuk menjawab tulisan penducuk Sham, tiba-tiba kelihatan pada kertasnya sesuatu yang menyatakan bahawa tulisannya itu tidak mendapat redha gurunya, lalu beliau terus membakar kertas tersebut. Ketika itu perasaan tenang tiba-tiba menyelubungi hatinya. Keesokannya apabila beliau bertemu dengan Shaykh Ahmad al-Qushashi, gurunya melihatnya sambil tersenyum dan mengucapkan selamat kepadanya. Shaykh Ibrahim al-Kurani juga meriwayatkan bahawa beberapa orang *al-fuqara'* telah meminta dan mendesaknya agar memohon sesuatu kepada Shaykh Ahmad al-Qushashi, namun beliau enggan meruakan permintaan tersebut. Suatu masa, Shaykh Ibrahim al-Kurani berfikir mengenai permintaan beberapa *al-fuqara'* tersebut ketika berada dalam suatu majlis bersama Shaykh Ahmad al-Qushashi, lantas gurunya berpaling kepadanya dan menyatakan perkara yang difikirkannya itu.⁶⁷

Kematian

Shaykh Ahmad al-Qushashi meninggal dunia ketika berusia 77 tahun pada 12 Rabiulawal 1071H bersamaan 15 November 1661 Masihi di bumi kelahirannya, iaitu al-Madinah al-Munawwarah.⁶⁸ Jasad beliau disemadi di perkuburan Baqi',⁶⁹ iaitu di sebelah timur Kubah al-Sayyidah Halimah al-Sa'diyah r.a.⁷⁰ Kewafatan Shaykh Ahmad al-Qushashi adalah suatu kehilangan besar dalam sejarah ketamadunan Islam khasnya pada kurun ke-17 Masihi, kerana sumbangan beliau dalam dakwah Islamiah sangat besar dan bermakna. Beliau telah berjaya melahirkan ramai ulama ternama di dunia Islam yang meneruskan kesinambungan usaha-usaha

dakwahnya. Sehingga kini institusi, ajaran, amalan dan tarekat bersanad yang diwarisi oleh beliau terus-menerus dipelajari dan diamalkan.

Sumbangan

Penilaian terhadap keberkesanan dakwah Islamiah dapat dianalisis melalui usaha dan sumbangan yang telah dilakukan oleh seseorang pendakwah untuk mencapai matlamat dakwah. Sehubungan itu, Shaykh Ahmad al-Qushashi telah berjaya membuktikan bahawa beliau adalah seorang tokoh ulama yang unggul pada zamannya dan banyak memberi sumbangan dalam menyebarkan ajaran Islam dan membangunkan ummah. Komitmen beliau dalam berdakwah dapat dianalisis melalui pengajaran, penulisan dan pewarisan.

Pengajaran

Shaykh Ahmad al-Qushashi adalah seorang ulama yang sangat cintakan dakwah.⁷¹ Kecenderungan Shaykh Ahmad al-Qushashi dalam berdakwah berputik daripada minat mendalami ilmu semenjak kecil sehingga menjadi ulama Haramayn yang terkenal pada abad ke-17 Masihi. Sejak kecil Shaykh Ahmad al-Qushashi telah melihat bagaimana bapanya berdakwah dan mengajar ilmu agama di Madinah sehingga timbul minat yang mendalam untuk meneruskan perjuangan dakwah bapanya. Atas rasa tanggungjawab untuk menyebarkan ilmu agama dan berdakwah inilah, Shaykh Ahmad al-Qushashi mengajar di Madinah dan Mekah. Madinah adalah tempat bermastautin dan tempat pengajian utama Shaykh Ahmad Ahmad al-Qushashi. Di sinilah beliau mendalami ilmu dengan para ulama dari Yaman dan Mekah di samping ulama Madinah sendiri. Mekah pula menjadi tempat pengajar kedua Shaykh Ahmad al-Qushashi apabila beliau menunaikan ibadat haji dan umrah. Senario kestabilan politik Hijaz⁷² semasa pemerintahan Uthmaniyyah dan jaminan keamanan kepada para jemaah haji dari seluruh wilayah Islam telah memberi ruang yang selesa kepada Shaykh Ahmad al-Qushashi untuk berdakwah di Mekah dan Madinah.

Semenjak kedatangan Islam yang dibawa oleh Rasulullah SAW sehingga ke masa kini, Mekah dan Madinah sentiasa dikunjungi oleh umat Islam dari seluruh dunia untuk menunaikan ibadat haji dan umrah serta melakukan ziarah ke Masjid al-Nabawi dan makam Rasulullah SAW. Selain menjadi pusat ibadat, Mekah dan Madinah juga adalah antara medan utama para pencinta ilmu untuk mempelajari dan mendalami ilmu-

ilmu agama.⁷³ Semasa hayat Rasulullah SAW, Baginda telah menjadikan rumah al-Arqam bin Abi al-Arqam sebagai pusat dakwah dan pengajaran ilmu-ilmu Islam yang pertama. Manakala selepas Rasulullah SAW berhijrah ke al-Madinah al-Munawwarah, Baginda menjadikan pula Masjid al-Nabawi sebagai pusat dakwah dan pendidikan Islam.

Tradisi penggunaan masjid sebagai *wasa'i'*⁷⁴ dakwah dan pusat pengajaran ilmu-ilmu Islam kemudian berkembang di seluruh dunia Islam selari dengan pembinaan masjid di wilayah-wilayah yang tersebar Islam.⁷⁵ Lantaran itu, Masjid al-Haram di Mekah dan Masjid al-Nabawi di Madinah telah menjadi pusat dakwah dan pengajaran ilmu-ilmu Islam yang proaktif. Pelbagai disiplin ilmu agama telah diajar, seperti ilmu usul, tafsir, hadis, fekah dan tasawuf. Kemuliaan dan keberkatan tanah suci Mekah dan Madinah telah menarik perhatian umat Islam dari seluruh dunia Islam untuk mendalami ilmu-ilmu agama daripada para ulama *Haramayn*. Malahan apa yang lebih menarik adalah kebanyakan mereka tinggal lebih lama di tanah suci Mekah dan Madinah untuk berguru dengan para ulama yang masyhur termasuk Shaykh Ahmad al-Qushashi.

Kehadiran pelbagai pelajar dan ulama dari luar *Haramayn* telah mewujudkan mecan dakwah yang lebih luas melalui rantai salasilah dan sanad ulama dan pemindahan ilmu ke seluruh dunia Islam.⁷⁶ Lantaran itu, Mekah dan Madinah menjadi agen utama penyebaran ilmu agama, seperti ilmu usul, fekah, hadis, tasawuf dan amalan tarekat bersanad. Martin Van Bruinessen dan Mohd Syukri Yeoh,⁷⁷ menyatakan bahawa pengaruh ajaran tasawuf dan amalan tarekat India, seperti Shattariyyah adalah begitu kuat sekali di Alam Melayu. Namun penyebarannya bukanlah berlaku secara langsung, malah ia berlaku melalui pusat penyebaran ilmu, iaitu Mekah dan Madinah. Dari sinilah Shaykh Ahmad al-Qushashi yang pernah belajar dengan ramai ulama, berperanan penting dalam berdakwah melalui institusi bersanad (*zawiyah al-Qushashiyah*) dan menyampaikan ilmu secara bersanad, amalan bersanad dan tarekat bersanad kepada murid-muridnya yang datang dari Alam Melayu. Contoh sanad ilmu fekah, seperti yang diperoleh oleh Shaykh Abdul Rauf al-Singkili daripada Shaykh Ahmad al-Qushashi sehingga sampai kepada Shaykh Zakariyya al-Ansari.⁷⁸ Maka dalam karya beliau *Mira'i al-Tullab*, pendapatnya adalah salah satu rujukan utama dalam ilmu fekah.⁷⁹ Contoh amalan yang diwarisi secara bersanad pula, ialah amalan *Iizb al-Wiqayah* Ibn 'Arabi.⁸⁰ Antara contoh sanad tarekat yang sampai ke Alam Melayu melalui murid beliau Shaykh Abdul Rauf al-Singkili, seperti di Rajah 1.1; Carta Salasilah Tarekat al-Shattariyyah Shaykh Abdul Rauf al-Singkili.

Ketokohan yang ada pada Shaykh Ahmad al-Qushashi dan keilmuannya yang tinggi dalam pelbagai disiplin ilmu agama menyebabkan nama

beliau terkenal kalangan pencinta-percinta ilmu yang terdiri daripada pelbagai lapisan sama ada daripada kalangan orang biasa, pembesar atau pun tokoh-tokoh ulama. Lantaran itu, ramai yang datang dari pelbagai wilayah Islam belajar dengan beliau dan mengambil sanad ilmu, amalan dan tarekat daripadanya. Menurut al-Muhibbi,⁸¹ di antara para ulama dan shaykh yang pernah belajar dengan Shaykh Ahmad al-Qushashi ialah al-'Arif Bi 'Llah Maqbul al-Muhjib al-Zayla'i, al-Sayyid 'Abdu'llah bin Shaykh al-'Aidarus, al-Sayyid al-'Allamah al-Wali Barakah al-Tunisi, al-Sayyid 'Abd al-Khaliq al-Hinci, al-Sayyid 'Abd al-Rahman al-Maghribi al-'Idrisi, al-Shaykh Isa al-Maghribi al-Jaf'ari, al-Shaykh Muhtabin 'Iwadh Bamzaru', al-Sayyid 'Abdu'llah Bafaqih serta ulama-ulama dari Bani 'Alawi dan fuqaha' dari Yaman.

Di samping itu, kajian yang dilakukan ke atas tokoh-tokoh ulama yang dinyata biografinya oleh al-Muhibbi dalam kitabnya *Khulasat al-Aithar Fi A'yan al-Qarn al-Hadi 'Ashar*, telah menemukan beberapa orang lagi yang pernah belajar dengan Shaykh Ahmad al-Qushashi. Ulama-ulama tersebut ialah al-Sayyid Abu Bakr bin Salim al-Makki, al-Shaykh Abu Bakr bin Sa'id bin 'Abd al-Rahman al-Jufri, al-Shaykh Ahmad bin 'Abdi'Llah bin Hassan bin Muhammad bin 'Abdi'Llah Bacantar al-Saywuni al-Hadrami, al-Shaykh al-Husayn bin Muhammad bin Ibrahiim, 'Ali bin Ahmad bin Muhammad, Isa bin Muhammad bin Muhammad bin Ahmad, al-Sayyid Muhammad bin 'Umar bin Yahya dan Muhammad bin 'Ala bin Sa'd al-Din bin Rajab.⁸²

Penulisan

Tradisi dakwah para ulama Islam silam ialah meninggalkan *wasa'il* dakwah dan khazanah ilmu mereka melalui penulisan kitab-kitab yang menjadi warisan bernilai kepada generasi umat Islam berikutnya. Tradisi dakwah inilah yang dilakukan oleh Shaykh Ahmad al-Qushashi di Mekah dan Madinah pada abad ke-16 dan ke-17 Masihi. Beliau adalah seorang ulama yang aktif menulis dan berjaya mewarisi sejumlah alat dakwah dan khazanah ilmu dalam pelbagai disiplin ilmu agama khasnya dalam bidang hadis, usul fikrah dan tasawuf. Al-Muhibbi⁸³ menyatakan bahawa Shaykh Ahmad al-Qushashi telah mengarang lebih kurang lima puluh buah kitab, manakala al-Zirkli pula menyatakan sebanyak kira-kira tujuh puluh buah kitab.⁸⁴ Antara karya beliau yang dinyata oleh al-Muhibbi ialah *Hashiyah 'ala al-Mawahib al-Laduniyah li al-Qastalani*, *Hashiyah 'ala insan al-Kamil li al-Jilli*, *Hashiyah 'ala al-Kamalat al-Hahiyah*, *Sharh al-Hikam Ibn al-'Ata' Allah*, *Sharh 'aqidah Ibn 'Afif*, *Kitab al-Nusus wa al-Kanz al-Asna fi al-Salat wa al-Salam 'ala al-Dhan al-Mukammilah al-*

Ihsna dan 'Aqidah manzumah fi ghayah al-Hasan wa al-Ikhlas. Dalam kitab *Mujam al-Muallifin* pula dinyatakan beberapa buah lagi karangan Shaykh Ahmad al-Qushashi, iaitu *Hashiyah 'ala al-Shifa, al-Simt al-Majid fi talqin ahl al-Dhikr li-Ahl al-Tawhid*, dan *Bustan al-'Arifin*.⁸⁵ Al-Zirikli⁸⁶ pula menambah beberapa buah kitab lagi, iaitu *Su'alu 'amma 'ala hâdhihi al-Ummah min ikhtilaf fi al-Madhhab*, *Kolimat al-Jud fi al-Qawl bi wihadat al-Wujud*, *al-Durrah al-Thaminah fi ma li za'ir al-Nabi ila al-Madinah al-Munawwarah*. Sementara itu, terdapat satu kitab helianu, iaitu *Targhib al-Gharib fi mudhâqâfah al-Wahib* yang ditemui di *Dar al-Kutub al-Qawmiyah*, Mesir dalam bentuk manuskrip.⁸⁷

Antara karya Shaykh Ahmad al-Qushashi yang masyhur dan telah diterbitkan ialah kitab *al-Simt al-Majid fi talqin ahl al-Dhikr li ahl al-Tawhid*. Kitab ini membahaskan kelciban dan hakikat zikrullah, beberapa kategori zikrullah, adab-adab berzikir, cara-cara zikir, *talqin* dan *ba'ah*. Ia juga menjelaskan mengenai periyatan hadis dan salasilah beberapa tarekat yang diperoleh oleh Shaykh Ahmad al-Qushashi melalui guru-guru beliau. Kitab ini turut membahaskan tatacara dan hakikat pemakaian *khirqah*⁸⁸ oleh para *ahlilLah* yang dikurniakan oleh para guru mereka yang diwarisi daripada amalan Rasulullah SAW.⁸⁹

Pewarisan

Antara murid Shaykh Ahmad al-Qushashi yang terkenal ialah Shaykh Ibrahim al-Kurani (1616 - 1689M.). Peranan Shaykh Ahmad al-Qushashi selaku pangkalan ilmu agama dan pusat penyebaran Islam kemudian diteruskan oleh Shaykh Ibrahim al-Kurani. Beliau meneruskan peranan gurunya itu sebagai pendakwah dan pendidik serta penghubung tradisi keilmuan Islam dan kerohanian di antara India, Asia Tenggara dan Semenanjung Arab serta wilayah-wilayah Islam yang lain.⁹⁰ Melalui Shaykh Ibrahim al-Kurani, sanad ilmu, amalan dan tarekat Shattariyyah yang diijazahkan oleh Shaykh Ahmad al-Qushashi kepadanya terus berkembang khasnya pada abad-abad berikutnya. Ini disebabkan Shaykh Ibrahim al-Kurani mempunyai jumlah murid yang ramai di dunia Islam dan hasil karya yang banyak. Lantaran keintelektualan Shaykh Ibrahim al-Kurani yang tinggi dan keperibadiannya yang mulia telah berjaya menarik minat para muridnya dari wilayah-wilayah Islam yang jauh untuk menghadiri halaqah ilmunya. Al-Harnawi pernah mengungkapkan bahawa menghadiri halaqah ilmu Shaykh Ibrahim al-Kurani adalah seumpama berada di dalam sebuah taman syurga. Dengan kemasyhurannya itu, Shaykh Ibrahim al-Kurani telah berjaya mewujudkan kesinambungan

Rasulullah SAW

*Ali bin Abi Talib r.a
 Husayn bin *Ali r.a (m. 61H/ 680 M)
 Zayn al-*Abidin r.a. (m. 95 H/ 712 M)
 Muhammad Bāqir (m. 114 H/ 732 M)
 Ja'far al-Sadiq (m. 148 H)

Abu Yazid al-Bustami (m. 261H/874M) Muhammad al-Maghribi (m. 803 H) A'rabi Yazid al-Ishqi Abi al-Muzaffar Turki al-Tusi Abū al-Hasan al-Kharqani (m. 425H) Khalaqjal-Mawiri al-Nahri Muhammad Ishiq Muhammad 'Arif 'Abd Allah Shattari Qadīn Shattari	Musa al-Kazim (183 H/ 799 M) *Ali Musa al-Rida (m. 203 H/ 814 M) Ma'ruf al-Karkhi (m. 200 H) al-Sariyy al-Saqati (m. 253 H/ 867 M) Abu al-Qasim al-Junayd (m. 297 H/ 910 M) Abū Bakr al-Shibli (m. 334 H) Abū al-Fadl 'Abd al-Wahid Abi al-Fara'j Muhammad Abi al-Hasan 'Ali Abi Sa'id al-Mubarak bin 'Ali bin al-Husayni 'Abd al-Qadir al-Jaylani (m. 561 H) 'Abd al-Razzaq al-Qadiri (m. 603H/1207M) 'Abd Allāh al-Qadiri Ja'far bin Ahmad al-Husayni 'Ali al-Husayni Muhammad al-Qadiri 'Abd ul-Ghaffar Siddiqi Mahmud al-Qadiri 'Abd al-Ra'uf al-Qadiri 'Abd al-Wahhab al-Qadiri (m. 593H/1196M) 'Ala' al-Din (Qadīn al- Qadiri) Hadiyat Allah Semerst Hajj Hudur Sayyid Muhammad Ghawth Wajih al-Din 'Alawi Sayyid Sibghat Allah Ahmad al-Shinawi Ahmad Qushashi
--	--

Shaykh Abdul Rauf Ali al-Fansuri al-Singkili

RAJAII 1.1: Carta Silsilah Tarikat al-Shattariyyah Shaykh Abdul Rauf al-Singkili

Sumber: Abdul Rauf al-Singkili, t.th, *Kisayat al-Muhtajin*, MSS, naskhah bernombor (MS 1314, M), hlm. 114-118 & Abdul Rauf al-Singkili, t.th., *Umdat al-Muhtajin* naskhah bernombor (MS 1314, C) hlm. 13-15.

dakwah melalui ajaran dan pemikiran Shaykh Ahmad al-Shinrawi dan Shaykh Ahmad al-Qushashi.⁹¹

Sumbangan dakwah Shaykh Ahmad al-Qushashi terhadap penyebaran ajaran Islam ke Alam Melayu adalah warisan Alam Melayu yang amat berharga khasnya dalam ilmu tasawuf dan tarekat. Tasawuf dan tarekat sebagai suatu pendekatan dakwah telah berjaya menjadi faktor utama perkembangan Islam di Alam Melayu. Pemikiran dan pendidikan yang disalurkan oleh Shaykh Ahmad al-Qushashi kepada muridnya, seperti Shaykh Abdul Rauf al-Singkili dan Shaykh Yusuf al-Makassari telah memberikan kekuatan kepada gerakan dakwah Islam melalui pendekatan tasawuf dan tarekat. Penyebaran dakwah Islamiah melalui pendekatan ini di Alam Melayu dipelopori oleh para ulama yang berlitarbelakangkan ilmu dan pengalaman rohani yang mempraktikkan tarekat tertentu dan nilai-nilai murni tasawuf. Malah para ulama tersebut tampil sebagai *ahlillah* yang mempunyai ilmu yang tinggi dan karisma yang terpuji serta diterima oleh masyarakat setempat dengan mudah. Perkembangan Islam di Aceh, Jawa, Sulawesi, Sumatera Selatan, Sumatera Barat dan sebagainya dari abad ke-17 sehingga abad ke-20 Masihi menyaksikan dominasi pemikiran tasawuf terhadap pemikiran dan kehidupan para ulama Melayu.⁹² Malah menurut Peter G. Riddell⁹³ dalam kertas kerjanya yang bertajuk "Schools of Islamic Thought in Southeast Asia" membuat rumusan bahawa abad-abad demikian Alam Melayu didominasi oleh golongan *ahlillah*.

Antara contoh murid Shaykh Ahmad al-Qushashi yang berpengaruh dan terkenal ialah Shaykh Abdul Rauf bin Ali al-Fansuri al-Singkili dan Shaykh Yusuf al-Makssari. Shaykh Abdul Rauf al-Singkili (1615-1693M.) adalah tokoh ulama dan mufti kerajaan Aceh pada abad ke-17 Masihi. Beliau telah mendalami ilmu agama di Madinah selama 19 tahun dengan mengakhiri perjalanan akademiknya dengan memperoleh ijazah khalifah daripada Shaykh Ahmad al-Qushashi yang mengamanahkan tarekat al-Shattariyyah kepadanya. Selepas Shaykh Ahmad al-Qushashi meninggal dunia, Shaykh Abdul Rauf al-Singkili terus menjadi Shaykh Ibrahim al-Kurani, iaitu salah seorang murid utama Shaykh Ahmad al-Qushashi sebagai guru dan tempat rujukan. Malah segala amalan tarekat Shattariyyah ajaran Shaykh Ahmad al-Qushāshī turut dirakam dalam karya Shaykh Abdul Rauf al-Singkili, iaitu *'Umdat al-Muhtājīn ilā sulūk maslak al-Mufradīn'*⁹⁴ dan *Kifāyat al-Muhtājīn ilā mashrab al-Miwaqqiḥīn al-Qā'ilīn hi wahdat al-Wujūd*.⁹⁵

Selain Shaykh Abdul Rauf al-Singkili, seorang lagi tokoh ulama Alam Melayu yang belajar dengan Shaykh Ahmad al-Qushashi ialah

Shaykh Yusuf al-Makassari (1627-1699M.). Kajian Syamsul Bahari Andi Galigo⁹⁶ menemukan bahawa Shaykh Yusuf Makassar telah menerima ijazah tarekat daripada guru-gurunya yang termaktub dalam salasilahnya dan telah disenarai nama-nama tarekat itu dengan menyebut pengasasnya (nisbahnya), termasuklah tarekat Shattariyyah yang dipercayainya daripada Shaykh Ahmad al-Qushashi. Dalam risalah *Safinah al-Nujah*, Shaykh Yusuf Makassari telah menyenaraikan secara lengkap lima *salasilah khilafah tarekat*, di antaranya ialah *Salasilah Khilafah Shattariyyah*.

Ramai ulama Melayu yang memperoleh ijazah tarekat Shattariyyah melalui susur galur sanad Shaykh Ahmad al-Qushashi pada abad-abad berikutnya. Antara contoh yang dapat dilihat ialah Shaykh Daud al-Fathani yang sudah mengenal pasti susur galur sanadnya sampai kepada Shaykh Ahmad al-Qushashi. Walaupun begitu Shaykh Daud al-Fathani menerimanya melalui Sayyid Shaykh Muhammad As'ad, yang menerimanya daripada ayahnya Shaykh Muhammad Sa'id Tahir, yang menerima daripada ayahnya, Shaykh Ibrahim al-Madani yang menerima daripada ayahnya, dan Shaykh Muhammad Tahir yang menerima daripada ayahnya Shaykh Ibrahim al-Kurani yang menerima daripada Shaykh Ahmad al-Qushashi.⁹⁷ Fenomena demikian jelas menunjukkan bahawa jaringan dakwah yang dikembang oleh Shaykh Ahmad al-Qushashi ke Alam Melayu adalah melalui institusi bersanad, pengajian ilmu bersanad,⁹⁸ amalan bersanad⁹⁹ dan tarekat bersanad.¹⁰⁰

Kesimpulan

Shaykh Ahmad al-Qushashi yang wafat pada 1660M./1071H telah berjaya meninggalkan jasanya yang besar dan penting dalam perkembangan Islam pada abad ke-17 dan abad seterusnya. Minat dan cinta Shaykh Ahmad al-Qushashi terhadap Islam telah mendorongnya untuk mengorbankan masa, tenaga, harta dan sebagainya untuk mendalami pelbagai disiplin ilmu agama lebih daripada seratus ulama terkemuka di Hijaz. Natiyahnya, Shaykh Ahmad al-Qushashi telah muncul sebagai ulama tersohor pada zamannya serta mendapat pengiktirafan yang tinggi dalam pelbagai disiplin ilmu khasnya tasawuf. Jasa dan sumbangan Shaykh Ahmad al-Qushashi terhadap perkembangan Islam di seluruh dunia termasuk di Alam Melayu, membuktikan bahawa beliau adalah tokoh pendakwah yang berusaha gigih untuk menyebarkan Islam dan mempertahankannya. Malah rantaian sanad murid beliau yang bertebaran di dunia Islam khasnya di Tanah Arab, India dan Alam Melayu telah berjaya mencorakkan wajah

dakwah Islamiah dan membangunkan masyarakat Islam cengar nilai-nilai ajaran Islam yang murni khasnya melalui pendekatan tasawuf dan tarekat. Rantai murid Shaykh Ahmad al-Qushashi dan sejumlah besar khazanah ilmu yang ditinggalkannya yang masih dimanfaatkan oleh umat Islam sehingga kini, dapat mengoptimalkan lagi sumbangan dan jasa beliau dalam dakwah dan penyebaran ajaran Islam. Lantaran itu, tradisi keilmuan Islam yang ditinggalkan oleh Shaykh Ahmad al-Qushashi melalui pengajian ilmu bersanad, amalan bersanad dan tarekat bersanad adalah bersumberkan daripada Rasulullah SAW. Berkesinambungan daripada ini, Shaykh Ahmad al-Qushashi juga telah mengemukakan mesej dakwahnya dalam teks *al-Durrat al-thaminah fi ma li za'ir al-Nabi ila al-Madinah al-Munawwarah* tentang adab-adab dalam perjalanan menziarahi Madinah al-Munawwarah dan Rasulullah SAW serta kelebihan yang dikurniakan Allah SWT ke atas orang yang mengunjunginya.

Nota Hujung

¹Al-Shaykh dari segi bahasa bererti orang yang telah meningkat umur yang kebiasaannya mencapai 50 tahun. Istilah *al-Shaykh* juga digunakan kepada seseorang yang mempunyai kedudukan dari segi ilmu, kelebihan dan kepimpinan. Menurut ilmu tasawuf, *al-Shaykh* adalah gelaran yang diberi kepada manusia yang telah mencapai kedudukan yang sempurna dalam ilmu syariat, tarekat, hakikat dan makrifat. Dia juga mengetahui secara mendalam tentang penyakit-penyakit hati dan jiwa serta kaidah-kaecah penyembuhannya. Para ahli tarekat telah berijmak tentang kewajipan mempunyai al-Shaykh untuk membimbing seseorang meninggalkan sifat-sifat keji yang menghalangnya untuk menghadirkan hatinya kepada Allah SWT sewaktu mendirikan solat. Sementara itu *al-Akbar* pula bererti yang paling besar atau agung. Menurut al-Mahibbi, Shaykh Ahmad al-Qushashi layak memperoleh gelaran *al-Shaykh al-Akbar* kerana beliau adalah satu-satunya pada zaman tersebut yang dikurniakan Allah SWT dengan ketinggian kewilayah *al-Khatamah al-Khassah* (*al-Mu'jam al-Wasit*, t.th., Qahirah: Majma' al-Lughah al-'Arabiyyah, jil. 1, hlm. 522 & jil. 2, hlm. 864; *al-'Ajam*, Rafiq. 1990, *Mawsu'ah mustalahat al-Tasawwif al-Islami*, Bayrut: Maktabah Lubnan, hlm. 515-516 & al-Mahibbi, Muhammad Amin bin Fadl Allah, t.th., *Khudashah al- Athar fi aryan al-Qarn al-Hadi al-'Ashr*. Bayrut: Maktabah al-Khayyat, jil. 1, hlm. 345).

²Al-Khatamah al-Khassah ialah gelaran tertinggi yang diberi kepada individu yang telah mencapai kedudukan yang mulia di sisi Allah SWT. Hanya scorang yang hidup pada satu-satu zaman layak untuk mencapai kedudukan dan gelaran tersebut. Al-Khatamah al-Khassah adalah suatu martabat *al-Ichtiyyah* yang dikurniakan Allah SWT kepada hamba-Nya yang dikehendaki mengikut wakturyu secara berterusan sehingga lah tiada lagi manusia yang mengucapkan kalimah "Allah" di atas muka bumi (al-Muhibbi, jil. 1, hlm. 345 & al-Qushashi, Saify al-Din Ahmad bin Muhammad bin 'Abd al-Nabi, 1909, *al-Simt al-Mayid fi shar' al-Bay'ah wa al-Dhikr wa talqinih wa solasil ahl al-Travhid*, Hyderabad: Matba'ah Majlis al-Da'i'ah al-Ma'arif al-Nizamiyah, hlm. 183).

³Al-*Imam* erinya orang yang dijadikan ikutan atau tujuan sebagai ketua atau lainnya, seperti imam solat, khalifah, ketua tentera, *al-Qur'an* dan sebagainya. Menurut istilah tasawuf, imam adalah sesuatu yang diikuti, iaitu hati. Apabila hati dalam keadaan suci melalui latihan-latihan kerohanian dan cinta kepada Allah SWT, maka ia layak menjadi tempat hidayah Allah SWT. Hati adalah imam hakiki dan pemimpin yang sebenarnya diikuti dalam solat. Hati yang suci menjadi pembimbing dan pemimpin akan menuju pengetahuan tentang Allah SWT. *Al-Mufarrid* pula diambil daripada perkataan bahasa Arab *Farrada* (فُرِدَ), bermaksud yang tersendiri, iaitu manusia pilihan yang mempunyai kelebihan tersendiri berbanding orang lain sehingga pandangannya sentiasa didengar dan diikuti serta dijadikan rujukan. Lantaran itu, *al-Imam al-Mufarrid* dapat difahami sebagai seorang pemimpin yang dijadikan ikutan dan rujukan dalam pelbagai aspek kerana mempunyai keistimewaan dan kelebihan yang tersendiri kerana tahap keilmuan yang tinggi dan hubungan yang dekat dengan Allah SWT (*al-Mujjom ai-Wasit*, jil. 1, hlm. 27-28 & jil. 2, hlm. 705 dan Armstrong, Amatullah, 1995, *Khazanah istilah sufi: kunci memasuki dunia tasawuf*. Bandung: Penerbit Mizan, hlm. 115).

⁴Beliau ialah Ibrahim bin Hasan bin Shihab al-Din al-Shahrani al-Shahrzuri al-Kurani, Burhan al-Din. Dilahirkan di Shahran di Pergunungan al-Kurd pada Syawal 1025H/1616M. Beliau telah mempelajari bahasa Arab, mantiq, ilmu hisab dan kejuruteraan. Kemudian beliau mendalami pula dalam ilmu al-Macani, al-Bayan, al-Usul, fekah dan tafsir. Seterusnya beliau telah mengembala ke Sham, Mesir dan Hijaz untuk mendalami ilmu hadis dan meriwayatkannya sehingga beliau terkenal di kalangan ulama al-Shafi'iyyah dan ahli hadis pada zamannya. Ketekunan beliau dalam mendalami ilmu telah membawa hasil apabila berjaya menguasai dalam pelbagai bicang ilmu dan menguasai bahasa Arab, Farsi dan Turki. Beliau kemudiannya menetap di Madinah dan mendalami ilmu dengan Shaykh Ahmad al-Qushushi. Selepas kewafatan gurunya, beliau telah menyambung usaha-usaha gununya dalam berdakwah dan menyebarkan ilmu dengan gigih. Beliau meninggal dunia di Madinah pada 1101H/1690M. dan dikebumi di Perkuburan al-Baqiq. Hasil karya beliau dikatakan melebihi lapan puluh buah kitab, di antaranya ialah *Ittiha'at al-Khalaf Bi Tahqiq Madhhab al-Sala'*, *al-Ta'rif Bi Tahqiq al-Itta'if*, *al-Ummam Li Iqaz al-Himam* dan *Lewami' al-Ali Fi al-Arba'in al-Iwal* (al-Zi'ikli, Khayr al-Din, 2002, *al-Ilam qamus iara'ijun li ash'hur al-Rijal wa al-Nisa' min al-'Arab wa mustaribin wa al-Mushtashriqin*, Bayrut: Dar al-'Ilm Li al-Malayin, jil. 1, hlm. 35; al-Shawkani, Muhammad bin 'Ali, 1998, *al-Badr ul-Tul' bi mahasin man ba'd al-Qarn al-Sabi'*, Damshiq: Dar al-Fikr, hlm. 33 & al-Muhibbi, hlm. 345).

⁵Shaykh Abdul Rauf al-Singkili seorang ulama terkenal pada abad ke-17 Masihi. Beliau dilahirkan pada tahun 1620M. di Singkel yang ter letak di Pantai Barat, Sumatera. Setelah menerima pendidikan awalnya di Singkel dan Aceh, beliau meneruskan pengajianannya ke beberapa Negara, seperti Tanah Arab dar. telah pergi ke Mekah pada 1642M. Beliau telah mendalami pelbagai disiplin ilmu agama daripada para ulama di sana. Selama 19 tahun berada di Tanah Arab, iaitu Yaman, Mekah, Madinah dan sebagainya. Antara guru beliau yang masyhir ialah Shaykh Ahmad al-Qushashi yang berada di Madinah dan amat terkenal di dunia Islam pada waktu itu. Pada tahun 1651M. beliau telah kembali semula ke Aceh lalu membuka sebuah zawiyyah di muara Sungai Aceh yang telah berjaya menarik perkhatian ramai umat Islam dari Nusantara untuk belajar di sini. Antara muridnya yang terkenal ialah Shaykh Duthanuddin Utakan, seorang ulama dan pendakwah yang terkenal di Minangkabau. Shaykh Abdul Rauf meninggalkan hasil karya yang amat

berharga dalam agama Islam, antaranya ialah *Mir'at al-Tuhlab fi tashl mafrisah al-Ahkam al-Shariyyah li Malik al-Wahhab*, *'Umdat al-Muhtajin, Kifayat al-Muhtaiin dan Daqa'iq al-Huruf*. Pada Jumaat, 4 Syaban 1114H./1639M. Shaykh Abdul Rauf al-Singkili telah kembali ke rahmatullah dan dimakamkan di muara Sungai Aceh (Zakaria Ahrinad, t.th., sekitar keradjaan Ajieh dalam th. 1520 – 1875, Medan: Penerbit Muocra, hlm. 122-125).

"Shaykh Yusuf al-Makassari adalah seorang ulama Alam Melayu yang terkenal pada kurun ke - 17 Masihi di Banten, Sulawesi Selatan, Ceylon dan Cape Town. Beliau dikenali dengan rama lengkapnya Shaykh Yusuf Abdul Mahasin Tejul Khalwati al-Meqassariy al-Bantaniy. Asal usul beliau adalah daripada keturunan bangsawan di kalangan suku bangsa Makassar. Tiada catatan yang jelas mengenai tarikh kelahiran beliau. Namun dalam suatu catatan di Lontarak *Riwayakna Tuamu Salamaka ri Gowa* dinyata bahawa beliau dilahirkan pada 3 Julai 1626M./8 Syewal 1036H. di Mukassar. Semenjak kecil Syaykh Yusuf al-Makassari telah mempelajari ilmu-ilmu agama daripada para ulama yang terdapat di sana. Pada 1644M. ketika berusia 18 tahun, beliau telah mengembara ke Mekah untuk memutut ilmu di Tanah Arab, namun beliau terlebih dahulu singgah di Banten untuk mendalami ilmu agama di sana dan menetap selama 5 tahun. Selepas itu, pada tahun 1649M. barulah beliau berpeluang ke Mekah untuk merentas pengajian ilmu agama. Dalam perjalanan ke Mekah, beliau telah singgah di Ceylon selama lima puluh enam hari. Di Tanah Arab, beliau telah ke Yaman, Mekah, Madinah dan Damshiq. Di antara guru beliau yang masyhur ialah Shaykh Ahmad al-Qushashi dan Shaykh Ibrahim al-Kurani. Ketika berusia 38 tahun, Shaykh Yusuf al-Makassari telah kembali ke Alam Melayu dan terus menuju ke Banten dan membuka pusat pengajian di sana sehingga beliau menjadi ulama yang terkenal. Beliau kemudian telah dilantik sebagai mufti dan penasihat kerajaan. Di Banten, Shaykh Yusuf turut sama dengan kerajaan Banten yang diprincipt oleh Sultan Ageng Tirtayasa (1651 – 1682M.) memerintah penjajahan Belanda. Namun akhirnya beliau telah ditangkap dan dibuang daerah di Ceylon selama sembilan tahun. Disebabkan pengaruh beliau yang kuat di Ceylon, kemudian beliau telah dibuang daerah pula ke Kaap (Cape Town), Afrika Selatan. Beliau meninggal dunia di Kaap pada 23 Mei 1699M. di sana. Antara hasil karya yang ditinggalkan oleh Shaykh Yusuf al-Makassari ialah *al-Tuhfah al-Sailaniyyah, Habl al-Werid, Tuṣfah al-Lubib, Safinah al-Najah, Zubidah al-Asrar dan Tuhfah al-Rabhaniyyah* (Abu Hamid, 1994, Syekh Yusuf Makassar; seorang ulama, ahli lillah dan pejuang, Jakarta: Yayasan Obor Indonesia, hlm. 79-118).

⁷ Aceh berasal daripada sebuah kerajaan Hindu bernama Lamuri. Ia telah menjadi sebuah kerajaan Islam apabila Shaykh Abdullah Kanran dan muridnya Meurah Johan dari kerajaan Lingga telah berdakwah ke kerajaan Lamuri dan berjaya mengislamkan Raja Maharaja Sakti yang beragama Hindu. Lamuri kemudian telah menukar namanya kepada Aceh. Semenjak itu, Aceh terus mencetus menjadi pusat kegiatan dakwah dan penyebaran Islam sehingga ke abad 17 Masihi. Antara ulama yang muncul di Aceh pada abad tersebut ialah Shaykh Abdul Rauf al-Singkili. Beliau bertugas sebagai mufti Aceh (*Qadi al-Malik al-Adil*) selama empat era pemerintahan sultanhah, iaitu Sultanah Taj al-Alam Sufiatuddin Syah (1641-1675 Masihi), Sultanah Nur ai-Alam Nakiyatudin Syah (1675-1678 Masihi), Sultanah Inayat Syah Zakiyatuddin Syah (1678-1688 Masihi) dan Sultanah Kamalat Syah (1688-1699 Masihi) (A. Hasmij, 1975, *Meurah Johan (sultan Aceh pertama)*, Jakarta: Bulan & Bintang, hlm. 29 & Ismail Sofyan et al., 1994, *Wanita utama Nusantara dalam lintasan sejarah*, Jakarta: Pn. Jayakarta Agung Offset, hlm. 43, 66 dan 67).

⁸Sultan Ageng atau Sultan Ageng Tirtayasa adalah gelaran bagi sultan yang memerintah Banten. Nama asal beliau ialah Sultan Abdul Fattah dan memerintah Banten mulai 1651M hingga 1682M. Sultan Ageng adalah seorang yang berjaya mengajarkan Islam di Banten. Beliau amat cintakan Islam, lanteran itu beliau telah menjemput ulama-ulama daripada Tanah Arab dan India untuk mengajarkan ilmu-ilmu agama di Banten. Semasa pemerintahannya, Banten menghadapi ancaman serangan daripada Belanda. Lantaran itu beliau telah meminta Shaykh Yusuf al-Makassari agar membantu beliau dalam perjuangan jihad merentang Belanda. Beliau kemudian ditangkap dan dipenjara di Jakarta pada 1683M, dan meninggal dunia selepas sepuh tahun dipenjarakan (Abu Hamid, hlm. 95, 97 & 102).

⁹Tarekat ialah suatu metode kiasus kepada orang-orang yang menuju (al-Salikir) Allah SWT dengan mencapai stesen-stesen (al-manazil) dan mendaki *majamat* kerohanian melalui amalan-amalan dan latihan-latihan kerohanian (Anwar Fu'ad Abi Khazam, 1993, *Mujam al-Mustalahat al-Sufiyah*, Maktabah Luqman, Bayrut, cet. 1, hlm. 113). Jalan menuju Allah atau tarekat dibahagi kepada empat tahap, iaitu awalnya ialah zikir, hamparannya ialah amalan solih dan hasilnya ialah Nur. Kedua-duanya ialah fikir, hamparannya ialah sabar dan hasilnya ialah ilmu. Ketiganya ialah kesakiran kepada Allah, hamparannya syukur dan hasilnya ialah bertambah kesyukurannya. Keempat ialah cinta (al-hub), hamparannya ialah benci dunia dan syahwat dan hasilnya ialah sampai kepada yang dicintai, iaitu Allah SWT (al-Shargawi, Hasan, 1992, *Mujam al-faz al-Sufiyah*. Qahirah: Muassasah al-Mukhtar, cet. 2, hlm. 201).

Tarekat adalah selari dengan syariat bahkan ia adalah suatu metode pengaplikasian syariat sama ada aspek fekah ataupun tasawuf dan ia adalah perlakuan-perlakuan syariat yang zahir dan batin. Lantaran itu, dakwaan bahawa *akhlak*-*akhlak* adalah ahli tarekat dan bukannya termasuk ahli fekah dan syariat adalah tidak benar kerana tarekat adalah aplikasi bagi syariat yang sempurna. Tarekat bukanlah aplikasi bagi aspek kerohanian semata-mata bahkan ia mencakupi semua aspek syariat (al-Kashazzan, Muhammad bin 'Abd al-Karim, 2005, *Mawsu'ah al-Kashazzan fi ma istalah 'alayh ahli al-Tasawwuf wa al-Urfan*, Bayrut: Dar Ayah, cet. 1, jil. 14, hlm. 111 & 113).

¹⁰*Al-Quds* adalah kota suci umat Islam, Kristian dan Yahudi. Selepas pembukaan Islam, kota ini dikenali dengan nama Baitulmaqdis. Di sinilah terletaknya beberapa tempat yang dianggap suci oleh ketiga-tiga agama tersebut seperti Masjid al-Aqsa dan Kubah al-Sakhra bagi agama Islam, Gereja al-Qiyamah bagi agama Kristian dan Tembok Tangisan bagi agama Yahudi. Sepanjang abad ketujuh Masihi, kota Baitulmaqdis sering bertukar tangan pada tiga kuasa yang berbeza iaitu Parsi, Byzantine dan Islam. Islam telah berjaya menguasai Baitulmaqdis pada 15H./636M. Sayyidina 'Umar ibn al-Khattab r.a sendiri telah datang ke sana untuk menerima kunci kota ini daripada Safruniyyus, Ketua Paderi kota Baitulmaqdis. Di Baitulmaqdis juga telah berlakunya pertembungan antara pelbagai kuasa tentera Islam yang bersaing untuk menguasainya. Keadaan ini berterusan sehingga berlakunya Perang Salib pada 493H./1099M, dan pihak Kristian berjaya menguasai Baitulmaqdis. Bagaimanapun Islam berjaya merampas kembali hak penguasaan ke atas Baitulmaqdis apabila tentera Islam di bawah kepimpinan Salah al-Din al-Ayyubi pada 583H./1187M. berjaya memasuki Hayfa, Quysariyyah, Yafa dan Nablus seterusnya menguasai Baitulmaqdis. Dawlah 'Uthmaniyyah kemudian berjaya menguasai Baitulmaqdis setelah menundukkan Dawlah Mamluk di Mesir pada 923H./1517M. Namun akhirnya Baitulmaqdis jatuh ke tangan Britain apabila mereka berjaya memasuki

Baitulmaqdis dan menghalau tentera-tentera Islam pada Disember 1917M. dan memeterai Perjanjian Balfour yang menyatakan sokongan kerajaan Britain terhadap penubuhan negara bagi umat Yahudi serta meletakkan Palestin dan Baitulmaqdis di bawah amanah pentadbiran Britain. Perjanjian Balfour ini kemudian diikriraf oleh Perunduan Bangsa-bangsa Bersatu pada 1922 (*Encyclopedia Diversa*, 2005. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, jil. 3, hlm. 95 – 96).

¹¹ Beliau duripada keturunan Sayyid Badr yang menjadi asal kepada keturunan keluarga al-Dajani di Yafa. Adalah seorang ulama yang masyhur pada kurun ke-10 Hijrah dan telah mendalami ilmu tasawuf dan tarekat daripada Shaykh 'Ali bin Maymun dan daripada muridnya Shaykh Muhammad bin 'Iraç. Beliau meninggal dunia pada 969H./1561M. (al-Nabhan, Yusuf bin Ismail, 1996, *Jam' Karamah al-Awliya'*. Bayrut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, jil. 1, hlm. 445).

¹² Zion ialah sebuah bukit yang terletak di luar tembok bandar lama Jerusalem. Di bukit ini terletak beberapa tempat bersejarah, seperti *Dormition Abbey, Room Of The Last Supper* dan *King David's Tomb*. Istilah Zion pula digunakan bagi Jerusalem (wikipedia, Mount Zion, http://en.wikipedia.org/wiki/Mount_Zion [15 Februari 2008]).

¹³ Al-Nabhan, jil. 1, hlm. 445.

¹⁴ Sultan Sulaiman I telah mewarisi perintahannya Dawlah 'Uthmaniyyah selepas kematian bapanya Sultan Salim I pada tahun 1512M. Pemerintahan beliau bermula mulai 1520 hingga 1566 Masihi lebih dikenali sebagai Sultan Sulaiman al-Qanuni atau mempunyai Eropah sebagai "Sulaiman The Magnificent". Zaman pemerintahan Sultan Sulaiman adalah zaman keagungan Dawlah Uthmaniyyah kerana berlakunya pertuasan kuasa kerajaan ke timur dan barat serta menguasai perluasannya ke atas Laut Mediterranean, dan Laut Merah yang menjadi jaluan utama perdagangan Timur dan Barat. Semenjak menguasai Mesir pada 1517M. Palestin telah dikuasai pula oleh Dawlah 'Uthmaniyyah. Puru khalifah Dawlah 'Uthmaniyyah telah memberikan perhatian terhadap isu penceraohan dan penghijrahan Yahudi ke atas Syam khasnya di Palestin. Menyedari mengenai bahaya yang akan timbul para khalifah 'Uthmaniyyah termasuk Sultan Sulaiman I telah mengambil ketetapan menghalang kemasukan Yahudi ke Palestin dan S.na'. Namun begitu, Yahudi berupaya menembusi Tur Sina' sempadan yang terletak di pantai timur Teluk Suez. Lantaran itu, beberapa lagi ketetapan telah dikeluarkan oleh pengganti Sultan Sulaiman I untuk menghalang kemasukan Yahudi ke bumi Palestin (Shalabi, Ahmad, 1990, *Mawdu'ah al-Tarikh al-Islami*, Qahirah: Maktabah al-Naâdhîr al-Misriyyah, jil. 5, hlm. 827 – 828 dan 'Abd al-Hadi, Jamal Muhammad Mas'ud et al., 2001, *al-Tariq ila Bayt al-Muqaddis al-Qadiriyyah al-Palastiniyyah mundhu Adam hasta sandah 1412H/1992M*. Qahirah: Dar al-Tawzî' Wa al-Nashr al-Islami, hlm. 169 - 170).

¹⁵ Al-Nabhan, jil. 1, hlm. 445 & Nuruddinzangi, 2007, *Saif al-Din al-Qushashi*, <http://riyada.hadithuna.com/2007/03/>, [13 Mac 2008].

¹⁶ Al-Qushashi, hlm. 181.

¹⁷ Al-Zirikli, jil. 1, hlm. 239.

¹⁸ Al-Muhibbi, jil. 1, hlm. 344.

²⁰Al-Zirikli, jil. I, hlm. 239.

²¹Pada maka hadapan maklumat ini tertulis nama beliau Ahmad Shihab al-Din bin Muhammad al-Madani al-Dajani. Teks ini diperoleh melalui Mohd Syukri Yeoh Abdullah, Felo Penyelidik & Pensyarah, Institut Alam dan Tamadun Melayu (AIMA), Universiti Kehangsaan Malaysia (al-Dajani, Ahmad Shihab al-Din bin Muhammad, t.th., *Targhib al-Gharib fi muda'ajah al-Wahib*, mss. no. 624, Misr: Dar al-Kutub al-Qawmiyyah).

²²Al-Qushashi, hlm. 62-63.

²³Al-Muhibbi, jil. I, hlm. 344.

²⁴Shaykh Ahmad al-Qushashi dalam *al-Simi al-Majid Fi Sha'n al-Bay'ah Wa al-Dhikr Wa Talqinah Wa Salasi Ahl al-Tawhid* pula hanya menyatakan sebahagian daripada silsilah keturunan beliau, iaitu Ahmad bin Muhammad bin Yunus bin Ahmad al-Dajani bin 'Ali bin Hasan al-Badri. Beliau memperolehnya daripada anak saudara sepupunya dan sepupunya yang masih menetap di al-Quds setelah beliau menulis surat kepada mereka untuk mendapatkan salasilah keturunannya. Walaupun begitu dalam bibliografi Shaykh Ahmad al-Qushashi terdapat pada akhir kitab *al-Simi al-Majid fi sha'n al-Bay'ah wa al-Dhikr wa talqinah wa salasil ahli al-tawhid* dinyata secara lengkap silsilah keturunan beliau yang sampai kepada Rasulullah SAW. (al-Qushashi, hlm. 63 & 181).

²⁵Al-Muhibbi, jil. I, hlm. 343-344.

²⁶Al-Zirikli, jil. I, hlm. 239.

²⁷Sultan Murad III mewarisi pemerintahan Dawlah Uthmaniyyah selepas kematian bapanya, iaitu Sultan Salim II pada 1574M./982H. Menurut Shalabi, zaman pemerintahan Sultan Murad III adalah zaman bermulanya kelemahan dalam Dawlah Uthmaniyyah. Walaupun begitu, Sultan Murad III berjaya besar kerana berjaya mengalahkan Raja Bolonia dan menghalauinya ke Perancis pada tahun 1574M./982H. Di samping itu, Sultan Murad juga telah menewaskan Portugis dan Parsi serta membuat perjanjian damai dengan mereka. Sultan Murad meninggal dunia pada 1595M. dan dikebumi di Aya Sufiya (Muhammad Shalabi, 'Ali Muhammad, 2001, *al-Dawlah 'Uthmaniyyah 'awami al-Nuhud wa asbab al-Suqut*, Bur Sa'id: Dar al-Tawzī' Wa al-Nashr al-Islamiyyah, hlm. 292-294 & Shalabi, jil. 5, hlm. 832 – 833).

²⁸Dawlah Uthmaniyyah yang dibina selepas berakhirknya Dawlah Seljuk adalah sebuah empayar Islam terbesar dan telah memerintah lebih 600 tahun (680 – 1342H /1281 – 1924M.). Seramai 38 orang khalifah Uthmaniyyah yang telah berkuasa sepanjang kewujudan dawlah ini. Di antaranya yang masyhur ialah Sultan Muhammad II yang terkenal dengan gelaran Sultan Muhammad al-Fatih dan Sultan Sulaiman I yang terkenal dengan gelaran Sultan Sulaiman al-Qanuni atau "Sulaiman The Magnificent". Dalam sejarah kegemilangannya, pada kurun ke – 16M, Dawlah Uthmaniyyah telah berjaya menewaskan Byzantine dan menguasai Konstantinopel (Turki) laju menjadikannya pusat pemerintahan. Di samping itu, Dawlah Uthmaniyyah telah berjaya menguasai dan menyatukan hampir keseluruhan negara Islam, seperti Mesir, Syria, Iraq, Hijaz, Yaman, Tunisia, Maghribi, Algeria dan Libya. Ia juga berjaya menguasai Asia Kecil (Anatolia) dan memperluaskan wilayah Islam di Eropah sehingga dapat menguasai sebahagian

besar Balkan. Walaupun begitu, beberapa titik kelemahan dalam pemerintahan Dawlah 'Uthmaniyyah kemudiannya telah menjadi faktor kejatuhannya pada 1923M./1341H. dan tergakrya negara sekular Turki di bawah kepimpinan Mustafa Kamal Ataturk (Bosworth, Clifford Edmund, 1967, *The Islamic dynasties*, North America: Edinburgh University Press, hlm. 136-139, Matayudin Yahya, 1989, *Ensiklopedia sejarah Islam*, Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, jil. 6 hlm. 1771-1774 & Muhammad Shalabi, hlm. 471).

²⁶Sharif Hasan, nama penuh beliau ialah al-Hasan bin Muhammad Abu Numay bin Barakat adalah penguasa Mekah yang mewarisi autonomi pertadbiran Hijaz daripada Dawlah 'Uthmaniyyah. Beliau mewarisi kuasa pemerintahan daripada bapanya Abu Numay bin Barakat, telah mentadbir Hijaz mulai 1583M. hingga 1601M (973 - 1009H). Semasa penguasaannya inilah Shaykh Ahmad al-Qushashi dilahirkan (*Sharif of Mecca*. http://en.wikipedia.org/wiki/Sharif_of_Mecca#During_Ottoman_Empire_281517.29 - 281916.29 [9 April 2003]).

²⁷*The Encyclopaedia Of Islam*, 1991. Netherlands: F.J. Brill, Leiden, jil. 6, hlm. 150.

²⁸Al-Muhibbi, jil. 1, hlm. 344.

²⁹Yaman adalah sebuah negara Arab yang terletak di Selatan Semenanjung Tanah Arab. Ia bersempadan dengan Laut Arab di bahagian selatan, Arab Saudi di bahagian utara, Laut Merah di bahagian barat, dan Oman dan Rub' al-Khali di bahagian Timur. Islam mula tersebar ke Yaman sejak zaman Rasulullah SAW. lagi apabila baginda telah mengutuskan 'Ali bin Abi Talib r.a. dan Mu'adh bin Jабal r.a. untuk berdakwah ke sana. Penduduk Yaman telah menerima Islam dengan senang hati serta turut sama berdakwah dan berjihad mempertehankan Islam. Rasulullah SAW. telah melarik beberapa orang sahabat sebagai gabenor di Yaman, antaranya; Imam 'Ali bin Abi Talib r.a., Mu'adh bin Jабal r.a., Abu Musa al-Ash'ari r.a., Khalid bin al-Walid r.a., al-Buru' bin al-'Azib r.a., Sa'id ibn al-Ansari dan Wabar ibn Yuharnas. Selepas pemerintahan Rasulullah SAW, Yaman terus beraса di bawah perintahan Khulafa' al-Rasyidin, Bani Umayyah dan Bani Abbasiyyah. Yaman mula runduk di bawah kekuasaan Dawlah 'Uthmaniyyah apabila Iskandar yang adalah putera Mamluk yang memerintah Yaman telah mengisyiharkan kesetiaannya kepada Sultan Salim I semasa Dawlah Uthmaniyyah berjaya menguasai Mesir pada 923H./1517M. dan mengetahui bahawa Syarif Barakat yang adalah penguasa Mekah pada ketika itu dan anaknya Abu Namiy telah menyerahkan kunci Mekah kepada Sultan Salim I sebagai persetujuan menyerahkan Hijaz di bawah kekuasaan Kerajaan 'Uthmaniyyah. Sultan Salim I lantas mengeluarkan surat mohor yang melantik Iskandar sebagai pemerintah di Yaman dan memerintahkannya menyebut nama Khalifah 'Uthmaniyyah di dalam khutbah Jumaat. Sepertimana Hijaz, penguasa Yaman juga telah diberikan kuasa autonomi untuk mentadbir Yaman di bawah kedaulatan Dawlah 'Uthmaniyyah. Semasa kerajaan 'Uthmaniyyah menguasai Yaman, mereka berhadapan dengan tantangan dan pemberontakan daripada puak Zaydiyyah yang diketua oleh Imam-Imam mereka seperti pemberontakan Imam Mutahhir ibn Sharaf al-Din al-Zaydi pada 934H./1547M. Pemberontakan ini dapat dibapaskan oleh Sinan Basha, Gabenor Mesir yang dihantar ke Yaman sebagai panglima perang pada 977H./1569M. Kemudian berlaku pula pemberontakan Imam Mansur Bi Allah Qasim ibn Muhammad diikuti pemberontakan Imam Mu'ayyid Bi Allah Muhammad ibn Qasim yang menentang Gabenor Yaman Ahmad Fa'di pada 1031H./1621M. Imam Mu'ayyid telah berjaya menguasai Sanca',

Ta'izz dan 'Adn serta berjaya menghalau kerajaan 'Uthmaniyyah pada 1046H./1636M. Walaupun kerajaan 'Uthmaniyyah cuba memulihkan penggunaan mereka di Yaman dengan membahagikan dua orang gabenor di sana pada 974H./1566M., iaitu seorang gabenor di kawasan dataran dan persisiran pantai wilayah Yaman yang berpusat di Zabid dan seorang gabenor di kawasan yang meliputi Ta'izz, San'a' dan kawasan pergurungan. Namun usaha tersebut hanya melemahkan pengaruh 'Uthmaniyyah di Yaman. Kelemahan kerajaan 'Uthmaniyyah telah memberawa kepada kemerdekaan Hadramawt dar. Lahaj pada 1145H./1732M. kelemahan pemerintahan 'Uthmaniyyah di Yaman berterusan sehingga menyebabkan kekacauan politik, ekonomi dan sosial yang akhirnya membawa kepada termeterainya perjanjian London pada 1256H./1840M. yang menghadkan kuasa dan pengaruh 'Uthmaniyyah di sekitar wilayah Mesir sahaja (*Ensiklopedia Dunia*, jil. 22, hlm. 637-642).

³² Beliau ialah Shaykh Ahmad al-Satihah bin al-Maqbul al-Zayla'i al-Uqayli. Lahir di negeri al-Lihyah, Yaman dan adalah salah seorang ulama dari *abhlLah* yang terkenal di Yaman. Beliau wafat pada 1012H. di bumi kelahirannya dan dikebumikan bersebelahan kubur datuknya, Ahmad bin 'Izz al-Zayla'i (al-Nabhani, jil. 1, hlm. 448-449).

³³ Al-Muhibbi, jil. 1, hlm. 344.

³⁴ Beliau ialah Ahmad bin 'Ali bin 'Abd al-Quddus bin Muhammad Abu al-Mawahib al-Madani. Dilahirkan di Mahallah Ruh di Barat Mesir pada 975H/1567 dan meninggal dunia pada 1028H/1619M. di Madinah. Beliau adalah seorang tokoh ulama Madinah yang masyhur dan mempunyai ramai murid. Pernah belajar dengan Shaykh Shams al-Din al-Razzi di Mesir dan Shaykh Sibghah Alleb al-Sindi di Madinah sehingga beliau menguasai ilmu hakikat di samping disiplin ilmu-ilmu agama yang lain. Beliau mempuoyai ramai orang murid, antaranya ialah Shaykh Ahmad al-Qushashi. Karya beliau ialah *Hashiyah 'Ala Kitab al-Jawahir, al-Sata'at al-Muhammadiyyah Fi Rawa'ih Mada'in al-Dhat al-Muhammadiyyah, al-Ta'sil Wa al-Tafsil* dan *Risalah Fi Wihdah al-Wujudiyyah* (al-Muhibbi, jil.1, hlm. 243 -244).

³⁵ Al-Muhibbi, jil.1, hlm. 344.

³⁶ Azyumardi Azra, 1994, *Jorongan Ulama Timur Tengah dan Kepulauan Nusantara Abad XVII dan XVIII: Melacak akar-akar pembaruan pemikiran Islam di Indonesia*, Bancung: Penerbit Mizan, hlm. 85.

³⁷ Beliau ialah Shaykh Sibghati Allah bin Ruh Allah bin Jamal Allah al-Barwaji al-Sharif al-Husayni al-Naqshabandi. Dilahirkan di Barwa, Indir. Beliau pernah belajar dengan Shaykh Wajih al-Din al-Alawi al-Hindi yang adalah murid Shaykh Muhammad Ghawth al-Bustami. Beliau adalah seorang ulama yang terkenal di India dan dihormati oleh para raja. Tahun 1005H. beliau bermusafir ke Hijaz untuk mergerjakan Haji dan terus menetap di Madinah serta mencurahkan ilmunya di sana. Beliau wafat pada 1015H. dan dikebumikan di Madinah (al-Muhibbi, jil. 2, hlm. 243).

³⁸ *Al-Jawahir al-Khamis* adalah sebuah kitab yang ditulis oleh Shaykh Muhammad al-Ghawth pada 956H. di Gujarat dalam dua jilid kecil. Kitab ini membahaskan mengenai rahsia-rahsia *al-Huruf* dan *al-Asma'* dalam istilah ilmu tasawuf. Beliau menulis kitab ini selepas beruzlah selama lebih 15 tahun di Bukit Qal'ah Jinar (al-Zirikli, jil.6, hlm. 114 & al-Qusha'i, hlm.168).

⁴⁰Beliau ialah Shaykh Muhammad bin Khatir al-Din bin Ba Yazid al-'Attar. Digelar sebagai Muhammad al-Ghawth adalah seorang tokoh *ahli'�ah* yang terkenal di India (al-Zirikli, jil.6. hlm. 114).

⁴¹Al-Qushashi, hlm. 67.

⁴²Al-Qushashi, hlm. 58.

⁴³Al-Qushashi, hlm. 67.

⁴⁴Sanad tarekat-tarekat berkenaan yang kembali kepada Rasulullah SAW dinyatakan oleh Shaykh Ahmad al-Qushashi dalam *al-Simt al-Mojid* (al-Qushashi, hlm. 67-79).

⁴⁵Al-Qushashi, hlm. 65.

⁴⁶Tarekat *al-Akbariyah* dinisbah kepada al-Shaykh al-Akbar Muhy al-Din Ibn 'Arabi. Beliau ialah Muhammad bin 'Ali bin Muhammadi bin 'Arabi, Abu Bakr al-Hatimi al-Ta'i al-Andalusi. Beliau lebih dikenali dengan nama Muhy al-Din Ibn 'Arabi dan gelarun al-Shaykh al-Akbar. Dilahirkan pada hari Isnin 17 Ramadhan 560H. bersamaan 27 Julai 1165M. di Mersiyan, Andalus, sebuah bandar yang dibina oleh umat Islam semasa zaman pemerintahan Bani Umaiyyah di Andalus. Kemudian beliau mengikuti bapanya berpindah ke Ishbiliyyah. Di sini beliau telah mencari pelbagai disiplin ilmu agama seperti al-Quran, qira'at, fikah dan hadis daripada daripada para ulama di sana. Beliau kemudian mengikuti pelajaran dalam ilmu *takwil* dan *rūmīz* (perlambangan) di Andalus. Persediaan fizikal secara sirah, persekitaran yang bersih dan keberkatan ilmu-ilmu yang dipelajarinya telah mengasilkan kekuatan kerohanian kepada Ibn 'Arabi pada usia yang muda. Lanjutnya itu, beliau telah dikurniakan kelebihan *kayf* dan ilham sehingga beliau mampu menyelami dengan mendalam rahsia tasawuf dan kebesaran Allah SWT. Beliau kemudian telah mengembah ke beberapa tempat seperti Syam, Maghribi, Iraq, Mesir dan Hijaz. Ibn 'Arabi wafat di Damsyiq, Syria pada 28 Rabulakhir 638H. bersamaan 16 November 1240M. dan dikebumi di sana. Sepanjang hayat Ibn 'Arab., beliau telah menulis banyak kitab yang sangat bernilai, iaitu kira-kira empat ratus buah. Di antaranya yang masyur ialah *al-Futuhat al-Makkiyyah*, *Fusus al-Hikam*, *Mafathih al-Chayb* dan *al-Tarifat* (al-Zirikli, jil.6, hlm. 281 & Shams al-Din, Ahmad, 1999, dlm. *al-Futuhat al-Ilahiyyah Li al-Shaykh Abu Bakr Muhy al-Din Ibn 'Arabi*. Bayrut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, jil. 1, hlm. 3-6).

Shaykh Ahmad al-Qushashi memperoleh sanad *al-Khirqah al-Akbariyah* yang dinisahkan kepada al-Shaykh al-Akbar Ibr. 'Arabi melalui guruannya Shaykh Ahmad bin 'Ali al-Shinawi (Chodkiewicz, Michel, *The Diffusion of Ibn 'Arabi's Doctrines*, <http://www.ibnarabisociety.org/articles/diffusion.html>. [5 Februari 2008]; Suha Taji Farouki, 2006, *Ibn Arabi a prayer for spiritual elevation and protection*. Anqa Publishing Oxford, hlm. 33 & al-Qushashi, hlm. 105-106).

Selain *al-Khirqah al-Akbariyah*, Shaykh Ahmad al-Qushashi juga meriwayatkan *al-Dawr al-A'la al-Muqarrab Ila al-Maqam al-A'la* yang dikenali juga sebagai *al-Hizb al-Wiqayah*. Beliau memperoleh sanad *al-Dawr al-A'la* melalui guruannya Shaykh Ahmad bin 'Ali al-Shinawi (Suha, hlm. 20-21).

⁴⁷Martin Van Bruinessen, 1994, *Origins and development of the sufi orders (tarekat) in Southeast Asia*, <http://www.lib.uu.nl/~Martin.vanBruinessen/personal/publications/Sufi%20orders%20in%20Indonesia.htm> [7 Januari 2008].

⁴⁷Beliau ialah Zakariyya bin Muhammad bin Ahmaq bin Zakariyya al-Ansari al-Saniki al-Masri al-Shafi'i. Lahir di Sanikah di bahagian Timur Mesir pada 823H./1420M dan wafat pada 926H./1520M. Beliau mendapat gelaran Shaykh al-Islam kerana ilmunya yang mendalam dalam bidang tafsir dan seorang pengajar hadis. Beliau adalah ulama yang aktif menulis. Antara karya beliau yang masyhur ialah *Tuhfah al-Bari 'Ala Sahih al-Bukhari* (al-Zirikli, jil.3, hlm. 46).

⁴⁸Beliau ialah 'Abd al-Wahhab bin Ahmad bin 'Ali al-Hanafi al-Sha'arani. Lahir di Qalqashandah di Mesir pada 898H./1493M dan dibesarkan di Saqiyah Abi Sha'rah. Dari sinilah beliau mendapat gelaran al-Sha'arani. Beliau wafat pada 973H./1565M di Qahirah (al-Zirikli, jil.4, hlm. 180).

⁴⁹Suhu, hlm. 32.

⁵⁰Roger Til & Jan Just Witkamp, 'Our Syaikh : Syaikh Ahmad al-Qusayysi', t.th., http://bc.ub.leidenuniv.nl/bc/olg/zuidouest/al_quisyasi/introduction.htm [15 Januari 2008].

⁵¹*Al-Ru'yah al-Hasanah* ialah mimpi benar yang datang daripada Allah SWT. ia adalah kemuliaan (kurāmah) yang dikurniakan Allah SWT kepada orang yang soleh (al-Qushayri, Abu al-Qasim 'Abd al-Karim bin Hawazin, 2005. *al-Risalah al-Qushayriyyah*. Bayrut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, cet. 3, hlm. 414).

⁵²Kalimah *al-Yaqazah* diambil daripada yaqaza yang bererti "bukan tidur". *Iyyaqazaz fi al-Amr* bermaksud apabila ia sedar mengenai perkara itu. Ini bermaksud bahawa *al-Yaqazah* talah berada dalam keadaan jaga dan sedar (al-Azhari, Abu Mansur Muhammad bin Ahmad, 2001. *Mujam tadhhib al-lughah*, tahlīq Riyad Zaki Qasim. Bayrut: Dar al-Ma'rifah, cet. 1, jil. 4, hlm. 3983).

Terdapat hadis Rasulullah SAW yang menjelaskan mengenai yaqazah. Antaranya ialah:

أَنَّ أَبَا حُرَيْرَةَ قَالَ: سَمِعْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ: "مَنْ رَأَى فِي النَّوْمِ فَسِيرَاهُ فِي الْمَغْطَةِ وَلَكَمَّا رَأَى فِي الْبَيْنَةِ لَا يَقْنَعُ الشَّيْطَانُ بِي

Maksud hadis:

Abu Hurayrah r.a. berkata: Aku mendengar Rasulullah SAW bersabda: "Sesiapa yang telah melihatku dalam mimpi, maka dia akan melihatku secara *yaqazah*, atau sebaliknya dia melihatku secara *yaqazah*. Syaitan tidak dapat menyerupai diriku" (al-Asqalani, Ahmad bin Hajar, 2000). *Fath al-Bari Sharh Sahih al-Bukhari*, Bayrut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, jil. 12, hlm. 473, kitab al-Ta'bīr, bab orang yang melihat Nabi SAW dalam tidur, bil. Hadis 6993 & al-Naysaburi, Abu Muslim bin al-Hajjaj, 1995. *Sahih Muslim*. Bayrut: Dar Ibn Hazm, jil. 4, hlm 1418, kitab al-ru'ya, bab perkataan Nabi SAW "orang yang telah melihatku dalam tidur sesungguhnya dia telah melihatku", bil. hadis 2266).

Menurut Qadi Abu Bakr al-'Arabi bahawa melihat Nabi SAW dalam bentuknya yang diketahui adalah melihatnya dengan sebenar-benarnya sedangkan melihat Baginda SAW selain daripada sifatnya, adalah melihat gambaran yang serupa dengannya kerana bumi tidak dapat merosakkan jasad para nabi. Imam al-Nawawi menuliskan pendapat Qadi 'Iyad pula bahawa orang yang telah melihat Nabi SAW sesungguhnya telah melihat Baginda SAW dengan sebenar-benarnya sama ada dia melihat sifat-sifat Baginda SAW

yang dikenali atau pun tidak. Menurut Ibr. Battal pula bahawa pendapat yang menyatakan bahawa melihat Nabi SAW secara *yagazah* berlaku di akhirat adalah tidak benar kerana di akhirat sememangnya Nabi SAW dapat dilihat secara *yagazah* (al-Asqalani, jil. 4, hlm. 475-476).

Bertemu dengan Nabi SAW di dalam tidur (al-Ru'yah) dianggap sebagai manifestasi cinta yang mendalam terhadap Allah SWT dan Rasulullah SAW. Ia adalah cara seorang hamba dapat melihat Allah SWT melalui perantaraan pertemuan dengan Rasulullah SAW (al-Kasnezon, jil. 9, hlm. 23).

Shaykh Jalal al-Din al-Sayyuti diriwayat pernah bertemu dengan Rasulullah SAW di dalam mimpi dan bertanya kepada Baginda SAW beberapa hadis. Nabi SAW memanggilnya, "kemarilah wahai Shaykh al-Hadith" dan "kemarilah wahai Shaykh al-Sunnah." Shaykh Abd al-Qadir al-Shadhili meriwayatkan bahawa gurunya Shaykh Jalal al-Din al-Sayyuti berkata bahawa beliau telah melihat Nabi SAW secara *yagazah*. Saat itu Rasulullah SAW memanggilnya, "Wahai Shaykh al-Hadith." Beliau bertanya, "Wahai Rasulullah SAW! adakah aku daripada kalangan ahli syurga?" Baginda SAW menjawab, "Ya". Beliau bertanya lagi, "Dimansukkan syurga tanpa diazab terlebih dahulu?" Baginda SAW menjawab, "Engku berhak mendapatkannya." Shaykh Abd al-Qadir juga bertanya mengenai jumlah kekerapan gurunya bertemu dengan Rasulullah SAW secara *yagazah* dan gurunya menjelaskan bahawa pertemuan tersebut berlaku lebih daripada tujuh puluh kali (al-Nabhani, jil. 2, hlm. 132).

³³Nuruddinzangi, <http://riyada.hadithuna.com/2007/03/> [13 Mac 2008].

³⁴Pengertian ini dinyatakan oleh Shaykh Ahmad al-Qushashi pada *hamish Risalah Shajiq al-Joyb Fi Marifah al-Rijal al-Ghayb*, karya Shaykh Salim bin Ahmad (al-Muhibbi, jil. 1, hlm. 345).

³⁵Nuruddinzangi, <http://riyada.hadithuna.com/2007/03/> [13 Mac 2008].

³⁶*Maqam* ialah kedudukan rohani yang diperoleh melalui usaha kerohanian (mujahadah) *salik* yang ikhlas dengan berkat daripada rahmat Allah SWT. Terdapat beberapa maqam yang perlu dicapai oleh ahli Tasawuf melalui *riyadah* dan *mujahadah*. Dia tidak dapat berpindah dari satu *maqam* ke *maqam* yang lain kecuali setelah menyempurnakan hak *maqam* yang sedang dilaluinya. Kedudukan *maqamnya* adalah bergantung kepada sejauh mana usaha *mujahadahnya* di sisi Allah SWT (Al-'Ajam, hlm. 917 & Armstrong, hlm. 175).

³⁷*Al-'Ayyam* berasal daripada perkataan *'ayn* yang bermaksud dapat melihat sesuatu yang ghaib dengan yakir. *Ayyam* adalah riqam *'ayn al-Yaqin*, iaitu sesiapa yang dikurniakan Allah SWT kelebihan melihat sesuatu yang ghaib, seperti melihat sesuatu yang nyata (*mushahadah*) (al-'Ajam, hlm. 688).

³⁸Beliau ialah Isa bin Muhammad bin Ahmad bin Amir Jar Allah Abu Maktum al-Maghribi al-Jafari al-Tha'libi al-Hashimi. Beliau yang berasal dari Maghribi telah mengembara ke beberapa tempat untuk menuntut ilmu seperti usul, hadis, fikrah dan tasawuf. Beliau adalah ulama di Madinah dan kemudian di Mekah. Beliau wafat pada 1080H. (al-Muhibbi, jil. 3, hlm. 240-242).

³⁹Al-Muhibbi, jil. 1, hlm. 345.

⁶Al-Nabhanī, j.l. 1, hlm. 25.

⁶⁰ Al-Nabhan, jil. 1, hlm. 31.

¹²Al-Qushayri, 'ilm. 379.

⁶³ Al-Nabhan, jil. 1, hlm. 32.

^{**}Antara dalil-dalil kecharusan al-Karamah daripada al-Quran ialah kisah Maryam a.s. yang dikurniakan makanan secara langsung daripada Allah SWT (al-Qur'an. Ali 'Imran 3: 37), kisah Ashab al-Kahf yang ditidurkan Allah SWT selama tiga ratus sembilan tahun (al-Qur'an, al-Kahf 18: 9-22) dan mengenai seorang rakyat Nabi Sulaiman a.s. yang bernama Asif yang mampu membawa singgahsana Raja Balqis dalam masa yang paling singkat (al-Quran, al-Naml 27: 39-40).

⁴⁴Antara dalil-dalil melalui al-Sunnah pula, ialah kisah seorang bayi yang berkata-kata kepada Jurayj untuk melepaskannya daripada tuduhan melakukan zina dengan seorang perempuan pengembala kambing, iaitu:

حدثت حادثة في مطلع عهد أبي رفاعة ثم أتى فلان، وكان يجتمع زوجاته في متوجه لغريبه في موضع تهافتاته، قال رجلان سيدة أبي رفاعة
اصحه وشليل الله حلّي عليه وسلم الله حين ذلك كلاماً كلاماً كلاماً يخجل لكيفي حاجيدهم ثم رأتهما يهربان فلما ذهبوا قالوا: يا حبيبي أنت
الكليني! نسيدة أبي سليمان، دعاهن لهم في وصفتهم، فلما ذهبوا قالوا: يا حبيبي أنت مكفيكي ملائكة أنت
وصلناك فالأخير ملائكة فلذاتك الله إن هذا زرني وقوتي ولقد كلّمهن ما يليه ملائكة هو في زرها لم يوصي بالله
يشقق لكنين قيل وفلا رأيي حسان رأيي ابن قتيبة قال لخروجها من الأرجوحة وفتح علىها طلاقها فلذلك فلذاتك
صاحب خدا المثير قال ساحروا بقلوبهم وساحراهم فلذاتك صفاتهم يخفى لهم لكنينها قال ملائكة نعمتكم فلذاتك شفاعة رأيي دارك دارل إيمانكم
له ستر قلبه قال لخروجها من الأرجوحة وفتح علىها طلاقها فلذاتك شفاعة رأيي دارل إيمانكم فلذاتك شفاعة
الشفاعة فلذاتك لا يخلص أبداً فلذاتك شفاعة رأيي دارل إيمانكم فلذاتك

Maksud hadis:

Humayd bin Hilal meneriwayatkan dari pada Abu Rafi bahawa sesungguhnya Abu Hurayrah r.a. berkata: "Adalah Jurayj sedang beribadat di *sawm'a al* (tempat khas untuk beribadat), lalu ibunya pun datang." Humayd berkata: "Abu Rafi" telah menyatakan kepada kami penyifat Abu Hurayrah tentang penyifatan Rasulullah SAW mengenai ibunya ketika memanggilnya, iaitu bagaimana ibunya telah meletakkan tangannya di atas dahinya. Kemudian ibu Jurayj mengangkat kepala dan memanggilnya lalu berkata: "Wahai Jurayj!, Aku ibumu, maka cakaplah denganku. (Ketika itu Jurayj sedang solat) lalu ia perfikir: "Ya Allah, apakah aku mahu memilih ibuku atau solatku?". Jurayj kemudian memilih untuk meneruskan solatnya. Ibunya lantas pulang. Kemudian dia kembali semula kali kedua dan berkata: "Wahai Jurayj!, Aku ibumu, maka cakaplah denganku. (Ketika itu Jurayj juga sedang so at) lalu ia berlikit: "Ya Allah, apakah aku mahu memilih ibuku atau solatku?" Jurayj kemudian memilih untuk meneruskan solatnya. (Disebutkan terlalu kecewa), ibunya lantas berdoa: "Ya Allah, sesungguhnya Jurayj adalah anakku dan aku mahu bercakap dengannya tetapi dia enggan. Ya Allah, janganlah Engkau matikannya sehingga Engkau memperlihatkannya kepada perempuan-perempuan pelacur. Abu Hurayrah berkata: "Jika ibunya berdoa agar dia ditimpah fitnah nescaya dia akan mendapat fitnah (dibinasakan). Abu Hurayrah berkata lagi bahawa terdapat seorang lelaki pengembala kambing telah datang berchat di tempat Jurayj dan datang pula seorang perempuan dari pada sebuah kampung lalu lelaki pengembala itu melakukan persetubuhan harapannya. Tidak lama kemudian

perempuan tersebut mengandung sehingga lahirlah seorang anak lelaki. Apabila ditanya angkara perbuatan siapakah ini, lalu dia menjuduh bahawa ia adalah disebabkan pemilik tempat ibadat ini (iaitu Jurayj). Kemudian penduduk kampung pergi ke tempat Jurayj dengan membawa peralatan dan senjata seraya memanggilinya, namun Jurayj sedang bersolat dan tidak menyumbat panggilan mereka. Lantas mereka terus meruntuhkan tempat ibadatnya. Apabila melihat kejadian ini, Jurayj pun datang kepada mereka dan mereka meminta Jurayj bertanya kepada perempuan tersebut (bersama bayinya). Jurayj tersenyum lalu menyapu kepala bayi tersebut dan bertanya: "Siapakah baparnu?" Bayi ini menjawab: "bapaku ialah seorang lelaki pengembala kambing." Apabila mendengar jawapan tersebut, penduduk kampung berkata; "Kami akan bina semula tempat ibadat kamu yang telah dibinasakan dengan emas dan perak." Jurayj lantas berkaia: "Janganlah, bahkan binalah ia daripada tanah sebagaimana sebelumnya" al-Naysaburi, *Sahih Muslim*, bab mendahuluikan berbuat baik kepada dua ibu hapa berbanding solat sunat dan ibadat sunat lain , bil. hadis 2550, riwayat Abu Hurayrah, jil. 4, hlm. 1568).

Begini juga kisah tiga orang yang terperangkap di dalam gua yang diselamatkan dengan keberkatan doa-doa mereka sehingga pintu gua yang tertutup dengan batu besar terbuka dengan izin Allah SWT, iaitu hadis berikut:

لهم اهدى عبادك الى صراطك المستقيم واجعله من عبادك اللذين يدعونك في سلامتك وآمين

Maksud hadis:

Abd Allah bin Umar r.a berkata bila awa aku mendengar Rasulullah SAW bersabda: "Tiga orang lelaki sebelum kamu telah berpergian dan bermalam di sebuah gua. Maka apabila mereka memasukinya, tiba-tiba sebuah batu besar telal jatuh dari bukit dan menutup pintu gua. Merida berkata bahawa sesungguhnya tiada yang dapat menyelamatkan kita daripada batu yang menghalang ini melainkan kamu semua berdoa dengan amalan-amalan soleh kamu." Seorang lelaki daripada kalangan mereka berkata: "Ya Allah, aku mempunyai dua ibu bapa yang telah tua dan uzur. Aku tidak mampu hulukan keluarga dan hartaku (binatang peliharaan) berbanding kedua-duanya. Pada suatu hari, aku terlewat kerana sesuatu keperluan, lalu aku tidak mampu mereka sehingga ke dua-duanya tidur. Ketika mereka tidur, aku memerah susu untuk mereka. Apabila aku capat kedua-duanya telah tidur, aku tidak mahu mendahuluikan keluarga dan hartaku untuk memirum susu tersebut, lalu aku memegang bekasnya dengan kedua-dua tanganku dan menunggu sehingga merida bangun. Apabila menjelang fajar, mereka pun bangun dan memikuri susu tersebut. Ya Allah! Jika aku lakukannya semata-mata mencari kredaan-Mu maka lepaskanlah kami daripada batu ini". Tiba-tiba batu itu terbuka sedikit namun mereka masih tidak dapat keluar. Nabi SAW bersabda: "Seorang yang lain pula berkata

Ya Allah! aku mempunyai seorang sepupu perempuan yang sangat aku kasih, lalu aku mengajaknya melakukan perkara yang tidak baik, namun dia menolaknya. Sehingga dia sanggup berhajatkan (kepada harta) pada suatu tahun, lalu aku memberinya sebanyak seratus dua puluh dinar dengan syarat dia sanggup untuk berdua-duaan denganku. Dia pun bersetuju sehingga aku beraça dalam situasi dapat melakukanannya, tiba-tiba dia berkata: "Aku tidak halalkan ditiduri melainkan dengan haknya." Kemudian aku pun keluar meninggalkan orang yang paling aku cintai dan harta yang kuberikan kepadanya. Ya Allah Jika aku lakukannya semata-mata mencari keredaan-Mu, maka lepaskanlah kami daripada batu ini." Tiba-tiba batu itu terbuka sedikit, namun mereka masih tidak dapat keluar daripada gua tersebut. Nabi SAW seterusnya bersabda: "Lelaki ketiga pula berkata. Ya Allah! Aku telah mengambil beberapa orang pekerja dan aku telah berikan upahnya kepada mereka kecuali seorang lelaki yang telah pergi tanpa mengambilnya, lalu aku melaburkan upahnya itu sehingga hartanya menjadi banyak. Kemudian lelaki tersebut datang selepas beberapa lama dan berkata kepadaku, "Wahai hamba Allah berikanlah upahku." Aku berkata, "Upahmu ialah sekumpulan unta, lembu dan kambing yang kamu lihat ini." Lalu dia berkata, "Wahai hamba Al'ah, janganlah engkau bergurau denganku". Aku berkata, "Sesungguhnya aku tidak bergurau denganmu." Lantas dia mengambil kesemuanya dan tidak meninggalkan seekor pun. Ya Allah!, jika aku lakukannya semata-mata mencari keredaan-Mu maka lepaskanlah kami daripada batu ini." Tiba-tiba batu itu terbuka dan mereka semua dapat keluar" (al-'Asqaluni, *Fath al-Bari*, kitab *al-Ijarah*, bab orang yang mengupah seseorang dan tidak membayar upahnya lalu dia meniagakan upah tersebut dan bertambah atau orang yang menggunakan harta orang lain lalu ia bertambah, bil. hadis 2282, jil. 5, hlm. 209-210 & al-Naysaburi, *Sahih Muslim*, bab kisah tiga sahabat di gua dan ber*tawassul* dengan arahan seleh, bil. hadis 2743, riwayat "Abd Allah bin 'Umar, jil. 4, hlm. 1668).

⁶⁶Melalui *ahzar* pula terdapat banyak bukti yang menyatakan seperti kisah makanan yang dibidangkan oleh Saidina Abu Bakr al-Siddiq kepada tetamuannya bertambah, kisah Saidina 'Umar bin al-Khattab yang setang berklutbah pada hari Jumaat di Madīnah telah melihat kedatangan musuh dalam jarak sebulan perjalanan lalu beliau berkata dengan memberi amaran kepada *Sariyah*, iaitu ketua bala tentera Islam yang berada di sana agar berlindung di hukit. Lalu mereka pun berlindung di sana dan berjaya menewaskan musuh dan kisah Saidina Ali yang berkata-kata kepada orang yang telah mati di dalam kuburnya (Musa Muhammad 'Ali, 1985, *Haqiqah al-Tawassul wa al-Wasiyah*, Bayrut: 'Alam al-Kutub, cet. 2, hlm. 309-318).

Menurut Imam al-Qushayri, bukti-bukti *karamah* melalui al-Quran, hadis dan riwayat-riwayat yang mutawatir mengenai *karamah* para sahabat, tabi'in dan orang selepas mereka tidak dapat diragui dan disangkal. Malah jumlah ulama bersepakat mengenai keharusannya kepada para wali Allah SWT (al-Qushayri, hlm. 380).

Imam al-Nawawi r.h telah menghimpunkan juga mengenai dalil-dalil yang membuktikan udarayu *karamah* yang dikurniakan Allah SWT kepada hamba-hambanya yang soleh bukan daripada kalangan para Nabi dan Rasul dalam kitabnya *Riyad al-Salihin* dalam bab *karamah* dan kelebihan para wali (al-Nawawi, Muhy al-Din Abi Zakariyya Yahya bin Sharif, 1991, *Riyad al-Salihin Min Kalam Sayyid al-Mursalin*, Bayrut: Dar al-Khayr, cet. 3, hlm. 430-436).

⁶⁷Al-Qushayri, hlm. 184.

⁶⁶Kebanyakan sarjana berpendapat tahun kewafatannya adalah 1071H bersamaan 1661M. Namun apabila merujuk kepada hari dan bular kewafatannya beliau pada 12 Rabitulawal 1071M., didapati bersamaan dengan 15 November 1660U.

⁶⁷"*Baqi*" ialah sebuah tanah perkuburan yang terletak di berhampiran dengan masjid Madinah. Ia telah pun ada semenjak zaman Rasulullah SAW. Di sinilah tempat bersemadinya ramai ci kalangan para ahli keluarga Rasulullah SAW, para sahaba r.a. dan tabi'in. Menurut Ibn Hajar al-Haythami di antara yang disemadi di perkuburan *Baqi* ialah Ibrahim bin Rasulullah SAW, Hasan bin 'Ali r.a., Fatimah binti Rasulullah SAW, 'Abbas bin 'Abd Muttalib r.a., 'Uthman bin 'Affan r.a., Abu Sufyan bin al-Harith r.a., 'Uthman bin Maz'un r.a., Fatimah binti Asad r.a., 'Abd al-Rahman bin 'Auf r.a., Sacad bin Abi Waqas r.a., 'Abd Allah bin Mas'ud r.a., Huhaisy bin Huzaifah al-Sahami r.a. dan 'Asad bin Zararah r.a.. Menurutnya lagi, semua isteri Rasulullah SAW disemadi di perkuburan ini kecuali Khadijah dan Maimunah (al-Haythami, Ibn Hajar, t.t., Heshiyah Ibn Hajar al-Haythami ala al-Idah fi manasik al-Hajj, Ma'kah: Maktabah Dar al-Harra', hlm. 503-504).

⁶⁸Al-Muhibbi, jil.I, hlm. 346.

⁶⁹Islamic Library, <http://www.al-eman.com/Islamlib/viewchp.asp? Bid= 198& CID= 13#s3> [4 Januari 2008].

⁷⁰Semenjak Dawlah Uthmariyyah menguasai Mesir pada tahun 1517 Masihi daripada Dawlah Mamluk, ia sekaligus telah menguasai juga Hijaz kerana ia adalah wilayah di bawah kuasa Mesir. Bagi menjamin kestabilan politik Hijaz, Dawlah Uthmariyyah telah meneruskan dasar perterintahan Dawlah Mamluk sebelumnya dengan memberikan kuasa autonomi kepada golongan para Syarif yang berpusat di Mekah untuk mengendalikan Hijaz. Madinah pada masa itu tertakluk di bawah kekuasaan para Syarif yang berpusat di Mekah yang bertanggung jawab melantik para Amir untuk menguruskan pentadbiran di Madinah. Dawlah Uthmariyyah kemudiannya telah memberikan bantuan dan peruntukan tahunan yang besar kepada Hijaz untuk menjamin kestabilan politik, ekonomi dan sosial di sana. Semasa penguasuan Dawlah Uthmariyyah, Hijaz telah berhadapan dengan konflik pertembungan yang besar dengan Portugis di Lautan Hindi yang darang dengan agenda penaklukan negara timur dan penyebaran agama Kristian. Bagi mencapai matlamat tersebut, tentera-tentera Portugal telah melancarkan beberapa serangan di wilayah Islam yang berada di kawasan persisiran pantai di Laut Mediterranean dan Laut Merah serta menyerang pelabuhan Jeddah. Situasi ini menyebabkan Sultan Salim I memerlukan angkatan laut di Suez pada 1517M. untuk menghadapi tantangan daripada Portugis di Lautan Hindi dan berjaya menewaskan mereka. Semasa pemerintahan Sulaiman al-Qanuni (1520-1566M.), Dawlah Uthmariyyah berjaya menyingkirkan Portugis dari Laut Merah dan menyerang pusat-pusat perdagangan yang dikuasai oleh Portugis. Selaku *Khadij Haramayn*, Dawlah Uthmariyyah berjaya mempertahankan kedaulatan tanah suci Mekah dan Madinah sebagai pusat ibadat dan penyebaran ilmu agama serta memastikan keselamatan laluan para jemaah haji dan umrah ke Mekah dan Madinah (Chalbiy, Awliya, 1999. *al-Rihlah al-Hijaziyyah*. Qaharah: Dar al-Arqam al-'Arabiyyah, hlm. 38; 'Abd al-Basit Badr, 1993, *al-Tarikh al-shamil li al-Madinah al-Munawwarah*, Madinah: i.pt., jil.2, hlm. 329, 332, 334 & 335; Izziah Suryani Mat Resad, 2004. *Kekuasaan Portugis di Timur dan hubungannya dengan Kerajaan cUthmariyyah*, dlm. *Khilefah Islamiyyah dan masyarakat Melayu*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, hlm. 2; Muhammad Shalabi, hlm. 196 & Fouram, Albert, 1991. *A History of the Arab peoples*. London: Faber and Faber, hlm. 207).

⁷⁸Abd a-Rahman Salih 'Abd Allah, 1973, *Tarikh al-Ta'lim fi Makkah at-Mukarramah*.t.tpt: Dar al-Fikr, hlm. 40.

⁷⁹Wasa'il adalah kata jamaak daripada wasilah. Ia bermaksud sesuatu yang diguna oleh pendakwah untuk membantunya menyampaikan dakwah kepada Allah SWT untuk mencapai manfaat dan faedahnya. Wasa'il terbahagi kepada dua bentuk iaitu *al-Wasa'il al-Kharjiyah li al-Da'wah* (alat dakwah luaran yang bersangkutan dengan faktor-faktor yang membantu untuk berdakwah dengan berkesan) dan *wasa'il tabligh al-Da'wah* (alat penyampaian dakwah secara langsung untuk mencapai misi dakwah sama ada melalui perkataan, perbuatan, qudwah hasanah dan sebagainya) (Zaydan, 'Abd al-Karim, 1998. *Usul al-Da'wah*, Bayrut: Muassasah al-Risalah, hlm. 447 & 470).

⁸⁰Shiaabi, jil. 5, hlm. 105.

⁸¹Untuk mendapat maklumat lebih mendalam mengenai jaringan ulama di seluruh dunia Islam pada abad ke-17 dan 18, lihat Azyurwardi Azra, hlm. 59-107.

⁸²Martin Van Bruinessen, *Kurdish 'ulama and their Indonesian disciple*, http://www.let.uu.nl/~martin_vanbruinessen/personal/publications/Kurdish_ulama_Indonesia.htm. [15 Januari 2008] dan Mohd Syukri Yeoh Abdullah & Salmah Ahmad, 2007, *a historical reflection of Shattoriyya Tariqa da'wah movement in Malay Archipelago*, dlm. Indriaty Ismail et.al (peny.), *Issues of culture and thought Malaysia-Jordan perspectives*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, hlm. 123-124).

⁸³Shaykh Abi'l Rauf memperolehnya daripada Shaykh Ahmad Qushashi, daripada Abu al-Vie wahib Ahmad bin 'Ali al-Shinawi daripada 'Abd al-Wahhab Al-Sha'rami daripada Zakariyya al-Ansari. Sementara itu, nama sebenar Zakariyya al-Ansari ialah Zakariyyā bin Muhammad bin Ahmad bin Zakariyya. Beliau lahir di Qazirah, Mesir pada tahun 823 H/ 1420 M dan dibesarkan dalam keadaan miskin. Beliau bermazhab Shafi'i dan pernah mendapat gelaran Shaykh al-Islam. Beliau pernah menjadi Qadi kepada Sultan Qaytbay, Dawlah Mamlukyyah. Oleh kerana beliau pernah menegur sikap kezaliman Sultan Qaytbay beliau dipecat dari jawatan kadi tersebut. Beliau meneruskan kerja-kerja kegiatan ilmiah sehingga menjadi buta pada tahun 906H. dan meninggal dunia pada tahun 926H. (1520 M). Beliau ahlin dalam pelbagai disiplin-ilmu agama seperti tajwid, hadis, mantik, tatabahasa Arab, qira'at, fikah, usul fikah dan lain-lain. Beliau memiliki 17 karya, artinya *Fath al-Rahman*, *Tuhfat al-Bori*, *Sharh Isaghnuji*, *Sharh Shudhur al-Dhahab*, *Tuhfat Nujaba al-'Ayr*, *al-Daqiqah al-Mukhammah*, *Jub al-Usul*, dan *Fath al-Wahhab* (al-Zirikli, jil 3, hlm 46).

⁸⁴Mohd Syukri Yeoh Abdullah, 2008, Zewiyah Shaykhuala: pusat penyebaran Islam abad ke-17 Masihi, kertas ketua seminar Pengkaji Pemikiran dan Tardadun kurun ke-18, Kolej Darul Hikmah, Kajang, Selangor, 20 September 2008.

⁸⁵*Hizb al-Wiqayah* ini diperoleh oleh Shaykh Abdul Reuf daripada Shaykh Ahmad Qushashi, daripada Zayn al-Din bin 'Abd al-Qadir al-Tabari, daripada 'Abd al-Qadir bin Muhammad b. Yahya al-Tabari, daripada Yahya bin Mukram al-Tabari, daripada 'Izz al-Din al-Aziz bin 'Umar Ibn Fahd, daripada Najm al-Din 'Umar Ibn Fahd, daripada Muhammad al-Murshidi, daripada 'Abd Allah al-Shinawi, daripada Radiyy al-Din al-Tabari, daripada Ibn 'Arbi (Sufa, hlm. 20-21).

³¹Al-Muhibbi, jil.1, hlm. 345.

³²Untuk memperoleh maklumat lanjut mengenai murid-murid Shaykh Ahmad al-Qushashi yang menjadi tokoh-tokoh ulama di zaman mereka, lihat al-Muhibbi, jil. 1, hlm. 82, 84 & 229, jil. 2, hlm. 113, jil. 3, hlm. 146 & 240 dan jil. 4, hlm. 73 & 104.

³³Al-Muhibbi, jil.1, hlm. 345.

³⁴Al-Zirikli, jil.1, hlm. 239.

³⁵Kahlah, 'Umar Rida, t.th., *Mu'jam al-Mu'allifin tarajim Musannifi al-Kutub al-'Arabiyyah*. Bayrut: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi, jil. 1, hlm. 170.

³⁶Al-Zirikli, jil.1, hlm.239.

³⁷Salinan *makhtutat* ini diperoleh oleh Mohd Syukri Yeoh Abdullah daripada Dar al-Kutub al-Qawmiyyah, Misr.

³⁸*Khirqah* ialah pemakaian ubah rohani yang menjadi simbol orang yang melalui jalan kerohanian. Terdapat dua jenis khirqah yang dikurniakan oleh seorang *Mursyid* atau *Shaykh* kepada muridnya, iaitu *Khirqah al-Tabarruk wa al-Tashabbuk* yang dipakai kepada orang yang mula menempuh jalan kerohanian sehingga dia berjaya meninggalkan kemaksiatan dan *Khirqah al-Iradah wa al-Tasawwuf* yang dipakai selepas sempurna melalui jalan kerohanian. Tujuan pemakaian khirqah ini ia'ah agar seorang murid dapat dibimbing oleh Shaykhnya agar bertaubat dan memakaikan zahir dan batinnya dengan sifat-sifat terpuji dan pakaian takwa (Abo Khazam, Anwar Fu'ad, 1963. *Mu'jam al-Mustalohat al-Sufiyah*. Bayrut: Maktabah Lubnan, cet. 1, hlm. 80). *Khirqah hakiki* pula ialah menutupi diri dengan penghambaan ('ubudiyyah) dan menenggelamkan diri dalam cinta ('Ishq) (Armstrong, hlm. 147).

³⁹Untuk mencapai maklumat lanjut, sila rujuk al-Qushashi, *al-Simt al-Majid Fi Sharh al-Baya'an Wa al-Dhikr Wa Talqinah Wa Salasil Ahl al-Tawhid*. Malabarah Majlis al-Da'i al-Ma'arif al-Nizamiyyah, Hyderabad, 1909.

⁴⁰Nuruddinzungi, <http://riyada.madithuna.com/2007/03/>, [13 Mac 2008].

⁴¹Azyumardi Azra, hlm. 92.

⁴²M. Ag. M. Solihin, 2005, *Melacak pemikiran tasavvuf di Nusantara*, Jakarta: PT Rajagrafindo Persada, hlm. 25-26.

⁴³Peter G. Riddell, *Schools of Islamic thought in Southeast Asia*. Kertas kerja *Symposium Islam in Southeast Asia and China: regional faithlines and faultlines in the global ummah*, City University of Hong Kong, 28 November – 1 Disember, 2002.

⁴⁴Abdul Rauf al-Singkili, t.th., MSS, naskhah bernombor (MS1314, M), Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia, hlm. 13-15.

⁶⁶Abdul Rauf al-Singkili, t.th. MSS, naskhah bernombor (MS 1314.C), Perpustakaan Negara Malaysia, Kuala Lumpur, hlm. 116-117.

⁶⁷Syamsul Bahari Andi Galigu, 1998, Syekh Yusuf Makassar dan pemikiran tasawufnya tes:s Ijazah Doktor Falsafah Pengajaran Islam, UKM, hlm. 216 & 223.

⁶⁸Wan Mohd Saghir, 2001, *Dhiyaul murid Syeikh Doua Al-Fathani pedoman zikir menuju ilahi*, Kuala Lumpur: Khazanah Fathaniyah, hlm. 5.

⁶⁹Antara contoh ilmu bersanad, seperti dalam periyawatan hadith Rasulullah SAW, iaitu sabda Baginda SAW:

"عَلَاتُهُ حُبُّ اللَّهِ وَغَلَامَةٌ بَعْضُهُمْ لَا يَعْلَمُ دُنْكَهُ اللَّهِ"

Maksud hadis:

"Tanda cinta kepada Allah ialah cintu kepada zikrullah, dan tanda benci kepada Allah ialah benci kepada zikrullah."

Shaykh Ahmad al-Qushashi telah meriwayatkan hadis ini daripada Shaykh Ahmad bin 'Ali al-Shinawi, daripada daripada Shaykh 'Ali bin 'Abd al-Quddus, daripada Shaykh 'Abd al-Wahhab al-Sha'irani, daripada Shaykh Abu al-Fadl Jalal al-Din 'Abd al-Rahman bin Abu Bakr al-Sayyuti, daripada Shaykh Kamal al-Din Muhammad bin Muhammad bin 'Abd al-Rahman al-Shaf'i, daripada Shaykh Shams al-Din Muhammadi bin Muhammad bin al-Jazzi, daripada Shaykh Zayn al-Din Abu Hafs 'Umar bin al-Hasan, daripada Shaykh 'Izz al-Din Ahmad bin Ibrahīm al-Farusi, daripada Shaykh Muhy al-Din Muhammad bin 'Ali bin Muhammad bin Ahmad bin al-'Arabi al-Andalusī, daripada Shaykh Abu al-Hasan bin al-Sa'īd al-Zāhid, daripada Shaykh Ahmad bin Muhammad bin Ahmad, daripada Shaykh al-Qasim bin al-Fadl, daripada Shaykh Abu 'Abd al-Rahman al-Salani, daripada Shaykh 'Abd Allah bin al-Husayn al-Sufi, daripada Shaykh Muhammad bin Hamdun bin Malik al-Baghdadi, daripada Shaykh al-Hasan bin Muhammad bin al-Mubarak, daripada Shaykh Ahmad bin Salih al-Fayyumi, daripada Shaykh Dhu al-Nun al-Masri, daripada Malik bin Anas, daripada al-Zuhri, daripada Anas, daripada Rasulullah SAW. (al-Qushashi, hlm. 142).

⁷⁰Contoh amalan bersanad ialah amalan zikir "La Ilah illa Allah" seperti yang dinyata dalam sebuah hadis, iaitu:

سَأَلَ عَنْ حُبِّ الْمُرْسَلِينَ فَقَالَ أَنَّهُ مُحَمَّدٌ كَلَّا عَلَى الْأَرْبَعِينَ كَلَّا عَلَى أَنْتَهِيَةِ عَيْنِ جَهَنَّمِ وَكَلَّا عَلَى دُنْكَهِ
اللَّهِ". قَالَ: "فَمَنْ؟" قَالَ: "أَنَّهُ يَكْتُبُ بِأَذْنِهِ دُنْكَهُ دُنْكَهُ دُنْكَهُ دُنْكَهُ دُنْكَهُ". قَالَ: "رَبِّكَلَّا لَكَ دُنْكَهِ
اللَّهِ". قَالَ: "فَمَنْ؟" قَالَ: "أَنَّهُ يَكْتُبُ بِأَذْنِهِ دُنْكَهُ دُنْكَهُ دُنْكَهُ دُنْكَهُ دُنْكَهُ". قَالَ: "رَبِّكَلَّا لَكَ دُنْكَهِ
اللَّهِ". قَالَ: "فَمَنْ؟" قَالَ: "أَنَّهُ يَكْتُبُ بِأَذْنِهِ دُنْكَهُ دُنْكَهُ دُنْكَهُ دُنْكَهُ دُنْكَهُ". قَالَ: "رَبِّكَلَّا لَكَ دُنْكَهِ
اللَّهِ". قَالَ: "فَمَنْ؟" قَالَ: "أَنَّهُ يَكْتُبُ بِأَذْنِهِ دُنْكَهُ دُنْكَهُ دُنْكَهُ دُنْكَهُ دُنْكَهُ". قَالَ: "رَبِّكَلَّا لَكَ دُنْكَهِ
اللَّهِ".

Maksud hadis:

'Ali bin Abi r.a., telah bertanya kepada Rasulullah SAW: "Ya Rasulullah! Tunjukkanlah aku jalan yang paling dekat kepada Allah dan yang paling mudah para hamba-hambanya serta yang paling afdal di sisi Allah SWT." Rasulullah SAW bersabda: "Wahai 'Ali! Hendaklah engkau sentiasa berada dalam keadaan zikrullah pada setiap kali kamu

bersendirian.” Ali r.a. berkata; “Memang demikianlah kelebihan zikir sebagaimana orang-orang yang berzikir mengingati Allah demikian.” Lalu Rasulullah SAW bersabda; “Tidak wahai ‘Ali, Hari Qiamat tidak akan berlaku selagi ada yang yang masih menyebut “Allah, Allah di atas muka bumi.” Ali berkata: “Lalu bagaimana aku akan berzikir wahai Rasulullah?” Baginda SAW bersabda: “Pejarkanlah matamu dan Dengarkanlah daripadaku sebanyak tiga kali, kemudian kamu katakanlah pula sebanyak tiga kali dan aku pula mendengarnya.” Lalu Nabi SAW pun menyebut “La Ilah Illa Allah” sebanyak tiga kali dalam keadaan dipejamkan mata dan dikuatkan suaranya. Ketika itu ‘Ali r.a. mendengarnya. Kemudian ‘Ali r.a. pula menyebut “La Ilah Illa Allah” sebanyak tiga kali dalam keadaan dipejam mata dan dikuatkan suaranya. Ketika itu Rasulullah SAW pula mendengarnya.”

Shaykh Ahmad al-Qushashi meriwayatkan amalan ini daripada Shaykh Ahmad bin ‘Ali al-Shinnawi, daripada al-Sayyid Sibghatu’Llah, daripada Shaykh Wajih al-Din, daripada al-Sayyid Muhammad Ghawth, daripada Shaykh al-Huj Hudur, daripada Shaykh Hadiyyatu’Llah Sarrasat daripada Shaykh Qadin al-Hamadani, daripada Shaykh ‘Abd Allah al-Shattari, daripada al-Sayyid ‘Ali al-Hamadani, daripada Shaykh Zayn al-Din al-Khawafi, daripada Shaykh Abu al-Mayamin ‘Abd al-Rahman, daripada Shaykh Abu al-Makasin Jamal al-Din Yusuf, daripada Shuyukh Hasan al-Shamashiri, daripada Shaykh Najm al-Din Mahmud dan Shaykh Badr al-Din al-Tusi, daripada Shaykh Nur al-Din ‘Abd al-Samad al-Nanazi, daripada Shaykh Najib al-Din ‘Ali, daripada Shaykh Shihab al-Din ‘Umar al-Suhrawardi, daripada Shaykh Abu al-Najib al-Suhrawardi, daripada Shaykh Wajih al-Din, daripada Shaykh Muhammad al-Suhrawardi, daripada Shaykh Ahmad al-Aswadi al-Daynuri, daripada Shaykh Mimshad al-Daynuri, daripada Shaykh Abu al-Qasim al-Junayd, daripada Shaykh Sirri al-Siqti, daripada Sahykh al-Ma’ruf al-Kurkhi, daripada Shaykh Dawud al-Ta’i, daripada Shaykh al-Habib al-Ujami, daripada Shaykh Hasan al-Basri, daripada Sayyidina ‘Ali bin Abu Talib (al-Qushashi, hlm. 144-145)

¹⁰⁰Mengenai tarekat bersanad sudah dijelaskan dalam bab ini, halaman 41.

Bab 3

Permata Berharga untuk Para Pengunjung al-Madinah al-Munawwarah

Pengenalan

Bab ini akan dilakukan terjemahan dari bahasa Arab ke bahasa Melayu. Teks Arab yang berjudul (الدرر الثمينة في ما زار النبي صلى الله عليه وسلم بالمدينة المنورة) *al-Durrah al-Thaminah Fi Ma Za'ir al-Nabiyy Ila al-Madinah al-Munawwarah*, manuskrip yang diambil Dar al-Kutub al-Qawmiyyah, Qahirah, dengan nombor rujukan 940, sebanyak 157 halaman yang disimpan dalam koleksi peribadi Prof. Madya Dr Mohd Syukri Yeoh Abdullah, Felo Penyelidik dan Ketua Pusat Penyelidikan Manuskrip Alam Melayu (PPMAM), Institut Alam dan Tamadun Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia. Kemudian dilakukan kajian proses pentahqiqan ke atas terjemahan bahasa Melayu ini yang diletak ke nota hujung. Mengenai definisi judul telah disebut Bab I yang lalu. Semasa proses terjemahan tidak ada perubahan atau penambahan sebarang perkara pada Teks tersebut kecuali penjelasan disebut pada nota hujung.

Terjemahan dan Tahqiq Teks

Dengan nama Allah yang Maha Pemurah lagi Maha Mengasihani dan kami memohon pertolongan dengan-Nya. Selawat dan salam Allah SWT ke atas Saidina Muhammad yang mulia, dengan perkataan yang lurus kerana urusan muncul daripada Nabi SAW kepada mereka, melalui seruan yang sempurna kepada firman Allah SWT “dan apa jua perintah yang dibawa oleh Rasulullah SAW kepada kamu, maka terimalah serta amalkan, dan apa jua yang Dia larang kamu melakukannya, maka patuhilah larangan-Nya.”¹

Selawat dan salam Allah SWT juga kepada ahli keluarga dan para sahabat Nabi SAW. Baginda SAW mengawasi perkataan orang yang berkata-kata dan kemahuan orang yang berkehendak dengan sesuatu yang mereka kembali dengannya. Baginda SAW menyaksikan segalanya dan sangat pengasih kepada orang Mukmin. Orang yang dirahmati memperoleh rahmat dengan Nabi SAW. Mereka berada dalam lapangan

rahmat yang bergerak zahir dan batin. Dalam keadaan batin, mereka adalah orang hatin kerana kesucian mereka dan dicatat iman di dalam hati mereka, iaitu “dan Kami jadikan baginya cahaya (iman) yang mencerangi berjalan”²² ke arah keinginan-Nya. Dalam zahir, mereka adalah orang yang zahir melalui semua amalan soleh. Sesiaapa yang melampaui cahaya iman adalah cuai, maka Dia akan membersihkannya dengan kesucian firman-Nya, “Sesungguhnya amal-amal kebaikan itu menghapuskan kejahatan.”²³ Bagi orang yang jahat, ia menjadi penghapus dosa mereka, sedangkan bagi orang yang memiliki darjat, ia adalah peningkatan darjat mereka sebagai suatu rahmat dalam semua keadaan. Demikian juga dalam keadaan batin dengan memperoleh keampunan. Keampunan Allah SWT terhadap semua yang batin dan yang terdapat di dalamnya disebabkan mereka dekat dengan rahsia-rahsia dan dengan ghaib yang kelihatan. Demikian kelebihan Allah SWT yang discbar kepada hamba-hamba-Nya dari lautan kemurahan dan kemuliaan-Nya, iaitu melalui Nabi Muhammad SAW yang diutus kepada mereka untuk menjadi rahmat yang menyeluruh kepada sekalian alam. Baginda SAW amat pengasih terhadap orang yang beriman.

Lataran itu, Nabi SAW bersabda sebagai suatu rahmat terhadap ummah, iaitu “Diangkat dosa daripada umatku yang tersalah, terlupa dan dipaksa.”²⁴ Antara sifat tolak ansur Nabi SAW ialah hadis yang berkaitan dengan al-Nafs (jiwa), selepas turunnya firman Allah SWT “dan jika kamu menyatakan apa yang ada di dalam hati kamu atau kamu sembunyikannya, nescaya Allah akan menghitungnya,”²⁵ sebagaimana yang terdapat dalam hadis yang lain, “apa yang kamu bicarakan dalam diri kamu, kerana ia adalah dosa. Dosa itu ialah apa yang kamu sembunyikan dalam diri kamu dan tidak suka jika diketahui oleh orang lain.”²⁶ Malapetaka perkara ini adalah menyeluruh manakala keampunan mengenainya disebabkan Nabi Muhammad SAW adalah suatu kemurahan yang besar. Sabda Rasulullah SAW, “diampunkan kepada pemilik-pemilik hawa selagi belum melakukannya atau mengucapkannya”²⁷ Hawa ialah perkataan dalam diri (*al-Nafs*) mengenai perkara yang dibenci. Maka dengan Nabi Muhammad SAW terjadilah rahmat menyeluruh ke atas semua arah pada semua alam sama ada rahsia atau nyata. Nyatalah keterangan ini bahawa Baginda SAW adalah yang hak (*al-Haq*) lagi memberi keterangan (*al-Mubin*) kepada seluruh alam.

Baginda SAW didatangkan kepada mereka daripada Tuhan mereka, maka kelihatanlah kelebihan kurniaan Allah SWT yang Maha Esa (*al-Ahad*) lagi Maha Tempat Pergantungan setiap sesuatu (*al-Samad*). Dia-lah yang menzahirkan bahawa rahmat mendahului kemarahan. Oleh yang demikian, Allah SWT menjadi Baginda SAW perantaraan di

antara-Nya dengan setiap sesuatu. Nyata kelihatan setiap jumlah nama-nama *al-Ilahiyyah* dengan Nabi SAW serta berlakulah perluasan dan terbentanglah yang ringkas (*al-Ijma'*) tanpa batasan walaupun diletak batasan padanya. Dengan *al-Ahad* berlaku untuk *al-Ahad* sebagaimana yang terdapat melalui hadis yang dikeluar oleh 'Abd al-Razzaq dengan sanadnya daripada Jabir bin 'Abd Allah al-Ansari r.a. iaitu "Aku berkata, Wahai Rasulullah! Demi dirimu sebagai bapa dan ibuku, beritahu aku mengenai perkara pertama yang dicipta Allah SWT sebelum dicipta segala sesuatu" Baginda bersabda, "Jabir, sesungguhnya Allah SWT telah mencipta nur Nabimu daripada nur-Nya sebelum Dia mencipta segala sesuatu, Dia menjadi nur itu beredar dengan kekuasaan-Nya sebagaimana yang Dia kehendaki, ketika itu tiada lagi *lawh*, *qalam*, syurga, neraka, malaikat, langit, bumi, matahari, bulan, jin dan manusia. Apabila Dia mahu mencipta kejadian, lalu Dia membahagi nur tersebut kepada empat bahagian.

Dia mencipta *qalam* dengan bahagian pertama, *lawh* dengan bahagian kedua, *'ursh* dengan bahagian ketiga dan kemudian Dia membahagi bahagian keempat kepada empat bahagian. Dia mencipta *Hamalah al-'Arsh* dengan bahagian pertama, al-Kursiy dengan bahagian kedua, baki malaikat lain dengan bahagian ketiga dan kemudian Dia membahagi bahagian keempat kepada empat bahagian. Dia mencipta langit-langit dengan bahagian pertama, bumi-bumi dengan bahagian kedua, syurga dan neraka dengan bahagian ketiga, kemudian Dia membahagi bahagian keempat kepada empat bahagian. Dia menecripta nur penglihatan orang-orang yang beriman dengan bahagian pertama, nur hati mereka, iaitu mengenal Allah (*mərifat Allah*) dengan bahagian kedua dan nur kemanusiaan mereka, iaitu: Tauhid "Tiada Tuhan melainkan Allah dan Muhammad adalah pesuruh Allah" dengan bahagian ketiga."¹ Dalam hadith ini, Baginda SAW tidak menyatakan bahagian yang keempat dan pembahagiannya kerana ia adalah "Dia". Sesungguhnya urusan penciptaan tersebut telah sampai kepada kemuncaknya sebagaimana ia bermula, maka Dia-lah Yang Awal dan Dia-lah Yang Akhir, Dia-lah Yang Zahir dan Dia-lah Yang Batin. Lantaran itu, kenallah tentang Nabi Muhammad SAW melalui ketentuan ini dan ziarahlah Baginda kerana keagungan dan pengetahuan ini. Sesungguhnya Allah mengharamkan bumi yang aman (*al-Madinah*) untuk orang yang beriman.

Kewujudan Muhammad SAW adalah rahmat awal yang meliputi seluruh rahmat yang dikurniakan oleh Yang *al-Haq* terhadap makhluk melalui rahmat kewujudan dan penganugerah seluruh wilayah kurniaian batin dan zahir, awal dan akhir. Baginda SAW adalah terjemahan semua catatan yang tertulis dan hasil perbendaharaan yang telah ditentukan.

Tiadalah sesuatu dalam ketentuan limpahan yang awal sebelum Baginda SAW dan tiadalah selainnya sama ada yang hidup ataupun yang mati selepasnya dalam ketentuan yang akhir kesudahan limpahan kenabian dari aspek kerasulan, kenabian dan kewalian *al-Ilahiyyah*. Baginda adalah kesudahan para Nabi dan yang mula-mula menerima (kenabian), di sisi orang yang mengetahui tentang pusingan sesuatu urusan dan zatnya, iaitu ketika bertambah peredaran bayangan padanya, maka beredarlah nama-nama *al-Ilahiyyah* pada permulaan seluruh alam dari kanan dan kiri “dalam keadaan sujuh kepada Allah dan mereka tunduk kepada-Nya.”⁹

Ia terjadi menurut apa yang dikehendaki Allah SWT terhadap sesuatu yang adalah hakikat peredaran yang beredar menurut enam arah, iaitu kanan, kiri, belakang, depan, atas dan bawah. Perkara tersebut tertera pada martabat nama *al-Hayy* di sisi setiap yang hidup dari sudut yang maknawi dan mahsus pada masa dan tempat, serta apa yang muncul daripadanya ketika berlakunya penjelasan mengenai arah dan zat semua nama dan sifat, perhiasaan dan keadaan. Sesiapa yang telah melihat Baginda SAW ketika tidur atau *yagazah* lantaran harus terjadinya, maka sesungguhnya dia telah melihat *al-Haq*, kerana syaitan tidak dapat menyerupai Baginda SAW. Selain itu, dia akan melihat Baginda selepas tidur dalam keadaan sedar, berdasarkan sabdanya SAW, “Sesiapa yang melihatku ketika tidur, maka dia akan melihatku ketika *yagazah*, dan syaitan tidak dapat meyerupaiku.”¹⁰ Riwayat al-Bukhari, Muslim dan Abu Daud. Sabda Rasulullah SAW lagi, “Sesiapa yang melihatku, maka sesungguhnya dia telah melihat *haq* (sesuatu yang benar, iaitu melihat Rasulullah SAW), kerana sesungguhnya syaitan tidak dapat menyerupaiku.”¹¹ Diriwayat oleh Imam Ahmad, al-Bukhari dan Muslim. Sabda Rasulullah SAW, “Sesiapa yang melihatku ketika tidur, maka sesungguhnya dia telah melihatku, kerana syaitan tidak dapat menyerupaiku” adalah hadis sahih.

Sesiapa yang melihat Baginda SAW dengan perkhabaran itu dalam keadaan yakin atau Baginda datang mengaku kepadanya bahawa dia adalah Nabi SAW, maka ia adalah Nabi tidak diragui walaupun dia melihat dalam gambaran lain yang berbeza dengan ciri-ciri zahir Nabi SAW, seperti yang dinyatakan. Setiap orang yang melihat Nabi SAW adalah mengikut ketentuan atau perkiraan yang dikehendaki Baginda SAW pada penglihatan tersebut, kerana Baginda SAW menghendaki setiap sesuatu dan semua urusan berada pada tangan Baginda SAW dan disisinya dengan izin Allah SWT. Baginda adalah khalifah Allah terhadap manusia serta orang-orang yang berucap kepadanya dengan apa yang mereka ucapkan terhadap Allah SWT. Demikian juga melihat Baginda SAW adalah seperti melihat Allah SWT. Baginda SAW adalah *al-Haq* yang berasal daripada *al-Haq*, Baginda adalah wali kepada *al-Haq* pada

setiap kedudukan yang benar bagi setiap yang hak. Maka sesiapa yang tidak dihalang, iaitu tidak ditutup untuknya melihat asal setiap sesuatu, maka dia dapat melihat sesuatu yang ghaib dalam keadaan dia *shahadah*, menyaksikan dan dalam penyaksian. Ia bertujuan supaya dia menyatakan kesetiaannya terhadap Baginda SAW ketika itu dengan sumpah setianya terhadap Allah SWT sebagaimana gambaran keperibadian orang yang bersumpah setia seperti yang dinyatakan, iaitu "sesungguhnya orang yang bersumpah setia terhadapmu sesungguhnya mereka bersumpah setia terhadap Allah."¹² Maka orang yang bersumpah setia tidak melihat-Nya dengan penglihatan *ulu al-Albab* dan tidak berbai'ah kepada-Nya, kerana Baginda bersama-Nya dalam keghaiban. Kebenaran yang ghaib berlaku di sisi yang ghaib. Ia tidak terjadi melainkan di sisi ahli yakin yang mendalam dan golongan *ayyan* yang dibantu dengan kata-kata, "Sembahlah Allah seolah-olah Engkau melihat-Nya, sekiranya kamu tidak melihat-Nya sesungguhnya Dia melihatmu."¹³ Nabi SAW memiliki penglihatan ini dengan rahsia khilafah yang agung.

Lantaran itu, ziarahlah Nabi SAW wahai orang yang berziarah, scolah-solah kamu melihatinya. Jika kamu tidak melihat Nabi SAW, maka Baginda melihat kamu agar kamu menjadi golongan orang yang berbuat ihsan (muhsin), Mukmin dan Muslim. Demikian adalah peryelesaian masalah yang terbaik dan pertambahan kesaksian daripada penyaksian-penyaksian syarak bukan penyaksian adat. Maka orang yang beriman denganannya sebagaimana yang diberitahu oleh Allah SWT adalah, "orang yang beriman dengan perkara ghaib, mendirikan solat dan menaikahkan sebahagian daripada apa yang Kami rezekikan kepada mereka."¹⁴ Demikian adalah kebaikan yang diperoleh daripada firman-Nya, "dan sembahlah Tuhanmu sehingga datang keyakinan kepadamu"¹⁵ dengan izin Tuhan-mu dalam keadaan engkau berada dalam sujud ini. Maka Nabi SAW beriman terhadap Allah dan percaya terhadap orang Mukmin. Allah berfirman, "Sesungguhnya telah datang kepadamu seorang Rasul dari diri kamu sendiri, berat terasa olehnya penderitaanmu, sangat menginginkan (keimanan dan keselamatan) bagimu, amat belas kasihan lagi penyayang terhadap orang Mukmin."¹⁶

Oleh yang demikian, lihatlah Baginda atau benarkan bahawa Engkau atau seakan-akan engkau melihat Baginda SAW pada keadaan ghaibmu atau Baginda melihatmu pada *shahadahnya*. Baginda ketika itu jelas kelihatan penyampaian di sisimu dengan rahsia himpunan dan pengetahuan melalui perkongsian sedangkan pada hakikatnya tiadalah berlaku perkongsian. Maka ketahuilah tentang permulaan (al-badi') dan pastikan ia pada kehadiran dan permulaan serta serulah Baginda pada permulaannya. Baginda adalah *qutb* yang berlegar di setiap sudut

negaranya, menjadi cahaya penglihatan dan pandangan di sisi orang yang khusus dan awam. Lantaran itu, Allah SWT memberi keistimewaan kepada Baginda dengan para khalifah yang suci, para pemimpin yang baik lagi suci dengan nurnya yang terdapat pada jejari Adam a.s., iaitu, jari tengah, jari kelingking, jari manis dan ibu jari. Maka permulaan adalah dengan jari tengah sebagai ganti jari tculunjuk dan penutup ibu jari bagi orang yang memahami rahsia permulaan dan kesudahan sekalipun lima adalah satu pada susunan, keadaannya seperti sebuah tapak tangan dari sudut bilangan dan himpunan. Lantaran itu, dinamakan semua (*al-Jami'*) dengan himpunan (*al-Jam'*).

Maka kemunculan rahsia Nabi Muhammad berlaku pada zuriat keturunan dengan berseri-seri sebagaimana sabda Nabi SAW, "Aku tinggalkan kepadamu Kitab Allah dan Sunnahku."¹⁷ Dalam sabda lain dinyata bahawa, "Demi kemuliaan-Ku, mereka adalah perhiasan langit keyakinan"¹⁸ dengan nama-nama *al-Ilahiyyah* ketika terbit daripadanya dengan keadaan yang banyak pula keadaan yang satu. Lalu Nabi SAW akan melihatnya pada falak-falak tempat terbitnya biarpun ia terbenam dalam satu bentuk, disebabkan pemberian hak kepada tempat-tempatnya dan kemunculan ayat-ayat yang tersembunyi dengan tempat duduk kebenarannya, kerana menunaikan penyaksian dengan mereka dan ke atas mereka.

Firman Allah SWT "Maka bagaimakah (halnya orang kafir nanti), apabila kami mendatangkan seseorang saksi (Rasul) dari tiap-tiap umat dan kami mendatangkan kamu (Muhammad) sebagai saksi atas mereka itu (sebagai umatmu). Pada hari itu orang kafir dari orang yang menderhaka Rasul, ingin disama rata dengan tanah, dan mereka tidak dapat menyembunyikan (dari Allah) sesuatu kejadianpun."¹⁹ Penyaksian Baginda ke atas semua perkara disebabkan Allah SWT menjadi semua berasal daripadanya, maka Baginda memperoleh penyaksian terhadap mereka disebabkan zatnya (Rasulullah SAW). Lantaran itu, Baginda adalah rahmat yang diutus ke seluruh alam serta dikurniakan ilmu kepada golongan awal dan akhir. Maka layak ke atas Baginda selawat dan salam dengannya (zat Rasulullah SAW), kerananya, baginya daripadanya dan kepadanya sebagai pemberian yang mulia yang didatangkan oleh hamba-Nya berdasarkan firman-Nya, "Sesungguhnya Allah dan para malaikat-Nya berselawat untuk Nabi. Wahai orang yang beriman! Berselawatlah kamu untuk Nabi dan ucapkan salam kepadanya"²⁰ pada semua kemunculan dan kehadiran. Jika tanpa Baginda (zat dan rahmat) dengan demikian, maka tiada berlakunya selawat Allah dan para malaikat ke atas Baginda SAW. Salam ke atas para Rasul, dan segala pujian hanya untuk Allah Tuhan sekalijan alam.

Adapun perkara ini berlaku dengan izin Allah SWT dan kemudahan daripada-Nya adalah keterangan mengenai sebahagian daripada hadrah *al-Muhammadiyyah* di *Madaniyyah al-Ahmadiyyah* - semoga Allah menambahkan kemuliaannya-, tentang sebahagian ahwal dan keadaan orang yang menuju pada Nabi SAW dengan tujuan menziarahi kuburnya yang mulia, perjalanan menuju kepadanya dan untuknya. Ia juga mengenai pembahagian martabat orang yang memasuki al-Madinah, martabat memasukinya disebabkan pembahagian orang yang memasukinya dengan tujuan supaya engkau melihat roh Baginda daripada jasadnya dan menerima limpahan dan pembukaan (rahmat) Baginda dengan izin Allah SWT dan pertolongan-Nya. Perkara demikian dikurniakan kepada ahlinya daripada tempat laluan urusan, dari awal hingga akhir di sisi orang yang memiliki pandangan dan penglihatan. Dan yang menghimpun antara dua pandangan ialah yang awal dan akhir yang berlaku pada yang berlalu dan menetap dengan makna yang menetap, seperti ia bermakna yang pergi. Maka kami berkata, di samping kurniaan nikmat Allah SWT dan izin-Nya diikuti dengan kurniaan Rasul SAW dengan setiap permintaan; segala pujian hanyalah untuk Allah yang tidak disibukkan dengan sesuatu urusan pada seluruh masa dan zaman, sekira-kira adalah Dia pada masa sekarang sebagaimana keadaan-Nya tanpa ada kebencian, biarpun muncul pada semua kejadian disebabkan urusan padanya, maka Dia adalah sebagaimana keadaan-Nya tanpa kejadian, dan aku bersaksi bahawa tiada Tuhan melainkan Allah yang Esa, yang disaksi oleh semua yang menyaksikan pada setiap kejadian dan tempat, secara batin dan zahir tanpa waktu dan masa pada setiap waktu dan masa. Aku bersaksi bahawa Muhammad adalah hamba Allah dan Rasul-Nya yang diutus dengan nur dan bukti yang nyata. Selawat dan salam ke atas Baginda dan semua bapanya daripada kalangan para Nabi dan Rasul, semua keluarga, sahabat dan ikhwani.

Ketahuilah wahai pendengar, sesungguhnya Madinah yang dimuliakan Allah SWT - semoga Allah SWT menambah lagi kemuliaannya, memiliki tanah haram yang memberi keamanan, yang menghasilkan segala kurniaan rezeki *hissi* dan *maknawi* dan yang dipilih pada saat rahsia dan nyata terhadapnya. Setiap orang yang terpilih dan dihampiri kepada al-Madinah telah dipilih dan didatangkan kepadanya menurut kadar perjalannya dari seluruh kawasan, tempat dan negeri. Antara tandatanda ia dipilih terhadap Madinah, ialah sifat redha terhadap ketentuan yang berlaku padanya, sabar di atas kesusahan yang terdapat padanya dan yakin bahawa kesusahan yang terdapat dalamnya dan bersabar terhadap musibah yang menimpanya adalah suatu kemuliaan.

Madinah adalah "negeri yang baik (subur tanahnya), tanaman-tanamannya tumbuh (subur) dengan izin Allah"²¹ kepada setiap yang jauh dan dekat dengan pelbagai jenis keunikan daripada pohon dan buah-buahan hissi dan maknawi. Ia mengandungi ilmu-ilmu al-Rabbani dan kejadian daripada setiap yang terbatas penglihatannya oleh mata yang indah. Madinah mempunyai tempat laluan dua mata air yang zahir dan batin daripada ilmu-ilmu *al-Hahiyyah* dan adab-adab syariah. Kedua-dua mata air ini mengalir tanpa henli, lalu buah-buahan amalan soleh yang hampir kedudukannya dapat dipetik oleh orang yang memetiknya menurut sebagaimana yang dikehendaki sama ada ketika berdiri, duduk dan berbaring, dengan pelbagai jenis zikir dan keteatan sama ada sunat atau fardhu.

Madinah memiliki penggandaan bagi orang yang beramat berbanding bumi lain yang serupa dengannya, iaitu daripada setiap satu buah dikurniakan dua jenis buah-buahan, lalu mereka mendapati keajaiban pengetahuan cita rasa yang dilimpahi dengan pengetahuan yang berharga. Madinah menjadi tempat menetapnya ke mahasueian yang melimpah perbendaharaan yang luas daripada bawahnya untuk seluruh golongan yang mengetahui rahsia dan nyata (*ahl al-Sirr wa al-Flan*), di sisi golongan yang mengetahui tentang penyaksian dan penglihatan (*ahl al-Shuhud wa al-Ayyan*) pada seluruh ufuk dan jiwa untuk setiap yang terpelihara. Madinah adalah Arash yang menjadi tempat menetap dan *Kursi* yang menjadi tempat duduk. Lantaran itu, muncullah golongan *al-Ansar*, sementara golongan *al-Muhajirin* pula datang berlindung kepada Madinah, iaitu *Umm al-Qura* bagi semua kawasan. Madinah adalah kiblat bagi penghuni langit dan bumi. Sempurnalah tujuan golongan yang beribadat sunat dan fardhu (*ahl al-Sunnah wa al-Fard*) dengan Madinah, begitu juga sesiapa yang berada padanya. Menurut pandangan orang yang mengetahui, tiadalah selain al-Madinah untuk dicari kelebihan sebagai penghujungnya melalui penggandaan oleh golongan awal dan akhir.

Tiada tujuan lain di sebalik al-Madinah untuk orang yang mencari kelebihan di dunia ini. Hati-hati orang mukmin pantas menuju kepada Madinah dalam keadaan mereka berada pada sulbi dan rahim yang dihampirkan, iaitu kepada sesiapa yang tidak mengetahui rahsia di sebalik masa dan tahun. Jika tidak demikian, maka jadi urusan itu dianggap berlaku dengan zat sedangkan tiadalah zat itu. Sebabnya tidak dapat dinyata oleh perkara-perkara luaran, bahkan sebabnya berlaku menurut yang dikehendaki-Nya pada ada dan tiada, juga pada mulia dan pemurah. Sesungguhnya Allah SWT telah menzahirkan orang yang menyaksikan demikian sejak *qidam*, iaitu yang dibaca ke atasmu pada semua perjalanan, lantas Allah SWT berfirman daripada firman-Nya yang qadim tentang

ilmu Yang Maha Mengetahui iaitu, "dan orang yang telah menduduki kota Madinah dan telah beriman (*al-Ansar*) sebelum (kedatangan) mereka (*al-Muhajirin*), mereka (*al-Ansar*) mencintai orang yang berhijrah kepada mereka (*al-Muhajirin*), dan mereka (*al-Ansar*) tiada menaruh keinginan dalam hati mereka terhadap apa-apa yang diberi kepada mereka (*al-Muhajirin*); dan mereka mengutamakan (orang *al-Muhajirin*), atas diri mereka sendiri, sekalipun mereka dalam kesusahan. Dan sesiapa yang dipelihara dari kebakilan dirinya, mereka itulah orang yang berjaya".²² Allah SWT mengkhususkan dengan menyebut mereka (*al-Ansar*) mula-mula dan kemudian diumumkan orang-orang yang berakhlik bersama-sama mereka kerana mereka adalah sebilangan daripada orang yang beriman. Maka Allah SWT berfirman, "Dan siapa yang dipelihara dari kebakilan dirinya, mereka itulah orang yang berjaya". Ini sifat iman dan orang yang beriman. Mereka adalah penduduk Madinah menurut apa ju keadaan dan siapa pun mereka.

Mereka bersama-sama dengan Madinah biarpun mereka berpisah, atau tiada aku ketahui tentang apa yang mereka kerjakan, tiada balasan mereka melainkan atas Tuhan-ku sekiranya mereka mengetahui, atau Dia mengurniakan taubat atau mengazab mereka, maka disebabkan mereka adalah orang yang zalim. Sesungguhnya Dia telah memberi taubat ke atas mereka yang kuat memerangi dan memusuhi wali-wali Allah dan Rasul-Nya bersama-sama orang Mukmin dalam keadaan hampir dan penghampiran yang sempurna lalu mereka kembali ke Madinah memberi perlindungan selepas melakukan kerosakan dan memerangi penduduknya, "dan sesiapa yang dipelihara dari kebakilan dirinya, mereka itulah orang yang berjaya". Kebaikan mereka (*al-Ansar*) menyeluruh dan telah dinyata secara khusus. Lantaran itu, kenalilah Madinah dan penduduknya serta keluasan akhlaknya walaupun akan terasa sempit dalam keluasannya. Sekiranya ia dalam keadaan kesempitan harta tetapi memiliki keluasan akhlak, maka ia berada pada hukum akhlak.

Sifat-sifat tersebut seperti orang beriman, bukannya pada hukum lebar dan luas, demikian sifat Madinah walaupun sempit pada keluasannya. Kenalilah Madinah dan orang yang meriasukinya dalam kalangan mereka. Mereka tidak terkeluar daripada Madinah dengan izin Allah SWT selama-lamanya sekalipun mereka dihantar ke ufuk-ufuk untuk pembalikan jiwa dan usuk mereka. Mereka adalah pejalan-pejalan al-Haq dan utusan Rasul pada jalan Allah sehingga hari pembalasan. Mereka menetap di Madinah sekalipun mereka berangkat keluar atau mereka adalah orang yang berpergian dengan tujuan menuju kepada Allah, sekalipun mereka menetap. Apa yang kamu sangkakan bahawa mereka berpecah sedangkan mereka berhimpun kepada Allah menentang orang

yang datang. Sifat mereka yang sejati ialah "mereka mengutamakan (orang al-Muhajirin), atas diri mereka sendiri, sekalipun mereka dalam kesusahan. Dan sesiapa yang dipelihara dari kebakhlilan dirinya, mereka itulah orang yang berjaya." Dalam keadaan demikian, mereka tidak mengharap balasan walaupun mereka akan segera memperolehnya. Tiadalah seseorang beroleh kejayaan selepas mereka dan orang yang berhijrah kepada mereka lalu bersandar kepada keturunan mereka yang mulia. Sesiapa yang bersifat dengan sifat al-Ansari, maka mereka adalah daripada kalangan al-Ansar di mana sahaja di seluruh alam dan di semua tempat. Tiadalah berhimpun antara bakhil dan iman. Sabda Rasulullah SAW, "Tidak sekali berhimpun debu pada jalan Allah dengan asap neraka jahanam dalam rongga seorang hamba selama-lamanya,"²³ lantas tiada berhimpun bakhil dan iman dalam hari seorang mukmin selamanya. Ketahuilah bahawa debu pada jalan Allah mengandungi iktibar mengenai semua kewajipan syarak di sisi pandangan ahlinya.

Antaranya ialah berwuduk pada waktu pagi yang sangat scjuk, berjalan menuju ke masjid di saat gelap gelita can yang seumpamanya. Perkara-perkara itu semua adalah pada jalan Allah. Apa yang sukar oleh jiwa adalah debu amalan tersebut. Maka bersabar terhadap kesusahan tersebut akan mendapat balasan terpuji dan cita-cita yang mutu, kerana ia adalah *al-Baqiyat al-Salihat* yang dikehendaki. Maka ia bersama-sama sesiapa yang Allah SWT kehendaki. Jelaslah bagimu bahawa sesiapa yang memelihara sifat bakhil dalam dirinya, dengan izin Allah, dia adalah orang yang berjaya selama-lamanya pada awal dan akhir, zahir dan batin, kerana tidak boleh bertemu antara bakhil dan iman sebagaimana penjelasan terdahulu. Lantaran tiadanya sifat bakhil, mereka mencintai orang yang berhijrah kepada mereka, lalu mereka cinta kepada saudara-saudara mereka sebagaimana mereka cintakan diri sendiri. Sesungguhnya mereka telah melengkapkan iman. Lantaran itu, mereka memperlihat kebaikan terhadap orang yang datang kepada mereka melalui perkongsian isteri-isteri dan harta-harta mereka. Tiada selain mereka yang dapat memelihara sifat bakhil. Merakalah orang yang berjaya.

Termasuk dalam Madinah dan penduduknya ialah golongan awal dan akhir yang bersifat dengan sifat mereka, iaitu semua sifat orang yang berjaya. Sesungguhnya telah berjaya orang beriman yang memiliki semua sifat yang sempurna. Lantaran itu, Nabi SAW datang berlindung ke Macinah dan golongan al-Ansar kerana Madinah beriman bersama-sama mereka can Nabi SAW adalah lebih utama terhadap orang yang beriman berbanding diri mereka sendiri, di samping perkiraan orang yang beriman dengan perkara ini pada ketika itu, kerana golongan *al-Ansar* memberi perlindungan dan pertolongan. Disebabkan ini Madinah secara

zatnya dinamakan dengan iman. Dan Allah SWT memuji orang yang menetap di dalamnya dengan gelaran orang yang memiliki dua kesucian, iaitu, suci iman hati yang bersih daripada kesyirikan dan suci amalan yang bersih daripada kefasikan selepas mereka memiliki iman yang zahir. Pensucian demikian nyata dalam bentuk air (yang diguna untuk mensucikan) dan batu ganjil untuk *istijmar*. Amalan adalah iman. Oleh itu, Allah berfirman, "Wahai orang yang beriman!, berimanlah kamu,"²⁴ iaitu beramal kamu dengan amalan ahli iman. Sifat ini adalah sifat orang beriman yang beriman dengan Ilmu Allah. Mereka adalah orang yang mendahului dan yang mula-mula beriman sedangkan yang lain mengikut mereka dan Allah amat mengasihi orang yang mensucikan diri. Daripada golongan *al-Ansar* terbit kebaikan dan kepada mereka kembali kebaikan kerana mereka adalah wali-walinya.

Tidak berlaku yang demikian melainkan kepada orang mukmin, bukan pada yang lain. Maka wali-wali kebaikan adalah orang yang beriman secara umum dan khusus. Dengan Allah segala taufik dan untuk Allah segala pujian. Telah dinyata dalam Musnad Firdaus, diriwayat daripada Ibn 'Abbas secara *marfu'*, "Sesiapa yang menuaikan haji di Mekah kemudian dia menuju kepadaku di Masjidku ditulis untuknya dua haji yang mabru."²⁵ Diriwayat juga secara *marfu'*, "sesiapa yang datang ke Madinah menziarahiku berhaklah dia memperoleh syafaatku pada hari kiamat, dan sesiapa yang mati pada salah satu daripada tanah haram dia akan dibangkit dalam keadaan aman."²⁶

Berdasarkan ini, ziarah adalah sesuatu yang telah ditetap di dalam syarak, iaitu dengan menuju kepada Baginda dalam masjidnya dan Madinahnya serta berdiri di sisinya, mengucapkan salam dan bertawassul dengannya dalam mencapai kewajipan syafaat, agar memperoleh khabar gembira untuk mati dalam Islam dengan memperoleh syafaat yang dapat menolak bencana. Demikian ziarah, sama ada perbuatan tersebut dilakukan oleh orang yang berziarah itu sendiri untuk menziarahi Nabi atau dilakukan oleh orang lain bagi menggantikan dirinya. Ziarah boleh dilakukan kerana ia telah ditentukan berdasarkan apa yang dinyatakan oleh Nabi SAW dan perbuatan Baginda menziarahi ahli *Baqi'*. Sebagaimana perintah Allah SWT kepada Baginda SAW agar menziarahi ahli *Baqi'*, lantas Baginda SAW pergi kepada mereka, mengucapkan salam dan mendoakan mereka. Ini ziarah dengan tujuan menziarahi orang yang diziarahi sama ada dekat atau jauh bagi orang yang berziarah sendiri atau orang yang mengupahnya untuk berziarah atau orang yang memberi sumbangan untuk berziarah kerana Allah SWT. Ziarah seumpama haji, kerana ia adalah suatu kebaikan.

Benarlah dalam hadis yang mulia bahawa "setiap kebaikan adalah sedekah."²⁷ Begitu jugalah dengan mengucapkan salam kepada yang diziarahi sama ada dia hidup atau mati, berdoa kepadanya dan bertawassul dengannya. Semuanya memperoleh kebaikan menurul kadar perjalanannya. Imam Ikutan Ibn Hajar al-Makki telah berkata dalam kitabnya *al-Durar al-Munazzam fi Ziarah al-Qabr al-Mirazzam* bahawa hendak ditetap tentang hukum berziarah sebagaimana yang telah ditetapkan oleh para imam mengenai berkemampuan dalam ibadat haji." Aku berkata bahawa apabila seseorang memperoleh syarat yang demikian, maka dia adalah orang yang berkemampuan untuk berziarah.

Apabila dia berperjalanan menuju kepada Baginda SAW, berdiri di sisinya, mengucap salam kepadanya dan memohon istighfar untuk dirinya atau bagi sesiapa yang mengupahnya, maka sesungguhnya dia telah berziarah. Inilah ziarah dan di atasnya lah diperoleh janji-janji daripada Allah dan Rasul-Nya. Al-'Allamah Ibn Hajar berkata lagi dalam kitabnya, bahawa dikatakan harus mengupah untuk berziarah. Dan ia disahkan oleh bukan setakat seorang daripada para ulama yang hebat. Pengikut-pengikut mazhab al-Maliki juga telah berfatwa sepertinya. Lantaran itu, mengupah untuk berziarah adalah sah. Benarlah riwayat daripada Ibn 'Abbas secara marfu' iaitu, "tiadalah seorang yang lalu di kubur saudaranya yang mukmin" dalam riwayat lain, "di kubur lelaki yang dikenalinya di dunia lalu dia mengucap salam kepadanya, melainkan dia akan mengenalinya dan menjawab salamnya itu."²⁸

Bagaimanakah pula keadaannya terhadap Nabi SAW yang engkau ucapkan salam kepada Baginda tetapi Baginda tidak menjawab salamu, atau engkau menuju kepada Baginda SAW dan engkau tidak memperoleh tujuan untuk mati dalam Islam sedangkan *Dar al-Salam* (syurga) bersamanya di sisi Allah SWT? Maka orang yang mengetuk dan berdiri di pintunya yang mulia seperti orang yang berdiri di padang syafaat yang luas dan mendapat khabar gembira mati dalam Islam. Demikian keampunan yang diperoleh oleh orang yang berdiri (di sisi Nabi SAW) kerana Allah SWT tidak mengampunkan orang musyrik, bahkan Dia hanya mengampunkan orang Islam. Sesungguhnya Allah SWT telah menyempurnakan untuk kekasih-Nya yang menyarnai dengan semua keadaan. Perkara yang demikian berlaku dengan nas tanpa memerlukan selainnya walaupun *iqtiyas* dengannya.

Sesungguhnya aku telah menyusun risalah ini dalam empat bab dan satu penutup dengan izin Allah SWT. Bab pertama; rahsia Madinah *al-Musharrrafah*, nama-namanya dan apa yang dikurniakkannya kepada orang yang berkunjung daripada kemuliaannya dengan taufik dan pertolongan Allah dengan pemberian yang melimpah, sama ada ia dirasai oleh orang

yang berkunjung atau tidak merasainya. Sesungguhnya tiada yang dapat merasainya melainkan orang yang terdiri daripada kalangan *ulu albab*. Maka dia akan merasainya menurut kadar hati halusnya. Bertambah dan berkurang perasaan tersebut menurut kadar *maqamat* ahlinya. Bab kedua; sebahagian adab-adab orang yang berpergian, perjalanan serta keadaan mereka sebelum, semasa dan selepas perjalanan dalam perbincangan yang ringkas. Bab ketiga; martabat orang yang memasuki Madinah serta pembahagian kemasukan mereka menurut kedatangan mereka dan menurut *ahwal* mereka dan apa yang diper mudah sebutannya oleh Allah. Bab keempat; tentang pertukaran martabat orang yang memasuki Madinah disebabkan syafaat Nabi SAW selepas memasukinya serta pertukaran *manazil* menurut ketentuan yang dikehendaki Allah untuk orang yang memerhatikan perkara tersebut. Diikuti dengan penutup dalam jumlah-jumlah terpisah yang dilampirkan.

Ia menunjukkan kepada penutup sebagai penyempurnaan terhadap sebahagian yang dinyata sebelum ini, beserta beberapa hadis yang diambil daripada kitab *al-Khulasah* oleh al-Sayyid 'Ali al-Samhudi al-Madani – semoga Allah mempercokkan kemuliaannya – untuk menggalakkan orang yang menyukai nikmat-nikmat Tuhan sekalian alam dan syiar-syar Yang Maha Pengasih di kalangan pengasih, sekira-kira jika ia tidak menemui pada permulaan maka ia akan menemui akhir pada yang akhir, kerana Madinah adalah yang awal dan yang akhir dalam apa jua keadaannya. Demikianlah juga semuanya.

Bab Pertama

Mengenai rahsia Madinah yang mulia, – semoga Allah SWT menambah lagi kemuliaannya –, nama-namanya dan sebahagian kurniaan Allah SWT ke atas orang yang mengunjunginya, walaupun hanya seketika dan sementara. Kurniaan tersebut kelihatan nyata melalui nama-nama Madinah yang mulia dengan izin Allah SWT yang Maha Meneliti, biarpun mereka tidak merasainya. Jumlah nama Madinah adalah sebanyak sembilan puluh lima nama, seperti mana yang dinyatakan oleh al-Sayyid²⁹ dalam *al-Khulasah*.³⁰ Nama-nama tersebut ialah:

Pertama, *Athrib*. Pada awalnya ia adalah nama penduduk Madinah. Menurut Abu 'Ubaydah r.a., Athrib dinamakan kepada semua bumi Madinah, atau menurut Ibn 'Abbas r.a. ia dinamakan kepada bumi Madinah sahaja, atau menurut pendapat Muhammad bin al-Husayn yang lebih dikenali dengan Ibn Zibalah³¹ dan adalah salah seorang pengikut Imam Malik³² r.a., bahawa Madinah dinamakan untuk sebahagian daripada buminya. Manakala *Yathrib* adalah ibu negeri Madinah. Terdapat seramai

tiga ratus tukang lentur Yahudi dalamnya seperti yang dinyatakan oleh Ibn Zibalah.³³

Al-Matari³⁴ berkata bahawa Madinah acalah tempat tinggal Bani Harithah dan firman Allah SWT telah diturunkan kepada mereka pada peristiwa *al-Ahzab*³⁵ iaitu, "dan juga masa itu ialah masa se golongan di antara mereka berkata, "Wahai penduduk Yathrib, tempat ini bukan tempat bagi kamu (untuk berjuang di sini), oleh itu kamu baliklah."³⁶

Maka jelas melaluinya bahawa pada peristiwa *al-Ahzab* dan *al-Uhud*,³⁷ kaum Quraish dan orang yang berserta dengan mereka telah mendatangi *Rumah*³⁸ dan kawasan sekitarnya, iaitu berhampiran dengan tempat kediaman Bani Harithah dari kaum *al-Aws*³⁹ dan Bani Salamah dari kaum al-Khazraj⁴⁰ yang mana kedua-duanya bersama dengan Rasulullah SAW. Oleh yang demikian, mereka berasa takut terhadap apa yang akan terjadi terhadap keluarga dan rumah mereka pada peristiwa *al-Uhud*, lantas turun ayat kepada kedua-duanya iaitu, "(ingatlah) ketika dua puak daripada kamu (pada hari peperangan *al-Uhud* itu) terasa lemah semangat (untuk meneruskan perjuangan) kerana takut, padahal Allah adalah penolong dan pelindung mereka."⁴¹

Bijak pandai merekapun berkata, "Demi Allah!, Kami tidak merasa benci dengan turunnya ayat ini kerana Allah telah mencolong kami." Ada pendapat yang menyatakan, bahawa yang berkata kepada Bani Harithah "Wahai penduduk *Yathrib!*, tidak ada tempat tinggal bagi kamu"⁴² ialah Aws bin Qaizi dan orang yang bersamanya.⁴³ Penggunaan nama *Yathrib* ke atas Madinah adalah benar dan pasti walaupun yang masyhur adalah sebaliknya. Ibn Shabbah⁴⁴ meriwayat daripada Ahmad⁴⁵ dan Abu Ya'la⁴⁶ mengenai larangan menamakan Madinah dengan *Yathrib* iaitu, "Sesiapa yang menamakan Madinah dengan *Yathrib*, maka hendaklah dia beristighfar kepada Allah kerana ia adalah bumi yang baik (*Tabah*)."⁴⁷ Perawi-perawinya adalah dipercayai. Dalam riwayat lain dinyatakan, "hendak dia beristighfar sebanyak tiga kali", dan apa yang terdapat pada ayat yang lalu adalah berkaitan dengan golongan munafik. Sebahagian pendapat pula menyatakan makruh menamakan Madinah dengan nama tersebut (*Yathrib*) kerana ia diambil daripada perkataan *al-Tharb* (الثرب) yang bermaksud kerosakan, atau daripada perkataan *al-Tathrib* (الثريب) yang bermaksud celaan disebabkan dosa, atau ia adalah nama orang kafir. Namun dalam kitab *Sahihayn*,⁴⁸ dalam peristiwa hijrah disebut bahawa, "ia adalah Madinah *Yathrib*".⁴⁹ Dalam riwayat yang lain pula menyebutkan, "Aku tidak diperlihatkan melainkan *Yathrib*".⁵⁰ Namun pendapat ini dijawab bahawa penggunaan nama tersebut adalah sebelum larangan mengenainya.

Nama kedua ialah *Ard Allah* berdasarkan firman Allah SWT "apakah kamu tidak capati bahawa bumi Allah itu luas, maka kamu dapat berhijrah padanya."⁵¹ Menurut jemaah, maksud Madinah ialah *Ard al-Hijrah*, *Akkalah al-Qura*, dan *Akkaiah al-Buidan* berdasarkan hadis, "Aku diperintah dengan suatu kampung yang memakan (menguasai) kampung yang lain,"⁵² kerana ia mengatasi dan menguasai kesemuanya dari segi kelebihan serta membukanya dengan tangan-tangan penduduknya lantas mereka memperoleh keuntungan dan menguasainya kerana iman. Uthman bin 'Abd al-Rahman dan 'Abd Allah bin Ja'far berkata, "Allah menamakan Madinah dengan *al-Dar* dan *al-Iman* berdasarkan firman Allah SWT mengenai al-Ansar, iaitu "dan orang yang telah menempati *al-Dar* dan *al-Iman*"⁵³ kerana Madinah adalah gambaran dan tempat iman kembali. Daripada Anas bin Malik⁵⁴ r.a, bahawa malaikat yang menjaga Iman berkata, "Aku mendiami Madinah," lantas malaikat yang menjaga malu pula berkata, "dan aku bersamamu." Menurutku (Ahmad al-Qushahi), oleh yang demikian terdapat dalam hadis, "Malu adalah sebahagian daripada iman,"⁵⁵ maka malu sentiasa bersama iman di mana sahaja. Dan Allah SWT yang Maha Mengetahuinya. Di mana sahaja terdapatnya malu dan iman maka terdapatlah segala kebaikan serta terhindarlah segala kejahanatan, kerana apabila seseorang merasa malu maka dia tidak akan melakukan apa yang dikehendaki bahkan dia akan melakukan apa yang diperintahkan. Apabila dia melakukan apa yang dikehendaki, maka dia berbuat semata-mata apa yang diperintahkan sama ada perkara yang wajib, sunat atau harus. Demikianlah perbuatan orang yang memelihara sifat kedekut dalam dirinya dan mereka pula adalah orang-orang yang berjaya.⁵⁶

Al-Barrah dan *Al-Barrah*. Disebabkan banyak kebaikan Madinah kepada penghuninya secara khusus dan kepada alam seluruhnya secara umum serta terbit segala kebaikan dan keberkatan dengannya.

Al-Bahr, *al-Buhairah*, *al-Bahirah* dan *al-Istibhar* bermakna luas kerana Madinah adalah seluas bumi. Madinah dinamakan juga *al-Bahr* yang asalnya adalah kampung. Setiap kampung adalah bahrah.

Al-Balad kerana ia mengandungi banyak batu jatin dan mempunyai kawasan yang dikenali sebagai *al-Balad*. Firman Allah SWT, "Aku bersumpah dengan negeri ini."⁵⁷ Ada pendapat menyatakan bahawa yang dimaksud dengan "negeri ini" ialah Madinah dan ada pendapat lain yang menyatakan ia adalah Mekah. *Al-Balad* dari segi bahasa bererti permulaan kampung tempat rumah Rasulullah SAW. Firman Allah

SWT “sebagaimana Tuhanmu menyuruhmu pergi dari rumahmu dengan kebenaran,”⁵⁸ iaitu daripada Madinah dengan disebutkan secara khusus kepada rumah dan penghuninya. Dan ada pendapat lain bahawa “daripada rumahnya” ialah dengan Madinah.

Tandad, Tundar. ia akan dibincang pada *Yandar*.

Al-Jabirah seperti yang terdapat dalam hadis, iaitu Madinah mempunyai sepuluh nama kerana ia memperbaiki yang telah pecah, memenuhi keperluan yang fakir, memaksa supaya patuh dengan mencari keberkatannya dan memaksa Islam ke atas negeri tersebut. *Ibn Abi Shaibah*⁵⁹ meriwayat nama *Jabbar* bagi menggantikan *al-Jabbarah* dalam hadisnya. *Al-Jabirah* seperti yang terdapat dalam kitab Taurat ialah Semenanjung Arab berdasarkan pendapat sebilangan orang bahawa ia yang dimaksud dalam hadis, “Keluarkan orang musyrikin dari semenanjung Arab.”⁶⁰ Dan diriwayat bahawa Rasulullah SAW telah berpaling melihat Madinah lalu bersabda, “sesungguhnya Allah SWT telah membersihkan Semenanjung ini daripada syirik.”⁶¹

Al-Habibah, kerana Nabi SAW cintakannya dan berdoa dengan menyebutnya iaitu, “Ya Allah! Cintakan kami terhadap Madinah seperti cinta kami terhadap Mekah atau lebih mendalam lagi.”⁶² Dalam satu riwayat dinyatakan “bumi yang paling haram disebabkan pengharamannya.” Dalam hadis “Madinah adalah tanah haram.”⁶³ Dalam satu riwayat “bumi haram yang aman,” yang diharamkan oleh Rasulullah SAW kerana Bagindalah yang mengharamkannya. Dalam hadis dinyatakan, “Sesiapa yang menakutkan penduduk Haramku ini, Allah akan menakutkannya pula.”⁶⁴ Dalam riwayat lain dinyatakan, “Haram Ibrahim adalah Mekah dan Haramku adalah Madinah,”⁶⁵ riwayat *al-Tabrani*⁶⁶ dengan perawi-perawi yang dipercayai.

Hasanah. Firman Allah SWT “Pasti Kami akan memberi tempat yang bagus kepada mereka di dunia,”⁶⁷ bermaksud tempat tinggal yang baik, iaitu Madinah. Ada pendapat menyatakan bahawa ia adalah nama Madinah kerana ia mengandungi kebaikan *hissi*⁶⁸ dan *ma'nawi*.⁶⁹

Al-Khayyarah atau *al-Khayrah*. Seperti dinyata bahawa perkataan “imra'ah khayyarah” bermaksud perempuan yang mempunyai banyak kebaikan.

Al-Dar seperti yang telah dinyata pada *al-Iman*. Sebab Madinah aman dan stabil serta menghimpun binaan dan halaman di rumah kebaikan dan

pilihan. Juga kerana Madinah adalah rumah bagi manusia terpilih, iaitu golongan *al-Muhajirin*⁷⁰ dan *al-Ansar*⁷¹ serta ia menjauhi kejahanan yang ada padanya. Orang yang mendiaminya dari kalangan mereka, maka pada hakikatnya bukanlah mempunyai rumah, tetapi boleh jadi dipindah selepas mereka dikebumikan.

Dar al-Iman seperti yang terdapat dalam hadis, "Madinah adalah kubah Islam dan *Dar al-Iman*"⁷² dan hadis "Iman berlindung ke Madinah sebagaimana ular berlindung di sarangnya."⁷³

Dar al-Sunnah, Dar al-Salam, Dar al-Islam, Dar al-Fath dan *Dar al-Hijrah*. Dalam hadis sahih⁷⁴ terdapat kata-kata "Abd al-Rahman bin 'Auf"⁷⁵ bahawa Madinah adalah *Dar al-Hijrah* dan *al-Sunnah*.⁷⁶ Riwayat al-Kushmihani⁷⁷ pula menyatakan "dan Dar al-Salamah."⁷⁸ Telah dibuka kemucian semua tempat yang lain melalui Madinah, manusia pilihan dan terbaik telah berhijrah dan tersebar *al-Sunnah* ke wilayah-wilayah yang berberteng teguh daripada Madinah berdasarkan hadis riwayat Ahmad r.h. yang diriwayat oleh perawi-perawi yang benar iaitu: "Aku melihat seolah-olah aku sedang berada dalam benteng yang kukuh."⁷⁹

Zat al-Hujr kerana terdapat batu-batu padanya. *Zat al-Harar* akibat suhunya yang kebanyakannya panas. *Zat al-Nakhil* kerana disifat demikian. Dalam hadis "Aku ciperlihat *Dar Hijrahku* mempunyai pokok kurma dan batu yang hitam (akibat terlalu panas)."⁸⁰

Al-Salaqah atau *al-Saliqah*. Ia dinukil oleh al-Aqshibri⁸¹ dari kitab Taurat, kerana *al-Salaq* bermakna tanah lembah yang rata. Madinah dinamakan dengannya kerana keluasan Madinah dan kedudukan gunung-gunungnya yang berjauhan atau kerana ia membuka negeri-negeri lain.

Sayyidah al-Buldan. Seperti yang disandar oleh al-Dailami⁸² dalam *al-Ma'rifah* oleh Abu Na'im⁸³ yang meriwayat daripada Ibn 'Umar⁸⁴ RA secara *marfu'*⁸⁵ "Wahai yang baik, Wahai penghulu negeri!"⁸⁶ Ia maksudkannya kepada Madinah.

Al-Shafiyah. Berdasarkan kepada hadis "tanahnya adalah penyembuh dari segala penyakit"⁸⁷ dan juga diriwayat dengan *sahih* tentang buah-buahnya. Ibn Musdiy⁸⁸ menyatakan bahawa pengubatannya ialah dengan menggantungkan nama-nama Madinah pada orang yang sakit.⁸⁹

Tabah, Taybah, Tayibah dan *Ta'ib*. Keempat-empat lafaz ini adalah serupa dari segi lafaz dan makna walaupun berbeza bentuk dan huruf.

Dalam hadis sahih, Allah SWT menamakan Madinah sebagai *Tabah*.⁹⁰ Dalam hadis dinyata “Mereka menamakan Madinah sebagai *Yathrib* lalu Rasulullah SAW menamakannya *Taybah*”.⁹¹ Dan terdapat dalam hadis “Madinah mempunyai sepuluh nama, iaitu *al-Madinah*, *Taybah*, *Tabah*”.⁹² Terdapat riwayat yang menggantikan *Tayib* dengan *Taybah*. Diriwayat daripada Wahb bin Munabbih,⁹³ “Demi Allah!, Sesungguhnya nama-namanya dalam kitab Allah, iaitu Taurat ialah Taybah dan Tabah.” Dinukil juga daripacanya nama Tabah, Taybah dan al-Malihah. Sebab bau udara Madinah yang wangi, semua urusannya elok, bersih daripada syirik dan gejala-gejalanya, tempat berada orang yang terbaik, iaitu Nabi SAW serta menolak keburukan padanya dan memurni kebaikannya. *Al-Ishbili* berkata bahawa bauan tanah Madinah tidak serupa dengan mana-mana wangian, bahkan baunya amat menakjubkan.⁹⁴

Tabaha. Ia dinyata oleh *Yaqut*.⁹⁵

Al-Asimah. Kerana ia memelihara golongan Muhajirin daripada golongan Musyrikin dan kerana ia adalah benteng yang kukuh dan membawa maksud benteng yang terpelihara. Oleh itu, ia tidak dapat dimasuki oleh Dajjal dan penyakit taun. Sesiapa yang mahu melakukar kejahatan pula, maka Allah SWT akan menyerap kejahatannya.

Al-Azra. Dinukil daripada kitab Taurat, disebabkan kesukaran musuh dan mereka terhalang untuk menguasai Madinah sehingga ia dicerah kepada pemiliknya yang sebenar, iaitu Nabi SAW.

“Arra”. Kerana tiada binaan-binaan tinggi pencakar langit. Apabila dikatakan hamba perempuan yang *azra'* atau *arra'*, maka maksudnya menyerupai unta *arra'*, iaitu unta yang tidak mempunyai bonggol atau yang mempunyai bonggol yang kecil seperti dada anak dara yang kecil atau langsung tiada kelihatan.

“Arud”, disebabkan kawasan-kawasan Madinah yang rendah dan tempat mengalir lembah-lembah yang ada pada Najd. Keseluruhan Najd berada pada garis lintang menegak dan Madinah pula pada garis lintang memanjang.

Al-Gharra'. Kata nama perempuan (*muannath*) bagi *al-Aghar*, iaitu yang mempunyai keelokan. Ia bermaksud warna putih yang terdapat di hadapan, perkara pilihan dan muka manusia. *Al-Aghar* bererti warna putih dan lelaki yang mulia. *Al-Gharra'* ialah perempuan yang berusia dan

tumbuhan yang mempunyai bau yang harum. Madinah telah menguasai negeri-negeri yang lain dan mempunyai bau yang harum pada semua makhluk. Lantaran itu, penduduk Madinah menjadi mulia lalu terpancar cahayanya dan teranglah kebaikannya dengan adanya Muhammad SAW.

Ghalabah. Bererti yang mengatasi, kerana kemunculannya yang mengatasi negeri-negeri lain. Semasa zaman Jahiliyyah ia digelar *Ghalabah*. Golongan Yahudi telah datang padanya lalu berjaya menguasai golongan *al-Amaliq*.⁹⁶ Kemudian golongan *al-Aus* dan *al-Khzraj* telah datang ke sana lalu mereka mengatasi pula golongan Yahudi.

Al-Fadiah. Dalam *al-Khassah* disebut *al-Fasihah*, kerana sesiapa yang menyembunyi akidah yang rosak atau selainnya pasti akan diperlihat apa yang disembunyikan dan dibuka keburukannya.⁹⁷

Al-Qasimah. Dinukil daripada kitab *Taurat* kerana Macinah memusnahkan setiap kesombongan dan perkara yang melampaui batasan yang berlaku padanya. Orang yang mahu melakukan kejahanan padanya, maka Allah SWT akan menyerapkannya sebagaimana garam menyerap ke dalam air.

Qubbah al-Islam. Berdasarkan hadis "Madinah adalah kubah Islam."⁹⁸

Al-Qaryah. Berdasarkan hadis "Sesungguhnya Allah SWT telah membersih negeri ini daripada syirik selama mereka tidak disesat oleh tilikan bintang-bintang."⁹⁹

Qaryah al-Ansar. Kata nama ramai (*jama'*) bagi perkataan *nasir*. Mereka adalah kaum *al-Aus* dan *al-Khzraj*. Allah SWT dan Rasul-Nya SAW menamakan Madinah demikian kerana perlindungan dan bantuan mereka. Firman Allah SWT "dan orang yang memberi tempat kediaman dan pertolongan."¹⁰⁰ Pernah dikatakan kepada *Anas bin Malik* r.a., "Apakah kamu yang menamakan al-Ansar atau Allah SWT yang menamakannya?" Anas berkata: "Bahkan Allah SWT yang menamakan kami dengannya."¹⁰¹

Al-Qasimah. Iaitu yang menghimpun kumpulan manusia yang ramai. Diambil daripada perkataan "aku mengalirkan air ke lembah jika aku mahu menghimpunkannya." Dan dikatakan bahawa *al-Misr* bermakna yang menghimpunkan.

Qaryah Rasul Allah SAW. Berdasarkan hadis riwayat al-Tabrani dengan riwayat oleh perawi-perawi yang dipercayai, kemudian Dajjal berjalan

sehingga sampai ke Madinah dan ia tidak diizinkan masuk, lalu ia berkata: "Ini adalah negeri lelaki itu (Rasulullah SAW)." ¹⁰²

Qalb al-Iman. Dinyata oleh Ibn al-Jawzi¹⁰³ dalam hadis "Madinah adalah kubah Islam." ¹⁰⁴

Al-Mu'minah. Disebabkan Madinah beriman, iaitu hakikat kejadiannya yang dapat menerima iman seperti keadaan batu yang bertasbih. Atau *al-Mu'minah* adalah kalimah kiasan (*majaz*) dengan tujuan memberikan kesedaran kepada penduduknya dan kerana ia memiliki ciri-ciri mungkin atau disebabkan Madinah memberi keamanan kepada penduduknya daripada bala', taun dan Dajjal. Dalam *khabar*¹⁰⁵ disebutkan "demikian jiwaku yang berada pada tangan-Nya, sesungguhnya tanahnya beriman." ¹⁰⁶ Dalam riwayat lain, bahawa ia tertulis pada kitab Taurat dengan nama *Mu'minah*.¹⁰⁷ Aku berkata, bahawa ia termasuk dalam semua yang dinyatakan oleh al-Sayyid dan beralasan bahawa ia daripada iman yang hakiki dan diberikan balasan serta memberikan keamanan kepada penduduknya dan sebagainya.

Mubawwi' al-Halal wa al-Haram. Al-Tabrani meriwayat demikian dalam hadis, "Madinah adalah kubah Islam dan tempat tinggal halal dan haram".¹⁰⁸ *Al-tabawwu'* bererti tinggal dan menetap kerana ia adalah tempat menetapnya kedua-dua hukum ini.

Mubayyin al-Halal wa al-Haram. Ibn al-Jawzi dan lain-lain telah meriwayatnya sebagai ganti dalam sebutan hadis yang terdahulu kerana Madinah adalah tempat penjelasan kedua-duanya.¹⁰⁹

Al-Majburah. Ia dinyata dalam hadis bahawa Madinah mempunyai sepuluh nama dan ia dinukil daripada kitab-kitab terdahulu. Sebab Madinah memaksakan intisari kehidupan kepada yang hidup atau yang mati, pemberian Nabi SAW untuk menduduki Madinah tanpa bayaran, memindahkan kemudaratannya Madinah dan doa Baginda SAW yang tidak putus untuk Madinah.

Al-Muhibbah. Dicatat daripada kitab-kitab terdahulu. *Al-Muhabbah*, *Al-Mahbubah*. Dinukil daripada kitab-kitab terdahulu juga. Tiga nama ini berserta *al-Habibah* mengandungi makna yang sama. Rasulullah SAW kasih kepada Madinah kerana kasih Allah SWT kepadanya. Aku berkata, bahawa perkara ini seperti yang dinyatakan oleh sebilangan daripada ahli tafsir daripada kalangan *Malikiyyah* pada firman Allah

SWT, "Dan Sesungguhnya *al-Akhirah* itu lebih baik bagimu daripada *al-Ula*,"¹¹⁰ iaitu maksud *al-Akhirah* ialah Madinah dan *al-Ula* ialah Mekah. Semoga Allah SWT menambahkan orang yang meyakini-Nya, maka cukup Allah menjadi saksi yang agung. Makna seumpama ini juga dinyata oleh *al-Sayyid* t.h. bahawa kasihnya adalah mengikut kasih Allah SWT kepadanya. Aku berkata, bahawa lantaran itu diriwayatkan "Ya Allah! Sebagaimana mereka telah mengeluarkanku dari tempat yang aku kasih, maka tempatkan daku di tempat yang paling Engkau kasih"¹¹¹ dan "Wahai Tuhan! Masukkan aku (ke dalam urusan agamaku) dengan kemasukan yang benar, serta keluarkan aku (daripadanya) dengan cara keluar yang benar dan berikan kepadaku dari sisi-Mu kekuasaan (*sultan*) yang menolongku."¹¹² Tempat masuk yang benar ialah Madinah, tempat keluar yang benar pula ialah Mekah. Dan maksud *al-Sultan* ialah golongan *al-Ansar*.

Al-Mahburah. Daripada perkataan *al-Habir* yang bererti kegembiraan, atau daripada perkataan *al-Hibrat* yang bererti kecantikan yang melampau, atau daripada perkataan *al-Mihbar*, iaitu bumi yang tumbuh-tumbuhannya cepat hidup, yang banyak kebaikan dan bumi haram yang diharamkan padanya.

Al-Mahrusah. Berdasarkan hadis iaitu "Madinah bersulam dengan malaikat. Terdapat malaikat yang menjaganya pada setiap ruang."¹¹³ Diriwayat oleh *al-Janadi*.¹¹⁴

Al-Mahfifah. Madinah dilimpahi dengan keberkatan dan para malaikat dari langit. Dalam *al-Khabar* dinyata bahawa Madinah dan Mekah dipenuhi dengan malaikat yang memeliharanya. Kerana mereka memeliharanya daripada taun, dajal dan sebagainya. Dalam *al-Khabar* juga cintayatakan bahawa negeri yang dipelihara ada empat dan dinyatakan bahawa salah satunya adalah Madinah.

Al-Mukhtarah. Kerana Allah SWT memilihnya untuk yang terpilih dalam kalangan makhluknya.

Mudkhil Sidq. Firman Allah SWT, "Dar katakan: "Wahai Tuhan! masukkan aku dengan *mudkhil sidq* dan keluarkanlah juga aku dengan *mukhraj sidq* dan jadikan aku *sultan nasir* daripada sisi-Mu."¹¹⁵ Maksud *mudkhil al-Sidq* ialah Madinah dan ia adalah *al-Akhirah*. Maksud *mukhraj al-Sidq* ialah Mekah dan *sultan nasir* pula ialah golongan *al-Ansar*. Seperti yang diriwayat oleh *Zaid bin Aslam*.¹¹⁶

Al-Madinah. Disebabkan sebutannya berulang-ulang dalam al-Quran. Dan dinukil daripada kitab Taurat bahawa ia daripada perkataan *madana bi al-Makan*, iaitu menetap di suatu tempat apabila berada padanya. Atau ia daripada perkataan *dana*, iaitu mendekati apabila ia mentaati. Ia adalah nama bagi Madinah *al-Nabawiyyah*, sekiranya ia diguna, maka tidak akan berubah maknanya kepada yang lain. Penggunaannya adalah dalam kata nama khas (*marifah*) sahaja. Jika diguna dengan kata nama am (*nakirah*) maka ia adalah nama bagi semua bandar. Kata nisbah (*nasab*) bagi semua *madinah* ialah *madinotiy* dan bagi Madinah pula ialah *Madaniy*.

Madinah al-Rasul SAW berdasarkan sabdanya dalam hadis yang diriwayat oleh al-Tabrani, iaitu “Sesiapa yang melakukan sesuatu yang baru di Madinahku ini atau dia mendiaminya dalam keadaan membuat sesuatu yang baru.”¹¹⁷ Maka Rasulullah SAW telah menyandarkan Madinah kepada dirinya, dan semua urat menghampiri khalifah-khalifahnya.

Al-Marhumah. Dicatat daripada kitab Taurat kerana Madirah memberi rahmat disebabkan adanya Nabi SAW yang diutus sebagai rahmat ke seluruh alam. Oleh itu, rahmat-rahmat diturunkan dengan sebabnya.

Al-Marzuqah. Seperti yang telah dinyata terdahulu atau bermaksud penduduk yang dikurniakan rezeki. Seseorang yang keluar dari Madinah kerana perkara yang dibencinya, maka Allah SWT menggantikan perkara yang dibenci itu dengan yang lebih baik.

Masjid al-Aqsa. Al-Shazili¹¹⁸ telah mencatatkannya daripada pengarang *al-Matali'*. Dalam al-Khulasah dinyata iaitu, “Boleh jadi kerana ia adalah masjid para Nabi yang terakhir.”¹¹⁹ Dan dapat diketahui daripadanya bahawa ia adalah masjid terakhir para Nabi.

Al-Miskinah. Dinukil daripada kitab Taurat dan dinyata dalam hadis bahawa Madinah mempunya sepuluh nama. Diriwayat secara *marfi'* bahawa Allah SWT telah berfirman, “Wahai Taybah! Wahai Tabah!, Wahai *Miskinah!* jangan engkau menerima harta perbcendaharaan, Aku telah mengangkat *ajajirmu* dengan berbanding *ajajir* penduduk negeri ini.”¹²⁰ *Al-Ajajir* ialah dataran yang luas, dan *al-Maskanah* ialah tunduk dan khusyuk makhluk Allah SWT kepada Madinah kerana ia beriman dengan Allah SWT dan Rasul-Nya SAW serta apa yang dibawanya. Demikian sifat ulama Allah SWT. Firman Allah SWT: “Sesungguhnya yang takut kepada Allah di antara hamba-hamba-Nya, hanyalah ulama.”¹²¹ Dan bukanlah sesuatu yang diada-adakan dan pelik terhadap urusan

Allah SWT. Madinah adalah tempat tinggal orang yang khusyuk dan tunduk.

Al-Muslimah, seperti *al-Mu'minah*, kerana Allah SWT menjadikan makhluk tunduk dan patuh di dalamnya, atau disebabkan kepatuhan penduduknya dan pembukaannya dengan al-Quran. Aku berkata, jika kamu meneliti perkataannya “dan pembukaannya dengan al-Quran”, memadailah bagimu tentang kedudukan Madinah yang dikenali dan nisbah iman yang benar kepadaanya secara hakiki dari segi zat dan penduduknya. Allah SWT telah memberi kemenangan kepada mereka dengan pedang disebabkan kemuliaan mereka di sisi Allah dan selain mereka. Ia adalah kata perbuatan (*al-Fi'l*) dan kata perhuatan adalah cabang kata sifat (*al-Sifah*), kerana yang dikuasai (*al-Maqdur*) mengikut kuasa (*al-Qudrah*), kuasa pula mengikut yang berkuasa (*al-Qadir*). Maka kamu lihatlah Madinah dan penduduknya, dimanakah kedudukan mereka pada *al-Hadrat*,¹²² nescaya kamu memperolehi kemenangan dan keuntungan. Ayat (*al-Kalam*) diambil daripada perkataan (*al-kalim*) atau perkataan (*al-Kalim*) diambil daripadanya, kerana kata perbuatan (*al-Fi'l*) terpisah daripada kata sifat (*al-Wasf*) selamanya. Dengannya terjadilah penjelasan ilmu dan maklumat serta sampailah sesuatu ke tempatnya seperti sampainya perintah kemenangan ke tempatnya dan berlakulah penjelasan terhadap mereka tentang orang yang berjalan dan yang mundur serta beroleh kemenangan dan muncullah kekuasaan juga dengannya. Sesungguhnya kemenangan pada perbuatan-perbuatan (*al-Af'āl*) adalah suatu puncak yang berlaku hanya dengan sifat-sifat ketuhanan. Sifat-sifat (*al-Awsaf*) pula tidak boleh berlaku kecuali dengan yang disifatkan (*al-Mensuf*). Maka ingatlah tertib ini dan binalah ia dengan tidak merobohkannya. Tertib adalah *zat*¹²³ yang tidak hilang selamanya. Dan Allah SWT sahajalah yang Maha Mengetahui.

Madja' Rasul Allah SAW. Bersandarkan kepada sabda Rasulullah SAW: “Madinah adalah tempat hijrah dan tempat baringku (tidurku) di atas muka bumi.”¹²⁴

Al-Matibah. Telah cijelaskan sebelum ini pada *Tayib*.

Al-Muqaddasah. Disebabkan kesuciannya daripada syirik, dan keadaannya yang menolak dosa-dosa.

Al-Maqur. Ia dinyata oleh sebilangan orang.

Al-Makkatan. Sa'ad bin Abu Sarh¹²⁵ bersyair sewaktu pengcengungan 'Uthman bin 'Afwan¹²⁶ r.a., "Penolong-penolong kami di *al-Makkatayn* adalah sedikit."¹²⁷ Nasar bin Hajjaj¹²⁸ pula berkata selepas dia dibuang daripada Madinah, "Maka jadilah aku terbuang tanpa diragui lagi, sesungguhnya aku telah menetap di *al-Makkatayn*".¹²⁹ Maksud *al-Makkatayn* di sini dengan jelas ialah Madinah sahaja kerana golongan *al-Muhajirin* dan *al-Ansar* bergabung padanya, atau dengan sebab yang lebih menguasai (*al-Taghib*) dan dimaksudkan dengannya ialah Mekah dan Madinah. Aku berkata bahawa semuanya dimaksudkan demikian daripada satu segi, kerana memberikan hasil dua kali ganda di Madinah berbanding di tempat lain, berdasarkan hadis sahib. Maka apa juá keberkatan-keberkatan dan amalan-amalan yang terdapat di tempat lain, maka di sini ia digandakan berdasarkan hadis yang disebutkan, "Ya Allah! Jadikan keberkatan Madinah dua kali ganda berbanding apa yang Engkau jadikan bagi Mekah".¹³⁰ Dalam hadis lain, "bersama satu keberkatan adalah dua keberkatan."¹³¹ Madinah ialah *al-Makkatan* tanpa diragui lagi, kerana ia mengandungi Mekah dan Madinah dengan berganca serta golongan *al-Muhajirin* dan *al-Ansar*. Dan Allah SWT sahajalah yang Maha Mengetahui.

Al-Makinah. Kerana kedudukannya yang tinggi seperti yang telah anda ketahui.

Muhajir Rasul Allah SAW. Disebabkan sabda Rasulullah SAW, "Madinah adalah tempat hijrahku."¹³²

Al-Muwaffiyah dan *al-Mufiyah*, kerana ia menunaikan hak orang yang mengunjunginya secara *hissi* dan *ma'nawi*. Penghuni Madinah juga adalah orang yang menunaikan janji.

Al-Najiyah. Kerana ia terselamat daripada kejahatan, penyakit taun dan dajal, atau disebabkan cepat berlaku kebaikan kepadanya, atau disebabkan kedudukannya yang tinggi. Lantaran itu ia memperoleh semulia-mulia makhluk SAW.

Nubala'. Sekira-kira ia daripada perkataan *al-Nahl* yang bererti kelebihan dan kebijakan.

Al-Nahr. Daripada perkataan *nahr al-Zahirah*, disebabkan sangat panas, atau penggunaannya pada nama asal, iaitu asal negara Islam.

Al-Hadhra'. Ibn al-Najjar¹³³ menyatakan sebagai ganti *al-'Adhra'* dengan mengambilnya daripada kitab Taurat. Dan jika *al-Hadra'* bererti siraman air disebabkan ia sangat panas. Jika dikatakan, *yaum hazil*, ia bererti hari yang sangat panas atau kerana banyak air dan suara kincirnya. Dan jika dikatakan, *hadhara* apabila ia menjadi banyak. Jika *hadara al-Hamam*, bererti merpati yang bersuara dan *hadara al-Ma'*, bererti air yang menderu. *Ard hadirah* pula bererti mempunyai rumput yang banyak.

Yathrib. Ia telah diterangkan sebelum ini pada *Athrab*. Nama ini diisyarat pada kata penyair, "tempat temu janji *Arqub* dengan saudaranya ialah di *Yathrib*." Ada pendapat menyatakan bahawa *Yathrib* ialah Madinah, *Arqub* ialah seorang Yahudi masa lalu, atau ia daripada suku *al-Aus*. Dan *Yathrib* pula ialah sebuah kampung di *Yamamah*.

Aku berkata, bahawa nama-nama Madinah yang mulia bermula dengan *Athrab* dan berakhir dengan *Yathrib* untuk menunjukkan bahawa permulaan adalah dengan huruf *al-Alif* dan berakhir dengan huruf *al-Ya'*. Sesungguhnya satu adalah sepuluh sebab ia kelihatan padanya selepas martabat yang perlama, kerana ia adalah berbilang-bilang pada martabat-martabatnya disebabkan huruf *al-Ya'* ialah huruf *al-Alif* yang mendatang yang kedua-dua penjurunya ditukarkan untuk membezakan di antara dua kata nama (*al-Ism*) dan dua kata perbuatan (*al-Fi'l*) serta menunjukkan kepada permulaan. Dan ia adalah penghabisan. Sesungguhnya sesiapa yang menziarahi Madinah dia berhak memperoleh syafaat dan diberikan khabar gembira daripada Nabi SAW serta mendapat syahid dan mati dalam Islam. Oleh yang demikian, tiada dicela ke atas semua pengunjung, bahkan Allah SWT amat mengampuni mengikut keadaan *halnya* sama ada ia daripada kalangan *al-'Ammah* atau *al-Khassah*¹³⁴ atau khusus *al-Khusus*.¹³⁵ Dan memadailah ia kepadamu sebagai suatu kemuliaan dan kelebihan serta darjat dan kelebihan yang lebih besar di akhirat nanti. Dan Madinah adalah akhirnya. Dengan huruf *al-Ya'* ini, berakhir nama-nama Madinah.

Yandad. Daripada perkataan *al-Nidd*, iaitu sejenis wangi yang dikenali atau daripada perkataan *al-Nad*, iaitu rezeki.

Yandar. Demikian dinyata dalam hadis, iaitu "Madinah mempunyai sepuluh nama." Hadis tersebut diriwayat oleh Ibn Zabalah, tetapi dia menyatakan sebanyak sembilan nama Madinah sahaja. Ia juga diriwayat oleh Ibn Shabbah, tetapi dia menyatakan sebanyak lapan nama Madinah sahaja, iaitu dengan dibuang nama *al-Dar*. Namun

kemudian hadis tersebut diriwayat oleh Abu Ja'far dan menyatakan nama *al-Dar* dan *al-Iman*. Kemudian dia berkata bahawa Allah sahajalah yang Maha Mengetahui. Ia telah mencukupkan jumlah sepuhl nama Madinah.¹³⁶ Diriwayat daripada al-Darawardi¹³⁷ pula, "telah sampai kepadaku bahawa, dalam kitab *Taurat* bahawa Madinah mempunyai empat puluh nama."¹³⁸

Selesailah kata-kata yang dicatat daripada *al-Sayyid Ali r.a.* dalam kitab *al-Khulasah* secara ringkas dan sedikit penambahan pada sesetengah tempat. Dan buat akhirnya, ia adalah peringatan bagi orang yang berzikir. Peringatan adalah suatu perintah umum bagi orang yang berzikir. Dan Allah sahajalah yang Maha Mengetahui. *Al-Sayyid* telah menghitung nama Madinah sebanyak sembilan puluh lima nama tanpa memasukkan nama *al-Bahr*. Oleh itu, namanya adalah sebanyak sembilan puluh sembilan nama. Akan dinyatakan kemudian tiga lagi nama Madinah yang diambil daripada al-hadis dan al-Quran bagi mencukupkan jumlah sebanyak sembilan puluh sembilan nama yang selari dengan nama-nama *al-Ilahiyyah*. Inilah nama-namanya.

Adapun rahsia Madinah yang mulia dan tarikannya yang kuat kepada hati yang halus, maka ia akan ditunjukkan dalam bab ini dengan izin Allah SWT Kami berkata, ketahuilah! Sesungguhnya rahsia sebenar Madinah ialah tanah Nabi SAW, isteri-isterinya, zuriat keturunannya dan sahabat-sahabatnya kerana Nabi SAW dan yang lain-lain dijadikan daripada tanah Madinah. Lantaran itu, Rasulullah SAW bersabda mengenainya, "Demi jiwaku yang berada pada tangan-Nya, sesungguhnya tanahnya adalah beriman,"¹³⁹ kerana kedudukannya yang berasal daripada Rasulullah SAW, dan kedudukan Rasulullah SAW yang berasal darinya. Sebab itu, tidak layak bagi jasadnya yang mulia melainkan dengan sesuatu yang mulia. Oleh yang demikian, tanahnya mempunyai kelebihan ke atas semua jisim di langit dan di bumi. Dengan itu, Baginda SAW dicipta daripadanya, begitu juga umatnya yang mulia dan sebaik-sebaik kurun. Mereka berada terpisah pada semua kawasan Madinah seperti kebaikan Madinah berlaku pada semua kawasannya. Dan kerana semua dijadi daripada bumi mana ia dikebumikan. Madinah menjadi istimewa dengan sesuatu yang tidak ada pada tempat yang lain sepertinya, iaitu dari aspek perlindungan, kandungan dan dibangkiti daripadanya kerana Macinah adalah tempat tinggal yang membawa kepada tempat yang kekal. Ini adalah satu ciri kelebihannya. Sabda Rasulullah SAW kepada penduduk *al-Ansar*, "Aku berasal daripada kamu dan kamu berasal daripadaku."¹⁴⁰ Mereka adalah daripada Rasulullah SAW seperti yang dinyata dan Baginda SAW adalah daripada mereka kerana satu zat mengandungi anggota dan bahagiannya. Baginda SAW dapat disaksikan melalui semua

bahagian rumah dan penduduk Madinah. Oleh yang demikian, Rasulullah SAW menamakan Madinah dengan nama *al-Mu'minah* dan *al-Muslimah* kerana Islamnya dan penyerahan zatnya kepada Allah SWT dan Rasul-Nya SAW secara hakiki dan bukannya kiasan (*majaz*) disebabkan Allah SWT telah menjadi keadaan Madinah, seperti orang yang beriman dan orang Islam. Perkara ini seperti yang dinyata oleh *al-Sayyid* pada yang terdahulu dan selainnya. Dan kerana Madinah mengandungi rahsia ini yang tidak ada pada yang lain secara *hissi* dan *ma'nawi*.

Demikianlah rahsia yang menarik dan mempunyai hubungan dengan semua orang lelaki dan perempuan yang beriman. Ia dapat menawan hati-hati mereka dengan kehalusan zat iman yang batin, yang tertulis dalam hati-hati mereka. Maka ia menetap pada mereka dan bertebaran pada penduduk Madinah dan seluruh alam seperti sesuatu perkara bermula dengannya dan berkembang berterusan daripadanya kepada penduduknya pada setiap masa hingga ke akhir masa dan sehingga lah tiada lagi di atas muka bumi ini orang yang mengucapkan "Allah". Ketetapan demikian adalah seumpama ketetapan cahaya dengan matahari pada semua bintang-bintang yang bercahaya di penjuru-penjuru langit dan bumi, ia tetap berada pada tempat dan orbitnya. Demikian Madinah dan ketetapan rahsia kepada pengunjungnya. Ia tetap pada tempat tinggal dan tempat simpanannya.

Ini secara ringkas mengenai rahsia Madinah yang *hissi* dan menghimpun segala rahsia yang kelihatan daripadanya. Dan kelihatannya zahir¹⁴¹ dan batin¹⁴² setiap orang yang beriman padanya, pada awal dan akhir. Dialah yang beriman (*al-Mu'minah*), yang Islam (*al-Muslimah*) dan *Al-Makkatan* yang menghimpun dua tanah haram dan mempunyai penguasaan dan kelebihan pada kedua-duanya. Keadaan rindu pada Madinah ialah dengan rahsia yang awal dan akhir yang bertautan dengan rahsia hati yang batin dan bercahaya dalam hati-hati yang beriman dengannya. Jiwa-jawa yang suci dan tenang dalam cahaya *al-Ilahi al-Rabbani*¹⁴³ yang tinggi saat menyaksikannya secara rahsia dan terang-terangan. Jiwa-jawa yang menuju kepadanya dengan firman Allah yang *Rabbani*, "Wahai Tuhan kami! Sempurnakan cahaya kami dan ampunilah dosa-dosa kami. Sesungguhnya Engkau Maha Berkuasa pada tiap-tiap sesuatu,"¹⁴⁴ kerana mereka juga seperti itu sebelum dan selepas penurunan ayat ini. Maka mereka mencari kesempurnaan dengan demikian apabila bersama dengan Nabi SAW kerana mereka beriman dengan Baginda SAW pada permulaan kemudian beriman dengannya lagi pada kesudahan. Sepertimana mereka beriman dengannya pada permulaan, maka ternyata yang awal menjadi akhir dan yang batin menjadi zahir ketika dipanggil

dan diperintah dengan seruan, "Wahai orang yang beriman! Berimanlah kamu"¹⁴⁵ agar mereka sentiasa bersama-sama dengan kesempurnaan pada semua perintah tersebut. Ia adalah perintah yang sempurna dengan seruan "Wahai Tuhan kami! Sempurnakanlah kami hingga ke penghujung *al-sirat*"¹⁴⁶ dan ketika memasuki tempat tinggal yang kekal selepasnya." Demikianlah juga permintaan untuk ditambahkan lagi selama-lamanya.

Semua itu adalah cahaya yang berjalan pada mereka, manusia dan *hadrah* Allah SWT. Perluasan berlaku secara berterusan kepada mereka dengannya daripada Allah SWT dalam keadaan mereka beriman dengan Muhammad SAW dan cahaya yang diturunkan bersamanya. Baginda SAW diperkuat dengan mereka dan pertolongan Allah SWT. Firman-Nya, "Dia-lah yang memperkuatkanmu dengan pertolongan-Nya dan dengan orang-orang beriman."¹⁴⁷ Dan mereka mengatakan secara berterusan, "Wahai Tuhan kami! Sempurnakan nur kami dan ampuni dosa-dosa kami"¹⁴⁸ kerana iman adalah bagi orang yang beriman dan menuntut kesempurnaan. Permintaan yang ringkas ialah menuntut keampunan dan menghapus dosa-dosa dengan melakukan kebaikan yang dapat menghilangkan keburukan. Selain itu, Allah SWT mengampunkan semua dosa dengan ketentuan takdir tanpa permintaan mereka. Kerana takdir-takdir tidak boleh berlaku kecuali dengan kehendak *al-Ilahi* semata-mata. Walaupun disandar kepada keinginan syahwat hamba, namun pada batinnya ia adalah kehendak-Nya pada semua keadaan kerana semuanya adalah urusan Allah SWT dan dengan kelembutan Allah SWT kepada mereka. Dia telah melakukan yang demikian kepada mereka melalui pakaian syahwat yang tersembunyi kerana hikmah yang ada dan risalah yang tetap kerana tidak berlaku sesuatu perbuatan kecuali kerana Allah SWT dan dengan izin-Nya terjadilah peristiwa dalam apa jua keadaan. Bagi Allah SWT sahaja kembalinya segala perkara, dan sesungguhnya semua urusan adalah pasti bagi Allah SWT semata-mata. Maka semua orang yang beriman adalah berasal daripada Muhammad SAW, kerana Baginda adalah lebih utama bagi mereka daripada diri mereka sendiri, dan isteri-isteri Baginda SAW adalah ibu-ibu mereka. Dan semua isteri Baginda SAW dan setiap yang datang daripada Baginda SAW adalah benar-benar daripada Madinah tanpa diragui.

Antara bukti bahawa yang awal sebenarnya berkait dengan yang akhir ialah kerana ia berakhir kepadanya. Jika tidak demikian, maka ia akan berterusan kepada yang lain. Maka ia mesti berakhir dari tempat asal ia bermula sehingga berlaku penutupan dengannya dan sempurna pusingan dengan kembali semula kepada permulaan. Jika tidak berlaku demikian, pasti tidak akan sempurna. Dan sesuatu urusan pada semua perkara adalah bersifat pusingan yang sementara, kerana yang awal adalah Allah SWT

dan yang akhir adalah Allah SWT. Dan Dialah Yang Awal (*al-Awwal*) dan Yang Akhir (*al-Akhir*). Maka apabila berakhir dengan-Nya, maka pasti bahawa awal juga adalah dengan-Nya di sisi ahli semua darjat, iaitu *al-ṣilm al-yaqin*,¹⁵⁰ *al-‘Ain al-Yaqin* dan *haqq al-Yaqin*.¹⁵¹ Maka Baginda SAW berasal daripada Madinah dan daripada kaum *al-Ansar*. Kaum *al-Ansar* dan Madinah pula berasal daripada Baginda SAW seperti sabda Rasulullah SAW, “Aku adalah berasal daripada kamu, dan kamu adalah berasal daripada aku”¹⁵² dan sabdanya, “Hidupku adalah hidup kamu dan matiku adalah mati kamu.”¹⁵³ Maka Baginda SAW dan orang-orang yang bersamanya berasal daripada Madinah walaupun mereka dilahirkan di Mekah. Mereka adalah orang Madinah walaupun mereka sebenarnya berbeza negeri. Ibu disebabkan oleh jiwa-jiwa dan usuk-usuk mereka yang baik.

Dengan itu, mereka adalah seumpama orang yang tidak berjalan disebabkan keuzuran. Mereka tidak terpisah daripada perjalanan semasa mereka menetap. Demikian juga orang yang nyata keuzurannya, mereka tidak terpisah dengan keadaan menetap semasa perjalanan mereka. Mereka seumpama orang yang menetap seperti orang yang menetap itu seumpama orang yang berjalan. Ini disebabkan mereka berada pada hukum orang yang sakit dan berimusafir yang berada dalam keadaan uzur dan diberi kelebihan beramat, seperti orang yang sihat. Dan boleh jadi ia dipindahkan ke Madinah walaupun mati di tempat lain. Maka Allah SWT akan menghapus dan menetapkan apa-apa yang dikehendaki, dan di sisi-Nya, *Umm al-Kitab*.¹⁵⁴ Maka ia tidak bersalah kerana cabang sesuatu zat kembali juga kepada zat walaupun ia bergerak di luar. Seperti biji benih gandum adalah daripada gandum walaupun kemudian ia telah bercampur di tempat mengisar beras dan terasing daripada gandum. Namun, ia tidak bertukar menjadi beras. Ini adalah antara rahsia halus yang terdapat pada sempadan rahsia-rahsia yang dapat dilihat pada kesan-kesannya. Maka ini adalah satu-satunya rahsia Madinah dan keperkasaannya. Dengan ini, Madinah menguasai semua tempat lain dan menghimpun lubuk-lubuk hati setiap orang yang beriman kepadanya.

Daripada rahsia yang ringkas dan menyeluruh ini telah tersebar semua rahsia-rahsia di sisi *ahl al-Istihṣār*¹⁵⁵ serta di seluruh negeri dan kawasan. Maka orang yang ingin kembali hendak kembali kepada rahsia-rahsianya selepas itu jika mereka kehendaki atau mahu memperoleh sesuatu. Maka semua itu semata-mata bagi Madinah dan penduduk-penduduk yang mendiaminya, bukan secara berlebih-lebihan, iaitu mereka memperoleh apa yang tidak pernah dilihat oleh mata, didengar oleh telinga dan terlintas dalam hati manusia. Dengan kemuliaan yang hakiki ini dan kepastian iman yang benar, Madinah dan yang terdapat dalamnya iaitu

gunung, lembah, pokok, buah-buahan dan kebun-kebunnya telah jelas nyata sebagai taman-taman syurga (*Riyad al-Jannah*) di dunia pada masa sekarang atau akan datang. Perkara yang demikian tidak ada pada yang lain, seperti airnya yang menggandakarnya di lapangan sedangkan pada tempat yang lain adalah satu. Dan digandakan amal soleh dan keberkatan dengan dua kali ganda. "Dan Allah SWT akan melipatganda kepada sesiapa yang dikehendaki-Nya tanpa batasan."¹⁵⁶ Semua kembali kepada-Nya, bukan kepada yang lain. Perkara ini dinyata dengan betul dan tidak dapat disangkal lagi.

Imam *Ahmad bin Hanbal* meriwayat dalam *al-Musnad* dan *Imam al-Bukhari*¹⁵⁷ dalam Sahihnya, daripada *Anas bin Malik* r.a, daripada Rasulullah SAW bahawa Baginda bersabda, "Ya Allah! Jadikan Madinah dua kali ganda keberkatan berbanding apa yang Engkau jadikan pada Mekah."¹⁵⁸ Keberkatan ini kelihatan secara umum pada semua perkara yang berada di Madinah. Maka dengan izin Allah SWT keberkatan Madinah akan diganda dengan rahmat Allah SWT pada agama dan dunia. Mengapa tidak!, Ganjaran jihad pada jalan Allah, haji dan umrah serta semua cabang-cabang ketaatan diperoleh melalui masjid Nabi SAW. Antaranya ialah hadis yang diriwayat oleh *al-Baihaqi*¹⁵⁹ dan *al-Hakim*¹⁶⁰ daripada *Abu Hurayrah*¹⁶¹ r.a. bahawa Rasulullah SAW bersabda, "Sesiapa yang mengunjungi masjidku ini dengan tujuan yang lain, maka dia adalah seumpama seorang lelaki yang melihat kepada hara benda orang lain".¹⁶² *Al-Tabrani* meriwayat hadis yang sama daripada *Sahl bin Sa'ad*¹⁶³ daripada Rasulullah SAW dan dia menambah, "Sesiapa yang memasuki masjidku ini dengan tujuan mempelajari kebaikan atau mengajarkannya."¹⁶⁴

Ibn Hibban¹⁶⁵ telah meriwayat dalam *Sahihnya*, daripada al-Zubayr bin Bakkar¹⁶⁶ bahawa Rasulullah SAW bersabda, "sesiapa yang keluar dalam keadaan taharah dengan tujuan semata-mata untuk bersolat di masjidku sehingga ia solat padanya, maka keadaannya seumpama menuunaikan haji."¹⁶⁷ Al-Baihaqi meriwayat dalam *Shab al-Iman*, daripada *Sahl bin Hunain*¹⁶⁸ bahawa Rasulullah SAW bersabda, "Sesiapa yang keluar sehingga sampai masjid ini, iaitu masjid *Quba'*, lalu ia solat padanya, maka ia adalah seumpama menuunaikan umrah,"¹⁶⁹ dalam satu riwayat ditambah, "Sesiapa yang keluar dalam keadaan suci (*taharah*) dengan niat semata-mata ke masjidku ini, iaitu masjid Madinah untuk bersolat padanya, maka ia adalah seumpama menuunaikan haji."¹⁷⁰ Imam Ahmad meriwayat daripada Usayd bin Zuhair¹⁷¹ bahawa Rasulullah SAW bersabda, "Sesiapa yang solat di masjidku sebanyak empat puluh waktu, maka ditulis baginya pembebasan daripada neraka, pembebasan daripada azab dan pembebasan daripada nisaq."¹⁷² Imam Ahmad, al-Tirmidhi, Ibn

Majah dan Hakim meriwayat daripada Usaid bin Zuhair al-Ansari r.a juga, bahawa Rasulullah SAW bersabda, "solat di masjid Quba' adalah seumpama menunaikan umrah."¹⁷³ Maka semua kelebihan yang terhasil di masjid, rumah dan semua tempat-tempat peninggalannya serta apa-apa yang dinyatakan juga bagi masjid-masjidnya secara umum adalah termasuk dalamnya dan memiliki kelebihan seperti yang telah dinyatakan. Sebagaimana sabda Rasulullah SAW, "solat fardhu di masjid *jami'* menyamai haji *mabrur*,¹⁷⁴ dan solat sunat menyamai haji yang diterima (*maqbuṣ*), solat di masjid *jami'* pula mempunyai kelebihan sebanyak lima ratus kali solat berbanding masjid-masjid selainnya."¹⁷⁵ Diriwayat oleh al-Tabrani dalam al-Awsat, daripada Ibn Umar r.a. Maka tempatnya (Madinah) telah menghimpun semua kelebihan dan ditambah lagi dengan ciri-ciri khasnya (*khususiyat*) ke atas tempat yang lain dengan dua kali ganda kelebihan.

Sesiapa yang mengkaji hadis dan ayat-ayat al-Quran serta memahaminya, maka dia akan mendapati bahawa ia adalah sclari dan sempurna pada perkara yang demikian sehingga ia kelihatan dengan jelas dalam bentuk haji, perjalanan ibadat (*manasik*) dan janji-janji yang baik kerana keadaan ketika berada di sisi Baginda SAW menggambarkan keadaan orang yang berada dalam syafaat dan mendapat khabar gembira mengenai mati dalam Islam. Ia berdasarkan sabda Rasulullah SAW, "Sesiapa yang menziarahiku, berhaklah dia memperoleh syafaatku"¹⁷⁶ dan ia adalah wajib ke atas setiap Mukmin, bahkan ini adalah khabar gembira tentang memperoleh kematiian yang baik (*husn al-Khatimah*), dan jaminan kepada pengunjungnya untuk mendapat keampunan kerana keampunan adalah seumpama syafaat yang tidak diperoleh melainkan kepada orang Islam. Maka kajilah pada baki yang lain, engkau akan mendapati pada semua perkara di Madinah seperti haji. Ia adalah suatu kemuliaan kepada Baginda SAW, berdasarkan hadis sahih seperti yang telah lalu, dan juga dalam *Sahih Muslim*, "Ya Allah! Jadikan dua keberkatan bersama satu keberkatan,"¹⁷⁷ dan juga dalam *Sahih al-Tirmidhi* daripada Ali, "Seumpama yang telah Engkau berkat kepada penduduk Mekah, bersama satu keberkatan adalah dua keberkatan."¹⁷⁸ Ia dikhususkan selepas hadis yang pertama atau kedua-duanya boleh dihimpun bersama. Kami tidak melihat apa-apa hadis lain yang membatal atau melarangnya.

Ini adalah bukti yang benar dan pasti tentang Madinah berdasarkan sabda-sabda Rasulullah SAW. Baginda SAW tidak berkata tentang masjidnya melainkan ia bersumberkan wahyu. Maka kelihatan dengan pasti penggandaan amalan soleh dan makanan ruji pada seluruh Madinah. Semua yang terdapat di luar sana diganda di sini dua kali ganda.

Kelebihan ini tidak terdapat di Mekah, iaitu dua keberkatan di samping satu keberkatan, serta dorongan untuk beramal soleh yang mereka dicipta untuk melakukannya adalah lebih kuat dan banyak pada semua perkara. Allah SWT tidak menjadi Madinah bagi umat dan orang yang hampir kepada-Nya makanan-makanan ruji yang akan binasa dan meninggalkan mereka daripada keberkatan yang tercapai dalam *al-Baqiyat al-Salihat*¹⁷⁹ yang mereka perlukannya di dunia dan akhirat. Mereka dicipta untuk memperoleh keberkatan Madinah dan kekuatan batin iman yang menyampaikan mereka kepada sumber-sumber keyakinan. Seperti sabda *al-Khalil*¹⁸⁰ (Nabi Ibrahim a.s.), “agar mereka mendirikan solat”¹⁸¹ dan juga doa Rasulullah SAW, “Ya Allah! Sesungguhnya Ibrahim adalah hamba dan khalil-Mu, dia telah berdoa memohon keberkatan untuk penduduk Mekah dengan satu keberkatan, dan sesungguhnya Muhammad adalah hamba dan Rasul-Mu...”¹⁸². Baginda SAW kemudiannya telah berdoa untuk penduduk Madinah seperti doa Nabi Ibrahim a.s., dengan keberkatan Mekah tetapi dengan dua keberkatan di samping satu keberkatan, pada zahir dan batin, agama dan dunia, di samping kekuatan iman dan kemenangan zahir yang hak disebabkan rahsia dan penduduk Madinah yang menghimpun, menguasai dan memakan negeri-negeri lain. Semuanya adalah daripada rahsia penggandaan iman dan ciri-ciri khas (*khususiyat*) batin yang menunjukkan penggandaan zahir.

Semua kelebihan Madinah telah kelihatan bagimu kepada orang yang mengunjunginya daripada kalangan orang yang tinggal dan berhenti singgah. Maka dengan kekuatan telah memberi kemenangan kepada golongan *al-Ansar* ke atas golongan Yahudi yang menang ke atas *al-Amaliq*. Ini disebabkan Madinah memiliki yang terbaik pada setiap waktu kerana Yahudi adalah ahli kitab yang mempunyai kelebihan berbanding yang lain. Mereka dari segi makna batin yang terdapat pada Madinah adalah dijadi daripada rahsia tanah Rasulullah SAW kerana Baginda adalah bersama mereka walaupun ia tidak kelihatan pada mereka. Kerana mereka adalah orang yang beriman pada ilmu Allah SWT dan Baginda adalah lebih utama bagi orang Mukmin daripada jiwa-jiwa mereka sendiri. Mereka adalah puncak Islam dan iman yang memiliki kekuatan dan pertolongan. Maka mereka telah menghalang golongan *al-Ansar* dan lalu *al-Ansur* telah menewaskan golongan Yahudi kerana urusan batin yang ada pada mereka kerana kekuatan Madinah dimiliki oleh orang Mukmin dan orang kafir disebabkan keimanan mereka bersama. Orang Mukmin tidak akan membantu melainkan orang mukmin dengan rahsia yang menarik mereka biarpun ia tidak tersingkap oleh mereka.

Ini maksud penggandaan iman batin. Antaranya ialah Macimah menolak keburukan dan menjelaskan kebaikan yang ada padanya.

Maka mereka kelihatan dengannya kerana penggandaan kekuatan iman yang mewajibkan mereka mendahului, memperoleh kelebihan dan kemenangan ke atas yang lain pada Madinah kerana apa yang ada pada Madinah benar-benar menggandakan yang lainnya pada zahir dan batin. Amal soleh yang zahir semuanya adalah iman. Lantaran itu, penduduk Madinah segera diberi kemenangan ke atas yang lain kerana makna batin tersebut. Penduduk Madinah adalah antara saksi utama yang mengerti tentang penggandaannya ke atas Mekah dan Iainnya. Sepertimana Madinah dinamakan dengan *al-Makkatan* bertujuan membezakannya dengan yang lain. Semuanya adalah anak hagi Madinah dari segi makna. Madinah seperti bapa bagi sesiapa yang mendiaminya, walaupun disandar anak kepadanya, sedangkan ia adalah anak bagi bapa-bapanya. Dan ia adalah "alam"¹⁸¹ daripada Madinah sejak *azali*¹⁸² walaupun ia adalah anak bapanya. Maka ingatlah kerana Madinah mengandungi makna-makna tersebut pada setiap perjalannnya. Maka nama-nama Madinah adalah bukti terhadap yang diberi nama.

Apabila hampir kemunculan Muhammad SAW dan agama yang benar mengatasi semua agama, Madinah telahpun beriman yang mendahului iman yang berlipat ganda, dan orang beriman yang tinggal padanya berbeza dengan tempat lain kerana adalah *al-Dar* dan *al-Iman* yang mula-mula dibuka dengan al-Quran berbanding semua yang lain yang mana perlindungan Madinah terdapat dalam dirinya sendiri. Kelebihan Madinah adalah untuk penduduknya dan berterusan selamanya biarpun ia turut dikunjungi oleh orang yang melakukan kesalahan berdasarkan sabda Rasulullah SAW bahawa Baginda berasal dengannya dan kerana Baginda SAW adalah lebih utama daripada diri Madinah sendiri. Madinah dan orang yang bersamanya pula adalah lebih utama berbanding yang lain. Inilah rahsia batin pada setiap yang zahir dan seakan-akan zahir pada permulaan dan akhir, bagi orang yang faham lagi mengetahui. Dan inilah agama yang benar untuk menzahirkan kebenarannya selepas ia batin, maka ia meninggikannya dan memberi kemenangan ke atas semua agama yang lain.

Dengan ini nyata rahsia Madinah pada penduduknya. Mereka mempunyai kekuatan iman dan kemenangan ihsan yang berganda dengan scumpama dua kelebihan yang ada di Mekah. Dengan ini mereka mendahului untuk menewaskan dan memperoleh kemenangan ke atas yang lain, dan tiada sesiapa yang dapat mendahului mereka. Maka jelaslah bagimu rahsia penggandaan Madinah ke atas yang lain dengan dua kali ganda kelebihan Mekah. Ia adalah kekuatan batin mereka, lalu hati mereka menjadi lembut kerana kebenaran. Ini disebabkan mereka adalah daripada Beginda SAW dan mereka datang dekat kepadanya. Rindu

mereka kepada Rasulullah SAW seperti rindunya bayi yang putus susuan ibunya, kerana mereka adalah daripadanya, dan dia adalah daripada mereka. Maka nyatalah penggandaan bagi mereka yang melayakkan mereka lebih pantas dan mendahului yang lain, lantaran merasakan rahsia batin tersebut pada mereka. Lalu mereka segera menerima, membantu dan memberi perlindungan kepada Nabi SAW. Mereka meminta Baginda SAW datang dan mereka datang kepadanya serta menyatakan janji sumpah setia kepadanya ketika kaumnya menolaknya. Mereka juga memperteguhkan Baginda SAW selepas nyata pada mereka kebenaran. Demikian pengertian rahsia yang dimaksud dengan penggandaan yang kelihatan pada mereka sebelum datangnya perkhabaran mengenainya dan sesungguhnya ia menanti, atau ia seperti orang yang mengandung dan solat fardhu. Solat adalah fardhu sebelum masuk waktu, dan waktu adalah syarat sahnya.

Apabila muncul Nabi SAW, muncullah tanda-tanda, kisah-kisah, bukti-bukti dan kesan-kesannya. Muncullah juga rahsia penggandaan iman pada mereka berbanding yang lain. Lantaran itu, mereka mendahului orang lain. Alamat mereka dan *al-Sabiqun al-Sabiqun*¹⁸⁵ ialah mereka adalah *al-Muqarrabun*¹⁸⁶ dengan suatu anugerah yang melimpah dari sisi *ihsan*¹⁸⁷ nya kepada orang yang berbuat ihsan (*al-Mihsinin*).¹⁸⁸ Kedudukan semua orang beriman terhadap Madinah adalah seumpama seorang anak terhadap ibunya kerana belas kasihan ibu menjadi penghapus dosa, pembersih dan penyuci. Mata ibu sentiasa melihat kepada anaknya walaupun jauh darinya dan ibu memanggilnya biarpun dekat dengannya. Ini disebabkan tugasnya yang tidak pernah dirasakan sebagai beban, seperti rahmatnya seorang ibu yang dicipta tanpa kesukaran.

Antara rahsia tersebut ialah amalan diganda dengan kelebihan Madinah bagi orang yang mengunjunginya untuk ia memperoleh gandaan tersebut melalui amalan yang sedikit, seperti rahsia yang berlaku tanpa Madinah. Lalu zaman dilipat dengannya disebabkan limpahan ihsan. Maka satu hari dalam sebulan mencapai kelebihan sebanyak seribu tahun, dan dengan satu Jumaat mencapai kelebihan seribu atau dua ribu tahun dan dua ribu Jumaat. Ini berdasarkan sabda Rasulullah SAW, “Dua kali ganda berbanding apa yang Engkau jadikan pada Mekah.”¹⁸⁹ Sesungguhnya telah diriwayat tentang Mekah yang mulia pada penggandaan sehingga seratus ribu kali, maka jadi di sini dua ratus ribu kali apabila digandakan. “Dan Allah SWT menggandakan lagi kepada sesiapa yang cikehendaki-Nya.”¹⁹⁰ Akan kembalilah hitungan sehingga tiada hitungan lagi, disebabkan ia kekal dan berterusan, maka yang *azali* kembali menjadi zat sesuatu (*ain*)¹⁹¹ yang kekal dan *ain* yang kekal kembali menjadi *ain azali* sebagaimana ia berlaku secara berterusan begitu.

Sesungguhnya ini penciptaan *taklif*¹⁹² yang menuntut penyempurnaan rahsia dan ganjarannya kepada orang yang ditaklif dengan rahsia-rahsia hari pembalasan kerana pembalasan mesti ada sebagai menunaikan janji kepada satu bangsa dan menjadi ganjaran yang berlimpah kepada bangsa yang lain pula, untuk menjelaskan perbezaan martabat disebabkan perbezaan penciptaan. Walaupun bentuk dan urusan mereka sama pada awal dan akhir. Maka pembahagian martabat adalah berdasarkan amalan sebagaimana yang telah dinyatakan dalam nas dan memasuki syurga pula adalah dengan rahmat Allah SWT "... dan agama yang benar agar dia memenangkannya di atas segala agama-agama meskipun orang musyrik membencinya."¹⁹³ Ia disebut seperti yang dijanjikan Allah SWT. Akan datang penjelasan tambahan mengenainya kerana urusan itu adalah *al-Quran*¹⁹⁴ bukan semata-mata *Furqan*.¹⁹⁵ Ia berputar dan datang dalam bentuk yang dibaca berulang-ulang (*mathani*) yang menggetarkan kulit orang yang takut kepada Tuhan mereka kemudian kulit dan hati mereka menjadi lembut untuk berzikir kepada Allah SWT. Apabila ia mengembalikan urusan kepada Allah SWT seperti yang disukai oleh orang-orang yang mentauhidkan-Nya, lalu mereka menjadi lembut berzikir kepada Allah SWT dan berada hampir kepada keesaan-Nya. Maka rahsia *Akkalah al-Qura* bagi orang yang mengunjungi dan berjalan dengannya adalah seumpama negeri-negeri Arab bagi orang yang mengunjunginya, iaitu penciptaan tanpa kesukaran. Maka dia berakhhlak dengan akhlak Allah SWT bagi sesiapa yang mengerti, walaupun ia dalam bentuk bumi. Maka ingatlah dengan derikian tentang kehalusan hati iman batin yang ada pada Madinah, yang menyebabkan ia beriman dengan Allah SWT dan Rasul-Nya serta apa yang diwajibkan dan rahsianya dan seorang Mukmin berhaçapan dengan seorang Mukmin pada keadaan dan urusannya, nescaya ia akan mengurniakan engkau kebaikan yang banyak, hikmah dan kegembiraan, serta engkau dapat melihat apa yang tidak dapat dilihat. Demikian tempat kembali kepada orang yang mendalam penglihatannya.

Secara ringkas juga, rahsia Madinah ialah rahsia penghuninya yang meliputi semua tempat di atas dan di bawah, yang menguasai orang yang terdahulu agar mereka benar-benar beriman dengan Nabi SAW dan membantu Baginda serta ia menguasai orang yang terkemudian. Maka Madinah mempunyai pengeciran tersebut daripada Nabi SAW ke atas orang yang terdahulu dan terkemudian daripada semua negeri kerana Baginda SAW dijadikan daripada Madinah, dan Madinah dicipta daripada Baginda SAW. Nabi SAW lebih utama daripada kota Madinah itu sendiri, seperti yang dinyatakan kerana iman Madinah. Maka Madinah adalah *al-Mukminah*, *al-Dar* dan *al-Iman*. Semua mukmin berlincung kepada Madinah sehingga tiada seorang pun lagi yang tertinggal. Seperti

mana semua berlindung kepada Baginda SAW. Dengan pengertian ini, Madinah telah memakan negeri-negeri serta langit, kursiy, arash dan bumi telah tunduk kepadanya. Ini adalah khusus kepada Madinah Sesungguhnya kebaikannya telah meliputi dan menyelimuti semua yang tinggi dan rendah. Nabi SAW adalah rahsia Madinah kerana ia adalah hati, *malakut*¹⁹⁶ dan *jabarut*¹⁹⁷nya, serta zahir kekuasaan-Nya. Oleh itu, nama Madinah berbilang-bilang dan jumlahnya memenuhi nama-nama *al-Ilahiyyah*, **nikmat-nikmat** dan martabat-martabatnya. Bahkan nama-nama Madinah memenuhi pusatnya yang ada pada nama *al-Mu'min*, dan “Aku diluasi oleh hati hamba-Ku (dengan iman dan cinta kepadaKu).”¹⁹⁸ Maka ingat, perhatikan dan hantulah, maka kamu akan dibantu. Ia selari dengan hadrah hati insan yang memperluesinya kerana hak.

Dengan demikian, nyata kewujudan Muhammad SAW caripada-Nya kerana Baginda SAW berasal daripada *al-Haq*. Sesiapa yang melihat Baginda SAW, sesungguhnya dia telah melihat *al-Haq*, kerana semua dirinya adalah *al-Haq*, dengan *al-Haq* dan daripada yang Maha Hak lagi Maha Nyata (*al-Haq al-Mubin*) bagi yang *al-Haq*. Sesungguhnya ia telah menghulurkan penyingkapan ciri-ciri khasnya (*khususihyai*) yang zahir dan batin, dunia dan akhirat dengan Madinah. Maka jangan engkau lalai daripadanya tentang rahsia firman Allah SWT “Aku diluasi oleh hati hambaKu (dengan iman dan cinta kepadaKu).”¹⁹⁹ Dan sesungguhnya Madinah memperoleh keuntungan yang luas dan bahagian yang sempurna. Buktiyah ialah kewujudan Muhammad SAW dan sahabat-sahabatnya daripada Madinah, tengannya dan padanya. Madinah adalah *al-Tur*²⁰⁰ bagi *al-Kitab al-Mastur*.²⁰¹ Maka nama adalah semata-mata untuk yang diberi nama (*al-Muthamma*). Maka nama Madinah iaitu *al-Mu'minah*, *al-Iman* dan *Qalb al-Iman* adalah untuk itu. Dan namanya *Ard Allah al-Wasi'ah* yang disandar kepada nama Allah yang menghimpun semua nama-nama. Dan ia disandarkan juga kepada nama *al-Wasi'* yang adalah sifat bagi ‘alam. Dan kerana *al-Mu'minah* meliputi apa yang ada pada nama yang diberi. Nama tersebut banyak disifat dengan Nabi SAW, seperti firman Allah SWT “Sesungguhnya apabila telah berdiri hamba Allah...”²⁰² Inilah *Ard Allah*. Maka yang luas dan yang menghimpun ialah sifat Madinah seperti *al-'Alam*. Malaikat Iman perlu menetap pada Madinah, sesungguhnya tiada tempat lain lagi baginya. Malaikat malu (*haya'*) pula tidak mahu berpisah dengannya sehingga hari akhirat. Mereka tetap dengannya pada penamannya di negeri yang kekal (*Dar al-Qadar*).

Oleh itu, terdapat pelbagai nama Madinah disebabkan berbagai nama yang diberi kepadanya. Semua nama Madinah mengalir dengan demikian pada orang yang menyebutnya dan orang yang bermain-main (dengan

sebutannya). Tidaklah boleh bermain-main ketika menyebutnya. Akan datang pada bab yang keempat jika diizinkan Allah SWT bahawa nama-nama Madinah adalah gambaran kedudukan orang yang mengunjungi dan memasukinya, mengikut kadar *ahwal*²⁰³ dan perbezaan *maqamat*²⁰⁴ mereka daripada setiap nama, dan persediaan mereka daripada apa jua ahwal nama tersebut pada permulaan, pertengahan atau yang paling tinggi padanya. Semua ketiga-tiga *maqam* ini mengandungi kedudukan yang tidak terkira dan tidak terhitung dengan jumlah orang yang mengunjungi Madinah dan dengan keadaan yang berlaku pada mereka sama ada banyak atau sedikit, panjang atau pendek. Maka Allah SWT yang akan melimpahi mereka mengikut ketentuan mereka, “dan masing-masing memperoleh derajat berdasarkan apa yang mereka telah kerjakan.”²⁰⁵ Bukti mengenai *maqamat*, *ahwal* dan *mu'amalat*²⁰⁶ adalah di sisi orang yang dapat melihat dengan cahaya keyakinan (*nur al-Yaqin*).

Al-Sayyid ‘Ali al-Samhudi r.h. telah menyatakan seperti yang terdahulu, bahawa jumlah nama Madinah ialah sembilan puluh lima nama. Beliau menyatakan demikian dengan tidak mengira nama *al-Bahr*. Dengan ini jadilah nama Madinah sebanyak sembilan puluh enam nama. Saya telah mencukupkan untuk Madinah tiga lagi nama *al-Ilahiyah* untuk memperluaskannya dan semua perkara. Ia diambil daripada sumber yang datang daripada al-Sunnah. Sabda Rasulullah SAW, “Sesiapa yang menziarahi kuburku, berhaklah dia memperoleh syafaatku.”²⁰⁷ Maka sampai ke Madinah dengan niat menziarahi kubur mulia Baginda SAW telah melayakkan untuk memperoleh syafaatnya. Lantaran itu, diambil daripadanya nama *al-Mujibah*. Sampai ke Madinah dengan tujuan menziarahi kubur Baginda SAW adalah pengagungan kepada penghuninya. Dan sekiranya orang yang berziarah melihat Baginda SAW secara sedar (*yaqzoh*)²⁰⁸ di negerinya, nescaya harus melayakkan dia memperolehi syafaatnya yang khusus. Dan yang menunjukkanmu perkara tersebut ialah sabda Baginda SAW, “Sesiapa yang menziarahi kuburku....”²⁰⁹ Maka berfikir dengan cita rasanya yang halus (*dhawq*),²¹⁰ kamu akan dapati kebenarannya. Layak memperoleh syafaat bererti layak mati dalam Islam dengan izin Allah SWT. Mati dalam Islam pula melayakkan memperoleh kematian dalam keadaan yang baik (*husn al-Khatimah*) dan memperolehi khabar gembira mengenainya dengan izin Allah SWT. Ini adalah ciri-ciri khas (*khususiyat*) yang tiada persamaannya. Ia diperoleh melalui usaha bersungguh-sungguh oleh semua orang yang berziarah daripada kalangan cammah dan khassah, yang adalah hidangan bagi orang yang berhenti singgah (*nazil*) di terapat perhentian (*manzil*).²¹¹ ini.

Dan diambil nama Madinah, iaitu *al-Mudhib* daripada sumber, “Sesiapa yang hendak melakukan kejahatan ke atas pencuduk Madinah,

maka Allah akan melarutkan kejahatannya sebagaimana garam melarut di dalam air.”²¹² Sesungguhnya itu adalah daripada keistimewaan Madinah dengan ditambah balasan terhadap sesiapa yang hendak melakukan kejahatan kepada penduduk Madinah. Sepertirrana firman Allah SWT tentang Masjid al-Haram, “Dan sesiapa yang berazam melakukan di situ sebarang perbuatan yang dilarang (*al-Ihraf*) dengan cara yang zalim, Kami akan rasakannya azab yang amat pedih.”²¹³ Ini antara nama yang dihimpun daripada dalil *al-Kitab* dan *al-Sunnah*, kerana *al-Sunnah* di sini bermakna *al-Kitab*. Maka perkara ini adalah seperti itu. Semata-mata dengan berkehendak, maka telah diserap dirinya dan nikmat-nikmatnya sehingga dia dan keliendaknya scolah-olah tidak pernah terjadi sebelum ini, selama ia tidak bertaubat dan kembali kepada Allah SWT dan Rasul-Nya dan *istighfar*²¹⁴ ahl *al-Itaq*.²¹⁵ Sesungguhnya seorang daripada golongan yang zalim telah menganiaya seorang imam daripada kalangan *al-Malikiyah* di Madinah tidak lama daripada zaman kami ini. Dan dia memperkecilkannya di *al-Rawdah* yang mulia di sisi mihrab Nabi SAW. Maka imam tersebut menghadap kepada Rasulullah SAW dan mengadu kepada Baginda SAW daripada tempat dia berada dalam keadaan berdiri dan menguatkan suara di khalayak manusia. Lalu ia pulang ke rumahnya. Peristiwa ini berlaku pada hari Jumaat. Maka apabila selesai sahaja Jumaat, Allah SWT telah membinasakan orang zalim tersebut dengan balasan yang dahsyat pada hari Isnin dalam keadaan jasadnya sibat tetapi hatinya sakit. Dan contoh: selain daripada ini banyak sekali.

Madinah memperoleh nama *al-Akhirah*, kerana ia adalah tempat tinggal selepas berhijrah daripada Mekah – semoga Allah SWT menambahkannya kemuliaan pada permulaannya dengan akhirnya seperti *Dar al-Akhirah*, iaitu *Dar al-Salam*. Apabila bermula daripada Madinah ketika berkunjung, kemudian sampai dan kembali semua kepadanya ketika sampai, maka ia telah menghimpunkan peraturan-peraturan dunia dan akhirat dengan sebaik-baik peraturan. Dar urusan akhirat di akhirat adalah lebih besar daripada kelebihannya, “Jangan engkaujadikan tuhan lain sekutu bagi Allah.”²¹⁶ Maka selarilah nama-nama Madinah dengan jumlah nama-nama *al-Hahiyyah*, kerana ia lengkap sebanyak sembilan puluh sembilan nama.

Tidak ragu lagi bahawa Madinah adalah negeri hijrah, kemuliaan, kekuasaan dan kemenangan. Sesungguhnya Allah SWT telah memilihnya dan Nabi SAW bersabda: “Aku telah diperlihat negeri hijrah kamu,”²¹⁷ maka yang memerintah untuk melihat Madinah ialah Allah SWT yang telah memilihnya, maka demikianlah Dia memilihnya. Apabila Nabi SAW memasuki Mekah – semoga Allah SWT memuliakannya – Baginda SAW

bersabda: "Ya Allah! Jangan Engkau jadikan kematian kami di Mekah sehingga Engkau keluarkan kami daripadanya."²¹⁸ Baginda tidak berdoa demikian kecuali dengan perintah Allah SWT kerana Baginda SAW tidak berbicara berlandaskan hawa.²¹⁹ Dan Allah SWT tidak memilih untuknya melainkan yang paling utama dan sempurna, sepetimana Dia memilih untuknya agar suka kepada ahli Mahabbah dan menjadikannya berada pada mereka. Dan Allah SWT telah mengurniakan Baginda SAW *al-wasilah*²²⁰ di syurga. Maka Madinah yang terdapat di dunia adalah selari dengan *al-Wasilah* yang terdapat di syurga kerana keistimewaannya yang tiada pada yang lain. Sesungguhnya telah diriwayatkan doa Baginda SAW seperti yang telah disebutkan: "Ya Allah! Jangan Engkau jadikan kematian kami ..." melalui riwayat oleh Ahmad bin Hanbal dengan perawi-perawi yang sahih. Nabi SAW bersabda, "tidak ada suatu tempat di bumi yang lebih aku sukai untuk menjadi kuburku selain daripadanya"²²¹ iaitu Madinah. Baginda SAW menyatakan sebanyak tiga kali. Dan sabda Baginda SAW ketika menjawab soalan golongan *al-Ansar*, "Bahkan darah adalah darah dan kemusnahan adalah kemusnahan, aku daripada kamu dan kamu daripadaku, aku mencerangi sesiapa yang memerangi kamu dan memberi keselamatan kepada sesiapa yang memberi keselamatan kepada kamu."²²² Semua ini adalah urusan Allah SWT. Adapun urusan Allah pasti terlaksana dan urusan yang sudah diputuskan, maka kamu telah menanggungnya.

Sesungguhnya Allah SWT telah memilih tempat menetap Nabi-Nya, Muhammad SAW, dan memilih penduduknya sebagai penolong-penolong Allah, Rasul-Nya SAW, agama dan kaum Muslimin. Mereka adalah ahli agama dan nasihat yang mendahului kerana Allah SWT dan kerana Rasul-Nya SAW serta pemimpin-pemimpin muslimin dan seluruh orang Islam. Itulah agama yang lurus. Madinah dibuka dengan al-Quran dan seluruh negeri lain dibuka dengan pedang dan mata lembing. Ini adalah bukti iman bagi sesiapa yang ingin menerokai nama-nama yang diberi nama, dan bukti Islam, ihsan dan kesucian, kerana sucinya Madinah daripada keraguan dan perkara yang melampaui batas. Semua ini adalah rahsia Madinah dan kemuliaannya yang melimpah ke atas semua kaum Muslimin dengan menghidupkan orang yang mati daripada kalangan mereka hingga hari kiamat daripada hadrah Islamnya, maka namanya ialah *al-Muslimah*. Dan yang melimpah orang Mukmin daripada hadrat imannya ialah nama *al-Mu'minah*, dan ke atas orang yang berbuat ihsan daripada hadrat ihsannya ialah nama *al-Muhsinah*. Inilah himpunan nama Madinah yang melimpah ke atas orang yang berhimpun daripada *hadrah* himpunannya dan ke atas orang lain daripada *hadrah* pemisahannya. Seperti yang akan datang, iaitu jika namanya *al-Makkatan*, maka ia menghimpun

dua tanah haram dan menggandakan dua kali kelebihan. Tiada tempat yang lain seumpama Madinah pada perjalanan dan menetap bagi orang yang mengetahui semua pengetahuan. Maka kelebihan Madinah diganda berbanding Mekah – semoga Allah SWT memuliakannya – seperti yang telah lalu.

Demikian kurniaan Allah SWT bukan selain daripada Allah SWT dan bukan untuk selain Allah SWT. Mekah dan Madinah adalah milik-Nya. Dan Allah SWT mengurniakan kekuasaannya kepada sesiapa yang dikehendaki daripada kedua-duanya dan daripada semua makhluk Allah SWT. Dan semua adalah makhluk Allah SWT. Sesungguhnya engkau telah ketahui bahawa telah diperkenan doa Baginda SAW melalui, "Ya Allah! Jadikan Madinah dua kali ganda berbanding apa yang Engkau jadikan terhadap Mekah."²²²⁴ Maka ia tidak terhenti kesahihannya setakat itu kerana sesungguhnya hadis ini sahih. Dan ada yang berhujah dengan yang lebih rendah daripadanya. Lalu bagaimanakah dengannya. Demikian bagi setiap nama daripada nama-nama Madinah mempunyai tiga darjah, iaitu permulaan (*ula*), pertengahan (*wusta*) dan penghujung matlamat (*ghayrah*). Bagi setiap satu nama ini tidak terhitung jumlahnya melainkan Allah SWT. Dan Dialah yang menghitungnya. Inilah isyarat mengenai rahsia Madinah dan limpahan kurnianya ke atas orang yang mengunjungi dan menetap padanya, yang menghimpun apa yang diperinci oleh orang yang mempunyai akal (*ulu al-Bab*). Dan yang dikehendaki di sini adalah isyarat sahaja kerana tidak dapat dijelaskan dengan sempurna. Maka yang ada pada ketika ini ialah yang diisyarat dengannya untuk diambil. Allahlah yang memberi petunjuk mengenainya.

Sesiapa yang meneliti kitab Tarikh oleh *al-Sayyid al-Samhudi* dan lainnya, serta mengkaji keistimewaan, *ahwal* dan kesan-kesan Madinah, dia akan melihat sesuatu yang tiada perbandingannya. Allah SWT yang memperlihat penciptaannya ke atas orang yang dikehendaki-Nya. Ia diperolah melalui penelitian dan perhatian dari sebalik pandangan ahli *al-Istibṣar*. Ia dapat disaksikan, maka tidak memerlukan bukti untuk memperakuinya. Namun, yang memerlukan bukti ialah orang yang ingkar kerana tidak mendapat dan memerhatikannya, maka ia memerlukan saksi-saksi supaya dapat dirujuk kembali. Bagi Allah SWT segala pujian yang demikian. Begitu juga bagi setiap orang yang mencari pada setiap peraturan dan batasan. Dan kepada-Nya sahaja tempat kembali.

Bab Kedua

Adab-adab orang yang menuju ke Madinah yang mulia, dan perkara-perkara yang dilakukan sebelumnya, agar orang yang mencari dapat menemui apa yang dicarinya. Sebilangan orang berkata, "Sesiapa yang mencari sesuatu dia mendapatinya,"²²⁵ dan setiap yang lurus maka awalnya adalah lebih lurus kerana pencarian yang tidak menemukan, ia akan membingungkan pencarian dan orang yang mencari. Lalu tidak boleh diqasar solat walaupun perjalanan lama bertahun-tahun (kerana tiada tujuan). Orang yang mencari dan menemui apa yang didapatkan, boleh mengqasar solat sejurus bergerak dalam jarak *qasar*, walaupun panjang perjalannya. Lantaran itu, didahului peraturan pencarian untuk menyingkap sebahagian tabir yang terlindung dengan berhasil penemuan orang yang mencari. Maka mesti memperoleh sesuatu dan kehilangan sesuatu sehingga mesti berlaku semua pencarian selama-lamanya dengan kedua-duanya (pencarian dan pencarian). Jika tidak, maka tiada penemuan dan pencarian. Dan penemuan itu pula hendaklah didahulukan.

Ini bab mengenai adab-adab orang yang menuju ke Madinah, sebahagian daripada keperluan urusan mereka sebelum bertolak, dalam perjalanan dan sesudahnya secara ringkas. Sesungguhnya, orang yang berziarah hendak melaksanakan perkara-perkara kebaikan dan agama. Pertamanya ialah dia mesti memahami bahawa perjalannya bertujuan menghampir diri (*qurbah*) kepada Allah SWT. Ziarah adalah di antara cara mendekat diri kepada Allah SWT yang paling agung, kerana Allah SWT berfirman, "dan kalau ketika mereka menganiaya diri mereka sendiri, lalu mereka datang kepadamu (wahai Muhammad) ..."²²⁶

Maka hendak kamu menuju kepada Baginda SAW dalam matlamat pencarian tersebut, yang mana Allah SWT telah berikan kemuliaan kepadamu dengan memperoleh syafaat kekasih-Nya SAW. Oleh itu, dapatkan nasihat orang yang engkau percayai dari aspek agama dan bersifat amanah tentang urusan ziarah pada waktu ini atau waktu lain. Orang yang memberi nasihat pula, hendak berusaha sedaya upaya memberitahu apa yang ditunjuk Allah SWT kepadanya dengan ilmu, pandangan, agama dan amanah, seperti mana dia suka perkara-perkara itu terhadap dirinya, tanpa mengira *manzilah*, iaitu dengan mengikut kadar halnya.

Sekiranya dia melihat orang yang datang itu lebih luas ilmunya daripada apa yang diketahuinya, maka hendak dia menerimanya dan datanglah kepadanya. Sesungguhnya tingkatan (*martabat*)²²⁷ adalah berbeza menurut ketentuan orang yang berhenti singgah (*nazilin*) dari segi permintaan dan diperkenankan. "Dan milik Allahlah segala yang terdapat

di Timur dan Barat,”²²⁸ maka jangan dia merasa lemah kesungguhannya sedikit pun. Itu adalah ketentuan ke atasnya. Apabila telah sempurna nasihat dan tanggungjawab orang yang meminta nasihat dan yang memberi nasihat, kedua-duanya telah memperoleh kebaikan padanya dengan izin Allah SWT. Dan jika pandangan orang yang memberi nasihat terbatas pada sesetengah perkara, maka Allah SWT akan menampung semuanya dengan sesuatu yang memenuhi keperluan orang yang meminta nasihat, iaitu dengan memperlihat keelokan sebagai suatu kemuliaan kerana dia mentaati Allah SWT dan mencontohi sunnah Rasulullah SAW dengan meminta nasihat dan tidak berpandangan sendiri, walaupun pendapat itu tidak lengkap. Perkara ini dilakukannya jika waktu tidak mencukupi, iaitu memadai dengan meminta nasihat dan beramal dengannya.

Dan berdoa dengan doa *istikhara* ketika hendak berjalan kerana ia mempermudah perjalanan di samping adab meminta nasihat. Perkara yang mudah tidak gugur disebabkan perkara yang susah. Ini yang paling sempurna kerana doa adalah solat dan otak ibadat.²²⁹ Dia (Allah SWT) menjadi sedar (*yaqazah*) hamba-Nya adalah sama pada ketika tidur, yang mana ia menetapkan ketentuannya, mempermudah dan melapangkan dada serta memperclok perjalanan hamba-Nya pergi dan balik. Jika mencukupi dengan meminta nasihat, maka memadailah, di samping meninggikan hasrat kepada Allah SWT dan menujukan hati kepada Rasulullah SAW serta meminta perluasan daripada-Nya. Sesungguhnya hati hadir di sisi Baginda SAW selamanya dan tidak hilang melainkan dengan kelalaian dan sebab-sebab yang membawa kegelapan. Kemudian, hendak dia ikhlaskan tujuan untuk mendekat diri kepada Allah SWT semata-mata kerana Allah SWT supaya amalan menjadi ikhlas kerana Allah SWT dalam keadaan semata-mata menghendaki wajah-Nya. Pendekatan diri kepada Allah SWT adalah doa kepada Allah SWT jihad pada jalan-Nya dan meneladani apa yang dilakukan oleh Rasul-Nya. Baginda SAW telah menyuruh dan menyeru mengenainya.

Jika mempunyai waktu yang lapang, yang lebih utama ialah melakukan *istikhara*²³⁰ dan solat dua rakaat selain solat fardhu. Kemudian berdoalah kepada Allah SWT dengan doa yang ditentu padanya, iaitu “Ya Allah! Sesungguhnya aku memohon pilihan kepada Engkau dengan ilmu-Mu, aku memohon ketentuan-Mu dengan kekuasaan-Mu, dan aku memohon kepada-Mu dengan kelebihan-Mu yang agung. Sesungguhnya Engkaulah yang menentukan dan bukan aku yang menentukan, Engkaulah yang mengetahui dan bukan aku yang mengetahui dan Engkaulah yang Maha mengetahui perkara-perkara ghaib. Ya Allah! Sekiranya Engkau mengetahui bahawa urusan ini (hendak dinyata niat perjalannya pada waktu ini) adalah baik bagiku pada agamaku, duniku, kehidupanku dan

kesudahan urusanku atau pada waktu sekarang dan akan datang, maka berilah ketentuannya kepadaku dan permudahkanlah ia bagiku, kemudian berilah keberkatan kepadaku pacanya. Dan jika Engkau mengetahui bahawa urusan ini (iaitu perjalananmu dan hendak cintanya niatnya) buruk bagiku pada agamaku, duniku, kehidupanku dan kesudahan urusanku atau pada waktu sekarang dan akan datang, maka palingkan ia daripadaku dan palingkan aku daripadanya, serta berilah ketentuan yang baik bagiku dalam apa jua keadaan, kemudian Engkaujadikan aku redha dengannya.”²³¹

Begini juga jika dilakukan pada amalan yang menghampir diri (kepada Allah) atau amalan lainnya, hendak dinya niatnya. Sesungguhnya *istikhara* ialah meminta izin daripada Allah SWT tentang sesuatu urusan yang dikehendaki. Jika Allah SWT melapangkan dadanya terhadapnya, maka ia adalah seruan tanpa huruf dan perintah tanpa suara untuknya. Jika dia melihat *hadrah* atau air atau keadaan yang elok dan terpuji dan seumpamanya seperti melihat masjid, Nabi SAW, sahabat r.a., orang soleh, ulama, majlis-majlis zikir, sesuatu yang menggembirakannya atau pakaian yang cantik dan seumpamanya, maka semuanya adalah petunjuk kepada kebaikan dan agar dia melakukannya. Sebaliknya pula, adalah petunjuk untuk menjauhnnya, seperti kesukaran, api, kesedihan, hati yang gundah dan urusan yang tidak tetap. Maka janganlah dia dan orang yang bersamanya bergerak (memulakan perjalanan). Itu adalah petunjuk kepada tegahan jika dia mahu menerimanya. Jika tidak, maka dia akan memperoleh kesusahan. Boleh jadi dia melihat perkara demikian tetapi tetap berjalan dan tidak menghadapi kesusahan disebabkan oleh sedekah yang dihulurnya atau yang dihulur kepada orang lain kepadanya, atau doa daripada keluarga, kerabat atau rakan. “Sesungguhnya kebaikan-kebaikan menghapuskan keburukan-keburukan.”²³² Maka jangan dia menyangka perkara itu sebaliknya, akan tetapi ia terhalang dengan izin dan rahmat Allah SWT seperti keadaan orang yang dilarang solat selepas ia diwajibkan.

Dalam apa jua keadaan, jangan dia meninggalkan apa yang diyakini dan menantikan sangkaan, melainkan pada urusan yang tidak dapat ditahan dan dirasakan ia pasti berlaku. Maka hendak dia berkata, “Cukup Allah SWT bagi kami, Dialah sebaik-baik tempat bergantung. Cukup Allah SWT bagi kau, tiada Tuhan melainkan Dia, aku berserah diri kepada-Nya, dan Dialah Tuhan yang mempunyai singgahsana (*carash*) yang agung,”²³³ berdasarkan sabda Rasulullah SAW, Apabila kamu berada dalam suatu urusan yang besar maka katakan, “Cukup Allah bagi kau dan Dialah sebaik-baik *al-Wakil* (tempat bergantung yang diserahkan urusan kepada-Nya)”²³⁴ dan kerana sabda Baginda SAW, apabila kamu berada dalam

kesempitan maka katakanlah, "Dengan nama Allah yang Maha Pemurah lagi Maha Pengasihani, tiada daya dan tiada upaya melainkan dengan Allah yang Maha Tinggi lagi Maha Agung"; sesungguhnya Allah SWT akan memalingkan apa-apa yang dikehendaki dengannya, daripada apa sahaja bentuk kesusahan (*bala'*).²¹⁵ Dan hendak dia segera bersedekah kerana dapat menghindarkan *bala'*, kerana ia scumpama penebus dosa (*fidyah*) dan penghapus dosa (*kaffarah*). Maka dengan sedekah, sesuatu urusan dapat diperelok sebagaimana dengan *fidyah* dan *kaffarah*. Dan apabila dia melihat *bala'* yang besar, maka hendak diperbanyak sedekahnya walaupun dengan melakukan sembelihan (sebagai sedekah). Ia adalah penebusnya. Dan jangan makan sesuatu pun daripada sembelihan itu, bahkan hendak disedekah semuanya kerana Allah SWT kerana sesungguhnya *bala'* tidak dapat melangkai sedekah, seperti yang terdapat dalam hadis bahawa Baginda SAW bersabda, "Segeralah bersedekah, maka sesungguhnya *bala'* tidak dapat melangkai sedekah."²¹⁶ Semua perkara ini adalah adab-adab yang bersangkutan dengan orang yang berperjalanan. Sesiapa yang memeliharanya, akan memperoleh sebaik-baik perjalanan dan kembali dengan izin Allah SWT dengan kadar pemelihaan dan *halnya*, sama ada banyak atau sedikit. Maka timbangan adalah di sisi-Nya dan yang ditimbang adalah perbuatannya.

Jika berhasil permintaan dengan sekali *istikhara*, maka memadailah ia. Jika tidak berhasil, hendaklah dia mengulang-ulang mengikut keinginannya. Sesungguhnya waktu-waktu mempunyai ahwal dan ketentuan-ketentuan dengan izin Allah SWT. Kadang-kadang permintaannya terhalang pada awal siang dan diberikan pada penghujungnya, sedangkan dia tidak merasakannya dan menyangka bahawa halangan itu berterusan. Dan sesungguhnya waktunya telah berlalu, maka *istikhara* yang berulang-ulang dapat memperlihatkannya dengan izin dan kehendak Allah SWT. Dan hendak dia bertegas dengan sentiasa beribadat pada masa sekarang dan akan datang, sesungguhnya *istikhara*, jalan atau duduknya semuanya adalah ibadai semata-mata kerana Allah SWT. Dan *istikhara* menyingskap bagi orang yang berjalan mengenai perkara itu jika dia memahami Allah SWT seperti orang yang faham tentang-Nya. Semua hamba wajiblah taat (kepada Allah SWT) dan berada dalam ketaatan jika dia mengetahui mengenai Allah SWT (iaitu) dengan mengetahui bahawa sesungguhnya semua urusannya dan urusan semua hamba ketika menetap dan berjalan adalah berlaku dengan urusan dan kehendak Allah SWT. Dan urusannya berbeza dengan apa yang disukainya seperti firman Allah SWT "Katakanlah, sesungguhnya semua urusan adalah dengan urusan Allah"²¹⁷ dan firman-Nya, "dan jika Kami hendak membinasakan suatu negeri, maka Kami perintahkan kepada orang yang hidup mewah di negeri itu (supaya mentaati Allah),

tetapi mereka melakukan keduarkaan dalam negeri itu, Maka sudah sepantasnya berlaku terhadapnya perkataan (ketentuan kami). Kemudian, Kami hancurkan negeri itu sehancur-hancurnya.”²³⁸

Ini peraturan Allah yang Maha Melakukan apa yang dikehendaki-Nya, semua manusia adalah hina dan hamba-Nya, “Dia (Allah) tidak ditanya tentang apa yang dilakukan-Nya, tetapi mereka yang akan ditanya mengenainya,”²³⁹ tiada perkataan yang mendahului perkataan-Nya dan mereka melakukan dengan urusan-Nya. Perkara ini tidak bercanggah dengan bahasa adab dan ayat-ayat yang datang, maka kedua-duanya adalah bagi Allah SWT dan di sisi-Nya. Wajib ke atas semua hamba berkata dengan keduanya dan beramal dengan kandungan kedua-duanya pada zahir dan batin serta pada keyakinan dan amalan mereka.

Apabila orang yang mahu berperjalanan mendapati dadanya lapang untuk melakukan apa yang dipohon kepada Allah SWT dalam *istikhharah*, maka hendak diteruskan perjalanannya. Apabila diteruskan, maka hendak juga memelihara adabnya, iaitu memperbaikui taubat kepada Allah SWT daripada dosa-dosa dan berazam untuk meninggalkannya, meminta redha daripada orang yang dimusuhinya sedaya upaya dan meminta maaf daripada mereka yang sesuai dengan *hal* dan *maqamnya*. Dan hendak dia meminta izin kepada orang yang diminta menggantikannya atau dia memberi tanggungjawabnya kepada orang yang akan menggantikannya, jika dia mengetahui bahawa perjalananya adalah lama atau bimbangkan peristiwa yang akan berlaku semasa perjalanan.

Hendak dia memelihara adab, iaitu mencari bekalan dari segi halal dan baik dalam tempoh waktunya dan berusaha bersungguh-sungguh dengan tidak mengurangi dan melampaui batasannya, kerana mencari yang halal adalah fardhu yang utama ke atas setiap orang Islam.

Hendak dia beradab dengan memperluas perbelanjaan mengikut kadar kemampuan dan *halnya* sama ada sedikit atau banyak untuk menyenangkan hatinya bagi menyempurnakan firman Allah SWT “Dan mereka membelanjakan daripada apa yang Kami kurniakan,”²⁴⁰ dan “Hendak orang yang mempunyai keluasan harta menafkahkan menurut keluasannya.”²⁴¹

Hendak dia beradab dengan mengikut *al-Sunnah*, iaitu membaca lima buah surah dalam perjalanan supaya dia menjadi orang yang hebat dan mempunyai bekalan yang banyak berbanding sahabat-sahabatnya, seperti yang diriwayat daripada Rasulullah SAW bahawa Baginda berwasiat kepada *Jubayr bin Mut'arn*²⁴² r.a.: “Wahai Jubayr! Apakah engkau suka menjadi orang yang paling hebat dan paling banyak bekalan dalam kalangan sahabat-sahabatmu semasa engkau bermusafir. Bacalah lima surah: (الْفَلْقُ قُلْ أَعُوذُ بِرَبِّ), (فَلْ), (إِذَا جَاءَ نَصْرًا لِّلَّهِ), (فَلْ يَا أَيُّهَا الْكَافِرُونَ), (وَالْمُنْتَهَىُ).

(بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ). Mulakan setiap surah dengan akhirilah dengan (بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ).²⁴³ Maka katakan (بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ)، kemudian akhirilah dengan (بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ...الْكَافِرُونَ قُلْ بَا تَهَا). Kemudian mulakan surah kedua dengan (بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ) kemudian akhirilah dengannya juga. Dan mulakan surah al-Ikhlas demikian...”. Kelebihan ini juga dapat dicapai dengan menggunakan air. Walaupun dengan air namun ia adalah perluasan yang besar (daripada Allah SWT).

Demikian juga, hendak dia beradab dengan berakhlik baik dan bermanis muka. Dia juga hendaklah menanggung kata-kata yang menyakitkan seperti keadaan orang yang mengerjakan haji dan berpuasa. Maka jika seseorang mencaci atau menentangnya, katakan bahawa aku sedang menuju untuk pendekatan diri kepada Allah SWT dan Rasul-Nya SAW. Hendak dia menahan marahnya jika orang tersebut tidak memaafkan. Jika dia memaafkan, maka ia adalah lebih baik. Allah-lah yang menjadikannya. Menghadaplah kepada Allah SWT sambil berjalan menuju kepada kekasihnya SAW, iaitu menghadaplah kepada-Nya dengannya SAW. Inilah adab-adab orang yang hadir bersama Allah SWT dan menghadap kepada-Nya serta mentaatinya dengan ketentuan tersebut.

Hendak dia beradab dengan meminta redha daripada kedua ibu bapanya, orang yang lebih tua dan orang yang mempunyai hak penjagaan ke atasnya. Hendak dia meminta izin daripada mereka sebelum memulakan urusannya, iaitu dengan menyerah diri kepada mereka dengan menerima nasihat mereka selama ia tidak menyebabkan percanggahan. Jika berlaku percanggahan, hendak dia menjelaskan kepada mereka agar perbuatannya dapat mencapai redha mereka. Ini lebih bermanfaat daripada menyanggahi mereka. Jalan orang yang benar sentiasa terbuka kerana kebenaran sentiasa memberi manfaat kepada orang yang benar di dunia dan akhirat.

Hendak dia beradab dengan mencari adab-adab yang tidak diketahuinya. Sesungguhnya adab-adab adalah cara-cara perjalanan ibadat (*manasik*) ke mana sahaja yang dituju oleh orang yang berpergian. Sesiapa yang ditawan oleh keturunan (*nasab*), dia akan dibebaskan oleh adab. Maka hendak dia memperbanyak usaha dengan mengambil faedah daripada adab-adab berjalan dan berhenti singgah bersama yang Maha Hak (*al-Haq*) dan makhluk, supaya dia berada di sisi Allah SWT kerana mengingati Allah SWT. Orang yang berzikir adalah teman Allah SWT, iaitu ketika dalam keadaan zikir pada semua keadaan, sama ada ketika dia berjalan, berdiri, duduk dan tidur, iaitu seperti orang yang sedang solat dalam semua keadaan dan seperti adab-adab menetap, menghuni dan berpergian, agar semua urusan adalah atas penglihatan-Nya.

Dan hendak dia menentukan bahawa dirinya tidak berlinu agar dia boleh belajar lalu dengan ilmu itu bertambahlah ilmu, tawaduk, dan sifat ibadat. Hendaklah juga setiap masanya berada dalam keadaan *istiqamah* dengan apa yang diredhai Allah SWT agar ia menjadi gambaran bahawa ia berhajat kepada Allah SWT untuk memperoleh tambahan lagi daripada-Nya. Maka sesungguhnya Allah SWT memenuhi hajatnya dengan ketentuan *halnya* yang belum ada padanya. Tidak ada yang memalingkannya dari kelemahan dan putus asa dalam mencari peningkatan *halnya* melainkan rasa cukup terhadap apa yang telah dicapainya. Jika dia meminta tambahan daripada Allah SWT nescaya dia akan dapat peningkatan yang dikehendakinya.

Maka hendak dia mencari guru yang lebih luas ilmu daripadanya atau mempelajari kitab dengan mendalam dan hati yang mengharap Allah SWT, iaitu memohon agar dikurniakan penambahan dan peningkatan pada sesuatu ilmu dan faedah yang tiada padanya, atau pun melalui perbincangan sesama rakan. Melaluiinya, Allah SWT akan membangkit ingatan terhadap apa yang dilupakan dan memperbaharui apa yang tidak diperoleh sebelumnya. "Sesungguhnya peringatan memberi manfaat kepada orang-orang mukmin."¹⁴² Semua perkara itu adalah baru bukannya lama dan jika dia menyangka yang lama adalah lama, maka dia telah mendatangkan yang menyerupai-Nya. Maka berhenti menyerupakan sesuatu dengan-Nya, sedangkan dia adalah makhluk Allah SWT yang baru yang berterusan demikian selamanya bagi semua yang dijadikan, dari semua keadaan dan pada semua keadaan hingga selama-lamanya, "bahkan mereka dalam keadaan ragu-ragu tentang penciptaan yang baru."¹⁴³

Hendak dia beradab dengan mengulang kaji ilmu tayammum, menyapu *khuf*, solat *gasar* dan *jama'*, tanda-tanda masuk waktu solat, hukum-hukum berkaitan jenazah dan solat ke atasnya, maka boleh jadi ia berhadas, hukum solat dalam keadaan menaiki kenderaan, berjalan dan menetap sama ada pada solat fardhu atau sunat. Ini adalah supaya dia memperoleh keterangan mengenainya dan dapat memenuhi keperluan saudara-saudaranya setiap kali mereka memerlukannya.

Hendak dia memelihara solat sebagaimana yang diperintah Allah SWT dan jangan ditunai solat di luar waktunya. Hendak dia berpesan kepada orang yang bermusafir bersamanya mengenai pemeliharaan solat sebelum memulakan perjalanan, agar ia menjadi perjelasan tentang urusan agama mereka untuk ditunaikan mengikut waktunya sama ada secara *taqdim* atau *ta'akhir* sehingga mereka dapat memelihara solat seperti yang diperintah Allah SWT serta tidak menyusahkan mereka dan tunggangan mereka. Agama Allah SWT adalah mudah lagi sedikit sedangkan syaitan

pula hanya mengganggu mereka agar jangan menepatinya. Jika mereka menyedari mengenai perkara ini sebelumnya, lalu berpesan-pesan dengannya, bercakap kepada pemandu unta dan menerangkan perintah-perintah Allah SWT dengan baik, nescaya mereka dapat menerimanya, kerana mereka suka kepada Islam dan tidak benci kepadanya. Islam adalah agama solat serta mengandungi semua perintah dan larangan. Agama di sisi Allah SWT ialah Islam. Sesiapa yang tidak patuh, maka dia telah merosakkan Islam kerana Islam adalah kepatuhan. Maka awasilah daripada meninggalkan solat, lebih-lebih lagi pada waktu subuh. Oleh itu, jangan berjalan sepanjang malam, sehingga tidak berhenti solat dan melangkaui selepas terbit matahari, lalu mereka telah menghalang orang perempuan dan orang tua daripada menuaikan solat dengan sengaja tanpa sebarang sebab. Jika mereka berhenti sebelum terbit matahari dengan kadar yang membolehkan orang menuaikan solat atau ketika dalam perjalanan lalu mereka berhenti, nescaya mereka memperoleh keuntungan dunia dan akhirat. Orang yang berjalan pada waktu itu adalah sangat sedikit. Lantaran itu, mereka berhasil melaksanakan keperluan mereka dan berjalan dengan keberkatan Allah SWT. Maka mereka memperoleh apa yang terlepas pada masa itu dengan membeli redha Allah SWT dengannya.

Hendak kamu menghalang mereka daripada mendapat celaan, kerana mereka adalah orang yang taat kepada Allah SWT bagi mengantikan keingkaran tanpa sebab melainkan apabila mereka melakukan apa yang tidak dihalalkan iaitu menuaikan solat di luar daripada waktunya ke atas orang yang diwajibkan atau ke atas mereka semua. Jika ada beberapa orang yang dapat melaksanakannya maka ia adalah kerana susah payah mereka, sedangkan mereka tidak sepatutnya melakukan demikian.

Dan clok bagi mereka berjalan pada keadaan aman sehingga waktu Asar atau selepasnya dengan niat untuk solat *jama'* jika perlu berjalan, lalu mereka berhenti dan menuaikan solat Zuhur dan Asar secara *jama'*. Kemudian jangan mereka bertegas untuk berjalan semula kecuali selepas Maghrib untuk membolehkan orang perempuan dan orang lain menuaikan solat Maghrib dan Isyak secara *jama'* pada awal waktu. Kemudian naiki kenderaan dengan nama Allah SWT untuk bermusafir. Demikian keadaan ini tidak akan memungkinkan mereka terlepas waktu solat jika mereka berhenti waktu Asar atau selepasnya sedikit dan berjalan selepas Maghrib, dan mereka berhenti dalam perjalanan atau hampir dengan Maghrib dengan kadar yang membolehkan semua orang solat pada tempatnya kerana waktu adalah milik mereka dan ia tidak merosakkan perjalanan mereka dan meluput dua tujuan, bahkan mereka

memperoleh semua tujuan dunia dan akhirat mereka dengan izin Allah SWT tanpa kepayahan dengan mengikut tertib ini.

Jangan seseorang bermusafir dengan tujuan fardhu atau sunat tetapi meninggalkan yang fardhu. Ini telah melakukan perkara haram yang disepakati haramnya dan tiada perselisihan seorang pun tentangnya. Dan Allahlah yang Maha Mengetahuinya.

Jika semua orang tidak bersetuju dengan perkara itu, maka dia hendak memilih kumpulan dan pemilik unta lain yang bersetuju dengannya. Namun, jika perjalanan mereka tetap dalam keadaan demikian, sesungguhnya Allah SWT bersama dengan mereka dan memelihara mereka untuk melaksanakan perintah Allah SWT dan memelihara batas ketentuan-Nya serta perintah dan larangan-Nya. Inilah antara perkara penting yang diperlukan oleh seseorang pada agama, dunia dan akhiratnya. Maka hendak dia memalingkan perhatian dan kesungguhannya kerana Allah SWT dan apa yang menolongnya dengan izin Allah SWT untuk memelihara solat, iaitu dengan memerhati mengenai perkara tersebut sejak mula bergerak daripada tanah air.

Maka apabila kelihatan tempat mereka akan berkumpul, hendak mereka menyegerakan atau melewatkkan perjalanan ke tempat tersebut mengikut ketentuan yang memudahkan mereka menunaikan solat pada waktunya sehingga berakhirnya perjalanan mereka. Maka sesungguhnya jika mereka memelihara perkara demikian daripada awal perjalanan atau sebelum keluar, maka mudahlah bagi mereka menghadapi kesusahannya sehingga ke akhir perjalanan tanpa terbeban. Dan Allah-lah yang Maha Mengetahuinya. Inilah yang perlu dipelihara, disepakati dan dilaksanakan oleh orang Islam, serta mengingatinya sebelum perjalanan untuk memperoleh redha Allah SWT dan keberkatan ketika dalam perjalanan dan berhenti, serta memperoleh kebaikan bagi semua ahwal mereka.

Hendak dia beradab dengan mencari orang dan memilih teman-teman dan pemilik unta yang dapat membantunya sejak awal lagi, sebagaimana yang diperintah Allah SWT ketika ia berfirman, "melainkan orang yang beriman dan beramal soleh serta berpesan-pesan dengan kebenaran dan berpesan-pesan dengan kesabaran."²⁴⁶ Lantaran itu, terdapat hadis, "Hendak memilih teman sebelum perjalanan,"²⁴⁷ untuk membantunya memperoleh petunjuk dan memeliharanya daripada perbuatan-perbuatan yang buruk. Oleh itu, dia hendaklah memilih teman yang sebaik-baiknya dan sehaluan dengannya, bukan yang bertentangan, agar mereka bolch bersepakat pada tujuan, pergerakan dan keadaan bukannya bertentangan. Sehingga mereka seolah-olah menjadi satu pada tinggi dan rendah. Lantaran itu, pergerakan-pergerakan telah bersatu menjadi seperti satu pergerakan, disebabkan sama tempat tujuan dan semua cenderung

untuk bersama, kerana teman-teman yang baik dapat membantu untuk memperoleh khusyuk, hadir di sisi Allah SWT dan jinak dengan-Nya dalam mentaati-Nya serta memperoleh kelebihan yang banyak yang tidak diperoleh ketika bersendirian.

Hendak mereka semua bersabar dan bergaul dengan sebaik-baik pergaulan semasa perjalanan dan memperbanyakkan berbuat kebajikan kepada saudara-saudara mereka. Demikian adalah lebih cepat memperoleh keredhaan Yang Maha Pemurah (al-Rahman) kerana dia memperolehnya melebihi ganjaran orang yang berpuasa dan mendirikan majlisnya. Dia memperoleh ganjaran tersebut tanpa berpuasa dan mendirikan malam, bahkan hanya dengan latihan berakhlik mulia dan menanggung perkara yang menyakitan. Demikian latihan-latihan ke atas nafsu yang paling baik, kerana mudah bagi nafsu untuk berlapar, berjaga malam, menanggalkan pakaian kehormatan, berpuasa, mendirikan malam dan menanggung kesusahannya berbanding dengan menanggung perkara yang menyakitkan oleh orang lain. Sesungguhnya ia adalah amat sukar padanya berbanding semua perkara tersebut. Padanya juga terdapat kebaikan dan dapat mencapai matlamat-matlamat manazil serta dapat meningkatkan keredhaan dan darjah. Berbahagialah *al-Muridun*²⁴⁸ dengannya di samping golongan yang memiliki pemeliharaan (*ahl al-Turbiyah*). Begitulah orang yang belajar pembuatan akan memperoleh kejayaan setelah melalui kesusahan dalam pendidikan dan berjaya dengan izin Allah SWT.

Hendak dia menerangkan sebab-sebabnya kepada pemilik unta dan mendapatkan persetujuannya sebelum berjalan. Supaya tidak berlaku perselisihan selepasnya yang membawa kepada pergaduhan dan perbuatan yang tidak sewajarnya. Jika kedua-duanya bersepakat sejak awal, nescaya selamatlah daripada pergaduhan itu. Hendak memperoleh persetujuan pemilik unta pada perkara yang luar daripada batas yang dipersetujui dan janganlah biarkan dia dalam kebingungan, maka ia akan menyusahkannya. Bantulah dia pada kebanyakan urusan dunia agar dia memperoleh kerehatan dengan izin Allah SWT pada banyak urusan agamanya. Janganlah menyalahi perkara tersebut kerana ia akan menyebabkan celaan dan kerugian pada bersalah-salahan dan cacian. Semuanya adalah perbelanjaan (*infaq*). Janganlah membazir dan janganlah kedekut, tetapi hendak bersederhana di antara keduanya. Dan janganlah mengambil sesuatu daripadanya dengan jalan yang memalukan melainkan dengan cara-cara yang hak bagimu atau orang lain. Dan jangan engkau membebaskan diri daripada pemilik unta melainkan dengan sebab keburukanya kerana tidak mahu bekerja. Maka terima ia seolah-olah ia suatu yang baik untuk kamu mengikhlaskan diri kepada-

Nya. Dan Dialah yang benar, lalu Dia menyembuhkan keburukannya yang kamu tidak dapat lakukannya. Dan terima dengan jiwa yang lapang dan redha yang sempurna untuk kamu menghampir diri kepada Allah SWT dan memperbaiki jiwanya dan urusannya bersama Allah SWT dan Rasulullah SAW. Maka hendak dilakukan begitu dan menerima apa yang dilakukannya kerana dia telah memberi khidmat tambahan daripada yang sepatutnya ataupun menanggung kesabaran atau sesuatu yang tidak diwajib sebagai suatu sumbangan daripadanya. Dan Allah SWT telah memerintah semua untuk menafalkan rezeki yang dikurniakan.

Ini adalah trusran dan *infaq* yang hebat, maka terima dia dengan tujuan mengajar kebaikan dan bertolak ansur. Sekiranya ia telah membawanya kepada kebaikan dalam keadaan berpura-pura atau bertanggungjawab, walaupun dengan sedikit ihsan kepadanya dengan tujuan dia kembali berakhlik mulia, maka kamu memperoleh sunah yang baik. Nafkah yang dikeluarkan semasa kamu mengajarkan kebaikan dan menyerunya untuk berakhlik mulia, adalah pengajaran, penyebaran dan memperbanyak akhlak yang mulia. Perhatikan demikian, maka ia adalah daripada akhlak *al-Ilahiyyah al-Muhammadiyyah*.

Apabila selesai adab-adab yang lalu dengan izin Allah SWT dan yang tidak dinyatakan bersamanya, maka hendaklah berjalan dengan pujian kepada Allah SWT di atas taufik-Nya, dan memuji Rasulullah SAW yang memberinya khabar gembira tentang syafaat, mati dalam Islam bagi orang yang berziarah dan memperoleh *husn al-khatimah* dengan kemurahan dan rahmat Allah SWT.

Hendak dia pergi ke rumah saudara-saudaranya untuk mengucap selamat tinggal serta mendapat doa dan redha mereka. Inilah sunah untuk menyeru ahli keluarganya datang kepadanya apabila dia berkunjung dengan kebaikan. Kemudian dia hendaklah kembali ke tempatnya dan menyediakan keperluan-keperluannya dengan menghadirkan hatinya, bahawa orang yang berjalan menuju kepada kekasihnya adalah dalam peliharaan kekasihnya kerana orang yang datang berziarah adalah dalam penjagaan orang yang diziarah dalam apa juga keadaan. Seperti orang yang berjalan untuk bersolat, maka jangan dia menyilang jari-jari tangannya semasa perjalannya kerana dia menuju ke kiblat hatinya yang menyebabkan sah solat sunat dan solat fardhu dengan menghadapnya. Maka hendaklah dia solat ke arahnya tanpa berpaling ke kanan dan kiri sama ada pada zahir atau pada batin. Sesungguhnya ia merosakkan kerana antara syarat sah solat iaitu menghadap kiblat. Maka kiblatnya ialah ke mana sahaja ia menghadap dan bersolat ke arahnya kerana Allah Tuhan semesta alam ketika menaiki kenderaan dan berjalan. Perkara ini adalah syarat sah solat fardhu dan sunat seperti keadaannya Rasulullah SAW. Begitu juga semua perintah syarak yang wajib ke atasnya.

Hendak dia mengucap selamat tinggal kepada rumahnya dengan melakukan solat dua rakaat dan memohon kepada Allah SWT keampunan, kesejahteraan dan petunjuk untuk melakukan adab-adab dan menghadirkan hati, serta memohon keuntungan dan kembali semula dalam keadaan sejatera. Antara adab-adabnya ialah ketika keluar dari rumah, hendaklah dia berada di dua pintu rumah dan membaca (قُلْ هُوَ اللَّهُ أَحَدٌ) sebanyak sebelas kali. Berdasarkan riwayat *‘Ali bin Abu Talib* r.a. bahawa Rasulullah SAW bersabda, “Sesiapa yang hendak bermusafir maka hendak dia berada di dua pintu rumahnya lalu membaca (قُلْ هُوَ اللَّهُ أَحَدٌ) sebelas kali, maka Allah sentiasa memeliharanya sehingga dia kembali.” Dinyata oleh *Ibn al-Najjar*²⁴⁸ r.h. dalam kitab tarikhnya.²⁵⁰

Jika dia berada di Masjid al-Haram hendak dia mengucap selamat tinggal kepada *al-Bait al-Sharif* (*Ka’bah*) dengan bertawaf, mengucap selamat dan meminum air zam-zam dengan niat baik yang disukainya serta berdoa di *al-Multazam*.²⁵¹ Semua itu akan menghasilkan kebaikan pada masa sekarang dan akan datang tanpa diragui. Ada antara yang disegerakan, ada yang dilewatkan, ada yang diberi sebelum sampai dan ada yang menjadi balasan yang serupa (*qisas*) terhadap kesalahannya. Semuanya adalah rahmat untuknya, maka hendaklah dia memuji Allah SWT di atas semua kurnia-Nya sehingga pada maksiat yang menyebabkannya rasa hina dan berhajat kepada Allah SWT serta memohon perlindungan kepada-Nya untuk melakukan ketaatan yang dapat mendatangkan kemuliaan dan kebesaran kepadanya. Sesungguhnya Allah SWT telah berfirman, “dan boleh jadi kamu benci kepada sesuatu padahal ia baik bagi kamu, dan boleh jadi kamu suka kepada sesuatu padahal ia buruk bagi kamu.”²⁵² Semua adalah darinya dan termasuk dalamnya. Allah SWT juga berfirman: “... dan agar aku dapat beramal soleh yang Engkau redhai...”²⁵³. Maka beringatlah tentang firman Allah SWT “soleh yang Engkau redhai” agar engkau saham bahawa tercapat juga “soleh yang tidak Engkau redhai”, maka mohonlah perlindungan kepada Allah SWT daripadanya.

Ini semua adalah adab-adab batin dan zahir bersama Allah SWT daripada hamba-Nya kerana-Nya dan *al-Hadrat* di dunia dan akhirat. Ia adalah satu hamparan dan adab adalah makanan utamanya. Sesiapa yang tidak beradab, maka dihalang makanan daripadanya, kehidupannya hanya lalai dan melampaui batas, yang didengar daripadanya hanya maksiat dan penglihatannya hanya kekaburuan di sisi semua iktibar dan ihsan. Begitu juga pada perkara lain seperti ini sehingga kedudukannya rendah daripada binatang dan dia tidak layak menjadi manusia. Maka awasilah, wahai manusia! Ini adalah satu isyarat daripada isyarat-isyarat adab yang lurus bagi sesiapa yang ditunduk oleh keturunan (*nasab*). Kerendahan

adalah ke atas sesiapa yang menyalahi adab walaupun mempunyai nasab. Maka ingatlah, "Sesungguhnya peringatan memberi manfaat kepada orang Mukmin" ²²⁴ bukan kepada yang lain.

Dan hendak dia meminta kepada Allah SWT agar menerima dan memberi petunjuk kepadanya terhadap apa yang direhái-Nya sepanjang perjalanan, perhentian dan kembalinya dan juga kepada orang yang bersamanya agar akan dikatakan kepadanya bahawa "engkau memperoleh sepertinya." Maka tercapai apa yang diminta dalam doanya kepada saudara-saudaranya. Maka dia daripada kalangan mereka seperti mana mereka daripadanya, kerana mereka adalah daripada jiwa yang satu, daripada pasangan yang satu bukan daripada yang lain. Hendak dia berkata ketika berjalan: "Ya Allah! Dengan-Mu aku berjalan, dengan-Mu aku berhenti rehat dan dengan-Mu aku berusaha apa yang aku usahakan dari segala urusanku zahir dan batin."²²⁵ Maka semua itu adalah adab. Dan hendak dia berkata ketika menaiki tunggangan, "aku berlindung kepada Allah daripada syaitan yang direjam. Dengan nama Allah yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang", "Maha Suci Dia yang mempermudah kenderaan ini bagi kami, sedangkan kami tiada upaya untuk menguasainya. Dan sesungguhnya kami kembali kepada Tuhan kami."²²⁶ Apabila binatang tunggangan mendengar nama dan zikir Allah SWT ia akan berkata seperti itu, kerana berasa mulia disebabkan engkau menaiki dan menundukkaninya. Wahai manusia yang dibawanya dan dimuliakan, yang dipermudah baginya apa yang ada di langit dan di bumi yang luas kebenarannya, dan disebabkan tujuan yang khusus kerana Allah SWT dan orang yang menuju serta yang dimaksud dengan haji dan ziarah, kerana ilmunya terhadap Allah SWT dan Rasul-Nya SAW. Pada perjalanan kepada-Nya dan selainnya. Maka ia memuji Allah SWT seperti itu apabila ia mendengar tentang hidayah kepadamu, sedangkan sebelumnya kamu adalah daripada kalangan orang yang lalai. Lalai daripada sesuatu hanya boleh dihapus dari sisimu bukan daripada zatnya. Maka perhatikan apa yang mendorong kepadanya dan sahutlah ia dengannya.

Dan mulakan dengan bahagian sebelah kanan kemudian berpaling ke sebelah kiri dengan memberi keutamaan kepada orang yang lebih berhak daripada kamu terlebih dahulu, dan jika tidak, maka keadaan kamu juga seperti itu. Dengan mengutamakan orang lain kamu berada pada keadaannya walaupun dia mengambil tempatmu, kerana itu adalah sedekah dan kamu mendapat ganjarannya setiap kali kamu bersedekah dengannya, kerana ia adalah perkara yang baik (*ma'ruf*). "Semua kebaikan adalah sedekah,"²²⁷ maka ia termasuk di dalamnya dan jangan kamu lalai. Tiada adab bagi yang lalai dan tiada lalai bagi yang beradab. Jika kedua-

duanya sama kedudukan, maka mereka silih berganti dengan beringat dan merasai kehadirannya serta tetap melakukan perintah dan tidak larai daripadanya. Orang yang mengutamakan orang lain adalah lebih beruntung berbanding dengan kehadiran kerana dia melakukan kebaikan, bersedekah, mengajar kebaikan dan menyeru untuk meningkatkan akhlak yang mulia kerana apabila dia melihatnya datang, bertambah kesukaannya untuk bersama dengannya dan orang lain. Maka padanya terdapat faedah pengajaran dan memperbanyak kebaikan. Seruan kepada itu sebenarnya kebajikan di atas kebajikan kata-kata. Sesiapa yang melakukan kebajikan di sisi Allah SWT, maka dia adalah di kalangan orang yang menghampir diri (*al-Muqarrabin*) di sisi-Nya dan orang-orang yang mulia. "Sesungguhnya orang yang melakukan kebaikan berada di dalam nikmat",²⁵⁸ "Sesungguhnya kitab catatan orang yang melakukan kebaikan berada di² Illiyin".²⁵⁹ Maka apabila dia membaca, "dan sesungguhnya kami pasti dikembali kepada Tuhan kami"²⁶⁰ pastilah ia kembali kepada Tuhanya pada semua hal daripada ahwal perjalanan dan perhentiannya (*manzilah*) sepanjang masa. Maka dia bermula dengan-Nya dan kembali kepada-Nya dengan apa yang ditunjukkan *al-Rabb* kepadanya pada pendidikan hal tersebut, yang mana ia bersama Allah SWT dalam kasih sayang.

Semuanya adalah hamba Allah (*marhub²⁶¹ Allah*) SWT pada hal, maqam, perjalanan dan perhentiannya (*muzul*) sama ada kecil atau besar, dengan apa yang dizahirkan oleh Allah SWT baginya, dan ia diperkaya dengan *hal* tersebut kerana hak tidak dibuka melainkan dengannya dan tidak sampai seruan (*khitah*) dan *taklif* yang dikehendaki daripadanya dan dengannya melainkan dengan hukum-hukum tersebut, ketentuan-ketentuan, al-Quran dan al-Sunnah pada tempatnya. Dan tiada yang melangkaunya melainkan selainnya. Maka setiap hamba (*al-Marhubun*) berada pada falak yang sedang beredar-edar tanpa menuju kepada sesiapa dan tiada had waktu. Ia adalah hukum yang Maha Esa lagi yang segala sesuatu bergantung kepada-Nya (*al-Ahad al-Samad*), "yang tidak beranak dan tidak diperanakkan, dan tiada sesualu pun yang sekutu dengan-Nya."²⁶² Maka perhatikan semuanya di manakah Dia, wahai siapa yang Dia, Dia. Tiadalah sesuatu melainkan Dia dan tiada yang mengetahui sesuatu melainkan Dia. "Dan tiadalah yang mengetahui tentera-tentera Tuhanmu melainkan-Nya"²⁶³ bukan yang lain. "Dan tidak ia melainkan menjadi peringatan bagi manusia."²⁶⁴ Inilah rahsia daripada rahsia-rahsia, "dan sesungguhnya kami kembali kepada Tuhan kami"²⁶⁵ suatu bahagian yang telah ditentu ke atas setiap orang yang mewarisi.

Kemudian, selepas membaca ayat-ayat tersebut, dia hendaklah mengucapkan "Ya Allah! Sesungguhnya kami memohon kebaikan dan

takwa serta amalan yang Engkau sukai dan redhai pada perjalanan kami ini.”²⁶⁶ Dan kamu dan semua orang yang bersamamu dalam perjalanan atau semua orang yang bermusafir hendak berniat untuk berada dalam ketaatan kerana ramai orang yang lalai tentangnya. Nescaya memperoleh pahalanya sebagai ganti apabila diganti dengan zikir tersebut kerana orang-orang beriman adalah bersaudara.

Maka hendak dia kasih kepada saudaranya seperti kasih kepada dirinya semasa ketiadaannya dan semasa kehadirannya. Itu disyariat baginya. Dan di antaranya ialah ucapan, “Salam sejahtera ke atas kami dan hamba-hamba Allah SWT yang soleh.” Mereka adalah dari kamu dan kamu adalah dari mereka di langit dan bumi, kerana dorongan akad persaudaraan dan keimanan yang betul, “Ya Allah! Permudahkan perjalanan kami ini, dan singkatkan jarak jauhnya,”²⁶⁷ agar dia mengetahui bahawa dipermudah ialah pengembalian hamba (*al-Marbub*) kepada pemeliharaan Tuhan (*tarbiyyah al-Rabb*) untuk kebaikan urusan alamnya. Begitu juga disingkat yang jauh dan dihamparkan. Semuanya untuk pemeliharaan (*tarbiyyah*). Memudahkan dan menyukarkan sesuatu urusan semuanya adalah untuk pemeliharaan (*tarbiyyah*). Ia adalah daripada rahsia *al-Rububiyyah*²⁶⁸ di sisi hamba-hamba (*al-Maribubun*). Dan tidak berlaku sesuatu urusan ke atasnya melainkan dengan hikmah Allah yang tinggi, kerana semua adalah berbekas dan kena bekas kerana ia adalah daripada Allah SWT yang memberi bekas. Maka tidak datang daripada yang memberi bekas melainkan yang kena bekas, maka ingatlah ia berbekas dan memberi bekas dengan rahsia *al-Rububiyyah*.

Maka katakan di sisinya, “Allah Maha Besar di atas hidayah-Nya kepada kami, dan pujian untuk Allah SWT di atas kelebihan-Nya ke atas kami. Tiada tuhan melainkan Allah yang Maha Esa, benarlah janji-Nya. Dialah sendirian yang memperkasakan tentera-tentera-Nya dan membina-sakan kumpulan yang lalai terhadap orang yang dimuliakan dengan hadir bersamanya. Tiada tuhan melainkan Allah.” Maka sembahlah Allah dengan mengikhlaskan ibadah kepada-Nya, walaupun orang kafir tidak menyukairnya.²⁶⁹ Semua adab ini tetap pada semua *hamba* dan *hal* daripada *ahwal* hidup, mati, perjalanan, menetap, dunia dan akhirat. Maka ingat dan katakan, “Wahai Tuhan kami! Jangan Engkau hukum kami jika kami lupa atau kami tersalah. Wahai Tuhan kami jangan Engkau bebankan kepada kami beban yang berat sebagaimana Engkau bebankan kepada orang sebelum kami. Wahai Tuhan kami! jangan Engkau pikulkan kepada kami apa yang tak sanggup kami memikulnya. Lantaran itu, maafkan kami! Ampuni kami! dan rahmati kami! Engkau-lah penolong kami, Maka tololnglah kami terhadap kaum yang kafir.”²⁷⁰

Semua sikap tolak ansur dan tidak membalas balik di atas perselisihan, menanggung kesakitan, memaafkan dan memberi bantuan adalah akhlak *Rububiyyah* (Ketuhanan) pada semua hamba yang bercakap dan diam serta yang bergerak dan tidak bergerak. Maka dengan *Rububiyyah* mereka diberi bantuan dan balasan, mereka dikurniakan belas kasihan dan dihukum serta mereka bergerak dan diam hingga seterusnya. Maka katakan yang demikian agar diperkenan Allah SWT dengan kadar perbuatanmu, lalu engkau memperoleh keuntungan dan memperbaiki apa yang telah engkau retakkan. Maka retakkan dengannya sebagaimana yang telah engkau retakkan, nescaya engkau memperelok yang engkau pecahkan. Sesungguhnya Dia yang menurunkan penyakit telah menurunkan ubatnya.

Hendak engkau merchatkan binatang tunggangan tanpa memenatkan dirimu kerana telah diriwayat, "Jadikan ia bekerja, maka sesungguhnya yang membawanya adalah Allah SWT."²⁷¹ Maka yang membawa semuanya adalah Allah SWT yang tunggal kekuasaan, daya dan kekuatannya yang tinggi serta tiada sekutu bagi-Nya pada yang demikian. Dialah yang Maha Agung daripada diketahui oleh akal-akal yang terbatas dan sempurna dengan rahsia *Rububiyyah* dengan pengetahuan yang tinggi yang datang dari-Nya. Di samping itu, apa yang datang daripada-Nya tidak diketahui dan tidak dapat disingkap. Sabda Rasulullah SAW: "Sesungguhnya Allah SWT terhijab daripada akal sepertimana terhijab daripada pandangan mata, dan sesungguhnya para malaikat mencari-carinya sebagaimana kamu,"²⁷² atau sebagaimana yang telah disabdakan. Dialah yang Maha Tinggi lagi Maha Agung. Aku memohon pertolongan dengan-Nya dan dengan daya dan kekuatan-Nya nyata dan dibawa semua perkara. Tanpa-Nya tiada terjadi dan tiada yang dibawa. Tiada yang menahan semuanya melainkan Allah SWT. Sesungguhnya tiada sesuatu di atas sesuatu. Jika kamu menyangka sesuatu ada ci atas sesuatu, maka yang menahan semuanya dengan hak adalah Allah SWT. Jika tidak demikian, maka pasti telah syirik dan terbatal tauhid. Tiada jalan lagi pada yang demikian. Maka Allah SWT, Dia yang berdiri dengan sendirinya, yang menahan sesuatu. Tiada tuhan melainkan Allah. Dialah yang hidup lagi berdiri dengan sendirinya.

Dan hendak engkau beradab dengan sentiasa berzikir kepada Allah SWT dan memperbanyak selawat dan salam ke atas Rasulullah SAW. Dan hendak engkau menghadirkan apa yang disebut seolah-olah engkau melihat-Nya. Jika engkau tidak melihatnya, maka yakinlah bahawa Baginda SAW melihat engkau. Lantaran itu, semasa menghadirkannya hendak engkau perbaiki hatimu dengan menghadirkan perkara yang

ghair dan memperbaiki ahwalmu daripada melampaui batas. Penghadiran dan *al-muroqabah*²⁷³ ini adalah permulaan semua kebaikan pada semua orang yang berbuat ihsan. Dan bertolakansur terhadap kejahilan orang jahil kepada engkau, dan ingatlah ihsan Allah SWT kepadamu, walaupun engkau menyakiti dirimu dengan melanggar perintah-perintah-Nya supaya engkau dapat memaafkan saudaramu dengan keadaan yang baik. Ingat kata-kata-Nya kepada *al-Siddiq* r.a.: "Apakah kamu tidak suka Allah SWT mengampunkankamu."²⁷⁴ Ketahuilah bahawa orang jahat yang berbuat kejahanan terhadap engkau adalah berbuat ihsan terhadapmu dan berbuat jahat terhadap dirinya sendiri, serta menyeru kamu agar memperlihat akhlak yang mulia daripada bentuk kekuatan kepada perbuatan, atau dia mengingatkanmu jika ia kelihatan. Dan orang yang berbuat jahat itu memberikan kebaikan-kebaikannya kepadamu dan mengambil keburukan-keburukan daripadamu. Dengan ini dari satu sudut disyukuri dan dari satu sudut dikasihani. Maka bahagianmu daripadanya baik dan bahagiannya daripadamu buruk. Inilah tempat-tmpat pandangan *Ahl Allah*²⁷⁵ dan orang yang mengasihi mereka. Maka dia juga dari kalangan mereka. Sesiapa yang mempunyai banyak peribadi sesuatu kaum, maka dia adalah dari ka'angan mereka. Maka dia berusaha memperlihat akhlak muliamu dan menyebarkan kepada dirinya dan orang lain, dengan mengadakan sesuatu yang melampaui, agar kamu dapat berhias dengan perhiasan yang sempurna, iaitu sabar, menahan marah dan memaafkan. Maka terima ia dalam keadaan itu dan tidak bergantung dengan sesuatu yang diharamkan Allah SWT.

Dan lihat batin kehendak *al-Nahiyyah* kepadamu dengan batinmu. Melaluinya dan rahsia *al-Rububiyyah* yang dilihat adalah pemeliharaan (*tarbiyyah*) yang layak bagi semua hariba. Ia adalah hak yang dikhendaki olehmu dan dia serta yang memelihara (*murabbi*) kamu dan dia dengan timbangan yang adil bukannya tanpa timbangan. Dan orang yang bercakap tidak bermaksud tanpanya lalu berlaku yang demikian. Itu adab yang engkau sebut selalu dengan membaca, "Sesungguhnya kami dikembalikan kepada Tuhan kami."²⁷⁶ Maka perhatikan dan bersama Dia dengan semua pertukaran daripada satu *hal* ke *hal* yang lain pada semua *ahwal*.

Jangan bawa bersamamu anjing, loceng dan akhlakmu yang buruk. Maka sesungguhnya pandangan mata tidak benci kepada zatnya tetapi keburukan yang ada padanya dan akhlaknya yang buruk yang telah diletak bukan pada tempatnya dan bukan pada akhlak itu sendiri, kerana ia pada zatnya adalah terpuji, tetapi didatangkan perkara-perkara yang keji dengan meletakkannya bukan pada tempatnya. Di mana sahaja engkau mendapat akhlak, engkau mendapat seseorang yang dinamakan dengannya walaupun jasadnya telah tiada. Oleh itu, terdapat firman Allah

SWT "Mereka itu seumpama binatang"²⁷⁷ disebab akhlak, bukan diri seseorang. Maka ingatlah, kerana beringat adalah adab yang menjadi bahan pembentukan dan intipati kehidupan. Awasilah adab. Dengan mengawasinya membawa kebaikan urusanmu dan kehidupan insanmu dengan izin Allah SWT. Inilah bab yang tiada batasan tentang kebaikan-kebaikan.

Jika kamu menyadarinya, maka kamu telah membuka kunci-kunci huruf-huruf yang bertanda (*al-Muhamalah*) dan yang tidak bertanda (*al-Mirjamah*). Ia adalah jalan berakh�ak mulia dan pergaulan bersama Allah SWT dan hainba-Nya. Ia adalah kekuasaan orang yang mulia. Mereka melaksanakan dengannya dan tetap kedudukan mereka berada dalam kemuliaan, "mereka (para Rasul dan umat yang beriman) meminta kemenangan (daripada Allah) dan binasalah semua yang zalim dan degil"²⁷⁸ kerana akhlaknya yang buruk. Oleh itu, mereka memperolehnya apa yang tidak mereka peroleh melainkan dengan banyak beribadat. Sesungguhnya ia didapati daripada yang Maha Perkasa lagi Maha Berkuaса. Maka ingatlah dengan penglihatan yang mendalam. Bahawa dengan akhlak yang mulia, jadilah golongan *al-Abdal*²⁷⁹ sebagai *abdal*, dan dengan akhlak yang baik dan bersabar menanggung perkara yang menyakitkan walaupun berat, mereka akan sampai ke matlamat. Ta yang menyampaikan mereka sehingga mengatasi orang yang mendirikan malam dan orang berpuasa yang meninggalkan sesuatu yang diharuskan sebelumnya. Jika kamu melakukan kebaikan atau menanggung perkara yang menyakitkan daripada seseorang, jadikan ia kerana Allah SWT dan jangan batalkan dengan ungkitan dan kata-kata yang menyakitkan. Ini adabmu padanya. Firman Allah SWT "Jangan kamu rosakkan sedekah kamu dengan ungkitan dan kata-kata yang menyakitkan,"²⁸⁰ Setiap kebaikan adalah secekah, dan apa yang dinyata daripadanya, maka jangan engkau batalkan. Dan termasuk dalam kebaikan itu perkara yang tidak terkira banyaknya. Maka jangan kamu sakiti seseorang atau diri kamu sendiri tanpa beradab, kerana ia adalah kemuncak perkara yang menyakitkan dan dapat dilrasai dan tersembunyi yang membatal kebaikan dan amalan kamu, cisebabkan kamu membala perkara yang menyakitkan daripada orang lain. Maka engkau sebenarnya telah menyakiti dirimu sendiri. Dan boleh jadi dengan mendapat balasan (*qisas*) dapat menguasai kebaikan-kebaikan, lalu *qisas* telah mengambil kebaikanmu yang membala balik. Maka *qisas* telah membatalkan kebaikan dengan berbuat perkara yang menyakitkan. Sesungguhnya ia adalah sia-sia, maka peliharalah. Pemeliharaan ini adalah kembali kepada *al-Rabb*. Daripada adab dan dengan adab *al-Rububiyyah* yang benar serta mencari jiwa yang bersih dan keselamatannya, orang Islam telah selamat daripada kejahanan

tangan dan licahmu, disebabkan hatimu selamat dengan jiwamu yang beradab terhadap dirimu dan saudara-saudaramu. Maka jadi orang yang beradab dan berbuat sesuatu yang membantumu beradab, dan jangan kamu cuaikannya. Semoga Allah memberi kita semua petunjuk-Nya. Amin.

Hendak kamu beradab dengan menjadikan jiwamu teguh. Timbangilah amalanmu yang sedikit atau banyak dengan timbangan kenabian, akan terpancar lapangan adab bagimu dan memperoleh apa yang dicari pada permulaan pencarian, iaitu hendak kamu mengasihi saudara-saudaramu sebagaimana kamu mengasihi dirimu dan kamu tidak suka berlaku sesuatu kepada mereka yang kamu benci ia berlaku padamu. Ini puncak penyempurnaan dan pencarian. Maka lontarkan peraturan-peraturan dan teguhkan setiap peraturan dengannya. Dan hendak ketika kamu ragu-ragu dalam sesuatu urusan yang khusus semasa perjalanan, perhentian, menetap dan kembali, maka tinggalkan apa yang meragukan kamu kepada yang tidak meragukan selama mana mudah dan jelas bagimu. Jika tidak, hendak meminta pandangan hatimu kerana ia daripada Allah SWT yang diberi kepadamu kerana ia adalah tempat pandangan Allah SWT. Hati sentiasa diam dalam zikir jika kamu berbuat baik padanya pada hadrah Allah SWT dan ia adalah tempat keluasan Allah SWT selain bumi dan langit. Maka awasi ia benar-benar pada *hadrah* pengajaran adab. Ia adalah *hadrah* ilmu nama-nama yang dikeluarkan bagimu bahawa setiap yang dinamakan memiliki nama. Sesungguhnya telah berhimpun kebaikan bagimu di atas perkataan Saiyyidina Rasulullah SAW, lalu ia menghimpunkan yang terpisah-pisah kepadamu pada sedikit himpunan kalimah-kalimah yang sempurna.

Hendak beradab seperti yang telah lalu, iaitu memelihara solat fardhu secara *qasar*²⁸¹ dan *jama*²⁸² pada awal atau akhir waktu bergantung kepada perjalanan di antara Zuhur dengan Asar dan di antara Maghrib dengan Isyak, bukan yang lain dengan memelihara hal semasa kamu dalam perjalanan, berkumpulan, aman dan takut. Semuanya adalah adab. Maka adab itu ada yang wajib, surat, harus, haram dan makruh. Sesuatu yang diletak bukan pada tempatnya sama ada ia makruh ataupun haram. *Ain* adalah makhluk dan hukum-hukum telah diputuskan. Maka pelihara seperti orang yang memelihara solat mereka. Sesungguhnya jiwa yang bergantung dengan hati selamanya ia adalah adab. Ia adalah amal soleh dan akhlak mulia. Kamu telah melihat faedahnya yang tersendiri selain daripada amalannya.

Hendak kamu beradab dengan melantik daripada kalangan kamu seorang ketua, sama ada kamu ramai ataupun sedikit kerana sunnahnya pada bertiga atau kurang, apakah lagi jika ramai. Hendak ketua yang

dipilih ialah orang yang disenangi oleh kamu semua, mempunyai ilmu logik (*'aqil*) dan syariat (*shari'i*) kerana kedua-duanya diperlukan dan kerana sebahagian perkara yang dibenarkan syarak dilarang pula oleh akal. Maka cengar siasah akal ia meninggalkannya walaupun syarak mengharuskannya kerana akibatnya yang akan terjadi, iaitu jika tiada penyelesaian melainkan denganannya serta selamat daripada larangan yang dipelihara oleh akal. Itu adalah adab kerana ada keselamatan padanya dan selepasnya jika dilakukan. Jika syarak membenarkannya, maka ketua mesti mempunyai siasah akal dengan izin Allah SWT walaupun dia pandai dalam syarak dan hukumnya. Semua ini adalah adab bersama Allah SWT kerana Dia-lah yang mendatangkannya dan menyuruh hamba-hamba-Nya. Dan pilihlah ketua semasa mula perjalanan atau selepasnya atau ditengah-tengahnya. Dan hendak patuh kepada arahannya dan janganlah ingkar. Sejahat-jahat kejahatan adalah keingkaran. Dan semua kebaikan ialah pada ketaatan walaupun terhadap ketua yang lebih rendah kelebihannya. "Sesiapa yang mentaati Allah dan Rasul-Nya, maka mereka bersama orang yang dikurniakan nikmat oleh Allah ke atas mereka."²⁸³ Semua yang terkandung dalam maksud sunnah yang baik pasti termasuk dalam ketaatan Allah SWT dan Rasul-Nya.

Hendak dia beradab dengan adab yang telah disyariatkan, iaitu bertasbih kepada Allah SWT setiap kali menuruni lembah. Dan menghadirkan penyucian yang mesti ada terhadap yang tidak layak bagi-Nya ketika turun ke lembah, maka dia menghadirkan makna dalam bentuk yang dapat dicapai oleh pancaindera (*al-Mahsus*), kerana ia adalah buktinya dan sebaliknya. Dan hendaklah bertakbir setiap kali menaiki tempat yang tinggi, kerana ketinggian daripada kebesaran diri. Semua kebesaran adalah bagi Allah SWT zahir dan batin. Semua urusan adalah bagi Allah pada *hissi* dan *mar'awi*. Semua adab adalah bersama Allah SWT pada apa yang kami rahiaskan dan nyatakan. Dan orang yang mendalaminya berkata: "kami beriman denganannya, semuanya itu dari sisi Tuhan kami; dan kepada Tuhan kami tempat kembalinya dan tiada yang mengambil pelajaran daripadanya melainkan orang-orang yang berakal."²⁸⁴ Inilah faedah-faedah zikir dan semuanya adalah pohon peringatan, maka petik buah-buahannya wahai orang yang mahu memetiknya.

Hendak dia beradab dengan menyebut pada setiap pagi dan petang sebanyak tiga kali iaitu, "Dengan nama Allah yang Maha Pemurah lagi Maha Pengasihani, yang sesuatu di langit dan bumi tidak dapat memberi mudharat bersama nama-Nya, dan Dialah yang Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui,"²⁸⁵ "Aku berlindung dengan kalimah-kalimah Allah yang sempurna daripada kejajahan makhluk."²⁸⁶ Kedua-duanya dibaca

sebanyak tiga kali agar orang yang menyebutnya pasti bahawa nama-nama Allah SWT memelihara dan membentenginya daripada semua perkara yang ditakuti, seperti mana ia berlindung dengan menyebut nama Allah SWT caripada pandangan jin apabila dia tidak berpakaian dalam keadaan bertelanjang. Demikianlah pada perkara ini. Dan jika ada kejahanan yang datang dari setiap arah, maka dengan nama Allah SWT, dia berada dalam benteng penghalang. Oleh itu, jangan keluar daripada benteng itu dengan meninggalkan zikir yang sesuai pacà tempatnya. Nama Allah SWT dan semua nama-Nya yang lain adalah benteng bagi orang yang berzikir, maka tiada mudharat pada hari itu hingga petang. Begitu juga tidak mudharat pada petang hari hingga ke subuh apabila dia menyebut zikir tersebut.

Perbaharui kata-kata pujian (tahmid) pada setiap kali pagi dan petang agar berkekalan dalam zikir. Kebinasaan adalah utusan Allah SWT kepada hamba-Nya agar mendorongnya berzikir kepada Allah SWT selama-lamanya. Sekiranya dia lalai daripada zikir, nescaya dia dapat ditawan oleh kebinasaan. Apabila dia berzikir, kebinasaan akan berpaling daripadanya kerena dia memperoleh hasil dengan zikir. Kebinasaan adalah milik Allah SWT yang mendatangi bagi orang yang lalai, bukan kepada orang yang zikir. Nama Allah SWT adalah perlindungan Allah SWT ke atas hamba-Nya. Ia daripada Allah SWT bukan daripada selain-Nya di dunia dan akhirat selama-lamanya. Maka hadir bersama-Nya, sesungguhnya kamu memperoleh peringatan yang nyata daripada-Nya. Penyingkapan diri (Tajalli)²⁸⁷ Allah SWT pada hamba-Nya menyeru mereka bersama di sisi Allah SWT berjaga daripada lalai, menambah dan meningkatkan lagi pendakian kesempurnaan yang lahir daripada kekuatan kepada perbuatan dengan pemeliharaan Ilahi (*al-Tarbiyyah al-Ilahiyyah*).

Apabila sempurna kehadiran hamba bersama nama Allah, maka hadirlah dengan nama itu (*al-Ithm*) apa yang dinamakan (*al-Muthamma*). Itulah tujuan yang tertinggi daripada zikir dan nama-nama-Nya sehingga ia ghaib daripadanya dan daripada sesuatu, maka tidak didapat kesan ghaibnya pada bekas kerana ia diperisai dengan nama-nama yang disaksikan, iaitu yang dinamakan (*al-Muthamma*). Maka ia tidak dimudharat oleh sesuatu walaupun binatang buas, penyakit, penderitaan, peperangan, malapetaka dan semua yang dibenci atau disukai kerana kejahanan yang dibenci sentiasa mengelilingi hamba-hamba. Maka perisailah dengan nama-nama Allah SWT daripada semua keburukan. Nama-nama Allah SWT adalah buruan dan ikatan, maka berdoalah dengannya zahir dan batin serta awal dan akhir. Ia adalah kunci dan pembuka, bagi setiap burung ada sayap dan tiada sayap. Pencapaianmu adalah dengan kadar perasaan belas kamu dengannya dan manazil kamu

daripadanya. Semua kebinasaan adalah khadammu agar kamu berzikir kepada Allah SWT dan membantumu mentaati Allah SWT dan saudara-saudaramu pada “Sesungguhnya orang beriman adalah bersaudara”.²⁸⁸ Maka jangan kamu meninggalkannya dalam lautan syurga zikir kepada Allah SWT. “Kemudian panggilah mereka, nescaya mereka datang kepadamu dengan segera.”²⁸⁹ Sesuatu yang mati hidup dengannya dan yang hidup pula mati dengannya. Sentiasalah beradab bersama nama-nama-Nya, nescaya kamu dikurniakan adab daripadanya. “Dan sebutlah nama Tuhanmu pada waktu pagi dan petang. Dan pada sebahagian daripada malam, maka sujud kepada-Nya dan bertasbih kepada-Nya sepanjang malam. Sesungguhnya mereka (orang kafir) menyukai kehidupan dunia dan mereka tidak mempeduli kesudahan mereka, pada hari yang berat (hari akhirat).”²⁹⁰ “Syurga adalah lembah rata dan pohnnya adalah (أَكْبَرُ سَبَّحَنَ اللَّهَ وَلَا تَنْدِلْهُ اللَّهُ وَلَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ).”²⁹¹ Maka tanamlah ia sekarang. Ini akhirat yang dapat kamu perhatikan tentang apa yang kamu sediakan untuk hari esok. Jadi orang yang hadir pada hari akhirat dan yang melihatnya, “sesungguhnya mereka suka kepada kehidupan dunia dan tidak mempeculi kesudahan mereka”,²⁹² bermaksud bahawa di hadapannya adalah hari akhirat yang berat. Allah SWT telah meringankan beratnya daripada kami dan kaum muslimin dengan kemurahan-Nya dan Dialah yang menghilangkan kedukaan, kesengsaraan dan keberatannya daripada kami. Sesungguhnya Dialah yang Maha Mengasihi kami. Beradab dengan adab menanggung sesuatu yang berat, iaitu dengan bersabar kerana Allah SWT dan berjihad pada jalan-Nya. Dan jangan kamu meringankannya dengan mengikut syahwat pada masa sekarang sedangkan ia akan memberatkan kamu pada masa depan. Syahwat yang meringankan kamu itu adalah nerakamu dan perkara-perkara yang kamu benci, iaitu ketaatian yang berat ketika tarikan nafsu syahwat adalah syurgamu dan punca kebaikanmu. Maka hendak kamu bersama ketaatian sehingga ke akhir, “kerana peringatan itu bermanfaat, maka orang yang takut (kepada Allah) akan mendapat peringatan.”²⁹³

Jika binatang tunggangan engkar kepada kamu atau orang yang bersamamu, maka katakanlah di telinganya, “Apakah kamu mahu mencari-cari selain daripada agama Allah, sedangkan semua yang ada di langit dan bumi sujud kepada-Nya sama ada dalam keadaan patuh atau dipaksa. Dan kepada-Nyalah kamu semua dikembalikan,”²⁹⁴ nescaya dia akan kembali iaitu daripada melakukan keengkaran. Agar kamu dapat mengetahui faedah nama-nama *al-Ilahiyyah* yang datang daripadamu dan dijadi bukti untukmu. Binatang-binatang mengetahui nama-nama *al-Ilahiyyah* lalu ia menyahutnya daripadamu serta menyerah diri dan patuh dengan izin Allah SWT. Dan jika binatang itu berteriak atau tidak, maka katakan sebanyak tiga kali, “Wahai hamba Allah! Berhentilah kamu”²⁹⁵

Dan perbanyakkan berdoa untuk dirimu dan orang yang kamu kasih dengan *zahr al-Chaib*.²⁹⁶ Sesungguhnya ia diperkenankan kepadamu seumpamadoakepadanya. Dan jangan lupa bersedekah pada awal perjalanan, ketika dalam perjalanan dan ketika selesai dan pulang, kerana ia adalah kunci hadrah Allah SWT dan lidah munajat semua orang yang sedang mengeluh. Semua kebaikan adalah sedekah. Justeru, bersedekah walaupun dengan

فَوْزٌ إِلَّا بِالْغُلْمَانِ الْعَظِيمِ بِسْمِحَانِ اللَّهِ وَالْخَنْدَقِ وَلَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَلَا أَكْبَرُ وَلَا حَوْلٌ وَلَا

Katakan bahawa ia adalah sedekah daripada Allah s.w.t pada umat Muhammad SAW, atau katakan salah satu kalimah daripadanya. Sesungguhnya ia adalah sedekah yang sempurna. Maka yang dikasih telah mengurniakan kepada yang dikasih. Dengan ketentuan kehendak yang meminta akan terjadinya permintaan. Nafkahkan apa yang kamu suka, bukan yang kamu benci bagi menyahut bimbingan Allah SWT dalam firman-Nya: "Kamu tidak akan sama sekali dapat mencapai kebaikan sehingga kamu menafkah apa yang kamu sukai."²⁹⁷ Maka jadi orang yang mendengar. Ketahuilah! bahawa kurnian-kurniaan kepadamu adalah daripadamu dan kepadamu, maka jangan kamu melampaui selamanya. Berbuat ihsan dengan sebagus-bagusnya pada *hadrah al-Mihsan*, agar Allah melimpahimu sedekah-sedekah *hissi* dan *ma'nawi* dengannya. Maka beri sedekah dengan tersembunyi, jiwa yang baik, dada yang lapang dan tidak berpaling lagi kepadanya, serta redha yang sempurna dan pujian kepada Allah meskipun pemberiannya sedikit kerana dalam keadaan ini, walaupun ia sedikit, namun ia adalah banyak jika dikehendaki oleh Allah SWT disebabkan ia dilakukan ikhlas semata-mata kerana Allah SWT dan dengan izin-Nya.

Semua ini daripada akhlak yang mulia, iaitu adab bersama Allah SWT dan kerana Allah SWT. Maka perelokkanlah adab, ia akan memperbanyak yang sedikit dan diterima. Seperti akhlak buruk akan mengurangi yang banyak, sekali pun ia tidak menghapuskannya. Maka ikhlas kepada Allah SWT pada semua urusamu dan hilangkan daripada dirimu niat untuk berubah semasa perjalanan, kerana niat hendak mengiringi amalan sehingga ia sempurna. Seperti dengan niat keluar daripada solat, telah menyebabkan seseorang itu keluar daripadanya. Demikian juga perkara ini. Maka awasilah daripada perubahan niat. Dengan niat ia masuk dan dengannya ia keluar. Sesungguhnya disebabkan keadaarnya yang masih baru, maka dapat dirujuk kembali niat dengan izin dan keampunan Allah SWT kerana perubahan niat ialah amalan hati, daripada hati dan pada hati kepada Allah SWT. Allah-lah yang memerhatikannya. Maka ketetapan hukum demikian ketika lewat atau semasa masih ada dan ketika kembali kepada perintah Allah SWT dengan segera adalah seumpama sumbu pelita jika ia terpadam. Selagi masih ada asapnya yang kelihatan, dicium bau

pelita yang datang kepadanya dan bersambung cahaya dengan asap yang ada pada sumbu, maka telah diturunkan cahaya pelita pada tempatnya, iaitu lilin sebelum cahaya itu sampai kepada lilin.

Ini perumpamaan yang didatangkan Allah SWT kepada orang yang mempunyai akal (*ulu al-Albab*) tentang ahwal hati dan apabila ia terpadam dengan nafsu syahwat yang menarik sesuatu yang bertentangan, dan mengenai hati yang segera kembali kepada pengertian, pengamatan dan keampunan Allah SWT pada urusan-urusan hati dengan kelembutan-Nya. Ini disebabkan apa yang terjadi pada dirinya lalu kemudian mendapat pertolongan dengan mengambil cahaya bersama asap kerana engkau memperoleh asap yang menjadi cahaya dan api lalu kemudian ia pun terpacam. Sentuhan kepanasan dan minyak yang kekal padanya menyebabkan ia basah sebelum menyala. Apabila sempurna masa, asap akan berakhir dan berlalu masa yang panjang selepas itu, maka ia memerlukan masa yang baru dengan pelita serta percantuman cahaya dan api dengan sumbu. Maka ia akan mencipta pembakaran kedua dan kesan yang baru. Sesiapa yang inginkan cahaya tanpa api kesungguhan (*mujahadah*)²⁹⁹ dan latihan adab, maka dia telah memasuki rumah-rumah tanpa melalui pintunya. Ia adalah tercela bukannya disukai walaupun dibolehkan demikian pada sesetengah *ahwal*. Maka peraturannya adalah kepada yang ghaib. Kamu tidak akan mendapati sunah Allah berubah selama-lamanya. Boleh jadi pada sesetengah *ahwal, hal* tersebut adalah pintu bagi yang membblehkaninya. Maka ingat tentang adab supaya kamu berbahagia dan bersedia dengan apinya yang membawa kemunculan cahaya. Semua ini adalah daripadanya.

Maka sertakan niat hingga sempurna semua urusanmu walaupun masih bersama pencarian seperti halnya solat agar kamu menjadi "orang yang *khushus* dalam solat."³⁰⁰ Semuanya adalah solat. Burung mengibir sayapnya ketika solat dan (Allah) telah mengetahui cara solat dan tasbihnya masing-masing.³⁰¹ Maka semuanya bersolat. Dia dengan solatnya seperti kamu dengan solatmu dan berterusan solatnya seperti berterusan solatmu. Maka ia pun menghadap dan menghadap. Dan kamu tidaklah berdosa disebabkan celaan yang aca padamu. Semua yang cantik adalah celaan sepertimana dikatakan:

Jika aku mati, maka hawa nafsu adalah sisipan hatiku.
Dengan penyakit hawa matilah kemuliaan.

Dan dikatakan kepadanya,kekalkanlah ia dan kekalkanlah ia.
Maka ia yang menambahkan kebaikan yang mengalir.

Ini sifat-sifat niat yang bangkit caripada keinginan dan sifat-sifat keinginan yang bangkit dari niat, azam dan tujuan. Ia adalah lembah-lembah tempat terbitnya pada Arash kehendak (*'Arsh al-Iradah*) yang sempurna, kerana kehendak (*al-Iradah*) adalah Arash zat (*'Arsh al-Zawat*) atau dhat. Kadangkala niat mendahului permulaan amalan dan menjadi makanannya hinggaalah ke akhirnya walaupun terdapat ruang kosong di antara amalan-amalan itu. Memadai niat pada sebahagiannya, bahkan ia telah sempurna. Dan niat hencak diperbaharui dengan andaian berlakunya perubahan. Ia seperti puasa, walaupun diselangi amalan-amalan yang banyak dan masa yang panjang dan seperti Islam yang lengkap dengan kalimah Tauhid. Maka ketauhidan menjadi semua ketaatan hamba, amalan yang mendekat diri kepada Allah SWT dan sembelihan sah, walaupun dengan tidak disebut nama Allah, kerana ia telah disebutkan dengan Islamnya, kerana dia membuat penyaksian (عَمِدَ رَسُولُ اللَّهِ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَأَنَّ). Sesungguhnya sabda Rasulullah SAW menjelaskan dan menjadi buktinya iaitu, “sembelihan orang Islam adalah halal”¹⁰¹ kerana dengan menjadi Islam telah membolehkan solat, haji dan semua ketaatan. Ia adalah syarat padanya. Demikianlah sembelihan, maka ingallah. Daripada hal inilah berlaku rahsia pada sunah yang menyebutkan bahawa pada permulaan semua perkara yang utama hendaklah dimulai dengan (بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ), diakhiri dengan (أَخْمَدَ اللَّهُ) dan yang lain-lain dengan zikir kepada Allah SWT. Berdasarkan inilah imam *al-Shaf'i* herpendapat halal sembelihan walaupun tidak dibaca (بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ) kerana sembelihan orang Islam adalah halal. Inilah rahsianya.

Telah dinyata sabda Rasulullah SAW mengenainya, “Jika seseorang di antara kamu hendak bersedekah kerana Allah sebagai sedekah sunat, hendak dia meniatkan sedekahnya kepada kedua ibu bapanya sekiranya mereka Islam,” maka pahalanya adalah untuk kedua ibu bapanya dan dia memperoleh pahala seperti kedua ibu bapanya dan tidak kurang sedikit pun pahalanya. Dan kerana Islam adalah syarat pada semua perkara yang dilakukan. Apabila terhasil syarat maka terhasil yang disyarat dengan izin Allah SWT. Demikian semua doa daripada semua orang Islam kepada sebilangan mereka, dan menghadiahkan pahala bacaan, dan beristighfar untuk mereka. Syaratnya mereka mestilah Islam, maka sampai pahalanya kepada semua orang Islam. Kehalusan Islam telah menghidupkan semua amalan orang Islam dan menyampaikannya daripada sebilangan mereka kepada sebilangan lain. Sebagaimana kalimah syirik menghapuskan bahkan mematikan orang yang mulia keturunannya dan tidak meninggalkan kebaikan bagi mereka, kerana tiada kebaikan yang telah dibina daripada ihsan, iaitu Islam. Inilah tempat peringatan bagi orang-orang yang berzikir.

Semuanya adalah selawat dan rahmat daripada Allah SWT kepada orang yang diberi petunjuk dan tetap dalam amalan dengan bergantung kepada niatnya. Semuanya beramat dalam bentuknya. Bentuk yang mencorak kamu adalah niat, maka ikuti bentuk jiwa amalannya kerana jiwa solat, haji atau orang yang ziarah adalah satu amalan yang menycreupai. Tiada yang membezakannya di antara seseorang dengan yang lain melainkan dengan niat. Tiada yang dapat dibalas juga melainkan dengannya.

Tiada perbezaan *maqamat* mereka pada amalan dan lainnya melainkan dengan niat-niat yang mencorak mereka dan apa yang menurutinya pada baris atas (*faihah*), baris bawah (*kasrah*), baris hadapan (*dammah*), tanda mati (*jazm*), tanda ganda (*muda`af*), tanda sabdu (*mushaddad*), tiada sabdu (*mukhaaffaf*), hidup dan mati pada perbuatan-perbuatan (*al-Af`al*) nam-nama (*al-Asma'*) dan huruf-huruf (*al-Huruf*). Maka niat telah menjadi pendorong makna (*al-'Amil al-Ma'awi*) pada perkara ini atau niat sendiri adalah pendorong (*al-'Amil*). Maha Suci Allah, Dia-lah sebaik-baik yang menjadikan. Dia-lah yang menjadi manusia daripada air dan tanah, Dia-lah yang menjadi seketul darah sebuah tulang, seperti gunung dan Dia-lah yang membaluti tulang dengan daging. Sentiasalah! wahai orang yang mengasih! jadikan ombak rindumu meningkat, sakit rindumu hergejolak, api tanggunganmu bernyala-nyala dan hati hitammu dinyala dengan tamparan gelombang-gelombang ahwal batin tersebut yang mencair sifat kedekut yang membeku dan membebas tangan yang pemurah dengan jiwa dan harta pada mencintai Kekasihmu SAW yang mulia secara berterusan sehingga engkau dikejut dengan penyaksian Kekasihmu SAW secara batin. Seolah-olah engkau melihatnya, rumah dan kesan-kesan peninggalannya, maka engkau memuji ketika dalam perjalanan dan tempat perjalannya. Dan sekiranya hebat perjalannya, maka itu adalah saat *'atin al-Yaqin* selepas *'ilm al-Yaqin*. Semoga Allah SWT mengurniakan kamu dengan hak-Nya jika kamu *bertawasul* kepada-Nya dengan hak-Nya. Di samping itu, kamu menuju dengan maksud menziarahinya termasuk juga dalam sedekah. Maka perbanyakkan selawat dan salam ke atas Rasulullah SAW di sisinya dengan kadar *halmu*. Boleh jadi diammu adalah bicara dan sibukmu dengan zikir adalah doa permintaan. Maka kamu akan dikurniakan apa yang paling *af'dal* daripada apa yang dikurniakan kepada orang yang berdoa. Dan boleh jadi itu adalah *ahwalmu* yang sempurna. Maka jadilah apa yang kamu temui di hatimu seperti itu saat ia datang. Itu adalah daripada kurniaan penerimaan ketika *hulul* di sisi Rasulullah SAW. Jika engkau perhatikan dengan mendalam, engkau dapat semuanya di dalam batin dan zahirmu adalah daripada pemberian dan kurniaan nikmat-Nya. Hendak engkau bersama-Nya. Tuluslah adab dan tabiatmu. Penuhilah dengan kesan-kesannya dan jangan engkau sibuk dengan pandangan dan

pendengaran yang sia-sia, dan cerita-cerita hikayat. Jadilah secara zat daripadamu untuk zat, moga cahaya kurniaan, kelebihan dan kemuliaan yang sempurna dan menyeluruh menjelma kepadamu kerana hati adalah tempat menemukan (*wijdan*)³⁰² Allah pada semua hal. Jadilah seperti kata-kata pemilik *al-Witrivyyah*³⁰³ r.h.:

Kami takut roh-roh berterbangan ketika dicabut dan
disiat daripada lipatan tulang rusuk.³⁰⁴

Tiada yang diberitahu melainkan apa yang ada. Maka bersangguh-sungguhlah, nescaya engkau akan menemui. Orang yang tidak bergetar (hatinya) ketika mendengar tentang kekasihnya SAW, bukan orang yang mulia. Apabila engkau mendatangi rumah yang mulia dan tempat-tempat turunnya wahyu Allah SWT gerakkan binatang tungganganmu dan awaslah agar jangan sampai ia diberi nikmat lebih daripadamu. Jika bertambah kasih sayangmu (terhadap Nabi SAW), hendak kamu berjalan kaki. Sesungguhnya jika seorang pahlawan berkuda berada dalam kesempitan, maka dia akan berjalan kaki. Maka halnya ialah pertemuan orang yang datang lalu bertemu dalam keadaan berhati-hati dan bergabung, seumpama pertempuran di medan peperangan. Ketika itu, berselawat padanya sebanyak yang boleh. Itu hal yang terbaik bagi pertemuan (*wijdan*). Demikian keadaan orang yang mengunjungi dan berhenti singgah di Madinah semasa hidupnya Rasulullah SAW. Mereka berjalan kaki dan berbudi bahasa ketika bertemu dengan Rasulullah SAW kerana Bagindalah matlamatnya dan perjalanan berakhir dengannya. Maka sebenarnya Bagindalah berada masa sekarang, sepetimana Baginda SAW berada pada semua keadaan.

Antara adabnya ialah masuk bertemu dengan Baginda SAW dalam keadaan yang paling sempurna dari aspek pakaian, mandian dan wangian kerana pertemuan dengan Baginda SAW adalah pertemuan akhirat yang berlangsung di dunia. Baginda adalah bahagian akhirat di akhirat yang terletak di Madinah yang terpelihara, bagi orang yang memahaminya. Maka Madinah meryerupai akhirat daripada akhirat di sisi orang yang memiliki penglihatan (*uthu al-Absar*). Orang yang berbuat ihsan mereka adalah orang yang beribadat, scolah-olah mereka melihat semua perkara adalah ibadat semata-mata.

Hendak engkau beraudab dengan memakai pakaian yang lebih dekat kepada khusyuk dan selamat daripada celaan. Jika tidak demikian, maka yang utama mestilah pakaian itu mencukupi dan mengubati, iaitu pakaian takwa yang menjadi penyingkap ujian kesusahan.

Apabila engkau sampai ke Tanah Haram maka ucapkan, "Ya Allah! Sesungguhnya ini adalah Tanah Haram-Mu, yang telah engkau haramkannya melalui lidah Rasul-Mu. Dia telah berdoa kepada-Mu agar menjadikannya dua kali ganda kebaikan dan keberkatan berbanding yang Engkau berikan kepada Mekah, maka harapkanlah ditiku daripada neraka, gandakan kebaikan dan keberkatan-Mu pada agama dan duniaku, juga kepada sesiapa aku kasih. Jadikan aku dari golongan orang-orang yang aman daripada azab dan kemurkaan-Mu di dunia dan akhirat. Gandakan bagiku dari tangan ihsan-Mu dengan keluasan kemurahan dan kurniaan-Mu. Berilah kelebihan kepadaku dengan kelebihan yang Engkau berikan ke atas orang yang memperoleh Inayah-Mu³⁹⁵. Berilah petunjuk kepadaku untuk berakhhlak mulia dan apa yang Engkau redhai di sisi-Mu dan Rasul-Mu, wahai Tuhan sekalian alam!. Ya Allah! Ampunilah dosaku dan kedua ibu bapaku dan rahmatilah kedua-duanya sebagaimana mereka mendidikku semasa kecil. Ampunilah juga ke atas shaykh-shaykhku, orang yang mengajarku kebaikan, orang yang ada hak ke atasku, orang yang memasuki rumahku dalam keadaan beriman dan kepada sekalian orang Mukmin dan mukminah, dengan rahmat-Mu, Wahai Tuhan yang Maha Pengasih!"

Adabmu pada setiap kali engkau hampir (ke Madinah) ialah dengan menghadirkan kekasih-mu (Nabi SAW) yang diziarahi dalam hatimu dan cerahkan dia matamu sehingga sebab-sebab kehadiran pun menghormati mu bersama Baginda SAW. Berdiri dengan adab yang mulia di sisi Nabi SAW seolah-olah engkau melihat Baginda SAW. Jika kamu tidak melihat Nabi SAW, maka sesungguhnya Baginda SAW melihatmu, agar dengan kefahaman dan tujuan itu kamu menjadi daripada golongan orang yang berbuat ihsan "sesungguhnya rahmat Allah amat dekat kepada orang yang berbuat ihsan."³⁹⁶ Apabila kamu telah sampai ke Madinah – semoga Allah memuliakannya – dan memasuki pintunya, ucapkan, "dengan nama Allah, apa yang dikehendaki Allah, tiada kekuatan melainkan dengan Allah, dan segala pujian hanya untuk Allah atas yang demikian," "Sesungguhnya ia daripada Sulaiman dan sesungguhnya ia بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ" jangan kamu lebih tinggi dariku dan datangkanlah kepadaku dalam keadaan Islam,³⁹⁷ "Tuhanku, masukkan aku *mudkhāl al-Sidq* dan keluarkan aku dari *mukhrāj al-Sidq*, dan berikan aku kekuasaan yang menolong, dan katakan, sesungguhnya telah datang hak dan lenyaplah batil, sesungguhnya kebatilan itu pasti akan lenyap."³⁹⁸ Dan pujiyah Allah SWT di atas nikmat-nikmat ini kerana ia mempermudah kamu berjalan kepadanya dan berusaha dengan pertolongan-Nya, serta menjadikanmu berjalan sebagaimana jalannya Rasulullah SAW dan

jalan generasi sebaik-baik kurun dan para malaikat yang mulia, seperti dikatakan:

Bumi di mana Jibril berjalan di tanah-tanahnya dan Allah memuliakan bumiinya dan menamakannya.

Dialah *Tayyibah* yang elok dengan keelokan Muhammad dan dengan kemuliaan ia mulia dan tinggi.

Biarpun engkau menuju Arasnya, maka sujud kerana Allah sebagai tanda kesyukuran kerana melihatmu yang telah mendidiknya.

Perbanyakkan selawat dan salam ke atas Rasulullah SAW kerana itu adalah perantaraan (*wasilah*) selawat Allah SWT dan para malaikat-Nya ke atasmu dengan keberkatan selawat dan salam ke atasnya. Semua itu adalah cahaya bagimu daripada Allah SWT yang mengeluarkanmu dari kegelapan-kegelapan kepada nur. Maka perbanyakkanlah ia. Setiap amalan adalah dengan niat. *Al-Sayyid ‘Ali* r.h., pengarang *al-Khulasah* telah memilih untuk memasukinya (Masjid Madinah) melalui Bab *Jibril* yang melalui tempat letak tapak kaki Rasulullah SAW. Sekiranya berupeya melakukannya ia adalah baik dari satu aspek. Jika tidak, masuklah melalui Bab *al-Salam* sebagai ikutan dengan Bab *Bani Shaybah* kerana ia adalah Bab *al-Salam*, dengan doa keselamatan. Ia adalah keuntungan dan *karamah*³⁹ yang umum. Jika tidak dapat juga, hendaklah masuk mengikut yang termampu untuk bertemu dengannya. Dan ucapkan ketika memasukinya, "Dengan nama Allah yang Maha pemurah lagi Maha Mengasihani. Segala pujian hanya bagi Allah. Tiada kekuatan melainkan dengan izin Allah yang Maha tinggi lagi Maha agung. Ya Allah! Kurniakan selawat ke atas Sayyidina Muhammad dan keluarga Muhammad sebagaimana Engkau kurniakan selawat ke atas Ibrahim dan keluarga Ibrahim. Sesungguhnya Engkau Maha Terpuji lagi Maha Mulia pada seluruh alam."

Niat iktikaf ketika memasuki Masjid Madinah dan katakan ketika kamu memasuki awal pintu, "Salam, rahmat dan keberkatan Allah ke atas mu, Wahai Nabi! Ya Allah! Bukalah bagiku pintu-pintu rahmat-Mu kerana Allah aku beriktikaf di masjid ini sehingga Allah mengizinkanku keluar." Katakan juga seperti ini pada semua masjid. Jika kamu mahu, solatlah *tahiyyah al-Masjid*⁴⁰ apabila kamu memasuki Bab *al-Jibril* dan telah melalui tempat yang mulia yang terdapatnya kesan-kesan tapak kaki yang suci, dan berdiri di sisi kekasihmu untuk mengucap salam ke atasnya. Jika kamu mahu, apabila memasuki Bab *al-Salam* dan sampai

ke *Rawdah al-Sharisah*, maka solat *tahiyyahlah* di sana. Dan kamu telah sampai ke tempat menghadap untuk berziarah dan ucapan padanya apa yang telah diilham Allah SWT kepadamu dengan kadar *halmu*. Sesungguhnya kata-katamu adalah daripada ungkapan (*magal*) dan *halmu*, *hal* dan kata-katamu adalah daripada *magalmu*. Ucapkanlah, "Salam ke atasmu, rahmat Allah dan keberkatan-Nya ke atasmu, Wahai Nabi!" Dan rasakan jawapan Baginda SAW ketika itu kepadamu secara ghaib. Iman terhasil pada yang ghaib dengan perkara ghaib yang diyakini. Ucapkan juga, "Salam ke atasmu, Wahai yang awal! Salam ke atasmu, Wahai yang akhir! Salam ke atasmu, Wahai yang batin! salam ke atasmu dengan salam yang diucap oleh Allah ke atasmu pada awal dan akhir, zahir dan batin." Dikatakan bahawa ini adalah *Tahiyyah Jibril* a.s. kepada Nabi SAW sehingga pada perkataan "Wahai yang zahir!" Demikianlah kami mendengarnya daripada Shaykh kami r.h., kemudian aku temui ia ditulis dalam *al-Khasa'is al-Kubra* oleh *al-Sayyuti*³¹ r.h., dan berakhir kepadanya.

Kemudian katakan: "Aku berlindung dengan Allah daripada syaitan yang direjam," "Sesungguhnya Allah dan malaikat-malaikat-Nya berselawat untuk Nabi. Wahai orang yang beriman! Berselawatlah kamu untuk Nabi dan ucapan salam penghormatan kepadanya."³² Kemudian ucapan, "Allah berselawat dan bersalam ke atasmu, Wahai Rasulullah!" sehingga sempurna sebanyak tujuh puluh kali. Maka malaikat yang ditugas untuk menjawabnya berkata kepada orang yang berziarah, "Dan Allah berselawat ke atasmu wahai Fulan bin Fulan", dan hajatmu tidak dihamparkan. Demikian dicatat daripada Ibn Fudayk r.h.³³. Maka orang yang meminta hendak memohon dan mengharap kepada Allah SWT untuk dirinya dan orang yang dikehendakinya daripada kedua ibu bapanya, shaykh-shaykhnya, zuriat keturunannya, orang yang dikasihinya dan lain-lain serta untuk kebaikan dua kehidupannya (dunia dan akhirat). Sesungguhnya suasana ini adalah keadaan diperkenan permintaan, khasnya ketika orang yang herhenti singgah (*nazil*) datang untuk menerima anugerah dan penentuan tempat perhentian (*manzil*).

Dan apabila telah selesai berbuat demikian bersama Rasulullah SAW, pergilah untuk mengucap salam ke atas Sayyidina Abu Bakr *al-Siddiq*³⁴ r.a. dan bertawassulah³⁵ dengannya kepada Allah SWT dan Rasul-Nya. Sesungguhnya *tawassul* dengannya hebat di sisi Allah SWT dan diterima di sisi Rasulullah SAW. Kemudian tujulah kepada Sayyidina *'Umar bin al-Khattab*³⁶ r.a. dan bertawassul dengannya seperti itu. Kemudian kembalilah menghadap wajah Nabi SAW yang mulia dan jadilah menurut kurniaan Allah SWT kepadamu. Jika tidak, katakan seperti yang telah kamu katakan pada awalnya, iaitu semuanya atau sebahagian

daripadanya mengikut bagaimana yang mudah bagi mu dan menurut ketetapan waktumu. Maka Bagindalah kekuasaan yang melaksanakannya pada semua urusan daripada sisi yang Maha Mempunyai Kekuasaan. Demikian secara ringkas atau sebahagian daripadanya yang berakhir dengan beberapa isyarat berkaitan bab kedua pada adab-adab orang yang berjalan, juga sebahagian daripada perkara-perkara sebelum dan selepasnya, iaitu ketika memasuki Madinah. Dan Allah-lah jua yang Maha Mengetahuinya.

Bab Ketiga

Martabat-martabat orang yang memasuki dan menetap di Madinah dan mengucap salam ke atas Nabi SAW berulang kali pada peringkat-peringkat yang berbeza serta pembahagian kemasukan mereka berdasarkan *ahwal* dan *usu*^[17] yang menjadi binaan amalan mereka dan berdasarkan amalan mereka di Madinah.

Niat yang tulus membeza antara dua orang dan dua amalan. Kedua-duanya dari segi zat adalah satu jenis sehingga berjenis-jenis yang tidak terkira dan tidak terhitung pada penceriman, martabat, *ahwal* dan tandatanda yang menunjukkan kelayakan dan *manazil* mereka daripada niat itu. Niat menjadikannya tepat dengan nama-nama Madinah yang mulia seperti asal pemberian namanya. Niat adalah darjah dan martabat bagi orang yang mengunjungi Madinah mengikut perbezaan *magamat* dan *ahwal* mereka padanya, kerana Macinah adalah desa bagi penghuni bandar dan desa. Bahkan penghuni langit memperoleh darjah sebagaimana penghuni bumi melalui apa yang mereka peroleh melalui seruan, rahmat dan khidmat kerana Allah SWT dengan jihad dan selainnya. Semuanya mempunyai peraturan dan sistem daripada Madinah. Dan sistem syariah telah datang daripada Madinah kepada semua, maka kepada Madinahlah ia kembali. Madinah adalah negeri akhirat di dunia bagi sesiapa yang melihatnya dengan pandangan masa depan. Apabila orang yang berjalan berjaya sampai kepada Madinah, orang yang menuju telah sampai padanya, telah berhenti bayang-bayang perjalanan pada kepalanya, telah tetap matahari matlamat pada pancaindera dan manfaat orang yang mencari, telah datang hak dengan selendang yakin, telah hilang syak dengan bukti mata dengan mata bagi orang yang menyaksikan mengikut kadar *manazil* mereka pada hal mereka dengan Madinah, maka Madinah telah mengurniakan mereka kurniaannya bergantung kepada niat-niat mereka, kerana semua memperoleh darjah terhadap apa yang mereka telah kerjakan. Mereka membangun tanaman darjah dengan Madinah. Mereka adalah orang yang

berjalan dengan tujuan menziarahi kekasih mereka yang mana kekasih itu lebih utama bagi mereka daripada diri mereka sendiri pada semua keadaan.

Maka mereka berjalan dan sampai dengan usaha dan keluasan itu dengan rahmat-Nya sehingga mereka sampai kepada yang dikasihi (Nabi SAW) dan dibahagi *manazil* pada *hadrah* Baginda SAW dan rumahnya dengan amalan-amalan mereka, kerana di dunia Madinah adalah penutup dan penghabisan selepas kehidupan yang pertama. Madinah adalah gambaran akhirat. Apabila orang yang berhenti berdiri lurus di hadapan Nabi SAW, lalu Baginda mclempar pandangannya yang mulia kepadanya dan menjawah salam ketika dia mengucapkan, "Sejahtera, rahmat dan keberkatan Allah ke atasamu, Wahai Nabi!" maka jangan dia menambah ucapannya melainkan dengan keadaan yang memerlukannya. Ulangilah ucapan tersebut dengan beradab, lemah lembut, rendah diri dan tenang. Semoga Allah SWT mempermudah orang itu mendengar jawapan Baginda yang mulia dengan menyaksikannya. Jika tiada, maka percayalah tentang pendengaran ghaib dengan yakin kerana jawapan Baginda SAW adalah pasti bagi orang yang mengucap salam ke atasnya. Sebab memulai salam adalah sunat dan menjawabnya pula wajib. Maka perhatikan tentang yang wajib itu lantaran memperoleh rahmat yang mendahului kemurkaan. Antaranya ialah firman-Nya dalam hadis qudsi: "Rahmat-Ku mendahului kemurkaan-Ku"³¹⁸ dan "Tuhanmu telah menetap sifat rahmat pada diri-Nya."³¹⁹ Dapat diambil daripada hadis ini, ialah kehidupan Nabi SAW yang berterusan dengan kehendak Allah SWT agar Baginda menjawab salam ke atas orang Islam selama mereka memberi salam ke atas Baginda SAW. Dan dapat diambil daripada hadis ini juga, ialah perasaan kasih sayang yang terdapat pada sebahagian daripada *taklif* ke atas Baginda SAW, seperti membalaq salam ke atas orang yang mengucap salam ke atasnya dan meminta keampunan untuknya. Membalaq salam mereka yang memberi salam kepada Baginda SAW dan beristighfar untuk mereka berlaku dengan perintah Allah SWT kerana Baginda SAW tetap hidup dan dikurniakan rezeki berterusan.

Ini ucapan hormat *tahiyyah* untuk mereka sendiri dengan diri Baginda SAW yang mulia tanpa perantaraan. Begitu juga *istighfar* Baginda SAW untuk mereka. Ini sebahagian daripada pemberian kepada orang yang berziarah. Baginda SAW berbicara dengan mereka dengan menjawab salam ke atas mereka. Ia adalah kisah-kisah semasa hidupnya. Sesungguhnya orang yang datang kepada Nabi SAW selepas kewafatannya juga adalah seumpama orang yang datang sebelum kewafatannya. Baginda menjawab salam mereka tanpa perantaraan. Ia adalah sebahagian daripada ciri-ciri khas *khususiyat* orang yang menziarahi Baginda SAW. Baginda SAW

kasih kepada orang heriman dan kasihnya itu berterusan kerana Baginda SAW adalah sama dari aspek masa dan tempat pada semua ketika.

Pengunjung Baginda SAW pasti memperoleh perasaan kasih sayang Allah SWT dengan kadar *hal* dan *maqamnya* dalam keadaan-Nya yang Maha Penerima Taubat dan Maha Pengasih. Semua taubat dan rahmatorang yang datang kepada Baginda SAW adalah dengan kadar penghijrahannya ketika mendatangi Baginda SAW mengikut tiga darjah penyucian. Di antara mereka ada yang menzalimi diri, ada yang bersederhana dan ada yang mendahului dengan kebaikan-kebaikan dengan izin Allah SWT. Semua *maqam* ini mengandungi jumlah yang tidak terkira dari kalangan orang yang menetap di Madinah.

Telah dinisbah yang dikuasai kepada yang menguasai dengan yang menguasai daripada semua yang menguasai, darjat-darjat tersebut adalah menyeluruh dan merangkumi semua perincian menurut kadar *hal* seperti yang telah telah diisyaratkan secara ringkas sebelum ini. Dan yang ringkas menjadi asas kepada perincian, maka perincian adalah daripada yang ringkas bagi sesiapa yang mengetahui. *Manazil* orang yang berpergian dikurniakan menurut ringkasan yang menyeluruh dan ketepatan yang tulen dengan kurniaan Ilahi pada nama-nama Madinah dan empat arahnya, serta arah atas dan bawah bagi alam lain, daripada kalangan orang yang menziarahi Nabi SAW, iaitu dari kalangan *ahlilLah* dan berkerohanian yang menziarahi Nabi SAW di Madinah yang mulia dan yang beristighfar kepada Allah SWT.

Kumpulan Manusia Pada Peringkat Pertama, daripada ziarah, *ahwal* orang yang herziarah dan *manzil* mereka dengan nama pertama daripada nama-nama Madinah, iaitu *Athrab*, dan yang menguasainya daripada nama-nama *al-Ilahiyyah* dan nama-nama *al-Muhammadiyyah* yang diperluas dengan kadar ketentuan mereka. Inilah darjat kebanyakan umat Nabi SAW. Mereka memperoleh taubat daripada Allah SWT dengan bertaubat daripada dosa dan memperoleh rahmat dengan taat serta penyerahan diri yang sempurna kepada Allah SWT daripada melakukan larangan dengan kadar *ahwal* mereka yang membawa kepada perbezaan darjat dan pergaulan mereka yang hanya dapat dihitung oleh Allah sahaja. *Maqam* dan *manzilah* mereka daripada Madinah adalah pada *hadrah* nama Madinah yang pertama, iaitu *Athrab*. Panggilan mereka dengan nama tersebut ringkasnya mengikut perbezaan mereka sama ada lambat atau cepat pada pendengaran ayat yang mulia berdasarkan firman Allah SWT “pada hari ini tidak ada cercaan terhadap kamu, Mudah-mudahan Allah mengampuni (kamu), dan dia adalah Maha Penyayang di antara para penyayang”⁵²⁰ kerana mereka adalah daripada kalangan orang yang bahagia walaupun terdapat sebab-sebab yang menghendaki mereka

bertaubat dan berhenti daripada berbuat dosa dengan takdir Allah SWT yang Maha baik lagi Maha Pengasih terhadap mereka. Sesungguhnya Allah SWT telah menjadi kcdatangan dan istighfar mereka serta istighfar Rasulullah SAW sebagai pembersih daripada kezaliman diri dengan izin Allah SWT.

Ini secara ringkas dari sudut orang yang mencari (*al-Talib*)²¹ iaitu mencari pembahagian mereka dengan persamaan semua yang menemui (*wijdan*) Allah SWT yang Maha Pengampun dan Maha Pengasihani ketika mereka datang dan beristighfar serta dalam perjalanan dan amalan mereka sehingga darjat mereka meningkat naik lagi. Adab mereka adalah adab Nabi SAW, permintaan mereka sebelum dan sesudah sampai kepada Baginda SAW adalah permintaan Baginda SAW, sehingga Allah SWT mengizinkan mereka berpindah ke *manzil* lain, kerana terjadi perjalanan adalah dengan izin-Nya, perhentian adalah dengan izin-Nya, menanggalkan dan meneroka juga adalah dengan izin-Nya seperti mana keterangan yang telah lalu, maka ingatlah.

Pada setiap satu *manzil* ini terdapat *manazil* yang tidak terkira dan tidak terhitung dengan bilangan orang yang sampai dan ia berterusan sehingga hari kiamat. Mereka memperoleh nama itu juga nama yang menguasai dan menyamainya daripada nama-nama Nabi SAW dan juga nama-nama *al-Itahiyah* seperti yang telah dinyatakan. Perluasannya berlaku pada semua nama, *hadrah*, dan *maqam* dengan bantuan nama-nama tersebut satu sama lain, seperti bantuan huruf-huruf *al-Hija'iyah* satu sama lain sehingga terbina perkataan daripadanya. Jika tidak, maka tiadalah terjadi perkataan. Demikian juga di sini dan pada semua *maqam* dan perluasan *manzil* itu hidup di *Dar al-Salam*. Maka jangan engkau sedih walaupun tidak melihatnya kerana dia dapat dilihat oleh sesiapa yang diperlihatkan oleh Allah SWT. Bahkan kamu tidak melihat mclainkan perluasan *manzil*, walaupun ia bersembuni darimu dan memperlihat dirinya kepada orang yang arif.

Madinah menyediakan *manazil* tersebut bagi orang yang berhenti singgah (*nazil*) kerana *manazil* adalah untuk semua *manazil*. Inilah sebahagian daripadanya. Mereka menduduki *manazil* nama dan manazil yang menguasainya, lalu bertemu lah kekuasaan-kekuasaan manazil, *karumah*²²nya dan tentera-tenteranya yang *hissi* dan *maknawi* dengan mereka. Ia telah membuka pintu-pintu khazanah dan rezeki dunia dan akhirat bagi mereka dengan kadar *aiwal* mereka, untuk kebaikan dua dunia pada masa mereka berhenti dan berjalan sebagaimana yang dikehendaki terhadap mereka. Sebab perjalanan dan perhentian adalah dengan kehendak-Nya seperti yang telah lalu. Maka ingat sehingga kamu dapat menemui (apa yang dicari). Sesiapa yang menemui, dia telah

dipertemu dan meminta dipertemukan. Inilah tabiat pengunjung Madinah sama ada segera atau lambat. Mereka bergerak dengan pertolongan Allah SWT di *salak*²²³ kehendak (*iradah*) Allah SWT dan lautan kekuasaan-Nya (*qudrat*), dan kepada-Nya tempat kembali bagi semua perjalanan. Maka nama ini yang menguasai mereka dan menjadi maqam mereka.

Pengunjung Madinah berpindah dari awal *maqam* ke pertengahan dan dari pertengahan *maqam* ke puncaknya serta ada di antaranya kepada maqam yang lain dengan berjalan, berpusing, di dunia, di akhirat dan di orbit dengan isyarat “semua sedang beredar-edar pada salaknya”²²⁴ sebagaimana ditunjuk mengenainya oleh semua yang berpusing pada orbitnya ketika pergi dan balik. Ia adalah pergi yang benar dan balik juga menurutinya tanpa menyalahi. Mereka memperoleh perluasan-perluasan dari semua nama Madinah daripada *hadrah* nama *Athrab* tersebut. Cukuplah *hal* dan *maqam* orang yang berhenti singgah (*nazil*) daripada nama-nama tersebut. Begitu juga dengan nama-nama *al-Ilahiyah* dan *al-Muhammadiyah* seperti yang disaksikan penghuninya. Nisbah adalah bagi yang menguasai dan peraturan berlaku untuk semua dengan kehalusan nama tersebut dan cahaya (*nur*)²²⁵ Allah, kerana ia (nur Allah) adalah pemimpin terkehadapan dan baki nama-nama lain adalah yang dipimpin. Ini berlaku pada semua *hal* selamanya pada semua nama, makanan, tempat, masa, dan orang, sebagaimana pada percampuran (*al-Amzijah*), *al-Ahwat* dan huruf yang berbagai-bagai pada seorang individu. Panggilan adalah dengan nama yang menguasainya. Demikian keadaannya pada orang yang menziarahi Nabi SAW, para Nabi dan Rasul serta semua orang soleh.

Telah dinyata bahawa nama Nabi SAW di sisi penghuni syurga ialah *'Abd al-Karim*, di sisi penghuni neraka ialah *'Abd al-Jabbar*, di sisi penghuni *'Arsh* ialah *'Abd al-Hamid*, di sisi semua malaikat ialah *'Abd al-Majid*, di sisi para Nabi ialah *'Abd al-Wahhab*, di sisi para syaitan ialah *'Abd al-Qahhar*, di sisi jin ialah *'Abd al-Rahim*, pada gunung-ganang ialah *'Abd al-Khaliq*, di daratan ialah *'Abd al-Qadir*, pada lautan ialah *'Abd al-Muhaimin*, di sisi ikan ialah *Abd al-Quddus*, di sisi burung hantu ialah *'Abd al-Ghayyath*, di sisi binatang liar ialah *'Abd al-Razzaq*, di sisi binatang buas ialah *'Abd al-Salam*, di sisi binatang berkaki empat ialah *'Abd al-Mu'min*, di sisi burung ialah *'Abd Ghaffar*, dalam Taurat ialah *Mawadh Mawadh*, dalam Injil ialah *Taba*, dalam *al-Mushaf* ialah *'Aqib*, dalam Zabur ialah *Faruq* dan di sisi orang yang beriman ialah Muhammad SAW. Gelaran Baginda SAW ialah *Abu al-Qasim* kerana Baginda SAW membahagi-bahagikan syurga di antara penghuninya seperti yang dinyata oleh pengarang *al-Mewahib* i.h. dan pengarang-pengarang lain.

Daripada nama-nama ini dapat diketahui *manazil* dan *maqamat* setiap orang mengikut apa yang telah ditentu baginya. Nama-nama adalah *manazil* bagi yang diberi nama dan orang yang mendudukinya. Dengan nama-nama tersebut, Allah SWT menyingkap diri (*tajalli*) pada hamba-hamba-Nya dan orang yang lari telah berlari kepada-Nya dengan *hadrah* nama ke *hadrah* nama, dan orang yang hadir pula benci dengan *hadrah* nama kepada *hadrah* nama. Kedua-duanya adalah kerana Allah SWT. Dia-lah yang menyingkap diri (*tajalli*) dengan kedua-duanya dan pada kedua-duanya bagi hamba-hamba-Nya. Perbezaan terjadi berdasarkan persediaan dan pembahagian orang yang menerima kerana mereka seumpama bekas untuk mengisi air lautan yang boleh memasuki semua bekas. Air itu pula bertukar warna mengikut warna bekasnya serta menjadi bentuk dengan beniuknya. Maka ingat! Tiada selainnya yang memberi peringatan di sisi orang yang beringat, dan berzikirlah. Sesungguhnya berzikir mengingati Allah adalah yang paling utama. Maka yang dinamakan dari segi zat ialah yang menghimpun nama-nama, kerana tiada nama bagi zat melainkan apa yang ditentu daripada semua nama-nama. Oleh itu, zat dipanggil dan diguna pakai dengan nama tersebut. Dan Dia-lah yang mengetahui di sebaliknya, maka dengan nama yang paling tinggilah zat akan dipanggil. Nama-nama adalah *mīraj*³²⁶ orang yang menyeru pada semua *maqam* pergi dan datang serta turun dan naik dari *hadrah* Rasulullah SAW kepada orang yang berziarah dan daripada *hadrah* Allah SWT kepada semua orang yang memohon kepada-Nya. Ada pula antara mereka kepada Allah SWT dan kepada Rasulullah SAW sebagai *Khalifah al-Rahman* yang tinggal di Madinah dan menghimpun semua kewujudan. Maka *manazil* terjadi berterusan menurut penguasaan *hadrah* nama daripada nama-nama Madinah, *al-Nabawiyah* atau *al-Hahiyyah*, lalu Madinah telah mengandungi dengan sebenarnya keselarian yang sempurna bagi nama-nama dan *maqamat* pada semua *maqam* Islam, Iman dan Ihsan. Itulah agama yang benar. Seperti dimisbah Nabi SAW pada semua *al-alam* dengan nama yang menguasai mereka daripada nama-nama Allah SWT. Sesungguhnya mereka mengetahui dengan pengetahuan-Nya terhadap semua nama. Demikian urusan orang yang berziarah sehingga hari kiamat, begitu jugalah urusannya di akhirat. Maka jangan kamu rasa pelik dengan apa yang kami telah katakan tentang *manazil* orang yang berjalan dan darjat-darjat mereka daripada nama-nama Madinah, nama-nama Nabi yang mulia dan nama-nama Allah SWT.

Sesungguhnya nama-nama tersebut berjalan pada mereka pada suasana kemampuan mereka untuk melaksanakan tanggungjawab pada dirinya dan menurut yang menguasai mereka selamanya. Sesungguhnya ia

adalah kebenaran daripada Tuhan mereka. Maka nama-nama *al-Ilahiyyah* daripada semua yang dinamakan adalah *Jabarut*, *Malakut*-Nya, dan nama-nama Muhammad SAW adalah *Mulukut* kekuasaannya dari aspek *manazil* dan adalah *malakut* nama-namanya dari aspek seruan nama-nama yang diambil daripada perbuatan-perbuatannya yang dilakukan semata-mata menurut apa yang ia hendak lakukan, dan ia diterima dengannya.

Ini secara ringkas mengenai keampunan, taubat dan rahmat ke atas manusia dari *hadrah* perasaan kasih sayang Ilahi dengan sebab menziarahi Rasulullah SAW dan beristighfar cengarinya. Mereka adalah ‘alam-alam yang tidak terhitung dan tidak terkira melainkan oleh Allah SWT sahaja. *Ahwal* mereka berbeza pada *maqam* yang satu sekira-kira tiada serupa antara satu dengan yang lain, seperti bentuk dan rupa paras mereka. Demikian *maqamat* mereka pada setiap *maqam* dan perbuatan mereka. Begitu juga Islam, iman dan ihsan, dan pada semua manusia disebabkan perbezaan mereka padanya. Mereka memperoleh nama-nama *al-Muhammadiyyah* dan apa yang mengikutinya, seperti *Abd al-Salam*, *Abd al-Qudus*, *Abd al-Ghafir*, dan nama-nama *al-Ilahiyyah*, seperti *al-Tawwab*, *al-Barr*, *al-‘Afw*, *al-Hadi*, *al-Quddus*, *al-Salam* dan *al-Ghafir*.

Kumpulan Manusia Pada Peringkat Kedua daripada peringkat ziarah dan orang yang menziarahi Rasulullah SAW serta memohon keampunan Allah SWT. Mereka memperoleh taubat dan rahmat Allah SWT daripada pandangan ketaatan dengan dipelihara daripada melihatnya ketika ia muncul daripada mereka. Allah SWT menutupi pandangan mereka daripada melihatnya. Kewajipan mereka terhadap Allah SWT berlaku dengannya, lalu mereka berhati daripada melihat ketaatan dan pekerjaan disebabkan penutupan Allah SWT. Dengan itu, mereka melihat pekerjaan adalah suatu kekurangan dengan kadar *hal* mereka. Lalu mereka meminta agar Allah SWT menutupi pandangan mereka selama berkekalan nya penyaksian terhadapnya. Kewajipan mereka terhadap Allah SWT berlaku dengannya, bersama dengan pemeliharaan yang sempurna dan amalan yang hebat yang diperolehnya dengan keluasan dan keikhlasan kepada Allah SWT. Mereka adalah suatu ‘alam yang tidak terkira dan peringkat *maqam* yang tidak dapat dikira melainkan oleh Allah SWT dan orang yang dikhendaki-Nya.

Maqam mereka daripada nama-nama Madinah yang mulia ialah *Ard al-Hijrah*, dan baki nama-nama Madinah memperluas mereka padanya, seperti golongan yang awal dan akhir, disebabkan penghijrahan mereka daripada akhlak yang terpuji kepada akhlak yang lebih terpuji lagi daripadanya. Sebagaimana penghijrahan golongan awal daripada akhlak yang keji kepada yang terpuji. Niat mereka yang suci dan tujuan mereka

yang mulia menentukan *maqam* mereka melalui perlakuan mereka dengan Allah SWT kerana darjat adalah daripada amalan, dan amalan mengikuti niat hijrah. Sesiapa yang hijrahnya kepada Allah SWT dan Rasul-Nya jadilah darjat dan jalannya kepada Allah SWT dan Rasul-Nya. Sesiapa yang hijrahnya kepada dunia yang dicarinya atau perempuan yang mahu dinikahinya, maka hijrahnya adalah kepada apa yang dihijrahnya dan darjatnya juga berlaku demikian. Dan perluasan Ilahi untuk semua terjadi dengan keluasan firman-firman-Nya, "Tiap-tiap golongan dari keduanya (golongan dunia dan golongan akhirat) Kami hulurkan kepada mereka dari pemberian Tuhanmu,"²⁷ "dan semua dipermudah untuk tujuan ia dicipta,"²⁸ maka baginya usaha dan dia mendapat *manzilah* atas usahanya.

Ini ringkasan *al-manazil* bagi semua orang yang berhenti singgah (*nazil*) pada setiap *manzil*. Mereka memperoleh taubat dan rahmat daripada Allah SWT dengan menziarahi Rasulullah SAW. Maka taubat dan rahmat Allah ke atas mereka dengan menziarahi Rasulullah SAW dan istighfar mereka di sisiya membebaskan mereka kepada Allah SWT dan Rasul-Nya daripada menyaksikan keburukan mereka, walaupun berpunca daripada mereka, dengan pemakaian baju kurniaan daripada Allah SWT dan daripada Rasul-Nya, seperti mana firman Allah SWT "Dan ingatlah (Wahai Muhammad !) ketika engkau berkata kepada orang yang telah dikurniakan oleh Allah (dengan nikmat Islam) dan yang engkau juga telah berbuat baik kepadanya."²⁹ Demikianlah ia berlaku seperti itu sehingga hari pembalasan daripada kurniaan Allah SWT kepada Rasulullah SAW untuk semua orang yang berziarah dan berkunjung. Mereka memperoleh nama-nama *al-Muhammadiyah* dan apa yang mengikutinya seperti *al-Mahi* dan *al-Rahim*. Begitu juga keadaannya daripada nama-nama *al-Ilahiyyah*. Tidak terselindung daripadamu, Wahai orang yang melihat dengan mendalam! apa yang sesuai dengannya seperti nama *al-Mamman*, *al-Karim* dan *al-Wahhab* pada dua *al-Hadrah*, kerana akhlak Nabi SAW adalah al-Quran seperti yang dikatakan oleh Umm al-Mu'minah r.a.. Nama-nama *al-Ilahiyyah* juga adalah nama-nama baginya dan turbanan nama-namanya di sisi orang yang dinamakan dengan nama-nama itu. Maka sebahagian nama berlaku pada semua *al-Hadarat*. Dan nama inilah yang menguasai. Sesetengahnya menghususkan sesetengah *al-Hadarat* dari satu segi. Itu adalah sedikit mengikut peraturan semua dalam semua. Akan tetapi disebabkan oleh sebahagian daripada yang menguasai dan dikuasai, maka menonjollah sebahagian nama daripada sebahagian yang lain, dan berturutan sebahagian dengan sebahagian yang lain. Maka ingatlah itu pada semua bakinya.

Ketahuilah! Sesungguhnya perasaan kasih sayang sebahagian nama-nama terhadap sebahagian yang lain adalah kasih sayang zat daripada

zat yang kamu dapatinya daripada semua zat dan sebahagiannya. Kamu sahutlah kemunculan wujud secara zat daripada semua yang ada dan kerana ia tidak boleh terbahagi dalam apa jua bentuk dan iktibar. Itu yang dinamakan oleh hukama perubatan dengan *al-Khasiyyah*,³³⁰ maka melonjak sesuatu dengan sesuatu serta lari dan menjauhilah apa yang bertentangan dengannya. Penggabungan-penggabungan pula menyeru zat dan ia menyahutnya kerana mempunyai pengetahuan tentang nikmat-nikmat penggabungan, kerana yang wujud bersifat dengan amat mendengar dan amat melihat pada semuanya. Demikian baki sifat-sifat lain tanpa mata bulat, lubang telinga dan anak tekak. Maka makna-makna kelihatan pada binaan-binaan kalimah pada sesiapa yang mengetahui dan mengambil berat mengenainya. Demikian nama-nama *al-Ilahiyyah*, *al-Muhammadiyyah* dan *al-Madaniyyah*, serta perbuatan-perbuatan *al-Ilahiyyah* dan makhluk. Maka cerilah, sesiapa yang telah menemuinya, berhentilah! Sesiapa yang berhenti pada *hissi* dia berjalan pada *maknawi*, maka ambil *maknawi* dengan makna iri, wahai *maknawi*!

Kumpulan Manusia Pada Peringkat Ketiga daripada peringkat ziarah dan orang yang menziarahi Nabi SAW yang memohon keampunan kepada Allah SWT untuk mereka. Allah SWT mengurniakan taubat dan rahmat-Nya, iaitu dengan mereka melihat diri berada pada dua ‘alam, yakni ziarah dan amalan. Lalu mereka melihat gerak dan diam *al-Haq* seperti keadaannya yang berlaku dan mereka menyaksikan sedia berdiri-Nya dan terjadi urusan sebagaimana yang Dia kehendaki tanpa ada pembantu dan sekutu bagi-Nya. Maka mereka melihat rahsia kekuasaan yang kelihatan pada mereka seperti kelihatannya lampu di sebalik jirim kaca. Jika berbilang-bilang jirimnya disebabkan berpasangan, maka mereka melihatnya juga demikian. Cahaya kekuasaanlah yang mengikuti mereka kerana penyaksian kekuasaan telah menguasai mereka, “dan Allah menjadikan kamu dan apa yang lakukan”³³¹ di hati mereka bersama pemeliharaan Allah SWT yang sempurna dan kelembutan-Nya terhadap mereka. Pada ketika itu, mereka melihat diri mereka adalah serupa. Seperti keadaan pakaian yang terdapat pada badan. Ia bergerak dengan pergerakan badan dan diam dengan diamnya badan. Seperti juga pen di tangan dan jasad pada roh yang mengikuti pergerakannya. Maka golongan pada peringkat ini malu kepada Allah SWT untuk menisbah kelebihan amalan mereka kepada diri mereka, dalam keadaan mereka melihat atau memberi perhatian kepadanya dan memerhati sifat berdiri dengan sendirinya yang terjadi terhadap mereka.

Mereka adalah golongan daripada umat Muhammad SAW yang lebih tinggi daripada golongan pertama. Golongan pertama sedang menuju kepadanya apabila mereka sedang berjalan. *Manzil* mereka daripada

nama-nama Madinah ketika menziarahi Nabi SAW ialah *Akkalah al-Qura* dan *Akkalah al-Buldan*, kerana *al-Qura* bermakna kampung dan *al-Buldan* bermakna negeri. Maka mereka pergi ke tempat permulaannya, “sebagaimana Dia menjadikan kamu pada permulaan, demikian pula kamu kembali pula kepada-Nya.”³³⁷ Baki nama-nama lain cipeluas bagi mereka seperti golongan awal dan akhir. Mereka mengandungi dan terangkum dalam sifat kekuasaan al-Ilahiyyah dan kehendak *al-Qayyumiyyah*³³⁸ yang azali. Mereka memperoleh nama-nama al-Ilahiyyah, iaitu nama-nama yang mengikutinya seperti *al-Salam*, *al-Latif*, *al-Kafi* dan *al-Hadi* bersama semua nama-nama *al-Muhammadiyyah* *al-Ahadiyyah*, seperti *al-Quddus*, *al-Qarib*, *al-Khasiy*, *al-Khadir* dan *al-Zahid*. *Al-Manzil* iringi terdapat pada umat Muhammad SAW yang tidak terkira jumlahnya daripada kalangan orang yang datang dan tinggal di sisi Nabi SAW.

Itu *manzil* mereka dengan perintah Nabi SAW pada *hadrah* yang umum untuk memperbaiki jiwa dan *usiq* mereka serta perluasan zahir dan batin mereka kerana Nabi SAW lebih utama bagi mereka berbanding diri mereka sendiri, melalui rahsia khilafahnya yang menghimpun dan menyeluruh, dengan apa yang dikehendaki oleh Baginda SAW terhadap mereka. Mereka memberikan perhatian kepada Nabi SAW serta mereka menetap dan diam dengan urusannya pada semua tempat tanpa mereka melihat pada diri mereka. Bahkan mereka tidak melihat melainkan Nabi SAW. Mereka memperolehi Islam, iman dan ihsan dengan kadar *maqam* dan *hal* mereka seperti golongan terdahulu dengan kadar *ahwal* mereka walaupun mereka tidak merasai pentadbiran itu, seperti pentadbiran matahari, bulan dan hembusan angin pada badan apabila ia berhembus. Ada yang merasainya dan ada yang tidak merasainya. Orang yang merasainya adalah insan, dan yang lain pula diturunkan daripadanya, lalu ia merasai dengan perasaan halus yang mendorong dan menerimanya. Maka jangan engkau jalai darinya.

Kumpulan Manusia Pada Peringkat Keempat daripada peringkat ziarah dan orang yang menziarahi Rasulullah SAW, yang memohon keampunan Allah SWT di sisi-Nya. Mereka memperoleh taubat dan rahmat mengikut kepastian mereka dengan perubahan keadaan yang membentuk mereka kerana pengawasan kepada keagungan dan kemuliaan Baginda SAW. Maka mereka tidak melihat dan menemui kesan yang dapat diperhati pada mereka. Mereka tidak melihat melainkan Baginda SAW. Allah SWT telah memperelok mereka dengan Nabi SAW lalu mereka mendapatkan keelokan itu di sisi kekasih-Nya SAW. Sepertimana Dia memperelok ke atas golongan awal dan mereka mendapatinya-Nya Maha Penerima Taubat dan Maha Pengasih terhadap apa yang mereka minta di sisi kekasih-Nya SAW. Oleh yang demikian, mereka pasti mendapat syafaat pada *maqam*

mereka seperti golongan yang telah mendahului dan mendampingi (*al-Sabiqun wa al-Lahiqum*), kerana setiap orang yang mendiami bumi *al-Haram* pasti mendapat kemuliaan dan kerana ketetapan rahmah dan taubat bagi setiap orang pada *maqamnya* diperoleh dengan kadar kehadiran dan istighfaranya pada masa sekarang dan akan datang serta persediaan yang benar disebabkan perasaan kasih sayang Allah SWT yang menuruti kedatangan dan *istighfar* tersebut.

Semua ini berada pada *maqam* dan kemuliaannya, pada waktu datang dan pergi. Jika berlaku halangan-halangan yang lalu dengan ketentuan-ketentuan *al-Iiahiyyah* untuk penghuni *maqam* pada *maqam* mereka, iaitu sesuatu yang menyebabkan turun *maqam* tersebut daripada kedudukan yang tinggi kepada yang sederhana atau rendah, atau ia menaik kepada keadaan yang terpisah daripadanya, maka syafaat Nabi Muhammad SAW adalah tempat tinjauan yang akan membawanya sekarang dan berterusan sehingga sampai ke *Dar al-Aman* dan *al-Qarar* serta tempat penyucian daripada percampuran *al-Manzil*, amalan dan orang yang mendiaminya. *Maqam* tersebut kembali dengan peringatan dan penglihatan yang mendalam di sisi cita rasa yang halus (*dhanwq*) yang menolak *hal* yang awal. Lalu ia merafokuskan pencerusannya dengan beristighfar dan menghalakan rohnya kepada roh dar jasad kekasihnya. Iaitu setiap orang yang menzalimi dirinya sendiri datang kepada Baginda SAW pada sesuatu *maqam* dan ujian mengikut kadar dan *halnya* sama ada sedikit atau banyak, sehingga ia kembali kepada keadaan asalnya. Kemudian planet-planet *maqam* beredar-edar pada paksinya sebagaimana dia menaiki tingkat-tingkat perjalanan di sisi kekasihnya dengan penambahan ilmu yang membawa kepada penambahan amalan sehingga tiada kesudahan di sisi orang yang telah sampai kesudahannya. "Dan orang yang tetap teguh serta mendalam pengetahuannya dalam ilmu-ilmu agama berkata, "Kami beriman kepadanya,"³³⁴

Jika orang yang berziarah berkekalan dalam keadaan suci dengan izin Allah SWT dan dipelihara daripada halangan-halangan, maka berkekalanlah syafaat pada pertukaran *manzil* dan ia meningkat naik dengannya. Lantaran itu, bertambah kemuliaan dan kemudahan untuk meningkat dari satu *manzil* ke satu *manzil*, seperti wilayah yang zahir dan *hissi* pada sendi-sendi kekuasaan yang zahir. Imi bertujuan agar kamu berjalan dengan akalmu sekiranya kamu tidak boleh berjalan dengan perbuatan dan kelebihanmu, kerana syafaat pasti diperoleh oleh orang yang menziarahi kekasih Allah, SAW dengan datang kepada Baginda SAW dan beristighfar di sisinya. Dan tidak sama yang berhasil dan yang tidak berhasil. Firman Allah SWT "dan apa sahaja kebijakan yang mereka kerjakan, maka mereka tidak sekali-kali akan diingkari (atau disebat

dari mendapat pahalanya).³³⁵ Ini adalah satu daripadanya. "Dan apa jua kebaikan yang kamu lakukan, maka Allah Maha Mengetahuinya."³³⁶ Maka orang yang mengunjungimu diketahui oleh Allah SWT dan engkau menunjukkan dan ditunjukkan. Ziarah adalah pati kebaikanmu jika engkau mengetahuinya, seperti Allah SWT menycremu menuju kepada Nabitu ketika engkau menzalimi dirimu dan tiadalah perbuatan yang lain (yang dilakukan) kecuali menziarahinya. Bagindalah pemimpin dan penyerumu kepada mentauhidkan Allah SWT. Jika tidak, maka tiadalah engkau ketahui apakah *al-Kitab* dan iman itu.

Maka ketahuilah tentang kemestian memperoleh syafaat Nabi SAW kepada orang yang menziarahinya dengan izin Allah SWT dan kemuliaannya kepada orang yang sampai ke rumah Madinahnya dan orang yang berdiri di kuburnya yang mulia serta berlindung dengan sempadan kekuasaannya yang mencegah dan menghalang. Lihatlah kebaikan dunia dan akhirat kepada golongan khas dan awam yang ada pada ziarah. Maka terimalah seruan Allah SWT dan galakannya kepadamu dengan firman-Nya, "dan kalaullah ketika mereka menganiaya diri mereka sendiri, mereka datang kepadamu (wahai Muhammad)."³³⁷ Sesungguhnya Allah SWT telah menunjukmu pembukaan pintu taubat dan rahmat-Nya dengan pengampunan yang khusus kepada *al-Am* dan *al-Khawas* lantaran datang kepada Nabi SAW dan kemestian memperoleh rahmat Allah SWT dan penceritaan taubat-Nya dengan syafaat Nabi SAW serta perlindungan kepada semua orang yang berziarah menurut kaclar ketentuanmu. Kamu juga mendapat keamanan dengan khabar gembira tentang *khusn al-Khatimah* dan mati dalam Islam serta bertemu dengan Nabi Muhammad SAW dan bersamanya dalam apa jua keadaanmu disebabkan kamu mempunyai hubungan yang dapat memastikan kurniaan kepadamu daripada dirimu sendiri. Ini kerana Allah SWT mahu menzhirkann *manzilahnya* di sisismu, walaupun engkau lahir di manakah manzilah tersebut padamu dan pada Allah SWT. Maka nikmat-nikmat-Nya yang meningkat padamu tidak terlerai. *Manzilah* golongan ini daripada orang yang menziarahi Kekasihnya SAW daripada nama-nama Madinah yang mulia ialah *Ard Allah al-Wasi'ah* disebabkan tiada kaclar tertentu sebagaimana tiada zat dan amalan bagi mereka dengan sebab luas pemeliharaan ke atas mereka dengan rahmat Allah SWT seperti luasnya bumi ini. Penerimaan taubat mereka ialah dengan syafaat Nabi SAW. Maka mereka dinisbahkan kepada Allah SWT bukannya kepada diri mereka sendiri dalam apa jua keadaan, seperti bumi Allah yang luas yang disandarkan kepada-Nya, bukan dinisbahkan kepada mereka dan yang lain. Bahkan solat, ibadat, hidup dan mati mereka adalah daripada mereka kerana Allah SWT.

Penghuni peringkat ini tidak terkira dan terhitung. Keadaan mereka lebih luas dan menyeluruh daripada orang yang terdahulu kerana mereka memiliki apa yang ada pada orang yang terdahulu dan mendapat lebih lagi daripada mereka. Baki nama-nama Macinah turut memperluas mereka. Mereka memperoleh Islam, iman dan ihsan dengan kadar *hal* mereka. Sesungguhnya ini tidak membezakan *maqam*, bahkan jenis-jenisnya tidak terkira. Bagi mereka dari segi semua maqam ihsan adalah seperti yang telah disebutkan. Ihsan yang ada pada mereka tiada pada mereka, demikianlah Islam dan iman.

Peringkat ini tidak berpisah daripada *maqam* dan sesungguhnya jenis-jenisnya tidak terhingga. Semua *maqam* pada peringkat ini adalah ihsan, seperti mereka yang telah disebutkan. Maka ihsan pada mereka ialah apa yang ada pada mereka. Demikian juga dengan Islam dan iman. Begitu juga pada semua *maqam*, tanpa seorangpun daripada khalayak ramai terlepas daripada *maqamnya* dan orang yang menyerupai *maqamnya*, seperti melihat bular dan matahari. Demikian penglihatan terhadap Allah SWT dan Nabi Muhammad SAW.

Mereka memperoleh nama-nama Allah SWT dan apa yang mengikutinya seperti *al-Wakil*, *al-Kafi*, *al-Mut'a'al* dan *al-Wahid*. Daripada nama-nama *al-Muhammadiyyah* pula ialah nama-nama yang mendorong dan menguasainya seperti *al-Jabbar*, *al-Hafiz* dan *al-Hakim* dengan apa yang dikehendaki Allah SWT. Ini urusan ziarah orang yang terdahulu dan terkemudian sehingga lah hari pembalasan. Mereka berada di sisi Nabi SAW, kekasih Tuhan sekalian alam. Baginda pula bersama-Nya di *Dar al-Qarar*. Demikian juga mereka akan dibangkit daripada *al-Dar wa al-Iman* di tempat mereka dimatikan menuju ke *Dar al-Salam* yang adalah *Dar al-Qarar wa al-Iman*. Ia seumpama cermin yang menampakkan perbuatan dan sifat yang ada pada zat, “dan orang yang beriman akan bertambah iman mereka.”³³⁸

Kumpulan Manusia Pada Peringkat Kelima bagi orang yang berziarah dan beristighfar. Mereka memperoleh taubat dan rahmat Allah SWT pada *hadrah* Rasulullah SAW dengan memperoleh penglihatan di sebalik penglihatan. Ia acalah rahmat dan taubat Allah SWT ke atas mereka melalui syafaat Nabi SAW bagi semua orang yang berziarah kerana Nabi SAW adalah perantaraan dan pemberi syafaat kepada semua mukmin pada semua *ahwal* mereka, kerana Baginda SAW adalah khalifah Allah SWT yang diserah urusan mereka paçanya. Oleh sebab itu, Allah SWT bersiferman, “dan kalaulah ketika mereka menganiaya diri mereka sendiri, mereka datang kepadamu (wahai Muhammad).”³³⁹ Semua amalan yang tidak menepati *maqamnya* adalah menzalimi diri dan memerlukan hati atau hati dan jasad kedua-duanya hadir kepada Nabi SAW. Kehadiran hati

adalah hijrah hamba-hamba Allah SWT kepada-Nya selama-lamanya. Demikian juga kepada khalifah-Nya. Dan orang yang datang kepada kedua-duanya adalah yang paling utama, lengkap dan sempurna serta amalannya bertambah-tambah berbanding kehadiran hanya kepada Allah SWT sahaja. Firman Allah SWT “dan apa sahaja kebajikan yang mereka kerjakan, maka mereka tidak sekali-kali akan diingkari (disekat dari mendapat pahalanya),”³⁴⁰ menjelaskan kehadiran kepada salah satunya dan kedua-duanya serta segala kebaikannya.

Ini keadaan di mana berlaku kezaliman lalu kemudian ia berjalan untuk berziarah tetapi tidak mampu melakukannya atau disebabkan tempoh pergerakannya yang panjang sehingga ia terlepas pada masa itu. Namun, perjalanan itu adalah satu kebaikan daripada kebaikan-kebaikan ziarah. Dan jika dia mampu berjalan, berjalanlah. Dan jika dia dihalang oleh keuzuran, maka dia seperti orang yang berjalan. Dengan kebaikan amalan, dia berada dalam keadaan beramal dengan niatnya dan dengan kadar yang dipermudah kepadanya kerana yang mudah tidak gugur dengan adanya perkara yang susah, dan kerana ia tidak dihalang daripada memperoleh kebaikannya dengan tambahan satu kalimah yang dilakukannya apatah lagi jika ia banyak. Firman Allah SWT “dan apa sahaja kebajikan yang mereka kerjakan, maka mereka tidak sekali-kali akan diingkari (disekat dari mendapat pahalanya).”³⁴¹ Maka mereka tidak melihat melainkan dengan penglihatan Allah SWT terhadap mereka, seumpama pertolongan dan balasan-Nya melalui sebilangan mereka dengan sebilangan lain, walaupun dinisbah kepada mereka kerana ikatan *taklif* dan pelaksanaan perintah-Nya disebabkan mereka adalah tentera Allah. Semua *hadrah* ini berbeza dan berhampiran namun tidak tersusun, bahkan ia bergantung kepada yang mula-mula mendorong ingatannya disebabkan urusan ghaib Allah SWT kepada hamba-Nya. Demikianlah keadaannya pada baki yang lain.

Perincian pada *maqamat* ini tiada batasan dan menerima penambahan daripada Allah SWT dengan tidak terkira mengikut kehendak *al-Hahiyah*. Semua urusan silih berganti terhadap orang yang berziarah dari zaman berzaman adalah mengikuti urusan semua orang yang datang, menetap dan berpergian daripada *maqam* tersebut kepada *maqam* yang lain atau kepada *maqam* yang lebih rendah caripadanya serta apa yang muncul daripada dua *hal* dan dua *maqam* tersebut. Keadaan ini membawa kepada saling menguasai *ahwal*, *mahal* dan *hal* dengan mencorak, menguasai dan sebagainya yang membawa kepada pemberian *hal* orang yang berpergian dengan keluasan rahsia *al-Rububiyyah* di sisi yang memelibara mereka dengan melihat kepada pemberian *hal*nya pada semua amalan dan akhlaknya.

Semua itu adalah kelebihan ke atas semua golongan ini dengan rahsia pemeliharaan Ilahi (*al-Tarbiyyah al-Ilahiyyah*) dan penggalian rahsia yang terdapat pada tempat simpanan yang kuat dalam bentuk perlakuan ke mana sahaja ia menuju dan dalam apa jua keadaan dengan tadbir al-Ilahi yang memegang ubun-ubun mereka dengan pembacaan ayat-ayat *al-Kitab* yang mengandungi semua orang dan peristiwanya. Dia juga yang memelihara yang basah dan kering padanya dengan menjelaskan hukumnya sebagaimana yang dikenakkannya kerana ia adalah daripadanya. Maka yang basah adalah rohnya dan yang kering adalah tubuh jasadnya. Basah yang mengandungi kehangatan adalah yang melakukan (*al-Fa'il*) dan kering yang mengandungi kedinginan adalah yang kesannya (*al-Munfa'il*). Oleh itu, kedua-duanya dikhususkan untuk disebut. Kedua-duanya adalah semua dan semua pembukaan rahsia juga daripadanya.

Sesungguhnya rahsia sungai yang menghimpun telah menunjukkan cebisan daripada pertemuan pada tempat-tempat berhimpun. Maka semua perincian adalah wahyu yang diturunkan bagi pembaca yang mengetahui ketika tidur dan jaga serta ketika mati dan hidup. Apabila dia mengetahui ilmunya, maka dia telah mengetahui ilmu Allah SWT padanya dan pada perkara lain secara ringkas serta dalam bentuk perincian menurut ketetapan bintang yang cahayanya menembusi dan kefahamannya yang tepat pada semua musibah kerana semua makhluk adalah satu kalimah daripada kalimah-kalimah Allah SWT yang tidak hilang keajaibannya dan tidak terhapus misterinya. Dan jika sebanyak tujuh lautan digunakan untuk menulisnya, ia tidak akan sempurna dengan sempurnanya keadaan satu kalimah daripada kalimah-kalimah Allah SWT kerana ia adalah daripada Allah SWT. "Ain" satu perkataan (*al-Kalimah*) adalah daripada ayat (*al-Kalam*) dan sifat ayat (*al-Kalam*) pula adalah daripada orang yang berkata-kata (*al-Mutakallim*). Dan keesaan pula tidak menerima pembahagian. Keesaan adalah *Dar al Salam*. Maka Allah SWT menurunkan wahyu-Nya *al-Kitab* ke atas semua itu dengan urusan-Nya dan urusan Allah di sisiya semasa bersama dengan yang lain dan semasa bersendirian pada perjalanannya.

Maka kemuliaan Muhammad SAW menyeluruh dan memenuhi semua golongan awal dan akhir serta golongan zahir dan batir. Baginda SAW bersama-sama orang yang berziarah, menuju dan menghala kepadanya tanpa lenyap daripada sesiapa pun dalam kalangan mereka. Maka turunnya kemuliaan yang terperinci ke atas Nabi SAW adalah berkekalan dan Baginda SAW melimpahi kemuliaan tersebut kepada orang yang sampai dan berziarah menurut kadar kedadangan dan hijrah mereka kerana *manazil* orang beriman berada pada tangannya dan dibacakan kepadanya

“di dalam kitab-kitab yang cimuliakan, yang ditinggikan lagi disucikan. Di tangan para penulis (malaikat) yang mulia lagi berbakti),”³⁴² “dan tidaklah kurniaan Tuhanmu dihalang ke atas sesiapa.”³⁴³

Dan *manzil* golongan ini daripada nama-nama Madinah yang mulia ialah *al-Bahrah* dan *al-Bahirah*, kerana terdapat pada mereka makna tersebut menurut yang menguasai mereka kerana mereka seluas alam ghaib yang tidak bengkok dan tiada keaiban, kerana penyaksian mereka terhadap sesuatu perkara tanpa penghalang. Maka jadilah mereka seperti air yang banyak yang dapat menghilangkan kekotoran daripada dirinya sendiri. Maka disingkap *al-Hijab*³⁴⁴ oleh *Rab al-Arbab*,³⁴⁵ “Dan sesiapa yang menjaga serta memelihara dirinya daripada dipengaruhi oleh tabiat bakhilnya, maka merekalah orang yang berjaya.”³⁴⁶ Dan baki nama-nama Madinah yang lain memperluas mereka seperti itu.

Perluasan tersebut tidak terpisah daripada penghuninya pada *maqam* yang tinggi dan rendah serta ia mendahului dan tidak ketinggalan di dunia, barzakh dan akhirat kerana ia adalah urusan zat dan ia tidak berpisah dengan zat-zat dan tidak menerima pembahagian kepada dua benda. Jika berlaku, nescaya terjadilah tirai (*al-Hijab*) tanpa penyingkapan kerana terhalang setiap sesuatu daripada yang lain pada zatnya. Maka *al-Hijab* pada keesaan adalah mustahil, penyingkapan (*al-Kashf*) juga mustahil tetapi pada dua perkara yang berpisah pula adalah suatu kemestian, lalu berlaku yang menghalang (*al-Hajib*) dan yang dihalang (*al-Mahjub*) padanya. Oleh kerana tiada dua dan pembahagian, maka tiadalah halangan dan pembahagian “dan Dia-lah yang berkuasa ke atas sekalian hamba-hamba-Nya.”³⁴⁷ Itulah zat di sisi semua zat kalimah-kalimah. Dengan ini, dari satu aspek daripada aspek kuasa (*al-Qudrah*) dan kehendak (*al-Iradah*) di atas ilmu keesaan, jadilah sesuatu itu boleh menerima penyingkapan dan boleh menerima rahsia dan tiadalah dua yang bersendiri dengan satu pihak sahaja tanpa pihak yang lain.

Maka jadi penyingkapan dan penutupan (*al-Sitr*)³⁴⁸ sesuatu yang harus bagi keesaan, jika tidak nescaya ia akan dihalang. Maka lihat dengan pandangan dan penglihatanmu yang mendalam kerana itu adalah penghujung penglihatan, dan tiada lagi penglihatan buatmu selepasnya, dan tiadalah yang melihat batin dan zahirmu. Maka rebut cahaya-cahaya ini dengan penyaksian penglihatan dan pandangan yang mendalam pada semua peringkat. Inilah sifat wujud di sisi semua yang wujud, “dan sesungguhnya tempat kembali kita semua ialah kepada Allah, dan sebenarnya orang yang melampaui kejahatannya itu, merekalah ahli neraka,”³⁴⁹ mereka adalah golongan musyrikin. “Sesungguhnya Dia tidak suka kepada orang yang melampaui batas).”³⁵⁰ Maka jadilah daripada kalangan orang yang dikasihi oleh Allah SWT dan mereka pula kasih

kepada-Nya. Merekalah orang yang mentauhid Allah SWT. Nama-nama *al-Ilahiyyah* dan *maqamat* Islam, iman dan ihsan bagi mereka adalah *al-Shahid* dan *al-Basir*. Dan nama-nama *al-Muhammadiyyah* demikian juga, seperti *al-Raf'*, *al-Qarib*, *Ruh al-Haqq*, *al-Khas* dan *al-Khalis*.

Kumpulan Manusia Pada Peringkat Keenam daripada peringkat ziarah dan orang yang berziarah. Mereka memperoleh taubat daripada Allah SWT dan rahmat-Nya daripada *hadrah* nama-Nya *al-'Alim* melalui pembukaan dan perjuangan dengan kekuasaan yang Maha Mengetahui. Dia-lah yang menentukan dengan kekuasaan-Nya segala pengetahuan mengenai perintah atau larangan yang berkekalan dan tidak hilang bersama perbezaan *ahwal* yang kelihatan dengan yang kekal pada *hadrah* yang mulia. Ia juga bertemu dengan setiap yang binasa atau seakan-akan kekal dengan segera dan mendahului untuk memperkuuh rahsia yang dikehendaki, sebagaimana ia menghendaki penyaksian yang meliputi semua yang ada (*al-Mowjud*)³⁵¹ dengan cahaya kewujudan (*mir al-Wujud*) yang hak bagi yang hak pada yang lembut dan keras. Maka mereka melihat dengan mata yang bebas pada jiwa dan usuk melalui seruan-seruan kepadanya apabila diperintahkan, "justeru tetap teguhlah engkau menjalankannya sebagaimana yang diperintahkan kepadamu",³⁵² iaitu bukan menurut seperti yang kamu libat dan ketahui. Lantaran itu, *Sayyid al-Taifah al-Junaid* r.h. telah berkata "Ilmu tauhid menjelaskan kewujudan-Nya dan kewujudan-Nya menjelaskan ilmu-Nya" kerana ilmu boleh menjadi sesuatu itu dua sedangkan ada (*al-Wujud*)³⁵³ pula mentauhidkannya. Maka ada (*al-Wujud*) menolak penduaan, sementara ilmu menjelaskan aspek itu dan tidak memisahkan kerana semuanya berlaku pada yang ada (*al-Wujud*).

Golongan pada peringkat ini lebih menyeluruh dan luas kerana mereka bersandar secara menyeluruh dan terperinci kepada *hadrah* yang Maha Luas terhadap sesuatu. Mereka adalah gambaran rahmat Nabi SAW pada umatnya dengan menjelaskan mengenai perintah-perintah yang zahir dan batin yang selari dengan kehendaknya, dengan kadar keizinan yang diberikan kepada mereka untuk menjadi pengganti kekasih mereka Nabi SAW. Dan dengan sesiapa sahaja daripada mereka kamu ikuti maka kaimu telah mendapat petunjuk nama *hadrah* mereka. Taubat mereka ialah taubat kerana menyalahi perkara tersebut. Dan rahmat mereka meluas dengan kehendak-Nya terhadap mereka. Inilah jalan-jalan orang-orang yang menginginkan Allah SWT (*al-Muridun*) daripada kalangan semua hamba selama-lamanya kerana tidak menyalahi tujuan dan menyahut matlamatnya. Mereka adalah golongan yang mulia pada pertengahan dan penghujung. Semuanya berdiri dengan tanda-tanda mereka, dan mereka adalah *Rijal al-A'raf*.³⁵⁴ Dan *manzil* mereka daripada nama-

nama Madinah yang mulia adalah semuanya dan kemuliaan mereka pada semua namanya adalah sama. Dan diturunkan wahyu dan makanan-makanannya ke atas mereka dengan keluasan, "tiap-tiap golongan dari keduanya (golongan dunia dan golongan akhirat), Kami hulurkan kepada mereka dari pemberian Tuhanmu,"²⁵⁵ kerana keluasan ilmu mereka yang dinisbahkan kepadanya dengan nama yang menguasai mereka walaupun nama-nama tersebut semuanya bersama mereka, dan kerana dari satu aspek nama yang menguasai mereka daripada nama-nama Madinah ialah *al-Makkatan*, *al-Makinah Li al-Jam'* dan *al-Maknah*, juga kerana menunaikan hak *al-Hadratain* secara wajib, teguh, kekal dan peniadaan diri (*fana*)²⁵⁶ dengan kadar yang luas di atas jalan-jalan yang paling sempurna yang menguasai mereka. Tiadalah peniadaan diri (*fana*) dan *fana' al-Fana'* bagi peringkat ini, bahkan mereka berkckalan pada setiap sesuatu dengan bertambah peningkatan kerana ketetapan imunya.

Nama-nama *al-Ilahiyyah* bagi mereka ialah nama Allah dan *al-Rahman* kerana berhimpun dan berkesudahan kepada mereka bersama keluasan nama *al-'Alim*, *al-Murid*, *al-Qadir* dan semua nama yang berada di bawahnya. Dan nama-nama *al-Muhammadiyyah al-Nabawiyyah* ialah *Muhammad*, *Ahmad*, *Hamid*, *Mahmud*, *'Abd Allah*, *'Abd al-'Alim*, *'Abd al-Murid*, *'Abd al-Qadir*... sehingga kesemua namanya. Antara ayat-ayat al-Quran ialah firman Allah SWT "Dia-lah yang menjadi setiap sesuatu dengan sebaik-baiknya,"²⁵⁷ "engkau tidak dapat melihat pada ciptaan Allah yang Maha Pemurah itu sebarang keadaan yang tidak seimbang dan tidak munasabah,"²⁵⁸ "Ingatlah, kepada Allah jualah tertentu urusan mencipta (sekalian makhluk) dan urusan pemerintahan,"²⁵⁹ "maka ke mana sahaja kamu hadapkan diri (ke kiblat untuk mengadap Allah), maka di situ arah yang diredhai Allah,"²⁶⁰ "dan Dia sentiasa bersama kamu di mana sahaja kamu berada,"²⁶¹ "dan Allah Maha luas (rahmat dan limpahan kurnia-Nya) lagi Maha Mengetahui"²⁶² dan "dan kepada-Nya dikembali segala urusan, maka sembahlah Dia dan bertawakallah kepada-Nya."²⁶³

Ini *hadrah* warisan *al-haq*. Tempat menetap kebenaran kembali di sisi yang Maha Memiliki lagi Maha Berkuasa ke atas apa yang dikehendaki-Nya dan mereka memperoleh kedudukan tersebut di sisi-Nya. Perincian urusan dan keadaan nama-nama tersebut tidak terkira dan tidak terhitung. Sesungguhnya kelemahan telah memasuki kekuasaan mereka dan semuanya adalah lemah, kerana Dia-lah yang Maha sempurna bagi semua perkara. Maka mereka berpaling daripada sesuatu dengan izin Allah SWT yang Maha Penerima Taubat lagi Maha Pengasihani, disebabkan perasaan kasih Allah SWT di sisi kekasih-Nya SAW dan keampunan Allah SWT terhadap mereka. Mereka adalah gambaran nama *al-'Alim* serta sifat keilmuan dengan apa yang terkandung dalamnya

daripada perkara-perkara yang saling bercanggah dan bersepakat. Maka dengan seruan mereka dapat dibezakan dua perkara tersebut dan diletak timbangan tertentu pada semua timbangan. Itulah *hadrah* Islam, iman dan ihsan mereka menurut perbezaan nama-nama tersebut pada mereka dan perbezaan mereka padanya, kerana mereka adalah golongan yang tidak dapat dihitung melainkan oleh Dia yang telah menghitung. Dan Dia-lah yang Maha Memiliki Segala Pengetahuan (*al-Muhsin*) SWT.

Kumpulan Manusia Pada Peringkat Ketujuh daripada peringkat ziarah dan orang yang berziarah serta nama-nama Madinah, *al-Muhannadiyyah* dan *al-Hahiyah*. Mereka memperoleh pada hadrah nama-nama Allah SWT yang teragung, iaitu *al-Hayy* daripada-Nya kerana martabat *al-Rahmaniyyah al-Ijadiyyah* yang suci menguasai mereka dengan melakukan peribadatan semata-mata dan ketuhanan yang esa. Dan martabat tersebut mengurniakan mereka tempat-tempat persediaan untuk menerima lebih lagi perluasan disebabkan keadaan peribadatan mereka. Maka ia membatasi mereka daripada melihat kepada selain-Nya dan pandangan mereka pula merenung tepat kepada-Nya, lalu terputuslah mereka daripada sesuatu dan lenyaplah mereka dengan *al-Hayy*. Kemudian mereka dilihat batin daripada zahir mereka dan zahir daripada batin mereka, mereka yang akhir daripada mereka adalah yang awal dan mereka yang awal daripada mereka adalah yang akhir. Maka jadilah mereka noktah huruf *al-Nun* yang menjaga nama dan menunjuk martabat bahawa tidak boleh berlaku nama lain selain nama tersebut pada ketika itu dan tiada pula berlaku martabat yang lain. Maka noktah memelihara orang yang memelihara semua huruf yang nyata sepetimana ia menerima untuk menjadi *rasm* yang utuh. Maka dengan noktah, setiap sesuatu dipelihara pada tempatnya. Dan dengan huruf-huruf yang kecil bergeraklah tunggangan-tunggangan pada kenderaan-kenderaan. Sesungguhnya ia menyerupai tulisan pada orang yang melihat dan menulis. Ciri golongan ini nyata dengan sifat *al-Hay* kerana ia tidak bergantung kecuali kepada zat sesuatu seperti *al-Hayah*. Dan sesuatu nisbah dan susunan tidak menempatkan mereka pada semua keadaan untuk memperoleh kehidupan kerana daripada mereka telah ada kehidupan. Mereka zat-zat yang beristighfar. Sebagaimana kata-kata al-Alawi r.h., "orang yang memiliki *magam* orang *Yathrib* yang khusus, mereka melepasik ikatan martabat, dan sumber minuman mereka adalah daripada campuran alam semesta yang suci." Dan mereka disifat sebagai tempat minuman tanpa mereka bergantung dengan sesuatu yang mana sifat-sifat dan perbuatan-perbuatannya berkembang pada kejadian seperti sebuah kehidupan. Tiada pergantungan bagi mereka selain zat, maka binaan-binaan ditegak dengan mereka. Dan mereka tidak menegakkannya melairkan di atas zat.

Ini kedatangan, istighfar dan kasih sayang mereka terhadap Allah yang Maha Menerima Taubat lagi Maha Mengasihani, di sisi kekasih-Nya SAW kerana sesuatu *maqam* tidak berlaku dan tidak sempurna kecuali dengan Baginda SAW. Inilah ciri-ciri mereka daripada nama Allah SWT pada *hadrah al-Rahmaniyyah*, *al-Dzatiyyah*, *al-Baqiyah*, *al-Abadiyyah* dan *al-Azaliyyah*. Mereka menyifatkan sumber-sumber minuman orang yang minum di seluruh Timur dan Barat adalah suatu perintah apabila dia datang. Bukan kerana sesuatu yang lain, bukan berhadapan tanpa memandang perkara itu dan bukan saling bertukar-tukar, seperti pertukaran bintang-bintang, bulan, matahari dan cahaya, malam dan siang dan seumpamanya. Mereka berpunca daripada yang ghaib. Mereka adalah gambaran nama *al-Hayy* dan *al-Hayah*.

Sesiapa yang nisbah mereka lebih menguasai, nisbah itu akan mengikuti mereka lalu dinisbah kepada kebiasaan mereka sehingga nisbah tersebut menjadi tulen dan menjadi sebahagian daripada mereka. Demikian semua *maqam* seperti ini. Semua nama Madinah, *al-Muhammadiyyah* dan *Ilahiyyah* diberi kepada mereka dengan dinisbah kepada sesuatu, kerana mereka berbanding semuanya seperti kehidupan (*al-Hayah*)³⁶⁴ yang ada pada setiap sesuatu dan tidak bergantung dengan sesuatu walaupun setiap sesuatu bergantung dengannya. Sebab nisbah itu adalah hidupnya dan menguasai mereka di sisi orang-orang yang memnerikan sifat kepada mereka.

Mereka memperoleh nama-nama Madinah, iaitu *al-Asimah al-Ara al-Azra* kerana pemeliharaan, penghalangan dan keacaan mereka. Tiada ketinggian dan kemuncak yang membczakan kemunculan mereka dengan sesuatu daripada sesuatu kerana mereka tidak bergantung dengan sesuatu. Semua nama milik mereka dan tiadalah nama lain untuk mereka kecuali *al-Hayy*. Walaupun mereka disifat oleh orang yang menyifatkan (dengan nama lain) untuk mengenalinya seperti mengenal erti kehidupan (*al-Hayah*), maka terhasil sesuatu yang menyerupai sifatnya, pada hal ia bukar sifatnya kerana sifatnya meniadakan yang memiliki sifat. Maha Suci Allah yang bersifat dan berkata-kata dengan *al-Izz*, Maha Suci Allah yang memiliki kemuliaan dan bersifat mulia dengarnya dan Maha suci Allah yang tidak selayaknya pensucian (*al-Tashih*) melainkan hanya bagi-Nya. Dialah yang memiliki kelebihan, nikmat-nikmat, keagungan dan kemuliaan yang mengurniakan keistimewaan-Nya kepada manusia pilihan-Nya (*al-Khawas*) dan menjadi mereka patuh kepada-Nya. Mereka daripada *al-Alam al-Khulasah*. Antara tanda-tanda bagi mereka ialah firman Allah SWT “dan jadikan dirimu sentiasa berdamping rapat dengan orang yang beribadat kepada Tuhan mereka pada waktu pagi dan petang, yang mengharapkan wajah-Nya semata-mata.”³⁶⁵ Maksud ‘wajah’ dalam

ayat ini ialah zat. Maka kecatangan mereka kepada *al-Habib* SAW, berziarah dan beristighfar di sisinya adalah mengharap zatnya bukan yang lain. Dia-lah yang mengurniakan mereka taubat dan rahmat serta diperkenan permohonan mereka di sisi permohonan yang tinggi.

Semua peringkat dapat disaksi oleh orang yang mendiaminya. Mereka mendaki peringkat ini dengan persediaan melainkan orang yang menjauhinya. Kadang kala mereka layak ke *maqam* yang jauh, sebagaimana pendidik kanak-kanak menyenangkan mereka sebelum baligh dengan memberikan sedikit harta. Namun, kadang kala yang telah baligh terhalang daripada memperolehnya dengan alasan tertentu walaupun ia telah baligh. Semua *maqamat* yang menyelamat dan membinasakan, yang berdiri dan yang duduk adalah sama, seperti *al-mahsusat* yang menerima kerosakan-kerosakan. Satu urusan yang terjadi adalah bukti yang menunjukkan sebahagian *maqamnya* dan saksi pada semua zahir dan batin, awal dan akhir walaupun penglihatannya jauh daripada orang yang menyaksikannya dengan kehendak Allah SWT.

Petunjuknya ialah penyaksian orang yang melihat ke-Esaan-Nya. Suatu urusan pada zatnya terjadi sama ada yang tidak bertanda (*muhmal*) atau yang bertanda (*mu'jam*). Tanda yang *muhmal* ialah tiada tanda dan *mu'jam* pula mestilah mempunyai tanda kerana tandanya ialah meletakkan tanda dan dibaris hadapan (*marfir*). Petikan ini adalah satu perundangan bagi sesiapa yang merindui sesuatu di sebalik tabir. Sepertimana dikatakan, "orang yang mencari sesuatu, dia akan memperolehnya." Sebahagian yang lain pula berkata sebaliknya iaitu, "Orang yang memperoleh sesuatu, dia mencarinya." Sesuatu perkara mesti mempunyai wujud dan tiada wujud seperti yang telah lalu. Kedua-duanya saling bersangkutan satu sama lain. Maka dengan wujud, berlakulah pencarian pada permulaannya sementara dengan tiada kesempurnaan pula, berlakulah pencarian kedua dan berlaku selama-lamanya. Buktinya ialah doa, "Tuhan-ku, tambahkan aku ilmu."³⁶⁶ Maka sesungguhnya yang dicari telah didapati, iaitu ilmu tentang ketentuan (*al-Qadr*).³⁶⁷ Sesungguhnya ilmu itu telah hilang sehingga dicari pengertiannya kerana kepercayaan orang yang mencari dan sesuatu yang dicari. Bukan ilmu yang dicari, kerana sesungguhnya ia telah ada sehinggalah ia dicari. Dan yang dicari pula tiadalah batasannya. Maka induknya ialah pencarian. Jika telah sempurna yang dicari tidaklah terputus pencarian. Maka tiada dan ada adalah satu yang menjadi pemilik-pemilik kemuliaan, ketinggian dan kebahagiaan. Dan Allah jualah yang Maha Mengetahuinya.

Kumpulan Manusia Pada Peringkat Kelapan daripada peringkat-peringkat orang yang menziarahi Nabi SAW dan yang beristighfar di sisinya. Mereka memperoleh taubat dan rahmat Allah SWT dari sisi nama Macinah, iaitu *al-Iman*. Maka Allah SWT melimpahi mereka dengan

rahsia-rahsia keimanan dengan kadar persediaan-persediaan mereka. Mereka menerima apa yang mereka mampu daripada keluasan dan yang sesuai dengan *maqam* mereka sekarang dan *maqam* yang mereka akan berpindah kepadanya. Baki nama-nama Madinah yang lain memperluas mereka dengannya. Mereka memperoleh nama-nama *al-Muhammadiyyah*, iaitu *al-Barr*, *al-Batin*, *al-Burhan* dan diperluas kepada semua namanya yang lain. Dan mereka memperoleh pula nama-nama *al-Ilahiyyah* iaitu *al-Nur*, *al-Hadi*, *al-Hamid*, *al-Muqit* dan yang mengikutinya serta diperluas kepada semua nama-Nya yang lain. Mereka juga memperoleh tiga derajat, iaitu Islam, iman dan ihsan mengikuti kadar naik dan turun hal mereka sehingga mereka bertemu dengan golongan sebelum mereka dari memperbaikinya. Golongan sebelum mereka mewarisi kesan-kesan mereka agar mereka dapat mencontohnya sehingga berhasil dengan izin Allah SWT kepada mereka. Penghuni *maqam* ini berterusan berada pada jalan itu dengan menyeberangi, melalui dan memakmurkannya bersama golongan awal dan akhir yang berjalan sehingga Allah SWT mewarisi bumi dan seisinya, dan Dia-lah sebaik-baik yang mewarisi.

Kumpulan Manusia Pada Peringkat Kesembilan daripada peringkat ziarah dan orang yang menziarahi *al-Habib* SAW. Mereka memperoleh taubat dan rahmat dari sisi Allah SWT. Namanya ialah *al-Barah*. Diambil daripada perkataan *al-Birr*, kerana banyak kebaikan dan menepati limpahan nama itu ke atas mereka dan yang menguasai mereka lantaran kebaikan mereka terhadap perintah Allah SWT agar berbuat baik kepada-Nya. Maka Allah SWT melimpahi mereka daripada nama itu dengan kadar persediaan, amalan dan penerimaan mereka, di samping ia berkekalan dan dalam tempoh masanya bersama niat mereka. Ia adalah suatu kebaikan dan hadiah kurniaan Allah SWT yang Maha Mulia, bagi orang yang datang menziarahi Nabi-Nya SAW yang bersifat belas kasihan dan penyayang. Baki nama-nama Madinah yang lain turut diperluas ke atas mereka. Mereka juga memperoleh nama-nama *al-Muhammadiyyah*, dan *al-Ilahiyyah* serta *al-Hadarat* Islam, iman dan ihsan dengan kadar puncak, ketinggian, penghadapan dan apa yang membolahkan mereka kekal pada *maqam* mereka lalu berpindah kepada *maqam* lain dengan kehendak Allah SWT ke atas mereka. Seperti sunnah Allah SWT pada semua perkara, “dan engkau tidak akan mendapat sebarang perubahan bagi cara dan peraturan Allah itu”.³⁶⁸ Mereka juga memperoleh bahagian daripada al-Quran, khabar, kisah dan peristiwa daripada *al-Akhbar* dan *al-Athar* serta semua hukum-hukum Nya sama ada perintah, larangan yang terperinci dan ringkas.

Kumpulan Manusia Pada Peringkat Kesepuluh daripada peringkat ziarah dan orang yang berziarah serta peringkat nama-nama Madinah

dan nama-nama *al-Muhammadiyyah* dan nama-nama *al-Ilahiyyah*. Mereka memperoleh taubat dan rahmat dari *hadrah* nama Madinah, iaitu *Barrah* daripada Allah SWT semasa kedatangan dan wujud perasaan kasih sayang terhadap Allah. Mereka adalah orang yang benar bersama nama tersebut dan ia (nama *al-Barrah*) menjadi saksi pula terhadap mereka, sebagaimana ia menyaksikan terhadap golongan awal dan akhir, kerana ia menguasai mereka mereka dan disebabkan mereka mencari kebenaran sehingga mereka ditulis daripada kalangan orang yang benar (*al-Siddiqin*).⁵⁶⁹ Oleh itu, telah dinyatakan, "Sentiasa seorang hamba mencari kebenaran sehinggalah ditulis daripada kalangan orang-orang yang benar." Demikian juga golongan di peringkat ini, kerana mereka berlindung kepada penghulu orang yang benar (*Sayyid al-Siddiqin*) dan orang yang membenarkannya serta berlindung dengan rumah dan Madinahnya yang baik, benar dan membenarkan. Justeru Allah SWT melimpahi mereka dengan taubat dan rahmat dengan kadar keluasan dan ilmu mereka zahir dan batin yang membawa kepada penerimaan taubat dan rahmat lantaran pengakuan, kedatangan, istighfar dan perasaan kasih sayang mereka terhadap Allah SWT ci sisi Nabi SAW. Dan Baginda diutus dengan akhlak yang mulia. Semua ini sama ada yang telah lalu atau akan datang adalah daripada nama Madinah. Sesiapa yang berpegang teguh dengannya dan menjadikannya kebiasaan yang menguasai dirinya, maka dinisbahkan nama itu kepadanya. Cukuplah ia menghimpun semua nama, seperti contoh yang telah lalu. Ingatlah, sesiapa yang bertemu Allah SWT dengan akhlak yang menguasainya daripada nama Madinah, maka kebenaran akan menjelma padanya. Sebagaimana yang dinyatakan berkaitan pemurah dan cabang-cabangnya yang mana ia membawanya dengan tangan orang yang pemurah ke tempatnya, serta bakhil dan cabang-cabangnya yang mana ia membawanya dengan tangan orang yang bakhil ke tempatnya. Demikian nama-nama tersebut yang membawa dengan tangan-tangan yang menzahirkannya ke tempat dan *maqam* mereka sebagaimana yang kamu lihat. Maka jangan kamu berasa pelik terhadap apa yang kami katakan. Nama-nama Madinah dan *manazilnya* seperti syurga melalui kemurahan dan *manazilnya*. Bahkan Madinah pada zahirnya adalah syurga di dunia dengan ciri-ciri, amalan, tanaman, *manazil* dan buah-buahnya dengan nas-nas yang benar daripada Rasulullah SAW kepada orang yang haq, berperasaan kasih sayang dan benar. Mereka memperoleh tiga *maqamat*, iaitu Islam, iman dan *ihsan* dengan kadar *maqam* dan *hal* mereka. Dan baki semua nama Madinah, *al-Muhammadiyyah* dan *al-Ilahiyyah* diperluaskan juga kepada mereka seperti yang telah lalu dan akan datang.

Kumpulan Manusia Pada Peringkat Keschblas daripada peringkat Nama-nama *al-Muhammadiyyah* dan *al-Ilahiyyah*. Mereka memperoleh taubat dan rahmat Allah SWT ketika mereka datang dan beristighfar pada *hadrah* nama Madinah iaitu *Bahr al-Nahy*. Sebab mereka telah sampai ke kemuncak kemuliaan akhlak yang ada pada mereka menurut peraturan yang menguasai (*al-Ghalib*) dan dikuasai (*al-Maghlib*) pada perbuatan dan perjalanan mereka yang terpuji yang dapat meninggikan kedudukan mereka. Keadaannya seperti sifat pemurah yang telah disebut sebelum ini kerana ia seumpamanya, dan kerana nama tersebut adalah penghujung perjalanan orang yang berjalan pada *al-Illiyyin* yang terdapat di bumi. Tiada selepasnya yang dapat menceritakannya.

Sesuatu yang datang daripada nama Madinah, maka tempat kemhalinya ialah kepada namanya walaupun berbeza-beza tempat dengan pengkhususan *al-Ilahiyyah*. Scruan ini dituju kepada penghuni Madinah dan semua menyahut pada tempat mereka kerana sedang mendiaminya. Lalu Allah SWT melimpahi mereka nur dan rahmat yang penuh daripada nama tersebut seperti golongan awal dan akhir, disebabkan apa yang ada pada mereka dan yang menguasai mereka. Nama itu adalah perantaraan Allah SWT untuk mereka dan petunjuk untuk memasuki Madinah dengan kadar keluasan mereka. Lantaran itu, nama tersebut tidak sempit dengan golongan awal dan akhir yang mengunjungi Madinah dan menguasai semua urusan mereka walaupun selain nama itu menguasai matlamatnya. Maka nama Madinah itu menyerahkan mereka dan orang yang salih kepadaanya. Baki nama-nama Madinah, *al-Muhammadiyyah* dan *al-Ilahiyyah* turut memperluas mereka. Demikian yang berlaku pada setiap *maqamat* seperti yang telah lalu.

Kumpulan Manusia Pada Peringkat Kedua belas daripada peringkat ziarah, orang berziarah dan peringkat Madinah dan nama-namanya, nama-nama *al-Ahmadiyyah* dan nama-nama *al-Ilahiyyah*. Mereka memperoleh sebenar-benar taubat dan rahmat Allah SWT ketika datang dan beristighfar di sisi Nabi SAW dan perasaan kasih sayang mereka terhadap Allah SWT pada *hadrah* nama Madinah, iaitu *al-Bahr*. Sebab nama ini yang menguasai akhlak dan rezeki mereka lantaran mereka dan semua orang beriman muncul dan berasal daripada Madinah. Sebagaimana diri mereka berasal daripada Rasulullah SAW yang muncul daripada Madinah yang tersembunyi dengannya. Demikian juga semua orang beriman walaupun mereka berasal daripada negeri-negeri yang berbeza. Namun, mereka memperoleh *manazil* dengan Madinah serta mereka menetap di sana dan berlindung padanya, sebagaimana Nabi SAW muncul daripada Madinah dan menetap padanya. Keadaannya seperti sebuah syurga walaupun mereka tidak merasai demikian. Maka hal mereka di Madinah seperti

ketika perjanjian pertama yang dibuat oleh mereka. Mereka mengakui Nabi SAW dan menetap dengannya namun tidak merasainya. Lantas Baginda SAW menarik mereka kepada Madinah dengan rahsia itu agar dapat memasukinya. Mereka tidak menemui sebanding dengan Nabi SAW sehingga mereka menyerah diri dan memberi salam kepadanya serta melakukan pemutusan urat darah di hadapannya. Lantaran itu, Allah SWT melimpah mereka dengan taubat dan rahmat daripada nama Madinah itu. *Manzil*, nafkah dan amalan mereka adalah dengannya. Mereka kembali pada-Nya dengan nama itu sebagaimana satu titik air yang kembali ke lautan, lalu mereka memenuhi lautan itu dengan kadar perluasan mereka. Baki nama-nama Madinah yang lain memperluaskan mereka juga. Demikian juga nama-nama *al-Rahiyyah* dan *al-Muhammadiyyah* disebabkan nama yang menguasai mereka. Baki nama-nama lain dan juga martabat-martabat turut memperluas mereka seperti itu.

Kumpulan Manusia Pada Peringkat Ketiga Belas daripada peringkat ziarah, orang berziarah dan peringkat Madinah dan nama-namanya, nama-nama *al-Rahiyyah* dan nama-nama *al-Muhammadiyyah*. Mereka memperoleh taubat dan rahmat Allah SWT semasa datang dan beristighfar di kubur Rasulullah SAW dari hadrah nama Madinah, iaitu *al-Balat*. Sebab mereka berasal daripada Nabi SAW dan dengan apa yang menguasai mereka melalui pemberian *ahwal* mereka dan orang Islam. Penguasaan terhadap urusan mereka itu telah memelihara daripada kegelinciran fikiran-fikiran kotor dan sangkaan-sangkaan khayalan yang terdapat pada perkataan, perbuatan dan niat dalam semua keadaan. Maka Allah SWT melimpah mereka dengan taubat dan rahmat mengikut kadar *ahwal* mereka daripada akhlak, perbuatan, *karamah* dan *manzil* Nabi SAW serta daripada kerjulianan Baginda SAW terhadap orang yang mengunjunginya. Dan juga disebabkan munajat dan kunjungan mereka kepada Nabi SAW pada masa sekarang dan akan datang sehingga nama Madinah yang lain menguasai mereka, atau Allah SWT mengekalkan mereka pada nama itu selama-lamanya sebagaimana yang Dia kehendaki semasa berjalan dan berhenti, sendirian, berpuuhuan, ratusan atau ribuan. Mereka berakhlik dengan akhlak Madinah dan *manzil* mereka berdasarkan amalan-amalan mereka pada nama-nama dan akhlak Madinah yang mengikut dan menguasai mereka.

Sebagaimana Madinah yang dikhitab Allah kepadanya dan Madinah pula berkhitah kepada Allah SWT seperti yang telah lalu bagimu dan telah dinyatakan, iaitu, "Wahai Taybah! Wahai Tabah! Wahai Miskinah! jangan engkau menerima harta perbendaharaan. Aku telah mengangkat *ajajir*mu berbanding *ajajir* penduduk negeri ini." Maka ingatlah dan sambutlah panggilan dan seruan kepada Madinah dengan kata nama Ielaki

(*al-Mudhakkir*), kata nama perempuan (*al-Muannath*) dan kata nama sifat (*al-Wasf*), iaitu namanya *al-Tayyib* dan dengan kata perbuatan (*al-F'i'l*) iaitu *al-Maskanah* dan tidak menerima (perbendaharaan). Itu sebahagian daripada nama Madinah *al-Balat* kerana ia tidak menerima perbendaharaan dunia, seperti batu-batu jubin yang menghalang air tetap pada tempat yang rata kerana berlaku tolakannya. Maka ketahuilah tentang Madinah, iaitu kedudukan dan *manzilahnya* di sisi Rasulullah SAW serta bagaimana indah urusannya, agung kuasanya dan pengaruhnya pada semua itu dengan kekuasaannya dan kemunculan kekuasaan yang menolongnya secara berterusan sehingga hari pembalasan.

Nama tersebut adalah *manzil* mereka dan tempat *karamah* mereka dengan kadar perluasan mereka sendiri bukannya dengan perluasan nama itu. Demikianlah yang lalu dan akan datang, mereka memperoleh taubat dan rahmat Allah SWT melalui kedatangan mereka kepada Rasulullah SAW dalam keadaan beristighfar kepada Allah SWT dengan mengambil kebaikan dan kemenangan daripada Madinah selama mereka mendiaminya sehingga apa yang dikehendaki Allah SWT terhadap mereka. Baki nama-nama *al-Ilahiyyah*, *al-Muhammadiyyah* dan *al-Hadarat* turut memperluaskan mereka dengan kadar dan amalan mereka daripada nama-nama tersebut.

Kumpulan Manusia Pada Peringkat Keempat belas daripada peringkat ziarah, orang berziarah dan peringkat Madinah *al-Musharrrafah* dan nama-namanya, peringkat nama-nama *al-Muhammadiyyah* dan nama-nama *al-Ilahiyyah*. Mereka memperoleh taubat dan rahmat Allah SWT ketika datang dan beristighfar di hadapan Rasul SAW pada *hadrah* nama Madinah, iaitu *al-Balad*. Sebab rahsia nama ini yang menguasai dan maknanya yang menarik serta akhlak dan rezekinya, kerana Allah SWT telah bersumpah dengan Madinah, meletak *manzil* mereka dengan nama ini dan menjadi amalan mereka daripada amalan Madinah. Balasan mereka berlaku dengan ketetapan *al-Baladiyyah al-Madaniyyah* yang adalah sifat orang yang beriman. Madinah adalah tempat tinggal dan tempat lahan mereka. Maka Allah SWT melimpah taubat dan rahmat-Nya, membuka pintu khazanah dan rahsia-Nya kepada mereka, memperjalanan mereka dengan jalan-jalan dan fasa-fasa-Nya serta menyingskap tirai bersulam sutera untuk mereka. Baki nama-nama Madinah dan *al-hadarat* juga memperluas golongan ini seperti yang demikian.

Kumpulan Manusia Pada Peringkat Kelima Belas daripada peringkat ziarah, orang berziarah dan peringkat Madinah *al-Musharrrafah* dan nama-namanya, nama-nama *al-Muhammadiyyah* dan nama-nama *al-Ilahiyyah*. Mereka memperoleh taubat dan rahmat Allah SWT pada *hadrah* nama Madinah, iaitu *Bait al-Rasul*. Sebab mereka berakhir dengan

menuju kepada Madinah dan ia menguasai mereka dengan menjelaskan perbuatan-perbuatan, perkataan-perkataan dan *ahwalnya* lantaran mereka dipenuhi dengan *al-Habib*⁷⁰ SAW dan kesan-kesannya, seperti rumah dan penolong-penolongnya menurut yang menguasai mereka. Mereka juga adalah penghuni rumah iman, Islam dan ihsan yang meluasi semua yang berada di alam semesta. Baginda SAW adalah lebih utama bagi orang Mukmin herbanding diri mereka sendiri, isteri-isteri Baginda adalah ibu-ibu mereka dan Baginda SAW sendiri ialah bapa mereka. Allah SWT melimpah mereka dengan taubat dan rahmat-Nya ketika mereka datang dan beristighfar di sisi Rasulullah SAW. Allah SWT juga memperluaskan mereka dengan khazanah tersebut serta menambahkan petunjuk-Nya kepada mereka sehingga berakhir kehendak-Nya terhadap mereka seperti golongan lain semasa mereka tinggal menetap dan berjalan. Baki nama-nama Madinah yang lain atau semua *al-Hadarat* memperluas mereka dengan nama Madinah itu. Ia adalah *manzil* dan tempat menetap mereka sehingga nama yang lain pula menguasai mereka dengan izin Allah SWT.

Kumpulan Manusia Pada Peringkat Keenam Belas daripada peringkat ziarah, orang berziarah, peringkat Madinah dan nama-namanya dan nama-nama *al-Rahmaniyyah*. Mereka memperoleh taubat dan rahmat Allah SWT semasa datang dan beristighfar serta perasaan kasih sayang mereka terhadap Allah SWT daripada *hadrah* nama Madinah, iaitu *Tandad*. Sebab kejadian, rezeki dan jalan rahsia menguasai mereka semua, yang mana mereka menggantikan akhlak yang keji dengan akhlak yang terpuji. Lantas mereka melakukan yang diperintah dan meninggalkan yang dilarang serta menyeru orang yang menentang mereka dengan nama ini sebagai perluasan daripadanya ketika ia menguasai. Allah SWT melimpah mereka dengan taubat dan rahmat-Nya yang terangkum dalam bentuk penerimaan amalan dan meningkat naik kepada yang lebih tinggi dengan kehendak Allah terhadap mereka, sehingga mereka menjadi sempurna dan menyempurnakan dengan izin Allah SWT kerana yang terdahulu dan akan datang.

Semua ahli *manzil* dan pemilik nama-nama berada pada tempat mereka dalam keadaan sangat gembira dan seronok seperti penghuni syurga pada *manazil* mereka, walaupun mereka bersedia untuk menaiki dan meningkat lebih tinggi lagi. Semua ini boleh terjadi kerana *magam* keredhaan dan ihsan yang sempurna. Setiap yang direndai Allah SWT berada pada *magam*, perjalanan, perpindahan dan berterusan dengan kemestaan (*al-Uns*) yang mereka peroleh dengan Allah SWT dan hadir di sisi-Nya, sekalipun ia meminta penambahan daripada-Nya untuk dirinya. Sebab semua *manzil* mengandungi kelebihan yang tiada tolak bandingnya,

dan kerana *al-Haq* berada hampir dengan mereka melalui nama Madinah yang menguasai mereka. Demikianlah juga ketika berada di sisi Rasul yang mulia SAW di Madinah, lalu namanya melalui persiciaan yang menghampir mereka yang pada waktu itu untuk tujuan tersebut. Baginda SAW tidak menerima kedatangan seseorang pada setiap waktu kecuali pada waktu yang ditentukan sebagaimana ketetapan peraturan masa dan tempat. Baginda SAW memperluas urusan tersebut dengan kuasanya pada waktu itu menurut ilmu yang diturunkan kepadanya.

Sesungguhnya ia diturunkan dengan ilmu Allah SWT. Golongan ini semua berada dalam keadaan ini pada setiap tempat sehingga Allah SWT memincih orang yang berjalan dan berziarah daripada satu *maqam* ke *maqam* yang lain dan daripada satu *hal* ke *hal* yang lain dan dari negeri tempat tinggal ke negeri yang kekal. Mereka redha terhadap Allah SWT pada semua peringkat kerana bacaan, "Allah redha terhadap mereka dan mereka redha dengan Allah, demikian balasan bagi orang yang takutkan Tuhan-nya,"³⁷¹ dan mereka menuruti, "sesungguhnya kami dahulu, sewaktu berada di tengah-tengah keluarga kami merasa takut (akan diazab). Maka Allah SWT memberi kurnia kepada kami dan memelihara kami dari azab neraka. Sesungguhnya kami dahulu menyembah-Nya. Sesungguhnya Dia-lah yang melimpah kebaikan lagi Maha Penyayang. Maka tetap memberi peringatan, dan disebabkan nikmat Tuhanmu, kamu bukan scorang tukang tenun dan bukan pula seorang gila."³⁷² Pembalikan daripada nama-nama *al-Ilahiyyah* kepada nama-nama *al-Ilahiyyah* lain adalah nama pada *hadrah* nama. Bagi yang menetap juga berlaku demikian secara berterusan dan nama itu memelihara amalan-amalan zahir dan batin daripada bahaya serta *infaq* pada *hadarathya*. Baki nama-nama Madinah turut memperluas mereka seperti itu. Mereka semua adalah penguasa dan penolong *al-Wahdaniyyah* pada setiap urusan yang esa, "Dan tinggalkan orang yang menyimpang dari kebenaran dalam (menyebut) nama-nama-Nya."³⁷³ Dan perluasan *al-Hadarat* berlaku seperti yang telah lalu, maka ingatlah.

Kumpulan Manusia Pada Peringkat Ketujuh Belas daripada peringkat ziarah dan orang berziarah, peringkat Madinah dan nama-namanya, peringkat nama-nama *al-Nabawiyyah* dan *al-Ilahiyyah al-Wahdaniyyah*. Mereka memperoleh taubat dan rahmat Allah SWT daripada *hadrah* nama Madinah, iaitu *Tandar*, kerana rahsianya yang menguasai mereka serta amalan dan *halnya* yang menguasai dan menarik mereka kepada nama itu dengan izin Allah SWT. Begitu juga disebabkan penguasaan nama itu terhadap mereka dan mereka masuk ke tanah haramnya dan memperolehi kemuliaan sebagaimana yang lalu dan akan datang, serta mereka beramal

dengan tabiat semulajadinya lalu mereka mendapat pertolongan dengan hakikatnya.

Maqam dan kemuliaan mereka ialah dengan nama itu bersama perluasan semua nama lain untuk mereka. Ia adalah pemimpin mereka sebagaimana ia memperluaskan yang lain-lain dengan himpunannya yang menghimpunkan mereka ketika ia memimpin. Ia seumpama kesatuan yang menghimpunkan mereka semua. Jika tidak demikian, maka perkara tersebut akan berlaku berselisihan sebagaimana firman Allah SWT “kalaukah ia (Al-Quran itu datangnya) bukan dari sisi Allah, nescaya mereka akan capati perselisihan yang banyak di dalamnya.”¹⁷⁴ Lantaran itu tiadalah perselisihan pada keesaan dan kewujudan-Nya. Bahkan ia adalah kesepakatan abadi, rahsia yang berterusan, mendalam dan tinggi pada semua wilayah wujud dengan semua kemuliaan dan kebaikan. Maka Allah SWT melimpahi rahmat ke atas mereka dengan nama ini menurut pembahagian azali pada pengetahuan yang Maha Esa pada semua kurniaan-Nya. Dan *al-Hadrat* juga memperluas mereka dengan nama ini kerana ia adalah tempat berdiri dan kemuncak semua perjalanan untuk mencapai pengetahuan. Maka jangan kamu rasa pelik dengan perkara itu. Sesungguhnya hanya ilmu Allah SWT sahajalah yang ada di sana. Dia yang menentukan di antara hamba-hamba-Nya menurut ilmu-ilmu-Nya. Nama tersebut menguasai mereka dengan apa sahaja alasan melalui ilmu yang luas yang dikehendaki Allah SWT untuk mereka sehingga ke matlamatnya kerana ia adalah wahyu Allah SWT di sisinya pada zat semua nama, perbuatan dan sifat. Allah SWT mewahyukannya sebagaimana Allah SWT mewahyukan urusan mereka pada semua langit. Lantaran itu, mereka menerima dengan ketentuan yang menyeluruh, *manzil* dan cahaya mereka daripadanya sehingga mereka berada pada had tertentu berdasarkan perintah dan wahyu.

Semua nama atau perbuatan menghimpunkan seperti Madinah yang menghimpun *ahwai* orang yang mendiaminya, dengan semua yang diperlukan oleh orang yang menuju kepadanya dan mendiaminya. Maka lihatlah kesan rahmat Allah SWT dengan nama-nama Madinah dan nama-nama *al-Kawniyah*¹⁷⁵ telah ditentuxannya. Tidak berlaku permohonan pada dua *hadrah al-Ilahiyyah* dan *al-Kawniyah*, dunia dan akhirat melainkan dengan nama-nama tersebut bagi orang yang bermohon dan menyedarinya. Dari satu sudut, ia adalah diri yang dinamakan (*'ain al-Muthamma*) dan dari satu sudut pula ia lain. Firman Allah SWT yang menjadi buktinya ialah, “dan tidaklah apa yang kamu sembah selain-Nya melainkan nama-nama yang kamu namakannya,”¹⁷⁶ iaitu bukan yang dinamakan. Jika benar ia adalah diri yang dinamakan (*'ain al-Muthamma*), nescaya benarlah zatnya yang membenarkan nama-namanya. Dengan

nama dapat disingkap yang dinamakan (*al-Muthamma*), diseru dan ditafsirkan. Jika tiada nama, maka tidak boleh dilakukan selama-lamanya.

Shaykh *Ahl al-Sunnah*, Abu al-Hassan telah berkata mengenainya, “Buktinya ialah memperoleh rezeki, ilmu dan akhlak padanya sehingga orang yang mencari mendapat bahawa dengan satu amalan kebaikan ia memperoleh kelebihan semua amalan apabila diperlakukan baginya dan memperoleh *manazil karamah* dengan amalannya. Begitu juga dengan kejahatan yang dilakukannya, melainkan sesiapa yang dikehendaki Allah SWT.” Lantaran itu, telah dinyata dalam *al-Khabar*, sesungguhnya Allah SWT menyelamatkan seorang perempuan yang berbuat kejahatan sepanjang usianya daripada neraka dengan sebab seekor anjing yang diberi minum dengan kasut dan tindungnya dari sebuah perigi apabila dia tidak menemui sesuatu untuk diguna buat memberi minum.³⁷⁷ Maka dia berbahagia dan diakhiri dengan kebaikan serta selamat daripada binasa kejahatan sepanjang usia dengan sebab sedikit kebaikan dan salah satu amalannya dalam Islam. Begitu juga, telah dibimbasakan seorang muslimah dengan sebab seekor kucing yang disiksa atau dikurung dengan tidak memberi makan dan tidak membiarkannya makan rumput-rumput dan sebagainya.³⁷⁸ Maka ingatlah! Begitu juga, Allah SWT menyelamatkan seorang yang tidak pernah berbuat kebaikan disebabkan dia mengalihkan diri pohon daripada jalan yang dilalui oleh orang Islam. Allah SWT membalaunya dan menyelamatkannya sebagaimana yang pernah disebutkan. Begitu juga Allah SWT memelihara orang yang membiarkan orang tawanan hidup walaupun mereka menyalahi syarak sebagai *karamah* kerana berakhlik mulia disebabkan ia juga adalah makhluk Allah SWT.

Akhlik dan nama-nama adalah *manazil* bagi semua orang yang berhenti singgah (*naziL*), maka janganlah engkau menjauhinya. Bahkan pastikan atau benarkannya jika kamu tidak dapat memastikannya. Telah disebutkan bahawa sesungguhnya Nabi SAW telah didatangkan tawanan daripada *Bani al-Anbar*, lalu Baginda SAW memerintah agar dibunuh mereka semua dan dikecualikan seorang lelaki. Maka Ali bin Abu Talib berkata, “Wahai Rasulullah SAW!, Tuhan adalah satu, agama adalah satu dan dosa adalah satu. Mengapakah keadaan orang ini berbeza berbanding yang lain.” Maka Nabi SAW bersabda, “Jibril a.s. telah datang kepadaku lalu berkata, bunuhlah mereka semua dan tinggalkan lelaki ini, sesungguhnya Allah SWT membala kemurahan yang ada padanya.”³⁷⁹ Maka ingatlah! Dengan perbuatannya ini, dia dipelihara di atas kekufurannya dan memperoleh *manzilah* daripada perbuatannya dan dinamakan satu nama khas daripada perbuatannya serta dia mengetahui *manzilahnya* daripada namanya dengan ketentuan yang dikehendaki Allah SWT padanya dan

dengannya pada masa sekarang dan akan datang. Demikianlah tidak tersembunyi daripadamu keadaan *manazil* daripada nama-nama dan perbuatan-perbuatan. Sesungguhnya telah disebutkan pada masa lalu mengenai berbilang-bilang nama Nabi SAW dan panggilannya oleh semua orang yang mengerti tentang kasih Nabi SAW dan nama yang menguasainya di sisi Baginda SAW bersama nama-namanya yang tidak terkira mengikut alam-alam yang lain jika engku dapat merasainya. Maka *manzil* golongan ini daripada yang dinamakan ialah nama tersebut yang tinggi. Dengan nama ini mereka bergaul, membuka negeri-negeri lain, diberi rezeki dan menjalin hubungan. *Karamah* dan adab-adab mereka adalah dengan nama ini dan pandangan mereka pula ialah kepadanya. Demikian nama tersebut pada semua perkara yang di atas (langit) dan di bawah (bumi) dengan semua nama *al-Ilahiyyah* dan *al-Kawniyyah*. Maka jangan engku berasa asing, kerana yang asing disebabkan orang menjadikannya asing. Orang yang ahli adalah orang yang mendudukinya dan menjelaskan (mengirabkan) yang tidak bertanda (*al-Muhmalah*) dan menerangkannya. Sebagaimana Allah SWT menurunkan kemuliaan akhlak, nama-nama dan *dar karamahnya* kepada sesiapa yang cikehendaki-Nya, demikianlah sebaliknya kepada ahli kejahatan. Sabda Rasulullah SAW, "Ada dua makhluk yang dikasihi Allah SWT dan dua makhluk yang dibenci-Nya. Dua makhluk yang disukai Allah SWT ialah akhlak yang baik dan pemurah. Adapun dua makhluk yang dibenci Allah SWT ialah akhlak buruk dan bakhil. Apabila Allah SWT menghendaki ke atas hamba-Nya kebaikan, maka Dia membuatkannya menunaikan keperluan manusia."³⁸⁰ Mereka menduduki *manazil Mahabbuh*³⁸¹ Allah SWT, iaitu "mohonlah kelebihan daripada orang yang pengasih daripada kalangan hamba-hamba-Ku melalui kehidupanmu yang berada pada jagaan mereka, kerana sesungguhnya Aku telah mengumikan mereka rahmat-Ku. Dan janganlah engku memohonnya daripada orang yang keras hatinya, kerana sesungguhnya aku jadikan pada mereka kemurkaan-Ku."³⁸²

Semua ini dapat kamu perhati berlaku pada akhlak dan perbuatan. Nama-nama berasal daripadanya dan *manazil* bagi semua orang yang menginap ada padanya. Maka pandang dengan cahaya Allah SWT yang Esa lagi Maha Perkasa, "dan Dia-lah yang Maha Perkasa ke atas setiap hamba-Nya."³⁸³ Maka dengan hukum yang menguasai ke atas orang yang memiliki dihukum dan dinisbahkan ke atasnya pada *murtabat* dan wilayah-wilayah. Dan dikatakan padanya dengan hukum yang menguasai ialah *al-Fa'sai* bagi *fa'fa'*, *al-Ba'bai* bagi *ba'ba'* dan *al-Ta'tai* bagi *ta'ta'* dan sebagainya bersama noktah padanya. Dan menjadi tanggungjawab kami untuk menjelaskan kepadamu wahai saudara. Keselamatan daripada

sangkaan buruk bagi orang Islam, penemuan bagi orang yang mencari dan peringatan bagi orang yang beringat. "Dan tiadalah aku beroleh taufik untuk menjayakannya melainkan dengan pertolongan Allah. Kepada Allah jualah aku berserah diri dan kepada-Nya aku kembali."¹⁸⁴ Dan ini adalah peraturan pada nama-nama dan *al-Hadarat*.

Kumpulan Manusia Pada Peringkat Kelapan Belas daripada peringkat ziarah dan orang berziarah, peringkat Madinah dan nama-namanya, peringkat nama-nama *al-Ilahiyyah* dan *al-Muhammadiyyah*. Mereka memperoleh taubat dan rahmat Allah SWT semasa datang dan beristighfar di sisi nama Madinah, iaitu *al-Jabirah* kerana penguasaan nama itu pada perkataan dan perbuatan yang menjadi kebiasaan mereka disebabkan ketentuan azali yang terdahulu. Demikian juga disebut bagimu mengenai semua yang terdapat pada nama tersebut, *manzilah* dan pemerolehan mereka daripadanya dan di sisinya serta mereka kembali kepadanya sehingga nama lain pula menguasai mereka dengan kehendak Allah SWT ataupun mereka kekal pada nama itu selama-lamanya sebagaimana yang dikehendaki Allah SWT. Maka Allah SWT melimpahi mereka dengan rahmat dan taubat mengikut hal mereka daripada nama itu dan padanya. Baki nama-nama Madinah turut memperluas mereka, begitu juga nama-nama *al-Ilahiyyah*, *al-Muhammadiyyah* dan *al-Hadarat*.

Kumpulan Manusia Pada Peringkat Kesembilan Belas daripada peringkat ziarah dan orang berziarah, peringkat Madinah dan nama-namanya, serta peringkat nama-nama *al-Muhammadiyyah* dan *al-Ilahiyyah* juga akhlaknya. Mereka memperoleh taubat dan rahmat Allah SWT daripada sisi namanya *Jabbar* kerana ia yang menguasai mereka dengan izin Allah SWT sebagaimana yang disebutkan. Mereka dinisbah dengan nama tersebut serta *manzil* mereka dan karamah mereka berada di sisinya. Lantaran itu, Allah SWT melimpahi mereka taubat dan rahmat-Nya sebagaimana yang dikhendaki-Nya dan membuka untuk mereka milik-Nya, iaitu perhentian (*manazil*), tempat tinggal (*diyar*), bangunan (*'umran*), cahaya-cahaya dan rahsia-rahsia-Nya yang menambah mereka petunjuk, seperti orang yang sebelum mereka. "Dan Allah akan menambah hidayah petunjuk bagi orang yang menurut jalan petunjuk."¹⁸⁵ Mereka sentiasa menerima kurniaan daripada Allah SWT tanpa had pada setiap nafas yang baru untuk selama-lamanya. Maka rahsia terus berkekalan tidak berakhir dan berterusan tidak terputus dengan berkekalan limpahan kurnia yang Maha mengetahui. Baki nama-nama lain memperluas nama itu dan martabatnya sebagaimana yang layak dengan corak dan bekas mereka pada kejadian mereka. Dan Allah SWT sahaja yang menguasai urusan mereka.

Kumpulan Manusia Pada Peringkat Keduapuluh daripada peringkat ziarah dan orang berziarah, peringkat Madinah dan nama-namanya serta

nama-nama *al-Muhammadiyyah* dan *al-Ilahiyyah*. Mereka memperoleh pada permulaannya ilham daripada Allah SWT yang Maha Membuat Kebaikan (*al-Barr*) lagi Maha Pengasih (*al-Rahim*) dan Maha Belas Kasihan (*al-Mut'attif*) ke atas hamba-hamba-Nya dengan rahmat-Nya. Kemudian Allah SWT mengurniakan pertolongan kepada mereka dan mempermudah mereka datang serta beristighfar ketika sampai dan berpergian. Dan istighfar Rasul SAW pada awal dan akhir adalah taubat dan rahmat daripada sisi nama Madinah, iaitu *al-Jabbarah* yang ditetap kerana nama ini yang menguasai mereka dengan *ahwal*, amalan, kehalusan dan kejaciannya. *Manzil* dan pencapaian mereka juga adalah dengan nama ini. Maka Allah SWT melimpahi mereka dengan taubat dan rahmat-Nya dengannya, sebagaimana Dia menghendaki amalan yang mendahului kejadiannya. Semua nama dan *al-Hadarat* memperluas mereka dengan perkara tersebut sebagaimana ia memperluas apa yang menurutinya, seperti tempat tinggal (*al-Dar*). Nama-nama ini dan yang sepertinya adalah daripada *maqamat* yang berdekatan dan berhampiran. Ia adalah satu bentuk yang mempunyai *manazil* yang pelbagai yang mana penghuni yang tinggal bersamanya (*ahli al-Mutajawirun*) mendudukinya pada *maqam* dan *hal* yang menghimpunkan mereka dengannya. Bagaimanakah keadaan mereka? Siapakah mereka? Tidak mungkin ada orang asing (*ajNabij*) di antara mereka. Demikianlah nama-nama yang mempunyai peranan yang berbeza pada satu *dar*, contohnya seperti Madinah yang semua penghuninya mempunyai *dar*. Terdapat *manzil* dan tempat yang cukup baginya dan orang yang bersamanya pada Madinah mengikut kadar *hal* dan *maqam* mereka. Dan jika mereka tidak terhitung pun, nescaya ia akan meluaskan mereka dengan keluasan langit *al-Ilahiyyah* dengan izin Allah SWT. Maka *hissi* adalah antara bukti tentang *maknawi* bagi orang yang mengiktirafnya. Begitu juga nama-nama berbeza menurut perbezaan orang-orang yang berhenti singgah (*al-nazilin*) dari aspek kurniaan, halangan, sedikit, banyak, besar dan kecil mengikut ketentuannya sehingga ia mengambil rahsia makna itu. Dan orang yang menetap dapat memelihara enam arah. Mereka mendiami arah Timur, Barat, Sham dan kiblat daripada arah-arah untuk manusia selain mereka berkongsi dengan golongan *ruhaniyyin* yang menziarahi Madinah mengikut nama yang menguasai. Mereka dikhususkan di udara dan bawah bumi mengikut kadar *ahwal* yang layak dengan mereka. Semua tempat itu didiami oleh penghuninya, begitu juga *zawiyah-zawiyah*. Maka sesorang tidak mendiami sesuatu tempat kecuali pada arah yang khusus baginya dengan *maqam*, adunan dan *halnya*, walaupun dia tidak merasai demikian. Maka ada antara mereka yang masih menetap dan ada antara mereka yang telah bertukar. Dan jika ditunjukkan kepada mereka selain

daripada itu, nescaya mereka tidak mengingininya kerana hati mereka tertarik kepadanya dan memperoleh izin *al-Ilahi* yang memberi izin melalui permintaan kepada-Nya. Maka tiada pilih walaupun kelihatan seperti ada pilihan. Perkara ini dar scumpamanya merdatangkan permohonan hati dan beramat dengan penjelasannya. Maka ingatlah! Dan apabila ia menaiki, ia cenderung kepada arah yang dinaikinya pada *maqam* dan *hal* yang mendarangkan nama yang menghukum menurut yang menguasainya dengan rahsia ini yang meliputi dan diturunkan dengan ilmu Allah SWT pada setiap yang kompleks dan mudah. Sesiapa yang disingkap Allah SWT mengenainya maka dia mengerti dengan tanda-tanda Allah SWT dan di perjalanan dengan tabiat itu. Sesiapa yang tidak disingkap pula, maka hendak dia yakin dengan perkara yang harus berlaku sehingga diberi perlindungan oleh Allah SWT. Dan di antara *manazil* juga ialah lorong-lorong dan jalan-jalan Madinah. Dia adalah *manzil* bagi ramai orang yang berjalan dan berziarah sehingga Allah SWT memperbaiki *hal* mereka padanya, kemudian mereka kelihatan di ufuk-ufuk dengan izin Allah SWT sebagaimana dikehendaki Allah SWT pada mereka. Dan kebiasaananya arah mereka menuju ke tempat mereka. Dan kehalusannya memperluas mereka walaupun luasnya tempat tinggal (*dar*)^{**} dan jauhnya perjalanan. Lantaran itu, Madinah meluasi semua kejadian bagi orang yang melihat tempatnya. Pemakmuran melimpah daripada Madinah untuk semua dan urusan berakhir kepadanya. Madinah adalah *Dar al-Salam* sehingga hari pertemuan dan hari Kiamat. Oleh yang demikian, iman berlindung ke Madinah sebagaimana ular berlindung pada sarangnya.

Kumpulan Manusia Pada Peringkat Kedua puluh Satu daripada peringkat ziarah, orang berziarah yang datang beristighfar dan mengasih Allah SWT. Mereka memperoleh taubat dan rahmat Allah SWT daripada *haidrah* nama Madinah, iaitu *Jazirah al-'Arab* disebabkan makna dan strukturnya yang menguasai mereka pada batin dan zahir mereka. Mereka juga dinisbahkan dengan sebab demikian. Maka Allah SWT melimpah mereka dengan taubat dan rahmat-Nya serta menyediakan mereka milik, khidmat, rezeki, cahaya, peringkat, rahsia, malam, arah, daerah, sungai dan buah-buahannya pada zahir dan batin menurut ketentuan "bidan" dan kandungan mereka. Baki nama-nama *al-Muhammadiyyah*, *al-Ilahiyyah* dan tiga *al-Hadari* (Islam, iman dan ihsan) memperluas mereka daripada nama itu sebagaimana yang telah disebutkan.

Kumpulan Manusia Pada Peringkat Kedua Puluh Dua daripada peringkat ziarah dan orang berziarah, peringkat Madinah dan namanya, nama-nama *al-Muhammadiyyah* dan nama-nama *al-Ilahiyyah*. Mereka memperoleh taubat dan rahmat Allah SWT daripada sisi nama Madinah, iaitu *al-Habibah* kerana kekuasaan nama ini yang menguasai

mereka di samping perluasan dan *manzil* mereka terjadi denganannya. Sekumpulan nama Madinah yang lain juga memperluaskan mereka, lalu Allah SWT melimpahi mereka dengan ketentuan *hal* dan memperbaiki keadaan mereka yang mengandungi kecacatan untuk melayakkan mereka kekal denganannya dan menuju kepadanya seperti keadaan orang yang sebelum dan selepas mereka. Mereka kembali dengan keadaan yang lebih baik daripada mereka datang, seperti haji *maqbul* yang mana seseorang kembali daripadanya dengan keadaan yang lebih baik daripada ketika dia datang. Maka ada antara mereka yang menziarahi *al-Habib* SAW dapat merasainya dan ada antara mereka yang tidak merasainya disebabkan perbezaan mereka, iaitu sama ada mempunyai perasaan atau tiada. Semuanya diperluas kepada pembaikan *halnya* dan *ahwal* mereka sama ada berperasaan atau tidak. Sebagaimana pada perasaan fakir, kaya, sihat dan sakit, maka demikian pada perkara ini.

Semua terjadi dengan izin dan kehendak Allah SWT agar Dia memperbaiki *hal* hamba-Nya dengan rahsia *al-Rububiyyah* yang menguasai semua hamba daripada seluruh alam, rahsia *al-Malikiyyah* yang memenuhi segala yang ada di langit dan bumi, rahsia *al-Uluhiyyah* yang cemberam oleh semua yang menyembah dan rahsia *al-Rahmaniyyah* yang melengkapi semua yang *majud*. Perkara ini berterusan sehingga Dia mengembalikan mereka ke sisi *Uluhiyyah*-Nya yang dilihat dan yang ghaib ke *Dar al-Karamah*, *al-Mawahib al-Sunniyah*, *al-Jiwarr* dan *al-Mukadathah* serta menyingskap tabir pada tempat duduk kebenaran di sisi Tuhan yang Maha Memiliki lagi Maha Berkuasa. Semua kesan adalah untuk makna-makna, maka Allah SWT mendidik dengan kefakiran, kekayaan, pemberian dan penghalangan. Semua ini dinisbah semasa ia mempunyai kesan pada *dar*. Maka *qiyaskan* ia nescaya kamu akan dibimbing dan jangan kamu rasa asing dengan bimbingan. Segala taufiq adalah dengan Allah SWT. Baki nama-nama dan *al-Hadarat* memperluas mereka dengan cara itu. Dan tiada penolong bagi mereka selain Allah SWT.

Kumpulan Manusia Pada Peringkat Kedua Puluh Tiga daripada peringkat ziarah dan orang berziarah, peringkat Madinah dan namanya, nama-nama *al-Ilahiyyah* dan nama-nama *al-Muhammadiyyah*. Mereka memperoleh taubat dan rahmat Allah SWT semasa kedatangan dan istighfar mereka. Istighfar Rasulullah SAW kepada mereka menentukan kedudukan mereka di sisi nama Madinah, iaitu *al-Haram* mengikut penguasaan nama tersebut kepada mereka yang menjadi kebiasaan mereka. Lantas nama ini membawa mereka kepadanya dan menguasai *manzilah* dan kemuliaan mereka dengan hakikat, kehalusan, jalan dan kejadiannya di sisi-Nya. Baki nama-nama Madinah turut memperluas

mereka seperti itu. Sebagaimana Allah SWT menetap mereka dengan cepat, lambat, kekal dan berpindah. Maka Allah SWT melimpahi mereka taubat dan rahmat-Nya dengan menundukkan bala tenteranya kepada mereka, menunaikan janji-janji-Nya, membuka khazanah-Nya kepada mereka, dan mempermudah mereka apa yang tersimpan pada perkataan, perbuatan dan keyakinan pada ilmu, pandangan dan kebenaran mengikuti ketentuan yang layak bagi mereka pada masa sekarang dan akan datang. Nama-nama dan *al-Hadarat* memperluas mereka dengan nama tersebut sebagaimana yang telah lalu dan akan datang.

Kumpulan Manusia Pada Peringkat Kedua Puluh Empat daripada ziarah dan orang berziarah, peringkat Madinah – semoga Allah SWT menambah kemuliaannya – dan nama-namanya serta nama-nama Rasulullah SAW dan nama-nama *al-Wahdaniyyah al-Ilahiyyah*. Mereka memperoleh taubat dan rahmat daripada *hadrah* nama Madinah, iaitu *Haram al-Rasul* SAW yang menguasai mereka disebabkan rahsia tersebut. Yang pertama adalah bebas (*mutlaq*)²⁸⁷ dan di sini pula terikat (*muqayyad*).²⁸⁸ Dan perluasan baki nama-nama Madinah berlaku seperti itu juga. Maka Allah SWT melimpahi mereka dengan taubat dan rahmat-Nya dengan kadar keluasan mereka bukan dengan ketentuan narra kerana nama tidak sempit dengan orang yang menyeri, yang tinggal dan yang berperangai sebagaimana yang kamu lihat. Janganlah kamu menghitung bilangan yang tidak dapat dikira. Dia-lah bilangan yang satu agar urusan tidak terbatas pada yang satu oleh orang yang melihat yang satu dan menyaksikan apa yang disaksikan. Dan *al-Hadarat* berlaku seperti itu juga.

Kumpulan Manusia Pada Peringkat Kedua Puluh Lima daripada peringkat tersebut. Mereka memperoleh taubat dan rahmat Allah SWT daripada *hadrah* nama Madinah iaitu *Hasanah* disebabkan nisbah yang menguasai mereka. Bentuk *manzil* dan sumber mereka adalah dengan nama ini mengikut kadar keluasan dan tanggungjawab besar mereka daripadanya, lalu mereka menetap padanya dan rezeki-rezeki mereka berecuran dengannya. Baki nama-nama Madinah memperluas mereka seperti keluasan langit dan bumi. Dan tiga *al-hadarat* adalah induk bagi semua kehidupan dan pembinaan.

Kumpulan Manusia Pada Peringkat Kedua Puluh Enam daripada peringkat-peringkat ziarah dan orang yang berziarah serta peringkat Madinah dan nama-namanya. Mereka memperoleh taubat dan rahmat Allah SWT daripada *hadrah* nama Madinah, iaitu *al-Khayarah* disebabkan rahsia (*sirr*) dan nyatanya (*jahr*) yang menguasai mereka pada rahsia (*sirr*) dan nyata (*jahr*) mereka. Baki nama-nama yang lain demikian juga. Keadaan mereka mengikut perkara itu dan yang

menguasai mereka. Begitu juga *manzil* dan apa yang mereka peroleh adalah daripadanya. Baki nama-nama Madinah turut memperluas mereka sebagaimana yang dikehendaki Allah SWT terhadap mereka. Dan mereka memperoleh keluasan batin dan zahir, lalu Allah SWT melimpahi mereka dengan taubat dan rahmat-Nya dengan namanya mengikut ketetapan penerimaan mereka dan persediaan mereka untuk kekal padanya atau berpindah kepada yang lain. Ini disebabkan setiap nama daripada nama-nama Madinah memiliki yang dinamakan (*al-Muthamma*) secara khusus daripadanya, walaupun bersatu zatnya pada semua zat seperti zat Muhammad SAW dan zat-zat manusia. Setiap nama daripadamu mempunyai yang dinamakan (*al-Muthamma*) secara khusus dan nama-nama lain tidak berkongsi denganmu. Seperti namamu "anak lelaki" (*ibn*) yang tidak berkongsi namamu "bapa" (*ab*). Tidak berkongsi juga seseorang denganmu sebagaimana yang engkau kehendaki walaupun bersatu zatnya seperti namamu. Maka ia tidak berkongsi selain pada namamu yang ada padanya seperti yang dinamakan (*al-Muthamma*) padamu, walaupun ia berkongsi denganmu pada lafaz seperti *al-Hamid* pada Allah SWT *al-Hamid* pada Nabi SAW dan *al-Hamid* pada setiap yang terpuji serta yang seumpamanya pada semua nama. Maka tiada perkongsian pada setiap nama daripada nama-nama tersebut pada masa sekarang atau akan datang. Demikian juga yang Maha Mendengar dan Maha Melihat serta semua yang lain. Maka ingat yang dinamakan (*al-Muthamma*) pada nama-nama. Ia adalah satu tetapi sebenarnya ia banyak pada orang yang memerhati dan melihat. Maka Madinah adalah daripadanya seperti ia adalah daripada Madinah. Demikian *al-Hadarat* di sisi *ahl al-zat* dan perluasannya pada semua keadaan sewaktu pergi dan datang.

Kumpulan Manusia Pada Peringkat Kedua Puluh Tujuh daripada peringkat ziarah dan orang berziarah serta peringkat Madinah dan namanya. Mereka memperoleh taubat dan rahmat Allah SWT daripada *hadrah* nama Madinah, iaitu *al-Khiyarah*, mengikut nama yang menguasai penghuninya untuk meringankan dan menggancangkan yang sebelumnya, seperti nama Allah SWT *al-Shakur*. Ia adalah kurniaan syukur-Nya dan daripada kemurahan-Nya, maka *qiyaskan* denganannya. Mereka mendapat *manziah* dan dimuliakan dengan nama ini serta amalan dan *ahwai* mereka juga berlaku daripadanya. Itulah kurniaan Allah SWT kepada mereka pada nama itu. Sebagaimana firman Allah SWT "di situ ada tanda-tanda keterangan yang nyata (yang menunjukkan kemuliaannya; di antaranya ialah) maqam Nabi Ibrahim. Dan sesiapa yang masuk ke dalamnya aman tenteram dia."³⁸⁹ Maka *al-Dukhul* (masuk) telah memberi sesuatu yang tidak diperoleh tanpanya, dan *al-Dukhul* (masuk) adalah perbuatan yang

memberi orang yang masuk nama *al-Dakhil* dan memberinya *maqam* dan *hal aman*. “Dan heri peringatan, sesungguhnya peringatan itu memberi manfaat kepada orang yang beriman,”³⁹⁰ dan jangan menjauhi hakikat dengan izin Allah SWT. Mereka orang-orang yang dicari (*al-Muradun*) bukannya orang lain kerana perintah Allah SWT dar. Rasulullah SAW. Demikian perkara ini datang daripada Allah SWT dan Rasulullah SAW kerana firman-Nya, “Sesungguhnya, jika ketika mereka menzalimi diri mereka sendiri, lalu mereka datang kepadamu...”³⁹¹ dan sabda Rasulullah SAW, “Sesiapa yang menziarahiku, berhak dia memperoleh syafaatku.”³⁹² Maka ingat Allah SWT pada waktu pagi dan petang, “Dia-lah yang memberi rahmat kepadamu dan malaikat-Nya, supaya Dia mengeluarkan kamu dari kegelapan kepada cahaya (yang terang). dan Dia-lah yang Maha Penyayang kepada orang yang beriman.”³⁹³ Allah SWT melimpahi mereka dengan taubat dan rahmat-Nya mengikut ketetapan tabiat mereka. Saksi mereka pula ialah di atas ketetapan persediaan mereka kerana ilmu adalah ghaib yang tidak dapat disaksikan melainkan pada yang diketahui (*al-maklum*). Maka melihat sesuatu yang diketahui (*maklum*) acalah melihat ilmu. Dan ia adalah bukti penglihatan dan perubahan. Sifat saling melazimi adalah zat antara ilmu dengan yang diketahui (*maklum*), sebagaimana ilmu adalah zat di antaranya dengan orang berilmu. Maka di manakah tempat kejadian, kekosongan dan tidak diperbaharui?. Pembaharuan tidak bergantung ke atasnya, iaitu tempat bergantungnya ialah tiada kerana ia adalah nama (*al-Ism*) bukan yang dinamakan (*al-Muhamma*). Ia adalah hasil daripada nama kerana ia tidak wujud pada tulisan dan dengan kewujudan yang sebenar bukannya tiada kerana sesungguhnya ia tiada pada zat. Maka Allah SWT merahmati orang yang berjaga, memelihara puasanya dan menjauhi umpatan dan cacian. Bukanlah kesalahan atas-Nya bagi sesiapa yang melakukannya. Maka mestilah ada orang yang diikuti apatah lagi dengan orang yang mengikut. Dan baki nama-nama Madinah turut memperluas mereka. Dan semua *al-Hadarat* adalah untuk zat.

Kumpulan Manusia Pada Peringkat Kedua Puluh Lapan daripada peringkat-peringkat ziarah dan orang berziarah serta peringkat Madinah dan nama-namanya ketika kedatangan mereka. Mereka memperoleh taubat dan rahmat Allah SWT daripada *hadrah* nama Madinah, iaitu *al-Dar* disebabkan ia yang menguasai mereka. Semua nama Madinah memperluas mereka dengan demikian, lalu Allah SWT melimpahi mereka taubat dan rahmat yang memperelok zahir dan batin mereka melalui penerimaan dan rahmat-Nya ke atas mereka dengan datang kepada kekasih-Nya SAW. *Al-Hadarat* juga memperluas mereka kerana mereka adalah daripadanya pada semua keadaan.

Kumpulan Manusia Pada Peringkat Kedua Puluh Sembilan daripada peringkat ziarah dan orang yang berziarah serta peringkat Madinah semoga Allah SWT menambah kemuliaannya –. Mereka memperolehi taubat dan rahmat Allah SWT daripada *hadrah* nama Madinah, iaitu *Dar al-Abrar* kerana ia yang menguasai, zahir dan perkasa pada sumber-sumber dan punca-puncanya. Ia juga sesuai dengan kesan amalan dan *ahwal* mengikut kadar kekurangan dan kesempurnaan, menetap dan berjalan. Maka Allah SWT melimpahi mereka dengan taubat dan rahmat-Nya yang meliputi keluasan mereka mengikut sunah *al-Rububiyyah* yang dikehendaki terhadap mereka. Semua nama lain turut memperluas mereka di langit dan bumi pača *Dar al-Qurur*. Lantaran itu, berbeza keinginan jiwa untuk taat kerana Allah SWT dengan ketentuan *manazil*, nama-nama yang menguasai dan tujuan-tujuannya. Terdapat padanya ketaatan yang diingini oleh jiwa kerana Allah SWT pada masa kini dan *karamahnya* pada masa akan datang. Mata pula merasakan kelazatan dan mereka kekal dalamnya dengan kurniaan Allah SWT dan bagi-Nya segala pujian. Semoga Allah SWT menghimpun kami dan orang Islam dengannya melalui keampunan yang terdapat pada kemurahan kurniaan-Nya. Amin. *Al-Hadarat* pula berlaku sebagaimana yang telah lalu.

Kumpulan Manusia Pada Peringkat Ketiga Puluh. Mereka memperoleh taubat dan rahmat Allah SWT daripada *hadrah* nama Madinah, iaitu *Dar al-Akhyar* disebabkan rahsia yang paling menguasai dan yang menetap semua yang sebahagian (*juz' iyyah*) dan keseluruhan (*kulliyah*). Lantaran itu, mereka mendiami *manzilah* dan diberi pertolongan dengan nama ini serta rezeki mereka juga diberi daripada khazanahnya dengan izin Allah SWT. Maka Allah SWT melimpahi mereka dengan ketentuan keluasan mereka bukan ketentuan keluasan-Nya. Setiap nama mempunyai pengikut yang tidak terkira dengan ketentuan *ahwal* mereka melainkan oleh yang dapat mengira dan menghitung. Dan Allah SWT menolong mereka dengan limpahan, cahaya, bala tentera dan penolong-Nya mengikut ketentuan keluasan mereka pada perkara itu. Semuanya berlaku seperti itu, di mana Allah SWT ada pada semua arah mereka kerana Allah SWT adalah yang dicari oleh mereka semua pada setiap *magamat*, *manazil*, rezeki, kejadian dan akhlak. Keadaannya adalah seperti *Bait al-'Atiq*³⁹⁴ – walaupun mereka diperintah untuk menghadap ke arahnya – namun Allah SWT adalah yang dicari padanya. Demikian juga keadaan mereka di dunia dan akhirat dengan semua kebenaran yang datang kepada mereka lantaran itu mereka kekal padanya. Di dunia, Madinah adalah gambaran akhirat pada *hissi* dan *takwil*. Sesungguhnya Allah SWT telah jadikannya yang *hak* iaitu *hissi*, walaupun Madinah melihatnya suatu gambaran seperti penglihatan ketika tidur. Oleh yang demikian, mereka memperoleh taubat dan rahmat

yang mereka redha dengannya. Baki semua nama dan *al-Hadarat* turut memperluas mereka.

Kumpulan Manusia Pada Peringkat Ketiga Puluh Satu daripada peringkat ziarah dan orang yang berziarah. Mereka memperoleh taubat dan rahmat Allah SWT dari *hadrah* nama Madinah, iaitu *Dar al-Iman* kerana nishbah yang menguasai mereka. Maka Allah SWT melimpahi mereka dengan taubat dan rahmat-Nya mengikut ketentuan persediaan dan penerimaan mereka menurut kehendak Nabiyyah yang meliputi mereka. Finnan Allah SWT “maka, tiada satu jiwa pun mengetahui pelbagai nikmat penyekuk mata yang disediakan bagi mereka.”⁹⁵ Sabda Rasulullah SAW, “padanya terdapat sesuatu yang tidak pernah dilihat oleh mata, didengar oleh telinga dan terlintas di hati manusia.” Demikian keadaannya pada *hadarat* nama-nama, *maqamat* dan bentuk-bentuk ketaatan yang disediakan kepada penghuni Madinah. Madinah adalah seumpama syurga bagi penghuninya yang tidak pernah dilihat mata dan terlintas di hati manusia. Ini disebabkan ia seumpama hukum biji benih yang ditanam dan tidak diketahui apa yang akan tumbuh daripadanya sama ada sedikit atau banyak, ada atau tiada. Demikian perkara ini dan yang disimpan bagi mereka berlaku di atas sunah Allah SWT pada semua perkara. Dan kamu tidak dapat perubahan pada sunah Allah SWT. *Manzil* dan *muzul* mereka pula adalah dengan nama tersebut. Baki nama-nama dan *al-Hadarat* turut memperluas mereka. Demikian ayat-ayat Allah SWT “hanya orang yang berilmu sahaja dapat mengetahuinya.”⁹⁶

Kumpulan Manusia Pada Peringkat Ketiga Puluh Dua daripada peringkat ziarah dan orang yang menziarahi Nabi SAW. Mereka memperoleh taubat dan rahmat Allah SWT ketika datang dan beristighfar daripada *hadrah* nama Madinah, iaitu *Dar al-Sunnah* kerana kemunculan tentera-tentera dan acuan hati pada yang tewas dan yang menang. Maka Allah SWT melimpahi mereka taubat dan rahmat dengan kemurahan dan ihsan-Nya yang menghimpunkan segala urusan mereka pada awal dan akhir, mengikut ketentuan *ahwal* dan amalan mereka, “dan semua memperoleh darjat dengan sebab amalan yang mereka telah lakukan”⁹⁷ kerana orang yang mendiami Madinah seumpama acuan harapan yang tidak memenuhi ruang kosongnya. Pertemuan berlaku secara berterusan, lalu Allah SWT mengurniakan kepadanya daripada pemberian-Nya. Maka berlaku rezeki mereka dengan ketentuan makanan mereka yang ada padanya sehingga ia menjadi sempurna seperti bulan dan tempat simpanan yang sempurna dengan simpanannya ke mana sahaja ia menuju pada *zahir* dan *batin*, awal dan akhir. Baki nama-nama dan *al-Hadarat* turut memperluas mereka seperti itu.

Kumpulan Manusia Pada Peringkat Ketiga Puluh Tiga daripada peringkat ziarah dan orang-orang berziarah, datang, beristighfar dan menemui. Mereka memperoleh taubat dan rahmat Allah SWT daripada *hadrah* nama Madinah, iaitu *Dar al-Salam* menurut apa yang dijelma Allah SWT ke atas mereka daripadanya. Allah SWT menzahirkan taubat dan rahmat-Nya dengan apa yang mereka perolehi daripada-Nya. Mereka mendapat *karamah* yang berkekalan yang tidak lenyap selama-lamanya. Ia adalah pemeliharaan (*tarbiyyah*) daripada rahsia *al-Ruhubiyyah* yang mana mereka berpindah atau menetap padanya, mengikut perkembangan urusan tersebut serta yang zahir bagi mereka dengan setiap buah-buahan itu mempunyai dua jenisnya. Demikian juga pada golongan awal dan akhir. Sesungguhnya Allah SWT telah mengira dan menghitung mereka dan tiada seorang pun yang terlepas daripada hitungan. Baki nama-nama yang lain dan *al-Hadarat* demikian juga.

Kumpulan Manusia Pada Peringkat Ketiga Puluh Empat daripada peringkat ziarah dan orang berziarah, peringkat Madinah dan namanya, nama-nama *al-Muhammadiyyah* dan nama-nama *al-Ilahiyyah*. Mereka memperoleh taubat dan rahmat Allah SWT daripada *hadrah* nama Madinah, iaitu *Dar al-Fath* mengikut penguasaannya ke atas mereka serta amalan-amalan zahir dan batin mereka. Lalu Allah SWT melimpahi mereka taubat dan rahmat-Nya dengan ilmu dan amalan yang meliputi mereka daripada nama ini sehingga ia meningkat mereka sebagaimana yang dikehendaki atau ia mengekalkan mereka dengan kadar kehadiran mereka yang ikhlas semata-mata kerana Allah SWT. Mereka tidak menjual beli ayat-ayat Allah SWT dengan harga yang murah dan tidak mencari selainnya sebagai ganti. Dan orang yang mendiamti tidak dapat menduduki *manzilah* ini dan mencapai semua impian terbaik melainkan orang yang berhijrah kepada Allah SWT dan Rasul-Nya SAW dengan ketentuan yang dipermudahkan Allah SWT baginya walaupun dengan bentuk yang paling sedikit. Dan orang yang *salik*⁹⁸ juga tidak terlepas daripadanya kerana ia adalah solat dan dia hanya memperoleh manfaat daripada solatnya mengikut apa yang disedarinya. Maka hendak dia berpegang teguh dengan pemberian tersebut. Auratnya pula berdasarkan yang menguasainya kerana orang yang mencari tidak terlepas daripada penguasaan, dan peraturannya adalah untuk yang menguasai sehingga sampai ke penutup yang adalah penutup urusan yang mempunyai kejayaan dan kemenangan. Sesungguhnya Allah SWT telah menjadikannya perumpamaan sebagaimana *al-Sunnah* mengisyaratkan tentang seorang lelaki yang keluar dari sebuah negeri dengan tujuan mencari orang untuk dia bertanya apakah dia boleh bertaubat selepas membunuh seratus orang, lalu dia mati semasa dalam perjalanan. Maka malaikat azab dan malaikat

rahmat berbalah mengenainya. Malaikat azab berkata bahawa dia tidak ada berbuat kebaikan sedikit pun. Dan malaikat yang lain pula berkata bahawa sesungguhnya dia telah bertaubat dan datang dalam keadaan bertaubat. Maka patutlah berlaku perbalahan di antara kedua malaikat tersebut. Lalu Allah SWT mengutuskan malaikat lain untuk memutuskan di antara keduanya. Ia berkata, "Ukurlah di antara dua negeri iaitu negeri yang dia keluar darinya dan yang ditujunya untuk bertanya. Maka yang mana lebih dekat hendak pemiliknya mengambilnya." Allah SWT mewahyukan kepada negeri yang ditujunya untuk bertanya kepada orang alim tentang penerimaan taubatnya, iaitu hendak engkau mendekati dan kepada negeri yang dia keluar daripadanya dalam keadaan membuang dosa-dosanya, iaitu hendak engkau menjauhi. Maka para malaikat telah mengukur jarak di antara keduanya dan mereka dapati bahawa negeri yang ditujunya lebih dekat sejengkal, lalu dia diambil oleh malaikat rahmat.¹⁹⁹ Maka kamu perhatikan faedah perjalanan, amal dan niat yang ikhlas, sejaah mana kurniaan daripadanya, kesan terhadap *ahwal* dan pencegahannya yang berlaku dalam masa yang sama.

Sesungguhnya usianya telah berlalu dalam dosa. Sekiranya dia hidup bertahun-tahun selepas umurnya yang terdahulu, nescaya dia akan berkekalan menghadap Allah SWT dengan izin-Nya. Maka telah dituliskan untuknya dengan ketentuan dan niat yang tinggi seperti orang yang beramal dengan bersungguh-sungguh selama-lamanya kerana Allah SWT. Ia adalah kejayaan dengan sebab ikhlas kerana Allah SWT daripada kesalahan walaupun ia sebentar yang berterusan, *azali* dan kekal kerana niat adalah kuncinya. Allah SWT berfirman mengenainya, "kemudian mereka segera bertaubat, maka taubat mereka diterima Allah; dan (ingat) Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Bijaksana."²⁰⁰ Maksud "segera" ialah sebelum nyawa sampai di kerongkong dan muncul tanda-tandanya melalui kelebihan dan rahmat Allah SWT yang Maha kaya daripada berhajat kepada sekalian alam. Maka ingat agar kamu kembali pada-Nya, sesungguhnya hanya orang yang kembali pada-Nya akan ingat. Perluasan semua nama dan *al-Hadarat* berlaku dengan tanda-tanda yang nyata, "Dan Allah akan menambah hidayah petunjuk bagi orang yang menurut jalan petunjuk."²⁰¹

Kumpulan Manusia Pada Peringkat Ketiga Puluh Lima daripada peringkat ziarah dan orang berziarah serta peringkat Madinah yang mulia dan nama-namanya. Mereka memperoleh taubat dan rahmat dengan kemurahan-Nya dan mendudukkan *mawazil* mereka yang mulia dan memperjalankan mereka pada jalan-Nya yang lurus dan bernilai. Mereka juga memperoleh kebaikan-Nya dan dibukakan penyaksian dengan perasaan kasih sayangnya terhadap mereka serta Dia menundukkan

petugas-petugas dan bala tentera-Nya untuk mereka. Baki nama-nama turut memperluas mereka sebagaimana yang telah disebutkan.

Kumpulan Manusia Pada Peringkat Ketiga Puluh Enam daripada peringkat orang berziarah yang berhajat kepada Allah SWT pada semua keadaan, yang berhenti di hadapan pintu Rasulullah SAW dengan hina dan memerlukan semua perkara. Mereka tidak berlindung pada diri mereka sendiri pada semua keadaan dan tiada kehidupan bagi mereka melainkan dengan penghulu segala pembesar-pembesar yang menjadi perisai mereka. Mereka mempcrolch taubat dan rahmat Allah SWT daripada *hadrah* nama Madinah, iaitu *al-Dar^e* kerana sifat itu ada pada mereka dan perbuatan mereka menguasai mereka serta ia yang kelihatan pada mereka dengan perkataan-perkataan, *ahwal*, kuasa penguasaannya dan pengetahuannya. Maka Allah SWT melimpahi mereka taubat dan rahmat-Nya mengikut ketentuan kedudukan-kedudukan mereka daripada nama Madinah itu, menempatkan mereka *dar*-Nya serta mengurniakan keelokan dan limpahan-Nya. Baki nama-nama lain turut memperluas mereka seperti itu sebagaimana orang terdahulu.

Kumpulan Manusia Pada Peringkat Ketiga Puluh Tujuh daripada peringkat ziarah dan orang berziarah, peringkat Madinah dan namanya. Mereka memperoleh taubat dan rahmat Allah SWT daripada *hadrah* nama Madinah, iaitu *Dzat al-Hijr* disebabkan apa yang ada pada mereka. Mereka memperoleh pangkuhan makna-makna *al-Ilahiyah* dan *al-hissiyah* menurut nama yang menguasai mereka. Lalu Allah SWT melimpahi mereka taubat dan rahmat dengan kemurahan-Nya pada langkah dan perjalanan mereka sebagaimana pengetahuan yang pertama yang mendahului dan mendudukinya dengan membenarkannya pada semua *manzil* serta memastikan mereka dengan pergantungan tersebut menurul ketentuan halnya pada permulaan, pertengahan dan penghabisan. Semuanya memperoleh kluasan tersebut dengan ketentuan-Nya. Baki nama-nama dan *al-Hadarat* turut memperluas mereka seperti itu.

Kumpulan Manusia Pada Peringkat Ketiga Puluh Lapan daripada peringkat menziarahi Nabi SAW dan orang yang berziarah serta peringkat nama-nama Madinah yang mulia. Mereka memperoleh taubat dan rahmat daripada *hadrah* nama Madinah, iaitu *Dzat al-Harar* disebabkan kemunculannya yang menguasai mereka dengan sifat tersebut dan perbuatannya yang layak melalui pembahagian *al-Ilahiyah* dengan penuh perhatian dan kesungguhan. Lalu Allah SWT melimpahi mereka taubat dan rahmat-Nya daripada nama ini dengan ketentuan kluasan mereka padanya dan yang menguasai mereka daripadanya menurut perasaan kasih sayang yang menetap kuasa yang tidak lenyap dan mempunyai kedudukan. Perkara tersebut tidak berlaku melainkan dengan

kekuasaan itu. Allah SWT mengurniakan mereka perbendaharaan nama itu, menempat mereka wilayahnya dan membuka zahir dan batinnya bagi mereka dengan kadar persediaan mereka dengan nama itu dan apa yang mereka peroleh daripadanya. Baki nama-nama dan *al-Hadarat* memperluas mereka seperti itu.

Kumpulan Manusia Pada Peringkat Ketiga Puluh Sembilan daripada peringkat ziarah dan orang-orang berziarah. Mereka memperoleh taubat dan rahmat Allah SWT semasa datang dan beristighfar di samping perasaan kasih sayang mereka terhadap Allah yang Maha Penerima Taubat lagi Maha Penyayang daripada *hadrah* nama Madinah, iaitu *Dhat al-Nakhl*. Sebab sifat dan perbuatan yang menguasai mereka daripada nama ini. Lalu Allah SWT melimpahi mereka dengan taubat dan rahmat-Nya menurut kadar keluasan dan persediaan mereka terhadap nama tersebut dan apa yang mereka peroleh daripadanya. Baki nama-nama dan *al-Hadarat* turut memperluas mereka seperti itu.

Kumpulan Manusia Pada Peringkat Keempat Puluh daripada peringkat ziarah dan orang berziarah yang menemui Allah SWT yang Maha Penerima Taubat dan Maha Penyayang ketika mereka menziarahi kekasih-Nya SAW. Mereka memperoleh taubat dan rahmat Allah SWT daripada *hadrah* nama Madinah *al-Saloqah*, *al-Saliqah* dan *al-Salgah*. Sebab mereka memiliki rahsia penguasaan dan pendakian, dengan pandangan yang mendalam, jiwa yang tulus dan sebagainya daripada perkara-perkara yang sukar dengan melalui benteng cahaya pada semua perbuatan. Kesannya terjadi berdasarkan apa yang menguasai mereka daripada nama tersebut. Lalu Allah SWT melimpahi mereka taubat dan rahmat-Nya dengan ketentuan *maqam* dan keluasan tujuan-tujuan mereka. Allah SWT mencermati mereka *manzil* kemuliaan-Nya dan memperluas nikmat-nikmat-Nya yang banyak kepada mereka. Baki nama-nama dan *al-Hadrat* turut memperluas mereka seperti itu.

Kumpulan Manusia Pada Peringkat Keempat Puluh Satu daripada peringkat orang yang berziarah. Mereka memperoleh taubat dan rahmat Allah SWT daripada *hadrah* nama Madinah, iaitu *Sayyidah al-Buldan* kerana nama ini yang menguasai mereka daripada rahsia penguasaan Madinah dan nama yang zahir pada mereka melalui sesuatu yang dinamakan. Sebab mereka mempunyai sifat, perbuatan, rahmat, redha, bimbingan, jihad, ilmu dan lambang nama tersebut. Lantaran itu, Allah SWT melimpahi mereka taubat dan rahmat-Nya dengan ketetapan penguasaan mereka terhadapnya, adab mereka bersamanya dan benarnya mereka di hadapannya. Cita-cita mereka tercapai dan banyak kurniaan diberi kepada mereka dengan ketetapan yang ditentu semasa

mereka menetap dan berpergian. Baki nama-nama dan *al-Hadarat* turut memperluas mereka seperti itu.

Kumpulan Manusia Pada Peringkat Keempat Puluh Dua daripada peringkat ziarah dan orang yang menziarahi kekasih Tuhan semesta alam. Mereka memperoleh taubat dan rahmat Allah SWT daripada *hadrah* nama Madinah, iaitu *al-Shafiyah* kerana apa yang mereka miliki dan yang menguasai mereka. Lalu Allah SWT melimpahi mereka dengan taubat dengan kadar kesungguhan, ijihad, halangan dan kelurusuan pada perkataan, perbuatan dan kepercayaan mereka untuk membimbing dan memberi petunjuk kepada mereka. Allah SWT menempat mereka *manazilnya* dan menyediakan mereka ilmu, amal, bekalan dan penginapan. Baki nama-nama dan *al-Hadarat* juga memperluas mereka seperti itu daripada keluasan dan kebijakan mereka.

Kumpulan Manusia Pada Peringkat Keempat Puluh Tiga daripada peringkat ziarah dan orang berziarah. Mereka memperoleh taubat dan rahmat Allah SWT daripada *hadrah* nama Madinah, iaitu *Tubah* dengan sifatnya yang menguasai dan perbuatannya yang mengikat mereka pada waktu itu dan waktu berjalan serta persediaan yang mendorongnya dengan hukum yang menguasainya. Maka Allah SWT melimpahi mereka taubat dan rahmat-Nya dengan ketentuan keluasan sekarang dan persediaan sebahagiannya yang terkandung dalam nama tersebut, sehingga ia meningkat lebih tinggi lagi atau kekal padanya. Baki nama dan *al-Hadarat* juga memperluas mereka seperti itu.

Kumpulan Manusia Pada Peringkat Keempat Puluh Empat daripada pada peringkat ziarah dan orang yang berziarah. Mereka memperoleh taubat dan rahmat Allah SWT daripada *hadrah* nama Madinah, iaitu *Tayyibah*. Ia adalah darjah keempat puluh empat daripada darjah Madinah. Darjah Madinah ialah nama-namanya sebagaimana yang lalu untuk orang yang meningkat naik *manazilnya* sehingga kelihatan bagi mereka secara *hissi* di akhirat sebagaimana ia kelihatan pada *maknawi* di dunia ini, kerana ia adalah penanaman dan atas akhirat apabila ia muncul untukmu. Allah SWT melimpahi mereka taubat dan rahmat-Nya dengan ketentuan keluasan mereka serta pencapaian, penginapan dan kelebihan nama itu. Allah SWT Maha Pengampun lagi Maha Penyayang. Baki nama-nama dan *al-Hadarat* juga memperluas mereka seperti itu.

Kumpulan Manusia Pada Peringkat Keempat Puluh Lima daripada peringkat ziarah dan orang yang menziarahi Rasul Tuhan sekalian alam SAW. Mereka memperoleh taubat dan rahmat Allah SWT daripada *hadrah* nama Madinah, iaitu *Tayibah* disebabkan ia yang menguasai mereka dengan melakukan pembaikan jiwa, waktu, saudara, penolong dan perbuatan mereka pada jalan Allah SWT. Maka Allah SWT

melimpahi mereka dengan taubat dan rahmat-Nya mengikut ketentuan keluasan dan penerimaan mereka padanya. Maka mereka berjalan dalam keadaan tersebut pada datar dan *maqamatnya* dengan keupayaan mereka sehingga ia menyerah mereka kepada yang menerima mereka atau mereka berkekalan dengan kehendak Allah yang nyata dan Dia berasirman kepada semua, "Jadilah! Lalu ia terjadi."⁴⁰¹ Baki nama-nama Madinah juga memperluas mereka seperti itu sebagaimana ia memperluas mereka, supaya boleh sampai kepada tempat tujuan. Seterusnya mereka sampai kepada penginapan diikuti dengan terus berjalan atau kkal selepas mereka diterima. Supaya mereka dapat mencapai keinginan mereka dan memperoleh tujuan mereka padanya, sebelum dan selepasnya sebagaimana yang dikehendaki Allah SWT. Dan Dia-lah yang Maha Mengetahui dengan setiap pengetahuan, kewujudan dan kemuliaan.

Kumpulan Manusia Pada Peringkat Keempat Puluh Tiga Enam daripada peringkat ziarah dan orang yang menziarahi Rasul al-Amin SAW. Mereka memperoleh taubat dan rahmat Allah SWT daripada *hadrah* nama Madinah, iaitu *Tayib* disebabkan ia yang menguasai mereka dan penguasaan *ahwalnya* terhadap mereka. Lalu Allah SWT melimpahi mereka taubat dan rahmat yang menyeluruh, mengikut ketentuan keluasan mereka, penyertaannya atas mereka, dan persediaan mereka untuk memenuhi dan mengikut kehendak Allah SWT ketika mereka berjalan dan menetap. Kerana semua pergerakan jiwa pada semua kejadian adalah dengan kehendak *al-Hahiyyah* bukan dengan tabiat semula jadi, sebab, pengkhususan, kelahiran atau keistimewaan seperti tabiat, atau ia adalah tabiat yang terbit melalui pembentukan anggota. Perkara ini terjadi pada semua jiwa dan berterusan di dunia dan akhirat sebagaimana yang telah lalu. Nama-nama ini berdekatan dan berhampiran seperti pelbagai tingkat pada satu rumah yang mempunyai satu pintu dan menghimpun semua tingkat. Setiap laluan menyampaikannya ke tempatnya, iaitu *maqamat al-dar*⁴⁰², *ahwal*, perbuatan dan perkataannya. Baki nama-nama dan ihsan juga memperluas mereka seperti itu.

Kumpulan Manusia Pada Peringkat Keempat Puluh Tujuh daripada peringkat ziarah dan orang yang menziarahi kekasih Tuhan sekalian alam sewaktu mereka datang dan beristighfar serta perasaan kasih sayang Allah SWT yang Maha Mulia di sisi Rasulullah SAW dalam keadaan-Nya yang Maha Penerima Taubat lagi Maha Penyayang. Mereka memperoleh taubat dan rahmat Allah SWT daripada *hadrah* nama Madinah, iaitu *Tahaba*. Nama itu yang menguasai dan menolong mereka dengan rahsia, nyata, perkataan dan perbuatannya pada pandangan dan perkataan, panjang dan lebar. Lalu Allah SWT melimpahi mereka taubat dan rahmat-Nya

mengikut ketentuan luasnya persediaan dan kehendak jihad mereka pada Allah SWT. Sebab pilihan, manzil dan keluasan mereka pada nama itu sehingga mereka meningkat naik dengannya dan kekal sebagaimana mereka bersedia untuk berada padanya. Baki nama-nama dan *al-Hadarat* seperti itu juga. Sesiapa yang mencarinya dengan cahaya keyakinan, jika dikehendaki Allah SWT dia dapat melihat seluruh alam daripada alam-alam yang disebutkan, menaiki orbit nama tersebut dengan amalan, tanda-tanda, keterangan, penambahan, pemahaman, perkataan, perbuatan dan *manazil*nya. Kebenaran pula bersama mereka pada semua keacakan itu untuk penghuni semua *maqam*. Mereka juga tidak kehilangan sesuatu dengan urusan dan kehendak Allah SWT walaupun sesuatu itu ghaib daripada mereka, kerana mereka menemui Allah SWT dengan ketentuan darjat dan *maqam* mereka padanya. Mereka tidak menemui sesuatu yang seperti itu melainkan dengan Allah SWT. Dia sentiasa bersama mereka di mana sahaja mereka semua berada, juga pada perasaan kasih sayang yang diingini oleh jiwa dan dinikmati oleh mata untuk semua orang yang menginap pada *manzil*, *maqam*, *mhadar* dan *hadrah* namanya tanpa surut pada tempat yang bukan tempat, pada masa yang bukan masa daripada *manzil* yang bukan *manzil*. Demikian urusan itu. Berdasarkan perkara itu, telah diasas bangunannya, diteguh tiang-liangnya dan dimakmurkan wilayah-wilayahnya.

Kumpulan Manusia Pada Peringkat Keempat Puluh Tiga Lapan daripada *manzilah-manzilah* ziarah dan orang berziarah. Mereka memperoleh taubat dan rahmat Allah SWT daripada *hadrah* nama Madinah, iaitu *al-'Asimah*. Sebab pertolongan dan penguasaan mereka daripada rahsia nama ini yang diketahui oleh ulama sebagaimana yang diajar Allah SWT dan dengan penyebaran ilmu, amal, peringkat dan kurniaannya ke atas mereka. Lantaran itu, Allah SWT melimpahi mereka dengan taubat dan rahmat-Nya daripada nama ini dengan kadar *ahwal* mereka dan pencapaian mereka yang luas pada semua wilayah dan peringkat mereka menurut cahaya-cahaya, *manzil* dan perluasan mereka daripadanya. Baki nama-nama dan *al-Hadarat* juga memperluaskan mereka seperti itu, kerana Allah SWT menciptanya kepada orang yang menginap, seperti sebuah negeri dan menyediakan mereka juga negeri untuk menetap dan berjalan. Semua mempunyai darjat dan darjat mereka disebabkan ilmu mereka.

Kumpulan Manusia Pada Peringkat Keempat Puluh Sembilan daripada darjat ziarah dan orang yang berziarah. Mereka memperoleh taubat dan rahmat Allah SWT daripada *hadrah* nama Madinah, iaitu *al-'Adzra'*. Sebab rahsia nama ini yang menguasai dan maknanya yang menarik perbuatan, perkataan, perjanjian dan semua tarikan. Lalu Allah SWT

melimpah mereka tauba dan rahmat-Nya daripada nama ini sebagai suatu rahmat dan pemeliharaan bagi mereka sewaktu mereka berjalan dan menetap menurut ketentuan persediaan mereka untuk memperolehnya sehingga penghujung ilmu Allah SWT dan kehendak-Nya pada mereka. Baki nama-nama juga memperluas mereka seperti itu. *Manzil* mereka dan tempat perjalanan mereka adalah pada nama ini kerana kuasa, *maikut* dan *jabarut* mereka berlaku dengannya sehingga mereka berpindah daripadanya kepada *maqam* yang lain. Maka petugas-petugas nama yang mereka berpindah kepadanya melindungi mereka pada *ahwal*, *manazil*, niat, alat, pergerakan, diam, kuasa, *malakut* dan *jabarutnya*. Demikian ia adalah urusan yang telah lalu dan yang akan datang dan ia menentukan penempatan pada *ahwal* yang berkekalan. Antara bukti-buktinya ialah daripada *al-Athar*, sebagaimana yang disebut melalui sabda Rasulullah SAW "Sesungguhnya seorang lelaki berkata-kata dengan satu perkataan yang Allah redha lalu dia mendapat redha Allah dengan perkataan itu sehingga hari kiamat. Dan sesungguhnya seorang lelaki berkata-kata dengan satu perkataan yang dimurkaai Allah lalu dia mendapat kemurkaan Allah SWT dengan kalimah itu sehingga hari kiamat".⁴⁰⁴ Diriwayatkan daripada Bilal bin al-Harith⁴⁰⁵ r.a. oleh Imam Ahmad, al-Tirmidhi,⁴⁰⁶ al-Nasa'i⁴⁰⁷, Ibn Majah,⁴⁰⁸ Ibn Hibban dan al-Hakim.

Kumpulan Manusia Pada Peringkat Kelima Puluh daripada darjah ziarah Rasulullah SAW. Mereka memperoleh taubat dan rahmat Allah SWT daripada *hadrah* nama Madinah, iaitu *al-Ara*. Sebab nama ini yang menguasai dan menduduki mereka serta keluasan dan amalan mereka yang berlaku padanya. *Manzil*, kemuliaan dan pencapaian mereka juga acalah daripada nama ini. Baki nama-nama dan *al-Hadarat* juga memperluas mereka seperti itu. Itulah orbit dan limpahan kurnia mereka daripadanya serta apa yang mereka perlukan sehingga Allah SWT mengizinkan mereka berpindah daripadanya atau terus kekal berada padanya.

Kumpulan Manusia Pada Peringkat Kelima Puluh Satu daripada darjah ziarah dan orang berziarah. Mereka memperoleh taubat dan rahmat Allah SWT kerana kemurahan dan kelebihan Allah SWT daripada *hadrah* nama Madinah, iaitu *al-Ghara*. Sebab nama ini ketentuan yang menguasai dan nyata pada mereka daripada rahsia nama yang mulia, perbuatan dan perkataan yang mengangkat mereka ke darjatnya dan membolehkan mereka mendiaminya pada ramah *karamahnya*. Iahu Allah SWT melimpahi mereka dengan taubat dan rahmat menurut ketentuan mereka. Dan nama-nama yang berikut dan *al-Hadarat* memperluas mereka dengan ketentuan kehendak *al-Hahiyah*.

Kumpulan manusia Yang Menginap Pada Peringkat Kelima Puluh Dua daripada darjah Madinah dan nama-namanya. Mereka memperoleh

taubat dan rahmat Allah SWT daripada *hadrah* nama Madinah, iaitu *Ghalabah*. Sebab mereka mempunyai kekuatan nama tersebut serta penguasaan, pengumpulan, hujah, tujuan, kekuasaan, kurniaan, keluasan dan penolong-penolongnya pada perkataan dan perbuatan. Lalu Allah SWT melimpahi mereka taubat dan rahmat ketika mereka datang dan juga dengan perasaan kasih sayang mereka terhadapnya menurut kadar keupayaan mereka dan penerimaannya pada waktu itu, serta menurut persediaan mereka yang disediakan untuknya pada masa sekarang dan akan datang. Baki nama-nama dan *al-Hadarat* juga memperluas mereka seperti itu.

Kumpulan Manusia Pada Peringkat Kelima Puluh Tiga daripada peringkat ziarah dan darjat-darjat orang yang berziarah. Mereka memperoleh taubat dan rahmat Allah SWT daripada *hadrah* nama Madinah, iaitu *al-Fadihah*, disebabkan tarikan kepadanya dan penguasaan ke atas mereka pada rahsia dan nyata mereka juga pada terselindung dan tersingkap mereka, sehingga masalah yang tersembunyi menjadi jelas bagi mereka dan keyakinan-keyakinan menjadi bertambah. Perkara ini terjadi apabila ilmu menjadi ‘ain dan ‘ain menjadi *haq*. Lalu Allah SWT melimpahi mereka dengan taubat dan rahmat menurut ketentuan *hal* dan persediaan mereka untuk berjalan atau kekal padanya. Semua nama Madinah, nama *al-Muhammadiyyah* dan nama *al-Ilahiyyah* memperluas mereka seperti itu.

Kumpulan Manusia Pada Peringkat Kelima Puluh Empat daripada peringkat ziarah dan orang berziarah. Mereka memperoleh taubat dan rahmat Allah SWT daripada *hadrah* nama Madinah, iaitu *al-Qasimah*. Sebab mereka mempunyai rahsia yang memecah dan memisah di antara perkara-perkara yang sukar, bercampur baur dan bersangkutan bersama penghuninya dengan cara yang paling mudah. Maka perbuatan dan kesannya kelihatan pada perkataan dan penglihatan mereka. Sementara perbuatan dan tujuan mereka pula kelihatan pada perkara sunat dan fardhu mereka. Lantaran itu, Allah SWT melimpahi mereka dengan taubat dan rahmat-Nya daripadanya. *Marzil* mereka pula adalah cahaya bagi mereka daripada nama ini menurut ketentuan amalan dan keikhlasan mereka padanya. Baki nama-nama *al-Ilahiyyah*, Madinah, *al-Muhammadiyyah* dan tiga *al-Hadarat* memperluas mereka seperti itu sebagaimana yang telah lalu.

Kumpulan Manusia Pada Peringkat Kelima Puluh Lima daripada peringkat ziarah dan orang yang berziarah. Mereka memperoleh taubat dan rahmat Allah SWT daripada *hadrah* nama Madinah, iaitu *Qubbah al-Islam* disebabkan ia yang menguasai mereka pada semua jalan. Lalu Allah SWT melimpahi mereka dengan taubat dan rahmat menurut

ketentuan keluasan dan persediaan mereka semasa mereka menginap, iaitu untuk bertambah dan meningkat menurut persediaan dan menetap mereka sebagaimana yang dikehendaki Allah SWT. Dia-lah yang memperjalankan mereka di daratan dan lautan semua *manzil* serta menyelamat mereka daripada kebinasaan gurun dan tanah gersang semasa mereka menduduki *manzilah* ini dan semasa perjalanan mereka. Mereka beredar-edar pada orbit sehingga ke penghujungnya untuk menghadap Allah SWT. Mereka menghampiri-Nya dari semua arah dan Dia bersama mereka di mana sahaja mereka berada. Maka mereka menuju kepada Nya dengan nama ini. Perkara itu berlaku pada orang yang berilmu dan yang tidak berilmu, dan tidak sama orang yang berilmu dengan yang tidak berilmu. Baki nama-nama dan *al-Hadarat* juga memperluas mereka pada semua keadaan.

Kumpulan Manusia Pada Peringkat Kelima Puluh Enam daripada peringkat ziarah dan orang berziarah. Mereka memperoleh taubat dan rahmat Allah SWT daripada *hadrah* nama Madinah, iaitu *al-Qaryah* disebabkan nam ini yang menguasai mereka, bukan selain mereka. Lalu Allah SWT melimpahi mereka dengan taubat dan rahmat menurut ketentuan luas dan penambahan mereka daripada nama ini dan *penginapan* mereka denganannya. Baki nama-nama dan *al-Hadarat* juga memperluas mereka seperti itu.

Kumpulan Manusia Pada Peringkat Kelima Puluh Tujuh daripada peringkat ziarah dan orang yang berziarah. Merckya memperoleh taubat dan rahmat Allah SWT daripada *hadrah* nama Madinah, iaitu *Qaryah al-Ansar*. Sebab penguasaan sifat nama ini serta perbuatan dan sifatnya yang kelihatan nyata pada akhlak dan pembebasan serta pada semua amalan, perkataan, penglihatan dan keuntungan, sebagaimana golongan yang awal dan akhir. Lantaran itu, Allah SWT melimpahi mereka taubat dan rahmat menurut ketentuan *hal* dan pencapaian mereka daripadanya. Baki nama-nama juga memperluas mereka dengan *al-Baqiyat al-Salihat* agar mereka dapat bersama-sama.

Kumpulan Manusia Pada Peringkat Kelima Puluh Lapan daripada darjat ziarah dan orang yang menziarahi kekasih *Rabb al-Alamin* SAW daripada *hadrah* nama Madinah, iaitu *al-Ansar*. Sebab nama ini yang menguasai mereka ketika menghimpun, menghubung dan membezakan di antara dua hubungan. Ia menetap perantaraan pertama apabila dihubungkan dengan golongan *al-Ansar* dan ia meninggikannya apabila dihubungkan kepada Rasulullah SAW seterusnya kepada Allah SWT sebagaimana firman-Nya, "Wahai orang yang beriman, jadilah kamu pembela-pembela (agama) Allah (*Ansar Allah*)."⁴⁰⁹ Lalu Allah SWT melimpahi mereka taubat dan rahmat menurut kadar penginapan,

keluasan, *manzil* dan apa yang mereka peroleh daripadanya. Dan semua nama dan *al-Hadarat* juga memperluas mereka.

Kumpulan Manusia Pada Peringkat Kelima Puluh Sembilan daripada peringkat ziarah dan orang yang berziarah. Mereka memperoleh taubat dan rahmat Allah daripada *hadrah* nama Madinah, iaitu *Qalb al-Iman*. Sebab nama ini yang menguasai mereka daripada rahsianya serta menguasai yang nyata, ilmu, amal, agama, ibadat dan hidupnya sehingga mereka berpindah daripadanya atau kekal padanya sebagaimana yang dikehendaki oleh yang Maha melakukan apa yang dikehendaki Nya. Lalu Allah SWT memperluaskan mereka dengan taubat dan rahmat menurut kadar keluasan mereka. Demikian *hal* mereka dan *hal* semua nama yang melimpahi orang yang mencerminkannya menurut ketentuan mereka bukannya ketentuan Madinah, sebagaimana yang telah disebut berulang kali. Sesungguhnya perkara itu tiada batasan kerana Madinah adalah daripada kalimah-kalimah Allah SWT dan "sekiranya lautan menjadi tinta untuk (menulis) kalimat-kalimat Tuhanaku, nescaya habislah lautan itu sebelum habis (ditulis) kalimat-kalimat Tuhanaku, meskipun Kami datangkan tambahan seluas itu juga."¹¹⁰ *Hal* mereka pada Madinah adalah serupa pada semua *maqam*, *manzil*, *hal* dan makna yang tidak bersatu walaupun ditentukan dengan tiada batasan. Nama tersebut memperluas semua nama dan *al-Hadarat* sebagaimana yang telati lalu.

Kumpulan Manusia Pada Peringkat Keenam Puluh caripada peringkat ziarah dan orang yang berziarah. Mereka memperoleh taubat dan rahmat Allah SWT daripada *hadrah* nama Madinah, iaitu *al-Mu'minah* kerana ilmu dan amalnya yang diguna untuk mereka dan yang menguasai mereka. Mereka menempati *manazilnya*, diberikan kemuliaan dengan kemuliaan-kemuliaannya dan cisediakan nikmat-nikmatnya. Lalu Allah SWT melimpahi mereka dengan taubat dan rahmat menurut ketetapan penermaan dan datangnya mereka. Baki nama-nama dan *al-Hadarat* turut memperluas mereka seperti itu.

Kumpulan Manusia Pada Peringkat Keenam Puluh Satu. Mereka memperoleh taubat dan rahmat Allah SWT daripada *hadrah* nama Madinah, iaitu *al-Mubarakah* kerana penguasaannya ke atas mereka serta perbuatan, perkataan, rahsia dan nyatanya yang meliputi mereka. Mereka menempati *manazilnya* dan dimuliakan dengan kemuliaan-kemuliaannya. Lalu Allah SWT melimpahi mereka dengan taubat dan rahmat menurut ketentuan luasnya niat dan amalan mereka yang melayakkan mereka untuk memperolehnnya. Baki nama-nama dan *al-Hadarat* juga memperluas mereka seperti itu.

Kumpulan Manusia Pada Peringkat Keenam Puluh Dua daripada peringkat ziarah dan darjah orang yang berziarah. Mereka memperolehi

taubat dan rahmat Allah SWT daripada *hadrah* nama Madinah, iaitu, *Mubawwa' al-Halal wa al-Haram* disebabkan ia yang menguasai mereka daripadanya. Mereka dinisbah kepada nama itu serta dinisbah juga hukum, bilangan, kurniaan, halangan, kemurahan, bahaya, manfaat, segera dan lambatnya yang menguasai mereka dengan ketentuan yang layak bagi mereka sebagaimana nama-nama yang lain. Semua itu dapat disaksi oleh orang yang ditunjuki Allah SWT tentangnya. Lantaran itu, Allah SWT melimpahi mereka rahmat dan taubat daripada nama ini yang memberikan pengkhususan kepada mereka, iaitu dengan diterima, didatangi dan ciberikan kelebihan ke atas mereka oleh Allah SWT. Baki nama-nama dan *al-Hadarat* serta keperluan kepada semua nama dari *al-hadarat* turut memperluas mereka. Ia adalah perluasan kepada yang lain sebagaimana yang lain adalah sandaran kepadanya secara berterusan dan selama-lamanya dengan tidak menyerah dan berhenti pada semua perhentian di dunia dan akhirat bagi orang yang ditunjukkan Allah SWT tentangnya atau menemuinya melalui bukti-bukti yang menunjukkannya. Dan dengan Allah SWT diperoleh hidayah.

Kumpulan Manusia Pada Peringkat Keenam Puluh Tiga daripada peringkat orang yang menziarahi kekasih *Rabb al-Alamin* SAW. Mereka memperoleh taubat dan rahmat Allah SWT daripada *hadrah* nama Madinah, iaitu *Mubayyin al-Halal wa al-Haram*. Sebab rahsia penguasaan nama ini ke atas mereka dan hukumnya yang mencarik mereka kepadanya, sehingga mereka menjadi sebagaimana yang disebut pada semua darjah nama-nama *al-Ilahiyah* untuk ahli bijakpandai dan ahli perasaan serta yang tidak lenyap disebabkan kehadirannya yang berkekalan. Golongan ini daripada kalangan orang unggul yang mengenal Allah dan hukum-hukum-Nya serta nisbah dan hukum pada semua darjah, nama, sifat dan perbuatan untuk menguasai dan menghukum denganannya. Lalu Allah SWT melimpahi mereka dengan rahmat dan taubat ketika perasaan kasih sayang mereka terhadap Allah SWT berdasarkan ketentuan persediaan mereka pada masa ini dan persediaan mereka untuk masa akan datang. Baki nama-nama dan *al-Hadarat* juga memperluas mereka seperti itu.

Kumpulan Manusia Pada Peringkat Keenam Puluh Empat daripada darjah ziarah dan orang yang berziarah. Mereka memperoleh taubat dan rahmat Allah SWT daripada *hadrah* nama Madinah, iaitu *al-Majburah* kerana keperkasaan yang ada pada Madinah terhadap yang telah pecah dan kerana mereka memiliki perbuatan, ilmu, amal, rahsia dan nyata. Lalu Allah SWT melimpahi mereka menurut ketentuan kelayakan mereka. Baki nama-nama dan *al-Hadarat* juga memperluas mereka seperti itu.

Kumpulan Manusia Pada Peringkat Keenam Puluh Lima daripada peringkat orang yang berziarah. Mereka memperoleh taubat dan rahmat

Allah SWT daripada *hadrah* nama Madinah, iaitu *al-Mahabbah* kerana ia yang menguasai mereka dan menarik mereka kepadanya pada perkataan, akal dan perbuatan. Lalu Allah SWT melimpahi mereka menurut ketentuan keluasan mereka. Baki nama-nama dan *al-Hadarat* turut memperluasi mereka.

Kumpulan Manusia Pada Peringkat Keenam Puluh Enam daripada peringkat ziarah dan orang berziarah. Mereka memperoleh taubat dan rahmat Allah SWT semasa mereka datang dan dengan perasaan kasih sayang mereka terhadap Allah SWT daripada *hadrah* nama Madinah, iaitu *al-Muhabbibah* dan *al-Muhabbabah* yang menguasai mereka. Lalu Allah SWT melimpahi mereka menurut kadar keluasan mereka, kerana limpahan kurnia adalah menurut ketentuan kewajipan yang dipertanggungjawab (*taklif*) ke atas orang yang diperlanggungjawab kewajipan (*mukallaf*). Maka limpahan kurniaan itu kelibatan pada binaannya dan ia menerima dengannya. Lantaran itu, Allah SWT melimpahi mereka taubat dan rahmat dengan rahsia *al-Rububiyyah* yang menuju kepada mereka pada nama ini dan semua nama lain, kerana *al-Rububiyyah* itu yang membolehkan hamba mendiaminya dan berjalan kepadanya melalui ilmu dan amalan. Demikian semuanya adalah ganjaran daripada Allah SWT yang Maha Penerima Taubat dan rahmat daripada yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang dan Maha Pengurnia Kelebihan, sebagaimana firman Allah SWT “dan bertaubatlah kamu sekalian kepada Allah, Wahai orang yang beriman, supaya kamu berjaya.”⁴¹ Baki nama-nama dan *al-hadarat* juga memperluas mereka seperti itu. Penghuraian mengenai perkara itu terhadap orang yang menginap dan berziarah tidak terkira dan tidak terhitung melainkan oleh Allah SWT semata-mata. Demikian hukum-Nya pada golongan awal dan akhir selagi manusia kekal bernafas. Demikian juga mereka pada penciptaan yang baru setiap masa yang berlaku penambahan selama-lamanya walaupun orang yang merasainya tidak menjadi clok dengannya.

Kumpulan Manusia Pada Peringkat Keenam Puluh Tujuh daripada peringkat ziarah dan orang yang menziarahi roh seluruh kejadian dan penutup segala kenabian SAW. Mereka memperoleh taubat dan rahmat Allah SWT daripada *hadrah* nama Madinah, iaitu *al-Mahbubah*. Lalu Allah SWT melimpahi mereka menurut ketentuan jihad dan persediaan mereka. Baki nama-nama Madinah, *al-Muhammadiyyah*, *al-Ilahiyyah* dan *al-Haderat* turut memperluas mereka seperti itu.

Kumpulan Manusia Pada Peringkat Keenam Puluh Lapan daripada peringkat ziarah dan orang yang berziarah. Mereka memperoleh taubat dan rahmat Allah SWT daripada *hadrah* nama Madinah, iaitu *al-Mahburah*. Lalu Allah SWT melimpahi mereka rahsia penguasaan nama ini dan

kebiasaan mereka kepada mereka daripadanya pada sifat, perbuatan dan niat. Semua nama-nama memperluas mereka melalui kurniaan dan halangan untuk melakukan yang sepatutnya apabila mengambil, meninggalkan, menggenggam, melepaskan, memisahkan dan menghimpunkan. Dan semua *al-Hadarat* demikian juga.

Kumpulan Manusia Pada Peringkat Keenam Puluh Sembilan daripada peringkat orang yang berziarah. Mereka memperoleh taubat dan rahmat Allah SWT daripada *hadrah* nama Madinah, iaitu *al-Muharramah* disebabkan ia yang menguasai mereka dan kelihatan pada perkataan, perbuatan, larian, perjalanan, seruan dan sahutan mereka. Lalu Allah SWT melimpahi mereka taubat dan rahmat dengan amalan dan darjat mereka, menempat mereka *dunya* dan mengurniakan cahaya-cahayanya ke atas mereka pada urusan-urusan dunia dan akhirat, iaitu semasa mereka melakukan dan meninggalkan sesuatu. Baki nama-nama dan *al-Hadarat* memperluas mereka seperti itu.

Kumpulan Manusia Pada Peringkat Ketujuh Puluh daripada peringkat orang yang datang beristighfar kepada *Rabb al-Alamin* yang mana Rasul-Nya SAW yang amanah, belas kasihan dan penyayang terhadap orang beriman serta beristighfar pula kepada mereka. Mereka memperoleh taubat dan rahmat Allah SWT daripada *hadrah* nama Madinah, iaitu *al-Mahrusah* kerana ia yang menguasai dan menarik mereka. Lalu Allah SWT melimpahi mereka dengan kadar persediaan dan penerimaan mereka pada baki nama-nama dan *al-Hadarat*.

Kumpulan Manusia Pada Peringkat Ketujuh Puluh Satu daripada peringkat ziarah dan orang berziarah. Mereka memperoleh taubat dan rahmat Allah SWT daripada *hadrah* nama Madinah, iaitu *al-Mahfufah*. Mereka mendapati perkataan, perbuatan dan kepercayaan yang ada pada mereka pada masa sekarang dan akan datang adalah daripada nama ini. Lalu Allah SWT melimpahi mereka dengan kurniaan dan kelebihannya berdasarkan penerimaan mereka yang telah ditentukan. Baki nama-nama dan *al-Hadarat* juga memperluas mereka.

Kumpulan Manusia Pada Peringkat Ketujuh Puluh Dua daripada peringkat ziarah dan orang berziarah. Mereka memperoleh taubat dan rahmat Allah SWT daripada *hadrah* nama Madinah, iaitu *al-Mahfuzah* seperti yang terdahulu. Lalu Allah SWT melimpahi mereka dengan ketentuan keluasan mereka baginya. Baki nama-nama dan *al-hadarat* memperluas seperti itu.

Kumpulan Manusia Pada Peringkat Ketujuh Puluh Tiga daripada peringkat ziarah dan orang berziarah. Mereka memperoleh taubat dan rahmat Allah SWT daripada *hadrah* nama Madinah, iaitu *al-Mukhtarah* kerana ia yang menguasai mereka. Lalu Allah SWT melimpahi mereka apa yang layak bagi mereka daripada nama ini.

Kumpulan Manusia Pada Peringkat Ketujuh Puluh Empat daripada peringkat-peringkat ziarah dan orang berziarah. Mereka memperoleh taubat dan rahmat Allah SWT daripada *hadrah* nama Madinah, iaitu *Mudkhil al-Sidq*. Lalu Allah SWT melimpahi mereka dengan ketentuan penguasaannya untuk mereka dan yang diwajibkan ke atas mereka. Kermuliaan mereka adalah daripadanya. Baki nama dan *al-Hadarat* juga memperluas mereka atasnya.

Kumpulan Manusia Pada Peringkat Ketujuh Puluh Lima daripada darjat orang berziarah. Mereka memperoleh taubat dan rahmat Allah SWT daripada *hadrah* nama Madirah, iaitu *al-Madinah* disebabkan ia yang menguasai mereka. Lalu Allah SWT melimpahi mereka taubat dan rahmat dengan ketentuan mereka. Baki nama-nama dan martabat-martabat juga memperluas mereka sebagaimana yang telah lalu.

Kumpulan Manusia Pada Peringkat Ketujuh Puluh Enam daripada peringkat-peringkat ziarah dan orang yang berziarah. Mereka memperoleh taubat dan rahmat Allah SWT daripada *hadrah* nama Madinah, iaitu *Madinah Rasul Allah SAW* kerana penguasaannya yang menarik kepada *ahwal ilmu* dan amalan. *Manazil* mereka adalah daripada nama ini dan darjat mereka terdapat padanya sebagaimana yang telah lalu bagi orang yang mesra dengannya. Allah SWT sahaja yang menunjukkan jalannya. Lantaran itu, Allah SWT melimpahi mereka kelebihan yang mereka harapkan daripadanya.

Kumpulan Manusia Pada Peringkat Ketujuh Puluh Tujuh daripada peringkat orang yang berziarah. Mereka memperoleh taubat dan rahmat Allah SWT daripada *hadrah* nama Madinah, iaitu *al-Marhumah* kerana ia yang menguasai mereka. Lalu Allah SWT melimpahi mereka daripada nama ini dengan ketentuan mereka. Semua nama dan *al-Hadarat* melimpahi mereka juga seperti itu.

Kumpulan Manusia Pada Peringkat Ketujuh Puluh Lapan daripada peringkat orang yang menziarahi kekasih *Rabb al-Alamin* SAW yang belas kasihan lagi penyayang ke atas orang beriman. Mereka memperoleh taubat dan rahmat Allah SWT daripada *hadrah* nama Madinah, iaitu *al-Marzuqah*. Lalu Allah SWT melimpahi mereka taubat dan rahmat dengan ketentuan mereka. Nama-nama dan *al-Hadarat* juga memperluas mereka.

Kumpulan Manusia Pada Peringkat Ketujuh Puluh Sembilan daripada darjat ziarah dan orang yang berziarah. Mereka memperoleh taubat dan rahmat Allah SWT daripada *hadrah* nama Madinah, iaitu *Masjid al-Aqsa*. Lalu Allah SWT melimpahi mereka taubat dan rahmat dengan ketentuan mereka. Perluasan (nama-nama dan *al-Hadarat*) adalah sebagaimana yang telah lalu.

Kumpulan Manusia Pada Peringkat Kelapan Puluh daripada darjat ziarah. Mereka memperoleh taubat dan rahmat Allah SWT semasa mereka datang dan beristighfar daripada *hadrah* nama Madinah, iaitu *al-Miskinah*. Lalu Allah SWT melimpahi mereka taubat dengan ketentuan mereka. Baki nama-nama dan *al-Hadarat* juga memperluas mereka.

Kumpulan Manusia Pada Peringkat Kelapan Puluh Satu. Mereka memperoleh taubat dan rahmat Allah SWT daripada *hadrah* nama Madinah, iaitu *al-Muslimah* disebabkan mereka memiliki sesuatu daripadanya. Lalu Allah SWT melimpahi mereka rahmat dan taubat dengan ketentuan keluasan mereka. Baki nama-nama dan *al-Hadarat* juga menguasai mereka seperti itu.

Kumpulan Manusia Pada Peringkat Kelapan Puluh Dua daripada peringkat ziarah dan orang-orang yang berziarah. Mereka memperoleh taubat dan rahmat Allah SWT daripada *hadrah* nama Madinah, iaitu *Madjur Rasul Allah SAW* kerana mereka mempunyai sesuatu daripada nama ini dan ia menguasai mereka pada perkataan dan perbuatan. Lalu ia memperluas mereka kerana Allah SWT dengan penambahan taubat dan rahmat-Nya menurut ketentuan penerimaan mereka. Baki nama-nama dan martabat-martabat juga demikian juga.

Kumpulan Manusia Pada Peringkat Kelapan Puluh Tiga daripada peringkat ziarah dan orang yang berziarah. Mereka memperoleh taubat dan rahmat Allah SWT daripada *hadrah* nama Madinah, iaitu *al-Mutibah*. Lalu Allah SWT melimpahi mereka taubat dan rahmat menurut ketentuan persediaan dan kesungguhan mereka. Baki nama-nama dan tiga *maqamat* juga memperluas mereka.

Kumpulan Manusia Pada Peringkat Kelapan Puluh Empat daripada peringkat ziarah dan orang berziarah. Mereka memperoleh taubat dan rahmat Allah SWT daripada *hadrah* nama Madinah, iaitu *al-Muqaddasah* kerana penguasaannya ke atas mereka dengan rahsia kemuliaan Madinah Ilahi dan Nabi Muhammad yang Islam, iman dan ihsan (*al-Madani al-Ilahi al-Muhammadi al-Islami al-Imani al-Ihsani*) pada perkataan, perbuatan dan kepercayaan. Lalu Allah SWT melimpahi mereka (taubat dan rahmat) dan baki nama-nama tersebut pula memperluas mereka dengan limpahan sebenar-benar taubat dan rahmat Allah SWT ketika mereka datang, beristighfar dan dengan perasaan kasih sayang mereka terhadap Allah SWT menurut ketentuan *hal* mereka daripada seberat atom (*dharrah*) sehingga kepada harta yang bertimbun-timbun sebelum dan selepasnya tanpa perhitungan. Ia bermula dengan tiada dan akhirnya ia menjadi banyak. Jumlahnya dikembalikan menjadi tiada pada satu yang berbilang-bilang disebabkan penggandaan pada perluasan.

"Maka ingatlah, kerana sesungguhnya peringatan memberikan manfaat kepada orang beriman."⁴¹¹ "Dan zikrullah adalah yang paling utama."⁴¹² Dia-lah yang zahir pada semua yang zahir serta Dia-lah batin yang datang dan muncul. Dia-lah yang awal pada yang terdahulu dan Dia-lah yang akhir pada yang akhir di sisi semua kejadian yang awal dan akhir. Ia memberi kesan pada gunung-gunung dan batu-batu dengan berulang-ulang. Maka ia memberi kesan di sisi orang yang mempunyai pandangan yang mendalam dan diterima (*ahl al-Istibsar wa qabil*) kerana bersifat dengan hidup, panas dan sejuk walaupun ia sesuatu yang licin. Mesti ada kesan yang melakukan (*al-Fa'il*) pada yang menerima (*al-Qabil*) sebagaimana yang menerima (*al-Qabil*) memberi kesan kepada yang melakukan (*al-Fa'il*), lantaran itu gunung pun menyerap batu. Maka banyak batu yang telah menyerap sebelum ia diserap juga dengan batu. Kedua-duanya adalah yang melakukan (*al-fa'il*) dan yang menerima (*al-Qabil*). Sesungguhnya Allah SWT menjadikannya saksi kepada orang yang berakal (*ulu al-Albab*) semasa ia berterusan mengetuk pintu (untuk memasukinya). Sesungguhnya telah berhasil pembukaan dengan semua ketukan sedangkan dia tidak merasainya. Sesungguhnya pintu telah dibuka. Dengan pelaziman, maka yang keras menjadi lembut dan diangkat *hijab* daripada orang yang mencari (*tillab*),⁴¹³ yang hadir bukan ghaib. Demikian persepsi (*idrak*)⁴¹⁴ yang berlaku pada batu, hidup, panas, kering, sejuk, basah, balasan buruk dan ganjaran baik. Rasulullah SAW telah memukul sebuah batu dan kedua-dua telinganya mendengar ketika Rasulullah SAW bersabda padanya: "pakaianku wahai batu."⁴¹⁵ Dengan itu juga Allah SWT telah menampakkan kurniaan-Nya yang banyak di atas gunung dengan menampakkan enam buah kelompok, sebagaimana yang telah disebut dalam riwayat Ibn Abi Hatim⁴¹⁶ dan Abu Nu'aim⁴¹⁷ dalam *al-Hilyah wa al-Daylami*,⁴¹⁸ daripada Anas bin Malik bahawa Nabi SAW telah bersabda, "Apabila Allah SWT muncul di gunung lalu berterbangan enam buah gunung disebabkan keagungan-Nya. Tiga buah jatuh di Madinah dan tiga buah di Mekah. Di Madinah ialah *Uhud*, *Waraqan* dan *Radwa*, sementara di Mekah ialah *Hara*, *Thabit* dan *Thur*."⁴¹⁹

Aku berkata bahawa ini adalah antara dalil harus melihat Allah SWT kepada hamba-hamba yang dikehendaki-Nya, kerana gunung ialah hamba daripada hamba-hamba Allah SWT. Firman Allah SWT "tidak ada seorang pun di langit dan di bumi, kecuali akan datang kepada Tuhan yang Maha Pemurah sejauh scorang hamba."⁴²⁰ Dan dalilnya juga ialah riwayat Ibn Marduyah⁴²¹ daripada Ibn 'Umar r.a. bahawa Rasulullah SAW telah berkata mengenai firman Allah SWT "maka apabila Tuhan-Nya telah menampak diri-Nya di gunung, lalu ia pun hancur menjadi rata,"⁴²² lalu Baginda SAW menunjukkan jari kelingkingnya.⁴²³

Aku berkata bahawa ia menunjukkan bahawa Mekah dan Madinah bersambung melalui gunung-gunung tersebut. Maka perhatikan apa yang terjadi kepada gunung dan batu. Dan perhatikan Madinah dan Mekah serta bersamalah yang *Haq*, dan janganlah jadi lebih jauh dan lebih kering daripada batu. Maka sesungguhnya pada setiap urusan, manusia akan meningkat naik atau menurun. Maka pakai pakaian dan janganlah tanggalkannya. Pakaian itu adalah pakaian kewajipan yang dipertanggungjawab (*taklif*) sepanjang semua kehidupan kamu. Maka kembalikan ia kepada Allah dan Rasulullah SAW dengan dengar dan taat serta jangan kamu menuruti hawa nafsu, lalu kamu akan melakukan maksiat dan tersingkap auratmu kerana melakukan kesalahan yang membawa kepada sesuatu yang tidak dapat disembunyi di dunia dan akhirat. Apabila engkau telah menunaikan amanah, maka engkau telah menunaikannya dan jika engkau mengabaikannya, maka engkau telah mengabaikannya. Sesiapa yang meninggalkan penglihatan yang mendalam maka dia telah menduduki tempat yang lebih rendah daripada binatang dan batu, "sesungguhnya ada di antara batu-batu yang terpancar air-air sungai daripadanya, dan ada di antaranya yang pecah-pecah lalu keluarlah air daripada celah-celahnya, dan ada di antaranya yang berjatuhan kerana takutkan Allah SWT."⁴²⁵ Maka ambillah pedoman dengan kesan-kesan ini kerana mengambil pedoman dengannya adalah cahaya daripada kumpulan cahaya. Cahaya tersebut adalah daripada cahaya yang Maha Memiliki Cahaya (*Nur al-Anwar*). "Allah (Pemberi) cahaya (kepada) langit dan bumi. perumpamaan cahaya Allah, adalah seperti sebuah lubang yang tak tembus, yang di dalamnya ada pelita besar. Pelita itu di dalam kaca (dan) kaca itu seakan-akan bintang (yang bercahaya) seperti mutiara, yang dinyala dengan minyak dari pohon yang berkat, (iaitu) pohon zaitun yang tumbuh tidak di sebelah Timur (sesuatu) dan tidak pula di sebelah Barat, yang minyaknya (saja) hampir-hampir menerangi, walaupun tidak disentuh api. Cahaya di atas cahaya (berlapis-lapis). Allah memberi petunjuk kepada cahaya-Nya sesiapa yang diakehendaki".⁴²⁶ Dan ingatlah pada kedudukan jaluan ini, "dan Allah memperbuat perumpamaan-perumpamaan bagi manusia, dan Allah Maha Mengetahui segala sesuatu".⁴²⁷ Inilah gambaran sejumlah cahaya dan kegelapan bagi orang yang diperlihat dan diletakkan. Dan tempat kembali hanya kepada Allah SWT.

Kumpulan Manusia Pada Peringkat Kelapan Puluh Lima daripada peringkat ziarah dan orang berziarah. Mereka memperoleh taubat dan rahmat Allah SWT daripada *hadrah* nama Madinah, iaitu *al-Maqarr* kerana ia yang menguasai dan menuntut matlamat tersebut pada perkataan, perbuatan dan perasaan. Lalu Allah SWT melimpahi mereka

menurut ketentuan mereka dengannya. Matlamat itu juga memperluasi mereka pada perkataan, perbuatan dan perasaan, lalu Allah SWT melimpahi mereka menurut ketentuan mereka dengannya. Baki nama dan *al-Hadarat* turut memperluas mereka pada corak, kejadian, perluasan dan bantuan sehingga ke martabat-martabat ketika mereka menetap dan berjalan pada awal dan akhir, sebagaimana semuanya.

Kumpulan Manusia Pada Peringkat Kelapan Puluh Enam daripada peringkat ziarah dan orang yang menziarahi Rasul *Rabb al-'Alamin*. Mereka memperoleh taubat dan rahmat Allah SWT daripada *hadrah* nama Madinah, iaitu *al-Makkatan* disebabkan Madinah menghimpulkan, iaitu tempat yang paling menghimpun dan paling mulia kelihatan padanya, iaitu Burji yang memberkati (*Bait al-Muqaddis*) dan Tanah Haram yang mengharamkan (*al-Haram al-Muharram*) serta kerana ia sahaja yang menghimpun dan menyatukan pada perhimpunan yang agung. Lalu Allah SWT melimpahi mereka daripada nama ini menurut *hal* mereka dan bacaan kitab-Nya yang menghimpunkan menurut tujuan mereka. Lalu Allah SWT menetap mereka dengan diri mereka dan mengutuskan mereka pemberian-Nya. Baki nama-nama memperluas mereka seperti itu, begitu juga tiga *al-Maqamat*.

Kumpulan Manusia Pada Peringkat Kelapan Puluh Tujuh daripada darjah ziarah dan orang yang berziarah. Mereka memperoleh taubat dan rahmat Allah SWT daripada *hadrah* nama Madinah, iaitu *al-Makinah* kerana kekuatan mereka dan diberi kekuatan kepada mereka untuk beramal, berilmu, berkata-kata dan mempunyai kepercayaan daripadanya. Lalu dihukum mereka dengannya dan dilimpahi dengan kadar keluasan, *manzil* dan kemuliaan mereka daripadanya. Baki nama-nama dan *al-hadarat* memperluasi mereka juga seperti itu.

Kumpulan Manusia Pada Peringkat Kelapan Puluh Lapan daripada peringkat ziarah dan orang yang berziarah. Mereka memperoleh taubat dan rahmat Allah SWT daripada *hadrah* nama Madinah, iaitu *al-Muwaqqiyah*. Maka mereka menunaikan janji dan ditunai janji kepada mereka dengan ketentuan dan menurut perbezaan khusus darum, banyak dan sedikit bahagian serta ketetapan mereka. Nama tersebut menetap bagi mereka seperti itu, begitu juga semua nama-nama pada penghuni langit dan bumi. Maka Allah SWT melimpahi mereka dengan ketentuan keluasan mereka dan berlakulah perluasan pada nama-nama dan *al-Hadarat* sebagaimana yang terdahulu.

Kumpulan Manusia Pada Peringkat Kelapan Puluh Sembilan (peringkat ini tidak dicatat di dalam teks yang dirujuk). Satu kumpulan daripada kumpulan penghuni langit dan bumi yang berziarah pada Peringkat Kesembilan Puluh. Mereka memperoleh taubat dan rahmat Allah SWT

daripada *Hadrah* nama Madinah, iaitu *al-Najiyah*. Nama yang menguasai mereka menetapkan mereka untuk yang ghaib tanpa dapat ditewaskan. Allah SWT melimpahi mereka taubat dan rahmat dengan ketentuan mereka seperti yang lain. Baki nama-nama dan *al-hadarat* memperluas mereka dengan satu nama bagi setiap tujuan dengan ketentuannya. Itulah malam ketentuannya.

Kumpulan Manusia Pada Peringkat Kesembilan Puluh Satu daripada peringkat ziarah dan orang berziarah. Mereka memperoleh taubat dan rahmat Allah SWT daripada *hadrah* nama Madinah, iaitu *Nabala* kerana terdapat padanya peraturan tentang berhati mulia yang menguasai mereka pada semua hal. Maka Allah SWT melimpahi mereka taubat dan rahmat-Nya daripada nama ini dengan limpahan yang luas pada angkasa penerimaan mereka yang menghimpun semua kemuliaan setiap yang ada (*maujud*) sebagaimana yang terdahulu. Alam-alam *al-Hadarat* dan nama-nama memperluas mereka seperti itu juga. Setiap tujuan mempunyai nama. Maka mereka mendapati Allah Maha Penerima Taubat lagi Maha Penyayang dengan kebaikan dan tujuan tersebut melalui amalan soleh, *ahwal* yang mulia dan balasannya pada masa sekarang dan akan datang.

Kumpulan Manusia Pada Peringkat Kesembilan Puluh Dua daripada peringkat-peringkat ziarah. Mereka memperoleh taubat dan rahmat Allah SWT daripada *hadrah* nama Madinah, iaitu *al-Nahr Nahr al-Zahirah* disebabkan nama ini yang menguasai mereka. Allah SWT melimpahi mereka taubat dan rahmat-Nya daripadanya dengan ketentuan keluasan mereka. Baki nama-nama dan *maqamat* turut memperluasi kumpulan yang umum dan khusus di kalangan mereka.

Kumpulan Manusia Pada Peringkat Kesembilan Puluh Tiga daripada peringkat ziarah dan orang berziarah. Mereka memperoleh taubat dan rahmat Allah SWT daripada *hadrah* nama Madinah, iaitu *al-Hadhra* kerana nyelaan cinta yang semarak dan limpahan air kasih sayang daripadanya. Nama ini yang menguasai mereka dan mereka dinisbah kepadanya. Kehalusan semua nama menjelajahi semua namanya daripada yang akan datang kepada yang telah lalu dan daripada yang lalu kepada yang akan datang, kerana keesaan (*al-ahadiyyah*)⁴²⁸ ialah zatnya dan kemajmukan (*al-kathrah*)⁴²⁹ pula ialah tanggapan. Ini peraturan bagi nama-nama dan benda-benda selagi ada yang dicipta dan dibina. Setiap yang dicipta adalah tanda-tanda kekuasaan Allah SWT. Dan ci antara tanda-tandanya ialah, "kapal-kapal yang dicipta di lautan seperti gunung-ganang",⁴³⁰ dan "dan jika Dia menghendaki, maka dijadi angin tenang, lalu kapal-kapal berhenti di atas permukaannya".⁴³¹ Tidak sesualu urusan berlaku seperti itu melainkan akan terjadinya dua perkara. Maka kamu pelajarilah daripada ini, bahawa sesungguhnya semua penyingkapan

(*al-kashf*) awal dan akhir adalah dengan keesaan untuk keesaan kerana semua dapat mencapainya dengan zat yang Maha Esa bukan yang lain, dan disingkap baginya tanpa *hijab* sejak azali dan selamanya. Maka dengan ini, sesuatu yang datang darinya tidak sendirian, dan dia tiada lenyap kerana berhimpun pada zat dan berpisah pada nisbah. Maka ingatlah. Ini adalah sumber roh pada asal kemuliaan dan kehormatan. Maka sesiapa yang mengerti, dia telah sampai dan sesiapa yang lalai, dia dihalang dengan penghalang yang besar. Kehendak merencanakan dan urusan berdiri pada zatnya, bukan didirikan dan bukan keperluan. Yang Maha Kaya lagi Maha Perkasa mencampakkan gelombang-gelombang kebenaran. Lalu Allah SWT melimpahi mereka dengan nama tersebut menurut ketentuan persediaan mereka baginya. Baki nama-nama dan *al-Hadarat* juga memperluas mereka dengan zat kepada zat.

Kumpulan Manusia Pada Peringkat Kesembilan Puluh Empat daripada darjat orang berziarah. Mereka memperoleh taubat dan rahmat Allah SWT daripada *hadrah* nama Madinah, iaitu *Yathrib* kerana peraturan kebiasaan yang berterusan bagi hukuman dan penghakiman. Mereka diperluas dengan ketentuan mereka caripada nama ini. Nama-nama dan *al-Hadarat* memperluas mereka sebagai pemerolehan dengan zat untuk zat. Orang yang lalai pula berada dalam kesengsaraan.

Kumpulan Manusia Pada Peringkat Kesembilan Puluh Lima daripada peringkat orang berziarah. Mereka memperoleh taubat dan rahmat Allah SWT daripada *hadrah* nama Madinah, iaitu *Yandad* kerana ia yang menguasai. Maka nama tersebut menguasai mereka lalu menempat mereka di sisinya dan menghentikan mereka di hadapannya untuk memuliakan mereka. Lantaran itu, mereka beramat dengan amalan dan dibuka ilmu, rezki dan akhlaknya bagi mereka. Baki nama-nama dan *magamat* memperluas mereka dengan seruan yang terdapat pada "setiap sesuatu adalah dengan kadar tertentu di sisi-Nya."⁴⁵²

Kumpulan Manusia Pada Peringkat Kesembilan Puluh Enam daripada darjat ziarah dan *manazil* orang yang berziarah. Mereka memperoleh taubat dan rahmat Allah SWT daripada *hadrah* nama Madinah, iaitu *Yandar* kerana peraturan yang menguasai yang mendaangkan pembukaan matlamat. Lalu mereka dilimpahi dengan ketentuan pengambilan mereka daripada nama ini. Baki nama-nama turut memperluas mereka.

Kumpulan Manusia Pada Peringkat Kesembilan Puluh Tujuh daripada peringkat ziarah dan orang berziarah. Mereka memperoleh taubat dan rahmat Allah SWT daripada *hadrah* nama Madinah, iaitu *al-Mujibah* kerana ia menguasai mereka. Ketetapan peraturannya meliputi semua orang yang berziarah dan *nazilin* dengan mereka berhak memperoleh syafaat. Ada antara mereka yang diganti keburukan dengan kebaikan.

Ada yang kebaikannya bertambah dan ada yang diringankan daripada keburukan dengan kebaikan. Maka seorang yang menginap tidak terlepas daripada ihsan nama ini. Sesungguhnya *ahwal* ihsan berbeza menurut ketentuan yang mendahului dan amalan. Mereka dilimpahi cengar ketentuan pencapaian mereka daripadanya. Baki nama-nama dan *al-Hadarat* turut memperluasi mereka.

Sesungguhnya engkau telah ketahui bahawa semua perkara itu adalah kerana Allah SWT dan Dia-lah yang menyingskap diri (*al-Mutajalli*) pada semua perkara mengikut perbezaannya. Tidaklah boleh sesuatu urusan dan penciptaan menyertai Allah SWT melainkan dengan izin-Nya. Maka sertailah Allah SWT kerana apa yang kamu harapkan dan jangan kamu berputus asa daripada rahmat Allah SWT apabila kamu melihat perkara itu. Ia adalah izin Allah SWT di sisi *Ahl Allah*. Sebagaimana yang dinyatakan oleh pengarang *al-Mawaqif*, 'Abd al-Jabbar al-Niffari⁴² r.h. dengan kata-kata *al-Hadrat al-Ilahiyah* dengan lafaznya, "Apabila engkau melihat-Ku, maka sertailah Aku dan tidak perlulah meminta izin daripadaku."⁴³ Sesungguhnya ia telah menunjukkan dua perbuatan iaitu 'buat' dan 'tinggalkan' kerana yang dapat difahami ialah 'jika kamu tidak melihat-Ku, maka janganlah kamu sertai sehingga kau melihat-Ku'. Demikian bagi nama yang menghalang sehingga ia diizinkan yang Maha Memberi kerana keharusannya. Sesuatu yang harus bermakna ia boleh dilakukan dan ditinggalkan. Ini adalah daripada dalil-dalil *ru'yah*⁴⁴ pada *ahl al-Riwayah*⁴⁵ dan *al-Dirayah*.⁴⁶ Maka izin mengantikan *maqam ru'yah* kerana *ru'yah* ialah izin, dan tidak boleh berlaku *ru'yah* melainkan dengan izin. Ini *maqam* ahli zikir. Maka *ru'yah* adalah untuk orang yang berzikir dan yang saling mendatangi. Inilah antara adab-adab orang yang menziarahi kekasih Allah, SAW yang datang beristighfar dan mendapati Allah SWT Maha Penerima Taubat lagi Maha Penyayang menurut ketentuan yang ada pada mereka.

Kumpulan Manusia Pada Peringkat Kesembilan Puluh Lapan daripada darjah ziarah dan penghuninya. Mereka memperoleh taubat dan rahmat Allah SWT daripada hadrat nama Madinah, iaitu *al-Mudzibah* kerana mereka memiliki rabsianya, iaitu yang menyerap keraguan, membuang segala masalah dan membangkit keyakinan pada zat dan sifat dengan menguasai dan menarik mereka pada terang, ilmu, amalan, zahir dan batin. Allah SWT melimpahi mereka taubat dan rahmat-Nya menurut ketentuan keluasan mereka serta bertambah perluasannya daripada nama itu dan baki nama-nama lain.

Kumpulan Manusia Pada Peringkat Kesembilan Puluh Sembilan daripada darjah menziarahi kekasih *Rabb al-Alamin*. Mereka memperoleh taubat dan rahmat Allah SWT daripada hadrat nama Madinah, iaitu *al-*

Akhirah kerana rahsia akhirat pada semua yang menguasai dan mencari mereka sehingga mereka mencapai matlamat tersebut. Allah SWT melimpahi mereka taubat dan rahmat daripadanya dengan ketentuan *maqam* mereka dan apa yang mereka peroleh semasa mendiami dan berjalan pada *hissi* dan *mernawi*. Dan orang yang mempunyai tujuan menjadikannya tujuan. Baki nama-nama dan *al-Hadarat* turut memperluas mereka seperti itu. Ini kesempurnaan darjat dan peringkat sembilan puluh sembilan daripada nama-nama Madinah yang selari dengan derajat syurga serta nama-nama *al-Ilahiyah* dan *al-Muhammadiyyah*.

Nama yang menghimpun semua himpunan dan tempat himpunan adalah untuk Muhammad SAW pada asalnya dan untuk yang mengikutnya, iaitu pada menghimpun dan yang mengikutnya pada derajat kesempurnaan, iaitu sempurna menjadi seratus nama. Secara ringkasnya, Madinah adalah seperti tingkatan syurga yang mempunyai seratus tingkat. Bagi setiap tingkat mempunyai sembilan alam yang tidak sempit dan tidak sukar melainkan apa yang dikehendaki Allah SWT. Maka kenalilah Madinah. Ia adalah pandangan Allah SWT kerana ia adalah hati makhluk dunia dan tanaman makhluk akhirat. Lantaran itu, Allah SWT menempatkan Muhammad SAW padanya dan menjadikannya tempat tinggalnya serta memindah Baginda SAW daripadanya ke *Dar al-Qarar*. Dan Dia menjadi di Madinah satu taman daripada taman-taman syurga dan menjadikan padanya air-air, buah-buahan, gunung-ganang dan lembah-lembah daripada syurga. Sesungguhnya Madinah adalah negeri yang paling dikasih Allah SWT seperti akan datang yang dicatat oleh al-Hakim dalam *al-Mustadrak 'Ala Sahihain* iaitu, "Ya Allah! Sesungguhnya Engkau telah mengeluarkanku...,"³⁸ maka Allah SWT telah memilih Madinah berbanding yang lain. Ia adalah penutup dan penutup sesuatu urusan adalah dengannya. Yang demikian adalah bukti permulaan, pembukaan dan penutup. Kerana sesuatu perkara tidak sempurna pusingannya sehingga ia kembali kepada permulaannya, sebagaimana ditutup dengan Nabi Muhammad SAW kerana dia adalah yang awal dan akhir, yang membuka dan menutup. Demikianlah tempatnya.

Bukti mengutamakan orang lain dan kejayaan kepada penghuninya, pemeliharaan sifat kedekut yang menghalang kejayaan dan kebaikan telah kelihatan dengan Madinah, kerana mereka adalah orang yang berjaya. Cukuplah penghuninya memperoleh kemuliaan dan ketinggian dengan seruan, "Wahai orang yang beriman!" Seruan dengan "Wahai" telah mengandungi pembukaan dan penutup. Telah sempurna kemuliaan dengan penciptaan kehidupan dunia yang sempurna dengan Madinah sehingga mereka riemasuki *Dar al-Salam* daripadanya dengan izin Allah SWT yang Maha Mengetahui, yang Maha Mengurniakan kelebihan kepada hamba-hamba-Nya dengan keampunan dan kurniaan nikmat yang

berimpah ruah. Dengan catatan yang ringkas sekadar ini, berakhirlah petunjuk.

Bab Keempat

Pertukaran martabat-martabat orang yang menziarahi kekasih Tuhan semesta alam (*Rab al-'Alamin*) SAW dan memasuki perlindungan Nabi *al-Amin*. Sesiapa yang memasukinya dia akan memperoleh keamanan di dunia dan pada agama. Pertukaran *manazil* mereka disebabkan pertukaran martabat mereka, kerana Madinah adalah gambaran akhirat yang terdapat di dunia. Madinah adalah daripada akhirat di sisi orang yang mempunyai cahaya terang benderang. Madinah ialah *Sidrah al-Muntaha*⁴⁹ pada yang mengerti tentang dua negeri (dunia dan akhirat). Ia juga penciptaan pertama bagi jasad Baginda SAW yang mulia yang dicipta berasal daripada bumi Madinah dengan menghimpun semua jenis kemuliaan. Tiada tempat di bumi adalah Taman Syurga (*Rawdah al-Jannah*) melainkan Madinah. Syurga ialah di negeri akhirat dan apa yang berasal daripadanya adalah syurga. Madinah ialah syurga di dunia yang diperlihat untuk menunjukkan kemuliaan kekasih Allah SWT kerana Allah SWT menempatkannya di syurga dunia dan akhirat. Madinah menjadi kemuliaan bagi Nabi SAW dan keuntungan umum kepada orang yang mendiaminya bersama Nabi SAW dan yang berkunjung kepadanya. Baginda SAW mendiami syurga dunia dan akhirat. Sesungguhnya tempat kembali adalah akhirat walaupun berada dan mendiami dunia kerana di dunia diberi tanggungjawab padanya Allah SWT memperluas kepada Baginda SAW dengan kemurahan-Nya sehingga Baginda SAW memiliki semua kemuliaan Madinah, sebagaimana keterangannya yang akan datang pada bahagian penutup, dengan kehendak Allah SWT Madinah kelihatan berada di dunia dan akhirat kerana kedua-duanya berhimpun di sana dan kerana Madinah ialah *al-Maqar*, *al-Makkatan* dan *Masjid al-Aqsa*. Nama-nama Madinah ialah *'alam* yang menunjukkan apa yang dinamakan. Madinah kelihatan sebagai tempat berhimpun kerana berlakunya himpunan dengannya yang menjadi rahsia dan maknanya.

Antara pertukaran itu ialah pertukaran yang berlaku dengan penambahan dalam syafaat umum yang dipercayai melalui syafaat. Ada golongan manusia yang berziarah yang menemui Allah SWT di sisi kekasih-Nya SAW pada *haibrah* nama Madinah dan darjatnya bersama baki nama-nama dan *al-Hadarat*. Lantaran itu, Nabi SAW memberi syafaat kepada mereka dengan pertukaran mereka kepada nama dan darjat yang lain. Mereka berpindah daripadanya kepada *hadrah* nama tersebut kerana ia adalah lebih luas dan lebih mulia jika dibanding

dengan keadaan mereka pada awalnya disebabkan kelayakan mereka untuk mendudukinya. Demikian pada semua tahap, tingkat dan *hadarat* pada nama-nama, dengan apa yang dikehendaki oleh Nabi SAW dan dilihat oleh Baginda SAW layak menurut pengetahuan Allah SWT dan yang diperintahkan kepadanya, disebabkan sebenar-benar taubat dan rahmat bagi mereka serta perasaan kasih sayang kerana Allah SWT di sisi Rasul-Nya SAW ketika mereka datangan dan ber*istighfar*. Itu rahmat dan belas kasihan Baginda SAW kepada mereka sebelum mereka sampai kepadanya pada waktu tersebut. Sekiranya mereka datang kepada Nabi SAW dengan jihad yang panjang, latihan dan perjalanan, maka Baginda SAW meringankan mereka sepanjang perjalanan tersebut selama mana urusan tersebut diterima menurut pandangan Baginda SAW terhadap mereka. Baginda SAW ialah khalifah Allah SWT ke atas semua, maka ziarah mereka kepadanya menambahkan kemuliaan mereka ketika mereka sampai dan berdiri di hadapan Nabi SAW. Ziarah telah membina *maqam* amalan dan jihad mereka yang lain untuk sampai ke *maqam* tersebut. Darjah tersebut ciperoleh dengan izin Allah SWT pada mereka.

Antara syafaat tersebut ialah kepada golongan yang melengkap perjalanan mereka dengan sempurna pada darjah mereka dan amalan yang dilakukan menurut kadar kehuasan mereka. Namun, mereka tidak bersedia dengan amalan yang dapat meninggi darjah yang layak bagi mereka disebabkan terdapat halangan. Lantaran itu, Baginda SAW memberi syafaat kepada mereka. Syafaat Baginda SAW kepada mereka adalah daripada amalan yang menyebabkan mereka mulia mengannya daripada sisi Allah SWT untuk mereka meningkat dari yang pertama kepada yang kedua.

Antara syafaat kepada orang yang telah sempurna dan bersedia untuk yang peningkatan selepasnya ialah dia beramal dengan amalan yang boleh meningkatkannya tetapi terhenti kerana memerlukan izin. Dia tidak dapat berpindah kecuali dengan izin dan ilmu. Ia ciperoleh hasil daripada pembentangan amalan kepada Baginda SAW. Maka janganlah berjalan melainkan dengan izinnya. Kadang-kadang perpindahan berlaku ke darjah yang layak mengannya dan kadang-kadang kepada yang lebih tinggi daripadanya sebelum memperolehnya dengan syafaat Baginda SAW. Dia tidak dapat mencermati sesuatu *maqam* walaupun dia telah berpindah kepadanya dengan mendapat kemuliaan, melainkan dengan kadar amalannya walaupun dia beramal dan tidak beramal. Sebagaimana jika dia berpindah dengan syafaat ke *maqam* yang telah ditentukan kadar amalannya, maka *maqamnya* ialah dengan kadarnya kerana keadaan itu adalah sama seperti syurga, yang mana masuk ke dalamnya ialah dengan rahmat dan kelebihan, namun pembahagian di syurga ialah dengan

amalan. Demikianlah di sini. Darjat adalah umum dan menyeluruh seperti darjat kebenaran (*al-Siddiqiyah*), kesaksian (*al-Shahadah*), kenabian (*al-Nubuwwah*) dan keRasulan (*al-Risalah*). Semua perpindahan pada darjatnya ialah dengan rahmat umum. Rahmat di sini ialah Muhammad SAW. Mereka bersetuju mengikuti Baginda SAW dengan kadar amalan mereka lalu mereka telah bertemu dengannya. Baginda SAW adalah rahmat yang melimpah kepada semua dalam keadaan ada, meluas, kurniaan dan kebahagiaan.

Firman Allah SWT: "Dan Aku tidak mengutuskan engkau melainkan sebagai rahmat kepada seluruh alam"⁴⁴⁰ dan "Katakanlah, dengan kurnia Allah dan rahmat-Nya, hendaklah dengan itu mereka bergembira. Kurnia Allah dan rahmat-Nya itu adalah lebih baik daripada apa yang mereka kumpulkan."⁴⁴¹ Rahmat adalah Baginda SAW dan kelebihan adalah daripada Allah SWT yang dikurniakan kepada seluruh alam, yang beriman dengannya, datang menziarahinya dan beristighfar di sisinya bagi orang yang diberikan kelebihan dengannya. Semua adalah daripada rahmat dan kelebihannya. Oleh itu, hendak mereka bergembira, kerana ia adalah lebih baik daripada apa yang mereka himpukkan kerana menghimpun tidak membolehkan masuk syurga sebagaimana dikatakan oleh orang yang berkata. Bahkan memasuki syurga dan mencontohi Nabi SAW ialah dengan kelebihan kurniaan Allah SWT dan rahmat-Nya, iaitu Muhammad SAW serta syafaat kenabian pada awal dan akhir kerana Baginda SAW adalah perantaraan cunia dan akhirat. Seseorang tidak diterima atau ditolak di dunia melainkan dengan sebab Baginda SAW. Semua itu adalah syafaat kepada ahlinya. Baginda adalah rahmat dan anugerah Allah SWT kepada kita pada semua *hal*, *manzil*, *nuzul* dan *tirhai* pada semua makhluk. Maka ingatlah "dan tidaklah ada yang mengambil peringatan melainkan orang yang kembali kepada-Nya."⁴⁴² Semua *maqam* daripada *maqamat* yang disebut tiada penghujung bagi *manazil* dan kemulian-kemuliaannya. Demikian juga tiada kesudahan bagi *nazihiyah* dan orang yang dimuliakan selama-lamanya. Penambahan peningkatan berlaku dengan amal dan ilmu sama ada dengan mudah (*basit*) atau berlapis (*murakkab*). Ilmu dan amal yang *basit* ialah yang berlaku daripada *hadrah* rahsia kepada *hadrah* rahsia. Dan apa yang menerima terang (*jahr*) dan dua (*tathniyah*), maka ia adalah peningkatan yang berlapis (*murakkab al-Taraqqi*) pada kebenaran (*al-Waqi'*) bagi orang-orang yang benar (*ahl al-Maruqi'*) pada yang mudah (*basit*) dan yang berlapis (*tarkib*) yang serupa dengannya pada *basit* dan *tarkib*. Kedua-duanya mendorong kepada yang seumpamanya sebagaimana yang diketahui oleh wali-walinya yang menemui dan merujuknya kepada Allah SWT yang telah menghimpun kedua-duanya daripada orang yang

menemui (*al-Wajidin*), yang sempurna (*al-Kamilin*) dan memperoleh (*al-Akhizin*) darjat kesempurnaan pada setiap *maqam* dan *manzil*.

Perjalanan mereka padanya ialah dengan menzahirkan kekuatan mereka kepada bentuk amalan untuk mencari kesempurnaan seperti sclain mereka. Perjalanan itu berlaku selamanya dan tiada batasan dengan berkekalan "katakanlah, Dia-lah Allah, yang Maha Esa. Allah adalah Tuhan yang segala sesuatu bergantung pada-Nya. Dia tiada beranak dan tidak pula diperanangkan. Dan tidak ada seorangpun yang serupa dengan-Nya."⁴⁴³ Orang yang mempunyai *maqamat* berpindah dengan syafaat, daripada *maqam* rendah yang dinisbahkan kepada mereka kepada *maqam* yang lebih tinggi yang dinisbah kepada mereka, walaupun di sisi selaian mereka *maqam* itu adalah rendah. Tidak berlaku perbezaan pada *maqamat* dan *ahwal* melainkan dengan nisbah *nazilin* padanya. Jika tidak, maka semuanya adalah amalan dan jihad. Sabda Rasulullah SAW: "Sesungguhnya Allah SWT berkhitab kepada orang beriman sebagaimana dia berkhatab dengan para Rasul." *Khitab* (seruan) adalah satu dan *al-Mukhayyat* (orang yang diseru) berbeza, maka ingatlah *maqam*. Sesuatu pada zatnya adalah satu yang bergantung. Nisbah dan *idafah* (sandaran) menjadikannya bercorak dengan kekurangan dan kesempurnaan untuk yang satu, sebagaimana satu menerima sifat kesempurnaan apabila ia bersatu, dan menerima nisbah kekurangan juga apabila sunyi daripadanya. Maka ia dipuji dengan "aimnya daripadanya dan padanya jika ia memperolehnya, dan ia dikeji jika kehilangan kelayakan yang diperlukan untuk meningkat naik kepadanya. Ia padanya seumpama cupak apabila bersendiri. Apabila cupak bersatu dengan timbangan, jadilah ia sempurna dan lebih sempurna. Kekurangan dan lebih kekurangan berlaku dengan nisbah, pada hal keadaannya pada zatnya adalah sempurna. Inilah contoh sifat keesaan yang disandarkan semua kepadanya dan mengandungi semuanya, "dan untuk yang demikian, maka hendak orang berlumba-lumba."⁴⁴⁴ Dalam konteks ini, mereka didahulukan dan dikemudiankan. Boleh jadi dengan terkemudian memboleh perpindahannya daripada *maqam* tersebut ke *maqam* yang lebih tinggi dan menyeluruh. Maka ia adalah menurun yang menaik. Ini tidak terjadi melainkan kepada sesiapa yang patuh dan menyerah diri. Maka jangan ia menerima sikiran, perkataan dan dirinya, bahkan terimalah apa yang diperintah dan yang lebih baik kelihatannya. Jika tidak, ia telah melakukan kesalahan, bahkan membolehkan balasan batin yang tidak dirasainya dan tidak diperkenankan permintaannya kerana ia dikembalikan kepadanya bukan kepada mereka. Maka awasi perkara itu. Sesungguhnya ia adalah daripada kebirasaan yang tidak kelihatan dan mendatangkan mudarat kepada yang banyak dengan sedikit perkara ini.

Ia tidak memperoleh pada perjalanan yang banyak sebagaimana yang didapati dengan perjalanan yang sedikit oleh orang yang berjalan dengan beradab, iaitu dengan memelihara perintah. Boleh jadi ia menggunakan semua usianya dan dia tidak mengetahuinya, kerana ia diam dalam keraguan dan tidak berlepas dengan yakin. Ini *ahwal* penghuni Madinah yang menuju pergaulan *al-Ilahiyyah* bersama *ahl Allah* pada permulaan dan akhir sebagaimana pengetahuan Allah SWT pada mereka. Dilakukan amalan tambahan dan penambahan masa untuk ia mendahului, maka sempurna tiga puluh waktu dengan tambahan sepuluh waktu yang mulia daripadanya dengan kadar rahsia *al-Rububiyyah* di sisi hamba, "maka sempurna waktu yang telah ditentu Tuhanmu selama empat puluh malam."⁴⁴⁵

Permulaan dan akhir tersebut ialah daripada Baginda SAW dengan syafaat kerana pengetahuannya tentang *maqamat* dan penghuninya serta kebaikan hal *nazilimnya* sebagaimana yang diperlihat Allah SWT dan sebagaimana Baginda SAW melihatnya. Lantaran itu, Baginda SAW dikurniakan ilmu golongan awal dan akhir. Maka ketahuilah rahsia tersebut. Ketetapan golongan akhir bersamanya dan di hadapannya adalah seperti golongan awal. Ia berterusan dalam keadaan ini pada kehidupan Nabi SAW bersama semua umatnya kerana semua yang ada pada Nabi SAW adalah rahmat, iaitu ketika menetap dan berpindahnya. Maka ia berlaku seperti ini pada masa sekarang sehingga ke akhir zaman. Dengan ini, penutup adalah agamanya dan untuk semua agama. Demikian pada *makshar*, *mizan* dan memasuki syurga kerana perkiraan syafaatnya, kerana kemestian syafaat bagi mereka dan kerana limpahan dan himpunan Nabi SAW. Semua adalah daripada Nabi SAW dan bukan selainnya. Nabi SAW memberi syafaat kepada orang yang datang berziarah dari kalangan golongan awal dan akhir. Mereka semua memperoleh keikhlasan yang sesuai sehingga mereka ikhlas sebagaimana *hal* semua. Orang yang berhasil pada *maqamnya* bagi hamba atau kematianya, maka berlaku pensucian diikuti dengan pengkhususan sehingga mereka layak untuk menduduki selepasnya atau kekal pada kedudukan mereka. Pada satu kumpulan, berlakulah pengkhususan selepas pensucian dengan meningkat naik dan bertukar martabat. Satu kumpulan lagi berlaku pengkhususan selepas pengikhlasan. Pada satu kumpulan lain pula berlaku dengan pengikhlasan sebagai ganti pengkhususan. Demikianlah terjadinya menurut apa yang dikehendaki oleh yang hak (Nabi SAW) kerana kata-katanya adalah hak, (dan dia memiliki kekuasaan) dengan khilafah, "dan dia tidak bercakap berdasarkan hawa nafsu. Sesungguhnya ia adalah wahyu yang diwahyukan."⁴⁴⁶ Keadaan ini berlaku pada golongan awal dan akhir, sebagaimana dikurniakan ilmunya secara berterusan sehingga

ke *Dar al-Salam* di *Dar al-Salam* kerana peningkatan dan pertambahan boleh berlaku selama-lamanya dan tidak tetap, disebabkan limpahan hak yang berterusan. Seruannya (*khitahnya*) kepada semua kejadian ialah dengan kehendak dan usahanya selamanya. Maka mereka kembali kepada Allah SWT dan mereka kembali kepada-Nya pada kehidupan dan kematian. Tiadaiah kematian dan kehilangan "dan Allah Maha Meliputi mereka dari belakang mereka."⁴⁴⁷ Mereka bertemu Allah SWT semasa hidup dan mati. Kematian mereka adalah seperti hidup mereka dengan suatu perjalanan untuk menuju kehendak Allah SWT terhadap mereka, "dan dimana sahaja kamu menghadap, maka di situ lah wajah Allah."⁴⁴⁸ Dia sentiasa bersamamu di mana sahaja kamu berada.⁴⁴⁹ Mereka kekal tiada kesudahan dengan yang Maha kekal, dan mereka menduduki *manzilah* menurut pandangan-Nya kepada mereka "jadilah, maka ia terjadilah."⁴⁵⁰ Dan ketahuilah bahawa *al-Wijdan al-Basit* tidak berpisah dengan zat pada maknawi tetap yang batin atau hissi yang zahir dalam apa jua keadaan. Maka sesuatu tidak memerlukan melainkan kepada yang hak.

Demikian amalannya daripada '*alam* dan *falaqnya*', kerana ia dilimpahi daripada seluruh *falaq* yang tinggi lagi Maha suci, iaitu alam kesatuan (*al-Wahdani*) dan penemuan kebenaran yang berlapis (*wijdan al-Tarkibi al-Tasdiqi*) yang menimpa sesuatu dan bertukar-tukar sedikit demi sedikit ketika hidup dan *taklif* Iuaran, dengan isyarat yang ditunjukkan pada firman-Nya, "Wahai orang yang ditelah kurniakan *al-Kitab*!, berimanlah kamu dengan apa yang telah Kami turunkan (al-Quran); yang memberarkan *al-Kitab* yang ada pada kamu."⁴⁵¹ Semuanya tersusun pada zat asal. Dan Allah SWT membuat perjanjian pada hamba-hamba-Nya dengan zat asal di '*alam zarrah*, dan Dia menyaksikan mereka diri mereka sendiri. Maka ingatlah. Jika orang yang menemukan (*al-Wajid*) memberi hak kepada kedua-duanya, ia memperoleh harta yang tinggi nilainya, menebuli yang dinamakan dan bersemayam atas arash yang Maha Kaya. Dan jika ia mengabaikan hak keduanya, maka *al-Wijdan al-Basit* tidak kembali lagi padanya. Dan jika ia sampai membebaskannya daripada percampuran, nescaya ia sejahtera selamanya dalam fitrah dengan cahaya daripada Tuhaninya. Ini yang dimaksudkan dengan *al-Istifta* (memohon kurnia ilmu) daripadanya kerana dia tidak menjelaskan ilmu melainkan kepada yang telah mempunyai ilmu, bukan kepada selainnya. Oleh itu, ia telah menunjukkan pencapaian ilmunya. Urusan tersebut memerlukan kepada *al-Murasalah al-Hissiyah*. Jika ia tiada, maka tidak dapat memperolehnya. Perkara itu memerlukan Nabi SAW sentiasa bersama seorang hamba atau hendak Nabi SAW memperbaharui tempoh akhir

bersamanya sehingga tiada lagi *mukallaf* yang tinggal walaupun *mushaf* masih di tangan-tangan mereka.

Jika didapati, bahawa wahyu yang berada di tengah-tengah hamba tanpa cahaya kenabian, iaitu cahaya hati yang masih dalam semua hati yang pecah berselerakan ketika *al-Istifta* dengan cahaya hati Muhammad SAW ke dalam hati mereka dengan izin Allah SWT kerana Baginda SAW yang menjelaskan kepada manusia mengenai apa yang diturunkan oleh Tuhan kepada mereka, nescaya ia tidak berguna sedikit pun. Maka lihat rahsia kenabian yang mengelilingi orang beriman dengan setiap yang *murakkab* dan *basit*, serta berlimpahan sesuatu urusan dengan *al-Istifta*. Kenapa? Sebab rahsia yang dititip pada hati daripada nur Muhammad ialah hati keimanan, yang apabila ia melihat, maka dia telah melihat, dan apabila dia buta, maka dia telah buta. Sabda Rasulullah SAW, “apabila seorang lelaki membaca al-Quran dan terus menerus bersama kata-kata Rasulullah SAW dalam naluri semulajadinya, maka dia adalah seorang khalifah daripada khalifah khalifah para Nabi.”⁴⁵² Mestilah naluri semulajadi bersama al-Quran dan al-Sunnah. Ia adalah kehalusan *al-Muhammadiyyah* daripada cahaya Ilahi yang batin pada semua orang yang beriman. Dengannya, Nabi SAW lebih utama terhadap orang beriman berbanding diri mereka sendiri pada *al-Khilafah al-Ilahiyyah*. Orang yang beriman melihat dengannya jika memperolehnya dan menjadi buta apabila kehilangannya, ataupun ia berlaku menurut banyak dan sedikitnya. Semua itu adalah untuk hati. Ia adalah tempat pandangan Allah SWT pada seorang hamba. Firman Allah SWT “sesungguhnya penglihatan mata tidak buta, tetapi yang buta ialah hati yang terdapat dalam dada.”⁴⁵³ Maka hidupkanlah sesuatu yang memberikan penjelasan kepadamu dan janganlah matikannya, lalu ia akan hilang daripadamu untuk memberi penjelasan.

Ketahuilah bahawa kelembutan hati dan limpahannya ialah penyebab semua kebaikan. Hati yang kering adalah penghalang semua kebaikan. Firman Allah SWT “maka kecelakaan bagi orang yang keras hati mereka daripada mengingati Allah.”⁴⁵⁴ Kekeringan hati itu ialah tanda asal kekufuran dan semua kesengsaraan dengan izin dan kekuasaan Allah SWT. Jika kamu bertanya mereka dalam kekerasan hati mereka, “Siapakah yang menjadikan mereka?” Pasti mereka menjawab, “Allah”, disebabkan Allah SWT memberi ilham kepada semua jiwa sama ada yang keji atau bertakwa. Itu terjadi dengan pengetahuan mudah (*al-Idrak al-Basit*) yang mula-mula. Tetapi disebabkan kekerasan hati, mereka tidak sampai kepada kebenaran iman yang berlapis (*al-Tasdiq al-Tarkibi al-Imani*) terhadap para Rasul a.s, sehingga mereka tidak beriman kepada Muhammad SAW. Bahkan mereka mengatakan, “Apakah ini scorang

Rasul, yang makan dan berjalan di pasar?⁴⁵³ Mereka juga berkata, "Apakah patut kita percaya kepada dua orang manusia seperti kita, padahal kaum mereka (Bani Isra'il) adalah orang yang menghambakan diri kepada kita? "⁴⁵⁴ Maka mereka telah dihijab daripada beriman disebabkan hati yang keras. Kesan hati yang lembut ialah cenderung kepada yang hak dengan lulus suci menyerah diri walaupun dalam keadaan tidak mengenal huruf (*ummi*). Kesan hati yang keras pula ialah terhenti dan beku tidak diterima kerana banyak kekerasan sama ada kecil, besar, secikit dan banyak. Kekerasan menyebabkan dikunci hati – kami berlindung dengan Allah SWT daripadanya – maka hati yang dikunci menjadi keras.

Kebanyakan orang mengatakan mengenainya sebagai pembuktian, iaitu "kunci hati ialah yang menguasai" dan yang menyentuh mengenai dua *wijdan* seperti yang telah lalu pada firman Allah SWT "Wahai orang yang beriman! Berimanlah kamu."⁴⁵⁵ Pada peringkat awal, semua manusia beriman kepada Allah SWT dengan iman mudah (*basit*). Tetapi apabila dibawakan keimanan kepada Muhammad SAW, maka jika hatinya lembut maka lembut kulit dan hatinya untuk mengingati Allah SWT dan beriman kepada Muhammad SAW dan semua Rasul serta apa yang dibawanya. Mereka daripada kalangan orang yang beriman pada mula-mula dengan ilmu dan menerima dengan baik seruan dan hukum yang membezakan di antara dua genggaman *al-Ilahiyyah* pada dua perkara, ketika seruan dakwah Rasul SAW atau para Rasul yang lain, maka dia cenderung menerima, sekalipun dia daripada kalangan orang yang beriman dan kusur dengan hak yang dibawa oleh para Rasul dan Muhammad SAW. Itulah iman awal yang menamakan orang yang kufur sebagai orang beriman sebagaimana firman Allah SWT "mereka beriman kepada *al-Jibt* dan *al-Taghut*⁴⁵⁶, sedangkan mereka diperintahkan untuk mengkufurkannya."⁴⁵⁷ Maka mereka telah meletakkan Iman *al-Tasdīqī* bukan pada tempatnya kerana mereka tetap berada pada iman awal kepada Allah SWT yang telah menjadi mereka beriman kepada *al-Jibt* dan *al-Taghut* sedangkan mereka telah diperintahkan untuk mengkufurkannya, disebabkan mereka tidak terlepas darinya dan tidak mengembalikan iman kedua terhadap Rasul SAW. Allah SWT berfirman, "mereka beriman dengan kebatilan."⁴⁵⁸ Ini disebabkan hati mereka yang keras dan mereka tidak menemui kelembutan yang membawa mereka cenderung kepada hak. Sebab hati dikunci dan keras seperti orang munafik yang tidak berupaya sujud pada hari kiamat, iaitu hari diseru untuk sujud tetapi mereka tidak berupaya melakukannya. Belakang badan mereka menjadi satu tulang yang tidak berpisah sendi-sendinya untuk membolehkan mereka sujud, kerana ia telah kering dan telah dikunci. Maka ingatlah bahawa semua berada dalam dakapan Muhammad SAW sama ada yang

beriman dengannya atau tidak. Orang yang bahagia ialah apabila hati menjadi lembut dan diterima, "mereka itulah orang yang telah ditetap keimanan dalam hati mereka dan Dia menguatkan mereka dengan ruh (nur) yang datang daripada-Nya,"⁴⁶¹ iaitu kelebihan, rahmat dan bukti yang nyata.

Golongan lain pula adalah sebaliknya. Ia menolaknya kerara hati yang keras seperti batu atau lebih keras lagi disebabkan kunci hati *al-Ilahi* yang lalu. Kami memohon keampuan dan kesejahteraan-Nya dengan berkat Muhammad SAW. Sesungguhnya permohonan telah mendatangkan permohonan untuk menghubungkan orang yang memohon dan menanggung keluarganya. Dan hak telah dikembalikan kepada ahlinya dengan bahagian yang telah ditentukan. Maka syafaat Nabi SAW melalui pertukaran kepada ahli kesempurnaan dan penyempurnaan (*ahl al-Kamal wa al-Takmil*) berlaku dengan ihsannya. Ia berkekalan ke atas orang yang menemui Allah SWT ketika mereka datang kepada Nabi SAW dan beristigfar di sisinya dengan kelebihan dan kurniaannya. Maka pada penciptaan yang sempurna di dunia ini, kelihatan kesan dua wijdan (*al-wijdanayn*) pada orang yang menemui dengan pandangan mata '*ayyan*'⁴⁶² bagi orang yang melihat dengan '*ayyan* orang-orang yang melihat melalui amalan zahir yang *ditaklifkan*, kerana ia adalah penciptaan yang sempurna, *takrif* yang tetap dan seruan (*khitab*) yang sempurna, iaitu "wahai orang yang beriman! Berimanlah kamu"⁴⁶³ kepadanya dan dengannya, iaitu pada *hissi*, hak dan penyaksian selepas ghaib. Semua orang yang banyak beramal menunjukkan keluasan amalannya. Keluasan ilmunya adalah bukti keluasannya pada penerimaan yang mula-mula dengan penambahan iman hati kerana ia adalah amalan dan ilmu hati. Amalan adalah iman zahir dan batin pada kehidupan ini, untuk kehidupan kedua yang mana wilayahnya yang zahir dan *maqamatnya* yang membanggakan dibangunkan. Di akhirat, makna-makna amalan kelihatan dengan makna-maknanya pada darjat yang berganda untuk orang yang membangunkan amalan-amalan ini. *Maqamat* dan *ahwal* di akhirat adalah lebih besar darjat dan kelebihannya kerana akhirat ialah anak kunci makna-makna hal yang kedua sebagaimana ia adalah anak kunci makna-makna yang pertama. Maka makna menguasai di *Dar al-Akhirah*, lalu ia menempat zahir hamba pada batinnya yang adalah zahir di sini, dan perhubungannya yang ikhlas bersama Allah SWT dengan niatnya, sebagaimana di dunia sana, seorang *nazil* dengan niatnya dalam membina amalannya yang *hissi* dan *ditaklifkan*. Bukti-buktinya berlaku pada *juz'i* dan *kulli*, lalu yang *shahadah* menginginkan yang *gha'ib* sebagaimana yang *gha'ib* menginginkan *shahadah* kerana akhirat adalah kesudahan urusan pada dua perkara ini pada permulaan dan kembali. *Gha'ib* mengambil hukum

lelaki dan *shahadah* mengambil hukum perempuan. Maka dengan kedua-duanya berlakukan kelahiran kerana *shahadah* ialah *hadrah* perbuatan-perbuatan bagi yang memhuat dan tempat peranakan. Pača isyarat-isyarat tersebut ada yang tidak memerlukan perbicaraan. Sesungguhnya telah kelihatan bagimu ciri-ciri perpindahan pada dua negeri dengan urusan yang agung oleh *al-Khalil*, tentang rahsia syafaat dan perpindahan, dengan melihat kepada ciri-cirinya. Dan ia telah menjelaskan apa yang menunjukkan dunia dan akhirat. Inilah hirupan-hirupan daripada air jernih perincian-perincian bagi setiap yang memiliki kelebihan.

Sesiapa yang memasuki *hadrah al-Ahadiyyah*, maka ia menjadi titik penolakan dan kekasihnya menyendiri padanya. Justeru, dia mendapati-Nya tidak ada dan kehilangan-Nya. Lantaran keadaan-Nya yang tidak hilang, lalu dia mendapati-Nya kembali dan apabila tidak mendapati-Nya lalu Dia hilang semula. Bahkan Dia berada pada titik (*nuqtah*) keesaan-Nya tanpa pengesaan dan sekutu bagi-Nya. Setiap sesuatu adalah sesuatu di sisi yang dinamakan, bagi-Nya dengan *wahdaniyyah*-Nya. Perhatian sampai kepada matlamat, dan yang tiada bukan sesuatu yang ada. Maka ia bukan pandangan bagi yang melihat walaupun wujud dan difardukan ilmu *al-Wahamiyyah* dan ilmu fikir. Orang yang mencari *wujud* ialah ‘ain yang beku dan berjalan secara hakikat yang tidak bergerak. Antara petunjuk-petunjuknya ialah dengan memahami ibarat-ibaratnya:

Sesungguhnya ilmu-ilmu ialah yang diketahui dengan pandangan kedua matamu wahai harapan.

Akan tetapi, pada perkiraan yang membezakan, ia adalah hukum perincian pada satu segi dan atas satu segi.

Maka yang ghaib pada terangnya, sesungguhnya hendaklah engkau mengetahui tanda-tandanya pada yang yang terperinci dan ayat-ayat.

Jika engkau mencari yang lain dengan ain zat, nescaya engkau tidak akan melihatnya. Atau jika engkau mencarinya dengan teduhan yang nyata, nescaya engkau tidak sampai kepadanya.

Sehingga hilang apa yang engkau cari, maka pada ketika itu tiada lagi pencarian dan berlari-lari anak.

Tuah dan kemuliaan yang luas telah menghalangnya apabila muncul cahaya matahari di Zuhul.

Katakan padanya, perkataan telah sesat darimu, dan angin yang kencang menyelamatkannya apabila menghadap kepada Rasul.

Itu matlamatnya yang menjadi sifatmu dan pasti meninggikanmu, ia tidak hilang dan tidak berubah.

Sesungguhnya di sisi pentabdirannya, apa yang dilakukan hawa nafsumu adalah jalan-jalan untuk memperolehnya.

Maka berlembutlah, sesungguhnya kemuliaannya telah menyeluruh pada semua kelebihan kerana ia menghalang alasan-alasan.

Perkataanku yang berdekatan denganmu ialah perkataan kamu, dan perbuatanmu terhadapmu serupa sifatnya.

Himpunanku telah bersolat kepadamu pada masjid jamiknya dengan menyaksikan yang satu dan azali.

Kemudian salam sejahtera ke atas kamu pada tempat terbitnya, apabila muncul fajar Subuh dengan upayanya.

Sehingga di sini berakhir isyarat mengenainya dengan izin Tuhan kami.

Kesimpulan

Mengenai isyarat perpindahan dan pertukaran ahli yang mencari kesempurnaan dan merindu lalu memperolehnya dengan sebahagian keterangan yang memberi harapan. Segala pujian yang tinggi bagi Allah, cukuplah Dia bagiku dan Dia-lah sebaik-baik wakil (yang diserah segala urusan).

Sesungguhnya telah sampai ke penutup. Semoga Allah SWT mengurniakan kebahagiaan kepadanya dengan kemurahan-Nya. Kami akan menyatakan mengenai sebahagian daripada Madinah *al-Musharrrafah* berdasarkan hadis-hadis *al-Nabawiyyah* yang telah diriwayat daripada penghulu segala makhluk. Penutup ialah *al-Sabiqah* (yang telah lalu) dan berlaku kaedah-kaedah *al-Lahiqa* (yang akan datang) padanya. Ia mengisyaratkan yang telah lalu dan dapat dikenal sebutan *haq* cengan sebahagian isyarat kepada orang yang berziarah dan amalan ziarah melalui riwayat-riwayat kerana penutup adalah suatu kemestian yang elok seperti kebiasaannya. Maka kami berkata, "petunjuk adalah dengan Allah."

Al-Sayyid 'Ali al-Samhudi r.h. yang ulung, dipercayai dan dipegang kata-katanya telah menyatakan dalam kitab tarikhnya yang bernama *al-Khulasah*, pada Bab Dua mengenai kelebihan Madinah berbanding negeri-negeri lain, yang diambil daripada para ulama yang mulia.⁴⁶⁴ Dia telah menyatakannya dengan kemudahan daripada Allah SWT. Ada antaranya yang saya nyatakan semuanya dengan lafaz beliau dan ada di antaranya yang saya ringkaskan dengan menyatakan maknanya yang bertepatan dengan maksud, dengan tujuan kasih sayang dan sebagainya yang telah lalu jika ia mencukupi dan dapat menjadi penyembuh bagi orang yang berakal (*ulu al-albab*). Maka saya menyebutnya lagi pada kesempatan ini kerana saudara-saudara mukmin yang berziarah dan menetap di Madinah sangat suka dan rindu untuk mengetahuinya, sekira-kira kami tidak nyatakannya pada permulaan maka kami nyatakannya pula pada akhir kerana sesuatu perkara pada zatnya adalah satu. Maka yang satu boleh menerima yang awal dan akhir kerana zatnya, kerana satu ialah sifat untuk ramai. Dan kerana sifat *al-Wahdaniyyah* ialah 'ain yang disifati kepada yang esa, tiada selainnya yang serupa pada awal dan akhir. Isyarat dan petunjuk ialah kepadanya pada awal dan akhir serta paling memberi petunjuk kepada selainnya. Maka yang akhir ialah 'ain yang awal pada yang satu walaupun berbeza iktibar-iktibar. Ini jaraknya selama-lamanya. Maka awalnya adalah akhirnya dan batinnya adalah zahirnya tanpa silih berganti. Dan tertib adalah susunan apabila dinisbah kepada zat yang satu, walaupun bersusun pada penurunannya kerana ia bertepatan dengan zatnya pada masa kini dan akan datang sekaligus. Maka kami berkata, "ia adalah dengan kelebihan dan rahmat Allah SWT."

Al-Sayyid r.h. telah berkata bahawa '*Iyad*'⁴⁶⁵ dan sebelumnya *Abu al-Walid al-Baji*⁴⁶⁶ serta selain kedua-duanya telah mencatat bahawa para ulama telah bersepakat (berijma') mengenai kelebihan tanah yang mengandungi anggota Nabi SAW sehingga ia lebih mulia daripada Ka'bah, sebagaimana yang dikatakan oleh Ibn 'Asakir⁴⁶⁷ dalam *Tuhfahnya* dan lain-lain. Bahkan Taj al-Subki⁴⁶⁸ meriwayat daripada Ibn 'Aqil al-Hanbali bahawa ia lebih *afdal* daripada 'Arash. Al-Taj al-Fakihi pula dengan jelas menyatakan bahawa ia lebih *afdal* daripada langit dengan kata-katanya "bahkan yang nyata ialah semua bumi lebih *afdal* daripada langit kerana ia didiami oleh Nabi SAW."⁴⁶⁹

Saya berkata bahawa ini juga bukti yang nyata mengenai penguasaan *al-Ilahiyyah* dan persamaan semua tempat di sisi Allah SWT. Dengan ini, *mīraj* kepada Allah SWT di perut bumi dan pada bumi yang luas ialah seperti *mīraj* kepada-Nya melalui langit kerana penguasaan dan kesamarataannya. Padanya ada bukti bagi sesiapa yang mahukan bukti penguasaan jika masih ragu-ragu tentangnya. Ia juga menolak pandangan

mengenai arah dengan kata-kata yang tidak perlu disebut di sini, kerana ia tidak terselindung pada orang yang mengerti serta tidak diperlukan oleh orang lain, kerana jika mereka ragu-ragu nescaya berlakuhal mengenai mana yang lebih *afdal* dan tidak berlaku perincian. Ayat al-Quran telahpun menyeru dengannya iaitu, “dan Dia-lah Allah (yang disembah), baik di langit dan di bumi. Dia mengetahui apa yang kamu rahi siakan dan apa yang kamu zahirkan serta mengetahui (juga) apa yang kamu usahakan”.⁴⁷⁰ Maka kekallah Muhammad SAW sebagai kekasih Allah, hamba dan Rasul-Nya. Dialah penghulu langit dan bumi yang menguasai sendirian di antara semua makhluk. Maka, kerana di sana terletaknya jasad Baginda SAW yang dicipta daripadanya, maka ia menjadi tempat yang paling *afdal* di langit yang tinggi dan bumi yang rendah kerana pada hakikatnya, seperti hadith lalu yang diriwayatkan oleh Jabir r.a bahawa Nabi SAW adalah yang pertama mendekati *Arsh al-Rahman* yang memenuhi penyingkapan Ilahi pada nama rama yang suci (*al-Tajalli al-Ilahi al-Asma’i al-Subhani*) dengan seluruh jasad dan roh Baginda SAW. Baginda adalah kegelapan yang pekat dan juga cahaya, makna dan juga binaan ayat, kerana Baginda SAW adalah seluruhnya, maka semua adalah berasal daripadanya. Nabi SAW adalah yang paling *afdal* tanpa diperselisihan oleh seorang atau ramai. Dengan ini, kembalilah semua yang satu (*mufrad*) kepada binaan timbangannya, sebagaimana maknanya kembali pada banyak (*jama’*) dan makna. Maka Nabi SAW berasal daripada Allah SWT, iantaran itu semua adalah herasal daripada-Nya. Sebagaimana sabdanya, “Yang mula-mula dijadikan oleh Allah ialah *nur* Nabimu, Wahai *Jabir!*, kemudian Dia membahagikannya kepada empat ... sehingga ke akhir hadis.”⁴⁷¹ Maka Baginda SAW adalah yang melerai bagi yang tersumbat dan dia pemberi syafaat yang awal dan akhir sehingga sampai kepada *al-Haq* pada makhluk. Bagindalah yang dekat dengan Allah SWT dan paling hampir kepada-Nya dalam apa jua keadaan dan di mana sahaja pada zahir dan batin. Baginda SAW ialah hati yang dipenuhi dengan sifat *al-Rahman*. Baginda SAW ialah ‘*Arsh* dan kedudukan ihsan yang tinggi serta kedudukan yang paling mulia. Kedudukannya adalah yang paling tinggi dan paling *afdal*. Dengan kemuliaan ini, maka tempat kediamannya dinamakan *al-Dar wa al-Iman*. Sesuatu tidak kelihatan melainkan dengan ketentuannya sejak azali, dan tiada lah berlaku perubahan pada kalimah-kalimah *al-Manazil*. Demikianlah keadaan Madinah pada golongan awal dan akhir, zahir dan batin sepanjang perjalanan zaman. Inilah titik perhentian tauhid para Nabi, Rasul dan tabi’im ke atas Nabi SAW. Dan Dia membuat perjanjian untuk Nabi SAW dengan mereka dan semua makhluk walaupun mereka mentauhid Allah SWT dan sandaran tauhid mereka diterima dengan Nabi SAW. Maka tauhid yang diseru untuk mentauhid Allah SWT ialah

tauhid dengan beriman kepada yang menyeru dan Allah SWT yang diseru kepadanya serta bicara-bicara ghaib (*al-Mughibat*). Sesiaapa yang menolak Baginda SAW maka Allah SWT menolak tauhidnya walaupun dia mentauhid Allah. Orang yang diterima oleh Allah SWT dan datang kepadanya serta dikurniakan karamahnya dalam semua keadaan di sisi Nabi SAW, maka Baginda adalah gambaran *wahdaniyah* dan sumber keesaan yang tunggal. Dan Nabi SAW ialah makhluk yang paling dikasihi Allah SWT dan yang paling mulia di sisi mereka. Jiran Nabi SAW menjadi semulia-mulia jiran dengannya dan semulia-mulia penduduk pada setiap masa dan tempat. Dan segala petunjuk adalah dengan Allah SWT.

Al-Sayyid r.h. telah berkata bahawa sebilangan daripada orang ramai telah meriwayat kepada al-Taj al-Fakihi tentang bumi lebih *afdal* daripada langit kerana para Nabi dijadikan daripadanya dan mereka juga dikehumikan padanya. Mereka bersepakat tentang kelebihan Mekah dan Madinah berbanding negeri-negeri yang lain, tetapi mereka berselisih mengenai kedua-duanya. 'Umar bin al-Khattab r.a., sebilangan sahabat dan kebanyakan ulama Madinah seperti yang dinyata oleh 'Iyad – berpendapat bahawa Madinah adalah lebih *afdal*. Ini adalah mazhab imam Malik r.h. dalam dalam salah satu riwayat adalah daripada Ahmad bin Hanbal. Perselisihan tentang mana yang lebih *afdal* ialah pada kawasan selain Ka'bah kerana telah disepakati bahawa Ka'bah lebih *afdal* daripada kawasan Madinah yang lain.⁴⁷²

Saya berkata, rentetan daripada ini menentukan bahawa sesungguhnya *al-Rawdah* mempunyai kedudukannya yang khusus kerana ia berasal dari akhirat, dan akhirat adalah lebih besar daripada kelebihannya sebagaimana kamu lihat. Sama ada ia adalah satu kerana kedua-duanya berasal daripada syurga, ataupun ada yang lebih *afdal* walaupun kedua-duanya berasal daripada syurga. Dan segala petunjuk adalah dengan Allah SWT.

Ibn 'Abd al-Salam⁴⁷³ berkata bahawa maksud lebih *afdal* antara Mekah dan Madinah ialah pahala amalan salah satunya lebih banyak daripada yang lain. Demikianlah lebih *afdal* pada aspek zaman.⁴⁷⁴ Saya berkata bahawa telah dinyata dahulu, sesungguhnya kelebihan Madinah adalah dua kali ganda berbanding Madinah berdasarkan hadis sahih. Al-Taqi al-Subki⁴⁷⁵ telah berkata, boleh jadi yang lebih *afdal* disebabkan banyak pahala dan boleh jadi disebabkan perkara lain walaupun tiada amalan. Dan dikatakan bahwa semua orang dikebumi di tempat dia dijadikan. Al-Sayyid r.h berkata, sesungguhnya kedatangan yang dimaksudkan untuk umatnya pada firman Allah SWT "dan sesungguhnya, jika mereka menzalimi diri mereka sendiri lalu mereka datang kepadamu...,"⁴⁷⁶ tercapai dengan datang ke kubur Nabi SAW, menziarahinya, memohon

syafaat daripada Baginda SAW, *bertawassul* dengannya kepada Allah SWT dan menetap di sisinya yang adalah *qurbah* paling *afdal*. Manakala doa diperkenankan di sisinya. Kenapa tidak, sedangkan tempatnya adalah paling *afdal* dan dia adalah sebab kepada kebaikan-kebaikan ini dan penciptaan-penciptaan.⁴⁷⁷ Firman Allah SWT “jika tidak kerana engkau nescaya Aku tidak ciptakan cakerawala.”⁴⁷⁸ Maka semua adalah berasal daripadanya.

Selain itu, tempatnya juga adalah daripada taman-taman syurga. Dalam hadis, “Adapun jarak hujung busur panah seseorang kamu adalah lebih baik daripada dunia dan seisisnya.”⁴⁷⁹ Dan *al-Rawdah* adalah daripada syurga berdasarkan hadis-hadis yang menyatakan sebagaimana hadis mengenai sebuah *Bathan*⁴⁸⁰, iaitu debu, tanah, buah-buahan dan perigi-perigi malah sesungguhnya ia adalah caripada syurga.⁴⁸¹ Ini termasuklah semua kawasan Madinah dan sempadan-sempadannya. Rumah Baginda SAW melindungi *al-Rawdah* dari semua arah. Sesungguhnya antara rumah Baginda SAW dan mimbarnya adalah *al-Rawdah* sebagaimana dinyatakan dalam hadis sahih bahawa Rasulullah SAW bersabda, “di antara rumahku dan mimbarku adalah satu taman (*al-Rawdah*) daripada taman-taman syurga.”⁴⁸² Hadis sahih. Rumah Baginda SAW merangkumi tiga arah kecuali arah Barat. Arah Barat termasuk dalam hadis lain, iaitu “di antara bilikku dan tempat solatku”⁴⁸³ dengan andaian bahawa tempat solat yang dimaksud ialah tempat solat hari raya yang berada arah barat di luar masjid. Ini diperkuat dengan riwayat, “Di antara masjidku hingga ke tempat solatku adalah satu taman (*al-Rawdah*) daripada taman-taman syurga”⁴⁸⁴. Para jemaah berkata bahawa yang dimaksud dengan tempat solat ialah tempat solat hari raya yang terletak di luar Madinah pada arah Barat. Lantaran itu, *al-Rawdah* telah merangkumi empat arah. Lantaran itu, Madinah berasal daripada syurga. Apa yang herasal daripada syurga pasti tidak diragui tentang kelebihannya di dunia secara *ijma'* dengan nas daripada al-Kitab dan al-Sunnah. Kelebihan *al-Rawdah* juga berada pada semua kawasannya kerana ia adalah tempat heramat dengan catatan bahawa walaupun daripada syurga ia tetap pada dirinya, saling ada yang lebih afdal daripada yang lain, seperti para Rasul, orang yang benar (*al-Siddiqin*), orang yang syahid (*al-Shuhada'*) dan orang yang salih (*al-Salihin*), walaupun semuanya adalah seorang Rasul yang *al-Siddiq*, *al-Shahid* dan *al-Salih*. Maka ingatlah kamu semua kepada Allah SWT selama-lamanya.

Sabda Rasulullah SAW, “*Buthan* berada di atas lembah (*birkah*) daripada lembah-lembah syurga.”⁴⁸⁵ Dalam hadis, “Debu Madinah adalah penyembuh daripada penyakit kusta.”⁴⁸⁶ Apabila Rasulullah SAW sampai daripada Tabuk dan sahabat-sahabat Baginda SAW bertemu dengannya

dalam keadaan debu berterhangan disebabkan kuda. Sebilangan sahabat Nabi SAW telah menutup hidungnya, lantas Nabi SAW segera membuang penutup muka daripada wajahnya dan berkata, "demi yang jiwaku berada pada tangan-Nya. Sesungguhnya pada debunya ada penyembuh daripada semua penyakit" dan ada pendapat bahawa Nabi SAW menyebut "penyakit kusta dan sopak."⁴⁸⁷ Dan dikatakan bahawa sesungguhnya Nabi SAW memperbanyakkan debu itu dan membiarkannya lama di wajahnya lalu bersabda, "tidakkah kamu ketahui bahawa ajwah Madinah adalah penyembuh daripada sakit dan debunya adalah penyembuh daripada penyakit kusta."⁴⁸⁸ Kelebihan ini umum pada semua tanah Madinah kerana ia berasal daripada syurga bukannya daripada dunia. Begitu juga buahnya kerana ia berasal daripada syurga. Antara contoh yang berkaitan dengannya ialah bagaimana baju Nabi Yusuf a.s. telah berjaya menghilangkan kemudaratan daripada bapanya Nabi Allah Ya^cqub a.s., demikian juga tanah Madinah dan debu-debu kenabian semuanya adalah penyembuh daripada segala penyakit zahir dan batin apabila niat seorang hamba itu baik kerana Madinah ialah *Dar al-Hijrah* dan sumber amalan. Madinah seperti teriakan kepada sesiapa untuk beramal, sebagaimana sabda Rasulullah SAW, "sesungguhnya pada debunya ada penyembuh daripada segala penyakit."⁴⁸⁹ Sesungguhnya seorang lelaki yang kuat makan telah tinggal bersama kami di Madinah *al-Musharrrafah* dan mendapat penyakit pada perutnya, iaitu dia makan tetapi tidak pernah kenyang. Lelaki ini terkenal kalangan penduduk Madinah kerana penyakitnya itu. Dia menghadiri kenduri yang besar dengan harapan dapat mengenyangkan perutnya dengan berulang kali makan dalam beberapa majlis. Kemudian dia pulang selepas orang ramai memberi keutamaan kepadanya untuk makan lantaran mereka mengetahui penyakitnya dan berasa belas terhadapnya yang tidak pernah kenyang. Ahli keluarganya telah menyediakannya *al-Khabt* dan *al-Fasa* (sejenis susu masam) bersama minyak sebagaimana yang diberi kepada unta, lalu dia memakannya tetapi tidak mendatangkan kesan. Sebilangan daripada shaykh yang mendiami Madinah telah memberinya makanan yang cipterbuat daripada debu penyembuh yang terdapat di *Scrib*,⁴⁹⁰ lantas dia telah sembuh daripada penyakitnya dan telah kenyang dengan izin Allah SWT. Jadilah dia seperti orang lain. Sesungguhnya kamu telah ketahui bahawa menurut syarak, tanah haram di makan. Telah dinyata bahawa, "Sesiapa yang memakan tanah, maka sesungguhnya dia telah membantu untuk membunuh dirinya." Dalam kes ini, lelaki tersebut telah memakan tanah lalu dia sembuh daripada penyakitnya dan kembali kenyang selepas kelaparan. Kalau ia tanah sebagaimana yang dia lihat nescaya akan bertambah sakitnya. Maka tanah Madinah telah diguna

untuk berubat dalam kes ini. Apabila telah dikenal pasti bahawa tiada penyembuh lain selainnya maka wajiblah menggunakan sebagaimana yang dibenarkan syarak, seperti yang berlaku dalam contoh ini dan seumpamanya. Harus diguna untuk mengubati penyakit lain sebagaimana yang disebutkan.

Ada scorang lelaki yang alm tinggal bersama kami. Dia daripada kalangan orang yang mempunyai kelebihan dan warak daripada kalangan pembesar-pembesar al-Hanafiyah. Dia telah ditimpa penyakit dalam tempoh panjang sehingga menghalangnya hadir ke masjid. Dia telah menderita dan tidak sembuh daripada sakitnya. Dia telah memberitahu kepadaku sendiri bahawa dia telah memakan tanah di *Sa'ib* sehingga menyebabkan dia sembuh dan dapat membantunya meneruskan kehidupan. Tidak perkara sebegini terjadi melainkan kerana sesungguhnya ia bukanlah seperti tanah dunia yang lain, bahkan ia adalah tanah akhirat seperti *al-'Udah* (pohon berduri) yang terdapat di Bukit Uhud,⁴⁹¹ meskipun kamu melihatnya di dunia dalam bentuk tanah dan pohnnya itu. Maka ingatlah, sesungguhnya peringatan memberi manfaat kepada orang yang beriman. *Sa'ib* ialah lembah *Buthan* atau satu kawasan di sana dan terkenal pada masa kini kerana orang ramai mengambil tanah daripadanya. Para ulama mengharuskannya dengan tujuan berubat. Maka ia digunakan untuk berubat dengan meminum, menyapu, mandi dan membersih dengannya sama ada sedikit atau banyak. Jika ia daripada jenis tanah, maka haram memakannya dan debunya menyebabkan bertambah mudarat pada penglihatan, perut dan hiduan. Para doktor telah bersepakat tentang bahaya debu tanah. Mereka adalah pakar perubatan sehingga mereka mengeluarkan kata-kata, "jika manusia boleh selamat daripada tiga perkara, iaitu udara busuk, debu dan asap nescaya seseorang tidak akan sakit kecuali ia terus mati." Mereka telah meletakkan bahawa antara sebab-sebab kesihatan ialah tiada debu. Ini menunjukkan bahawa debu tanah Madinah bukan debu tanah biasa. Adapun namanya debu kerana berlaku penyembuhan dengannya. Lantaran itulah Rasulullah SAW bersabda, "Sesungguhnya debunya adalah penyembuh daripada semua penyakit."⁴⁹² Ia umum kepada semua penyembuhan kerana lafaznya yang umum. Maka selepas keterangan ini, didapati bahawa penyembuhan dengan debunya memberi makna bahawa ia bukan berasal daripada tanah bumi, bahkan sesungguhnya ia adalah sejenis ubat dan bahan penyembuh dengan izin Allah SWT walaupun berlaku padanya hukum-hukum tanah, namun pada orang yang mempunyai fikiran ia tidak menolaknya, kerana Allah SWT telah memberikan keistimewaan kepada sesiapa yang dikehendaki-Nya. Ini adalah sebahagian daripadanya. Maka perlakulah perkara biasa dan penyembuhan kerana keistimewaannya lantaran ia

berasal daripada syurga. Sebagaimana penjelasan yang lalu bahawa tiada penyakit di dalam syurga. Oleh itu, penyembuhan tanahnya pada semua penyakit adalah bersifat umum. Maka penderita sakit yang rumit dan tidak diketahui puncanya, sesungguhnya dia disembuhkan dengan izin Allah SWT sebagaimana yang telah diberitahu Aliah melalui lidah Rasul-Nya yang tidak bercakap berlandaskan hawa nafsu dan hanya bercakap apa yang diperintahkan. Maka penyembuhan pada tanah Madinah demikian juga sebagaimana yang kamu telah dengar dan kerana penghulu perghuni bumi dan langit mendiaminya serta tanah Baginda SAW adalah daripada bumi Madinah. Baginda SAW adalah penyembuh daripada semua penyakit zahir dan batin serta memberi syafaat pada semua keadaan dan di hari pembalasan ketika peluh menenggelami tubuh badan disebabkan terlalu panas.

Telah diriwayatkan, "Sesiapa yang makan pada waktu pagi sebanyak tujuh biji kurma 'Ajwah, nescaya dia tidak akan dimudarat oleh racun dan sihir pada hari itu."⁴⁸³ Dalam riwayat Muslim pula, "Sesiapa yang makan tujuh biji kurma antara padang pasirnya ketika waktu pagi, nescaya tiada sesuatu yang memudaratkannya sehingga petang."⁴⁸⁴ Ini acalah hadis sahih yang menyebut tentang penyembuhan pada semua kurma Madinah dan telah dikhurasukan denganannya bukan yang lain. Sesungguhnya kurma tersebut dimakan dengan apa sahaja tujuan sehingga dilindungi daripada racun dan sihir serta semua penyakit lain yang diniat berdasarkan sabda Rasuliullah SAW "tidak ada sesuatu yang memudaratkannya sekalipun ia dimakan oleh orang kafir"⁴⁸⁵ dengan niat memeluk Islam, maka dia akan memeluk Islam dengan izin Allah SWT pada waktunya sebagai suatu kemuliaan kepada kekasihnya SAW, membenarkannya dan memperakui mukjizatnya yang berterusan bagi sesiapa yang mencarinya. Ia adalah mukjizat yang berterusan dan menjadi tanda sehingga hari kiarmat dengan izin Allah SWT. Ahmad bin Hanbal meriwayat dengan perawi-perawi yang benar, "sesiapa yang memakan tujuh biji kurma di antara padang pasir Madinah pada waktu pagi, nescaya tiada sesuatu yang dapat memudaratkannya pada hari itu sehingga petang."⁴⁸⁶ Dan saya⁴⁸⁷ sangka Baginda SAW bersabda juga menyatakan, "dan sesiapa yang memakannya pada sebelah petang, nescaya tidak akan memudaratkannya sehingga pagi." Al-Tabrani pula meriwayat dengan sanad yang baik iaitu, "Cendawan adalah daripada *al-mann* (cembun) dan airnya adalah penyembuh bagi penyakit mata. Dan *al-'Ajwah* daripada syurga dan menjadi penyembuh daripada penyakit."⁴⁸⁸

Saya berkata, sesuatu yang berasal daripada syurga hanya terdapat pada Madinah, bukan sahaja pada sebatang pohon kurma bahkan pada semua atau kebanyakan yang terdapat di Madinah. Lantaran itu, semua

yang terdapat di Madinah berasal daripada syurga sama ada tanah, buah-buahan, perigi, gunung dan lembahnya. Sabda Rasulullah SAW, "Uhud ialah sebuah bukit yang kasihkan kami dan kami kasihkannya".⁴⁹⁶ Inilah sifat sesuatu yang hidup dan mengetahui, ia mengasihi dan dikasihi. Maka ia hidup dan mengetahui lalu ia mengasihi dan dikasihi. Ia bersifat dengan sifat syurga iaitu berhidupan kerana berasal daripada syurga dengan pandangan matanya yang indah, mulia lagi elok kerana cintanya terhadap Nabi SAW dengan zat dan sifat yang suci dalam iman kerana hanya yang suci lagi clok bersama para salihin sahaja yang mengasihi Nabi SAW. Ini sebahagian daripada penciptaan akhirat, kerana semua yang terdapat di Madinah mengetahui lagi hidup serta menjawab lintasan hatimu yang menyerunya tanpa suara dengan kehidupan kompleks yang ada padanya. Inilah sebahagian daripadanya, seperti *al-Rawdah* yang berasal daripada syurga, begitu juga rumahnya yang mulia dan Madinah secara umum, berdasarkan sabda Rasulullah SAW, "Sesungguhnya ia seumpama *al-Kair* (alat untuk menuip api) yang membuang keburukan dan menyinar kebaikan syurga yang tiada keburukan padanya,"⁴⁹⁷ dan firman Allah SWT "supaya Allah memisahkan (golongan) yang buruk dari yang baik dan menjadi (golongan) yang buruk itu sebilangannya di atas sebilangan lain, lalu kesemuanya ditimbun dan dimasukkan ke dalam neraka jahanam."⁴⁹⁸ Itulah tempatnya dan Madinah demikian juga. Madinah membuang keburukannya untuk memperoleh kehidupan dan pencapaian yang baik. Ia mengenal keburukan lalu membuangnya dan mengenal kebaikan lalu menyinarkannya, iaitu mensucikannya melalui perlindungan, penerangan, penggilapan warna putihnya, penyembuhan sakit, peneguhan terhadap yang *haq* dan pegamalannya. Semua ini terkandung dalam maksud menyinarkannya. Demikian juga apabila disandarkan penyinaran dengan Madinah telah dimaksudkan kepada orang-orang yang berakal (*Ulu al-Albab*) tentang rahsia yang terkandung dalamnya, kerana Nabi SAW menerangkannya dengan ilmu Allah SWT yang menyingkap segala sesuatu dengan rahsia yang ada padanya. Ini bukanlah rekaan.

Sabda Rasulullah SAW, "Uhud ialah sebuah bukit yang kasihkan kami dan kami kasihkannya. Jika kamu datang kepadanya maka makanlah daripada pohnnya walaupun daripada pohon besar yang berduri."⁴⁹⁹ Seruan ini terjadi kerana ia dan apa yang ada padanya berasal daripada syurga walaupun pahit dan berduri. Sabda Rasulullah SAW, "Uhud adalah satu tiang daripada tiang-tiang syurga,"⁵⁰⁰ apakah tiang akan meninggalkan kawasannya? Maka ingatlah. Sesungguhnya ia harus menurut kekuasaan Allah SWT biarpun akal tidak mengetahui kaedahnya

kerana penciptaan ini seperti orang yang tidur. Dia masuk ke dalam sesuatu tempat dan kemudian keluar daripadanya sedangkan dia masih berada dalam keadaannya dan tidak melihat perbezaan suasana walaupun telah berbeza *ahwal*. Perbezaan tersebut berlaku pada orang yang tidur bukan kepada orang sedar yang mengetahui tentang perjalanan, kesan, bekasnya, pencapaian, perbuatan dan geraknya pada ketika diamnya. Dia tetap dalam keadaan dia bagi orang yang berakal lagi hebat akalnya. Dan dia berada pada perkara yang tiada kesudahannya.

Orang yang bodoh dan lalej hanyalah mengetahui tentang gunung, besi, perak, emas, perhiasan, pokok dan haiwan sama ada daripada manusia atau lainnya, sehingga mereka hanya mencari yang *hissi*. Orang yang mengetahui dapat mengetahuinya melalui dengan *'ilm al-Yaqin* kemudian dengan *ain al-Yaqin* diikuti dengan *haq al-Yaqin*, kemudian terus menjelakinya sehingga dia kembali ke tempat permulaan, lalu dia menyaksikan permulaan pada kesudahan. Orang yang bodoh pula akan melihatnya sebagaimana penguasa melihatnya, sedangkan dia berjalan dalam kejadian ini menuju ke kawasannya seperti satu titik yang terpisah anggotanya dan berjalan pada peringkat-peringkat kejadian yang tidak terkeluar daripada kawasannya. Maka Madinah ialah kawasan dan halnya, walaupun terdapat perbezaan pada peringkat tempat simpanan dan menetap. Sabda Rasulullah SAW, "Uhud ialah sebuah bukit yang kasihkan kami dan kami kasihkannya, yang berada pada satu pintu daripada pintu-pintu syurga. Dan ini pula bukit *'Ir* yang bencikan kami dan kami bencikannya, sesungguhnya ia adalah satu pintu daripada pintu-pintu neraka."⁵⁰⁴ Ini dapat menambahkan penjelasan bagimu terhadap apa yang disebut pada permulaan tadi. Ia juga dapat menolak pendapat orang yang menyatakan mengurai *al-Salih wa al-Aslah* (yang baik dan terbaik), disebabkan tiada *taklif* yang diberi kepada kedua-dua bukit tersebut seperti insan yang taat dan ingkar (terhadap apa yang ditaklifkan) sedangkan mereka adalah makhluk Allah SWT seperti kedua-duanya. Salah satunya berbahagia dan dinisbah kepadanya perasaan kasih dan yang lagi satu cclaka dan dinisbah kepadanya perasaan marah. Menurut saya, inilah contoh mengenai *'alam* dan keluarga-keluarganya. Kebahagiaan adalah azali dan tandanya ialah kasih. Celaka adalah azali dan tandanya ialah marah. Allah menjadikan apa yang Dia kehendaki seperti yang dilihat oleh *ahl al-Haq*, namun ia tidak wajib dan tidak diwajibkan bagi-Nya. Maka ingatlah, tiada pembaikan dalam usaha habiba dan tiada penyerahan untuk kembali kepada ilmu Allah SWT terhadap mereka. Firman Allah SWT "dan Kami tidak menurunkannya melainkan dengan kadar yang tertentu."⁵⁰⁵ Firman-Nya lagi, "Tiada perubahan pada kalimah-kalimah Allah."⁵⁰⁶ Maka dengan ini, Nabi SAW telah menjelaskan kepadamu

mengenai Madinah dan urusan-urusannya. Sesungguhnya ia adalah akhirat yang dilihat di dunia dengan syurga dan neraka yang berkekalan sebagaimana yang dikhendaki Allah SWT. Itu ialah di Uhud apabila yang bukan *hissi* dapat disaksikan.

Sesungguhnya telah dinyata mengenai perigi *Aris*⁵⁰⁷ bahawa Nabi SAW bermimpi berada pada suatu pagi di salah sebuah perigi syurga, maka Baginda berada di perigi *Aris*.⁵⁰⁸ Mimpi Nabi SAW adalah benar dan wahyu Allah SWT. Maka perhatikanlah wahai orang yang menemui, apakah yang kamu lihat ketika kamu melihat. Semua peninggalan, kesan, buah, perigi, tanah, debu dan taman Madinah ialah sebuah kawasan syurga. Semua kawasannya adalah syurga sehingga buah berduri, seperti yang kamu telah dengar. Maka semuanya berasal daripada Madinah apabila akhirat datang bertemu. Jika tidak demikian, maka memadailah dengan apa yang kamu senangi berbanding apa yang tidak kamu senangi. Apabila kamu tidak menemuiinya, maka sebenarnya ia tetap berlaku demikian. Sesungguhnya ia adalah penyembuh dan makanan akhirat yang ditakwil, seperti mimpi yang sesuai. Manusia tidur semasa mereka mati, ingatlah kamu semua! Ini berkaitan dengan Madinah dan Mekah al-Musharrifah.

Jika kamu mahu, kami boleh menyatakan kurniaan syurga secara menyeluruh kepada semua orang Mukmin di sana, kerana mereka adalah penduduk-penduduk Madinah sejak awal hingga akhir. Bukankah kamu perhatikan mereka berada di sana pada masa ini dan akan datang kerana mereka berada dalam nikmat yang kekal selama-lamanya dan kesukaan mereka melakukan amalan-amalan solih. Sabda Rasulullah SAW, "Apabila kamu berada di taman syurga, maka bersenang-senanglah." Sahabat bertanya, "apakah maksud taman-taman syurga". Rasulullah SAW bersabda, "majlis-majlis ilmu".⁵⁰⁹ Sabda Rasulullah SAW, "apabila kamu berada di taman syurga maka bersenang-senanglah?" Sahabat bertanya, "Apakah maksud taman-taman syurga". Rasulullah SAW bersabda, "Masjid-masjid". Sahabat bertanya, "Apakah maksud *al-rat*?" Rasulullah SAW bersabda, "Subhan Allah wa al-Hamdu li Allah wa La Illah Illa Allah wa Allah Akbar".⁵¹⁰ Sabda Rasulullah SAW lagi, "Apabila kamu berada di taman syurga, maka bersenang-senanglah". Sahabat bertanya, "apakah maksud taman-taman syurga." Rasulullah SAW bersabda, "majlis zikir".⁵¹¹ Demikian kita perhatikan bahawa urusan orang yang beriman adalah sangat luas kerana mereka adalah penghuni syurga. Sebaliknya bagi orang kafir pula adalah sangat sempit. Perkara ini ada pada babnya bagi orang yang mampu. Maka bertukar zat (*ain*) yang bukan zat (*arad*) kepada zat yang nyata (*jawhar*) dan *jawhar* kepada *arad* sebagaimana yang kamu lihat dan dengar secara ghaib daripada al-Kitab dan al-Sunnah, maka kamu akan menyaksikannya pula secara

nyata. Oleh itu, telah dinyata bahawa, "Bumi telah dijadikan bagiku sebagai masjid dan tempat suci."⁵² Semua kawasan bumi adalah masjid bagi orang-orang yang beriman apabila mereka bersolat dan kawasannya suci walaupur mereka tidak menemui air sehingga mati. Mereka berada dalam taman-taman syurga pada masa akan datang dan sekarang. Maka dengan ini kelihataniah penyeluruhan tentang apa yang dinyatakan, ingatlah!

Al-Sayyid r.h. mencatat bahawa beliau meriwayat daripada *Abu Sa'id* RA bahawa, "Nabi SAW telah melalui sebuah kubur satu jenazah, lalu Baginda bertanya, "Kubur siapakah ini?". Mereka menjawab, "Kubur fulan *al-Habashi* wahai Rasulullah." Rasulullah SAW bersabda, "Tiada Tuhan melainkan Allah! Dia telah dipindah daripada bumi dan langitnya ke tanah tempat dia diciptakan."⁵³ Maka ia memberi maksud bahawa di mana dikebumi di situ tempat bermula penciptaananya. *Ibn al-Jawzi* dalam *al-Wafa*⁵⁴ pula meriwayat daripada *Ka'ab al-Ahbar*,⁵⁵ "Apabila Allah SWT mahu menjadikan Muhammad SAW, Allah telah memerintah Jibril membawa sekepal tanah putih yang berada di tempat kubur Nabi SAW, lalu ia digaul dengan air *Tasnim*.⁵⁶ Kemudian ia diletak dalam sungai-sungai syurga dan dibawa mengelilingi langit dan bumi. Maka para malaikat mengetahui mengenai Muhammad SAW dan kelebihannya sebelum mereka mengenal Adam a.s.⁵⁷ Al-Hakim al-Tirmidhi berkata mengenai suatu hadith, iaitu "apabila Allah menentukan seorang hamba mati di suatu tempat, maka Allah menjadikannya mempunyai hajat untuk ke sana."⁵⁸ Sesungguhnya ajalnya ialah di sana kerana dia dicipta daripada kawasan itu. Allah SWT telah berfirman, "Daripadanya Kami jadikan kamu dan kepadanya Kami kembalikan kamu."⁵⁹ Sesungguhnya orang beriman kembali ke tempat dia dijadikan kerana ia adalah pintunya untuk ke akhirat. Maka semua kawasan bumi adalah pintu dan jalan ke akhirat.

Saya berkata, apabila engkau telah melihat perkara ini, maka engkau telah mengetahui bahawa sesungguhnya Nabi SAW pada awalnya dijadi daripada Madinah dan pada akhirnya kembali juga padanya. Demikian juga pada khalifah-khalifah, isteri-isteri Nabi yang suci dan orang yang bersama mereka, maka ingatlah!

Al-Sayyid r.h. menyatakan daripada Yazid al-Jariri yang mendengar *Ibn Sirin* berkata, "Aku bersumpah dalam keadaan yang benar dan berbuat kebaikan tanpa ada keraguan dan pengecualian bahawa sesungguhnya Allah SWT tidak menjadikan Nabi SAW, Abu Bakr dan Umar melainkan daripada tanah yang satu, kemudian mereka dikembali semula kepada tanah tersebut."⁶⁰ *Ibn al-Jawzi* menyatakan dalam *al-Wafa* bahawa Aishah r.a. berkata, "Apabila Rasulullah SAW dicabut nyawanya, para

sahabat berselisih mengenai tempat pengkebumiannya. Lalu ‘Ali r.a. berkata, “Tidak ada suatu tempat pun di bumi yang lebih mulia daripada tempat jiwanya yang mulia dicabut nyawa.”⁵²¹

Saya berkata bahawa kesepakatan tentang kelebihannya kerana yang lain-lain merujuk kepada ‘Ali r.a. dan kerana kata-kata Abu Bakr r.a., Aku mendengar Rasulullah SAW bersabda, “tidaklah dicabut nyawa seorang Nabi melainkan di tempat yang paling disukainya.”⁵²² Diriwayat oleh *Abu Ya‘la*. Sesuatu yang paling disukai oleh Nabi SAW ialah yang paling disukai oleh Tuhan-Nya, kerana cintanya menurut cinta Tuhan-Nya dan sebagaimana ia dikasihi oleh Allah SWT dan Rasulnya. Mengapa tidak? Sedangkan tanahnya lebih afdal daripada *Arsh* kerana Nabi SAW. Sesungguhnya kamu telah melalui tentang kelebihan Madinah dengan jalan ini. Dan sesungguhnya benar sabda Nabi SAW, “seperti kasih kami kepada Mekah atau lebih hebat lagi.”⁵²³ Bahkan cintanya lebih hebat dan bertambah hebat. Sebagaimana diriwayatkan bahawa permintaannya telah diperkenan sehingga Baginda SAW menggerakkan tunggangannya kerana telah melihat Madinah dengan perasaan cinta kepadanya. Sabda Rasulullah SAW, “Tidak ada di atas bumi ini tempat yang paling aku kasih selain daripada tempat aku dikuburkan padanya.”⁵²⁴ Di samping itu, al-Hakim telah meriwayat hadith dalam *al-Mustadrak* menurut Sahih al-Bukhari dan Muslim, “Ya Allah! Sesungguhnya Engkau telah mengeluarkanku daripada tempat yang paling aku kasih, maka tempatkan aku di tempat yang paling Engkau kasih.”⁵²⁵ Selesai kata-kata daripada al-Sayyid r.a.

Hadith berkaitan kelebihan Mekah adalah semasa permulaan (kedatangan Islam) sebelum datang ketetapan tentang kelebihan Madinah dan kebangkitan Islam serta pembukaan negeri-negeri termasuk Mekah denganannya. Sesungguhnya Mekah telah mendapat kelebihan dengan Madinah. Dan Allah SWT telah mengurniakan kelebihan Madinah yang tiada pada negeri-negeri lain. Seruan telah diterima dan jadilah Madinah semata-mata negeri yang paling dicintai. Lantaran itu, Allah SWT menentukan bahawa kekasih-Nya SAW tinggal di sana dan Baginda menggalakkan agar mendiami dan mati di Madinah. Bagaimanakah mungkin Madinah tidak *afdal*!

Menurut sebahagian riwayat Rasulullah SAW bersabda, “Mekah adalah sebaik-baik negeri Allah.”⁵²⁶ Rasulullah SAW menyatakan semasa Baginda dalam perjalanan ke *al-Hazurah*⁵²⁷ yang dikenali sekarang dengan *al-Azuzah*. Kata-kata ini tidak menentukan bahawa ia dilafaz sebelum perjalanan hijrah. Sesungguhnya Nabi SAW berhijrah dalam keadaan bersembunyi, kerana Nabi SAW keluar menuju ke gua pada waktu malam selepas menabur tanah di atas kepala orang yang

menunggunya dan membaca permulaan surah *Yasin* sehingga Baginda SAW dilindungi dan tidak dapat dilihat oleh mereka. Dalam riwayat Ibn Hibban, dinyata bahawa Nabi SAW dan Abu Bakr menaiki kenderaan sehingga sampai ke Gua Thur.

Adapun untuk menambah penggandaan pahala, maka sebab-sebab kelebihannya tidaklah terkira. Solat lima waktu di *Mina* bagi orang yang menuju ke *'Arafah* adalah lebih *afdal* berbanding di Mekah walaupun tidak diganda kerana ia mengikut sunnah Nabi SAW yang memberi kelebihan penggandaan. Menurut mazhab kami, penggandaan menyeluruh kerana perpindahan (*al-Niqq*) di samping kelebihan yang ada pada tempat persinggahan (*manzil*). Lantaran itu, 'Umar r.a. menyatakan bertambah penggandaan di Mekah walaupun beliau menyatakan bahawa Madinah lebih *afdal* disebabkan doa Nabi SAW agar diganda keberkatan Madinah berbanding Mekah yang meliputi urusan-urusan dunia dan akhirat. Kadang-kadang jumlah yang kecil diberkati lalu manfaatnya bertambah melebihi jumlah yang banyak. Lantaran itu ia dijadikan bukti mengenai kelebihan Madinah. Ketahuilah wahai saudaraku! – semoga Allah SWT merahmatiku, kamu dan orang Islam – ini adalah perbandingan dengan jalan membuat kesimpulan (*istinbat*) mengikut kaedah yang tertentu. Ia adalah jalan orang yang berilmu. Adapun bukti dengan *nas* yang jelas dan benar datang daripada Nabi SAW telah dinyata sebelum ini, yang mana kebaikannya berterusan pada Madinah seperti sabda Rasulullah SAW, "Ya Allah! Jadikan Madinah dua kali ganda keberkatan yang Engkau jadikan pada Mekah."⁵²⁸ Nas-nas lain telah memadai untuk membuktikan kelebihan Madinah. Bahkan kelebihan Madinah melalui amalan berlaku dengan dua kali kelebihan bukannya satu. Dalam hadis lain dinyatakan, "Dua keberkatan di samping satu keberkatan."⁵²⁹ Demikian juga sabdanya, "Seumpama doa Ibrahim a.s. kepada-Mu."⁵³⁰ Maka kelebihannya adalah seumpama itu tanpa perselisihan. Semua dalil yang menyatakan mengenai penggandaan dalam hadis yang berkaitan *al-Masjid al-Haram* adalah dalil juga bagi *al-Masjid al-Nabawi* dan Madinah *al-Musharrifah*. Bagi Madinah sebanyak dua kali ganda keberkatan. Maka ingatlah sebagaimana yang diriwayat kerana ketelapannya sahih dengan ketentuan. Ia merangkumi iman dan orang yang beriman pada semua jasad yang mengandungi hati mereka dan iman mereka. Mereka berasal daripada Madinah kerana keimanan mereka kepadanya dan Madinah adalah daripada mereka. Lantaran itu iman semua orang yang beriman bergabung kepadanya. Inilah kelebihan yang jelas dan mestilah terjadi demikian. Penggandaan keberkatanya tidak dapat dikira walaupun ditetap dengan sekali ganda atau dua kali ganda serta tanpa terkira kerana tiada terkira adalah dikira. Mesti ada kiraan

walaupun tidak terikat dengan kiraan kerana bebas daripada ikatan adalah ikatan. Berkaitan makna ini dinyatakan dalam syair:

“Dan sesiapa yang menjadikan bebas terikat sepertinya, maka itu adalah daripada sesuatu yang mendahului lebih mendahului.”

Abu Ya'la meriwayat bahawa Ibn 'Abbas r.a. berkata, “Aku telah keluar daripada Madinah bersama Rasulullah SAW, lalu Baginda SAW berpaling melihat Madinah dan berkata, “Sesungguhnya Allah SWT telah mensucikan semenanjung ini daripada syirik.”⁵³¹ Dalam riwayat lain, “Sesungguhnya Allah SWT telah membersih negeri ini daripada syirik dengan tidak disesatkan oleh tiukan nasib.”⁵³² Dan apa yang telah dicatat oleh al-Sayyid r.a. berkaitan galakan menetap di Madinah, iaitu telah disebut dalam *Sahihain* satu hadis, “Sesiapa yang bersabar dengan kesempitan dan kesukarannya, adalah aku menjadi saksi dan pemberi syafaat kepadanya pada hari kiamat.”⁵³³ Dan dalam riwayat Muslim dinyata bahawa Abu Sa'id seorang pembantu al-Mahri telah datang kepada Abu Sa'id al-Khudri⁵³⁴ dan bertanya mengenai lari ke tempat lain daripada Madinah dan mengadu tentang harga-harga barang dan keluarganya yang ramai serta memberitahu bahawa dia tidak dapat bersabar lagi menanggung kesusahan dan kesempitan di Madinah. Maka Abu Sa'id al-Khudri berkata, “Celaka engkau! Aku tidak pernah mengajarmu demikian.” Sesungguhnya aku mendengar Rasulullah SAW bersabda, “Tiadalah seseorang itu sabar” atau dalam riwayat lain, “Tiadalah seseorang itu tetap menanggung kesempitan dan kesukaran di Madinah melainkan aku memberi syafaat dan menjadi saksi baginya di hari kiamat.”⁵³⁵ Riwayat Muslim dan lain-lain menyatakan bahawa seorang pembantu perempuan telah datang kepada Ibn 'Umar semasa zaman ujian lalu memberi salam kepadanya dan berkata, “Wahai Abu Abd al-Rahman! Sesungguhnya aku mahu keluar daripada Madinah kerana kesukaran yang kami hadapi.” Lalu dia berkata, “Duduklah yang keji.”

Sesungguhnya aku mendengar Rasulullah SAW bersabda, “Tiadalah seseorang yang bersabar dengan kesempitan dan kesukarannya melainkan aku menjadi saksi atau pemberi syafaat kepadanya pada hari kiamat.”⁵³⁶ Iyad menyatakan bahawa “atau” dalam hadis bukan menyatakan keraguan disebabkan banyak riwayat mengenainya, tetapi ia bermakna pembahagian.⁵³⁷ Maka Nabi SAW menjadi pemberi syafaat kepada orang yang engkar dan menjadi saksi kepada orang yang taat. *Al-Bazzar* meriwayat dengan perawi-perawi yang sahih daripada 'Amru dan al-Janadi yang meriwayat daripada Abu Hurairah dengan lafadz, “Tiadalah seseorang itu bersabar dengan kesempitan Madinah”, dalam satu naskhah disebut “... dan kepanasannya melainkan aku menjadi pemberi syafaat dan menjadi saksi kepadanya.”⁵³⁸

Dalam hadis ini mengandungi khabar gembira bagi orang yang sabar dengan kesukarannya dan memperoleh mati dalam Islam kerana keistimewaannya terhadap orang Islam seperti orang yang berziarah. Dan cukup ciri-ciri khusus Madinah sebagai suatu keistimewaan dan kemuliaan. Bahkan semua yang mati di Madinah mendapat khabar gembira, kerana sesungguhnya telah pasti, "Sesiapa yang mati di Madinah, maka aku adalah pemberi syafaat kepadanya di hari kiamat."⁵³⁹ Dalam satu riwayat selepasnya, "sesungguhnya sesiapa yang mati padanya, aku adalah pemberi syafaat atau menjadi saksi di hari kiamat."⁵⁴⁰ Dan hadis, "Sesiapa yang mampu mati di Madinah, maka hendak dia mati di sana, kerana sesungguhnya aku memberi syafaat kepada orang yang mati padanya."⁵⁴¹ Dalam satu riwayat disebutkan, "Sesungguhnya aku menjadi saksi bagi orang yang mati padanya."⁵⁴² Al-Baihaqi dan Ibn Hibban dalam *Sahihnya* meriwayatkan, "Sesiapa yang mampu untuk mati padanya, maka hendak dia mati padanya, Sesungguhnya sesiapa yang mati padanya aku akan memberi syafaat kepadanya dan menjadi saksi baginya."⁵⁴³

Dalam satu riwayat selepasnya, "Sesungguhnya aku adalah orang yang mula-mula dibangkit daripada bumi, diikuti oleh Abu Bakr dan 'Umar. Selepas itu aku datang kepada penduduk *al-Baqi'*⁵⁴⁴ lalu mereka dihimpunkan, kemudian aku menanti kedatangan penduduk Mekah."⁵⁴⁵ Dalam suatu hadith, "Orang yang mula-mula aku berikan syafaat daripada kalangan umatku ialah penduduk Madinah, kemudian penduduk Mekah dan seterusnya pencuduk *Ta'if*.⁵⁴⁶" Dalam *al-Miwaṭṭa'* dinyata bahawa Nabi SAW bersabda, "Tiada bumi yang paling aku kasih melainkan kuburku adalah padanya,"⁵⁴⁷ iaitu Madinah, dan Nabi SAW melafazkannya sebanyak tiga kali. Imam Ahmad meriwayat dengan perawi-perawi yang sahib, bahawa Nabi SAW apabila memasuki Mekah Baginda berdoa, "Ya Allah! Jangan Engkujadikan kematian kami di Mekah sehingga Engku mengeluarkan kami daripadanya."⁵⁴⁸ Dan 'Umar r.a. berkata, "Ya Allah! Kurniakan daku *shahadah* pada jalan-Mu dan jadikan kematianku di negeri Rasul-Mu SAW." Ini adalah di antara doanya yang hebat.

Dalam al-Kabir oleh al-Tabrani menyatakan bahawa, "Sesiapa yang berasal dari Madinah, maka hendak dia berpegang dengannya, dan sesiapa yang tidak mempunyai asal maka jadikan Madinah asalnya. Pasti akan datang kepada manusia suatu zaman orang yang tidak mempunyai asal seperti orang yang keluar daripadanya dan memasuki selainnya."⁵⁴⁹ Dalam satu riwayat, "maka hendak dia menjadikan Madinah sebagai asalnya walaupun dengan perdu pokok"⁵⁵⁰ iaitu walaupun seperti timbangan dan makna sebatang pokok. Shuhhah bin Shaibah meriwayat seumpamanya kemudian dia menyandarkan kepada al-Zuhri⁵⁵¹ secara

marfu', "Jangan kamu ambil harta-harta di Mekah, tetapi ambillah di negeri hijrahmu kerana sesungguhnya seseorang itu bersama hartanya".⁵⁵² Dalam *Sahih al-Bukhari* terdapat hadis, "Sesungguhnya ia adalah baik yang menghapus dosa-dosa sebagaimana alat tiupan api membuang kekotoran daripada perak."⁵⁵³

Inilah bukti banyaknya penggandaan amalan dengan menghapus dosa-dosa, seperti air yang banyak menghilang kekotoran pada diri dan tempat. Dalam *Sahihain* terdapat beberapa hadis berkaitan perkara-perkara yang haram dilakukan di Madinah iaitu, "Sesiapa yang melakukan satu perkara yang baru dalamnya atau memasukinya dalam keadaan melakukan perkara yang baru, maka dia mendapat laksana Allah, malaikat dan manusia semua, Allah SWT tidak menerima *sarf* dan *'adl* daripadanya pada hari kiamat."⁵⁵⁴ Menurut Jumhur, *al-Sarf* ialah amalan-amalan fardhu dan *al-'Adl* ialah amalan-amalan sunat. Ada yang menyatakan sebaliknya. Dan ada yang menyatakan bahawa *al-Sarf* ialah taubat dan *al-'adl* ialah amalan yang mendekat diri kepada Allah. Dalam hadis ini menunjukkan bahawa ia acalah daripada dosa-dosa besar kerana maknanya khusus bagi Madinah. Maka diambil faedah daripadanya bahawa dosa kecil di Madinah adalah seumpama dosa besar di tempat lain, sebagai memuliakan *hadrah al-Nabawiyyah* kerana penggunaan hadis secara umum dan benar kepada yang sedikit dan banyak. Dalam *Sahih al-Bukhari*, "Tiada seseorang menipudaya penduduk Madinah melainkan Allah SWT akan melarutkannya sebagaimana garam dilarut dalam air."⁵⁵⁵ Dalam riwayat yang lain, "tiadalah seseorang yang mahu melakukan kejahanan kepada penduduk Madinah melainkan Allah SWT melarutkannya dalam neraka seumpama bakaran belerang atau larutan garam dalam air."⁵⁵⁶ Al-Janadi meriwayatkan, "Tiada seorang yang sompong dan ingin melakukan kejahanan kepada penduduk Madinah melainkan Allah SWT akan melarutkannya sebagaimana garam dilarut dalam air."⁵⁵⁷ Al-Bazzar pula meriwayatkan dengan sanad yang baik, "ya Allah!, cukuplah bagi mereka dengan penderitaan yang datang mendadak – iaitu penduduk Madinah – dan tiada seseorang yang mahu melakukan kejahanan kepada penduduk Madinah melainkan Allah SWT akan melarutkannya sebagaimana garam dilarut dalam air."⁵⁵⁸ Ibn Zabalah meriwayat daripada Sa'id bin al-Musayyab⁵⁵⁹ bahawa sesungguhnya Rasulullah SAW telah memuliakan Madinah lalu Baginda SAW mengangkat tangannya sehingga terlihat putih kelabu kedua ketiaknya kemudian bersabda, "Ya Allah! Sesiapa yang mahukan kejahanan kepadaku dan penduduk negeriku, maka segerakan kehancurannya."⁵⁶⁰ Al-Tabrani meriwayat dengan perawi-perawi yang sahih, "Ya Allah! Sesiapa yang menzalimi penduduk Madinah dan menakutkan mereka, maka Engkau takutkan ia dan ia mendapat laksana

Allah, malaikat dan manusia semuanya serta tidak diterima *sarf* dan *‘adl* daripadanya.”⁵⁶¹ Dalam riwayat lain, “sesiapa yang menakutkan penduduk Madinah, maka Allah akan menakutkannya pada hari kiamat dan Allah murka kepadanya serta tidak diterima *sarf* dan *‘adl* daripadanya.”⁵⁶²

Ahmad meriwayat dengan perawi-perawi yang sahih daripada Jabir r.a. berkata, Aku mendengar Rasulullah SAW bersabda, “Sesiapa yang menakutkan penduduk Madinah sesungguhnya dia telah menakutkan di antara dua sisiku.”⁵⁶³ Ibn al-Najjar meriwayat daripada Ma‘qil bin Yasar al-Muzni⁵⁶⁴ secara *marji‘*, “Madinah adalah tempat hijrahku, padanya tempat tidurku, daripadanya aku dibangkitkan. Maka umatku yang memelihara jiranku selama tidak melakukan dosa-dosa besar berhak ke atasku. Sesiapa yang memelihara mereka, maka aku menjadi saksinya dan pemberi syafaat pada hari kiamat kepadanya, dan sesiapa yang tidak memelihara mereka dia akan diberi makan daripada lumpur *al-Khubal*.”⁵⁶⁵ Ibn Zabalah meriwayatkan hadis, “Sesungguhnya Allah SWT menjadi Madinah tempat hijrahku, padanya tempat tidurku, daripadanya aku dibangkitkan, maka umatku hendaklah memelihara jiranku selama tidak melakukan dosa-dosa besar. Sesiapa yang memelihara kehormatanku pada mereka nescaya aku berikan syafaat kepadanya pada hari Kiamat, dan sesiapa yang menyia-nyiakan kehormatanku pada mereka, nescaya Allah mendatangkannya kolam *al-Khubal*.” Rasulullah SAW ditanya, “apakah kolam *al-Khubal*?!” Baginda menjawab, “Kolam daripada nana penghuni neraka.”⁵⁶⁶ Muslim meriwayatkan, “Ya Allah! Berkatilah kami pada Madinah kami, Ya Allah! berkatilah kami pada *sa*”⁵⁶⁷ kami, Ya Allah! berkatilah kami pada *mud*⁵⁶⁸ kami, Ya Allah! berkatilah kami pada Macinah kami, Ya Allah kurniakan kami dua keberkatan.”⁵⁶⁹ Riwayat Muslim juga, “Ya Allah! berkatilah kami pada buah-buahan kami, berkatilah kami pada Madinah kami, berkatilah kami pada *sa* kami dan berkatilah kami pada *mud* kami. Ya Allah! sesungguhnya Ibrahim adalah hamba Mu, khalil-Mu dan Nabimu. Sesungguhnya dia telah berdoa untuk Mekah dan aku berdoa untuk Madinah dengan doanya untuk Mekah dan seumpamanya.”⁵⁷⁰ Selesai.

Al-Sayyid r.a. berkata bahawa keberkatan Madinah terhasil dengan timbangan yang sama sekira-kira mencukupi dengan menggunakan *mud* Madinah yang tidak cukup di tempat lain. Ini yang dapat dirasai oleh orang yang mendiaminya. Demikian saya berkata bahawa sesungguhnya penduduk Madinah sentiasa bertambah iman. Ia berdasarkan sabda Rasulullah SAW, “Ya Allah! jadikan dua keberkatan di samping satu keberkatan.”⁵⁷¹ Dan sabda Rasulullah SAW, iaitu dengan seumpama yang didoakan Ibrahim untuk Mekah.⁵⁷² Sesungguhnya Madinah seumpama apa yang ada di Mekah dengan doa Ibrahim a.s. dan diganda

seumpamanya pada urusan dunia dan agama sebagaimana yang telah lalu. Maka ia sebanyak dua kali ganda kelebihan Mekah sebagaimana yang telah disebutkan kerana urusan agama adalah yang mula-mula dikehendaki dan urusan dunia mengikutinya bukan zatnya. Ini acalah jelas walaupun tersembunyi denganannya dengan hadis sahih yang tidak dapat ditolak dan diragui. Dan Allah-lah yang Maha Mengetahui. Maka semuanya seperti kedudukan al-Habib SAW apabila engkau melihat al-Habib dan al-Khalil serta kesan-kesan kedua-duanya kerana Allah SWT dan masjid-masjid Allah dan tempat kekasih-Nya, dengan nasnya yang engkau baca, "Sebagai tekaan terhadap yang ghaib,"⁵⁷² dan Allah SWT Maha Mengetahui di atas setiap sesuatu.

Al-Sayyid r.a. menyatakan bahawa "Ali r.a. berkata, Kami keluar bersama Rasulullah SAW. Apabila sampai di *Harrah al-Sugya*"⁵⁷³ yang dimiliki oleh Sa'ad bin Abi Waqas,⁵⁷⁴ Rasulullah SAW bersabda, "Ambilkan aku air wuduk lalu Baginda SAW berwuduk." Kemudian Baginda SAW bersabda dalam keadaan menghadap kiblat, "Ya Allah! Sesungguhnya Ibrahim adalah hamba-Mu dan Khalil-Mu, dia memohon keberkatan kepada penduduk Mekah daripada-Mu. Dan aku juga hamba dan Rasul-Mu, aku memohon untuk penduduk Madinah agar Engkau memberkati mereka pada *mud* dan *sa'* mereka seumpama yang Engkau berkat pada Mekah dengan dua keberkatan di samping satu keberkatan."⁵⁷⁵ Padanya ada isyarat bahawa apa yang dipohon mengandungi sebanyak enam keberkatan berbanding Mekah, maka jadilah dengan setiap satu keberkatan sebanyak dua keberkatan lalu kembali menjadi enam. Demikianlah urusan agama lain, iaitu mengandungi dua keberkatan di samping satu keberkatan. Dan Allah SWT Maha Menggetahuinya. Al-Bukhari meriwayatkan, "al-Masih al-Dajjal tidak dapat memasuki Madinah pada hari tersebut melalui jalannya yang mempunyai sebanyak tujuh pintu, di setiap pintu tercapat dua malaikat (yang mengawalnya)."⁵⁷⁶

Antara keistimewaan Madinah ialah ia dibuka dengan al-Quran sedangkan negeri-negeri lain dibuka dengan pedang termasuklah Mekah. Cukup dengan ini bagimu tentang kelebihan, kemuliaan dan keistimewaan Madinah dan penduduknya yang tidak serupa dengan yang lain selainnya selain daripada cirinya yang tersendiri. Penduduknya adalah dari kalangan ahli iman, memberikan pertolongan, perlindungan, kasih sayang, tidak kedekut dan dilimpahi amalan. Ini adalah daripada amalan dan selainnya tidak memiliki amalan tersebut. Inilah bukti bertambahnya iman kerana buktinya ialah bertambah amalan dan kelebihan dengan sebab bertambah iman dan amal. Lantaran itu, dinamakan amalan sebagai iman kerana ia daripadanya. Firman Allah SWT "dan Allah tidak sekali-kali akan mensia-siakan iman mereka,"⁵⁷⁷ iaitu solat mereka sebelum ini

yang menghadap ke Bait al-Muqaddis. Dan Allah SWT berfirman, “agar bertambah iman mereka di samping iman mereka yang sedia ada”⁵⁷⁹ mengandungi makna iman zahir dan iman batin. Firman Allah SWT “Wahai orang yang beriman, tanah Madinah pada zatnya beriman dan amalannya juga beriman serta Madinah sendiri adalah iman. Penduduk-penduduknya dari golongan al-Ansar adalah beriman. Mereka ialah wali-wali Allah SWT dan Rasul-Nya SAW. Wali di sini ertiinya ialah penolong. Maka Dia-lah sebaik-baik wali dan penolong.”

Antara keistimewaan Madinah ialah semua negeri lain dibuka daripadanya. Madinah dalam konteks ini adalah ibu. Dan kerana ia mengandungi cengkerang tiram mutiara Muhammad SAW dan orang yang bersamanya, scbagaimana mereka semua dinyatakan dalam bacaan, “Muhammad itu adalah utusan Allah dan orang yang bersama dengan dia acalah keras terhadap orang kafir, tetapi berkasih sayang sesama mereka. Kamu lihat mereka rukuk dan sujud mencari kurniaan Allah dan keredhaan-Nya. Tanda-tanda mereka kelihatan pada muka mereka dari bekas sujud. Demikianlah sifat-sifat mereka dalam Taurat dan sifat-sifat mereka dalam Injil,”⁵⁸⁰ agar Allah SWT mengajar mereka tentang sifat, *maqam*, niat dan *maqal* (ungkapan) mereka. Sesungguhnya mereka disifatkan demikian di sisi Allah SWT dalam Taurat, Injil dan kitab-kitab yang diturunkan sebelum al-Quran. Mereka, “diibaratkan sebagai pokok tanaman yang mengeluarkan anak dan tunasnya, lalu anak dan tunasnya itu menyuburkannya, sehingga ia menjadi kuat, lalu ia tegap berdiri di atas (pangkal) batangnya dengan keadaan yang mengagumkan orang yang menanamnya. (Allah menjadikan sahabat-sahabat Nabi Muhammad, SAW dan pengikut-pengikutnya berkembang biak serta kuat gagah sedemikian itu) kerana ia hendak menjadikan orang kafir merana dengan perasaan marah dan hasad dengki (dengan berkembang biaknya umat Islam itu).”⁵⁸¹ Sesungguhnya Allah SWT telah menjadikan demikian dengan kemurahan dan janji-Nya yang baik kepada mereka. Mereka adalah penolong Allah yang telah menyebabkan orang kafir menjadi marah serta Islam dan orang Islam menjadi perkasa dengan mereka. “Allah telah menjanjikan orang yang beriman dan beramal soleh dari mereka, keampunan dan pahala yang besar.”⁵⁸² Maka apakah perkataan orang yang engkar dengan ayat-ayat Allah dan melampaui batasan-Nya dapat dilakukan kepada mereka? Dan mereka tidak ditanya tentang apa yang mereka lakukan.

Antara keistimewaan Madinah ialah ancaman yang buruk terhadap orang yang menzalimi, menakutkan dan tidak memuliakan penduduk Madinah. Sesungguhnya umat Islam wajib memulia dan memelihara mereka. Nabi SAW menjadi saksi dan memberi syafaat kepada orang yang memelihara mereka. Penghuninya terdiri daripada Nabi SAW dan antara

dua sisinya berdasarkan sabda Nabi SAW, "Sesiapa yang menakutkan Madinah, maka sesungguhnya dia telah menakutkan apa yang ada di antara dua sisiku."⁵⁸³

Antara keistimewaan Madinah ialah malaikat iman dan malaikat malu tinggal padanya.

Antara keistimewaan Madinah ialah wajib menziarahi Madinah sebagaimana yang disebut dalam hadis al-Tabrani bahawa hak ke atas setiap orang Islam ialah menziarahinya.⁵⁸⁴ Maka perjalanan ke Madinah adalah satu perintah yang wajib kerana makna hak ialah wajib ke atas orang Islam yang berkeupayaan datang ke Madinah. Ziarah Itu adalah haji kerana dalamnya mengandungi rahsia-rahsia haji yang dapat disaksikan dan kemuliaan yang dapat diperhatikan. Daripada Ibn 'Umar r.a. secara *marfu'*, "orang yang menuaikan haji lalu dia menziarahi kuburku selepas kematianku seumpama orang yang menziarahiku semasa hidupku."⁵⁸⁵ Ibn al-Jawzi meriwayat dalam *Muthir al-'Azm al-Sakin Ila Khair al-Amakin*⁵⁸⁶ dengan lafadz, "Orang yang menziarahi kuburku selepas kematianku seumpama orang yang menziarahiku semasa hidupku dan menjadi sahabatku."⁵⁸⁷ Ibn 'Adi⁵⁸⁸ dan al-Dar Qutni⁵⁸⁹ meriwayat daripada Ibn 'Umar r.a secara *marfu'*, "orang yang menuaikan haji tetapi tidak menziarahiku, dia telah menyakitiku."⁵⁹⁰ Daripada Anas r.a secara *marfu'*, "orang yang menziarahiku semasa aku mati seumpama orang yang menziarahiku semasa aku hidup. Orang yang menziarahi kuburku wajiblah dia memperolehi syafaatku. Dan tiada seorang daripada umatku yang mempunyai keluasan tetapi tidak menziarahiku melainkan tiada baginya keuzuran."⁵⁹¹ Daripada 'Ata' bin 'Abbas secara *marfu'*, "orang yang menziarahiku semasa kematianku seumpama orang yang menziarahiku semasa hidupku. Dan orang yang menziarahiku sehingga sampai ke kuburku, maka aku menjadi saksi baginya" atau Nabi SAW bersabda, "Memberi syafaat kepadanya".⁵⁹² Ibn Abi al-Dunya⁵⁹³ meriwayatkan, "Apabila seorang berjalan di kubur yang dikenalinya lalu memberi salam kepadanya, maka dia menjawab salam dan mengenalinya. Dan apabila dia lalu di kubur yang tidak dikenalinya lalu memberi salam kepadaanya maka dia menjawab salamnya".⁵⁹⁴ Pengarang *al-Durr al-Munazzam*⁵⁹⁵ mencatatkan bahawa sesungguhnya apabila Nabi SAW mati, Baginda meninggalkan salam kepada umatnya sebagai suatu rahmat kepada mereka. Sesungguhnya Nabi SAW telah bermohon kepada Allah SWT agar berada bersama umatnya sehingga hari kiamat. Dan hadis, "Aku dimuliakan Tuhan-ku dengan meninggalkanku di kuburku selama tiga hari" tiada asal puncanya daripada Nabi SAW. Maka Nabi SAW kekal bersama umatnya dan menjawab sendiri salam kepada orang yang mengucap salam kepadanya. Sesungguhnya Baginda SAW memenuhi setiap kejadian. Baginda SAW tidak terlepas caripada mana-mana negeri

dan tempat serta tidak disibuk oleh urusan untuk melakukan urusan, kerana Baginda SAW adalah Khalifah al-Rahman. Maka jika kamu berkata, "Sesungguhnya golongan *al-'amimah* datang dengan terpisah daripadanya. Sesungguhnya itu adalah jalan golongan *al-khavas* dan sumber ziarah tempat berhimpun yang 'am dan khas. Semua memperoleh kelebihannya di atas martabat pengkhususan. Golongan *al-'amimah* tidak merasai perasaan ini dan tidak membaca tulisan buku-buku ini, maka bagaimanakah *halnya*?"

Dikatakan bahawa haji memberi keampunan kepada semua orang melalui pengkhususan setiap orang dengan halnya. Dalam haji, terdapat orang yang diberi semua kelebihannya dan ada yang diampunkan selepas kembali daripada Arafah ke Mina. Demikian menziarahi kekasih SAW. Adapun golongan *al-'Amimah* bagi *al-Kassah*, seperti jasad bagi roh. Sebagaimana jasad mengikut roh demikian golongan *al-'Amimah* mengikut *al-Kassah* walaupun ia tidak mencapai pengetahuannya. Maka yang diziarahi dengan orang yang berziarah adalah seumpama roh pada jasad yang berada pada semua anggota dengan kehalusan dan kepadatannya di samping ia memenuhi semua, kerana semua adalah satu dari aspek jumlah. Demikian *al-Hadrat* yang mulia dan limpahan suci yang berada pada semua makhluk dan menunjukkan haknya pada makhluk.

Dan jika kamu mahu mendalami tulisan ini untuk mencapai kepada minuman semua orang yang meminum daripada mana-mana tempat minum, nescaya kamu temui dengan izin Allah SWT jalannya dan menemui perkataan yang bernilai deripada permulaan kitab ini sehingga ke akhirnya.

Maha Suci Allah. Bukan aku dari kalangan *al-Mushrikin*, dan aku daripada kalangan orang Islam dengan izin yang Maha penyayang. Maha suci Tuhanmu, Tuhan yang Maha Suci daripada apa yang mereka sifatkan. Salam sejahtera ke atas para Rasul dan segala pujiannya hanyalah untuk Allah Tuhan semesta alam. Ya Allah! perkenankan doa kami dengan rahmat-Mu, Wahai Tuhan yang Maha Pengasih! Jangan Engkau tolak doa kami dalam kekecewaan dan jadikan kami orang yang beruntung pada diri dan keluarga mereka. Dan apa yang mereka peroleh adalah daripada kemurahan-Mu. Perkenankan, perkenankan doa kami dan orang Islam! Dan Allah SWT telah berselawat ke atas penghulu kami Muhammad SAW dan ke atas keluarga dan sahabatnya semua. Dan segala pujiannya hanya untuk Allah, Tuhan semesta alam.

Sempurna kitab dengan pujiannya bagi Allah yang mencipta kami, dan orang yang tiada keraguan selepas kematian menghidupkan kami.

Wahai Tuhan! Ampuni la hamiba yang menulisnya, Wahai orang yang membaca tulisan, katakan, perkenankan! dengan izin Allah.

Keampunan juga kepada kedua ibu bapanya, shaykh-shaykhnya, guru-gurunya, saudara-saudaranya, rakan-rakannya, teman-teman rapatnya, keluarganya, jiran-jirannya dan orang Islam. Dan Allah telah berselawat ke atas penghulu kami Muhammad SAW, keluarganya, sahabat-sahabatnya dengan sebenar-benar salam yang banyak sehingga hari pembalasan. Dan segala puji hanya untuk Allah Tuhan semesta alam.

Nota Hujung

Firman Allah SWT:

وَمَا زَانُكُمْ أَرْسُولُنَا فَخَدُوهُ وَمَا نَهِّكُمْ عَنِ الدِّينِ إِنَّ اللَّهَ شَدِيدُ الْعِقَابِ بِعَيْدٍ

Maksud ayat:

"Dan apa yang didatangkan Rasul kepadamu maka terimalah, dan apa yang dilarangnya bagimu, maka tinggalkanlah. Dan bertakwalah kepada Allah, sesungguhnya Allah amat keras hukumannya."

(Al-Quran, al-Hashr 59: 7)

²Firman Allah SWT:

أَوْنَ مَنْ كَانَ سَيِّئًا فَأَخْيَسَهُ وَجَعَلَنَا لَهُ نُورًا يَمْشِي بِهِ فِي أَشْعَالِنَا حَمْنَ شَهْرٍ
فِي الظُّلْمَتِ لَمْسٌ بِخَارِجِ مَهْبَةٍ كَذَلِكَ زَيْنَ لِلْكُفَّارِ مَا كَانُوا يَعْمَلُونَ

Maksud ayat:

"Dan apakah orang yang sudah mati (hatinya), kemudian Kami hidupkan dia dan Kami berikan kepadanya cahaya yang terang, yang dengan cahaya itu dia dapat berjalan di tengah-tengah masyarakat manusia, serupa dengan orang yang keadaannya berada dalam gelap gelita yang sekali-kali tidak dapat keluar dari padanya? Demikianlah Kami jadikan orang yang kafir itu memandang baik apa yang telah mereka kerjakan."

(Al-Quran, al-An'am 6: 122)

³Firman Allah SWT:

وَأَقْبَرَ الْمُلْأَةَ طَرِيقَ الْبَارِزِ لِنَفْعِ الْأَيْلَ بِعَيْدٍ إِنَّ الْحَسَنَاتِ يَذْهَبُنَّ لِكُلِّ ذَكَرٍ يَرِكَ بِعَيْدٍ

Maksud ayat:

"Dan dirikan solat itu pada kedua-dua tepi siang (pagi dan petang) dan pada bahagian permulaan daripada malam. Sesungguhnya perbuatan-perbuatan yang baik itu menghapuskan (dosa) perbuatan-perbuatan yang buruk. Itulah peringatan bagi orang-orang yang mau beringat."

(Al-Quran, Hud 11: 114)

⁴Sabda Rasulullah SAW:

عَنْ أَبِي ذِئْرٍ الْغَفارِيِّ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "إِنَّ اللَّهَ يُحَاوِرُ
عَنْ أَثْيَرِ الْمُنْطَلِقِ وَالْمُسْتَبَدِّ وَمَا اسْتَكْرِهُوا عَلَيْهِ"

Maksud hadis:

Abu Dhar al-Ghfari r.a. berkata bahawa Rasulullah SAW bersabda:

“Sesungguhnya Allah SWT. tidak menghukum ke atas umatku yang tersalah, terlupa dan dipaksa” (Ibn Majah, *Sunan Ibn Majah*, bab talak orang yang dipaksa dan terlupa, bil. hadis 2043, http://www.dorar.net/lib/books_and_researches/-c3).

⁵Firman Allah SWT:

لَهُ مَا فِي السَّمَاوَاتِ وَمَا فِي الْأَرْضِ فَإِنْ تَبْدُوا مَا فِي أَفْسِحَتِكُمْ أَوْ تُخْفُوهُ بِحَاسِبَتِكُمْ
بِهِ اللَّهُ أَعْلَمُ فَتَغْفِرُ لَمَنْ يَشَاءُ وَعَذَابُ مَنْ يَنْهَا إِنَّ اللَّهَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ ﴿٦﴾

Maksud ayat:

“Milik Allah-lah segala apa yang ada di langit dan apa yang ada di bumi; dan jika kamu melahirkan apa yang ada di dalam hatimu atau kamu menyembunyikannya, nescaya Allah akan membuat perhitungan dengan kamu tentang perbuatanmu itu. Maka Allah mengampuni siapa yang dikehendaki-Nya dan menyiksa sesiapa yang dikehendaki-Nya; dan Allah Maha berkuasa atas segala sesuatu.”

(Al-Quran, al-Baqarah 2: 284)

⁶Al-Nuwas bin Sam'an al-Kilabi berkata:

سَأَلَتْ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَنِ الْبَرِّ وَالْإِلَمِ؟ فَقَالَ "الْبَرُ حَسْنُ النَّاسِ
وَالْإِلَمُ مَا جَاءَكَ فِي هَذِهِ رَأْيٍ، وَكَرِهْتَ أَنْ يَطْلُعَ عَلَيْهِ النَّاسُ"

Maksud hadis:

“Aku bertanya kepada Rasulullah SAW tentang kebijakan dan dosa” lalu Nabi SAW menjawab, “Kebijakan ialah akhlak yang mulia dan dosa ialah apa yang engkau sembunyikan dalam hati dan benci untuk ia diketahui oleh oleh orang lain” (Muslim, *Sahih Muslim*, kitab kebijakan, silaturrahim dan adab, bab tafsir kebijakan dan dosa, hlm. atau bil. 2553, <http://www.dorar.net/enc/hadith>).

⁷Abu Hurayrah r.a. mceriwayat bahawa Rasulullah SAW bersabda:

اَلْهَوِيُّ مَغْفُرُ مَا لَمْ يَعْمَلْ اُوْ يَنْكَلِمْ

Maksud hadis:

“Bisikan hawa nafsu diampunkan (Allah) selama tidak dilakukan atau diucapkan” (Abu Nu'aym, *Hilyah al-Awliya'*, hal. atau bil. hadis 7/308, <http://www.dorar.net/enc/hadith>).

⁸*Kashf al-Khafa' Wa Muzil al-Ibas*, bil. 827, jil. 1, hlm. 311.

⁹Firman Allah SWT:

أَوْلَئِكُمْ بِرُوا إِلَيْ مَا خَلَقَ اللَّهُ مِنْ شَيْءٍ، يَقْرَئُونَ طَلَابَهُ، عَنِ الْيَمِينِ وَالشَّمَائِيلِ سُجَّدًا لَّهُ وَهُمْ لَا يَخْرُونَ (١٧)

Maksud ayat:

“Dan apakah mereka tidak memperhatikan segala sesuatu yang telah dicipta Allah yang bayangannya berbolak-balik ke kanan dan ke kiri dalam keadaan sujud kepada Allah, sedang mereka tunduk merendah diri?”

(Al-Quran, al-Nahl 16: 48)

¹⁰Sabda Rasulullah SAW:

أَنَّ أَبَا هُرَيْرَةَ قَالَ: حَفِظْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ: "مَنْ رَأَى فِي النَّعْمَانَ فَسَبَّرَاهُ فِي الْمُقْطَلَةِ الْمُؤْمِنَاتِ فِي الشَّيْطَانِ فِي"

Maksud hadis:

Abu Hurayrah r.a. berkata: “Aku mendengar Rasulullah SAW bersabda: “Sesiapa yang telah melihatku dalam mimpi, maka dia akan melihatku secara *yaqazah*, atau seakan-akan dia melihatku secara *yaqazah*. Syaitan tidak dapat menyerupai diriku” (al-Asqalani, Ahmad bin Hajar, 2000, *Fath al-Bari Sharh Sahih al-Bukhari*. Bayrut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah, jil. 12, hlm. 473, kitab *al-Ta’bir*, bab orang yang melihat Nabi SAW dalam tidur, bil. Hadis 6993 & al-Naysaburi, Abu Muslim bin al-Hajjaj, 1995, *Sahih Muslim*. Bayrut: Dar Ibn Hazm, jil. 4, hlm 1418, kitab *al-ru’ya*, bab perkataan Nabi SAW “orang yang telah melihatku dalam tidur sesungguhnya dia telah melihatku”, bil. hadis 2266).

¹¹Sabda Rasulullah SAW:

عَنْ أَبِي سَعِيدِ الْخُدْرِيِّ مَعْنَى النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ: "مَنْ رَأَى فَقْدَ رَأَى الْحَقَّ فَإِنَّ الشَّيْطَانَ لَا يَنْكُو فَيُنْكَوُ"

Maksud hadis:

Abu Sa’id al-Khudriy r.a. mendengar bahawa Rasulullah SAW bersabda, “Sesiapa yang melihatku ketika tidur, maka sesungguhnya dia telah melihat al-Haq, sesungguhnya syaitan tidak dapat menjadi diriku” (al-Bukhari, *Sahih al-Bukhari*, hal. atau bil. hadis 6997, <http://www.dorar.net/enc/hadith>).

¹²Firman Allah SWT:

إِنَّ الَّذِينَ يَتَابُعُونَكَ إِنَّمَا يَتَابُعُونَكَ اللَّهُ يَعْلَمُ أَنَّهُ فَوْزٌ أَنْدِيمٌ فَمَنْ تَكَبَّرَ فَإِنَّمَا يَنْكِبُ عَنِ تَفْسِيمِهِ
وَمَنْ أَفْلَى بِمَا عَنْهُدَ عَلَيْهِ اللَّهُ فَسِيرْتَهُ أَخْرَى عَظِيمًا

Maksud ayat:

“Bahwasanya orang yang berjanji setia kepada kamu sesungguhnya mereka berjanji setia kepada Allah; tangan Allah di atas tangan mereka. Maka sesiapa yang melanggar janjinya nescaya akibat ia melanggar janji itu akan menimpa dirinya senciri dan sesiapa menepati janjinya kepada Allah maka Allah akan memberinya pahala yang besar.”

(Al-Quran, al-Fath 48: 10)

¹³Kata-kata berkenaan diambil daripada sabda Rasulullah SAW ketika menjawab pertanyaan Jibril a.s. mengenai apakah “ihsan”. Sebahagian daripada hadis berkenaan ialah:

قال: "مَا الْإِحْسَانُ؟" قَالَ: "أَنْ تَعْبُدَ اللَّهَ كَيْفَكَ تَرَاهُ فَإِنْ لَمْ تَكُنْ تَرَاهُ كَيْفَكَ يَرَاكَ..."

Maksud hadis:

Jibril a.s. bertanya, “Apakah Ihsan?”. Nabi SAW menjawab, “Iaitu hendaklah engkau menyembah Allah seolah-olah engkau melihat-Nya, maka jika kamu tidak melihat-Nya sesungguhnya Dia melihatmu” (al-Bukhari, *Sahih al-Bukhari*, kitab *Iman*, bab pertanyaan Jibril AS kepada Nabi SAW tentang Islam, *Iman & Ihsan*, http://www.islamweb.net/newlibrary/display_book.php?bk_no=0&ID=40&idfrom=48&idto=49&bookid=0&startno=0 &, al-Naysaburi, *Sahih Muslim*, kitab *Iman*, bab keterangan mengenai Islam, *Iman* dan *Ihsan* serta beriman kepada qadr, riwayat Umar bin al-Khattab, http://www.islamweb.net/newlibrary/display_book.php?idfrom=80&idto=82&bk_no=1&ID=10).

¹⁴Firman Allah SWT:

الَّذِينَ يَتَبَوَّءُونَ بِالْغَيْبِ وَيُقْبِلُونَ الصَّلَاةَ وَمَا زَرْقَنَهُمْ نُنْفِقُونَ

Maksud ayat:

“(Iaitu) mereka yang beriman kepada yang ghaib, yang mendirikan solat, dan menafkahkan sebahagian rezeki yang Kami kurniakan kepada mereka.”

(Al-Qur'an, al-Baqarah 2: 3)

¹⁵Firman Allah SWT:

وَأَعْدَدْ رِزْكًا حَتَّىٰ يَأْتِيكُ الْبَقْرَ

Maksud ayat:

“Dan sembahlah Tuhan-mu sampai datang kepadamu apa yang diyakini.”

(Al-Quran, al-Hijr 15: 99)

¹⁶Firman Allah SWT:

لَقَدْ جَاءَكُمْ زَوْجٌ مِّنْ أَنفُسِكُمْ عَزِيزٌ عَلَيْهِ مَا عَنْهُمْ حَرِيصٌ عَلَيْكُمْ بِالْمُؤْمِنَاتِ
رَءُوفٌ رَّحِيمٌ ﴿٢﴾

Maksud ayat:

“Sesungguhnya telah datang kepadamu seorang rasul dari kalangan kamu sendiri; berat terasa lehnya penderitaanmu, sangat menginginkan (keimanan dan keselamatan) bagimu, amat belas kasihan lagi penyayang terhadap orang Miskin.”

(Al-Quran, al-Tawbah 9: 128)

¹⁷Sabda Rasulullah SAW:

عَنْ أَبِي ثَمَّانِيْرَ حَصِّينِ الْمَالِ عَنْهُمَا أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ خَطَبَ الْمُؤْمِنَاتِ فِي حِجَّةِ الْوَدَاعِ قَالَ: «إِنَّ أَهْلَهَا الْأَمْمَةِ إِذِ قَدِمُوكُنْ فَلَمْ يَكُنْ تَعْصِمُنَّهُمْ بِمَا إِنْ تَعْصِمُنَّهُمْ بِهِ فَلَمْ يَخْلُوْهُنَّ كِتَابَ اللَّهِ وَمِنْهُ لَيْسَ»

Maksud hadis:

Ibn ‘Abbas r.a. meriwayat bahawa Rasulullah SAW telah berkhutbah kepada orang ramai pada Haji Wada’. Baginda bersabda, “Walai sekalian manusia!, sesungguhnya aku telah tinggalkan kepada kamu yang selama kamu berpegang teguh dengannya nescaya kamu tidak sesat selama-lamanya, iaitu kitab Allah dan sunah Nabi-Nya” (al-Bayhaqi, al-Sunan al-Kubra, kitab adab hukim, bab apa yang dhalikum oleh qadi atau yang difatwa oleh mufti, maka ia tidak bolos ditiru oleh seorang pun pada zamannya, jil. 10, bil. hadis 19717, hlm. 116, http://www.islamweb.net/newlibrary/display_book.php?flag=1&bk_no=71&ID=19707)

¹⁸Tidak ditemui hadis ini dalam kitab-kitab hadis.

¹⁹Firman Allah SWT:

فَكَيْفَ إِذَا حَقَّنَا مِنْ كُلِّ أُمَّةٍ دَتَّهِيدَ وَجَنَابَكَ عَلَى هُؤُلَاءِ شَهِيدَاً
يَوْمَئِذٍ يُوَدُّ الَّذِينَ كَفَرُوا وَعَصَمُوا لَرَسُولَ لَوْ تَسْوَى يَمِّ الْأَرْضِ وَلَا يَكُنُونُ أَنَّهُ حَدَبَثًا ﴿٤١﴾

Maksud ayat:

“Maka bagaimakah (halnya orang kafir nanti), apabila kami mendatangkan seseorang saksi (rasul) dari tiap-tiap umat dan kami mendatangkan kamu (Muhammad) sebagai saksi atas mereka itu (sebagai umatmu). Di hari itu orang-orang kafir dan orang yang menderhaka akan rasul ingin disamaratakan dengan tanah, dan mereka tidak dapat menyembunyikan (dari Allah) sesuatu kejadianpun.”

(Al-Quran, al-Nisa' 4: 41-42).

²⁰Firman Allah SWT:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ بَصَلُونَ عَلَى الَّذِي كَانَ يَعْبُدُ الْأَوَّلُونَ إِذَا مَسَأْلُوا صَلَوةً عَلَيْهِ وَسَلَمُوا تَسْبِيحاً ﴿٣٣﴾

Maksud ayat:

“Sesungguhnya Allah dan malaikat-malaikat-Nya berselawat untuk Nabi. Wahai orang yang beriman! Berselawat kamu untuk Nabi dan ucapan salam kepadanya.”

(Al-Quran, al-Ahzab 33: 56)

²¹Firman Allah SWT:

وَالَّذِي أَطْبَعَ طَرْحَ تَبَاعُثٍ بِأَفْنِينِ زَرَدٍ وَالَّذِي حَسِّئَ لَهُ مَنْجُعٌ إِلَّا بِكَمَا سَخَّنَ لَكَ نَصْرَتُ الْأَكْبَارِ لِقَوْمٍ مُّنْكَرُونَ رَبِيعٌ

Maksud ayat:

“Dan tanah yang baik, tanaman-tanamannya tumbuh subur dengan seizin Allah; dan tanah yang tidak subur, tanaman-tanamannya hanya tumbuh merana. Demikian Kami mengulangi tanda-tanda kebesaran (Kami) bagi orang yang bersyukur.”

(Al-Quran, al-Araf 7: 58)

²²Firman Allah SWT:

وَالَّذِينَ تَبَوَّءُو الْأَكْارَ وَالْأَيْمَنَ مِنْ قِبَلِهِمْ خَلِقُوكُنْ مِنْ خَاتَمَ الْآتِيهِ وَلَا يَجِدُونَ فِي صُدُورِهِمْ حَاجَةً بَعْدَ أَوْتُوا وَلَوْزُورَتْ عَلَى أَنْفُسِهِمْ وَلَوْكَانِ يَمِ حَصَاصَةً زَمِ يُوقِ شَعْ تَقْبِيَهِ فَلَوْلَكَ هُنَّ الْمُفْلِحُونَ ﴿٥٩﴾

Maksud ayat:

“Dan orang yang telah mendiami kota Madinah dan telah beriman (al-Ansar) sebelum (kedatangan) mereka (al-Muhajirin), mereka (al-Ansar) ‘mencintai’ orang yang berhijrah kepada mereka (al-Muhajirin) dan mereka (al-Ansar) tiada menaruh keinginan dalam hati mereka terhadap apa-apa yang diberi kepada mereka (al-Muhajirin); dan mereka mengutamakan (orang al-Muhajirin), atas diri mereka sendiri, sekalipun mereka dalam kesusahan; dan sesiapa yang dipelihara dari kebakilan dirinya, mereka itulah orang yang berjaya.”

(Al-Quran, al-Hashr 59: 9)

²³Sabda Rasulullah SAW:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ ثَالِثٍ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: لَا يَجْمِعُ عَبْدٌ فِي سَبِيلِ اللَّهِ وَدُعَاهُ جَهَنَّمَ فِي جَوْفِ عَنْدِهِ أَنَّهَا وَلَا يَجْمِعُ الشَّجَنُ وَالْأَهْمَانُ فِي قَلْبِ عَنْيِ أَنَّهَا

Maksud hadis:

Abu Hurayrah r.a. berkata bahawa Rasulullah SAW bersabda, “Tidak akan berhimpun debu pada jalan Allah dengan asap neraka Jahannam dalam rongga

seorang hamba selama-lamanya, demikian juga tidak akan berhenti pun bakhil dan iman dalam hati seorang hamba selama-lamanya” (al-Nasa’i, *Sunan al-Nasa’i*, Kitab Jihad, bab orang yang beranal pada jalan Allah pada tapak kakinya, jil. 6, bil. hadis 3108, http://www.Islam.web.Net/newlibrary/display_book.php?bk_no=3&ID=1595&idfrom=3055&idto=3064&bookid=3&startno=2).

²⁴Pirman Allah SWT:

يَأَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا إِذْ نَذِرُكُمْ وَرَسُولُهُمْ وَالْكِتَابُ الَّذِي نَزَّلْنَا عَلَى رَسُولِهِ وَالْكِتَابُ الَّذِي
أَنْزَلْنَا مِنْ قَبْلِهِ وَمَنْ يَكْفُرُ بِاللهِ وَرَسُولِهِ وَالْكِتَابِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ فَقَدْ ضَلَّ سَلِيلًا بَعْدًا

Maksud ayat:

“Wahai orang yang beriman, tetaplah beriman kepada Allah dan rasul-Nya dan kepada kitab yang Allah turunkan kepada rasul-Nya serta kitab yang Allah turunkan sebelumnya. Sesiapa yang kufur kepada Allah, malaikat-malaikat-Nya, kitab-kitab-Nya, rasul-rasul-Nya, dan hari kemudian, maka sesungguhnya orang itu telah sesat sejauh-jauhnya.”

(Al-Quran, al-Nisa' 4: 136)

²⁵Belum diterangkan *Musnad Firdaus* ini.

²⁶al-Bayhaqi meriwayat bahawa Hatib berkata bahawa Rasulullah SAW bersabda:

مَنْ زَارَنِي بَعْدَ مَوْتِي فَكُلَّا مَا لَيْقَنَّ بِي حَيَاتِي ، وَمَنْ تَابَتْ بِأَخْدُوكُمْ فَبَعْثَتْ مِنْ أَنْبِيَاءِ يَوْمِ الْقِيَامَةِ

Maksud hadis:

“Orang yang menziarahiku selepas kemarianku seolah-olah dia telah menziarahiku semasa hidupku, dan orang yang mati di salah satu daripada dua Tanah Haram dia akan dibangkit di akhirat daripada golongan orang yang aman.”

(Al-Bayhaqi, *Shu'ab al-Iman*, jil. 3, hlm. 488, bil. hadith 4151).

²⁷Sabda Rasulullah SAW:

عَنْ جَابِرِ بْنِ عَبْدِ الرَّحْمَنِ اللَّهُ عَنْهُمَا عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: "كُلُّ مَعْرُوفٍ حَتَّى

Maksud hadis:

Jabir bin ‘Abd Allah r.a. meriwayat bahawa Nabi SAW bersabda, “Setiap kebaikan adalah sedekah;” (al-Bukhari, *Sahih al-Bukhari*, kitab adab, bah setiap kebaikan adalah sedekah, bil. hadis 5675, http://www.islamweb.net/newlibrary/display_book.php?bk_no=0&ID=3371&idfrom=5775&idto=5777&bookid=0&startno=0).

²⁸Abu Hurayrah r.a. meriwayat bahawa Rasulullah SAW bersabda:

وَإِذْ قَالَتْ طَيْفَةٌ رَّبِّهِمْ يَأْهَلَ بَيْرُتَ لَا تُقْعِدْ لَكُمْ فَازْجِعُوا

Maksud hadis:

"Tiadalah seseorang lelaki berjalan di sebuah kubur yang cikreralinya di dunia lalu memberi salam kepadanya melainkan dia (penghuni kubur) mengenal dan menjawab salamnya" (Ibn 'Asakir, *Tarikh Dimashq*, hlm. atau bil. hadis 10/380, <http://www.dorai.net/enc/hadith>).

²⁹Beliau ialah al-Imam 'Ali bin 'Abd Allah bin Ahmad al-Hasani al-Samhudi. Beliau dilahirkan di Samhud, iaitu sebuah kampung di Sa'id, Mesir pada Safar 844H. Mendapat pendidikan di Qahirah dan berpindah ke Madinah lalu bermastautin di sana pada 873H. Bermula dari sini, beliau telah mendalami ilmu melalui ulama-ulama Haramayn dan ulama lain yang sezaman dengannya. Beliau wafat pada Zulkaedah 922H. (Hamd al-Jasir, 1972, *Muqaddimah*, dlm. al-Samhudi, 1972, *Khulasah al-wafa bi akhbar dar al-Mustafa*, al-Madinah al-Munawwarah: al-Maktabah al-'Ilmiyyah).

³⁰Nama penulu kitab ini ialah *Khulasah al-Wafa Bi Akhbar Dar al-Mustafa*, hasil tulisan al-Imam 'Ali al-Samhudi (844-922H). Kitab ini adalah suatu kitaran yang utama dalam membincarkan mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengan Madinah sejak dahulu sehingga ke akhir kurun ke-19 Hijrah semasa penghidupan penulisnya. Beliau juga membincara mengenai kelebihan-kelebihan Madinah di dalam kitab ini, adab-adab menziarahi Rasulullah SAW, penduduk Madinah dan peristiwa yang berlaku kepada mereka, pembangunan Madinah pada zamannya, musolla hari raya, masjid-masjid tempat Rasulullah SAW solat semasa bermusafir dan tempat-tempat yang terdapat di sekitar Madinah (al-Samhudi, al-Sayyid 'Ali, *Khulasah al-Wafa bi akhbar dar al-Mustafa*, 1972, al-Madinah al-Munawwarah: al-Maktabah al-'Ilmiyyah).

³¹Nama sebenarnya ialah Muhammad bin al-Hasan bin Zabalah yang dikenali dengan al-Zabali. Dia meriwayatkan daripada Imam Malik bin Anas. Menurul Ibn Mu'in dia termasuk dalam kategori orang yang tidak dipercayai (al-'Asqalani, Ahmad ibn Hajar, 1993, *Tahdhib al-Tahdhib*. Bayrut: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi, jil. 5, hlm. 76-77).

³²Beliau ialah Imam Malik bin Anas bin Malik bin Abi 'Amir al-Ashabi Abu 'Abd Allah. Beliau adalah salah seorang imam mazhab yang empat. Beliau lahir di Madinah pada 93H./712M. dan wafat di sana pada 1791H./795M. Antara karyanya ialah *al-Muwatta'* dan *Risalah al-Wâ'z* (al-Zirikli, Khayr al-Din, 2002, *al-'Alam qamus tarajim li ash'hur al-Rijal wa al-Nisa' min al-'Arab wa al-Mustafribin wa al-Mushtashriqin*, Bayrut: Dar al-'Ilm Li al-Malayin, jil. 5, hlm. 257).

¹³Al-Samhudi, hlm. 6.

¹⁴Beliau ialah Muhammad bin Ahmad bin Muhammad bin Khalf al-Khzraji al-Ansari al-Sa'di al-Madani, Abu 'Abd Allah Jamal al-Din Al-Matari. Beliau adalah seorang ulama dalam bidang hadis, fikih dan sejarah. Lahir pada 671H./1272M. di al-Matariyyah, Mesir. Kemudian beliau telah menjadi penduduk Madinah dan dilantik sebagai petugas kehakiman di sana. Antara kitabnya dalam bidang sejarah ialah *al-Ta'rif Bi Ma Anasat al-Hijrah Min Ma'alim Dar al-Hijrah*. Beliau meninggal dunia di Madinah pada 741H./1340M. (al-Zirkli, jil. 5, hlm. 325-326).

¹⁵Peristiwa *al-Ahzab* atau dikenali juga dengan *al-Khandaq* terjadi pada bulan Syawal tahun kelima Hijrah. Ia dinamakan dengan *al-Ahzab* kerana terdapat beberapa kumpulan Yahudi Macinah yang telah membentuk pakatan dengan Quraish Mekah untuk memerangi Rasulullah SAW. Kumpulan Yahudi ini juga telah berjaya memujuk Bani Ghatfan untuk bersama mereka dan Quraish Mekah. Sementara itu, Bani Quraizah pula telah melanggar perjanjian dengan Rasulullah SAW apabila turut bersekongkol dengan tentera *al-Ahzab*. Apabila Rasulullah SAW mengerahui mengenai pakatan jahat ini lalu Baginda SAW dan para sahabat telah membina parit (*khandaq*) di sekitar Madinah. Semasa pengepungan ni berlaku, Rasulullah SAW telah mengutuskan Nu'aim bin Mas'ud yang telah memeluk Islam tanpa dikenali oleh golongan musyrikin untuk memecahbelah pakatan jahat mereka. Di samping itu, Allah SWT telah mengutuskan angin kencang pada malam yang sangat dingin sehingga menyebabkan kekuatan musuh menjadi lemah dar akhirnya mereka meninggalkan kepungan tersebut (Ibn Hisham, Abu Muhammad 'Abd al-Malik al-Mu'afiri. 1987. *Al-Sirah al-Nabawiyyah Li Ibn Hisham*. Bayrut: Dar al-Jayl, jil. 3, hlm. 127-128 & 137-138 & Al-Buti, Muhammad Sa'id Ramadan. 2006. *Fiqh al-Sirah*. Selangor: Dewan Pustaka Fajar, jil. 2, hlm. 449-458).

¹⁶Al-Quran, *al-Ahzab* 33 : 13. Firman Allah SWT:

إِذْ هُمْ تَطْلُو عَلَيْنَا وَرَبَّنَا هُنَّ أَهْمَلُ وَأَهْمَلُ زَرْفَانَ^{۱۷}

¹⁷Al-Uhud atau perperangan Uhud berlaku disebabkan kaum Quraish ingin membala dendam terhadap kekalahan mereka kepada Rasulullah SAW dan orang-orang Islam semasa peperangan Bada'. Mereka telah membawa bersama orang-orang perempuan sebagai rangsangan agar tidak meninggalkan medan peperangan. Apabila hal ini diketahui oleh Rasulullah SAW, maka Baginda dan para sahabat telah keluar ke suatu tempat di antara Madinah dan Bukit Uhud pada 7 Syawal selepas berhijrah 32 bulan. Dalam perjalanan, golongan munafik yang diketuai oleh Abdullah bin Ubay bin Salul telah berpatah balik dan tidak mau ikut berperang. Semasa pertempuran berlaku, pada mulanya umat Islam telah memperolehi kejayaan sehingga puak Quraish terpaksa berundur. Namun disebabkan kumpulan pemanah yang di tempat di Bukit Uhud meninggalkan

tempat mereka, telah menyebabkan puak Quraish menyerang kembali sehingga ramai sahabat yang gugur syahid, antaranya ialah Hamzah bin 'Abd al-Muttalib r.a. dan Mus'ab bin 'Umayr r.a. (Ibn Hisham, jil. 3, hlm. 14, 17, 21 & 23 & Al-Buti, jil. 2, hlm. 351-357).

³⁸Rumah ialah sebuah perigi besar yang terletak di utara *Masjid al-Qiblatayn* di *Wadi al-'Aqiq*. Airnya sangat jernih dan enak diminum. Sekarang ia dinamakan sebagai *Bi'r al-Jannah* disebabkan Uthman bin 'Affan r.a dijanji syurga setelah membeli perigi ini untuk dijadikan minuman orang Islam. Menurut al-Karmani, Rumah dimiliki oleh seorang Yahudi yang menjual airnya kepada orang Islam lalu ia telah dibeli oleh Uthman dengan harga dua puluh ribu dirham (Al-Mubarakfuri, Abu al-'Ala Muhammad 'Abd al-Rahman. 1990, *Tuhfah al-Ahwadhi fi Sharh Jam'i al-Tirmidhi*. Bayrut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, jil. 10, hlm. 131).

³⁹Kabilah Aus berasal daripada datuk mereka Aus bin Harithah bin Tha'laba daripada Bani Muza'iqiya' daripada al-Azd yang berasal daripada Kahlan. Keturunannya kemudian telah berpindah daripada Yaman ke Yathrib. Selepas menerima Islam mereka adalah di antara dua kabilah yang dikenali sebagai al-Ansar (Al-Zirikli, jil. 2, hlm. 31).

⁴⁰Kabilah Khazraj berasal daripada datuk mereka al-Khazraj bin Harithah bin Tha'laba bin 'Amru al-Muza'iqiya' daripada al-Azd yang berasal daripada Qahtan. Mereka berasal daripada Yaman kemudian telah berpindah ke Yathrib. Selepas menerima Islam mereka adalah di antara dua kabilah yang dikenali sebagai al-Ansar (al-Zirikli, jil. 2, hlm. 304).

⁴¹Al-Quran, Ali 'Imran 3: 122. Firman Allah SWT:

(إِذْ قَاتَلَ طَّاغِيَّةً تَعْلَمُتْ لَنْ تَرْتَدْ لَا نُقَامَ كُلُّ فَلَذِجُوا وَسَنَّنُهُ فَرِيقٌ وَهُمْ أَكْثَرُ يَكْفُرُونَ إِنْ تُؤْتُنَا عَوْزَةً وَمَا هُوَ بِعَوْزَةٍ إِنْ يُؤْتُنَ الْأَوْرَارًا)

⁴²Firman Allah SWT:

(إِذْ قَاتَلَ طَّاغِيَّةً تَعْلَمُتْ لَنْ تَرْتَدْ لَا نُقَامَ كُلُّ فَلَذِجُوا وَسَنَّنُهُ فَرِيقٌ وَهُمْ أَكْثَرُ يَكْفُرُونَ إِنْ تُؤْتُنَا عَوْزَةً وَمَا هُوَ بِعَوْزَةٍ إِنْ يُؤْتُنَ الْأَوْرَارًا)

Maksud ayat:

Dan (Ingatlah) ketika segolongan antara mereka berkata: "Wahai penduduk Yathrib (Madinah), tidak ada tempat tinggal bagimu, maka kembalilah." dan sebahagian dari mereka minta izin kepada Nabi (untuk kembali pulang) dengan berkata: "Sesungguhnya rumah-rumah kami terbuka (memerlukan perlindungan)" sedangkan rumah-rumah itu sekali-kali tidak terbuka, mereka tidak lain hanya bermaksud hendak lari (daripada perjuangan) (al-Quran, al-Ahzab 33: 13).

⁴³Ibn Kathir meriwayat bahawa Ibn Ishaq menyatakan yang mengucap kata-kata tersebut ialah Aws bin Qaizi (Ibn Kathir, Abu al-Fida' Isma'il, 1990. *Tafsir al-Quran al-'Azim*. Qahirah: Dar al-Hadith, jil. 3, hlm. 455-456).

⁴⁴Namanya ialah 'Umar bin Shabbah bin 'Ubaidah bin Ritah al-Namiri al-Basti, Abu Zaid. Lahir pada 1721H/789M acalah seorang penyair, ahli sejarah dan penghafaz hadis daripada kalangan ahli Basrah. Beliau meninggal dunia di Samara' pada 262H/876M. Antara karyanya ialah *Kitab al-Kuttab*, *al-Nasab*, *Akhbar al-Madinah* dan *Tarikh al-Basrah* (al-Zirkli, jil. 5, hlm. 47-48).

⁴⁵Belian ialah Ahmad bin Muhammad bin Hanbal, Abu 'Abd Allah al-Shaibani al-Wa'ili. Beliau adalah salah seorang imam mazhab. Dilahirkan di Baghdad pada 164H/780M. dan dibesar dalam suasana keilmuan. Beliau banyak bermusafir di antaranya ke Kufah, Basrah, Mekkah, Madinah, Sham, Parsi, Magrib dan Khurasan. Antara kitabnya ialah *al-Musnad*, *al-Nasikh wa al-Mansukh*, *Fada'il al-Sahabah* dan *al-Manasik* (al-Zirkli, jil. 1, hlm. 203).

⁴⁶Beliau ialah Mu'alla bin Mansur al-Razi Abu Ya'la, berasal daripada Rayy dan menetap di Baghdad. Beliau perawi hadis yang menghimpur hadis-hadis dan seorang yang dipercayai. Beliau dari pengikut Abu Yusuf dan Muhammad bin al-Hasan yang adalah pengikut Abu Hanifah. Oleh itu, beliau meriwayat daripada kedua-duanya. Antara kitabnya ialah *al-Nawadir* dan *al-Amali* dalam bidang fekah. Beliau meninggal dunia pada 211H/826M. (Al-Zirkli, jil. 7, hlm 271).

⁴⁷"Sabda Rasulullah SAW:

عَنِ الْبَرَاءِ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "مَنْ عَنِيَ الْمَدِينَةَ يَثْرِبُ فَإِنْ شَاءَ فَلْيَثْرِبْ
اللَّهُ أَعْزُّ وَجْهُ هُنَّ مَاكِفَةٌ مِنْ حَاطِبٍ"

Maksud hadis:

Diriwayat daripada al-Bara' bahawa Rasulullah SAW bersabda, "Sesiapa yang menamakan Madinah dengan *Yathrib* maka hancaklah dia beristighfar kepada Allah kerana ia adalah bumi yang baik (*Tabah*)" (Ibn Hanbal, Ahmad, 1997. *Musnad Ahmad Ibn Hanbal*. Bayrut: Muassasah al-Risalah Musnad Ahmad, bil. 18519, jil. 30, hlm. 483).

⁴⁸Maksud sahibayn ialah kitab *Sahih al-Bukhari* dan *Sahih Muslim*.

⁴⁹Hadis berkaitan ialah:

عَنْ أَبِي ثُوْبَةَ عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: رَأَيْتُ فِي النَّارِ أَنِّي أُهَاجِرُ مِنْ نَاحِيَةِ إِلَيْ رَبِيعٍ بَغْلَتْ وَهَلَقْ إِلَى أَنَّ الْمَدِينَةَ
أَوْ دَجْرَةَ قَاتِلٍ هِيَ الْمَدِينَةُ وَلَمْ يَرَهَا ذَرْدًا وَلَمْ يَخْرُجْ مِنْهَا غَمْرٌ لَكِنَّ الْمَدِينَةَ تَحْمِلُ الْجَهَنَّمَ فَإِنَّمَا يَأْتِيَنَا جَاهَنَّمُ إِذَا
جَاءَنَا بِمَا كُنَّا فِيهِ نَارًا

Maksud hadis:

Abu Musa r.a. meriwayat bahawa Nabi SAW bersabda, "Aku telah melihat dalam tidur bahawa sesungguhnya aku berhijrah dari Mekah ke bumi yang mempunyai pohon kurma lantas fikiranku menyatakan bahawa ia adalah negeri Yamamah atau Hajar, maka aku dapati ia adalah al-Madinah Yathrib. Aku juga melihat padanya seekor lembu yang demi Allah ia adalah sangat bagus, maka aku dapati ia adalah (gambaran) orang Mukmin pada perperangan Uhud. Maka kebaikan adalah sesuatu yang didatangkan oleh Allah dan ganjaran kebenaran yang diberi Allah kepada kami selepas perang Badar" (al-Asqalani, *Fath al-Bari*, kitab takbir mimpi, bab apabila melihat lembu disembelih, bil. 7035, jil. 12, hlm. 521 & al-Naysaburi, Abu Muslim bin al-Hajjaj, 1995. *Sahih Muslim*. Bayrut: Dar Ibn Hazm, kitab mimpi, bab mimpi Nabi SAW, bil. 2272, jil. 2, hlm. 1421).

⁵⁰Lafaz hadis tersebut terkandung dalam kisah yang diceritakan oleh Abu Dhar r.a., iaitu:

... أَتَيْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَالَ إِنَّهُ قَدْ وَجَهَتِي لِي أَرْضٌ ذَاتٌ نَّعْلٌ لَا تُؤْدِي إِلَيْنِي ...

(Al-Naysaburi, *Sahih Muslim*, kitab kelebihan sahabat, kelebihan Abu Dhar r.a., bil. 2473, jil. 3, hlm. 1525-1527)

⁵¹Melalui firman Allah SWT.

الَّذِينَ تَرَدَّدُهُمُ الْمُكَبَّةُ طَالِبِيْنَ أَنْفُسِهِمْ قَالُوا فَمَّا كُنْتُمْ قَاتِلُوا كُلَّا كُلَّا مُشَتَّضِعِينَ فِي الْأَرْضِ
وَإِنَّمَا تَكُونُ أَرْضُ اللَّهِ وَبِعِدَةُ فَنَّارٍ جُرُّوا فِيهَا قَاتِلِيْلَهُ دَافِعِيْمَ حَدَّمَهُ وَسَاقَتْ نَصِيرًا (ج)

Maksud ayat:

Sesungguhnya orang yang diwalaikkan malaikat dalam keadaan menzalimi diri sendiri, malaikat bertanya (kepada mereka): "Bagaimana keadaan kamu ini?" Mereka menjawab: "Adalah kami orang yang tertindas di negeri (Mekah)" Para malaikat berkata: "Bukankah bumi Allah itu luas, sehingga kamu dapat berhijrah di bumi yang luas itu?" Maka orang itu tempatnya neraka Jahanam, dan ia adalah seburuk-buruk tempat kembali" (Al-Quran, al-Nisa' 4: 97).

⁵² Hadis ini selengkapnya ialah,

أَبُو هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ يَقُولُ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَمْرَى ثَقْرَنَةَ نَاعِلَيْنَ الْقَرْبَى بِثَوْلَيْنَ بِقَرْبَى
وَهِيَ الْمَدِينَةُ شَفَقُ الْكَامِنِ كُمَا يَنْفِي الْكَبُورُ حَيْثُ الْحَيْدُورُ

Maksud hadis:

"Aku diperintah dengan suatu kampung yang memakan (menguasai) kampung yang lain, mereka berkata bahawa ia adalah Yathrib dan ia adalah Madinah yang membuang keburukan manusia sebagaimana alat penghemus menyingkir kekotoran daripada besi." (al-Asqalani, *Fath al-Bari Sharh Sahih al-Bukhari*,

kitab kelebihan-kelebihan Madinah, bab kelebihan Madinah dan sesungguhnya ia membersihkan manusia, bil. 1871, jil. 4, hlm. 107; al-Naysaburi, *Sahih Muslim*, kitab haji, bab Madinah membersih kejahatan yang ada padanya, bil. 1382, jil. 2, hlm. 816; Ibn Hanbal, *Musnad Ahmad*, bil. 7232, jil. 12, hlm. 170 & al-Zurqani, Muhammad bin 'Abd al-Baqi bin Yusuf, 1997. *Sharh al-Zurqani 'Ala al-Muwatta' al-Imam Malik*. Bayrut: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi, kitab yang menghimpun (al-jami'), bab berkaitan penduduk Macinah dan keluar daripadanya, bil. 1705, jil. 4, hlm. 297-298).

³³Melalui firman Allah SWT:

(وَلَمَّا كَانُوا إِلَيْهِ مِنْ أَنْتَهَا سَعَوْا إِلَيْهِ فَلَا يَجِدُونَ فِي مُلْكِ رَبِّهِ حَاجَةً تَيْمَدُ لَوْفَرًا وَلَوْزَرَكَ عَوْ أَشْبَرَهُ دَلَارَهُ بَلْ مُحَاصَفَهُ وَلَمْ يَقْطُعْ شَبَابَهُ فَلَرِبَّهُ مَنْ أَلْمَخْبُورَهُ)

Maksud ayat:

Dari orang (al-Ansar) yang telah menempati *al-Dar* dan *al-Iman* (Madinah) sebelum (kedatangan) mereka (al-Muhajirin), mereka (al-Ansar) mencintai orang yang berhijrah kepada mereka (al-Muhajirin) dan mereka (al-Ansar) tiada menaruh keinginan dalam hati mereka terhadap apa-apa yang diberi kepada mereka (al-Muhajirin) dan mereka mengutamakan (orang al-Muhajirin) berbanding diri mereka sendiri, sekalipun mereka dalam kesusahan, dan siapa yang dipelihara dari sifat kikir calam dirinya, mereka iulah orang yang beruntung."

(Al-Quran, al-Hashr 59: 9)

³⁴Beliau ialah Anas bin Malik bin al-Nadr bin al-Damdam al-Najjari, al-Khzraji al-Ansari, Abu Thamamah atau Abu Hamzah. Lahir di Macinah pada tahun ke sepuluh sebelum Nabi berhijrah di Madinah. Beliau memeluk Islam semasa kanak-kanak dan bersahabat lama dengan Rasulullah SAW serta pernah menjadi pembantu Baginda sehingga Baginda wafat. Kemudian, beliau bermusafir ke Damshiq dan Basrah sehingga beliau meninggal dunia di sana pada tahun 93H. Beliau adalah sahabat terakhir yang meninggal di sana. Beliau meninggalkan zuriat seramai kira-kira seratus orang dan adalah sahabat al-Ansar yang mempunyai rama: anak dan harta dengan berkat doa Rasulullah SAW, "Ya Allah, kurniakan kepadanya harta dan nak serta berkatilah baginya (Abu 'Umar Yusuf bin 'Abd Allah bin Muhammad bin 'Abd al-Barr al-Qurtubi, *al-Isti'ab fi Ma'rifah al-Ashab*, Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, Bayrut, 1995. cet. 1, jil. 1, hlm. 198-200 & al-Zirikli, jil. 2, hlm. 24-25).

³⁵Hadis berkaitan iatih:

عن أبي ذئرة رضي الله عنه عن النبي صلى الله عليه وسلم قال الإيمان بطبع وبرود لغنة وليبيا مجده بين الإيمان

Maksud hadis:

Abu Hurayrah r.a. meriwayat bahawa Rasulullah SAW bersabda: "Iman mempunyai kira-kira enam puluh cabang dan malu adalah satu cabang iman" al-'Asqalani, *Fath al-Bari Sharh Sahih al-Bukhari*, kitab iman, bab urusan urusan iman, bil. 9, jil. 1, hlm. 71; al-Naysaburi, *Sahih Muslim*, kitab Iman, bab keterangan mengenai jumlah cabang-cabang iman, cabangnya yang paling utama dan yang paling rendah serta kelebihan sifat malu yang adalah sebahagian daripada iman, bil. 57, jil. 1, hlm. 65-66; Sunan Abu Daud, kitab al-sunnah, bab menjalak penangguhan (radd al-irja'), bil 4676, jil. 4, hlm. 1997-1998; al-Nasa'i, kitab iman dan syariatnya, bab menyatakan cabang-cabang iman, bil. 5004, jil. 8, hlm. 80 & Ibn Hanbal, *Musnad Ahmad*, bil. 9361, jil. 15, hlm. 212).

⁵⁶Kata-kata ini diambil daripada ayat al-Quran, iaitu:

(وَمَنْ يُوفِي نُفُسَهُ فَأُولَئِكَ هُمُ الظَّالِمُونَ)

Maksud ayat:

"Dan sesiapa yang dipelihara daripada sifat kedekut dalam dirinya, mereka itulah orang orang yang berjaya."

(Al-Quran, al-Hashr 59: 9)

⁵⁷Firman Allah SWT:

(لَا أَقْرَبُ مُرْجَدًا إِلَيْكُمْ)

Maksud ayat:

"Aku benar benar bersumpah dengan kota ini (Makah)."

(Al-Quran, al-Balad 90: 1)

⁵⁸Firman Allah SWT:

(كَذَّ أَخْرَجَنَّ رَبُّكَ بِنَبِيِّكَ بِالْحَقِّ وَإِنْ قَرِئَ مِنَ الْمُؤْمِنِينَ لَكُرْفُورًا)

Maksud ayat:

"Sebagaimana Tuhan-mu menyuruhmu pergi dari rumahmu (di Madinah untuk pergi berperang di Badar) dengan kebenaran."

(Al-Quran, al-Anfal 9: 5)

⁵⁹Beliau ialah 'Abd Allah bin Muhammad bin Abi Shaibah al-'Abbasi. Lahir pada 159H/776M. dan meninggal dunia pada 235H/849M. Beliau adalah seorang penghafaz hadis. Antara kitab beliau ialah *al-Musnad*, *al-Musannif fi al-Ahaaith Wa al-Athar*, *al-Iman* dan *al-Zakah* (Al-Zirikli, jil. 4, hlm. 118).

⁶⁰Ibn Abbas r.a. meriwayat wasiat Rasulullah SAW ketika Baginda sedang sakit, iaitu:

فَأَنْزَلْتُمْ بِشَلَابٍ، قَالَ أَخْرَجُوا الْمُشْرِكِينَ مِنْ جُنُونِ الْغَرْبِ وَأَجْهَرُوا الْوَقْدَ يَنْحُو مَا كُنْتَ أَجْرِيكُمْ⁶¹
وَلَقَدْ حَذَرَ إِنَّمَا أَنْ سَكَنَ عَنْهَا وَإِنَّمَا أَنْ فَاهَا تَسْبِيَهَا.

Maksud hadis:

Maka Baginda SAW telah memerintahkan tiga perkara, iaitu Baginda bersabda, "Keluarkanlah orang musyrik daripada Semenanjung Arab (al-Madinah), berilah penghargaan kepada rombongan tetamu sebagaimana aku menghargai mereka." Perkara ketiga adalah baik, sama ada Baginda SAW tidak menyebutnya atau Baginda menyebutnya tetapi aku yang lupa mengenainya" (Al-'Asqalani, *Fath al-Bari Sharh Sahih al-Bukhari*, kitab jizyah dan miwadah, bab mengeluarkan Yahudi daripada Semenanjung Arab, bil. 3168, jil. 6, hlm. 333; al-Naysaburi, *Sahih Muslim*, kitab wasiat, bab meninggalkan wasiat bagi orang yang tiada apa yang dapat diwasiatkan, bil. 1637, jil. 2, hlm. 1018; Sunan Abu Daud, kitab kharaj, kepimpinan dan fai', bab mengeluarkan Yahudi daripada Semenanjung Arab, bil. 3039, jil. 3, hlm. 1324-1325 & Ibn Hanbal, *Musnad Ahmad*, bil. 1935, jil. 3, hlm. 409)

⁶¹ Al-Tabrani meriwayat dengan lafaz:

عَنْ أَعْمَالِيَّ بْنِ عَبْدِ الْمُطَّلِبِ قَالَ نَظَرَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِلَى الْمَدِينَةِ ، فَقَالَ ،
هَذَا مَكَرٌ لِلَّهِ أَهْلُ هَذِهِ الْمَدِينَةِ إِذَا مُهْرَجُوهُمْ مُهْرَجُوهُمْ الْجُنُونُ .

Maksud hadis:

Ibn 'Abbas bin 'Abd al-Muttalib berkata bahawa Rasulullah SAW telah melihat ke arah Madinah lalu bersabda, "Sesunguhnya Allah SWT telah membersihkan penduduk al-Madinah ini selama mereka tidak disesat oleh tukang tilik" (Al-Tabrani, *Mujam al-Awsat*, bab orang yang bernama Ahmad, bil. 580, jil. 1, hlm. 251).

⁶² Al-'Asqalani, *Fath al-Bari Sharh Sahih al-Bukhari*, kitab kelebihan-kelebihan Madinah, bab Nabi SAW benci meninggalkan Madinah, bil. 1889, jil. 4, hlm. 124 & Ibn Hanbal, *Musnad Ahmad*, bil. 24288, jil. 40, hlm. 332.

⁶³ Al-'Asqalani, *Fath al-Bari Sharh Sahih al-Bukhari*, kitab kelebihan-kelebihan Madinah, bab keharaman Madinah, bil. 1870, jil. 4, hlm. 101 & al-Naysaburi, *Sahih Muslim*, kitab haji, bab kelebihan Madinah dan doa Nabi SAW padanya dengan keberkatan serta keterangan mengenai pengharamannya, haram berburu padanya dan haram pohonnya serta keterangan mengenai batas-batas pengharamannya, bil. 1371, jil. 2, h.m. 811-812.

⁶⁴ Dalam beberapa riwayat disebut dengan lafaz "penduduk Madinah" bukan dengan lafaz "penduduk Haramku" iaitu;

عن الشافعى بن خلاد قال: قال رسول الله صلى الله عليه وسلم: "من أخاف أهل المدينة أخافه الله عز وجل وعلمه لغة الله ولكل لغة والله ألمع لا يقبل الله منه صرفا ولا عننا".

Maksud hadis:

"Sa'ib bin Khallad berkata bahawa Rasulullah SAW bersabda, "Sesiapa yang menakutkan penduduk Madinah, Allah Azza Wa Jalla akan menakutkannya serta dia mendapat laranat Allah, Malaikat dan seluruh manusia. Allah juga tidak menerima amalan fardhu dan amalan sunat daripadanya" (Ibn Hanbal, *Musnad Ahmad*, bil. 16559, jil. 27, hlm. 94 & al-Tabrani, *Mujam al-Kabir*, bil. 6631, jil. 7, hlm. 143).

⁶⁵Lafaz hadis ini ialah:

عَنْ رَافِعِ بْنِ حَمْدَيْجِ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: إِنَّ إِبْرَاهِيمَ حَرَمَ مَكَّةَ وَلَقِيَ أَخْرَى مَا تَبَرَّأَ لَأَبْتَهَا" فِي رِوَايَةِ الْمَوْلَى.

Maksud hadis:

Rafi' bin Khadij berkata bahawa Rasulullah SAW bersabda, "Sesungguhnya Ibrahim telah mengharamkan Mekah dan sesungguhnya aku pula mengharamkan di antara dua padang pasirnya. Nabi SAW maksudkannya kepada Madinah" (Al-Naysaburi, *Sahih Muslim*, kitab haji, bab kelebihan Madinah dan doa Nabi SAW padanya dengan keberkatan serta keterangan mengenai pengharamannya, haram berburu padanya dan haram pohohnya serta keterangan mengenai batas-batas pengharamannya, bil. 1361, jil. 2, hlm. 808 & al-Tabrani, *Mujam al-Kabir*, bil. 4325, jil. 4, hlm. 258).

⁶⁶Beliau ialah Abu al-Qasim Sulaiman bin Ahmad bin Ayyub bin Matir al-Lakhmi al-Shami. Beliau dilahirkan pada tahun 260H. dan wafat pada tahun 360H. Beliau berasal daripada Tabriyah, Sham dan dinisbah dengannya. Beliau adalah antara ulama besar hadis dan telah menghasilkan tiga buah mu'jam, iaitu Mu'jam al-Kabir, Mu'jam al-Awsat dan Mu'jam al-Saghir (Al-Zirikli, jil. 3, hlm. 121).

⁶⁷Firman Allah SWT:

وَالَّذِينَ هَاجَرُوا فِي أَنْكَارٍ مِّنْ نَعْدَةٍ ظَاهِرُ الْبَؤْرَةِ فِي الدُّنْيَا حَسَنَةٌ وَالآخِرَةُ أَكْبَرُ لَوْ كَانُوا يَعْلَمُونَ

Maksud ayat:

"Dan orang yang berhijrah kerana Allah sesudah mereka dianiaya, pasti Kami akan memberikan tempat yang bagus kepada mereka di dunia dan sesungguhnya pahala di akhirat adalah lebih besar kalau mereka mengetahui."

(Al-Quran, al-Nahl 16: 41)

⁶⁸Hissi ialah sesuatu yang boleh dirasai oleh salah satu daripada pancaindera dan sebaliknya ialah *mānawi*. Dalam istilah tasawuf, pancaindera bertindak sebagai tirai di atas hakikat. Manusia diciptakan Allah dengan segenap pancaindera mestilah berusaha menyucikannya dengan mendekatkan diri kepada Allah. Melalui *dhikr Allah*, seluruh pancaindera dapat dilenyapkan untuk menyingkap yang Maha Haq (*Kamus Besar Arab Melayu*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 2006, hlm. 441 & Amatullah, hlm. 98-99).

⁶⁹*Mānawi* ialah sesuatu yang disandarkan kepada makna dan bermaksud kerohanian. Makna tersebut pula hanya dapat difahami oleh hati. (*Kamus Besar Arab Melayu*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 2006, hlm. 1630 & 'Ali bin Muhammad al-Sayyid al-Sharif al-Jurjani, *Kitab al-Tarifat*, Dar al-Rashad, Qahirah, th. hlm. 251).

⁷⁰*Al-Muhajirin* ialah orang Islam yang telah keluar berhijrah meninggalkan tanahair dan harta benda mereka untuk membantu dan menegakkan agama Allah dan Rasul-Nya lalu mereka mengorbankan harta benda dan jiwa raga mereka untuk tujuan tersebut (Ibn Kathir, jil. 2, hlm. 314).

⁷¹*Al-Ansar* ialah orang Islam yang adalah penduduk Madinah pada masa itu yang telah memberikan perlindungan kepada golongan al-Muhajirin di rumah-rumah mereka dan berkongsi harta benda mereka. Mereka turut membantu menegakkan agama Allah dan Rasul-Nya serta turut berperang bersama-sama Rasulullah SAW. Pengakatgorian kepada al-Muhajirin dan al-Ansar ini telah dinyatakan oleh Allah SWT melalui ayat 72 surah *al-Anfal* (Ibn Kathir, jil. 2, hlm. 314).

⁷²Berdasarkan hadis:

عن أبي هريرة قال : قال رسول الله صلى الله عليه وسلم : "المدينة قبة الإسلام ، ودار الإيمان ، وأرض المحرقة ، وسبأ اسلالن والدرام "

Maksud hadis:

Diriwayatkan daripada Abu Hurayrah r.a. bahawa Rasulullah SAW bersabda, "al-Madinah ialah kubah Islam, negeri Iman, bumi hijrah dan tempat tinggal halal dan haram" (Al-Tabrani, *Mu'jam al-Awsat*, bil. 5618, jil. 6, hlm. 51).

⁷³Berdasarkan hadis:

عن أبي هريرة رضي الله عنه أنَّ رسول الله صلى الله عليه وسلم قال: "إِنَّ الْمَعْدَنَاتِ لَأُولَئِكَ الْمُلَوِّثَاتُ كَمَا تَأْتِيُ الْمُنْتَهَى إِلَى مُجْرِهِنَا"

Maksud hadis:

Abu Hurayrah r.a. berkata bahawa Rasulullah SAW bersabda, "Sesungguhnya iman berlindung di al-Madinah sebagaimana ular berlindung dalam sarangnya"

(al-'Asqalani, *Fath al-Bari Sharh Sahih al-Bukhari*, kitab kelebihan-kelebihan Madinah, bab iman berlindung ke Madinah, bil. 1876, jil. 4, hlm. 115 & al-Naysaburi, *Sahih Muslim*, kitab Iman, bab keterangan mengenai Islam yang bermula dengan asing dan akan kembali asing serta berlindung di antara dua masjid, bil. 233, jil. 1, hlm. 119).

⁷⁴Hadir sahih ialah hadis yang bersambung sanadnya secara adil dan dabit dari awal sehingga akhir tanpa ada keraguan dan kesamaran (Manna^c al-Qattan, *Mabahith Fi "Uhum al-Hadith*, Maktabah Wahbah, Qahirah, 1987, hlm. 91).

⁷⁵Beliau ialah 'Abd al-Rahman bin 'Auf bin 'Abd 'Auf bin 'Abd bin al-Harith, Abu Muhammad al-Zuhri al-Qurashi. Dilahirkan pada tahun 44 SH/580M Beliau telah berkijrah ke Habshah dan seterusnya ke Madinah. Rasulullah SAW telah mempersaudarakannya dengan Sa'ad bin al-Rabi^c. Turut serta dalam perang Badar serta kebanyakannya peperangan yang lain bersama Rasulullah SAW. Beliau adalah antara sahabat yang agung dan salah scorang daripada sepuluh orang yang dijamin masuk syurga. Pekerjaan beliau ialah sebagai pedagang dan adalah sahabat yang hartawan. Beliau wafat di Madinah pada 32H./652M. (Abu 'Umar Yusuf bin 'Abd Allah bin Muhammad bin 'Abd al-Barr al-Qurtubi, *al-Isti'ab Fi Ma'rifat al-Ashab*, Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, Bayrut, 1995. Cet. 1, jil. 2, hlm. 386-387) (Al-Zirikli, jil. 3, hlm. 321).

⁷⁶Dalam hadis dinyatakan:

لَمْ يَرُدْ أَهْلَنِي تَكْبِيرَ أَشْرِقَةِ الْأَرْضِ لِنَعْوِذَ بِرَجْعِ إِلَى الْأَنْوَارِ وَلَمْ يَرُدْ أَهْلَنِي إِلَى أَخْرَجَ حَسَنَةَ حَسَنَةٍ لِنَعْوِذَ بِرَجْعِ إِلَى الْأَنْوَافِ
فَإِنَّمَا الْمُزَاجُ بِالْأَنْوَافِ إِنَّمَا يَمْتَعُ بِنَعْوِذِ رَفَاعَ النَّاسِ وَغُوَافِهِمْ فَنِي أَرِيَ أَنِّي أَنْهَى سَعْيَ قَطْنَمَ الْمَدِينَةِ إِلَيْهِ ۖ مَنْ يَرْجُو دُلْكَهُ وَلَكَهُ

Maksudnya:

Sesungguhnya 'Abd Allah bin 'Abbas memberitahu bahawa sesungguhnya 'Abd al-Rahman bin 'Auf kembali kepada keluarganya ketika dia berada di Mina pada haji akhir yang dilakukan oleh 'Umar, lalu dia telah menemui dan berkata, "aku telah berkata kepada Amir al-Mu'minin bahawa sesungguhnya musim haji ini menghimpunkan segerombolan manusia dan aku berfikir agar engkau menunggu dahulu sehingga sampai ke kota ini kerana sesungguhnya ia adalah Dar al-Hijrah, Dar al-Sunnah dan Salariyah" (Al-'Asqalani, *Fath al-Bari Sharh Sahih al-Bukhari*, kitab al-Manaqib, bab kedatangan Nabi SAW dan para sahabatnya ke Macinah, bil. 3928, jil. 7, hlm. 335).

⁷⁷Beliau ialah Abu al-Haitham, Muhammad bin al-Makki bin Muhammad bin Makki bin Zura^c bin Harun al-Marwazi al-Kushmihani. Seorang ahli hadis yang dipercayai dan meriwayatkan daripada al-Bukhari melalui Abu 'Abd Allah al-Farbawi (Shams al-Din Muhammad bin Ahmad bin Uthman al-Dhahabi, *Siyar A'lam al-Nubala'*, Muassasah al-Risalah, Bayrut, 1994. Cet. 10, jil. 16, hlm. 491).

⁷⁸Al-Sayyid 'Ali al-Samhudi r.h. *Khulasah al-Wifa bi Akhbar Dar al-Mustafa*, 1972, al-Maktabah al-'Ilmiyyah, Al-Madinah al-Munawwarah, hlm. 10.

⁷⁹Berdasarkan hadis:

عَنْ جَابِرٍ قَالَ قَدِمْتُ مَدْيَنَ فَلَمْ يَكُنْ فِيهِ مَاءٌ إِلَّا أَعْطَيْتُهُ وَلَمْ يَكُنْ فِيهِ كَوْكَبٌ إِلَّا أَعْطَيْتُهُ وَلَمْ يَكُنْ فِيهِ شَجَرٌ إِلَّا أَعْطَيْتُهُ
أَخْرَى مَا لَمْ يَكُنْ فِيهِ مَاءً وَلَمْ يَكُنْ فِيهِ شَجَرًا

Maksud hadis:

Jabir bin 'Abd Allah meriwayat bahawa sesungguhnya Rasulullah SAW bersabda, "Aku melihat seolah-olah aku berada dalam benteng yang kukuh dan aku juga melihat lembu yang disembelih, maka aku menafsir bahawa sesungguhnya benteng yang kukuli ialah al-Madinah dan lembu pula, demi Allah adalah suatu kebaikan" (Ibn Hanbal), *Musnad Ahmad*, bil. 2445, jil. 4, hlm. 259).

⁸⁰Hadis ini diriwayat oleh 'A'ishah r.a. mengenai peristiwa yang berlaku ketika Abu Bakr r.a. mahu berhijrah ke Habshah lalu dihalang oleh Ibn Daghinah lalu Abu Bakr berkata:

لَقِيَ أَبُو بَكْرَ جَوَزَكَ وَأَرْضَهُ بَحْرَ حَرَقَ وَجَزَّ، وَلَقِيَ صَلْلَةَ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ تَبَرِّزَ بَعْدَ هَذَا فَلَمْ يَأْتِ مَنْ أَتَى وَلَمْ يَمْلِأْ مَا تَرَكَ

Maksudnya:

Maka sesungguhnya aku (Abu Bakar) menolak untuk berada disisimu (Abu Dhaginah) dan lebih suka berada di sisi Allah Azza Wa Jalla. Ketika itu Nabi SAW berada di Mekah lantas Baginda bersabda kepada kaum Muslimin, "Sesungguhnya aku telah diperlihat negeri hijrah kau yang mempunyai pohon kurma di antara dua padang pasir yang mempunyai batu-batu hitam," lalu manusia pun berhijrahlah ke Madinah dan kebanyak orang yang telah berhijrah ke bumi Habshah telah kembali untuk berhijrah ke Madinah (al-'Asqalani, *Fath al-Bari Sharh Sahih al-Bukhari*, kitab al-Manaqib, bab hijrah Nabi SAW dan para sahabat ke Madinah, bil. 3905, jil. 7, hlm. 292; al-Mustadrik 'Ala al-Sahihain, al-Hakim, kitab hijrah, bil. 4262, jil. 3, hlm. 5 & Sehih Ibn Hibban, kitab tarikh, bab hijrah Nabi SAW ke Madinah dan keadaannya di sana, bil. 6277, jil. 14, hlm. 179).

⁸¹Beliau ialah Muhammad bin Ahmad bin Amir bin Mu'adh al-Aqshihri, seorang pengembara dan ahli sejarah. Lahir di Aqshihri pada 665H/1267M., kemudian beliau pergi ke Mesir seterusnya Maghrib. Akhirnya beliau pergi ke Madinah dan mati di sana pada 731H/1331M. Antara kitabnya ialah *al-Rawdah Fi Asma' Man Dufin Bi al-Baqi'* (Al-Zirikli, jil. 5, hlm. 325).

⁸²Beliau ialah Fairuz al-Daylami, Abu al-Dahhaq, seorang sahabat Rasulullah SAW yang berasal dari Yaman. Beliau telah berkunjung kepada Rasulullah SAW dan meriwayat hadis daripada Baginda kemudian kembali semula ke Yaman. Di

zaman ‘Umar r.a. beliau datang mengunjunginya, kemudian menetap di Mesir sehingga meninggal dunia pada 53H./673M. (Al-Zirikli, jil. 5, hlm. 164).

³² Beliau ialah Ahmad bin ‘Abd Allah bin Ahmad al-Asfahani, Abu Na‘im. Beliau lahir pada 336H./948M. di Asfahan dan meninggal dunia pada 430H./1038M. di sana. Beliau adalah seorang penghafaz al-Qur‘an dan ahli sejarah. Antara karya beliau ialah *Hilyah al-Auliya’ Wa Tabaqat al-Asfiya’, Marifah al-Sahabah* dan *Tabaqat al-Muhaddithin Wa al-Ruwah* (Al-Zirikli, jil. 1, hlm. 157).

³³ Beliau ialah ‘Abd Allah bin ‘Umar bin al-Khattab al-‘Adawi, Abu ‘Abd al-Rahman, adalah seorang sahabat Rasulullah SAW. Turut sama berhijrah bersama bapanya ke Madinah dan menyertai Fath Makkah. Semasa kecil, beliau mahu turut serta dalam perang Uhud namun dianggap masih kecil oleh Rasulullah SAW. Beliau lahir di Mekah tahun kesepuluh sebelum Hijrah dan meninggal dunia di sana pada 73H./692M., di mana beliau adalah sahabat terakhir yang meninggal di Mekah. Beliau meriwayat sebanyak 2630 buah hadis (Abu ‘Umar Yusuf bin ‘Abd Allah bin Muhammad bin ‘Abd al-Barr al-Qurtubi, *al-Isi‘ab Fi Marifah al-Ashab*, Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah, Bayrut, 1995. Cet. 1, jil. 3, hlm. 80-83) (al-Zirikli, jil. 4, hlm. 108).

³⁴ *Marfu‘* ialah sesuatu yang disandar kepada Nabi SAW sama ada pada perkataan, perbuatan, *taqrir* (pengakuan) atau sisiknya (Manna‘ al-Qattan, *Mabahith Fi ‘Ulum al-Hadith*, Maktabah Wahbah, Qahirah, 1987, hlm. 135).

³⁵ Al-Sayyuti, Jami‘ al-Ahadith, bil. 27831, jil. 9, hlm. 170.

³⁶ *Subul al-Huda wa al-Rushad Fi Sirah Khair al-Ibad*, kitab himpunan bab-bab keistimewaan Rasulullah SAW, bab 142, jil. 11, hlm. 110.

³⁷ Beliau ialah Muhammad bin Yusuf bin Musa al-Azdiy al-Mahlabi, Abu Bakr Jamal al-Dinal-Andalusi. Adalah seorang penghafaz hadis dan mengumpulkannya serta menceritakan mengenai perawi-perawinya. Lahir pada 599M./1202H dan berasal dari Gharnatah. Beliau kemudian bermusafir ke Tilmasan, Tunisia, Halab dan Damshiq seterusnya tinggal di Mesir dan mentepa pula di Mekah. Antara kitabnya ialah al-Musnad al-Gharib, Mu‘jam dan al-Arba‘un al-Mukhtarah Fi Fadl al-Hajj Wa al-Ziarah (Al-Zirikli, jil. 7, hlm. 150).

³⁸ Al-Sayyid ‘Ali al-Sanhudi r.h. *Khulasah al-Wafa bi Akhbar Dar al-Mustafa*, 1972. Al-Maktabah al-‘Ilmiyyah, Al-Madinah al-Munawwarah, hlm. 10.

³⁹ Dalam hadis dinyatakan:

عَنْ جَابِرِ بْنِ سُمَرَةَ قَالَ: سَعَيْتُ رَبِيعَ الْأَوَّلِ عَلَيْهِ وَمَلَئْتُ ثُلُوْلَهُ: إِنَّ اللَّهَ تَعَالَى مَنِيَ الْمَدِينَةَ طَائِبَةً

Maksud hadis:

Jabir bin Samrah berkata, "Aku mendengar Rasulullah SAW bersabda, "Sesungguhnya Allah Ta'ala menamakan al-Madinah dengan *Taybah*" (Al-Naysaburi, *Sahih Muslim*, kitab haji, bab Madinah membersihkan kejahatan yang ada padanya, bil. 1385, jil. 2, hlm. 817).

⁹Lafaz sebenarnya ialah,

عَنْ جَابِرِ بْنِ مُحَمَّدٍ قَالَ كَانُوا يَطْلُوونَ يَتَبَّعُ وَالنَّدِيْرَةَ تَفَالُ الْبَيْهِيْ مُنْلَى اللَّهِ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "إِنَّ اللَّهَ تَبَارَكَ وَتَعَالَى مَعَاهِ طَيْبَةٌ"

Maksud hadis:

Jabir bin Samrah berkata bahawa mereka menamakannya dengan *Yathrib* dan Madinah lalu Nabi SAW bersabda, "Sesungguhnya Allah SWT telah menamakannya *Taybah*" (Ibn Hanbal, *Musnad Ahmad*, bil. 20899, jil. 24, hlm. 458).

¹⁰Riwayat hadis tersebut ialah:

عَنْ زَيْدِ بْنِ أَسْلَمَ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "إِنَّ الْمَدِيْنَةَ وَطَيْبَةٌ وَطَابَةٌ وَمِسْكِيْنَةٌ وَجَاهِيْةٌ وَجَنْبَرَةٌ وَيَنْدَدُ وَيَنْرَبُ وَالدَّارُ"

Maksud hadis:

Zaid bin Aslam meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW bersabda, "Madinah mempunya' sepuluh nama, iaitu, al-Madinah, Tayyah, Tabah, Miskinah, Jabirah, Majburah, Yandac, Yathrib dan al-Dar" (*Subui al-Huda wa al-Rashad Fi Sirah Khair al-Ibad*, jil. 3, hlm. 426).

¹¹Beliau ialah Wahb bin Munabbih al-Aṣnawi al-San'ari al-Dhamari, Abu 'Abd Allah. Lahir pada 34H/654M. di San'a' dan meninggal dunia juga di sana pada 114H/732M. Beliau adalah seorang ahli sejarah dan banyak menyampaikan mengenai kitab-kitab terdahulu serta seorang yang mahir tentang kisah-kisah dongeng lama (asatir al-Awwalin) khususnya yang berkaitan dengan israiliyyat. Beliau dianggap sebagai seorang tabi'in (Al-Zirikli, jil. 8, hlm. 125-126).

¹²Al-Sayyid 'Ali al-Samhudi r.h. *Khulasah al-Wafa bi Akhbar Dar al-Mustaja*, 1972. Al-Maktabah al-'Ilmiyyah, Al-Madinah al-Munawwarah, hlm. 11.

¹³Beliau ialah Yaqtūn bin 'Abd Allah al-Rumi al-Hamawi, Abu 'Abd Allah, Shihab al-Dīn. Lahir pada 574H/1178M dan meninggal dunia pada 626H/1229M. Beliau adalah pakar sejarah dan geografi. Berasal daripada Rum dan dijadikan tawanan semasa kecilnya laju beliau dibeli oleh pedagang Baghdad bernama 'Askar bin Ibrahim al-Hamawi. Beliau dipelihara dengar baik dan diajarkan ilmu perdagangan serta dibawa bersama berdagang. Akhirnya beliau dimerdekaan pada 596H. Beliau telah mengembawa sehingga sampai ke Khurasan, Khawarizm,

Mawsal dan Halab lalu akhirnya menetap di Khan sehingga beliau wafat di sana. Antara kitabnya yang masyhur ialah *Mujam al-Buldan* dan *Irshad al-Arib* (Al-Zirikli, jil. 8, hlm. 131).

⁹⁶ *Amlaq* atau *Imiq* dari keturunan Ibn Lawudh bin Iram, iaitu datuk di zaman jahiliyyah lama yang berasal dari arab al-Aribah. Keturumannya dikenali sebagai al-Amaliqah. Asalnya mereka menetap di Babil, kemudian mereka telah ditewaskan oleh Parsi dan berpindah ke Tihamah di Hijaz lalu bertebaran ke Hijaz, Bahrain, Uman, Jazirah dan Sham. Al-Tabari menyatakan bahawa mereka adalah orang Arab dan berbahasa Arab (al-Zirikli, jil. 5, hlm. 88).

⁹⁷ Menurut al-Samhudi, nama tersebut diambil berdasarkan maksud hadis "ia menolak keburukan yang ada padanya" (Al-Sayyid 'Ali al-Samhudi RH *Khulasah al-Wafa bi Akhbar Dor al-Mustafa*, 1972, al-Maktabah al-'Ilmiyyah, Al-Madinah al-Munawwarah, hlm. 12).

⁹⁸ Berdasarkan hadis:

عن أبي هريرة قال : قال رسول الله صلى الله عليه وسلم : "المدينة قبة الإسلام ، ودار الإيمان ، وأرض الطهارة ، وسبأ العباد والحرام"

Maksud hadis:

Diriwayatkan daripada Abu Hirayrah r.a. bahawa Rasulullah SAW bersabda, "Al-Madinah ialah kubah Islam, negeri Iman, bumi hijrah dan tempat tinggal halal dan haram" (Al-Tabrani, al-Mu'jam al-Awsat, bil. 5618, jil. 6, hlm. 51).

⁹⁹ Al-Tabrani meriwayatkan dengan lafaz:

عَنْ أَبِي الْعَيْنَاتِ نَفْعَلِيَّ بْنِ الْمُتَلِّبِ قَالَ نَظَرَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِلَى الْمَدِينَةِ فَقَالَ
قَدْ طَهَرَ اللَّهُ أَهْلَ هَذِهِ الْمَدِينَةِ كَمْ أَخْطَأْتُمْ النَّجَومَ.

Maksud hadis:

Ibn Abbas b.n Abd al-Muttalib berkata bahawa Rasuhullah SAW telah melihat ke arah Madinah lalu bersabda, "Sesungguhnya Allah SWT telah membersihkan penduduk al-Madinah ini selama mereka tidak disesat oleh tukang tilik" (Al-Tabrani, Mu'jam al-Awsat, bab orang yang bernama Ahmad, bil. 580, jil. 1, hlm. 251).

¹⁰⁰ Firman Allah SWT:

إِنَّ الَّذِينَ ظَاهَرُوا مُؤْمِنُو وَقَاسِرُوا وَجَهَدُوا بِأَمْوَالِهِمْ وَأَنْفَسُهُمْ فِي سَبِيلِ اللَّهِ وَالَّذِينَ ظَاهَرُوا وَنَصَرُوا أَرْبَابُ الْعَزْبَةِ نَعْنَبُهُمْ أَوْ لِنَاءَ بَعْضُهُمْ

Maksud ayat:

"Sesungguhnya orang yang beriman dan berhijrah serta berjihad dengan harta dan jiwynya pada jalan Allah, dan orang yang memberi tempat kediaman dan

pertolongan (kepada orang Muhibbin), mereka menjadi pembela di antara satu sama lain.”

(Al-Quran, al-Anfal 8: 72).

¹⁰¹ Al-Sayyid 'Ali al-Samhudi r.h. *Khulasah al-Wafa bi Akhbar Dar al-Mustafa*, al-Maktabah al-'Ilmiyyah, Al-Madinah al-Munawwarah, 1972, hlm. 12.

¹⁰² Hadis yang diriwayat oleh Safinah r.a. ini berkaitan fitnah yang dibawa oleh Dajal di akhir zaman sehingga ia mahu memasuki Madinah namun tidak diperkenan, iaitu:

“...لَمْ يَبِرُّ حَقِّيْ بِأَنَّ الْمَدِيْنَةَ وَلَا يُؤْكِدُ لَهُ فِيهَا، فَيَقُولُ: هَذِهِ قَرْنَيْهُ ذَلِكَ الْوَجْهُ، لَمْ يَبِرُّ حَقِّيْ بِأَنَّ الشَّاءَ، فَيُهَلِّكُهُ اللَّهُ عَزُّ وَجَلُّ عَنْهُ عَقْبَةُ أَنْبِيَاءِ”

Maksud hadis:

“... kemudian (Dajjal) berjalan sehingga sampai ke Madinah tetapi tidak diizinkan memasukinya, lalu ia berkata, “ini adalah *qaryah* (negeri) lelaki itu (Rasulullah SAW), kemudian Dajjal berjalan sehingga sampai ke Sham, lalu Allah ‘Azza Wa Jalla membebaskannya di ‘Aqabah Afiq” (Al-Tabrani, al-Mu'jam al-Kabir, bil. 6445, jil. 7, hlm. 84).

¹⁰³ Nama beliau ialah Muhammad bin Abu Bakr bin Ayyub bin Sa'd al-Zur'a al-Dimashqi, Abu 'Abd Allah Shams al-Din. Beliau lahir pada 691M./751H. di Damshiq dan meninggal dunia pada 1296H./1350M. di bumi kelahirannya. Beliau adalah seorang tokoh ulama dan telah belajar dengan Ibn Taymiyyah dan menjadi pengikut kuatnya sehingga beliau turut sama dipenjarakan bersama gurunya itu di penjara Damshiq dan kemudiannya dibebaskan selepas Ibn Taymiyyah meninggal dunia. Antara karya beliau ialah *Nlam al-Murqaqfin*, *Zad al-Ma'ad*, *Madarij al-Salikin*, *al-Ruh*, *al-Da' wa al-Dawa'* dan sebagainya (Zirikli, jil. 6, hlm. 56).

¹⁰⁴ Ibn al-Jawzi menyatakan hadis tersebut yang diriwayat oleh Abu Hurayrah dengan lafaz,

عن أبي هريرة قال : قال رسول الله صلى الله عليه وسلم : "المدينة قبة الإسلام ، ودار الإيمان وبين الحلال والحرام"

Maksud hadis:

Diriwayat daripada Abu Hurayrah r.a. bahawa Rasulullah SAW bersabda, “Madinah adalah Kubah Islam, *Qalb al-Iman* dan tempat penjelasan halal dan haram” (Abu al-Faraj 'Abd al-Rahman al-Jawzi, *al-Wafa Bi Ahwal al-Mustafa*. Dar al-Kutub al-Hadithah, Qahirah, 1966, jil. 1, hlm. 253).

¹⁰⁵ Terdapat tiga maksud "khabar" dalam istilah ilmu hadis iaitu, (i) seerti dengan hadis, (ii) berbeza dengan hadis kerana hadis ialah sesuatu yang datang daripada Rasulullah SAW sedangkan khabar ialah yang datang daripada selain Rasulullah SAW, (iii) ia lebih umum daripada hadis, kerana hadis ialah sesuatu yang datang daripada Rasulullah SAW sedangkan khabar ialah yang datang daripada Nabi SAW atau selainnya (Manna' al-Qattan, *Mabahith Fi 'Ulum al-Hadith*, 1987, Maktabah Wahbah, Qahirah, hlm. 9).

¹⁰⁶ ²Ali bin 'Abd Allah bin Ahmad al-Samhudi, *Wafa' al-Wafa' Bi Akhbar al-Mustafa*, Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi, Qahirah, 1955, jil. 1, hlm. 20.

¹⁰⁷ Al-Samhudi, *Wafa' al-Wafa' Bi Akhbar al-Mustafa*, Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi, Qahirah, 1955, jil. 1, hlm. 20.

¹⁰⁸ Hadis tersebut ialah:

عَنْ أُبَيِّ بْنِ حِيرَةَ قَالَ : قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : "الْمَدِينَةُ قَبْلَةُ الْإِسْلَامِ
وَأَرْضُ الظَّهْرَاءِ ، وَمِبْيَانُ الْحَلَالِ وَالْحَرَامِ"

Maksud hadis:

Diriwayatkan daripada Abu Hirayrah r.a. bahawa Rasulullah SAW bersabda, "Al-Madinah ialah kubah Islam, negeri Iman, bumi hijrah dan tempat tinggal halal dan haram."

(Al-Tabrani, *al-Mu'jam al-Awsat*, bil. 5618, jil. 6, hlm. 51)

¹⁰⁹ Ibn al-Jawzi menyatakan hadis tersebut yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah dengan lafaz,

عَنْ أُبَيِّ بْنِ حِيرَةَ قَالَ : قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : "الْمَدِينَةُ قَبْلَةُ الْإِسْلَامِ ، وَدَارُ الْإِيمَانِ وَبَيْنُ الْحَلَالِ وَالْحَرَامِ"

Maksud hadis:

"Madinah adalah Kubah Islam, Qalb al-Iman dan tempat penjelasan halal dan haram" (Abu al-Faraj 'Abd al-Rahman al-Jawzi, *Al-Wafa Bi Ahwal al-Mustafa*, Dar al-Kutub al-Hadithah, Qahirah, 1966, jil. 1, hlm. 253).

¹¹⁰ Firman Allah SWT:

وَالْآخِرَةُ خَيْرٌ مِّنَ الْأُولَى

Maksud ayat:

"Dan akhirat itu adalah lebih baik bagi mu berbanding dunia."

(Al-Quran, al-Duha 93: 4)

¹¹ Hadis tersebut ialah:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: «اللَّهُمَّ إِنَّكَ أَخْرَجْتَنِي
مِنْ أَحْبَبِ الْبَلَادِ إِلَيَّ، فَأَسْكِنْنِي أَحْبَبَ الْبَلَادِ إِلَيْكَ» فَاسْكَنَهُ اللَّهُ الْمَدِينَةَ.

Maksud hadis:

Abu Hurayrah r.a. meriwayat bahawa Rasulullah SAW bersabda, "Ya Allah! Sesungguhnya Engkau telah mengeluarkanku dari negeri yang paling aku kasih, maka tempatkanlah aku di negeri yang paling Engkau kasih!", lantaran itu Allah SWT menempatkan Baginda SAW al-Madinah (*al-Mustadrik 'ala al-Sahihain*, al-Hakim, kitab hijrah, bil. 4262, jil. 3, hlm. 5).

¹² Firman Allah SWT:

وَقُلْ رَبِّنِي أَدْخِلْ مُدْخَلَ صَدِيقٍ وَأَخْرِجْ مُخْرَجَ صَدِيقٍ وَأَحْمَلْ لِي مِنْ لَذَّاتِ مُنْطَكَ نَصْرًا

Maksud ayat:

Dan katakanlah (wahai Muhammad, dengan berdoa), "Wahai Tuhanku! Masukkanlah daku ke dalam urusan agamaku dengan kemasukan yang benar serta keluarkanlah aku daripadanya dengan cara keluar yang benar; dan berikanlah kepadaku dari sisi-Mu hujah keteratigan serta kekuasaan yang menolongku."

(Al-Quran, al-Isra' 17: 80)

¹³ Sabda Rasulullah SAW:

إِنَّ الْمَدِينَةَ مَدِينَةُ الْمَلَائِكَةِ عَلَيَّ كُلُّ ثَنَبٍ وَنَهَا؛ لَكَانَ يَزِيرُ إِيمَانَ لَا يَدْخُلُهَا الظَّاهُورُ وَلَا الْأُدُّيُّونَ
فَمَنْ أَرَادَهَا يُسْعِي إِذَا هُوَ حَمَادٌ وَلَوْبٌ الْمُلْجَعُ فِي النَّاءِ

Maksud hadis:

Sesungguhnya Madinah bersulam cengan malaikat, di setiap laluannya terdapat dua malaikat yang menjaganya, penyakit taun dan Dajal tidak dapat memasukinya. Sesiaapa yang mahu melakukan kejahanatan kepada penduduknya maka Allah akan melenyapkannya sebagaimana garam dilarut ke dalam air" (Ibn Hanbal, *Musnad Ahmad*, [Dar al-hadith] bil. 8355, jil. 8, hlm. 294 & Abu Sa'id al-Mufaddal bin Muhammad bin Ibrahim al-Janadi, *Fada'il al-Madinah*, bab fadilat Madinah, bil. 13, hlm. 23).

¹⁴ Beliau ialah al-Mufaddal bin Muhammad bin Ibrahim al-Janadi al-Sha'bi, Abu Sa'id. Beliau adalah ahli hadis di Mekah dan meninggal dunia di Mekah pada 308H/920M. Antara kitabnya ialah *Fada'il al-Madinah* dan *Fada'il Makkah* (al-Zirikli, jil. 7, hlm. 280).

¹⁵ Firman Allah SWT:

وَقُلْ رَبِّنِي أَدْخِلْ مُدْخَلَ صَدِيقٍ وَأَخْرِجْ مُخْرَجَ صَدِيقٍ وَأَحْمَلْ لِي مِنْ لَذَّاتِ مُنْطَكَ نَصْرًا

Maksud ayat:

Dan katakanlah (wahai Muhammad, dengan berdoa), "Wahai Tuhanku! Masukkan daku ke dalam urusan agarmu dengan kemasukan yang benar serta keluarkan aku daripadanya dengan cara keluar yang benar; dan berikan kepadaku dari sisi-Mu hujah keterangan serta kekuasaan yang menolongku" (Al-Quran, al-Isra' 17: 80).

¹¹⁶Beliau ialah Zaid bin Aslam al-'Adawi al-'Umari, Abu Usamah atau Abu 'Abd Allah. Adalah seorang ahli fekah dan ahli tafsir. Beliau adalah seorang penduduk Madinah dan hidup bersama 'Umar 'Abd al-'Aziz semasa zaman pemerintahannya. Beliau seorang yang dipercayai dan meriwayatkan hadis. Anaknya 'Abd al-Rahman kemudian meriwayat pula daripadanya. Antara kitabnya ialah *al-Tafsir*. Beliau meninggal dunia pada 136H./753M.

(Al-Zirikli, jil. 3, hlm. 56-57).

¹¹⁷Hadis ini selengkapnya ialah:

إِنَّمَا أُنْهَىٰ مِنْ فَلَكَ إِذْ نَرْسَلُ إِلَيْهِ مَلَكَنِيَّةَ عَلَيْهِ وَسَلَمَ عَلَيْهِ: "...وَجَنَّ أَعْدَتْ لِي مِنْ بَيْنِ أَنْفُسِهِنَّ فِيهِ حَيَاةً خَيْرًا إِذْ أُوْتَ إِلَيْهِنَّ فَلَمْ يَأْتِهِنَّ وَلَمْ يَأْتِهِنَّ أَخْيَرَهُنَّ، لَا يَأْتِهِنَّ بِمَا صَرَّفُوا إِلَيْهِنَّ"

Maksud hadis:

Abu Umamah bin Tha'labah meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW bersabda, "... dan sesiapa yang melakukan sesuatu yang baru di Madinahku atau dia mendiaminya dalam keadaan melakukan sesuatu yang baru, maka dia mendapat laksana Allah, malaikat dan seluruh manusia serta tidak diterima amalan fardhu dan sunatnya" (Al-Tabrani, *Mu'jam al-Awsat*, bab orang yang bernama Ahmad, bil. 195, jil. 1, hlm. 113).

¹¹⁸Beliau ialah 'Ali bin 'Abd Allah bin 'Abd al-Jabbar bin Yusuf ibn Hurmuz al-Shadhili al-Maghribi, Abu al-Hasan, acalah pengasas tarekat rohani al-Shadhiliyyah dan hizb al-Shadhiliyyah. Beliau dilahirkan di Gharamah, Maghribi pada 591H./1195M. Beliau mendalamni sekah dan tasawuf di Tunisia dan menerap di Shadhiliyah berhampiran dengan Tunisia. Antara karyanya ialah *al-Amin*, *Nuzhah al-Qulub Wa Bughyah al-Mathub* dan *al-Sirr al-Jalil Fi Khawas Hasbuna Aliyah Wanî'm al-Wakil* (Al-Zirikli, jil. 4, hlm. 305).

¹¹⁹'Ali bin 'Abd Allah bin Ahmad al-Ilasani al-Samhudi, *Khulasah al-Wafa bi Akhbar Dar al-Mustafa*, al-Maktabah al-'Ilmiyyah, Madinah al-Munawwarah, 1972, hlm. 14.

¹²⁰Al-Zuhayr bin Bikar meriwayat daripada Ka'b bin al-Ahbar. Menurutnya, kami telah temui dalam kitab Allah SWT yang diturunkan kepada Musa a.s. bahawa sesungguhnya Allah SWT telah berfirman, "Wahai Taybah, wahai Tabah, wahai Miskinah, janganlah engkau menerima harta perbandaharaan. Aku telah mengangkat *ajajirmu* dengan berbanding *ajajir* penduduk negeri ini" (*Subul al-Huda wa al-Rashad Fi Sirah Khair al-'Ibad*, jil. 3, hlm. 424).

²¹Firman Allah SWT:

وَمِنْ أَكْثَرِ الْكَوَافِرِ إِذَا كَوَافَرُوا لَا يَخْفَى عَلَيْهِمْ مِنْ عِبَادَةِ الظَّالِمِينَ إِنَّ اللَّهَ عَلَىٰ هُنَّا غَنِيمٌ غَافِرٌ

"Dan demikian (pula) di antara manusia, binatang-binatang melata dan binatang-binatang ternak ada yang bermacam-macam warnanya (dan jenisnya). Sesungguhnya yang takut kepada Allah di antara hamba-hamba-Nya, hanyalah ulama. Sesungguhnya Allah Maha Perkasa lagi Maha Pengampun."

(Al-Quran, al-Fatir 35: 28)

²²Kehadiran, alam, tataran atau tingkatan. Ia juga dimaksud untuk kehadiran sifat ketuhanan (Totok Jumantoro & Samsul Munir Amin, *Kamus Ilmu Tasawuf*, Penerbit Amzah, Jakarta, 2005, hlm. 68 dan Amatullah Armstrong, *Khazanah Istilah Sufi: Kunci Memasuki Dunia Tasawuf*. Penerbit Mizan, Bandung, 1995, hlm. 82).

²³Zat bermaksud hakikat yang tidak berubah (M. Solihin & Rosihon Anwar, hlm. 34).

²⁴Al-Tabrani, *Mirjam al-Kabir*; bil. 470, jil. 20, hlm. 205 & 206.

²⁵Beliau ialah ^oAbd Allah bin Sa'ad bin Abi Sar'i bin al-Harith bin Hubaib ibn Hudhafah bin Malik bin Hasl bin ^oAmir bin Lu'ai al-Qurashi al-Amiri. Beliau adalah saudara sesusan dengan ^oUthman bin ^oAffan r.a. dan telah memeluk Islam sebelum *Fath Makkah*. ^oUthman r.a. telah melantik beliau sebagai gabenor Mesir sehingga beliau kemudiannya telah memerangi Afrika, Dhat al-Sawari dan al-Aswid. Beliau meninggal dunia pada tahun 59H. (Ahmed ibn Hajar al-'Asqalani, *al-Isabah Fi Tamayuz al-Sahabah*. Dar al-Jayl, Bayrut, 1992. cet. 1, jil. 4, hlm. 109 & Zirikli, jil. 4, hlm. 88-89).

²⁶Beliau ialah ^oUthman bin ^oAffan bin Abi al-^oAs bin Umayyah. Adalah Khulafa' al-Rashidin yang ketiga dan salah scorang daripada sepuluh orang yang mendapat jaminan syurga. Lahir di Mekah pada tahun 47SH./577M. Beliau memeluk Islam tidak lama selepas Nabi SAW diutuskan. Beliau adalah orang yang mulamula berhijrah ke Habshah bersama isterinya Ruqayyah binti Rasulullah SAW kerana menyelamatkan agamanya lalu dilutut pula oleh sahabat yang lain. Kemudian beliau berhijrah ke Madinah. Beliau digelar Dhu al-Nurain kerana berkahwin dengan dua anak Rasulullah SAW, iaitu Ruqayyah kemudian Umm al-Kalthum. Selepas kewafatan Umar bin al-Khattab pada 32H., beliau dilantik sebagai Khulafa' al-Rashidin ketiga. Semasa era pemerintahannya Islam telah berkembang luas sehingga ke Armenia, Quqaz, Khurasan, Karman, Sajastan, Afrika dan Qubrus. Beliau meninggal dunia pada 35H./656M. setelah dibunuh sewaktu sedang membaca al-Qur'an di rumahnya. (Abu 'Umar Yusuf bin ^oAbd Allah bin Muhammad bin ^oAbd al-Barr al-Qurtubi, *al-Istibab Fi Marifah al-*

Ashab. Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, Bayrut, 1995. Cet. 1, jil. 3, hlm. 155-157) (al-Zirikli, jil. 4, hlm. 210).

¹²⁷Al-Samhudi menyatakan syair ini selengkapnya, iaitu “Aku lihat perkara ini semakin bertambah gawat, dan penolong-penolong kami di al-Makkatayn adalah sedikit!” (*Ali bin 'Abd Allah bin Ahmad al-Hasani al-Samhudi, Wafa' al-Wafa' Bi Akhbar al-Mustafa*. Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi, Qahirah, 1955, jil. 1, hlm. 24).

¹²⁸Beliau ialah Nasr bin Hajjaj bin 'Illa al-Sulma, adalah penyair Madinah yang mempunyai rupa paras yang cantik sehingga dia dipuja oleh wanita di Madinah. Salah seorang daripadanya bersyair dengan kata-kata yang menggoda dan mengajak memirum arak lalu didengar oleh Umar. Disebabkan keimbangan Umar mengenai perkara ini, lalu beliau memanggil Nasr lalu memerintahkan agar dicukur rambutnya dan dibuang ke Basrah. Selepas Umar meninggal dunia, dia kembali semula ke Madinah (Al-Zirikli, jil. 8, hlm. 22).

¹²⁹Ali bin 'Abd Allah bin Ahmad al-Hasani al-Samhudi, *Wafa' al-Wafa' Bi Akhbar al-Mustafa*, Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi, Qahirah, 1955, jil. 1, hlm. 24.

¹³⁰Sabda Rasulullah SAW:

عَنْ أَنَسِ بْنِ مَالِكٍ عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: «اللَّهُمَّ اخْفُ بِالْمَدِينَةِ مِنْهُنَّ مَا جَعَلْتَ يَعْلَمُ بِهِنَّ مِنَ الْبَرِّ»

Maksud hadis:

Anas r.a. meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW bersabda, “Ya Allah! Jadikanlah keberkatan Madinah dua kali ganda berbanding apa yang Engkuu jadikan bagi Mekah” (Al-'Asqalani, *Fath al-Bari Sharh Sahih al-Bukhari*, kitab kelebihan-kelebihan Madinah, bab Madinah menolai keburukan, bil. 1885, jil. 4, hlm. 121; al-Naysaburi, *Sahih Muslim*, kitab haji, bab kelebihan Madinah dan doa Nabi padanya dengan keberkatan serta keterangan mengerai pengharamannya, haram berburu padanya dan haram pohonnya serta keterangan mengenai batas-batas pengharamannya, bil. 1369, jil. 2, hlm. 810; Ibn Hanbal, *Musnad Ahmad*, bil. 12452, jil. 19, hlm. 437 & al-Tabrani, *Murjam al-Awsat*, bab orang yang bernama Muhammad, bil. 5707, jil. 6, hlm. 32).

¹³¹Sabda Rasulullah SAW:

عَنْ أَنَسِ بْنِ مَالِكٍ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: «اللَّهُمَّ اجْعَلْ بِالْمَدِينَةِ مِنْهُنَّ مَا جَعَلْتَ يَعْلَمُ بِهِنَّ مِنَ الْبَرِّ»

Maksud hadis:

Anas bin Malik r.a. berkata bahawa Rasulullah SAW bersabda, “Ya Allah! Jadikanlah Madinah dua kali ganda keberkatan berbanding keberkatan Mekah” (Al-Naysaburi, *Sahih Muslim*, kitab haji, bab galakan mendiduki Madinah dan sabar dengar kesempitan hidup padanya, bil. 1374, jil. 2, hlm. 813).

³²Al-Tabrani, *Mujam al-Kabir*, no. 470, jil. 20, hlm. 206.

³³Beliau ialah Muhammad bin Mahmud bin al-Hasan bin Hibah Allah bin Mahasin, Abu 'Abd Allah Muhibb al-Din Ibn al-Najjar. Adalah ahli sejarah dan penghafaz hadith. Lahir pada 678H./1183M. di Baghdad dan meninggal dunia juga di sana pada 643H./1245M. Beliau telah bermusafir ke Sham, Mesir, Hijaz dan Parsi selama dua puluh tujuh tahun. Antara kitab beliau ialah *al-Kamal Fi Ma'rifah al-Rijal*, Dhail Tarikh Baghdad Li Ibn Khatib, al-Durrah al-Thaminah *Fi Akhbar al-Madinah dan Nuzhat al-Wara Fi Akhbar Umm al-Qura* (Al-Zirkli, jil. 7, hlm. 86).

³⁴Orang terpilih atau kaum elit (Amatullah, hlm. 148).

³⁵Orang yang terpilih dari kalangan orang pilihan atau yang elit daripada kalangan kaum elit (Amatullah, hlm. 149).

³⁶*Subul al-Huda wa al-Rashad Fi Sirah Khair al-'Ibad*, jil. 3, hlm. 425.

³⁷Beliau ialah 'Abd al-'Aziz bin Muhammad bin Ubaid al-Darawardi al-Madani, Abu Muhammad. Beliau adalah seorang ahli hadis dan ramai yang meriwayat hadis daripadanya seperti Sufyan dan Shu'bah. Walaupun begitu beliau dianggap seorang yang tidak kuat hafalan. Beliau cintasah kepada tempat asalnya, iaitu Daraward, Khurasan, namun beliau tahir dan meninggalkan dunia di Madinah pada 186H./802M. (al-Zirkli, jil. 4, hlm. 25)

³⁸*Subul al-Huda wa al-Rashad Fi Sirah Khair al-'Ibad*, jil. 3, hlm. 425.

³⁹Riwayat Ibn Zabalah daripada Saifi bin Abu Amir bahawa Rasulullah SAW bersabda:

وَاللَّهِيْ نَفْسِيْنِ يَكْدِيْ، إِنْ تُرْتَعِنَا لَمْ قُوَّةَنَا، وَإِنَّهَا شَفَاءٌ مِّنْ اَبْرَدَادِنَا.

"Demi jiwaku yang berada pada tangan-Nya, sesungguhnya tanahnya adalah beriman dan sesungguhnya debunya adalah penyembuh daripada kusta" (*Subul al-Huda wa al-Rashad Fi Sirah Khair al-'Ibad*, jil. 10, kitab himpunan bab-bab keistimewaan Rasulullah SAW, bab 142, jil. 11, hlm. 111).

⁴⁰Lafaz ini disabda oleh Rasulullah SAW dalam peristiwa Perjanjian Aqabah apabila salah seorang wakil penduduk Macinah menyatakan: keimbangan mereka kerana Rasulullah SAW tiada bersama mereka, lantas Baginda bersabda:

...بَلِ الدُّمُّ الدُّمُّ وَالْحَدَّمُ الْحَدَّمُ أَنِّي مِنْكُمْ وَأَنْتُمْ مِنِّي أَخَارِبُ مِنْ حَارِثَنِمْ وَأَسْلَمْ مِنْ سَالَفَنِمْ.

Maksud hadis:

"Bahkan darah adalah darah dan kehancuran adalah kehancuran, aku berasal daripada kamu dan kamu berasal daripada aku, aku akan memerangi sesiapa yang memerangi kamu dan akan memberi keselamatan kepada sesiapa yang memberi keselamatan kepada kamu" (Ibn Hanbal, *Musnad Ahmad*, bil. 15798, jil. 25, hlm. 93 & al-Tabrani, *Mujam al-Kabir*, bil. 174, jil. 19, hlm. 89).

¹⁴¹ Bentuk-bentuk lahiriah yang nyata tanpa hakikat batiniah. (Amatullah Armstrong, *Khazanah isttilah sufi: kunci memasuki dunia tasawuf*. Penerbit Mizan, Bandung, 1995, hlm. 328).

¹⁴² Sesuatu yang tersembunyi, rahsia dan menggambarkan pengetahuan yang esoteris (ibid. hlm. 22).

¹⁴³ Yang bersifat ketuhanan. Orang yang berjuang menegakkan keadilan demi kebenaran ditransformasikan dalam cara yang diberkati dengan berbagai sifat Ilahi. Lantaran itu, dia menjadi rabbani iaitu yang bersifat ketuhanan (ibid, hlm. 187).

¹⁴⁴ Firman Allah SWT:

لَقَدْ أَفْرَيْتُ وَمَنْ تَوَجَّلَ لَكُوْنَهُ كُوْنَهُ عَنِ الْكُوْنِ إِذْنَهُ كُوْنَهُ مَنْ يَعْلَمُ إِذْنَهُ كُوْنَهُ حَسْنَهُ كُوْنَهُ، مِنْ كُوْنَهُ الْأَنْتَهِيَّةِ لِلْأَنْتَهِيَّةِ
كُوْنَهُ وَالْأَنْتَهِيَّةِ إِذْنَهُ كُوْنَهُ، قَدْ أَتَيْتُكُمْ بِنَصْرِنِيَّةِ كُوْنَهُ فَلَوْلَمْ تَعْلَمُنِيَّةِ كُوْنَهُ لَمْ يَأْتِكُمْ بِنَصْرِيَّةِ كُوْنَهُ فَلَمْ يَأْتِكُمْ بِنَصْرِيَّةِ

Maksud ayat:

Wahai orang yang beriman!, berlauatlah kepada Allah dengan taubat nasuha (taubat yang sebenarnya). Mudah-mudahan Tulian-mu akan menghapuskan kesalahan-kesalahanmu dan memasukkanmu ke dalam syurga yang mengalir di bawahnya sungai-sungai; pada hari itu, Allah tidak menghina Nabi dan orang mukmin yang bersama-samaunya; sedang cahaya mereka memancar di hadapan dan di sebelah kanan mereka, sambil mereka berdoa: "Wahai Tuhan kami, sempurnakanlah bagi kami cahaya kami dan ampunilah kami; Sesungguhnya Engkau Maha berkuasa atas segala sesuatu."

(Al-Quran, al-Tahrim 66: 8)

¹⁴⁵ Diambil daripada firman Allah SWT:

لَقَدْ أَفْرَيْتُ مَا تَأْتِيَةَ إِلَيْكُمْ إِذْنَهُ كُوْنَهُ وَرَسُولِهِ دِلَكَبُهُ أَلَّا يُرَاهِيَّهُ قَوْلُهُ وَمَنْ سُكْنَهُ كُوْنَهُ وَرَاهِيَّهُ دِلَكَبُهُ، وَكَيْدُ دِلَكَبُهُ
وَأَنْزَلَهُ أَلْجَرَقَدَهُ مَلَكُ مَلَكَاتِيَّهُ

Maksud ayat:

"Wahai orang yang beriman! Tetaplah beriman kepada Allah dan Rasul-Nya dan kepada kitab yang Allah turunkan kepada rasul-Nya serta kitab yang Allah turunkan sebelumnya. Sesiapa yang kufur kepada Allah, malu;kat-malzikat-Nya,

kitab-kitab-Nya, rasul-rasul-Nya, dan hari akhirat, maka sesungguhnya orang itu telah sesat sejauh-jauhnya.”

(Al-Quran, al-Nisa' 4: 136)

¹⁴⁶ *Al-Sirat* ialah sebuah jalan halus yang terletak di tengah-tengah neraka dan menjadi penghalang kepada orang yang mahu menuju ke syurga. Ia adalah tempat lahan yang amat merbahaya, lantaran itu Rasulullah SAW berdiri di tebingnya dan melihat umatnya melaluiinya sambil Baginda mendoakan. “Wahai Tuhan, selamatkanlah, selamatkanlah” (Abu Bakr al-Jaza’iri, *Aqidah al-Mu’mín, Dar al-Bayan al-‘Arabi*. Qahirah, 1990, hlm. 281).

¹⁴⁷ Firman Allah SWT:

وَلَمْ يُرِدُوا لَهُنَّ حَدًّا مُّؤْمِنٌ أَكْثَرُهُمْ فِي الْجَنَّةِ وَمُنْكَرٌ لَهُمْ فِي الْمَنَّارَاتِ

Maksud ayat:

“Dan jika mereka bermaksud menipu dayamu, maka sesungguhnya cukuplah Allah (menjadi pelindungmu); Dialah yang memperkuatmu dengan pertolongan-Nya dan dengan orang Mukmin.”

(Al-Quran, al-Anfal 8: 62)

¹⁴⁸ Firman Allah SWT:

إِنَّمَا الْأَنْوَارُ إِلَى أَنَّهُ تَبَاعَتْ أَنْوَارٌ مُّنْهَاجٌ بِهَا إِذَا كَانَتْ مُّهَاجَّةً فَلَا يَعْلَمُ مَنْ يَتَبَعُهُمْ إِنَّمَا يَعْلَمُهُمُ اللَّهُ أَكْبَرُ إِنَّمَا يَعْلَمُهُمُ الَّذِينَ زَكَّاهُمْ إِنَّمَا يَرَوُنَهُمْ إِذَا عَرَفُوهُمْ لَا يَرَوُنَهُمْ

Maksud ayat:

Wahai orang yang beriman! Bertaubatlah kepada Allah dengan taubat nasuha (taubat yang sebenarnya). Muah-mudahan Tuhanmu akan menghapuskan kesalahan-kesalahanmu dan memasukkanmu ke dalam syurga yang mengalir di bawahnya sungai-sungai; pada hari itu, Allah tidak menghinakan Nabi dan orang Mukmin yang bersamanya; sedang cahaya mereka memancar di hadapan dan di sebelah kanan mereka, sambil mereka berdoa: “Wahai Tuhan kami, sempurnakan bagi kami cahaya kami dan ampuni lah kami; Sesungguhnya Engkau Maha Berkuasa atas segala sesuatu.”

(Al-Quran, al-Tahrim 66: 8)

¹⁴⁹ Ilmu keyakinan. Terdapat tiga tahap dalam keyakinan, iaitu ilmu keyakinan (*al-‘Ilm al-Yaqin*), penyaksian keyakinan (*al-Ain al-Yaqin*) dan keyakinan hakiki (*haqq al-Yaqin*). Jika dicontohkan dengan api bahawa ilmu keyakinan ialah dengan mengetahui deskripsi tentang api, penyaksian keyakinan ialah dengan benar-benar melihat cahaya api dan keyakinan hakiki ialah dengan terbakar dalam api yang menyala itu (Amatullah, hlm. 114).

¹⁵⁰ Penyaksian keyakinan. (ibid, hlm. 114).

¹⁵² Keyakinan hakiki (*ibid*).

¹⁵³ Hadis ini telah pun dinyata pada nota kaki bilangan 140.

¹⁵⁴ Perkataan ini dirwayat oleh ‘Abd Allah bin Rabah dalam salah satu peristiwa yang berlaku semasa *Fath Makkah* semasa Rasulullah SAW menaiki Bukit Safa lalu memandang ke Ka‘bah dan bertahmid kepada Allah. Pada waktu itu beberapa orang Ansar yang berada di kaki bukit Safa berkata bahawa Rasulullah SAW sangat kasihkan kampung halaman dan kaum keluarganya, lalu turunlah wahyu. Setelah selesai, Rasulullah SAW pun bersabda:

”لَا مُفْسِدٌ لِّلنَّاسِ فَلَمَنْ عَيَّدَ اللَّهُ وَرَسُولُهُ، هَاجَرَتِ إِلَى اللَّهِ فَإِنَّكُمْ أَنْتُمُ الْمُعَذَّبُونَ وَالْمُعَذَّبُونَ عَنِّي“ .

Maksud hadis:

“Wahai kelompok Ansar, kamu telah berkata (iaitu) aku adalah hamba Allah dan Rasul-Nya, aku telah berhijrah kepada Allah dan kamu, hidupku adalah hidup kamu dan matiku adalah mati kamu” (*Sahih Ibn Hibban*, kitab perjalanan, bab keluar dan cara-cara berjihad, bil. 4760, jil. 11, hlm. 73-76).

¹⁵⁵ Kitab Induk. Ia adalah prototaip abadi kitab wa‘yu. Ia adalah kedalaman yang tidak terukur daripada Tuhan dan penyingkapan yang tidak terbatas daripada pengetahuan Allah SWT. Manusia sempurna (al-Insan al-Kamil) adalah sebuah buku yang adalah ringkas arahan buku induk tersebut (Amatullah, hlm. 303 & 304).

¹⁵⁶ Orang yang melihat dengan penelitian yang mendalam (M. Solihin & Rosibon Anwar, *Kamus Tasawuf*, Pt. Remaja Rosdakarya, Bandung 2002, hlm. 98).

¹⁵⁷ Firman Allah SWT:

”وَلَئِنْ يَرَوْهُنَّ أَنْزَلْنَاهُ نُصُبَ الْحَمْلَةَ خَيْرٌ وَأَنْتَ مُنْتَهِيَ الْمُرْسَلِينَ إِنَّمَا وَلَيْسَ عَلَيْكُمْ بِهِمْ حِلٌّ“ .

Maksud ayat:

“Perumpamaan orang yang mencnafahkan hartanya di jalan Allah adalah serupa dengan sebutir benih yang menumbuhkan tujuh tangkai, pada tiap-tiap tangkai pula terdapat seratus biji benih; Allah akan melipat gandakan (ganjaran) bagi siapa yang Dia kehendaki; dan Allah Maha luas (kurnia-Nya) lagi Maha Mengetahui.”
(Al-Quran, al-Baqarah, 2: 261)

¹⁵⁸ Beliau ialah Muhammad bin Isma‘il bin Ibrahim bin al-Mughirah al-Bukhari, Abu ‘Abd Allah. Dilahirkan di Bukhara pada 194H./810M. dan dibesarkan dalam keadaan yatim. Beliau menempuh perjalanan yang panjang untuk mempelajari hadis dengan pergi ke Khurasan, Iraq, Mesir dan Sham serta mempelajari lebih daripada seribu shaykh. Beliau telah berjaya menghimpunkan banyak hadis dan kemudian hanya memilih yang sahih sahaja untuk ditulis dalam *al-Jami‘ al-Sahih*.

Kitabnya ini adalah kitab yang paling diyakini kesahihannya di antara enam buah kitab hadis yang lain. Di antara karyanya yang lain ialah *al-Tarikh*, *al-Dur'a'fa'* dan *al-Adab al-Mufrid*. Beliau meninggal dunia di Khartank, Khurasan pada 256H./870M. (Al-Zirikli, jil. 6, hlm. 34).

¹⁵⁸ Hadith ini telak dinyata pada nota kaki bil. 130.

¹⁵⁹ Beliau ialah Ahmad bin 'Ali, Abu Bakr. Dilahirkan di Baihaq, Naysabur pada 384H./994M. dan membesar di sana. Beliau kemudian pergi ke Baghdad, Kufah, Mekah dan beberapa negeri lain sehingga beliau kembali semula ke Naysabur dan meninggal dunia di sana pada 458H./1066M. Beliau adalah salah seorang ulama besar dalam ilmu hadis dan mendokong kuat mazhab al-Shafi'i walaupun sebenarnya beliau mampu mengasaskan mazhabnya tersendiri. Antara kitab beliau ialah *al-Sunan al-Kubra*, *al-Sunan al-Sughra*, *al-Jami' al-Musamif Fi Shu'ab al-Iman*, *al-Ma'rifah*, *Dala'il al-Nubuwwah*, *al-Targhib Wa al-Tarhib* dan *al-I'tiqad* (Al-Zirikli, jil. 1, hlm. 116).

¹⁶⁰ Beliau ialah Muhammad bin 'Abd Allah bin Hamdawayh bin Na'im al-Dabbi al-Tamhani al-Naysaburi, Abu 'Abd Allah. Beliau dikenali juga dengan Ibn al-Bayyi'. Lahir di Naysabur pada 321H./933M. dan meninggal dunia juga di sana pada 405H./1014M. Beliau telah pergi ke Iraq dan menunaikan haji serta mengembara ke negeri-negeri di Khurasan dan negeri di sebalik al-Nahr. Dalam perjalananannya mencari ilmu, beliau telah belajar dengan lebih daripada seribu orang guru. Beliau pernah dilantik sebagai hakim di Naysabur pada 359H. Beliau adalah antara ulama besar dalam hadis dan memahami dengan mendalam mengenai hadis-hadis sahih. Antara kitabnya ialah *al-Mustadrlik 'Ala al-Sahihatin*, *Tarikh Naysabur*, *al-Iddil*, *al-Madkhal* dan *Ma'rifah 'Ulum al-Hadith* (Al-Zirikli, jil. 6, hlm. 227).

¹⁶¹ Beliau ialah 'Abd al-Rahman Sakhr al-Dusi dengan gelaran Abu Hurairah. Lahir pada tahun 21SH. dan telah memeluk Islam pada tahun 7 Hijrah. Beliau adalah seorang sahabat Rasulullah SAW yang banyak menghafal hadis dan meriwayatkan sebanyak 5374 buah hadis. Beliau meninggal dunia di Madinah pada 59H./679M. (Al-Zirikli, jil. 3, hlm. 308).

¹⁶² Diambil daripada hadis berikut:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ قَالَ: سَمِعْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ: "مَنْ حَدَّثَنِي هَذَا فَإِنَّهُ لَا يُلْجِئُ بَعْلَمَةً أَوْ بَعْلَمَةً فَلَمَّا مَنَّتِ الْمُخَاهِدَةُ [يَوْمَ] سَبِيلِ اللَّهِ وَمَنْ حَدَّثَنِي هَذَا فَلَمَّا مَنَّتِ الْرُّجُنَيُّ تَنَظَّرَ إِلَى مَنَاعَ غَيْرَهُ"

Maksud hadis:

Abu Hurayrah r.a. berkata, "Aku mendengar Rasulullah SAW bersabda, sesiapa yang mengunjungi masjidku ini dan dia tidak datang melainkan dengan tujuan mempelajari kebaikan atau mengajar kebaikan, maka dia berada pada kedudukan

orang yang berjihad pada jalan Allah. Sesiapa yang datang dengan tujuan yang lain pula, maka dia adalah seumpama seorang lelaki yang melihat kepada harta benda orang lain” (*Sunan Ibn Majah*, kitab pendahulu, bab kelebihan ulama dan galakan mencari ilmu, bil. 227, jil. 1, hlm. 127 & *al-Bayhaqi, Shieab al-Iman*, bab kelebihan ilmu dan kemuliaannya, bil. 1698, jil. 2, hlm. 263).

¹⁶⁵ Beliau ialah Sahib bin Sa'ad bin Malik bin Khalid bin Tha'labah al-Ansari al-Sa'idi, Abu al-'Abbas. Beliau dan bapanya adalah sahabat Rasulullah SAW. Ketika Rasulullah SAW wafat, beliau berusia 15 tahun. Beliau meninggal dunia pada tahun 91H. dan menurut sebahagian pendapet pada tahun 881H. Beliau dikatakan sahabat yang terakhir hidup di Madinah (Abu 'Umar Yusuf bin 'Abd Allah bin Muhammad bin 'Abd al-Barr al-Qurtubi, *al-Ikti'ab Fi Ma'rifah al-Shahab*. Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, Bayrut, 1995. Cet. 1, jil. 2, hlm. 224-225).

¹⁶⁶ Sabda Rasulullah SAW:

عَنْ مَوْلَىٰ بْنِ سَعْدِ الْسَّاعِدِيِّ، أَنَّ الَّتِيْ مِنْنِيْ اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، قَالَ: "مَنْ دَخَنْ شَجَرَةِ
فَذَلِكَ يَعْلَمُ خَيْرًا أَوْ لَعْنَةً، كَانَ يَتَرَكَّمُ الْمُحَاذِبُ فِي شَيْءِ الْأَوْلَى".

Maksud hadis:

Diriwayatkan daripada Sahib bin Sa'idiyah bahawa Rasulullah SAW bersabda, “Sesiapa yang memasuki masjidku ini dengan tujuan mempelajari sesuatu yang baik atau mengajarinya, maka dia mendapat kedudukan orang yang berjihad pada jalan Allah.”

(Al-Tabrani, *Al-Mirjam al-Kabir*; no. 5911, jil. 6, hlm. 175)

¹⁶⁵ Beliau ialah Muhammad bin Ahmad bin Hibban bin Mu'adh bin Ma'bod al-Tamirni, Abu Halim al-Busti. Lahir di Bust, Sajastan. Beliau telah berpindah ke banyak tempat dan pergi ke Khurasan, Sham, Mesir, Iraq dan Jazirah. Pernah dilantik sebagai hakim di Samarqand, kemudian beliau kembali ke Nayasbur dan negerinya. Beliau termasuk antara ulama yang banyak menulis kitab, di *al-Musnad al-Sahih*, *Rawdah al-'Ugala'*, *'Ilal Awham Ashab al-Tawarikh*, *al-Sahabah* dan *al-Tabaqat* (Al-Zirkli, jil. 6, hlm. 78).

¹⁶⁶ Beliau ialah al-Zubayr bin Bakkar bin 'Abd Allah al-Qurashi al-Asadi al-Makki, cucu kepada sahabat Rasulullah SAW, al-Zubair bin al-'Awwam. Lahir di Madinah pada 172H./788M. Beliau mahir dalam ilmu keturunan (nasab) dan kisah-kisah orang Arab. Beliau telah dilantik sebagai hakim Mekah dan wafat di sana pada 256H./870M. Antara kitab beliau ialah *Akhbar al-'Arab Wa Ayyamuha*, *Nasab Quraish Wa Akhbaruha*, *Jamharan Nasab Quraish can al-Aus* dan *al-Khzraj* (Al-Zirkli, jil. 3, hlm. 42).

¹⁶⁷ Tidak ditemui hadis tersebut dalam Sahih Ibn Hibban. Dalam *Miqqah al-Mafatih Sharh Mishkah al-Masabih* dinyatakan bahawa Ibn al-Jawzi dan Ibn al-Najjar meriwayat daripada Abu Uinainah bahawa Nabi SAW bersabda:

”مَنْ خَرَجَ عَلَى طُفُورٍ لَا يُرِيدُ إِلَّا الصَّلَاةَ فِي مَسْجِدِي حَتَّى يَصْلَمِ فِيهِ كَانَ بَعْدَهُ حَجَّةً“

“Sesiapa yang keluar dalam keadaan *taharah* dengan tujuan semata-mata untuk bersolat di masjidku sehingga ia solat padanya, maka keadaannya seumpama menunaikan haji” (*Ali bin Sultan Muhammad al-Qari, Mirqah al-Mafatih Sharh Mishkah al-Masabih*. Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah, Bayrut, 2001. Cet. 1, jil. 2, hlm. 374).

¹⁶⁸ Beliau ialah Sahl bin Hunayf bin Wahib al-Ansari al-Awsyi, Abu Sa‘ad atau Abu Sa‘id. Seorang sahabat Rasulullah SAW yang telah mengikuti peperang Badar dan Uhud serta peperangan lain bersama-sama Rasulullah SAW. Nabi SAW telah mempersaudarkan beliau dengan ‘Ali bin Abi Talib. Beliau meninggal dunia pada 38H./658M. di Kufah. Beliau telah meriwayatkan sebanyak empat puluh buah hadis (*Abu ‘Umar Yusuf bin ‘Abd Allah bin Muhammad bin ‘Abd al-Barr al-Qurtubi, al-‘Isti‘ab Fi Marifah al-Asbab*, Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah, Bayrut, 1995. Cet. 1, jil. 2, hlm. 223 & *al-Zirikli*, jil. 3, hlm. 142).

¹⁶⁹ Abu Umamah bin Sahl bin Hunayf menerangkan daripada bapanya bahawa Nabi SAW bersabda:

”مَنْ خَرَجَ حَتَّى يَرَى هَذَا الْمَسْجِدَ، يَغْيِي سَجْدَةً قُبَابَ فَيُصْلِي فِيهِ كَانَتْ كَفُولَةً حَجَّةً“

Maksud hadis:

“Sesiapa yang keluar sehingga sampai masjid ini, iaitu masjid *Quba'*, lalu ia solat padanya, maka ia adalah seumpama menunaikan umrah” (*Al-Bayhaqi, Shu‘ab al-Iman*, bab al-manasik, kelebihan haji dan umrah, bil. 4191, jil. 3, hlm. 499-500 & *Sunan al-Nasa'i*, kitab masjid, bab kelebihan masjid *Quba'* dan solat padanya, bil. 699, jil. 2, hlm. 28).

¹⁷⁰ Dalam *Mirqah al-Mafatih Sharh Mishkah al-Masabih* dinyatakan bahawa Ibn al-Jawzi dan Ibn al-Najjar meriwayatkan daripada Abu Umamah bahawa Nabi SAW bersabda:

”مَنْ خَرَجَ عَلَى طُفُورٍ لَا يُرِيدُ إِلَّا الصَّلَاةَ فِي مَسْجِدِي حَتَّى يَصْلَمِ فِيهِ كَانَ بَعْدَهُ حَجَّةً“

“Sesiapa yang keluar dalam keadaan *taharah* dengan tujuan semata-mata untuk bersolat di masjidku sehingga ia solat padanya, maka keadaannya seumpama menunaikan haji” (*Ali bin Sultan Muhammad al-Qari, Mirqah al-Mafatih Sharh Mishkah al-Masabih*. Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah, Bayrut, 2001. Cet. 1, jil. 2, hlm. 374).

¹⁷¹ Beliau ialah Usayd bin Zuhayr bin Rafi‘ bin ‘Adi bin Zai‘ bin ‘Amru bin Jathm bin Harithah bin al-Harith bin al-Khazraj bin ‘Amru bin Malik bin Aus al-Ansari al-Harithi. Beliau dan bapanya adalah sahabat Rasulullah SAW. Beliau turut

bersama Rasulullah SAW dalam perang Khandaq. Meninggal dunia di zaman pemerintahan 'Abd al-Malik bin Marwan (Abu 'Umar Yusuf bin 'Abd Allah bin Muhammad bin 'Abd al-Barr al-Qurtubi, *al-Istrab Fi Marrifah al-Ashab*, Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, Bayrut, 1995. Cet. 1, jil. 1, hlm. 187).

¹⁷⁷Hadis ini sebenarnya diriwayat oleh Imam Ahmad daripada al-Hakam bin Musa daripada 'Abd al-Rahman bin 'Abd al-Rijal daripada Nubayt bin 'Umar daripada Anas bin Malik dengan lafaz:

عَنْ أَنَسِ بْنِ مَالِكٍ، عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَنَّهُ قَالَ: "مَنْ صَلَّى فِي مَسْجِدٍ أَرْبَعَنْ صَلَاةً لَا يَقُولُهُ صَلَاةً كُبِيرَةً لَأَنَّهُ بَرَاهَةٌ مِنَ النَّارِ وَجَاهَهُ مِنَ الْعَذَابِ وَتَرَى مِنَ الْيَقَانِ".

Maksud hadis:

“Sesiapa yang solat di masjidku sebanyak empat puluh waktu solat dan tidak luput satu solat pun, dituliskan pembebasan daripada neraka baginya, kejayaan daripada azab dan suci daripada sifat nifaq” (Ibn Hanbal, *Musnad Ahmad*, bil. 12583, jil. 20, hlm. 40)

¹⁷⁸Hadis tersebut ialah:

أَنَّهُدَّى نَبِيُّهُ مُحَمَّمَ الْأَنْصَارِيَّ وَكَذَّلِ مِنْ أَصْحَابِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بَحْدِثَ عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَنَّهُ: "الصَّلَاةُ فِي مَسْجِدٍ كَبُرَةٌ".

Maksud hadis:

Usayd bin Zuhayr al-Ansari seorang sahabat Nabi SAW telah meriwayat bahawa Nabi SAW bersabda, “Solat di Masjid Quba’ seperti menunaikan umrah” (Al-Mubarakfuri, *Tuhfah al-ahwadhi bi Sharh Jam'i al-Tirmidhi*, bab-bab solat, bab solat di masjid Quba’, bil. 323, jil. 2, hlm. 235 & *Sunan Ibn Majah*, kitab mendirikan solat dan sunnah yang terdapat padaanya, bab solat di masjid Quba’, bil. 1411, jil. 1, hlm. 533).

¹⁷⁹Haji mabrur ialah haji yang tidak dicampuri dengan dosa, atau haji yang tiada unsur *riya'*, bangga diri serta tidak melakukan hubungan suami isteri dan maksiat. Tanda orang yang memperoleh haji mabrur ialah semakin bertambah amal kebaikannya selepas itu dan tidak lagi melakukan maksiat selepas kembalinya daripada haji (Abu al-'Abbas Ahmad bin 'Abd Allah bin Muhammad bin Abu Bakr Muhibb al-Din al-Tabari, *al-Qira Li Qasid Umm al-Qura*, Maktabah Mustafa al-Babay al-Halabi Wa Awladuh, Misr, 1948, hlm. 8).

¹⁸⁰Sabda Rasulullah SAW:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ، عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَنَّهُ قَالَ: "الصَّلَاةُ فِي الْمَسْجِدِ الْخَلْقِيِّ تَعْدُلُ الْفَرِصَةَ حَجَّةَ نَبِرَزَةٍ، وَالثَّانِيَةُ كَحِيجَةَ بَقْبَلَةٍ، وَلِصَلَاتِ الصَّلَاةِ فِي الْمَسْجِدِ الْخَلْقِيِّ عَلَيْهِ مَا يَوَاهُ مِنَ الْمَسْجِدِ يَعْتَسِفُ بِهِ صَلَاةً".

Maksud hadis:

Umar r.a. meriwayat daripada Nabi SAW bahawa Baginda bersahda, "Solat fardu di masjid *jami'* menyamai haji *mabruur*, dan solat sunat menyamai haji yang diterima (*maqbil*); solat di masjid *jami'* pula mempunyai kelebihan sebanyak lima ratus kali solat berbanding masjid-masjid selainnya" (Al-Tabrani, *Mujam al-Awsat*, bab orang yang bernama Ahmad, bil. 173, jil. 1, hlm. 104).

¹⁷⁶Sabda Rasulullah SAW:

عن ابن عثيمين، قال: قال رسول الله صلى الله عليه وسلم: "من زار قبرى وحيث لا شفاعة".

Maksud hadis:

Ibn 'Umar r.a. berkata bahawa Rasulullah SAW bersabda, "Sesiapa yang menziarahiku, berhaklah dia memperoleh syafaatku" (*Al-Bayhaqi, Shu'ab al-Iman*, bab al-Marasik, datang ke Madinah dan menziarahi kubur Nabi SAW serta solat di masjidnya dan masjid Quba'. bil. 4159, il. 3, hlm. 490).

¹⁷⁷ Al-Naysaburi, *Sahih Muslim*, kitab haji, bab galakan menduduki Madinah dan sabar dengan kesempitan hidup padanya, bil. 1374, jil. 2, hlm. 813.

178 Sabda Rasulullah SAW:

Maksud hadis:

Diriwayat caripada Abu Hurayrah r.a. bahawa beliau berkata, "Apabila manusia melihat buah-buahan yang mula berbuah, mereka membawanya kepada Nabi SAW. Apabila Rasulullah SAW mengambilnya Baginda pun bersabda, Ya Allah! Berkatilah kami pada buah-buahan kami, berkatilah kami pada Madinah kami, berkatilah kartu pada *sar* kami dan berkatilah kami pada *mud* kami. Ya Allah! Sesungguhnya Ibrahim adalah hamba, Khalil-Mu dan Nabi-Mu, dan sesungguhnya aku adalah hamba dan Nabi-Mu. Sesungguhnya ia berdoa kepada-Mu untuk Mekah dan aku berdoa kepada-Mu untuk Madinah seumpama doanya kepada Mekah dan digandakan seumpamanya" Abu Hurayrah seterusnya berkata, "Kemudian Nabi SAW memanggil seorang anak kecil lalu memberinya buah tersebut (Al-Naysaburi, *Sahih Muslim*, kitab haji, bab kelebihan Madinah dan doa Nabi SAW padanya dengan keberkatan serta keterangan mengenai pengharamannya, haram berburu padanya dan haram pohonnya serta keterangan mengenai batas-batas pengharamannya, bil. 1373, jil. 2, hlm. 812 & Al-Mubarakfuri, *Tuhfah al-ahwadhi bi Sharh Jam'i al-Tirmidhi*, bab-bab doa-doa daripada Rasulullah SAW, bab apa yang dikatakan apabila melihat putik buah, bil. 3683, jil. 9, hlm. 294-295).

Dalam riwayat lain pula dinyatakan:

عَنْ عَلِيٍّ بْنِ أَبِي طَالِبٍ قَالَ: "خَرَجْتُ مَعَ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ حَتَّى رَأَيْتُ جَوَادَ الظَّلَّامِيَّ الْجَانِدَ بِمَسْدَدِ فَيْرَقِيَّ وَقَاتِلِيَّةِ فَيْرَقِيَّةِ، فَقَالَ اللَّهُ عَزَّ وَجَلَّ عَلَيْهِ السَّلَامُ وَسَلَّمَ: إِنَّمَا تَرَكَنَّكُمْ إِذَا دَعَاهُمُ اللَّهُ عَزَّ وَجَلَّ عَلَيْهِ السَّلَامُ وَسَلَّمَ كَمَا دَعَكُمْ وَلِلَّهِ لَا يَنْهَا لَهُ شَيْءٌ، فَلَمَّا رَأَيْتُهُمْ يَأْتِيُونِي فَلَمْ يَرَوْهُمْ وَصَاحِبَهُمْ بَلَّغُنِي بِأَنَّهُمْ يَأْتِيُونِي مَعَ قَوْفَةِ بَرَّ حَيْثُ شُرِبُوكُنْ".

Maksud hadis:

“Ali bin Abi Talib berkata, Kami telah keluar bersama Rasulullah SAW sehingga sampai ke Harrah al-Suqya yang dimiliki oleh Sa‘ad bin Abi Waqas, lalu Rasulullah SAW bersabda, “Ambillkanlah aku air untuk berwuduk” lalu Bagindapun berwuduk. Kemudian Rasulullah SAW berdiri menghadap kiblat lalu bersabda, “Ya Allah! Sesungguhnya Ibrahim adalah seorang hamba dan Khalil-Mu; dia telah berdoa untuk penduduk Mekah dengan keberkatan; aku pula adalah hamba dan rasul-Mu; lantaran itu aku berdoa kepada-Mu untuk penduduk Madinah iaitu agar Engkau memberkati *mud* dan *sa'* mereka seumpama yang telah Engkau berkati kepada penduduk Mekah, bersama satu keberkatan adalah dua keberkatan” (Al-Mubarakfuri, *Tuhfah al-ahwadhi bi Sharh Jami' al-Tirmidhi*, bab-bab manaqib daripada Rasulullah SAW, bab kelebihan Madinah, bil. 4171, jil. 10, hlm. 284).

¹⁷⁹Istilah ini dinyatakan dalam al-Quran pada dua ayat, iaitu pada surah al-Kahf, ayat 46 dan surah Maryam, ayat 76. Ia bermaksud amalan-amalan baik dalam semua bentuk ibadat dan yang boleh mendekat diri kepada Allah SWT (Abu Bakr al-Jaza’i, *Aisar al-Tafsir Li Kalam al-'Aliyy al-Kabir*, Adwa’ al-Manar, Madirah, 1999. Cet. 2, jil. 3, hlm. 261), Fakhr al-Razi menyatakan bahawa ia dinamakan demikian kerana ia adalah kebaikan-kebaikan akhirat yang sentiasa berkekalan dan berterusan (Fakhr al-Din Muhammad bin 'Umar bin al-Husayn bin al-Hasan bin 'Ali al-Razi, *al-Tafsir al-Kabir Aw Ma'afat al-Ghaib*. Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, Bayrut. Cet. 1, 2000, jil. 21, hlm. 111).

¹⁸⁰Al-Khalil ialah gelaran bagi Nabi Ibrahim a.s. berdasarkan kepada ayat “dan (kerana itulah) Allah menjadikan Nabi Ibrahim khalil-Nya” (al-Quran, al-Nisa' 4: 1125). Menurut Ibn Kathir, Nabi Ibrahim dinamakan dengan khalil kerana cintanya yang mendalam terhadap Allah serta suka dan redha melakukan ketaatan (Ibn Kathir, jil. 1, hlm. 530).

¹⁸¹Berdasarkan firman Allah SWT:

رَبَّنَا إِنِّي أَنْكَحْتُ مِنْ ذُرِّيَّتِي بُوَّابَ غَيْرِ ذِي رَزْعٍ عِنْدَ بَيْتِكَ الْمُحْرَمِ رَبَّنَا لَيُقْسِمُوا الصَّلَوةَ فَأَخْفَلْنَاهُنَّا فِي رَبِّنَا إِنِّي تَبَرَّى إِنَّهُمْ وَآرَافُهُمْ مِنَ الْمُرْسَلِينَ لَعَلَيْهِمْ يَنْكُرُونَ

Maksud ayat:

“Ya Tuhan kami! Sesungguhnya aku telah menempatkan sebilangan keturunanku di lembah yang tidak mempunyai tanam-tanaman berhampiran rumah-Mu (Baitullah) yang dihormati, Ya Tuhan kami (yang demikian itu) agar mereka

mendirikan solat, maka jadikan hati sebilangan manusia cenderung kepada mereka dan berikan rezeki mereka daripada buah-buahan, mudah-mudahan mereka bersyukur (kepada-Mu)" (Al-Quran, Ibrahim 14: 37).

⁸²Hadir ini telah dinyata pada nota kaki bil. 178.

⁸³Dunia atau alam semesta (Amatullah, hlm. 24).

⁸⁴*Al-azl* ialah keabadian tanpa awal. Ia adalah dimensi keabadian Ilahi. *Al-azali* bermaksud sesuatu yang abadi tanpa permulaan dan kata lawannya ialah *al-abadi* yang bermaksud keabadian tanpa kesudahan. Setiap maulud tidak dapat dari daripada tiga pembahagian: (i) *azali* dan *abadi*, iaitu Allah SWT, (ii) tidak *azali* dan tidak *abadi*, iaitu dunia, dan (iii) *abodi* tidak *azali*, iaitu akhirat. (*Ali bin Muhammad al-Sayyid al-Sharif al-Jurjani, *Kitab al-Tarifat*, Dar al-Rashad, Qahirah, t.th. hlm. 27) & (Amatullah, hlm. 44).

⁸⁵Orang yang telah mendahului dalam mengerjakan kebaikan di dunia dan mereka yang akan mendahului dalam mencapai balasan yang sebaik-baiknya di akhirat kelak. Mereka adalah hamba-hamba Allah yang bergerak maju dengan penuh semangat untuk mendahului bertemu dengan Allah SWT dan mereka adalah orang-orang yang didekati kepada Allah SWT (Amatullah, hlm. 249).

⁸⁶Orang yang didekat kepada Allah SWT dan sahabat-sahabat pilihan-Nya. Mereka adalah hamba-hamba sempurna yang menyedari bahawa Tuhan tetaplah Tuhan dan hamba tetaplah hamba. Akhlak mereka kepada Allah adalah baik dan indah serta tidak pernah melampaui batasan penghambaannya sendiri. Mereka dinamakan al-Muqarrabun kerana dekatnya dengan Allah SWT dan kuatnya keyakinan iman serta cahaya kebenaran sehingga mereka menjadi orang yang memiliki banyak kelebihan kerana lebih dekatnya dengan Tuhan dan bersihnya hati mereka (Totok Jumantro & Samsul Munir Amin, hlm. 152).

⁸⁷Ihsan bererti kebijakan, kesempurnaan, keutamaan atau keindahan kerohanian. Ia mempunyai tiga tingkatan iaitu, (i) berbuat kebaikan melalui harta, kata-kata, tincakan dan segenap keadaan, (ii) beribadat dengan penuh kehadiran dan kesedaran seperti seseorang yang sedang melihat Allah, (iii) merenung dan memikirkan Allah SWT dalam segala sesuatu dan pada setiap saat. (Amatullah, hlm. 109).

⁸⁸*Muhsin* ialah manusia yang memiliki kebaikan dan telah mengabdikan seluruh usaha untuk memperoleh ihsan (Amatullah, hlm. 190).

⁸⁹Lihat nota kaki bil. 131.

¹⁸⁰Firman Allah SWT:

سَلَلُ الْدِينَ بُشِّفَقُونَ أَمْوَالُهُمْ فِي سَبِيلِ اللَّهِ كَمْلَى حَتَّىٰ أَنْتَتْ سَبَعَ سَنَابِلَ فِي
كُلِّ سُنْكَلَةٍ مَا تَنَاهَىٰ حَبْتُ وَاللَّهُ أَنْصَعَ لِمَنِ يَشَاءُ وَاللَّهُ وَجْهُ عَذَابٍ

Maksud ayat:

“Perumpamaan (naflkah yang dikeluarkan oleh) orang yang menafsuahkan hartanya di jalan Allah adalah serupa dengan sebutir benih yang menumbuhkan tujuh tangkai, pada tiap-tiap tangkai terdapat seratus biji benih; Allah melipat gandakan (ganjaran) bagi siapa yang Dia kehendaki dan Allah Maha luas (kurnia-Nya) lagi Maha Mengetahui.”

(Al-Quran, al-Baqarah 2: 261)

¹⁸¹Hakikat, penentuan, pertama, mata atau sumber. Kadangkala ia adalah singkatan bagi al-Ain al-Thabitah, iaitu hakikat yang kekal abadi (M. Solihin & Rosihon Anwar, *Kamus Tasawuf*, Pt. Remaja Rosdakarya, Bandung, 2002, hlm. 20).

¹⁸²Kewajipan yang dipertanggungjawab ke atas seseorang individu atau kumpulan

¹⁸³Firman Allah SWT:

هُوَ الَّذِي قَرَأَ عَلَيْكُمْ رِزْقَكُمْ يُظْهِرُهُ عَلَى الَّذِينَ حَسِدُوا وَلَوْ كَرِهَ الْمُسْكِرُونَ

Maksud ayat:

“Dia-lah yang mengutus Rasul-Nya dengan membawa petunjuk dan agama yang benar, agar dia memenangkannya di atas segala agama-agama meskipun orang musyrik membencinya” (Al-Quran, al-Saf 61: 9).

¹⁸⁴Bacaan al-Quran adalah wahlu Allah SWT kepada umat manusia yang mengandungi semua kunci untuk membuka pengetahuan Allah SWT yang tiada penghujungnya (Amatullah, 230).

¹⁸⁵Pembeza atau perisah. Al-Quran adalah yang menghimpu dan membezakan (Amatullah, hlm. 72).

¹⁸⁶Alam Samawi, Alam Kerajaan, Kekuasaan, Kehendak dan Pengetahuan. Ia adalah kerajaan batiniyyah, alam penyaksian, alam ghaib atau alam bentuk-bentuk halus. Alam ini menunjukkan sifat-sifat Ilahi. (Amatullah, hlm. 25 & 172).

¹⁸⁷Alam Kemahaperkasaan, Alam Kerajaan, Alam Kemahakuasaan atau hakikat Ilahiyyah. Ia adalah kehadiran zat yang Maha Perkasa. Kehadiran ini dikenali sebagai Peryingkapan Pertama (taṣayyun awwal) Hakikat Muhammad (al-

haqiqah al-Muhammadiyyah) dan Kitab yang Tertulis (*al-Kitab al-Mastur*) (Amatullah, hlm. 127).

¹⁹⁸Perkataan ini bukan daripada hadis kerana tiada puncanya. Al-Traqi dan al-Zarkashi menyatakan bahawa ia adalah mtaudu'. Ibn Taymiyyah pula menyatakan bahawa ia adalah daripada israiliyyat. Lafaz pemihnya ialah "Aku tidak diluasi oleh langit dan bumi-Ku, namun Aku diluasi oleh hati hamba-Ku (dengan iman dan cinta kepadaKu)". Walau bagaimanapun menurut al-Qari, maknanya adalah sahih (*Kashf al-Khafa' Wa Muzil al-Ibas*, bil. 2256, jil. 2, hlm. 130 & 255).

¹⁹⁹Ibid. jil. 2, hlm. 130 & 255.

²⁰⁰*Al-Tur* ialah gunung yang mempunyai pokok seperti gunung tempat Allah SWT berkata-kata kepada Musa a.s.. Allah SWT bersumpah dengannya pada permulaan surah al-Tur (Ibn Kathir, jil. 4, hlm. 240).

²⁰¹*Al-Kitab al-Mastur* pula ialah *Lauh Mahfuz* atau kitab yang diturunkan secara bertulis dan dibaca oleh manusia secara terang-terangan. Allah SWT juga bersumpah dengannya pada permulaan surah al-Tur. Menurut istilah tasawuf ia adalah kitab yang terdapat dalam kehadiran yang Maha perkasa, iaitu Kehadiran Penyingkapan Pertama (ta'ayun awwal) ketika Induk Kitab (*Umm al-Kitab*) mula mula memasuki bab-bab dan huraian-huraian. Ia juga adalah kehadiran hakikat Muhammad. Di sinilah malaikat Jibril membaca kata-kata Allah dan kemudian menyampaikannya kepada Nabi Muhammad SAW (Ibn Kathir, hlm. 240 & Amatullah, hlm. 150).

²⁰²Firman Allah SWT:

وَإِنَّمَا قَامَ عَبْدُ اللَّهِ نَدْعُوهُ كَادُوا لَكُونُونَ عَلَيْهِ لَدَّا

Maksud ayat:

"Dan bahwasanya tatkala hamba Allah (Muhammad) berdiri menyembah-Nya (mengerjakan ibat), hampir saja jin-jin itu berhimpit-himpit mengerumuninya." (Al-Quran, al-Jinn 72: 19)

²⁰³*Ahwat* ialah keadaan-keadaan kerohanian. Ia adalah anugerah Allah SWT dari rahmat-Nya yang tidak terbatas kepada hati orang yang melalui jalan kerohanian. Ia tidak dapat dicapai melalui usaha, keinginan dan undangan. Ia datang dan pergi tanpa diduga. Terdapat banyak keadaan kerohanian yang mengandungi kiasan-kiasan halus yang banyak. Setiap kiasan itu pula mengandungi makna yang sangat banyak juga (Amatullah, hlm. 22 & 85).

²⁰⁴*Maqam* ialah kedudukan kerohanian yang diperoleh melalui usaha rohani (mujahadah) *sâlik* yang ikhlas dengan berkat daripada rahmat Allah SWT. Terdapat beberapa maqam yang perlu dicapai oleh *ahlillah* melalui riyadah dan mujahadah. Dia tidak dapat berpindah dari satu maqam ke maqam yang lain kecuali setelah menyempurnakan hak maqam yang sedang dilaluinya. Kedudukan

maqamnya adalah bergantung kepada sejauh mana usaha mujahadahnya di sisi Allah SWT. *Maqamat* atau kedudukan kerohanian adalah dasar dan asas yang mesti ada untuk mencapai kesempurnaan manusia dan mestilah dilalui dalam perjalanananya kembali kepada Allah SWT (Amatullah Armstrong, *Khazanah Istilah Sufi: kunci memasuki dunia tasawuf*. Penerbit Mizan, Bandung, 1995, hlm. 175 dan Rafiq al-'Ajami, *Mawsū'ah Mustalahāt al-Tasawwuf al-Islāmī*. Maktabah Lubnan, Bayrut, 1999, hlm. 917).

²⁰⁴Firman Allah SWT:

وَهُكُمْ بِذَرْخَتْ نَيْنَا عَمَلُوا وَمَا رَشَكْ فَقِيرٌ عَنْ يَعْمَلِهِ
وَهُكُمْ بِذَرْخَتْ نَيْنَا عَمَلُوا وَمَا رَشَكْ فَقِيرٌ عَنْ يَعْمَلِهِ

Maksud ayat:

"Dan masing-masing orang memperoleh darjat-darjat (yang sesuai) dengan apa yang dikerjakannya, dan Tuhan-mu tidak lalai mengenai apa yang mereka kerjakan" (Al-Quran, al-An'am 6: 132).

²⁰⁵Muamalat mengandungi pengertian memelihara, muraqabah, mengharamkan, ikhlas, mendidik, zawakal, menyerah urusan, kepercayaan dan menyerah diri (Rafiq al-'Ajami, *Mawsū'ah Mustalahāt al-Tasawwuf al-Islāmī*, Maktabah Lubnan, Bayrut, 1999, hlm. 901).

²⁰⁶Lihat nota kaki bil. 176.

²⁰⁷Dalam keadaan jaga, sedar dan waspada, Setelah terjaga daripada kelalaian seorang hamba hendaklah berada dalam keadaan waspada terus menerus dan dia mestilah bersedia menerima apa jua yang Allah berikan kepadanya sama ada kekerasan atau kelembutan cinta-Nya. (Amatullah, hlm. 325).

²⁰⁸Lihat nota kaki bil. 176.

²⁰⁹Citarasa atau pengalaman kerohanian secara langsung (Amatullah, hlm. 62).

²¹⁰*Manzil* ialah perhentian tempat orang yang melalui jalan kerohanian singgah dan turun sejenak sebelum meneruskan laungkah. Jika dia tidak melewati *manzil* ini, maka ia menjadi tempat tinggal baginya (Amatullah, hlm. 174).

²¹¹Sabda Rasulullah SAW:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ قَالَ: "قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مِنْ أَرَادَ أَفْلَى الْمَدِينَةِ
بِسُوءِ أَذَابَةِ اللَّهِ كَمَا يَنْتَهِيُ الْمُلْجَعُ فِي النَّاءِ"

Maksud hadis:

Abu Hurayrah RA berkata bahawa Rasulullah SAW bersabda, "Sesiapa yang hendak melakukan kejahatan ke atas penduduk Madinah, maka Allah akan

melarutkan kejahatannya sebagaimana garam melarut di dalam air" (Al-Naysaburi, *Sahih Muslim*, kitab haji, bab sesiapa yang mahu melakukan kejahatan kepada penduduk Madinah maka Allah SWT akan melarutkannya, bil. 1386, jil. 2, hlm. 817, riwayat Sa'ad bin Abi Waqas r.a.; *Sunan Ibn Majah*, kitab al-manasik, bab kelebihan Madinah, bil. 2114, jil. 3, hlm. 101, riwayat Abu Hurairah r.a. & Ibn Hanbal, *Musnad Ahmad*, bil. 7755, jil. 13, hlm. 177, riwayat Abu Hurairah r.a.).

²¹³Firman Allah SWT:

إِنَّ الظَّالِمِينَ تُخْرَجُونَ عَنْ سَبِيلِ اللَّهِ وَالْمَسْجِدِ الْحَرَامِ الَّذِي جَعَلْنَا لِتَكَاسُبِ سَوَاءَ الْعَكْفُ فِيهِ وَالْبَادُ وَسَبْرَةٌ فِيهِ بِالْحَادِ يَظْلِمُونَ نُذُفُهُ مِنْ عَذَابِ أَبْغَى رَبِّي

Maksud ayat:

"Sesungguhnya orang yang kafir dan menghalang manusia dari jalan Allah dan Masjid al-Haram yang telah kamijadikan untuk semua manusia, sama ada yang bermukim di situ maupun di padang pasir; dan sesiapa yang bermaksud di dalamnya melakukan kejahatan secara zalim, nescaya Kami akan rasakan kepadanya sebahagian siksa yang pedih."

(Al-Quran, al-Hajj 22: 25)

²¹⁴Istighfar ialah memohon keampunan daripada Allah SWT dengan lafaz (استغفار الله) atau (ستغفر الله). Ia adalah satu wasilah yang mempunyai kelebihan yang besar di sisi Allah SWT (Abu Bakr al-Jaza'iri, "Aqidah al-Mu'min, Dar al-Bayan al-'Arabi, Qahirah, 1990, hlm. 106). Memohon keampunan daripada Allah SWT adalah bahagian yang penting daripada persiapan menuju solat hakiki dan ia adalah bahagian daripada seorang hamba (Amatullah, hlm. 124).

²¹⁵Orang yang mengikuti kebenaran. Allah adalah Kebenaran (*al-Haqqa*) dan mereka adalah para pengikut-Nya (Amatullah, hlm. 20).

²¹⁶Firman Allah SWT:

لَا تَجْعَلْنِي أَنْهَا، وَأَخْرُقْنِي مَذْمُومًا مَخْذُولًا

Maksud ayat:

Janganlah kamu adakan Tuhan yang lain sekutu Allah, agar kamu tidak menjadi tercela dan tidak ditinggalkan (Allah).

(Al-Quran, al-Isra' 17: 22)

²¹⁷Hadis ini telah dinyatakan pada nota kaki bil. 80.

²¹⁸Sabda Rasulullah SAW:

عَنْ أَبِي ثَمَرَ قَالَ: "كَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِذَا دَخَلَ مَسْكَنَةَ قَافِلَ، اللَّهُمَّ لَا
تَجْعَلْنِي مَذْمُومًا بِمَا خَلَقْتَنِي مَذْمُومًا بِمَا خَلَقْتَنِي".

Maksud hadis:

Ibn 'Umar r.a. berkata, "Adapun Rasulullah SAW apabila memasuki Madinah, Baginda bersabda, "Ya Allah! Janganlah Engkau jadikan kematian kami di Mekah sehingga Engkau keluarkan kami daripadanya" (Ibn Hanbal, *Musnad Ahmad*, bil. 4778, jil. 8, hlm. 396 & al-Tabrani, *al-Mifjam al-Kabir*, bil. 13329, jil. 12, hlm. 356).

²¹⁹Firman Allah SWT:

وَمَا يُطِيقُ عَنْ أَهْوَائِي إِنْ هُوَ إِلَّا ذِي مُؤْمِنٍ

Maksud ayat:

"Dan ia tidak berbicara berlandaskan hawa keinginannya semata-mata. Segala yang diperkatakan itu tidak lain hanyalah semata-mata wahyu yang diwahyukan kepadanya.

(Al-Quran, al-Najm 53: 3-4)

²²⁰Al-Wasilah ialah kedudukan yang paling tinggi di dalam syurga. Orang yang sampai padunya ialah orang yang paling dekat dengan Allah SWT. Terdapat dalam hadis yang diriwayatkan oleh Muslim dalam Sahihnya, "Sesungguhnya ia adalah satu tempat yang terdapat di dalam syurga, ia hanyalah untuk seorang sahaja daripada hamba-hamba Allah" (Al-Asqalani, *Fath al-Bari Sharh Sahih al-Bukhari*, jil. 2, hlm. 121 & al-Naysaburi, *Sahih Muslim*, kitab solat, bab sunat mengucapkan seperti apa yang diucapkan oleh muazzin bagi orang yang mendengarnya kemudian dia mengucapkan selawat ke atas Nabi SAW dan memohon untuknya al-Wasilah, bil. 384, jil. 1, hlm. 241).

²²¹Hadith ini telah dinyata pada nota kaki bil. 218.

²²²Sabda Rasulullah SAW:

أَنَّ أَنَّهُ لَمْ يَكُنْ لِّلْهَ شَفَاعَةٌ إِلَّا مَنْ دَعَاهُ وَلَمْ يَكُنْ لِّلْهَ شَفَاعَةٌ لِّمَنْ دَعَاهُ إِلَّا مَنْ دَعَاهُ رَبُّهُ وَلَمْ يَكُنْ لِّلْهَ شَفَاعَةٌ لِّمَنْ دَعَاهُ إِلَّا مَنْ دَعَاهُ رَبُّهُ وَلَمْ يَكُنْ لِّلْهَ شَفَاعَةٌ لِّمَنْ دَعَاهُ إِلَّا مَنْ دَعَاهُ رَبُّهُ وَلَمْ يَكُنْ لِّلْهَ شَفَاعَةٌ لِّمَنْ دَعَاهُ إِلَّا مَنْ دَعَاهُ رَبُّهُ

Maksud hadis:

Yahya bin Sa'id berkata, "ketika Rasulullah SAW sedang duduk di sisi kubur yang digali di Madinah, tiba-tiba datang seorang lelaki di kubur itu lalu berkata, "ini seburuk-buruk tempat baring orang mukmin," lantas Rasulullah SAW bersabda, "Ini seburuk-buruk apa yang engkau ucapkan." Lelaki itu kemudian berkata, "Aku tidak maksudkan ini wahai Rasulullah, sesungguhnya apa yang aku maksudkan ialah mati pada jalan Allah", lantas Rasulullah SAW bersabda, "Tiadalah perbandinganya bagi kematian di jalan Allah; tiadalah suatu tempat di bumi ini yang paling aku sukai untuk menjadi kuburku selain padanya," Baginda mengucapkannya sebanyak tiga kali, iaitu dimaksudkan dengan Madinah" (Al-

Zurqari, *Sharh al-Zurgani 'Ala al-Muwatta'* al-Imam Malik, , kitab jihad, bab orang yang syahid pada jalan Allah, bil. 1020, jil. 3, hlm. 55).

²²³Hadith ini telah dinyatakan pada nota kaki bil. 140.

²²⁴Lihat nota kaki bil. 131.

²²⁵Abu al-Fadl Ahmad bin Muhammad bin Ahmad bin Ibrahim Al-Midani, *Mujma' al-Amthal*, Dar al-Jayl, Bayrut, 1996, jil. 3, hlm. 345.

²²⁶Firman Allah SWT:

وَمَا أَرْسَلْنَا مِنْ رَسُولٍ إِلَّا يُطَهِّرُ بِدِينِنَا أَكْثَرَ وَمَنْ يُنْهِيْنَا إِذْ طَلَمُوا أَنفُسَهُمْ
جَاهَهُوكَ فَآتَيْتَهُمْ فَأَتَتْهُمُ الْمُغْفِرَةُ أَنْرَسْتُهُمْ لَنَحْدُوَ اللَّهَ تَوَابًا رَحِيمًا

Maksud ayat:

"Dan Kami tidak mengutus seseorang rasul pun melainkan supaya ia ditaati dengan izin Allah. Dan kalau ketika mereka menganiaya diri mereka sendiri, lalu mereka datang kepadamu (wahai Muhammad) dan memohon ampun kepada Allah, dan (saat itu) Rasulullah juga memohon ampun untuk mereka, tentulah mereka mendapatkan Allah Maha Penerima Taubat, lagi Maha Mengasihani" (Al-Quran, al-Nisa' 4: 64).

²²⁷Tingkatan. Setiap yang wujud mempunyai tingkatannya tersendiri. Setiap tingkatan memerlukan hubungan yang khusus dengan Allah SWT (Amatullah, hlm. 176).

²²⁸Firman Allah SWT:

وَاللَّهُ أَنْتَرُ وَالْكُفَّارُ فَإِنَّمَا تُؤْلِرُ أَنْفُسَهُمْ وَجْهَ اللَّهِ إِنَّ اللَّهَ وَاسِعٌ عَلَى مَعْلَمَيْهِ

Maksud ayat:

Dan milik Allah-iah Timur dan Barat; maka kemana pun kamu menghadap, di situ wajah Allah (kekuasaan Allah); sesungguhnya Allah Maha Luas (rahmat-Nya) lagi Maha Mengetahui" (Al-Quran, al-Baqarah 2: 115).

²²⁹Sabda Rasulullah SAW:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ، عَنِ الْمُقْبَلِيِّ سَلَّمَ إِلَيْهِ اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: "الدُّعَاءُ مُعْجِزٌ لِلْعِيَادَةِ".

Maksud hadis:

Anas bin Malik r.a. meriwayat bahawa Nabi SAW bersabda, "Doa adalah otak ibadat" (Al-Mubarafuri, *Tuhfah al-ahwadhi bi Sharh Jam'i al-Tirmidhi*, bab-bab doa-doaa Rasulullah SAW, bab mengenai kelebihan doa, bil. 3595, jil. 9, hlm. 219).

²³⁰ Istikharah berasal daripada perkataan *al-Khayr* atau *al-Khiyarah*. *Istakhar* Allah bererti meminta pilihan daripada Allah SWT dan *Khur Allah lah* pula bererti Allah SWT memberikan apa yang terbaik baginya. Lantaran itu ia bermaksud meminta yang terbaik daripada dua perkara kepada orang yang berhajat salah satu daripadanya (Al-Asqalani, *Fath al-Bari*, jil. 11, hlm. 219).

²³¹ Doa ini terdapat dalam hadis riwayat Jabir r.a. Beliau berkata, "Adalah Nabi SAW mengajar kami *al-Istikharah* pada semua urusan seperti satu surah daripada al-Quran", "Apabila seorang daripada kamu menghendaki sesuatu perkara maka hendak dia menunaikan solat dua rakaat selain fardhu kemudian berkatalah...", (Al-Asqalani, *Fath al-Bari Sharh Sahih al-Bukhari*, kitab doa-doa, bab doa ketika istikharah, bil. 6382, jil. 11, hlm. 218-219), (*Sunan Abu Daud*, kitab solat, bab *al-Istikharah*, bil. 1538, jil. 2, hlm. 662), (Al-Mubarakfuri, *Tuhfah al-Ahwadhi bi Sharh Janī' al-Tirmidhi*, kitab solat, bab solat istikharah, bil. 478, jil. 2, hlm. 482-483), (*Sunan al-Nasa'i*, kitab amalan siang dan malam, bab apa yang diucap apabila berkehendakkan sesuatu, bil. 10332, jil. 6, hlm. 128; *Sunan Ibn Majah*, kitab mendirikan solat dan sunah padanya, bab mengenai solat istikharah, bil. 1383, jil. 1, hlm. 520).

²³² Firman Allah SWT:

وَأَقِمِ الصَّلَاةَ طَرِيقَ الْكَارِبَرْ لِنَفَعِ الْأَيْلَلِ إِنَّ الْحُسْنَاتِ بِذَهَابِ الْمُنْيَاتِ ذَلِكَ وَجْهٌ لِلَّذِي كُرِبَتْ مِنْهُ^{۱۰۷}

Maksud ayat:

"Dan dirikan sembahyang (wahai Muhammad, engkau dan umatmu), pada dua bahagian siang (pagi dan petang), dan pada waktu-waktu yang berhampiran dengannya dari waktu malam. Sesungguhnya amal-amal kebajikan itu menghapuskan kejahanatan. Perintah-perintah Allah yang demikian adalah menjadi peringatan bagi orang yang mahu keringat."

(Al-Quran, Hud 11: 114)

²³³ Firman Allah SWT:

فَإِنْ تُؤْزَدُوا فَلَا يَحْسَبُوكُمْ أَلَّا هُوَ عَلَيْهِ تَوَكِّلُونَ زَهُورُ الرُّغْنِ الْعَظِيمِ^{۱۰۸}

Maksud ayat:

Kemudian jika mereka berpaling ingkar, maka katakan (wahai Muhammad): "Cukup Allah bagiku (yang menolong dan memeliharku), tiada Tuhan (yang berhak disembah) melainkan Dia; kepada-Nya aku berserah diri, dan Dia lah Tuhan yang mempunyai Arasy yang agung."

(Al-Quran, al-Taubah 9: 129)

²³⁴ Sabda Rasulullah SAW:

إِذَا وَقْتَنَتِي فِي الْأَمْرِ أَعْطَنَيْ فَقَوْلُوا : حَسِبْنَا اللَّهَ وَنَعْمَ الْوَكِيلُ^{۱۰۹}

Maksud hadis:

Apabila kamu berada dalam suatu urusan yang besar maka katakan, "Cukup Allah bagiku dan Dialah sebaik-baik *al-Wakil* (tempat bergantung yang diserahkan urusan kepada-Nya)" (*'Ala'* al-Din 'Ali al-Muttaqi al-Hindi, *Kanz al-'Ummal*, bil. 3417, jil. 2, hlm. 118, riwayat Abu Hurayrah r.a.).

²³⁵Sabda Rasulullah SAW:

عَنْ عُثْرَةَ زَوْجِ عَائِدَةِ قَاتِلِهِ، رَوَى أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: إِذَا دَعَتْكُنَّ كُلَّنَا بِإِذْنِ رَبِّكُنَّ فَقُلْ: لِلَّهِ حَلَّتِي الْأَمْرُ فَكُلْ فَإِذَا دَعَتْكُنَّ كُلَّنَا بِإِذْنِ رَبِّكُنَّ الْأَمْرُ، إِذَا دَعَنِي وَلَا أَعْلَمُ لِمَ لَمْ يَأْتِنِي بِأَذْنِ رَبِّكُنَّ فَقُلْ: لِلَّهِ حَلَّتِي الْأَمْرُ فَكُلْ فَإِذَا دَعَنِي وَلَا أَعْلَمُ لِمَ لَمْ يَأْتِنِي بِأَذْنِ رَبِّكُنَّ فَقُلْ: لِلَّهِ حَلَّتِي الْأَمْرُ فَكُلْ فَإِذَا دَعَتْكُنَّ كُلَّنَا بِإِذْنِ رَبِّكُنَّ الْأَمْرُ، فَقُلْ أَلَا يَعْلَمُ اللَّهُ بِأَذْنِ رَبِّكُنَّ الْأَمْرِ؟ فَكُلْ مِنْ أَنْوَاعِ الْأَمْرِ

Maksud hadis:

"Apabila kamu berada dalam kesempitan maka katakanlah, "Dengan nama Allah yang Maha Pemurah lagi Maha Pengasihani, tiada daya dan tiadalah upaya melainkan dengan Allah yang Maha Tinggi lagi Maha Agung"; sesungguhnya Allah SWT akan memalingkan apa-apa yang dikehendaki dengannya, daripada apa sahaja bentuk kesusahan (*bala*) (*Al-Tabrani*, *al-Du'a'*, bab perkataan lelaki kepada saudaranya, Allah menjadikanku tebusan bagimu, bil. 1961, hlm. 546 & *Abu Bakr bin al-Sunni*, *'Amal al-Yaum Wa al-Lailah*, bab apa yang diucap apabila berada dalam kesempitan, hlm. 132).

²³⁶Sabda Rasulullah SAW:

عَنْ أُبَيِّ بْنِ مَاجَةَ، رَوَى: قَالَ رَبُّ الْأَوْمَانِ لِلَّهِ عَزَّ وَجَلَّ: لَا تَكُونُ مَالَ الصَّدَقَةِ، فَإِنَّ الْأَيَّلَةَ لَا يَنْخُطُ الْمَدْعَةَ

Maksud hadis:

Anas bin Malik r.a. berkata bahawa Rasulullah SAW bersabda, "Segeralah bersedekah, maka sesungguhnya *bala*' tidak dapat melangkaui sedekah" (*al-Bayhaqi*, *Shu'ab al-Iman*, bab zakat, galakan bersedeka sunat, bil. 3353, jil. 3, hlm. 214).

²³⁷Firman Allah SWT:

فُلْ إِنَّ الْأَمْرَ مِنْ كُلِّهِ، إِلَّا

Maksud ayat:

Katakanlah, "Sesungguhnya urusan itu seluruhnya di tangan Allah".

(Al-Quran, Ali 'Imran 3: 154)

²³⁸Firman Allah SWT:

وَإِذَا أَرَدْنَا أَنْ يُهْلِكَ قَرْبَةً أَمْرَنَا بِتَرْفِيهَا فَسَقَرُوا لَهَا فَحَقَّ عَلَيْهَا الْقَوْلُ فَدَرَكَهَا تَدَبَّرًا

Maksud ayat:

Dan jika Kami hendak membina saka suatu negeri, maka Kami perintahkan kepada orang yang hidup mewah di negeri itu (supaya mentaati Allah) tetapi mereka melakukan kedurhakaan dalam negeri itu, Maka sudah sepantasnya

berlaku terhadapnya perkataan (ketentuan kami). Kemudian, Kami hancurkan negeri itu sehancur-hancurnya.

(Al-Quran, al-Isra' 17: 16)

²³⁹Firman Allah SWT:

لَا يُنَعَّلُ عَمَّا يَفْعَلُ وَمَنْ يُنَعَّلُوْتَ ﴿١٣﴾

Maksud ayat:

“Dia (Allah) tidak ditanya tentang apa yang diperbuat-Nya dan mereka lah yang akan ditanya.”

(Al-Quran, al-Anbiya' 21: 23)

²⁴⁰Firman Allah SWT:

الَّذِينَ يُعْبُدُونَ الْأَصْنَوَةَ وَمِمَّا رَزَقْنَاهُمْ يُنْفِقُونَ ﴿٦٣﴾

Maksud ayat:

“(Iaitu) orang yang mendirikan solat dan yang menafkahkan sebahagian dari rezeki yang kami berikan kepada mereka.”

(Al-Quran, al-Anfal 8: 3)

²⁴¹Firman Allah SWT:

لَيَنْفَقُ ذُو مَعْنَىٰ بِمَا تَسْهِيدُ وَمَنْ قَدِرَ عَلَيْهِ رِزْقٌ فَلْيُنْفِقْ بِمَا أَنْشَأَ اللَّهُ لَهُ لَا يُكْلِفُ اللَّهُ نَفْسًا إِلَّا مَا أَتَاهَا سَيَحْلُلُ اللَّهُ شَدَّدَ غُثْرَتِهِ لِمَنْ يَرِدُ ﴿٦٥﴾

Maksud ayat:

“Hendak orang yang mampu, memberi nafkah menurut kemampuannya; dan orang yang disempit rezekinya pula hendak memberi nafkah dari harta yang diberi Allah kepadanya; Allah tidak memikulkan beban kepada seseorang melainkan sekadar apa yang Allah berikan kepadanya; Allah kelak akan menjadi kelapangan sesudah kesempitan.”

(Al-Quran, al-Talaq 65: 7)

²⁴²Beliau ialah Jubayr bin Mat'am bin 'Adiy bin Nawfal bin 'Abd Manaf bin Qusay al-Qurashi al-Nawfili, Abu Muhammad atau Abu 'Adiy. Beliau adalah di antara pembesar Quraish. Beliau memeluk Islam semasa *Fath Makkah* atau semasa tahun Khaibar. Beliau pernah menjadi tawanan perang Badar. Beliau meninggal dunia di Madinah pada tahun 57H atau 59H, semasa pemerintahan Mu'awiyah. (Abu 'Umar Yusuf bin 'Abd Allah bin Muhammad bin 'Abd al-Barr al-Qurtubi, *al-Istif'ab Fi Marrifah al-Ashab*. Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, Bayrut, 1995, Cet. 1, jil. 1, hlm. 303-305).

²⁴³Sabda Rasulullah SAW:

أَنْبَبْ بِأَسْبَابِ إِذْ جَرَحْتْ سَلْرَانْ تَكُونْ مِنْ أَنْبَلْ أَسْبَابِكْ هَذِهِ وَأَكْرَبْ زَادَ ۚ إِذْ إِنَّهُمْ أَنْبَلْ السُّورِ الْخَمْسِ، قَالْ يَا أَنْبَهِ الْكَافِرُونَ، وَإِذْ جَاءَ نَصْرَ اللهِ وَالْفَتْحِ وَقَالْ مَوْلَاهُ سَدَّ وَقَالْ أَمْدَدَ بِرَبِّ الْفَلَقِ، وَقَالْ أَمْوَالَ بِرَبِّ النَّارِ، وَلَمَّا حَلَّتْ كُلُّ سُورَةٍ بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ وَالْمُنْتَهِ بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ.

(‘Ala’ al-Din ‘Ali al-Muttaqi al-Hindi, *Kanz al-Ummal*, bil. 17526, jil. 6, hlm. 712 & Musnad Abu Ya‘la al-Mawsili, bab hadis Jubayr bin Mat‘am, bil. 7382, jil. 6, hlm. 265).

²⁴⁴Firman Allah SWT:

وَذَكِّرْ فِإِنَّ الْمُذَكَّرِ تَدْعُ الْمُؤْمِنِينَ ﴿٢٣﴾

Maksud ayat:

“Dar tetaplah memberi peringatan, kerana sesungguhnya peringatan itu bermarfaat bagi orang yang beriman.”

(Al-Quran, al-Dhariyat 51: 55)

²⁴⁵Firman Allah SWT:

أَفَعَيْنَا بِالْخَلْقِ الْأَوَّلِ بِلَهُ رُوفٌ أَنْتُمْ فِي خَلْقٍ جَدِيدٍ ﴿٤٦﴾

Maksud ayat:

“Maka apakah kami letih dengan penciptaan yang pertama? Sebenarnya mereka dalam keadaan ragu-ragu tentang penciptaan yang baru.”

(Al-Quran, Qaf 50: 15)

²⁴⁶Firman Allah SWT:

إِلَّا لِلَّهِنَّ مَا أَنْتُمْ وَعِمِّلُوا الصَّالِحَاتِ وَتَرَوْا أَصْرَارًا بِالْحَقِّ وَتَرَوْا صُورًا بِالْبَاطِلِ ﴿٤٧﴾

Maksud ayat:

“Kecuali orang yang beriman dan mengerjakan amal salih serta saling nasihat menasihati dengan kebenaran dar: saling nasihat menasihati dengan kesabaran.”

(Al-Quran, al-‘Asr 103: 3)

²⁴⁷Sabda Rasulullah SAW:

عَنْ سَعِيدِ بْنِ دِينَارِ بْنِ خَدِيجَةِ، عَزِيزِ أَبِي، عَنْ حَدَّثِهِ، قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: «لَمْ يَكُنْ لِلْمُؤْمِنِ إِيمَانٌ قَبْلَ الْمَأْمَرِ، وَلَمْ يَكُنْ لِلْمُضْطَرِّ إِيمَانٌ قَبْلَ الْمُضْطَرِّ».

Maksud hadis:

Sa‘id bin Rafi^e bin Khadij meriwayatkan daripada bapanya yang meriwayatkan daripada datuknya bahawa Rasulullah SAW telah bersabda, “Pilihlah kamu jiran sebelum mendiami rumah dan pilihlah teman sebelum memulai perjalanan” (*al-Tabrani, al-Mu‘jam al-Kabir*, bil. 4379, jil. 4, hlm. 627).

²⁴⁸Orang yang menginginkan Allah SWT Seorang *murid* mempelajari ilmu dan amal jalan (tarekat) rohani serta mencari hakikat wajib di bawah bimbingan *Murshid* (pembimbing kerohanian) (Amatullah, hlm. 197, M. Solihin & Rosihon Anwar, hlm. 150).

²⁴⁹Beliau ialah Muhammad bin Mahmud bin al-Hasan bin Hibah Allah bin Mahasin, Abu ‘Abd Allah Muhibb al-Din Ibn al-Najjar. Adalah ahli sejarah dan penghafaz hadis. Lahir pada 678H./1183M. di Baghdad dan meninggal dunia

juga di sana pada 643H/1245M. Beliau telah bermusafir ke Sham, Mesir, Hijaz dan Parsi selama dua puluh tujuh tahun. Antara kitab beliau ialah *al-Kamal Fi Ma'rijah al-Rijal*, *Dhail Tarikh Baghdad Li Ibn Khatib*, *al-Durrah al-Thaminah Fi Akhbar al-Madinah* dan *Nuzhah al-Wara Fi Akhbar Umm al-Qura* (al-Zirkli, jil. 7, hlm. 86).

²⁵⁰Ibn al-Najjar telah mengarang beberapa buah kitab yang berkaitan dengan tarikh seperti *Dhail Tarikh Baghdad Li Ibn Khatib*, *al-Durrah al-Thaminah Fi Akhbar al-Madinah* dan *Nuzhah al-Wara Fi Akhbar Umm al-Qura*. Walau bagaimanapun tidak ditemui rwayat berkenaan dalam kitab *Dhail Tarikh Baghdad Li Ibn Khatib*, sedangkan kitab *al-Durrah al-Thaminah Fi Akhbar al-Madinah* dan *Nuzhah al-Wara Fi Akhbar Umm al-Qura* pula tidak dapat ditemui dalam mana-mana perpustakaan yang telah dirujuk oleh pengkaji.

²⁵¹Menurut Ibn 'Abbas, Multazam ialah tempat di antara al-Hijr dengan pintu Ka'bah. Ia adalah antara tempat diperkenan doa. Imam al-Shafii menyatakan bahawa beliau suka semasa melakukan wada' dengan berdoa di Multazam. (Abu al-'Abbas Ahmad bin 'Abd Al-Lah bin Muhammad bin Abu Bakr Muhibb al-Din al-Tabari, *al-Qira Li Qasid Umm al-Qura*, Maktabah Mustafa al-Babai al-Halabi Wa Awladuhu, Misr, 1948, hlm. 280).

²⁵²Firman Allah SWT:

لَمْ يَعْلَمْ أَنَّهُمْ دُجُونٌ وَّكُلُّهُمْ لَا يَشْرِكُ بِهِ بِنَفْسِهِ إِنَّمَا يُعَذِّبُ الظَّالِمِينَ

Maksud ayat:

"Diwajib atas kamu berperang, padahal berperang itu adalah sesuatu yang kamu benci; boleh jadi kamu membenci sesuatu, padahal ia amat baik bagimu, dan boleh jadi (pula) kamu menyukai sesuatu, padahal ia amat buruk bagimu; Allahlah yang Maha Mengetahui, sedang kamu pula tidak mengetahui."

(Al-Quran, al-Baqarah 2: 216)

²⁵³Firman Allah SWT:

فَلَمَّا تَرَدَّدَ فِي قَوْمٍ وَّقَرَنَ لَزِغَيْنِ أَنْ اتَّخِذَ مَنَّاتَ الْأَقْدَمَاتِ عَلَى زَعْمِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَإِنْ أَعْلَمْ مُصْبِحًا كَرِيمَةً وَإِنْ خَلَقْتَ مِنْهُ دُنْيَا

Maksud ayat:

Maka dia tersenyum sambil tertawa karena (mendengar) perkataan semut itu dan dia berdoa: "Ya Tuhanku!, berilah aku ilham untuk tetap mensyukuri nikmat-Mu yang telah Engkau anugerahkan kepadaku dan kepada dua orang ibu bapaku dan untuk mengerjakan amal soleh yang Engkau redhai; dan masukkanlah aku dengan rahmat-Mu ke dalam golongan hamba-hamba-Mu yang soleh."

(Al-Quran, al-Naml 27: 19)

²²⁴ Firman Allah SWT:

وَذِكْرُ فِي الْأَذْكُرِي تَقْعِيمُ الْمُزَجَّبِينَ ﴿٢﴾

Maksud ayat:

"Dar tetaplah memberi peringatan, kerana sesungguhnya peringatan itu bermanfaat bagi orang yang beriman."

(Al-Quran, al-Dhariyat 51: 55)

²²⁵ "Pelbagai sumber telah dirujuk, namun belum ditemui lagi sumber pengambilan kata-kata ini.

²²⁶ Berdasarkan firman Allah SWT:

لَقَدْ أَنْتَ عَلَىٰ نَعْلَمْ بِمَا يَصْنَعُ الْإِنْسَانُ إِنَّمَا تَعْلَمُ بِنَهْرِ الْأَنْهَارِ إِنَّمَا تَعْلَمُ بِنَهْرِ الْأَنْهَارِ إِنَّمَا تَعْلَمُ بِنَهْرِ الْأَنْهَارِ إِنَّمَا تَعْلَمُ بِنَهْرِ الْأَنْهَارِ

Maksud ayat:

Supaya kamu duduk di atas punggungnya. Kemudian kamu ingat nikmat Tuhanmu apabila kamu telah duduk di atasnya; dan supaya kamu mengacapkan, "Maha suci Tuhan yang telah menundukkan semua ini bagi kami padahal kami sebelumnya tidak mampu menguasainya. Dan sesungguhnya kami akan kembali kepada Tuhan kami."

(Al-Qur'an, al-Zukhruf 43: 13-14).

Dalam beberapa riwayat dinyata bahawa apabila Rasulullah SAW telah berada di atas kenderaannya ketika keluar bermusafir, maka Baginda bertakbir sebanyak tiga kali dan mengucap "Maha Suci Dia yang mempermudah kenderaan ini bagi kami, sedangkan kami tiada upaya untuk menguasainya. Dan sesungguhnya kami kembali kepada Tuhan kami" (al-Naysaburi, *Sahih Muslim*, kitab haji, bab ucapan apabila menaiki kenderaan untuk bermusafir haji dan lainnya, bil. 1342, jil. 2, hlm. 798-799; *Sunan Abu Daud*, kitab jihad, bab ucapan apabila seseorang bermusafir, bil. 2598, jil. 3, hlm. 1124-1125 & al-Mubarakfuri, *Tuhfah al-Ahwadhi bi Sharh Jam'i al-Tirmidhi*, bab-bab doa-doa Rasulullah SAW, bab mengenai ucapan apabila menaiki binatang, bil. 3676, jil. 9, hlm. 288).

²²⁷ Sabda Rasulullah SAW:

"كُلُّ مَعْرُوفٍ صَدَقَةٌ"

Maksud hadis:

"Setiap kebaikan adalah sedekah" (Al-'Asqalani, *Fath al-Bari Sharh Sahih al-Bukhari*, kitab adab, bab setiap kebaikan adalah sedekah, bil. 6021, jil. 10, hlm. 548, riwayat Jabir bin 'Abd Allah; al-Naysaburi, *Sahih Muslim*, kitab zakat, bab keterangan sesungguhnya nama sedekah termasuk pada semua kebaikan, bil. 1005, jil. 2, hlm. 578, riwayat Hudhayfiyah; *Sunan Abu Daud*, kitab adab, bab mengenai bantuan kepada orang Islam, bil. 4946, jil. 4, hlm. 2107, riwayat

Hudhayfah ; al-Mubarakfuri, *Tuhfah al-ahwadhi bi Sharh Jamī' al-Tirmidhi*, kebaikan dan hubungan daripada Rasulullah SAW, bab mengenai manis muka dan baik wajah, bil. 1893, riwayat Jabir bin 'Abd Allah & Ibn Hanbal, *Musnad Ahmad*, bil. 14709, jil. 23, hlm. 57-58, riwayat Jabir bin 'Abd Allah).

²⁵³Firman Allah SWT:

إِنَّ الْأَنْزَالَ لِنِفَرٍ مُّعَمِّدٍ

Maksud ayat:

“Sesungguhnya orang yang banyak berbuat kebaikan benar-benar berada dalam syurga yang penuh kenikmatan.”

(Al-Quran, al-Infitar 82: 13)

²⁵⁴Firman Allah SWT:

كُلًا إِنَّ كِتَابَ الْأَنْزَالِ لِنِفَرٍ عَلَيْكَ

Maksud ayat:

“Sekali-kali tidak, sesungguhnya kitab orang yang membuat kebaikan itu (tersimpan) dalam 'Illiyyin.”

(Al-Quran, al-Mutaffifin 83: 18)

Al-Illiyyin ialah kitab yang menghimpu semua amalan baik pada malaikat dan yang beriman dalam kalangar jin dan manusia atau ia adalah suatu tempat yang terdapat di langit ke tujuh dan terletak di bawah arash (Jalal al-Din Muhammad bin Ahmad bin Muhammad al-Mahalli & Jalal al-Din 'Abd al-Rahman bin Abu Bakr al-Sayyuti, *Tafsir al-Jalalain*, Dar Ibn Kathir, Bayrut, 1993, hlm. 588).

²⁵⁵Firman Allah SWT:

وَإِنَّا إِلَى رِبِّنَا أَمْنَقَلِّوْنَ

Maksud ayat:

“Dan Sesungguhnya kami akan kembali kepada Tuhan kami.”

(Al-Quran, al-Zukhruf 43: 14)

²⁵⁶*Marbub* ialah hamba. Segala sesuatu yang ada mempunyai Tuhan (Rabb), lantaran itu ia menjadi hamba (*marbub*) kepada Tuhan-Nya. Allah adalah Tuhan (Rabb) lantaran hamba-Nya (*marbub*) dan segala sesuatu adalah hamba kerana Allah SWT adalah Tuhan-Nya (Amatullah, hlm. 177).

²⁵⁷Firman Allah SWT:

لَمْ يَلِدْ وَلَمْ يُوْلَدْ وَلَمْ يَكُنْ لَهُ شَفِيعًا أَحَدٌ

Maksud ayat:

“Dia tiada beranak dan tidak pula diperanakkan. Dan tidak ada scorang pun yang setara dengan-Nya.”

(Al-Quran, al-Ikhlas 112: 3-4)

²⁶³Firman Allah SWT:

وَمَا يَعْلَمُ جُنُودُ رِبِّكَ إِلَّا هُوَ وَمَا هُنَّ إِلَّا ذِكْرٌ لِلنَّاسِ

Maksud ayat:

“... dan tidak ada yang mengetahui bala tentera Tuhanmu melainkan Dia sendiri. dan tiadalah ia melainkan hanyalah untuk menjadi peringatan kepada manusia.” (Al-Quran, al-Muddaththir 74: 31)

²⁶⁴Lihat nota kaki bil. 263.²⁶⁵Lihat nota kaki bil. 260.²⁶⁶Sabda Rasulullah SAW:

أَنْ عَلِمَ الْجِنُونُ أَنَّهُ أَنْ يَعْلَمُ مُعْلَمَةً : أَنَّهُ أَنْ يَعْلَمُ - صَلَوةَ اللَّهِ عَلَيْهِ وَسَلَامٍ - كَمَا أَنَّهُ مُعْلَمٌ عَلَى تَعْبُرِ خَارِجِهِ إِلَى سَفَرٍ كُثُرَ حَافَّاتِهِ ? فَإِنْ تَسْعَدُ الْجِنَّةَ سَفَرَكَ لِذَادِرِهِ فَتَقْبِلُهُ زَيْدًا بِذَلِكَ دَرَجَتَهُ لِتَقْهِيرِهِ، فَلَمَّا تَسْتَأْذِنُكَ فِي سَفَرِكَ فَقِيرٌ وَفَقِيرٌ مِنْ أَصْلِهِ ، ثُمَّ يَوْمَ تَرْسِّخُ ، فَلَمَّا هُوَ مُؤْمِنٌ يَقْبِلُ وَيَطْمَئِنُ مَعَهُ ثَمَنَكَ الْجِنُونُ أَنْ يَعْلَمَ فِي الْأَنْوَافِ الْأَنْوَافِ بِأَنَّهُ يَأْتِي بِكَ وَيَغْلِقُ السَّفَرَ وَيَأْتِي بِالْمُفْلِتِ وَيَشْوِي الْمُفْلِتِ فِي الْأَنْوَافِ

Maksud hadis:

‘Ali al-Azdiyy memberitahu bahawa Ibn ‘Umar ra. mengajarkannya iaitu, adapun Nabi SAW apabila duduk di atas kenderaannya untuk keluar bermusafir, Baginda SAW bertakbir sebanyak tiga kali kemudian membaca “Maha suci Dia yang mempermudah kenderaan ini bagi kami, sedangkan kami tiada upaya untuk menguasainya. Dan sesungguhnya kami kembali kepada Tuhan kami. Ya Allah! Kami berimohon kepada-Mu kebaikan dan takwa dalam perjalanan kami ini serta amalan yang Engkau sukai dan redhai. Ya Allah! Permudahkan perjalanan kami dan dekatkan jaraknya yang jauh. Ya Allah! Engkaulah teman dalam perjalanan dan Khalilah kepada keluarga (yang ditinggalkan). Ya Allah! Kami berlincung kepada-Mu daripada kesukaran dalam perjalanan, tempat kembali yang menyediakan dari permandangan yang tidak baik pada keluarga dan harta benda.” Ibn ‘Umar berkata lagi bahawa Rasulullah SAW pulang, Baginda mengucapkannya kembali dan menambah perkataan, “kami kembali, kami bertaubat, kami mengabdi diri dan kami memuji Tuhan kami” (Al-Bayhaqi, *Sunan al-Kubra*, kitab haji, bab ucapan apabila menaiki kenderaan, bil. 10316, jil. 5, hlm. 413).

Beberapa riwayat menyebulkannya tanpa perkataan yang Engkau sukai (*tuhib*) (lihat al-Naysaburi, *Sahih Muslim*, kitab haji, bab ucapan apabila menaiki kenderaan untuk bermusafir haji dan lainnya, bil. 1342, jil. 2, hlm. 798-799; *Sunan Abu Daud*, kitab jihad, bab ucapan apabila seseorang bermusafir, bil. 2598, jil. 3, hlm. 1124-1125 & al-Mubarakfuri, *Tuhfah al-ahwadhi bi Sharh Jam'i al-Tirmidhi*, bab-bab doa-doaa Rasulullah SAW, bah mengenai ucapan apabila menaiki binatang, bil. 3676, jil. 9, hlm. 288).

²⁶⁷Lihat nota kaki bil. 266.

²⁶⁸Ketuhanan adalah kedudukan yang paling tinggi dan kehambaan adalah kedudukan yang paling rendah (Amatullah, hlm. 243).

²⁶⁹Firman Allah SWT:

فَإِذْ عُوْذُوا لَهُ الْمُؤْمِنُونَ وَلَوْ كَرِهُ الْكُفَّارُ

Maksud ayat:

“Maka sembahlah Allah dengan memurnikan ibadat kepada-Nya, meskipun orang-orang kafir tidak menyukai(inya).”

(Al-Quran, Ghafir 40: 14)

²⁷⁰Firman Allah SWT:

وَلَا يَأْتِي مُرْسَلٌ مِّنْ أَنْوَارٍ وَلَا يَخْبِلُ عَنْ أَنْوَارٍ كَمَا حَنَّفَهُ اللَّهُ عَزَّلِ الْمُجْرِمُونَ إِنَّمَا يَأْتِي مُرْسَلٌ مِّنْ أَنْوَارٍ لِّمَنِ اتَّصَرَّ عَلَى الظُّرُورِ الْمُعْسِرِينَ

Maksud ayat:

“Wahai Tuhan kami, jangan Engkau hukum kami jika kami lupa atau kami tersalah. Wahai Tuhan kami, jangan Engkau bebankan kepada kami beban yang berat sebagaimana Engkau bebankan kepada orang sebelum kami. Wahai Tuhan kami, jangan Engkau pikulkan kepada kami apa yang tidak sanggup kami memikulnya. Lantaran itu, maafkan kami, ampuni kami, cari rahmati kami. Engkaulah penolong kami, Maka tolonglah kami terhadap kaum yang kafir.”

(Al-Quran, al-Baqarah 2: 286)

²⁷¹ Sabda Rasulullah SAW:

عَنْ أَبِي ذِئْنَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ : قَدِ اتَّصَرَّ رَبِّنَا عَلَى مُحَمَّدٍ وَسَلَّمَ بِمَا يَعْلَمُ بِهِ وَمَا يَعْلَمُ بِهِ فَلَمَّا دَعَاهُ اللَّهُ عَزَّلَهُ مِنْ أَنْوَارِهِ فَلَمَّا دَعَاهُ اللَّهُ عَزَّلَهُ مِنْ أَنْوَارِهِ

”*بِلَّا وَجْهٍ*“

Maksud hadis:

Diriwayatkan daripada Abu Hurayrah r.a. bahawa beliau mendengar Rasulullah SAW bersabda, “Sesungguhnya di atas setiap badan binatang tunggangan itu ada syaitan, maka jadikan ia bekerja, kerana sesungguhnya yang membawanya adalah Allah SWT” (Ibn Hanbal, *Musnud Ahmad*, bil. 17938, jil. 29, hlm. 458 & al-Hakim, *al-Mustadrak 'Ala al-Sahihain*, kitab al-Manasik, bil. 1624, jil. 1, hlm. 612).

²⁷²Miftah Kunuz al-Sunnah.

²⁷³Dalam keadaan memberi tumpuan daripada penuh waspada dengan segenap kekuatan jiwa, fikiran, imajinasi dan pemeriksaan sehingga seorang hamba itu sentiasa mengawasi dirinya dengan berhati-hati (Amatullah, hlm. 197).

²⁷⁴Firman Allah SWT:

وَلَا يَأْتُ أُولَئِنَّ الْمُنْذِرِ بِمَا كَانُوا يَعْمَلُونَ إِنَّ رَبَّ الْفَلَقِ لَغَنِيمٌ وَالْمُنْذِرَ فِي سَجْدَةٍ إِنَّهُ ذَلِكُمْ وَالظَّاهِرُ مِنَ الْخَلْقِ إِنَّمَا يَنْهَاكُمْ عَنِ الْمُحْسَنَاتِ فَلَا يَنْهَاكُمْ عَنِ الْمُنْهَاجِ
الْمُنْذِرُ مُصَدِّقٌ

Maksud ayat:

Dan janganlah orang yang mempunyai kelebihan dan kelapangan di antara kamu bersumpah bahawa mereka (tidak) akan memberi (bantuan) kepada kaum kerabatnya, orang yang miskin dan orang yang berhijrah pada jalan Allah; dan hendak mereka memaafkan dan berlapang dada; apakah kamu tidak suka bahawa Allah akan mengampunimu? Dan Allah adalah Maha Pengampun lagi Maha Penyayang".

(Al-Quran, al-Nur 24: 22)

²⁷⁵Kaum Allah. Gelaran ini meliputi semua umat manusia, namun tercapat banyak derajat dalam ahl Allah. Ini adalah berbagai tingkatan dalam mengenal Allah SWT sebab hanya dengan mengenal Allah seseorang itu akan didekati dengan Allah (Amatullah, hlm. 19).

²⁷⁶Lihat nota kaki bil. 260.

²⁷⁷Firman Allah SWT:

وَلَمْ يَأْتِ أَحَدٌ مُؤْمِنٌ بِإِيمَانِهِ إِلَّا سُكِّنَ إِلَيْهِنَّ مَكَانٌ كَيْفَ لَا يَنْتَهُونَ كُلُّ أَغْنِيٍّ بِمَوْرِنَةٍ وَكُلُّ بَارِزٍ بِمَنْهُونَ كُلُّ أَذْلِيٍّ بِالْأَسْبَدِ مُنْهَى
أَنْهُلُّ أَرْبَابُ الْأَنْهَارِ مُنْهَى

Maksud ayat:

Dan Sesungguhnya kami jadikan untuk isi neraka Jahannam kebanyakan dari jin dan manusia, mereka mempunyai hati, tetapi tidak diperguna untuk memahami (ayat-ayat Allah) dan mereka mempunyai mata (tetapi) tidak diperguna untuk melihat (tanda-tanda kekuasaan Allah), dan mereka mempunyai telinga (tetapi) tidak diperguna untuk mendengar (ayat-ayat Allah); mereka itu seumpama binatang ternak, bahkan mereka lebih sesat lagi; mereka itulah orang yang laik.

(Al-Quran, al-A'raf 7: 179)

²⁷⁸Firman Allah SWT:

وَأَنْفَخْتُ مُؤْمِنَاتٍ كُلُّ جَمِيعٍ عَبْدِيِّ

Maksud ayat:

"Dan mereka memohon kemenangan (atas musuh-musuh mereka) dan binasalah semua orang yang sompong lagi degil."

(Al-Quran, Ibrahim 14: 15)

²⁷⁹Dari segi bahasa *abdal* bererti pengganti. Dalam istilah tarekat, ia adalah satu hirarki rohani yang mengandungi tujuh atau empat puluh orang lelaki atau perempuan yang disebut *abdal*. Mereka dinamakan *abdal* kerana jika salah

seorang di antaranya meninggal dunia, fungsinya akan dijalankan oleh orang suci lainnya (Totok Jumantoro & Samsul Munir Amin, hlm. 2).

²⁸⁰Firman Allah SWT:

إِنَّمَا الْأَذْيُنُ مِنَ الْأَنْوَارِ إِذَا طَلَّ أَسْرَارُكُمْ مَا لَمْ تَعْلَمْ وَإِنَّكُمْ إِذَا كُنْتُمْ تَفْعَلُونَ عَلَيْهِ تَرَى
فَاصْبِرْ وَإِذَا قُرْبَكَ مِنَ الْأَنْوَارِ فَلَا يُنْهِيَكَ عَنِ الْمُحِيطِ إِنَّمَا زَانَكُمُ الْأَنْوَارُ إِنَّمَا
يُنَاهِيُكُمُ الْأَنْوَارُ عَنِ الْمُحِيطِ إِنَّمَا زَانَكُمُ الْأَنْوَارُ إِنَّمَا يُنَاهِيُكُمُ الْأَنْوَارُ عَنِ الْمُحِيطِ

Maksud ayat:

"Wahai orang yang beriman! Jangan kamu menghilangkan (pahala) sedekahmu dengan menyebut-nyebutnya dan menyakiti (perasaan si penerima), seperti orang yang menafkahkan hartanya kerana riya' kepada manusia dan dia tidak beriman kepada Allah dan hari akhirat. Maka perumpamaan orang itu seperti batu licin yang di atasnya ada tanah, kemudian batu itu ditimpa hujan lebat, lalu jadilah ia bersisik (tidak bertanah); mereka tidak menguasai sesuatu pun dari apa yang mereka usahakan; dan Allah tidak memberi petunjuk kepada orang yang kafir."

(Al-Quran, al-Baqarah 2: 264)

²⁸¹Memendek solat fardhu yang empat rakaat dengan cintuai sebanyak dua rakaat semasa musafir dengan syarat-syarat yang tertentu (Zakaria al-Ansari, Sharh al-Tahrir dlm. *Al-Sharqawi 'ala al-Tahrir*, Dar Ihya' al-Kutub al-'Arabiyah, Qahirah, t.t., jil. 1, hlm. 250).

²⁸²Menghimpun solat di antara solat Zuhur dengan solat Asar atau di antara solat Maghrib dengan solat Isyak disebabkan perjalanan jauh sama ada dilakukan secara taqdim atau ta'akhir (ibid, hlm. 256).

²⁸³Firman Allah SWT:

وَمَنْ يَجْعَلْ لَهُ رَبُّهُ شَوْلًا فَأُولَئِكُمْ نَعِيشُ إِنَّمَا أَنْعَمْنَا أَنْتُمْ وَالصَّدِيقُونَ وَالشَّهِيدُونَ وَالْمُسْلِمُونَ وَعَمِّنْ أُنْهَا فَرِيقًا

Maksud ayat:

Dan sesiapa yang mentaati Allah dan Rasul-Nya, mereka itu akan bersama-sama dengan orang yang dianugerahi nikmat oleh Allah, iaitu Nabi-Nabi, para *al-siddiqin*, orang yang mati syahid, dan orang soleh; dan mereka itu teman yang sebaik-baiknya."

(Al-Quran, al-Nisa' 4: 69)

²⁸⁴Firman Allah SWT:

وَالَّذِي أَنْزَلَ عَلَى الْكِتَابِ مِنْ ذِكْرِنَا مَنْ يَكْسِبْ ثَنَاءً مِنْهُ فَلَا يُنَاهِيَهُ عَنِ الْمُحِيطِ إِنَّمَا يُنَاهِيُ
عَنِ الْمُحِيطِ قَوْلَهُ إِنَّمَا يُنَاهِيُكُمُ الْأَنْوَارُ عَنِ الْمُحِيطِ إِنَّمَا يُنَاهِيُكُمُ الْأَنْوَارُ عَنِ الْمُحِيطِ

Maksud ayat:

"Dia-lah yang menurunkan al-Kitab (al-Quran) kepada kamu, di antara isinya ada ayat-ayat yang *muhkamat*, itu pokok-pokok isi al-Quran dan yang lain pula ayat

ayat *mutashabihat*. Adapun orang-orang yang dalam hatinya condong kepada kesesatan, maka mereka mengikuti sebahagian ayat-ayat yang *mutashabihat* daripadanya untuk menimbulkan fitnah dan mencari-cari *ta'wihiyah*, padahal tidak ada yang mengetahui *ta'wihiyah* melainkan Allah; dan orang yang mendalam ilmunya berkata: "Kami beriman kepadanya (ayat-ayat yang *mutashabihat*), semuanya itu dari sisi Tuhan kami" dan tiadalah yang mengambil pelajaran (daripadanya) melainkan orang yang berakal (al-Quran, Ali 'Imran 3: 7).

²⁸⁵Sabda Rasulullah SAW:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ قَالَ حَفَظْتُ عَلَيْهِ مِنْ حِكْمَةِ رَبِّي أَنَّهُ يَقُولُ: قَدْ يَكُونُ لِلَّهِ مَا يَعْلَمُ وَلَكُمْ مَا تَعْلَمُوْنَ إِنَّمَا يَعْلَمُ اللَّهُ الْأَكْبَرُ لَا يَعْلَمُهُ إِلَّا مَنْ يَنْهَا فَلَمَّا دَعَ اللَّهَ بِهِ لَمْ يَعْلَمْهُ إِلَّا مَنْ يَنْهَا فَلَمَّا دَعَ اللَّهَ بِهِ لَمْ يَعْلَمْهُ إِلَّا مَنْ يَنْهَا

Maksud hadis:

Aban bin 'Uthman meriwayat daripada 'Uthman bin 'Affan r.a. bahawa Rasulullah SAW bersabda, Seorang hamha yang mengucap pada waktu subuh setiap siang dan waktu petang setiap malam, "Dengan nama Allah yang Maha Pemarah lagi Maha Pengasihani, yang sesuatu di langit dan bumi tidak dapat memberi mudharat bersama nama-Nya, dan Dialah yang Maha Mendengar lagi Maha Mengetahuinya" sebanyak tiga kali, maka ia tidak dapat dimudharat oleh sesuatu pun (Al-Mubarakfuri, *Tuhfah al-Ahwadhi bi Sharh Jami' al-Tirmidhi*, bab-bab doa Rasulullah SAW, bab mengenai doa apabila berada pada waktu pagi dan petang bil. 3612, jil. 9, hlm. 233-234).

²⁸⁶Sabda Rasulullah SAW:

عَنْ أَبِي ذِئْنَةِ حَنْدِيِّ مُتَلِّيِّ اللَّهِ شَاهِدٍ وَسُلْطَانٍ قَالَ: إِنَّمَا يَحْلِمُ الْجِنُّ مَلَائِكَةَ الْمَلَائِكَةِ الْمُلَائِكَةَ الْمُلَائِكَةَ إِنَّمَا يَحْلِمُ الْجِنُّ مَلَائِكَةَ الْمَلَائِكَةِ الْمُلَائِكَةَ الْمُلَائِكَةَ

Abu Hurairah r.a. meriwayat bahawa Nabi SAW bersabda, Sesiapa yang berada pada waktu petang lalu mengucapkan sebanyak tiga kali "Aku berlindung dengan kalimah-kalimah Allah yang sempurna daripada kejahanan makhluk, dia tidak dimudharat oleh bisa pada malam itu" (Al-Mubarakfuri, *Tuhfah al-Ahwadhi bi Sharh Jami' al-Tirmidhi*, bab-bab doa Rasulullah SAW, bab pelbagai hadis dalam bab doa-doa, bil. 3839, jil. 10, hlm. 48).

²⁸⁷Penyingkapan diri, iaitu Allah SWT menyingskap diri-Nya kepada makhluk-Nya. Ia tidak pernah berulang secara sama dan tidak pernah berakhir. Penyingkapan diri Tuhan itu berupaya cahaya batin yang masuk ke dalam hati. Ia adalah tanda-tanda yang Allah SWT letakkan dalam diri manusia agar Dia dapat disaksikan. Setiap tajalli melimpahkan cahaya demi cahaya sehingga seseorang yang menerimanya, tenggelam dalam keabadian (Amatullah, hlm. 280).

²⁸⁸Firman Allah SWT:

إِنَّمَا الْمُزَمِّنُونَ إِخْرَاجُهُمْ فَاصْلُحُوا لَهُمْ أَخْرِيَّكُمْ وَاتْشُوَّلُهُمْ لَعْنَكُمْ فَرَجُلُوْنَ

Maksud ayat:

“Sesungguhnya orang beriman itu bersaudara; sebab itu darmaikan (perbaiki hubungan) antara kedua saudaramu itu dari bertakwalah kepada Allah, supaya kamu memperolehi rahmat.”

(Al-Quran, al-Hujurat 49: 10)

²⁸⁹Berdasarkan firman Allah SWT:

وَإِذْ أَنْزَلْنَا إِلَيْكُم مَّا كُنْتُمْ تَحْكُمُونَ فَإِذَا قُرِئَ لِكُلِّ أُنْجَوٍ مِّنْكُمْ فَقُلْ كَمْ أَنْعَمْنَا بِنَا الظَّرِفَةَ هُنَّ أَنْجَوٌ مِّنْ حَلْقِ عَيْنِكُمْ
وَأَنْجَوْنَاهُمْ مِّنْ أَنْجَوْنَا وَأَنْجَوْنَا مِنْ أَنْجَوْنَاهُمْ

Maksud ayat:

Dan (ingatlah) ketika Ibrahim berkata, “Ya Tuhanmu, perlihatkan kepadaku bagaimana Engkau menghidupkan orang mati”, Allah berfirman, “Belum yakinkah kamu?” Ibrahim menjawab: “Aku telah meyakininya, akan tetapi agar hatiku tetap martap (dengan imanku).” Allah berfirman, “(Ka)u demikian ambillah empat ekor burung, lalu cincanglah semuanya olehm lalu letakkan satu bagian dari bagian-bagian itu di atas setiap bukit, kemudian panggilah mereka, nescaya mereka datang kepadamu dengan segera; dan ketahuilah bahwa Allah Maha perkasa lagi Maha bijaksana.”

(Al-Quran, al-Baqarah 2: 260)

²⁹⁰Firman Allah SWT:

وَلَمْ يَأْتِ رَبُّكَ بِأَسْبَابَ إِذْ جَعَلَكَ
أَنْتَ قَائِمًا لِمَا تَعْمَلُونَ مُنْزَلًا حِلْمَانَ أَكَانَ جَهَنَّمَ فَلَمْ يَرْجِعُنَّ إِلَيْهِمْ مُّؤْمِنِينَ

Maksud ayat:

“Dan sebutlah nama Tuhanmu pada (waktu) pagi dan petang; dan pada sebahagian dari malam, maka sujud dan bertashbih kepada-Nya pada bahagian yang panjang dimalam hari; Sesungguhnya mereka (orang kafir) menyukai kehidupan dunia dan mereka tidak memperduli kesudahan mereka, pada hari yang berat (hari akhirat).”

(Al-Qur'an, al-Insan 76: 25-27)

²⁹¹Sabda Rasulullah SAW:

عَنْ أَنَّ نَبِيًّا قَالَ فَلَمْ يَرْجِعُنَّ إِلَيْهِ مُؤْمِنِينَ إِلَّا حِلْمَانَ وَسَلَمَ، الْفَهْدُ الْمَرْجُونُ لِلَّهِ أَبْرَقَ يَقْرَبُ إِلَيْهِ فَلَمْ يَرْجِعُنَّ إِلَيْهِمْ أَنْجَوْنَاهُمْ
أَنْجَوْنَاهُمْ وَلَمْ يَرْجِعُنَّ إِلَيْهِمْ مِّنْ خَرْبَاتِهِمْ إِلَيْهِمْ لَا يَرْجِعُنَّ إِلَيْهِمْ إِلَّا حِلْمَانَ وَسَلَمَ

Maksud hadis:

Ibu Mas'ad meriwayat bahawa Rasulullah SAW bersabda, Aku telah bertemu dengan Ibrahim pada malam aku diisrahkan, lalu dia berkata, “Wahai Muhammad! Sampaikan salamku kepada umatmu dan beritahu mereka bahawa Syurga adalah lembah rata dan pohnnya adalah (فَرْخَةٌ إِلَّا بَهِلَّهُ الْعَطْنَى سَتَخْدَمُهُ اللَّهُ وَالْمُنْذَنُ بِهِ لَا يَرْجِعُ إِلَيْهِ أَنْجَوْنَاهُمْ وَلَا حُنْلُ وَلَا

(al-Mu-barakfuri, Tuhfah al-Ahwadhi bi Sharh Jam'i al-Tirmidhi, bab-bah doa Rasulullah SAW, bil. 3693, jil. 9, hlm.

302 ; al-Tabrani, *al-Mu'jam al-Kabir*, bil. 10363, jil. 10, hlm. 173 & al-Tabrani, *Mu'jam al-Awsat*, bab orang yang bernama 'Ali, bil. 4170, jil. 4, hlm. 451).

²⁹²Lihat nota kaki bil. 290.

²⁹³Firman Allah SWT:

فَذَكِّرُوا إِنْ تَقْعُدُوا إِلَّا كُنْتُمْ بِهِ مُحْشَأْنِي

“Oleh sebab itu berikan peringatan kerana peringatan itu bermanfaat; Orang yang takut (kepada Allah) akan mendapat pelajaran.”

(Al-Quran, *al-A'la* 87: 9-10).

²⁹⁴Firman Allah SWT:

أَفَغَيْرِ دِينِ أَكْثَرِ الْمُتَغَيِّرِينَ وَلَا: أَنْتُمْ تَنْهَا فِي الْأَسْمَوَاتِ وَالْأَرْضِ طَرَقًا وَمَتَزَاهِيًّا إِلَيْهِ يُرْجَعُونَ

Maksud ayat:

“Maka apakah mereka mencari agama yang lain dari agama Allah, padahal kepada-Nyalah segala apa yang di langit dan di bumi menyerahkan diri, baik dengan suka maupun terpaksa dan hanya kepada Allah-lah mereka dikembalikan.”

(Al-Quran, Ali 'Imran 3: 83)

²⁹⁵Sabda Rasulullah SAW:

مَنْ لَمْ يَعْرِفْ لِلَّهِ بِمُنْخِيْرِهِ فَإِنَّمَا زَعْلُهُ مَنْ حَلَّ لَهُ بِمُنْخِيْرِهِ إِنَّمَا اكْفَافُكُمْ بِمُنْخِيْرِهِ فَلَمْ يَلْبِدْ رَبُّكُمْ بِمُنْخِيْرِهِ فَإِنَّمَا عَلَيْهِمْ فَلَمْ يَلْبِدْ رَبُّكُمْ بِمُنْخِيْرِهِ فَإِنَّمَا عَلَيْهِمْ حَسِيبٌ مُنْخِيْرُهُمْ مُنْخِيْرُكُمْ

Maksud hadis:

‘Abd Allah bin Mas’ud r.a. berkata bahawa Rasulullah SAW bersabda, “apabila binatang kamu terlepas di padang pasir, maka hendaklah dia menyeru, wahai hamba Allah! berhentilah ke atasku, wahai hamba Allah! berhentilah ke atasku,” sesungguhnya bagi Allah di bumi itu makhluknya yang hadir dan akan menghentikannya untuk kamu.”

(Al-Tabrani, *al-Mu'jam al-Kabir*, bil. 10518, jil. 10, hlm. 217)

²⁹⁶Menurut Imam al-Nawawi, doa dengan *zahr al-Ghaib* bermaksud mendoakan seseorang semasa ketidaaninya dan dalam keadaan rahsia. Ia adalah doa yang mustajab kerana lebih iklas. Abu al-Darda' r.a. meriwayat bahawa Rasulullah SAW bersabda:

”مَا مِنْ عَيْدٍ مُسْلِمٌ يَسْأَلُ لِأَخْرَى بِظَهَرِ الْعَيْبِ إِلَّا قَالَ أَنْكَلَكَ وَلَكَ عَطْلٌ“

Maksud hadis:

“Tiadalah seorang hamba Muslim berdoa untuk saudaranya secara *zahr al-ghaib* melainkan malaikat akan berkata kepadanya, “dan untukmu seumpamanya” (al-Naysaburi, *Sahih Muslim*, kitab zikir, doa, taubet dan istighfar, bab kelebihan doa dengan *zahr al-Ghaib* untuk orang Islam, no. hadis 2731).

Dalam satu riwayat dinyatakan:

”دُعَةُ الْذِي أَشْتَهَى لِأَجْهَدْ بِسْطَرْ فَقَبَرْ، مُتَكَبِّدْ عَنْ رَأْيِهِ، كَمْ نَوْجَعْ كُلُّمَا دَلَّ لِأَجْهَدْ بِنْتَ قَلْمَلَلَةَ النَّوْجَعْ بِهِ أَجْهَدْ وَلَكَ عَلَيْهِ“.

Maksud hadis:

“Doa seorang Muslim untuk saudaranya secara *zahr al-Ghaib* adalah mustajab, di sisi kepalanya terdapat malaikat yang diwakilkan, setiap kali dia berdoa untuk saudaranya dengan kebaikan maka malaikat tersebut akan berkata, “amin, dan untukmu seumpamanya” (al-Naysaburi, *Sahih Muslim*, kitab zikir, doa, taubat dan istighfar, bab kelebihan doa dengan *zahr al-Ghaib* untuk orang Islam, no. hadis 2733, jil. 4, hlm. 1663, riwayat Umm al-Darda’).

²⁹⁷Firman Allah SWT:

لَوْ أَلْبَرْ حَتَّىٰ تُفْقَدُوا مَا تَحْكُمُونَ ۖ وَنَأْتُبِقُوا مِنْ مَنْيٍٗ فَإِنَّ اللَّهَ يَعْلَمُ بِمَا يَصْنَعُونَ

Maksud ayat:

“Kamu sekali-kali tidak sampai kepada kebajikan (yang sempurna), sebelum kamu menafkahkan sebagian harta yang kamu cintai; dan apa saja yang kamu nafkahkan maka sesungguhnya Allah Maha Mengetahuinya.”

(Al-Quran, Ali ‘Imran 3: 92)

²⁹⁸*Al-Mujahadah* bermaksud memerangi nafsu yang mendorong kepada kejahanatan (*al-Nafs al-Ammarah bi al-su’*) dengan menahan godaan-godaannya melalui perkara-perkara yang dituntut oleh syarak. Ia adalah perjuangan kerohanian yang berterusan untuk melawan hawa nafsu dan pelbagai kecenderungannya (Ali bin Muhammad al-Sayyid al-Sharif al-Jurjani, *Kitab al-Ta’rifat*, Dar al-Rashad, Qahirah, t.th. hlm. 231) & (Amatullah, hlm. 190).

²⁹⁹Firman Allah SWT:

أَنَّهُرَّ أَنَّهُرَّ بَشِّحُ لَهُ مِنْ فِي الْكَسْوَرِ وَالْأَرْضِ وَالْأَطْرُوْسَهْ كُلُّهُ لَهُ سَلَامٌ وَقَبْسَهُ، وَأَنَّهُ عَلَيْهِ مَا يَعْلَمُ كَمْ يَعْلَمُ

Maksud ayat:

“Sesungguhnya telah berjayaalah orang beriman; (iaitu) orang yang khusuk dalam sembahyangnya.”

(Al-Quran, al-Mu’minun 23: 2)

³⁰⁰Firman Allah SWT:

عَنِ الْعَنْتَبِ قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ - صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: ”دِبْخَةُ النَّسْلِمِ خَلَلَ ذِكْرَ اسْمِ اللَّهِ أَعُوْذُ بِكَذْبِهِ“

Maksud ayat:

Tidaklah kamu ketahui bahawa untuk Allah-lah apa yang di langit dan di bumi bertasbih kepada-Nya; dan burung (juga bertasbih kepada-Nya) dengan mengembang sayapnya; sesungguhnya Dia telah mengetahui (cara) sembahyang

dan tasbihnya masing-masing; dan Allah Maha Mengetahui apa yang mereka kerjakan.”

(Al-Quran, al-Nur 24: 41)

³⁰¹ Sabda Rasulullah SAW:

فَدَأْلِحَ الْمُؤْمِنُونَ إِلَيْهِ الْبَرَىءَةِ فِي صَلَاحَةِ حَبْلِ عَرَبِنَاتِ

Al-Salt berkata bahawa Rasulullah SAW bersabda, “Sembelihan orang Islam adalah halal, sama ada dia menyebut nama Allah ataupun tidak” (Al-Baihaqi, *al-Sunan al-Kubra*, kitab perburuan dan sembelihan, bab firman Allah SWT “Dan janganlah kamu makan apa yang tidak disebutkan nama Allah padanya,” bil. 18895, jil. 9, hlm. 402).

³⁰² Wijdan bererti perasaan indah dan serunok. Dalam istilah tarekat, ia bermaksud menemukan. Ia berasal daripada perkataan yang sama dengan wujud. Wujud ialah menemukan (wijdan) kebenaran (haqq) di dalam kemabukkan (wajd) (Amatullah, hlm. 320).

³⁰³ Beliau ialah Muhammad bin Abi Bakr bin Rashid al-Baghdadi al-Shafi'i. Beliau telah mengarang qasidah yang memuji Rasulullah SAW dan disusun mengikut huruf-huruf hija'iyah yang diberi nama *al-Witrriyyah Qasa'id Fi Madh Khayr al-Bariyyah*. Beliau wafat pada 266H. Qasidah *al-Witrriyyah* ini kemudiannya telah disusun menjadi lima tangkap-lima rangkap (takhmis) oleh Muhammad bin 'Abd al-'Aziz bin al-Waraq ibn Majd al-Din ibn Muhammad 'Abd al-Malik al-Iskandari ibn Sha'bani al-Lakhni setelah beliau bermimpi bertemu Rasulullah SAW dan memperolehi izin daripada Baginda. Dalam mimpi tersebut beliau telah membacanya secara takhmis dari awal qasidah sehingga akhirnya di hadapan Rasulullah SAW. Setelah secar daripada tidurnya beliau terus menuis qasidah tersebut dan dinamakan *Takhmis al-Qasa'id al-Witrriyyah Fi Madh Khayr al-Bariyyah*. (Muhammad bin 'Abd al-'Aziz bin al-Waraq, *Takhmis al-Qasa'id al-Witrriyyah Fi Madh Khayr al-Bariyyah*, Maktabah Mustafa al-Halabi Wa Awladuh, Misr. Cet. 2, 1949, hlm. 2-4).

³⁰⁴ Muhammad bin 'Abd al-'Aziz bin al-Waraq, *Takhnis al-Qasa'id al-Witrriyyah Fi Madh Khayr al-Bariyyah*. Maktabah Mustafa al-Halabi Wa Awladuh, Misr. cet. 2, 1949, hlm. 32.

³⁰⁵ Rahmat Allah SWT yang meliputi kita. Kita tenggelam dalam rahmat dan kasih sayang Allah. Setiap langkah dalam perjalanan kembali menuju Allah adalah dengan rahmat-Nya (Amatullah, hlm. 117).

³⁰⁶ Firman Allah SWT:

وَلَا تُقْسِطُوا إِنَّ الْأَرْضَ لَعَدِ اصْلَاحِنَا وَلَا غَرْغَرٌ حَرَقَ دَطْعَمَعَ إِنْ رَحْمَتُ اللَّهِ كُرْبَاسَ مِنَ الْمُخْسِنِينَ

Maksud ayat:

Dan janganlah kamu membuat kerosakan di muka bumi, sesudah (Allah) memperbaikinya dan berdoalah kepada-Nya dengan rasa takut (tidak akan diterima) dan harapan (akan dima'bulkan); Sesungguhnya rahmat Allah amat dekat kepada orang yang berbuat ihsan.”

(Al-Quran al-A'raf 7: 56)

³⁰⁷ Firman Allah SWT:

إِنَّمَا حُسْنُكُمْ إِذَا دَعَوْتُمُ اللَّهَ أَغْرِيَتُمْنِي الْحُجَّةُ بِمَا يَقُولُونَ لَا تَعْلُوْ أَعْلَمُ وَأَنْوَفُنِي مُسْتَعْلِمُنِي

Maksud ayat:

Sesungguhnya surat itu dari Sulaiman dan sesungguhnya (isinya ialah) “Dengan menyebut nama Allah yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang”, bahawa janganlah kamu sekalian berlaku sombong terhadapku dan datanglah kepadaku sebagai orang yang berserah diri.”

(Al-Quran, al-Naml 27: 30-31)

³⁰⁸ Firman Allah SWT:

وَقُلْ لِلَّهِ أَذْخُنْيَ مَذْكُورًا فَلَا يُخْرِجُ عَلَيْهِ حَدْبَرًا وَلَا يَنْهَا مِنْ كُلِّ ذِكْرٍ مُّلْكَنِي هُنْمَرًا وَلَا يَنْهَا الْحَقَّيْرَ مِنْ السَّطْرِ إِنَّ الْعَالَمَ كَذَّابٌ كَذَّابُهُ مُكَذَّبٌ

Maksud ayat:

Dan katakanlah, “Wahai Tuhan-ku, masukkan aku secara masuk yang benar dan keluarkan (pula) aku secara keluar yang benar dan berikan kepadaku dari sisi Engkau kekuasaan yang menolong.” Dan katakan: “Yang benar telah datang dan yang batil telah lenyap”; sesungguhnya yang batil itu pasti akan lenyap.”

(Al-Quran, Al-Isra' 17: 80-81)

³⁰⁹ Kemuliaan dan kekeramatannya. Ia adalah suatu keistimewaan tertentu yang dimiliki oleh para wali Allah dan orang soleh (M. Solihin & Rosihon Anwar, h.m. 111).

³¹⁰ Solat sunat dua rakaat apabila memasuki masjid pada selain waktu yang dimakruhkan solat melainkan pada mazhab al-Shafi'i kerana ia adalah solat yang bersebab. (³¹¹ Abd al-Qadir al-Rabbawi, *al-Solah 'ala al-Madhabib al-Arbacah*, Dar al-Salam, al-Qahirah. Cet. 4, 1986, hlm. 181).

³¹¹ Beliau ialah Abd al-Rahman bin Abu Bakr bin Muhammad bin Sabiq al-Din al-Khudayri al-Sayyuti, Jalal al-Din. Lahir pada 849H/1445M. dan dibesarkan di Qahirah dalam keadaan yatim. Ketika berusia empat puluh tahun beliau telah mengasingkan diri di Rawd al-Miqyas di Nil dengan tujuan menulis kitab-kitab. Beliau telah merghasilkan karya yang banyak, di antaranya *al-Iqan Fi 'Ulum al-Qur'an*, *Bughyah al-Wusat*, *Tarikh al-Khulafa*, *Iadrrib al-Rawi*, *al-Jami' al-Saghir*; *Jam' al-Jawami'* dan *al-Hawi li al-Fatawa*. Beliau meninggal dunia pada 911H/1505M. di Qahirah (Al-Zirikli, jil. 3, hlm. 301-301).

³¹⁰Firman Allah SWT:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلِّوْنَ عَلَى الْنَّبِيِّ يَوْمَ الْقِيَامَةِ إِنَّمَا أَنْذَرْنَاكُمُ الْعِظَمَاتِ

Maksud ayat:

Sesungguhnya Allah dan para malaikat-Nya berselawat untuk Nabi, "Wahai orang yang bermanfaat! Berselawatlah kamu untuk Nabi dan ucapkanlah salam penghormatan kepadanya."

(Al-Quran, al-Ahzab 33: 56)

³¹¹Beliau ialah Muhammad bin Isma'el bin Muslim bin Abi Fudayk, Dinar al-Dayli. Menurut al-Bukhari, beliau meninggal dunia pada 200H. Ibn Mu'in menyatakan bahawa beliau seorang yang dipercaya (thiqah) (Ahmad ibn Hajar al-'Asqalani, *Tadhhib al-Tadhhib*. Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi, 1993, jil. 5, hlm. 41-42).

³¹²Beliau ialah 'Abd Allah bin Abi al-Quhafah Uthman bin 'Amir bin 'Umar bin Ka'ab al-Taymi al-Qurashi, Abu Bakr. Beliau adalah Khulafa' al-Rashidin yang pertama dan orang yang mula-mula memeluk Islam daripada kalangan lelaki. Beliau adalah golongan hartawan dan pembesar Arab. Lahir di Mekah tahun ke-51 sebelum Hijrah. Mendapat gelaran al-Siddiq disebabkan beliau membenarkan apa yang dikhabar oleh Nabi SAW dalam peristiwa Isra' dan Mi'raj. Selepas kewafatan Rasulullah SAW, beliau dilantik sebagai khalifah yang pertama pada tahun 11 Hijrah dan mengambil inisiatif memerangi golongan murtad dan tidak mahu mengeluarkan zakat. Di zamannya telah dibuka Sham dan sebahagian daripada Iraq. Beliau meninggal dunia pada 131H/634M. (Abu 'Umar Yusuf bin 'Abd Allah bin Muhammad bin 'Abd al-Barr al-Qurtubi, *al-Istiqâfah Fi Ma'rifah al-Ashab*. Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, Bayrut, 1995, Cet. 1, jil. 4, hlm. 177-178) (Al-Zirikli, jil. 4, hlm. 102).

³¹³*Tawassul* diambil daripada perkataan *al-Wasilah*. Wasilah ialah suatu amalan yang dikemukakan oleh seorang Muslim terhadap sesuatu yang diketahui kinya agar dia dapat memperolehnya. Ia adalah *tagarrub* (penghampiran diri) kepada Allah melalui amalan soleh sama ada semata-mata untuk mendekatkan diri kepada Allah dan memperoleh kedudukan yang tinggi di sisi-Nya atau untuk memperlehi sesuatu hajat yang bermanfaat dan menolak kemudaratian (Abu Bakr al-Jaza'iri, *Aqidah id-Mu'min*. Dar al-Bayan al-'Arabi, Qahirah, 1990, hlm. 96).

³¹⁴Beliau ialah Amir al-Mu'minin Ibn al-Nufail bin 'Abd al-'Uzza bin Rabah bin 'Abd Allah bin Qurt bin Razah bin 'Adiy bin Ka'ab al-Qurashi al-Adawi, Abu Hafs 'Umar bin al-Khattab. Dilahirkan tiga belas tahun selepas Tahun Gajah di Mekah iaitu kira-kira tahun ke-40 sebelum hijrah bersamaan 584M.. Beliau adalah antara pembesar dan pahlawan Quraish. Beliau telah memeluk Islam dengan keberkatan doa Nabi SAW dan keislamaninya telah memberikan kekuatan kepada Islam. Beliau dilantik sebagai khalifah Islam kedua selepas kewafatan

Saidira Abu Bakr. Di zaman pemerintahannya, beliau telah berjaya membuka Sham, Iraq dan Mesir. Beliau meninggal dunia di Madinah pada 23H./644M. (Abu 'Umar Yusuf bin 'Abd Allah bin Muhammad bin 'Abd al-Barr al-Qurtubi, *al-Istibab Fi Ma'rifah al-Ashab*, Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, Bayrut, 1995, Cet. 1, jil. 3, hlm. 235-236) (Al-Zirikli, jil. 5, hlm. 45).

³¹⁷ Usul membawa beberapa pengertian, iaitu tujuan, azam, kehendak, adab, yakin, mesra, zikir, miskin, kaya dar: maksud (Rafiq al-'Ajam, *Mawsū'ah Mustalahāt al-Tasawwuf al-Islāmī*, Maktabah Lubnan, Bayrut, 1999, hlm. 69).

³¹⁸ Al-Asqalani, *Fath al-Bari Sharh Sahih al-Bukhari*, kitab Tauhid, bab Arash-Nya di atas air dan Dialah Tuhan Arash yang agung, hil. 7422, jil. 13, hlm. 497; Sunan Ibn Majah, *kitab Muquddimah*, bab apa yang diingkari oleh al-Jahamiyyah, bil. 189, jil. 1, hlm. 107; Ibn Hanbal, *Musnad Ahmad*, bil. 7187, jil. 12, hlm. 467.

³¹⁹ Firman Allah SWT:

لَوْلَا جَاءَكُم مِّنْ أَنفُسِكُمْ كَايِدُوكُمْ فَلَمْ يَرْجِعُوكُمْ إِلَيْهِ أَنْ هُنَّ مِنْ نَّاسٍ مُّنِيبٍ وَمَنْ يَتَبَّعْ هُنَّ أَقْرَبُهُمْ إِلَيْهِمْ وَمَنْ يَنْتَهِيْ هُنَّ أَقْرَبُهُمْ إِلَيْهِمْ فَلَمْ يَرْجِعُوكُمْ إِلَيْهِ أَنْ هُنَّ أَقْرَبُهُمْ إِلَيْهِمْ

Maksud ayat:

“Apabila orang yang beriman kepada ayat-ayat kami itu datang kepadamu, maka katakan: “Salamu alaykum” (mudah-mudahan Allah melimpahkan kesejahteraan atas kamu). Tuhanmu telah menetap atas diri-Nya kasih sayang, (iaitu) bahawasanya sesiapa yang berbuat kejahatan di antara kamu lantaran kejahilan, kemudian ia bertaubat selelah mengerjakannya dan mengadakan pemberian, maka sesungguhnya Allah Maha Perampun lagi Maha Penyayang.” (Al Quran, al-An'am 6: 54).

³²⁰ Firman Allah SWT:

قَالَ لَا تَنْبَغِي عَلَيْكُمْ الْوَرْمَ بَغْفِرَةُ اللَّهِ لَكُمْ وَهُوَ أَنْحَمُ الْأَرْضِ مَعَكُمْ

Maksud ayat:

Dia (Yusuf) berkata: “Pada hari ini tidak ada cercaar terhadap kamu, mudah-mudahan Allah mengampuni (kamu), dan dia adalah Maha penyayang di antara para penyayang.”

(Al-Quran, Yusuf 12: 92)

³²¹ Orang-orang yang melalui jalan kerohanian. Mereka adalah orang yang sedang berusaha bersungguh-sungguh untuk mencapai darja: *ahlilLah* (Amatullah, hlm. 296).

³²² Berbagai-bagai anugerah keajaiban yang dikurniakan Allah SWT kepada para wali-Nya. Keramat berhcza dengan mukjizat yang dikurniakan kepada para Nabi kerana keramat cisembunyikan manakala mukjizat ditunjuk agar dapat menyeru manusia kepada kebenaran. Anugerah yang paling besar ialah pengetahuan tentang Allah SWT (Amatullah, hlm. 136).

¹²³Wilayah, langit atau alam (Amatullah, hlm. 65)

¹²⁴Firman Allah SWT:

لَا إِلَهَ مِنْ دُنْعِيْ هَذَا إِنْ تَدْرِكُ الْأَقْسَمُ وَالْأَنْبَرُ وَكُلُّ فِلَاقٍ يَتَسْجُوْرُ بِكَوْنِيْ

Maksud ayat:

“Tidaklah mungkin bagi matahari mendapat bulan dan malampun tidak dapat mendahului siang; dan masing-masing beredar pada garis edarnya (yang telah ditentukan)” (Al-Quran, Yasin 36: 40).

¹²⁵Nur bererti cahaya. Ia adalah cahaya ciptaan yang memancar dari cahaya Allah SWT. Cahaya Allah mestilah sesuai dengan cahaya yang terdapat di dalam hati. Jika ada kegelapan dalam hati ia tidak akan dapat menyesuaikan diri dengan cahaya dari Allah” (Amatullah, hlm. 219).

¹²⁶Naik menuju ke hadrah Ilahi. Ia adalah kenaikan yang tertinggi seorang hamba kepada Allah SWT. (Amatullah, 182).

¹²⁷Firman Allah SWT:

كُلُّ شَرِيدٍ هُوَ لَا وَفِيلُ لَا وَمِنْ عَطَابِ رَبِّكَ وَمَا كَانَ عَمَلاً هُوَ لَا وَفِيلُ لَا وَمِنْ عَطَابِ رَبِّكَ

Maksud ayat:

“Kepada masing-masing golongan, sama ada golongan ini atau golongan itu, kami berikan bantuan dari kemurahan Tuhanmu; dan kemurahan Tuhanmu tidak dapat dihalangi.”

(Al-Quran, al-Isra' 17: 20)

¹²⁸Berdasarkan hadis:

عَنْ عَلَيْيَ زَيْنَ الْكِبَرِ أَنَّهُ قَدْ أَتَاهُ اللَّهُ عَزَّ وَجَلَّ مَنْهُ أَنْ يَكُونَ لَهُ رَحْمَةٌ فِي الدُّنْيَا وَرِحْمَةٌ فِي الْآخِرَةِ فَإِنَّمَا يَعْلَمُ اللَّهُ عَزَّ وَجَلَّ مَنْ يَكُونُ لَهُ رَحْمَةٌ فِي الدُّنْيَا وَرِحْمَةٌ فِي الْآخِرَةِ مِنْ أَنْفُسِهِنَّ إِنَّمَا يَعْلَمُ اللَّهُ عَزَّ وَجَلَّ مَنْ يَكُونُ لَهُ رَحْمَةٌ فِي الدُّنْيَا وَرِحْمَةٌ فِي الْآخِرَةِ

Maksud hadis:

“Ali r.a. berkata, kami bersama dengan Rasulullah SAW di Baqī’ al-Gharqad kerana urusan satu jenazah, lalu Baginda SAW bersabda, “Tiadalah seseorang daripada kamu melainkan Allah telah menentukan tempatnya di syurga dan tempatnya di neraka.” Mereka bertanya, “Wahai Rasulullah SAW, apakah kami hanya bertawakal?” Baginda menjawab, “Beramallah, kerana semuanya dipermudahkan untuk tujuan tersebut ... (Al-Asqalani, *Fath al-Bari Sharh Sahih al-Bukhari*, kitab tafsir al-al-Qur'an, bab “maka Kami permudahkannya untuk “yusra”, bil. 4946, jil. 8, hlm. 918; Al-Naysaburi, *Sahih Muslim*, kitab al-Qadr, bab cara penciptaan anak adam dalam kandungan ibunya dan dituliskan rezeki dan ajalnya, bil. 2647, jil. 4, hlm. 1618; *Sunan Abu Daud*, kitab al-sunnah, bab al-Qadr, bil. 4709, jil. 4, hlm. 2012; al-Mubarakfuri, *Tuhfah al-Ahwadhi bi Sharh Jamī‘ al-Tirmidhi*, al-Qadr daripada Rasulullah SAW, bab mengenai celaka dan bahagia, bil. 2062; *Sunan Ibn Majah*, kitab Muqaddimah, bab al-Qadr, bil. 78, jil. 1, hlm. 66 & Ibn Hanbal, *Musnad Ahmad*, bil. 19, jil. 1, hlm 199-200).

³²⁹Firman Allah SWT:

وَلَا تَنْهُوا بِأَنَّمَا أَنْتُمْ خَسِمٌ وَالْعَذَابُ عَلَيْهِ أَبْشِرْتُكُمْ إِنَّمَا يُنْهَا فِي نَارِ جَهَنَّمَ الَّتِي أَنْهَى إِلَيْهِ رَجُلًا وَلَا إِنْسَانًا وَلَا أَنْثِيَ إِلَّا لَهُ

Maksud ayat:

Dan (ingatlah), ketika kamu berkata kepada orang yang Allah telah melimpahkan nikmat kepadanya dan kamu (juga) telah memberi nikmat kepadanya: "Tahanlah terus isterimu dan bertakwalah kepada Allah," sedang kamu menyembunyikan di dalam hatimu apa yang Allah akan menyatakan, dan kamu takut kepada manusia, sedang Allah-lah yang lebih berhak untuk kamu ta'cuti..."

(Al-Quran, al-Ahzab 33: 37)

³³⁰Sejenis ubat yang sangat kuat kesannya (*Kamus Besar Arab Melayu*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 2006, hlm. 628)

³³¹Firman Allah SWT:

وَإِنَّمَا حَلَقَ كُرَبَّةً مَا تَعْمَلُونَ ﴿٣٧﴾

Maksud ayat:

"Dan Allah-lah yang mencipta kamu dan apa yang kamu perbuat itu."

(Al-Qur'an, al-Saffat 37: 96)

³³²Firman Allah SWT:

فَلَمَرْدِقَ بِالشَّنْطَافِ وَلَيْسُوا أُجْوَهَكُمْ عَدَمْ سُلْطَانٍ مُّنْزَلٍ مَّا يَرَوْنَ وَأَذْغُرَهُ مُخْلَصِّهِ لَهُ الْأَنْجَانُ كَمَا يَنْدَمُكُمْ تَنْهُونَ ﴿٢٩﴾

Maksud ayat:

Katakanlah: "Tuhanmu menyuruh melaksanakan keadilan" dan (katakanlah): "Luruskan mukamu (tumpulkanlah perhatianmu) di setiap solat dan sembahlah Allah dengan mengikhlaskan ketaatanmu kepada-Nya. sebagai mana dia telah mencipta kamu pada permulaan (demikian pulalah kamu akan kembali kepada-Nya)."

(Al-Qur'an, al-A'raf 7: 29)

³³³Al-Qayyum bererti Yang Maha Berdiri Sendiri. Al-Qayyumiyyah pula ialah yang disandarkan kepada sifat al-Qayyum dan membawa erti sesuatu yang memiliki sifat al-Qayyum. (Amatullahi, hlm. 227).

³³⁴Al-Qur'an, Ali 'Imran 3: 7.

³³⁵Firman Allah SWT:

وَمَا يَنْفَعُونَ مِنْ حَمْرَةٍ فَلَنْ يُحْكِمُ فَرْوَهُ وَإِنَّهُ عَلَيْهِ بِالْمُقْبِلِينَ ﴿١١٥﴾

Maksud ayat:

"Dan apa saja kebaikan yang mereka kerjakan, maka sekali-kali mereka tidak dihalanginya (untuk menerima pahala); dan Allah Maha Mengetahui terhadap orang-orang yang bertakwa."

(Al-Qur'an, Ali 'Imran 3: 115)

³³⁶Firman Allah SWT:

الْحَجَّ أَنْهِيَّ تَعْلُمُتُكُمْ فِيمَا فِي حُجَّتِكُمْ إِنَّمَا يَرِدُ لِلْأَفْسُورَتِ لَا جَدَالٌ فِي الْحَجَّ إِنَّمَا تَعْلَمُونَ مِنْ حَجَّتِكُمْ وَمَا تَرَوْنَ إِنَّمَا يَرِدُ لِلْأَفْسُورِ
الْأَفْسُورِيُّ وَالْأَفْسُورُونَ وَالْأَفْسُورِيُّ الْأَكْبَرِيُّ

Maksud ayat:

"(Musim) haji adalah beberapa bulan yang dimaklumi, siapa yang menetapkan niatnya dalam bulan itu akan mengerjakan haji, maka tidak boleh menjiduri isteri, berbuat fasik dan berbantah-bantahan dalam masa mengerjakan haji; dan apa yang kamu kerjakan berupa kebaikan, nescaya Allah mengetahuinya; sediakanlah bekaan, dan sesungguhnya sebaik-baik bekal adalah ta'awwud dan bertakwalah kepada-Ku wahai orang yang berakal."

(Al-Quran, al-Baqarah 2: 197)

³³⁷Al-Quran, al-Nisa' 4: 64.

³³⁸Firman Allah SWT:

وَمَا جَعَلْنَا الْأَنْجَانَ لِلْأَنْجَانِ وَمَا جَعَلْنَا الْمَنَّ كَفُورًا لِلْمَنَّ كَفُورًا إِنَّمَا يَنْهَا أَنَّكُمْ تُزَادُونَ إِنَّمَا يَنْهَا أَنَّكُمْ تُزَادُونَ
الْكَفُورَ وَالْمُؤْمِنَةَ قَاتِلُوْنَ أَنْهَىٰهُنَّ بِهِنَّ هُنَّ أَنْهَىٰهُنَّ كَذَّابُ الْأَنْجَانِ ۖ إِنَّمَا يَنْهَا أَنَّهُنَّ مُنْذَرُونَ
إِنَّمَا يَنْهَا أَنَّهُنَّ مُنْذَرُونَ ۖ إِنَّمَا يَنْهَا أَنَّهُنَّ مُنْذَرُونَ

Maksud ayat:

Dan tiada kami jadikan penjaga neraka itu melainkan daripada malaikat; dan tidaklah kami menjadikan bilangan mereka itu melainkan untuk jadi cubaan bagi orang kafir, supaya orang yang diberi al-Kitab menjadi yakin dan supaya orang yang beriman bertambah imannya dan supaya orang yang diberi al-Kitab dan orang Mukmin itu tidak ragu-ragu dan supaya orang yang di dalam hatinya ada penyakit dan orang kafir (mergatakan): "Apakah yang dikehendaki Allah dengan bilangan ini sebagai suatu perumpamaan?" Demikianlah Allah membiarkan orang yang dikehendaki-Nya sesat dan memberi petunjuk kepada siapa yang dikehendaki-Nya; dan tidak ada yang mengetahui tentara Tuhanmu melainkan Dia sendiri dan tiada Saqar itu melainkan hanyalah peringatan bagi manusia".

(Al-Quran, al-Muddaththir 74: 31)

³³⁹Al-Quran, al-Nisa' 4: 64.

³⁴⁰Al-Quran, Ali 'Imran 3: 115.

³⁴¹Al-Quran, Ali 'Imran 3: 115.

³⁴²Firman Allah SWT:

فِي صُنُوبٍ نَّكِيرٍ ۚ إِنَّ رُفْعَةَ الْمُطْهَرِ ۗ إِنَّمَا يَنْهَا سَفَرِكُوْنَ ۖ إِنَّمَا يَنْهَا سَفَرِكُوْنَ

Maksud ayat:

“Di dalam kitab-kitab yang dimuliakan; Yang ditinggikar lagi disucikan; Di tangan para penulis (malaikat); Yang mulia lagi berbakti.” (Al-Quran, ‘Abasa 80: 13-16).

³⁴³Al-Quran, al-Isra’ 17: 20.

³⁴⁴Hijab bererti tirai. Ia adalah sesuatu dari diri manusia yang menyembunyikan dan menutupi Allah, bentuk lahiriah dari sesuatu memtitip makna batiniah (Amatullah, hlm. 95)

³⁴⁵Tuhan segala tuhan. Setiap sesuatu mempunyai tuhan masing-masing. Mereka yang tersesat diredhai tuhan mereka sendiri tetapi dilaknat oleh Allah. Tuhan segala sesuatu ialah wajah tertentu yang Allah palingkan kepadanya. sebilangan besar manusia merandang sebab-sebab sebagai tuhan-tuhan (arbah) mereka. Oleh itu mereka tidak menemukan Tuhan segala tuhan, iaitu Allah (Amatullah, hlm. 235).

³⁴⁶Al-Quran, al-Hashr 59: 9.

³⁴⁷Firman Allah SWT:

وَهُوَ الظَّاهِرُ فَوْقَ عِبَادٍ وَهُوَ الْحَكَمُ الْعَلِيُّ³⁴⁷

Maksud ayat:

“Dan dia lah yang berkuasa atas sekalian hamba-hamba-Nya; dan Dia lah yang Maha bijaksana lagi Maha mengetahui.”

(Al-Quran, al-An‘am 6: 18)

³⁴⁸Tirai, hijab atau penulup. Sesungguhnya Allah tidak meletakkan apa pun di balik tirai. Yang menutup kebenaran ialah kejahilan seorang hamba atau dirinya sendiri. Jika kedua-duanya hilang maka akan tersingkaplah kebenaran (Amatullah, hlm. 266).

³⁴⁹Firman Allah SWT:

لَا جُرْمَنَّا نَتَذَوَّجُونَ إِنَّمَا لَنَّا نُهُدُّ فِي الْأَجْرَ وَإِنَّ مُرْسَلَنَا إِلَيْهِ وَأَنَّ رَبَّ الْمُسْرِفِينَ هُنَّ أَصْحَّ حُكْمَاء³⁴⁹

Maksud ayat:

“Sudah pasti bahwa apa yang kamu seru supaya aku (berimarah) kepadanya tidak dapat memperkenankan seruan apapun sama ada di dunia maupun di akhirat; dan sesungguhnya kita akan kembali kepada Allah dan sesungguhnya orang yang melempari batas, mereka itu penghuni neraka.”

(Al-Quran, al-Ghafir 40: 43)

³⁵⁰Firman Allah SWT:

وَلَا تُنْسِرُوا إِنَّهُ لَا يُحِبُّ الْمُتَنَاهِرِينَ ﴿٣١﴾

Maksud ayat:

“... dan jangan kamu berlebih-lebihan. Sesungguhnya Allah tidak menyukai orang yang berlebih-lebihan” (Al-Quran, al-An'am 6: 141 dan al-A'raf 7: 31).

³⁵¹Sesuatu yang ada atau ditemukan. Ia berasal dari kata al-wujud. Hanya ada satu sahaja Wujud, iaitu Allah. Segala sesuatu meskipun belum ada di alam semesta tetapi telah adalah dalam ilmu Allah (Amatullah, hlm. 181).

³⁵²Berdasarkan maksud firman Allah SWT:

فَاصْدِعْ بِمَا تُؤْمِنُ وَأَعْرِضْ عَنِ الْمُشْرِكِينَ ﴿٣٢﴾

Maksud ayat:

“Maka sampaikan olehmu secara terang-terangan segala apa yang diperintahkan (kepadamu) dan berpalinglah dari orang yang musyrik” (Al-Quran, al-Hijr 15: 94).

³⁵³Ada, wujud atau penemuan. Jika dertiakan sebagai Wujud maka ia menunjukkan Zat Allah itu sendiri. Jika derti sebagai ada, maka ia menunjukkan segala sesuatu di alam semesta. Jika derti sebagai penemuan, maka ia bererti pengalaman menemukan Allah (Amatullah, hlm. 321).

³⁵⁴Rijal ialah manusia-mansusia sejati. Mereka adalah para wali Allah yang agung ... Rijal al-'Araf ialah orang yang mengetahui dan mengenal Allah SWT. Mereka manusia yang utuh dan sempurna serta dianugerahi Allah dengan pengetahuan Ilahi (macrifah) (Amatullah, hlm. 35 & 241).

³⁵⁵Al-Quran, al-Isra' 17: 20. Lihat nota kaki b.I. 300.

³⁵⁶Penaian diri atau peniadaan diri. Saat bertemu dengan Allah, manusia mengalami fana, ia adalah tahap terakhir dalam mi'raj kepada Allah SWT. Ketika melakukan perjalanan menuju Allah. Seorang murid melalui berbagai tingkatan fana' yang mendekatkan dirinya kepada tujuan (Amatullah, hlm. 66).

³⁵⁷Firman Allah SWT:

الَّذِي أَخْتَصَ كُلُّ شَيْءٍ بِخَلْقِهِ وَلَا أَخْلُقُ الْإِنْسَانَ فِيمَا طَعَنَ ﴿٣٣﴾

Maksud ayat:

“(Dia-lah) yang membuat segala sesuatu yang diciptakan-Nya dengan sebaik-baiknya dan (Dia-lah) yang memulai penciptaan manusia dari tanah.”

(Al-Quran, al-Sajadah 32: 7).

³⁵⁸Firman Allah SWT:

الَّذِي خَلَقَ مُجْمَعَ سَمَاوَاتٍ بِطَهَارَةٍ مَّا تَرَى فِي خَلْقِ الْأَنْجَنِيِّينَ مِنْ قَنْوَرَاتٍ فَإِذَا جَعَ الْبَصَرُ كَانَ كُوئِيْ بِهِنْ قَطُورٌ^{١٣}

Maksud ayat:

“(Dia-lah) yang telah mencipta tujuh langit berlapis-lapis; kamu sekali-kali tidak akan melihat pada ciptaan Tuhan yang Maha Pemurah sesuatu yang tidak seimbang; Maka lihat berulang-ulang, adakah kamu lihat sesuatu yang tidak seimbang?”

(Al-Quran, al-Mulk 67: 3)

³⁵⁹Firman Allah SWT:

إِنَّ رَبَّكَ الَّذِي خَلَقَ آثَمَيْنِ وَالْأَرْضَ إِنَّمَا أَنْتَ عَلَىَّ أَعْلَمُ بِمَا تَصْنَعُ إِنَّمَا يَعْلَمُ اللَّهُ الَّذِي يَعْلَمُ كُلَّ شَيْءٍ فَإِذَا دَعَاهُ إِنْسَانٌ فَلَا يَرَاهُ إِنْسَانٌ وَلَا يَرَاهُ جَنَّ

Maksud ayat:

“Sesungguhnya Tuhan kamu ialah Allah yang telah mencipta langit dan bumi dalam enam masa, lalu dia bersenayam di atas ‘Arsy. Dia menutupkan malam kepada siang yang mengikutinya dengan cepat, dan (dicipta-Nya pula) matahari, bulan dan bintang-bintang, (masing-masing) tunduk kepada perintah-Nya. Ingatlah, mencipta dan memerintah hanya hak Allah. Maha Suci Allah, Tuhan semesta alam”.

(Al-Quran, al-A‘raf 7: 54)

³⁶⁰Al-Quran, al-Baqarah: 2: 115.

³⁶¹Firman Allah SWT:

هُوَ الَّذِي خَلَقَ آثَمَيْنِ وَالْأَرْضَ إِنَّمَا أَنْتَ عَلَىَّ أَعْلَمُ بِمَا تَصْنَعُ إِنَّمَا يَعْلَمُ اللَّهُ الَّذِي يَعْلَمُ كُلَّ شَيْءٍ فَإِذَا دَعَاهُ إِنْسَانٌ فَلَا يَرَاهُ إِنْسَانٌ وَلَا يَرَاهُ جَنَّ

Maksud ayat:

“Dialah yang mencipta langit dan bumi dalam enam masa; kemudian Dia bersenayam di atas ‘Arsh; Dia mengetahui apa yang masuk ke dalam bumi dan apa yang keluar daripadanya dan apa yang turun dari langit dan apa yang naik kepada-Nya; dan Dia bersama kamu di mama saja kamu berada; dan Allah Maha Melihat apa yang kamu kerjakan.”

(Al-Quran, al-Hadid 57: 4)

³⁶²Firman Allah SWT:

وَاللَّهُ وَسْعَ عِلْمُهُ^{١٤}

Maksud ayat:

“... dan Allah Maha Luas (rahmat dan limpahan kurnia-Nya) lagi Maha Mengetahui” (Al-Quran, al-Baqarah 2: 247, 261 & 268, Ali ‘Imran 3: 73, al-Ma’idah 5: 54 & al-Nur 24: 32).

³⁶³Firman Allah SWT:

وَاللَّهُ غَيْرُ الْعَسْرَى وَالْأَرْضِ إِلَيْهِ يُرْجَعُ الْأَمْرُ كُلُّهُ فَإِنْ هُدَىٰ فَإِنَّمَا يُهْدِى عَبْدًا يَتَّقِيُّونَ سُورَةُ الْمُنْذِرِ

Maksud ayat:

Dan milik Al-lah-lah apa yang ghaib di langit dan di bumi; dan kepada-Nya lah dikembali semua urusan; Maka sembahlah Dia, dan bertawakallah kepada-Nya; dan Tuhanmu tidak sekali-kali jalai dari terhadap apa yang kamu kerjakan.”

(Al-Quran, Hud 11: 123)

³⁶⁴Kehidupan. Perjalanan rohani adalah pertumbuhan dan perkembangan jiwa yang menempuh perjalanan dari kegelapan menuju cahaya, dari kejahilan menuju pengetahuan dan dari kematian menuju kehidupan (hayah). Ini bererti menemukan kehidupan dalam Allah (Amatullah, hlm. 93).

³⁶⁵Firman Allah SWT:

وَاتْلُ نَاوِيَ إِلَيْكَ مِنْ سِجَّابِ رَبِّكَ لَا تُبَدِّلَ لِكَيْمَنَهُ وَلَنْ تَجِدَ مِنْ دُوَيْهِ مُلْكَهَ سُورَةُ الْكَاهِفِ

Maksud ayat:

“Dan bacakan apa yang diwahyukan kepadamu, iaitu Kitab Tuhannu (Al-Quran); tidak ada (seorangpun) yang dapat mengubah kalimat-kalimat-Nya; dan kamu tidak akan dapat menemukan tempat berindung selain-Nya.”

(Al-Quran, al-Kahf 18: 27)

³⁶⁶Firman Allah SWT:

فَتَعْلَمَ اللَّهُ الْمَلِكُ الْعَالِيُّ وَلَا تَعْجَلْ بِالْقُرْآنِ إِنْ قُتِلَ أَنْ يُنْظَمُ الْمُلْكُ وَحْمَهُ وَقُلْ رَبِّ رَبِّي عَلَيْهِ سُورَةُ طَهِّ

Maksud ayat:

Maka Maha tinggi Allah; Raja yang sebenar-benarnya, dan jangan kamu tergesa-gesa membaca al-Quran sebelum ia sempurna diwahyukan kepadamu; dan katakan, “Wahai Tuhanmu, tambahkan kepadaku ilmu pengetahuan.”

(Al-Quran, Ta Ha 20: 114)

³⁶⁷Takdir, bahagian atau kadar yang diberi kepada setiap sesuatu. Ia membawa maksud bahawa setiap se suatu berlaku dalam keadaan waktu tertentu dan diakibat oleh sebab tertentu (Amatullah, hlm. 223).

³⁶⁸Firman Allah SWT:

وَلَنْ تَجِدَ لِسْتَهُ أَنَّهُ يَنْدِيلُ سُورَةُ الْأَنْتَرِيُّ

Maksud ayat:

“... dan kamu sekali-kali tiada akan mendapatkan perubahan pada sunnah Allah.”

(Al-Quran, al-Ahzab 33: 62 & al-Fath 48: 23)

³⁶⁹Orang yang benar daratulus. Mereka adalah para wali dan sahabat-sahabat terbesar Allah (Awliya') (Amatullah, hlm. 261).

³⁷⁰Al-Habib ialah singkatan daripada Habib Allah. Nama ini hanya sesuai dan tepat untuk Nabi Muhammad SAW. Tiada seorang pun yang sampai kepada Allah sebagai peneinta-Nya sebelum menjadi kekasih-Nya. Lantaran itu, tiada seorang pun yang berjumpa dengan Allah SWT sebelum berjumpa dengan Nabi Muhammad SAW (Amatullah, hlm. 81).

³⁷¹Firman Allah SWT:

لَنْ يُؤْمِنُ عَدُوَّهُ بِمَا يَرَى إِذْ هُنَّ مُنْكَرٌ لِّلَّهِ وَرَبِّهِمْ فَيَقُولُونَ إِنَّمَا أَرَى رَبِّهِمْ بِأَنَّهُ مُخْلِسٌ لَّهُمْ إِنَّمَا يَرَى رَبِّهِمْ بِأَنَّهُ هُنَّ كَاذِبُونَ

Maksud ayat:

“Balasan mereka di sisi Tuhan mereka ialah syurga “*Adn* yang mengalir di bawahnya sungai-sungai; mereka kekal di dalamnya selama-lamanya. Allah reda terhadap mereka dan mereka juga redha kepada-Nya; yang demikian itu adalah (balasan) bagi orang yang takut kepada Tuhannya.”

(Al-Quran, al-Bayyinah 98: 8)

³⁷²Firman Allah SWT:

فَلَمَّا كَانَتِ الْأَنْتِيَفَيْنِ فِي أَهْلِنَا نَكَفِفُنَا عَذَابَ أَكْثَرِهِمْ مِّنْ أَنْ يَكُنْ مُّكَافَرٍ فَلَمَّا كَانَتِ الْأَنْتِيَفَيْنِ فِي أَهْلِنَا نَكَفِفُنَا عَذَابَ أَكْثَرِهِمْ مِّنْ أَنْ يَكُنْ مُّكَافَرٍ أَنْتَ بِعَنْتَنِي رَبِّنِي رَبِّنِي وَلَا تَكُونُنِي

Maksud ayat:

“Sesungguhnya kami dahulu, sewaktu berada di tengah-tengah keluarga kami merasa takut (akan ciazab). Maka Allah SWT memberikan kurnia kepada kami dan memelihara kami dari azab neraka. Sesungguhnya kami dahulu menyembah-Nya. Sesungguhnya Dialah yang melimpahkan kebaikan lagi Maha penyayang. Maka tetaplah memberi peringatan, dan disebabkan nikmat Tuhanmu, kamu bukanlah seorang tukang tenun dan bukan pula seorang gila.”

(Al-Quran, al-Tur 52: 26-29)

³⁷³Firman Allah SWT:

وَلَمَّا آتَيْنَا الْحُسْنَى قَدَّرُوا الْأَنْوَنَ مُجْدِرِينَ فِي أَنْتِيَفَيْنِ مُنْجَزُونَ مَا كَثُرُ أَعْمَلُو

Maksud ayat:

“Hanya milik Allah *Asma al-Husna*, maka bermohor kepada-Nya dengan menyebut *Asma al-Husna* ini dan tinggalkan orang-orang yang menyimpang dari kebenaran dalam (menyebut) nama-nama-Nya, kelak mereka akan mendapat balasan terhadap apa yang telah mereka kerjakan.”

(Al-Quran, al-A'raf 7: 180)

³⁷⁴Firman Allah SWT:

أَفَلَا يَرَوْنَ الْقُرْآنَ وَإِذْ كَانُوا مِنْ عِبَادِنَا فَلَمْ يَأْتُهُمْ بِأَخْطِفَةٍ سِكِّينٍ

Maksud ayat:

“Maka apakah mereka tidak memperhati dengan teliti tentang al-Quran? Kalau ia bukan dari sisi Allah, tentu mereka mendapati banyak percanggahan di dalamnya.”

(Al-Quran, al-Nisa' 4: 82)

³⁷⁵Segenap ciptaan dan mawjud (Amalullah, hlm. 139).

³⁷⁶Firman Allah SWT:

يَا أَيُّهُ الَّذِينَ دُرْجُوكُمْ بِالْأَسْمَاءِ مَنْ يَعْمَلُ مَا شَاءَ وَمَا أَوْسَعَ لَهُ مَا أَنْزَلَ اللَّهُ هُنَّ مِنْ سُلْطَنٍ إِنَّ الْحُكْمَ إِلَّا لِلَّهِ أَمْرُ
الَّذِينَ لَا يَعْبُدُونَ إِلَّا نَحْنُ دَلِيلُ الْأَنْوَافِ وَلَكُمْ أَصْحَاحُ النَّاسِ لَا يَعْلَمُونَ

Maksud ayat:

“Kamu tidak menyembah selain Allah kecuali hanya (menyembah) nama-nama yang kamu dan nenek moyangmu membuat-buatnya; Allah tidak menurunkan suatu ketetapan tentang nama-nama itu. Keputusan itu hanyalah kepunyaan Allah; Dia telah memerintahkan agar kamu tidak menyembah selain-Nya; Itulah agama yang lurus, tetapi kebanyakan manusia tidak mengetahui.”

(Al-Quran, Yusuf 12: 40)

³⁷⁷Kisah ini diriwayat dalam hadis mengenai seorang lelaki yang memberi minuman kepada seekor anjing yang kehausan (Al-Zurqani, *Sharh al-Zurqani 'Ala al-Muwatta' al-Imam Malik*, kitab sifat Nabi SAW, bab himpunan mengenai makanan dan minuman, jil.4, bil. 1793, hlm. 412-413; Al-'Asqalani, *Fath al-Bari Sharh Sahih al-Bukhari*, kitab adab-adab, bab rahmat kepada manusia dan binatang, bil. 6009, jil. 10, hlm. 537; Al-Naysaburi, *Sahih Muslim*, kitab Salam, bab memberi minum dan makan kepada binatang yang diharamkan, bil. 2244, jil. 2, hlm. 1405 & *Sunan Abu Daud*, kitab al-jihad, bab melaksanakan perkara yang diperintahkan terhadap binatang-binatang, bil. 2550, jil. 3, hlm. 1105).

³⁷⁸Kisah ini diriwayat dalam hadis:

عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ عُمَرَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا، أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ:
"غَلَّبَتِ اثْرَاءُ فِي هَرَةٍ حَبَسَتْهَا حَتَّى مَاتَتْ بِحُوْنَاهُ فَدَخَلَتْ فِيهَا النَّارُ"

Maksud hadis:

“Abd Allah bin ‘Umar r.a. meriwayat bahawa Rasulullah SAW bersabda, “diazab seorang perempuan disebabkan seekor kucing yang dikurungnya sehingga mati kelaparan, lantas dia dimasukkan ke neraka.” (Al-'Asqalani, *Fath al-Bari Sharh Sahih al-Bukhari*, kitab memberi minum, bah kelebihan memberi minum air, bil.

³¹⁹ (al-Naysaburi, *Sahih Muslim*, kitab kebijakan, perhubungan dan adab-adab, bab haram menyiksa kucing dan bimatang-binatang yang tidak menyakiti, bil. 2242, jil. 3, hlm. 1604-1605), (Ibn Hanbal, *Musnud Ahmad*, bil. 9482, jil. 15, hlm. 290); *Sahih Ibn Hibban bi Tartib Ibn al-Balbun*, kitab kebijakan dan ihsan, fasil berkaitan kebijakan dan ihsan bil. 546, jil. 2, hlm. 305).

³²⁰ Al-'Iraqi, *Tokhrij Ahadith al-Ihya'*, bil. 3282. Menurutnya hadis ini tiada asalnya.

³²¹ Al-Baihaqi, *Shu'ab al-Iman*, bab bantu membantu pada kebaikan dan takwa, bil. 7659, jil. 6, hlm. 117.

³²² Mahabbah ialah cinta yang jujur, suci dan tanpa syarat kepada Allah. Pencapaian cinta ini mengubah seorang murid (yang menginginkan Allah) kepada seorang murid (yang diingini oleh Allah). Daripada Mahabbah ini berkembangnya ishq, iaitu kerinduan yang bergelora dan terus menerus kepada Allah SWT (Amatullah, 165).

³²³ (Al-Tabrani, *Mu'jam al-Awsat*, bab orang yang bernama 'Abd al-Rahman, bil. 4717, jil. 5, hlm. 76) dengan lafaz "sesungguhnya mereka sedang menantikan kemurkaanku" bukannya "sesungguhnya aku jadikan pada mereka kemurkaanku."

³²⁴ Al-Quran, al-An'am 6: 18.

³²⁵ Firman Allah SWT:

فَإِنْ يَقُولُ إِنِّي مُسْتَهْدَىٰ إِنْ كُلُّ عَلَىٰ بِكُوْنِي فَرَقِي وَرَزْقِي وَنَهْدَىٰ وَنَعْمَانِي وَنَعْلَمْيَةٌ أَنْ أَخْلَقَكُمْ إِنْ مَا أَنْهَاكُمْ عَنِّي
إِنْ أَرِيدُ إِلَّا لِأَصْلِحَّ مَا اسْتَطَعْتُ وَمَا تَرَكْتُ إِلَّا بِاللَّهِ عَلَيْهِ تَوْكِيدٌ وَإِنَّهُ أَنْتَ هُنْكُمْ

Maksud ayat:

Sy'auib berkata: "Wahai kaumku, bagaimana fikiranmu jika aku mempunyai bukti yang nyata dari Tuhan dan dianugerahi-Nya aku rezeki yang baik daripada-Nya; (patutkah aku menyalahi perintah-Nya?); dan aku tidak mahu menyalahi kamu (dengan mengerjakan) apa yang aku larang; aku tidak bermaksud kecuali (mendatangkan) pembaikan selama upayaku: dan tidak ada taufik bagiku melainkan dengan (pertolongan) Allah; hanya kepada Allah aku bertawakal dan hanya kepada-Nya-lah aku kembali."

(Al-Quran, Hud 11: 88).

³²⁶ Firman Allah SWT:

وَتَرِيدُ اللَّهُ الْأَذْبَارَ أَهْتَدِي أَهْدِي وَالْمُكَبَّلَاتُ الْمُكَبَّلَاتُ خَلَقَ عِبْدَ رِبَّكَ فَوَابَ إِلَىٰ خَلْقِ رَبِّهِ سَرِّدَانِي

Maksud ayat:

“Dan Allah akan menambah petunjuk kepada mereka yang telah mendapat petunjuk; dan amal-amal solih yang kekal itu lebih baik pahalanya di sisi Tuhanmu dan lebih baik kesudahannya.”

(Al-Quran, Maryam 19: 76)

³⁸⁶Rumah, kediaman atau tempat tinggal (Amatullah, hlm. 58).

³⁸⁷Mutlak atau tidak terbatas (Amatullah, hlm. 204).

³⁸⁸Terbatas.

³⁸⁹Firman Allah SWT:

فِيْ مَا يَسِّرَتْ لِنَا مِنْ أَبْرَاهِيمَ وَمِنْ دُخَلَهُ عَنْ مَا يَكُونُ
وَاللهُ عَلَى النَّاسِ حِجَّةٌ أَبْيَدَتْ مِنْ أَسْتَطْعَاعِ الْجَهَنَّمَ
وَمِنْ كُلِّ فَلَانَّ اللَّهُ تَعَالَى عَنِ الْعَلَمِينَ ﴿١٣﴾

Maksud ayat:

Padanya terdapat tanda-tanda yang nyata, (di antaranya) maqam Ibrahim; sesiapa memasukinya (Baitullah itu) amanlah dia; mengerjakan haji adalah kewajiban manusia terhadap Allah, iaitu (bagi) orang yang sanggup mengadakan perjalanan ke Baitullah; Sesiapa mengengkarinya, maka sesungguhnya Allah Maha Kaya (tidak memerlukan sesuatu) dari semesta alam.”

(Al-Quran, Ali 'Imran 3: 97)

³⁹⁰Firman Allah SWT:

وَذَكِّرْ فِيْ الْأُكْرَبِيْ تَضَعُّفُ الْمُؤْمِنِيْنَ ﴿٦٧﴾

Maksud ayat:

“Dan berilah peringatan, kerana sesungguhnya peringatan itu bermanfaat bagi orang-orang yang beriman.”

(Al-Quran, al-Dhariyat 51: 55)

³⁹¹Al-Quran, al-Nisa' 4: 64.

³⁹²Lihat nota kaki bil. 176.

³⁹³Firman Allah SWT:

هُوَ الَّذِي يُضْلِلُ عَلَيْكُمْ وَيُنَجِّيْكُمْ إِلَى النُّورِ وَمَكَانَ بِالْمُؤْمِنِيْنَ رَحِيْمًا ﴿٤٣﴾

Maksud ayat:

“Dialah yang memberi rahmat kepadamu dan malaikat-Nya, supaya Dia mengeluarkan kamu dari kegelapan kepada cahaya (yang terang). dan Dialah yang Maha Penyayang kepada orang-orang yang beriman”.

(Al-Quran, al-Ahzab 33: 43)

³⁸⁴Bait al-'Atiq ialah Ka'bah. Terdapat empat pendapat mengenai sebab Ka'bah dinamakan dengan Bait al-'Atiq, (i) disebabkan Allah SWT telah membebaskannya daripada kejahatan, (ii) al-'Atiq bermaksud yang qadim, (iii) ia tidak pernah dimiliki sama sekali, dan (iv) ia dibebas daripada tenggelam ketika berlaku banjir besar. (Abu al-'Abbas Ahmad bin 'Abd Allah bin Muhammad bin Abu Bakr Muhibb al-Din al-Tabari, *al-Qira Li Qasid Umm al-Qura*. Maktabah Mustafa al-Babai al-Halabi Wa Awladuh, Misir, 1948, hlm. 20).

³⁸⁵Firman Allah SWT:

فَلَا تَعْلَمُ كُلُّ أَخْدُوْحٍ حُمْرَةً أَعْنَبِينَ حَرَاءً بِمَا كَثُرَ أَبْعَسْلَنَ[ۚ]

Maksud ayat:

“Tiada seorangpun mengetahui berbagai nikmat penyejuk mata yang menanti mereka, iaitu nikmat yang indah dipandang sebagai balasan bagi mereka disebabkan apa yang mereka kerjakan.”

(Al-Quran, al-Sajadah 32: 17)

³⁸⁶Firman Allah SWT:

وَلَكُلُّ آتَيْنَا نَصْرَانِيْنَ وَذَلِكَ لِأَكْعَلُنَّ[ۚ]

Maksud ayat:

“Dan perumpamaan-perumpamaan ini kami buat untuk manusia; dan tiada yang memahaminya kecuali orang yang berilmu.”

(Al-Quran, al-Ankabut 29: 43)

³⁸⁷Firman Allah SWT:

وَلَكُلُّ ذَرْخَتْ بِمَا عَمِلُوا وَمَا رَلَكَ بِغَفَلَةٍ عَمَّا يَعْمَلُونَ[ۚ]

Maksud ayat:

“Dan masing-masing memperoleh darjat-darjat (yang sesuai) dengan apa yang dikerjakannya; dan Tuhanmu tidak lengah dari apa yang mereka kerjakan.”

(Al-Quran, al-An'am 6: 132)

³⁸⁸Orang yang melalui jalan kerohanian (Amatullah, hlm. 252).

³⁸⁹Kisah ini dinyata dalam hadis dengan lafaznya yang tersendiri (Al-'Asqalani, *Fath al-Bari Sharh Sahih al-Bukhari*, kitab hadis para Nabi, bab hadis tentang gua, bil. 3470, jil. 6 (bhg. 2), hlm. 635).

⁴⁰⁰Firman Allah SWT:

إِنَّ الْقُرْنَةَ عَلَى اللَّهِ بِالْمُدْرَكِ تَعْلَمُونَ الْأَشْوَرَةَ وَهُنَّ لَهُمْ بِنُورٍ وَكَمْ مِنْ قَلْوَلَيْكُمْ لَمْ يُرَأَ أَقْدَمَ عَلَيْهِ وَكَمْ مِنْ أَنْفُسَ[ۚ]

Maksud ayat:

“Sesungguhnya taubat di sisi Allah hanyalah taubat bagi orang yang mengerjakan kejahatan lartaran kejihilan, yang kemudian mereka bertaubat dengan segera; maka mereka itulah yang diterima Allah taubatnya; dan Allah Maha Mengetahui lagi Maha Bijaksana.”

(Al-Quran, al-Nisa' 4: 17)

⁴⁰¹Firman Allah SWT:

وَرَبِّهِ أَنْتَ أَنْتَ رَاهِنْدَعْ وَكَيْلَيْتَ أَمْلَيْكَتْ خَيْرُ عِنْدَ رَاهِنْدَعْ وَخَيْرُ مَرْدَعْ

Maksud ayat:

“Dan Allah akan menambah petunjuk kepada mereka yang telah mendapat petunjuk; dan amal-amal solih yang kekal itu lebih baik pahalanya di sisi Tuhanmu dan lebih baik kesiduhannya.”

(Al-Quran, Maryam 19: 76)

⁴⁰²Terdapat beberapa ayat al-Quran yang membawa maksud tersebut. Antaranya firman Allah SWT:

إِنَّمَا أَنْتَ رَاهِنْدَعْ إِذَا أَرَادَ شَيْئًا أَنْ يَقُولَ لَهُ كُنْ فَيَكُونُ

Maksud ayat:

“Sesungguhnya urusan-Nya apabila Dia menghendaki sesuatu hanyalah dengan berkata kepadanya, “Jadilah!” maka terjadilah ia”.

(Al-Quran, Ya Sin 36: 82)

Ayat-ayat lain yang berkaitan sila rujuk surah-surah berikut. (al-Quran, al-Baqarah 2: 117, Ali 'Imran 3: 47, al-An'am 6: 73, al-Nahl 16: 40, Maryam 19: 35, & al-Ghafir 40: 68).

⁴⁰³Rumah, kediaman atau tempat tinggal (Amatullah, hlm. 58).

⁴⁰⁴Terdapat beberapa riwayat hadis yang membawa pengertian yang sama, iaitu (Al-'Asqalani, *Fath al-Bari Sharh Sahih al-Bukhari*, kitab kelembutan (al-Riqaq), bab memelihara lidah, bil. 6478, jil. 11, hlm. 373), (Al-Mubarakfuri, *Tuhfah al-ahwadhi bi Sharh Jami' al-Tirmidhi*, bab-bab zuhud Rasulullah SAW, bab mengenai percakapan yang sedikit, bil. 2421, jil. 6, hlm. 501), (*Sunan Ibn Majah*, kitab fitnah-fitnah, bab menahan lidah daripada fitnah, bil. 3969, jil. 3, hlm. 404), (Ibn Hanbal, *Musnad Ahmad*, Dar al-hadith, bil. 8392, jil. 8, hlm. 304), (al-Mustadrlik 'ala al-Sahihain, al-Hakim, kitab iman, bil. 137, jil. 1, hlm. 106), (*Sahih Ibn Hibban*, kitab kebijakan dan ihsan, bab benar serta suruhan terhadap kebaikan dan tegahan terhadap kemungkaran, bil. 280, jil. 1, hlm. 514), (Al-Tabrani, *al-Mirjam al-Kabir*, bil. 1129, jil. 1, hlm. 367), (Al-Baihaqi, *Shurab al-Iman*, bab memelihara lidah, fasil mengenai diam daripada perkara yang tiada urusan, bil. 4955, jil. 4, hlm. 246).

⁴⁰⁶ Beliau ialah Bilal bin al-Harith al-Muzni, Abu 'Abd al-Rahman, seorang sahabat Rasulullah SAW yang berasal daripada penduduk kampung di Madinah. Beliau memeluk Islam pada tahun kelima Hijrah. Beliau meninggal dunia semasa pemerintahan Mu'awiyah pada tahun 60H./680M. (Al-Zirikli, jil. 2, hlm. 72).

⁴⁰⁷ Beliau ialah Muhammad bin 'Isa bin Surah bin Musa al-Sa'ma al-Tirmidhi. Abu 'Isa, adalah ulama besar dalam hadis. Lahir pada 209H./824M. di Tirmidh. Beliau mula belajar di al-Bukhara, kemudian pergi ke Khurasan, Iraq dan Hijaz. Beliau menjadi buta di akhir hayatnya dan meninggal dunia di Tirmidh pada 279H./892M. Antara kitab beliau ialah *al-Jami' al-Kabir*, *Sahih al-Tirmidhi*, *al-Shama'il al-Muhammadiyyah*, *al-Tarikh* dan *al-Ilal* (Al-Zirikli, jil. 6, hlm. 322).

⁴⁰⁸ Beliau ialah Ahmad bin 'Ali bin Shu'ayb bin 'Ali bin Sinan bin Bahr bin Dinar, Abu 'Abd al-Rahman al-Nasa'i. Berasal dari Nasa, Khurasan dan dilahirkan pada 215H./830M. Beliau telah mengembara ke beberapa negeri dan kemudian menetap di Mesir. Namun beliau kemudian berpindah ke Ramlah, Palestin dan meninggal di sana pada 303H./915M. terdapat pendapat yang menyatakan beliau meninggal dunia semasa dalam perjalanan untuk menuju haji. Di antara kitab beliau ialah *al-Sunan al-Kubra*, *al-Du'a'a'* Wa al-Matrakun, *Khasa'is 'Al'*, *Musnad 'Ali* dan *Musnad Malik*. (al-Zirikli, jil. 1, hlm. 171).

⁴⁰⁹ Beliau ialah Muhammad bin Yazid al-Rubi' al-Qazwini, Abu 'Abd Allah, Ibn Majah. Adalah salah seorang ulama besar dalam hadis. Lahir pada 209H./824M. di Qazwin. Kemudian beliau pergi ke Basrah, Baghdah, Sham, Mesir, Hijaz dan al-Rayy untuk mempelajari dan mengumpul hadis. Beliau meninggal dunia pada 273H./887M. Antara kitabnya ialah *Sunan Ibn Majah*, *Tafsir al-Qur'an* dan *Tarikh Qazwin* (Al-Zirikli, jil. 7, hlm. 144).

⁴¹⁰ Firman Allah SWT:

إِنَّمَا الْمُرْسَلُونَ كُفُّوءُ الْأَعْصَمِ إِذَا دُرِجُوا فِي السَّمَاءِ إِذَا هُنَّ مُحْكَمُونَ إِذَا أُتْهَى إِلَيْهِمْ أَنْتَرَيْنَ لِمَنْ يُخْلِقُ وَمَنْ يُنْتَكِنُ فَلَمْ يَنْتَكِنْ
إِنَّمَا يَعْلَمُ مَا يَعْلَمُ اللَّهُ أَكْبَرُ عَلَى هُنَّهُمْ وَمَا يَنْسِمُ أَنْتَرَيْنَ

Maksud ayat:

Wahai orang yang beriman! Jadilah kamu penolong (agama) Allah sebagaimana Isa ibn Maryam telah berkata kepada pengikut-pengikutnya yang setia, "Siapakah yang akan menjadi penolong-penolongku (untuk menegakkan agama) Allah?" Pengikut-pengikut yang setia itu berkata, "Kamilah penolong-penolong agama Allah" lalu segolongan dari Bani Israil beriman dan segolongan lain kafir; maka kami berikan kekuatan kepada orang yang beriman terhadap musuh-musuh mereka, lalu mereka menjadi orang yang menang.".

(Al-Quran, al-Saff 61: 14)

⁴¹¹ Firman Allah SWT:

كُلُّ أُولَئِكُمُ الظَّاهِرُونَ لَا يَعْلَمُونَ الْأَخْفَرُونَ إِنَّمَا يَعْلَمُ مَا يَنْزَلُ إِلَيْهِ وَمَا يَنْزَلُ إِلَيْهِ لَا يَعْلَمُ مَا يَنْزَلُ

Maksud ayat:

“Katakan, sekiranya lautan menjadi tinta untuk (menulis) kalimat-kalimat Tuhanmu, pasti habislah lautan itu sebelum selesai (ditulis) kalimat-kalimat Tuhanmu, meskipun kami datangkan tambahan sebanyak itu (pula).”

(Al-Quran, al-Kahfi 18: 109)

⁴⁰Firman Allah SWT:

وَتُوبُوا إِلَيَّ أَكْثَرُهُمْ مُنَوْكَرٌ لَّهُمْ نَذِيرٌ ﴿٣١﴾

Maksud ayat:

“...dan bertaubatlah kamu sekalian kepada Allah, Hai orang yang beriman supaya kamu beroleh kejayaan”.

(Al-Quran, al-Nur 24: 31)

⁴¹Firman Allah SWT:

وَذَكِّرْ فَإِنَّ الْأَكْثَرَ نَفْعُ الْمُؤْمِنِينَ ﴿٥٥﴾

Maksud ayat:

“Dan tetaplah memberi peringatan, kerana sesungguhnya peringatan itu bermanfaat bagi orang yang beriman.”

(Al-Quran, al-Dhariyat 51: 55)

⁴²Firman Allah SWT:

أَعْلَمُ مَا أُوحِيَ إِلَيْنَا الْكِتَابُ وَإِنَّ الْمُلْكَ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ إِنَّ اللَّهَ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ ﴿٤٥﴾

Maksud ayat:

“Bacalah apa yang telah diwahyukan kepadamu, ia:tu al-Kitab (al-Quran); dan dirikan solat; sesungguhnya solat itu mencegah dari perkara keji dan mungkar; dan sesungguhnya mengingat Allah adalah lebih besar (keutamaannya dari ibadat-ibadat yang lain); dan Allah mengetahui apa yang kamu kerjakan” (al-Qur'an, al-Ankabut 29 : 45).

⁴³Orang yang melalui jalan kerohanian. Mereka adalah orang-orang yang sedang berusaha bersungguh-sungguh untuk mencapai darjat *ahli'l-Lah* (Amatullah, hlm. 296).

⁴⁴*Idrak* bererti pengetahuan sesuatu secara sempurna. Ia adalah suatu gambaran (persepsi) yang terhasil oleh jiwa yang hidup dan adalah hakikat sesuatu. Sekiranya gambaran itu tanpa ketetapan (ithbat) atau penafian (nafy), ia dinamakan *tasawwur* dan jika gambaran dikuti dengan salah satu daripada kedua-duanya, ia dinamakan *tosdiq*. Allah adalah cahaya langit dan bumi. Melalui cahaya Allah inilah segala persepsi terjadi (Ali bin Muhammad al-Sayyid al-Sharif al-Jurjani, *Kitab al-Tarifat*. Dar al-Rashad, Qahirah, t.th. hlm. 25) (Amatullah, hlm. 108).

⁴¹⁶ Abu Hurairah r.a. meriwayat bahawa sesungguhnya Rasulullah SAW bersabda, "Sesungguhnya apabila bani Israil mandi mereka mauli dalam keadaan telanjang, sedangkan Nabi Allah Musa a.s. merasa malu dan mencari tempat terlindung, lalu dia berlindung apabila mandi. bani Israil telah menyakitinya dengan auratnya. Pada suatu hari apabila Nabi Allah Musa a.s. mandi, dia telah meletakkan pakaianya pada sebuah batu, tiba-tiba batu itu bergerak dengan pakaiannya. Nabi Musa mengejar batu itu dan memukulnya dengan tongkatnya lalu berkata, "Pakaianku wahai batu, pakaianku wahai batu" sehingga sampai ke sekumpulan pembesar bani Israil dan berada di tengah-tengah mereka. Lalu Nabi Allah Musa AS mengambil pakaiannya. Mereka telah melihatnya dalam keadaan sebaik-baik kejadian manusia dan seelok-clok rupa paras. Maka Bani Israil berkata, "Pendusta-pendusta bani Isreal". Ini adalah pembersihan Allah SWT terhadapnya (Ibn Hanbal, *Musnad Ahmad*, no. hadith 9091, jil. 15, hlm. 44-45).

⁴¹⁷ Beliau ialah 'Abd al-Rahman bin Muhammad Abi Hatim bin Idris bin al-Mundhir al-Tamimi al-Hanzali al-Razi, Abu Muhammad. Lahir pada 240H/854M. dan meninggal dunia pada 327H/938M. Beliau adalah seorang penghafaz hadis dan ulama' besar dalam bidang ini. Antara karya beliau ialah *al-Jarh wa al-Taqid*, *al-Tafsir*, *al-Ra'iid 'Ala al-Jahamiyah*, *Ihal al-Hadith*, *al-Marasil* dan *Adab al-Shafi'i wa Manaqibuh* (Al-Zirikli, jil. 3, hlm 324).

⁴¹⁸ Beliau ialah Ahmad bin 'Abd Allah bin Ahmad bin Ishaq bin Musa bin Maхран al-Maхранi al-Asfahani, Abu Nu'aim. Beliau berasal daripada keturunan Parsi dan dilahirkan di Asfahan pada Rejab tahun 336H. Beliau telah mengembara ke Baghdad, Mekah, Basrah, Kufah dan Naysabur untuk mendalami ilmu lalu berjaya menguasai pelbagai disiplin ilmu Islam. Lantaran itu, para ulama menyifatkan beliau sebagai ahli sufi yang agung dan ahli hadis yang masyhur di samping sebagai ahli sejarah, mufassir dan ahli secah. Beliau meninggal dunia pada 20 Muharram tahun 430H. ketika berusia 94 tahun. Antara kitabnya ialah *Tarikh Asfahan*, *Hilyah al-Awliya' Wa Tabaqat al-Asfiya*, *Dala'il al-Nubuwwah*, *Tabaqat al-Muhaddithin Wa al-Ruwat*, *Atrāf al-Sahihayn*, *Mu'jam al-Sahabah* dan *Mārifah al-Sahabah* (Mustafa 'Abd al-Qadir 'Ata, Muqaddimah tahqiq, dlm. *Hilyah al-Awliya' Wa Tabaqat al-Asfiya*. Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, Bayrut. Cet. 1, 1997).

⁴¹⁹ Kitab yang dimaksud ialah *Hilyah al-Awliya' Wa Tabaqat al-Asfiya*, karangan Abu Nu'aim al-Asfahani (Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, Bayrut. Cet. 1, 1997)

⁴²⁰ Ibn Nu'aim menyatakan bahawa ia adalah *gharib*. Ibn Kathir pula dalam tafsirnya mengenai ayat 143, surah al-Araf menukil hadis ini daripada Ibn Abi Hatim dan menyatakan bahawa hadis ini adalah *gharib* bahkan *munkar* (Abu Nu'aim al-Asfahani, *Hilyah al-Awliya' Wa Tabaqat al-Asfiya*. Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, Bayrut. Cet. 1, 1997, jil. 6, hlm. 343 & Ibn Kathir, jil. 2, hlm. 235).

⁴²¹Firman Allah SWT:

إِنْ كُلُّ مَنْ فِي السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ إِلَّا هُنَّ عِبْدٌ لِّيٌ

Maksud ayat:

"Tidak ada seorang pun di langit dan di bumi, kecuali dia akan datang kepada Tuhan yang Maha Pemurah selaku seorang hamba."

(Al-Quran, Maryam 19: 93)

⁴²²Beliau ialah Ahmad bin Musa bin Marduyah al-Asbahani. Adalah seorang penghafaz hadis, ahli sejarah dan ahli tafsir. Lahir pada 323H./935M dan meninggal dunia pada 410H./1019M. beliau meninggalkan karya dalam tarikh, tafsir al-Quran serta musnad dan mustakhrij dalam hadis.

(Al-Zirkli, jil. 1, hlm. 261)

⁴²³Firman Allah SWT:

وَلَمَّا جَاءَهُ رَبُّهُ مُبَشِّرًا وَلَمَّا رَأَهُ رَبُّهُ قَالَ رَبِّي أَنِّي أَخْرَجْتُكَ فَقَالَ لَهُ نَبِيُّهُ وَلَكِي أَخْرَجْتَنِي أَحْسَنَ إِلَيْكَ مَا تَعْلَمَتْ مِنْ حِكْمَةٍ فَأَنْتَ مُنْزَهٌ فَلَمَّا كُلِّمَهُ حَفَّةٌ دَعَاهُ وَقَالَ لَهُ مُوسَى صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَا مُحَمَّدُ كُلِّي أَخْرَجْتَنِي أَنْتَ مُنْزَهٌ فَلَمَّا كُلِّمَهُ حَفَّةٌ دَعَاهُ وَقَالَ لَهُ مُوسَى صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَا مُحَمَّدُ كُلِّي أَخْرَجْتَنِي أَنْتَ مُنْزَهٌ

Maksud ayat:

Dan tatkala Musa datang untuk (munajat dengan Kami) pada waktu yang telah Kami tetukan dan Tuhan telah berlirman (langsung) kepadanya, berkatalah Musa, "Ya Tuhanku, nampakkanlah (diri Engkau) kepadaku agar aku dapat melihat-Mu." Tuhan bersiferman: "Kamu sekali-kali tidak sanggup melihat-Ku, tapi lihatlah ke bukit itu, maka jika ia tetap di tempatnya (sebagai sediakala) nescaya kamu dapat melihat-Ku," tatkala Tuhannya menampakkan diri kepada gunung itu, dijadikannya gunung itu hancur luluh lalu Musa pun jatuh pengsan; maka setelah Musa sedar kembali, dia berkata, "Maha Suci Engkau, aku bertaubat kepada-Mu dan aku orang yang mula-mula beriman."

(Al-Quran, al-A'raf 7: 143)

⁴²⁴Dalam riwayat Ahmad hadis ini diriwayat daripada Anas bin Malik r.a. bahawa Rasulullah SAW berkata, "Beginilah", iaitu Baginda SAW mengeluarkan hujung jari kelingkingnya. (Ibn Hanbal, *Musnad Ahmad*, bil. 11812, jil. 19, hlm. 281).

⁴²⁵Firman Allah SWT:

وَلَمَّا جَاءَهُ رَبُّهُ مُبَشِّرًا وَلَمَّا رَأَهُ رَبُّهُ قَالَ رَبِّي أَخْرَجْتَكَ فَلَمَّا كُلِّمَهُ نَبِيُّهُ وَلَكِي أَخْرَجْتَنِي أَحْسَنَ إِلَيْكَ مَا تَعْلَمَتْ مِنْ حِكْمَةٍ فَلَمَّا كُلِّمَهُ حَفَّةٌ دَعَاهُ وَقَالَ لَهُ مُوسَى صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَا مُحَمَّدُ كُلِّي أَخْرَجْتَنِي أَنْتَ مُنْزَهٌ فَلَمَّا كُلِّمَهُ حَفَّةٌ دَعَاهُ وَقَالَ لَهُ مُوسَى صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَا مُحَمَّدُ كُلِّي أَخْرَجْتَنِي أَنْتَ مُنْزَهٌ

Maksud ayat:

"Kemudian setelah itu hatimu menjadi keras seperti batu, bahkan ia lebih keras lagi; padahal di antara batu-batu itu ada yang mengalir sungai-sungai daripadanya dan diantaranya ada yang terbelah lalu keluarlah mata air daripadanya; dan di antaranya yang meluncur jatuh kerana takut kepada Allah; dan Allah sekali-sekali tidak lengah dari apa yang kamu kerjakan."

(Al-Quran, al-Baqarah 2: 74).

⁴²⁶Firman Allah SWT:

أَنَّهُ لِوَالْكَوْبَرِ— وَالْأَذْنَى مَلَكُ الْمُرْبَرِ، كَمْ كَثُرَتِ الْمَنَاجَةُ أَمْ حَسَابُهُ فَرَسَّهُ أَزْرَقَهُ جَنَاحُهُ كَمْ كَثُرَتِ الْمُنَفَّدُونُ شَفَرَزَهُ بَيْنَهُ كَمْ كَثُرَتِ الْمُنَجَّدُونُ
مُنَجَّدُونَ طَرِيقَهُ كَانَتْ بَعْدَهُ، إِذَا لَمْ يَنْتَهِ مَوْرِعُهُ خَرَجَتِهُ لَهُ الْمُرْبَرِ، فَإِنَّهُ لَمْ يَقْرَبْ أَنَّهُ لَمْ يَلْمِزْ لَهُ اسْتِهْلَكَهُ، فَمَنْ عَلَمَهُ

Maksud ayat:

